



Penyata Rasmi

**PERSIDANGAN DEWAN
NEGERI JOHOR**

**MESYUARAT KETIGA
(BAJET 2017)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

Pada
17 NOVEMBER HINGGA 27 NOVEMBER 2016

Disediakan oleh
**PEJABAT DEWAN NEGERI
JOHOR DARUL TA'ZIM**

Dengan Ingatan Tulus Ikhlas

Daripada

*Jurutulis Dewan Negeri
Johor Darul Ta'zim*

**MESYUARAT KETIGA (BAJET 2017)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

SENARAI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
------	---------	------------

HARI PERTAMA, KHAMIS, 17 NOVEMBER 2016

1.	Kehadiran.	1
2.	Doa.	6
3.	Pemasyhuran Daripada YB Speaker	6
4.	Pembentangan Kertas-Kertas Mesyuarat	6
5.	Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2017) Tahun 2016	8
6.	Penangguhan.	48

HARI KEDUA, AHAD, 20 NOVEMBER 2016

1.	Kehadiran.	49
2.	Doa.	54
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor.	54
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	54
5.	Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2017) Tahun 2016.	69
6.	Penangguhan.	124

HARI KETIGA, ISNIN, 21 NOVEMBER 2016

1.	Kehadiran.	125
2.	Doa.	130
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor.	130
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	130

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2017) Tahun 2016.	149
6.	Penangguhan.	192

HARI KEEMPAT, SELASA, 22 NOVEMBER 2016

1.	Kehadiran.	193
2.	Doa.	198
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor.	198
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	198
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2017) Tahun 2016.	217
6.	Penangguhan.	271

HARI KELIMA, RABU, 23 NOVEMBER 2016

1.	Kehadiran.	272
2.	Doa.	277
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor.	277
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	277
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2017) Tahun 2016.	294
6.	Penangguhan.	349

HARI KEENAM, KHAMIS, 24 NOVEMBER 2016

1.	Kehadiran.	349
2.	Doa.	354
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor.	354
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	354

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
5.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2017) Tahun 2016.	371
6.	Penangguhan.	441

HARI KETUJUH, AHAD, 27 NOVEMBER 2016

1.	Kehadiran.	442
2.	Doa.	447
3.	Pemasyhuran Daripada Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor.	447
4.	Soalan-Soalan Lisan dan Jawapan.	447
5.	Soalan-Soalan Bertulis dan Jawapan.	462
6.	Sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2017) Tahun 2016.	462
7.	Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2017	493
8.	Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan (No.3) Tahun 2016	498
9.	Penangguhan.	503
10.	Pegawai-Pegawai Bertugas.	504

~~~~~ Dewan Negeri Johor ~~~~~

HARI PERTAMA  
HARI KHAMIS,  
17 NOVEMBER 2016

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT KETIGA (BAJET 2017)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

**HARI PERTAMA**

**KHAMIS, 17 NOVEMBER 2016**

**BIL. 13 TAHUN 13**

**HADIR**

YB Speaker,  
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan  
Perancangan Negeri, Johor,  
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., SMIJ., DSPN., PIS.  
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan  
Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor,  
Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PJN., KMN., PSI.  
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat Negeri, Johor,  
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.  
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan  
Kepenggunaan Negeri, Johor,  
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI.  
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemaajuan Luar Bandar  
dan Wilayah Negeri, Johor,  
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.  
Encik Vidyantathan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.  
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.  
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.  
Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM., DSM., PSI.  
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.  
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.  
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan  
dan Warisan Negeri, Johor.  
Dato' Haji Zukurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.  
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.  
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.  
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.  
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.  
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon  
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.  
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,  
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PJN.  
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain  
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.  
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim  
(Tenang)



YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.  
(Machap)

YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.  
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun  
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.  
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar  
(Nusajaya)

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim  
(Buluh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat  
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.  
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh  
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh  
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.  
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat, DPSM.,  
KMN.  
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminalhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon  
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin  
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh  
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim  
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)

YB Dr. Boa Cheng Hau  
(Skudal)

YB Encik Tan Hong Pin  
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan  
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng  
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong  
(Pekan Nenas)

YB Cik Liew Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi  
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How  
(Pengkalan Rinting)

**TURUT HADIR**

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN  
NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.

**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.**

**YB Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Bacaan selawat). Salam sejahtera, selamat dan salam muafakat Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada pagi ini, kita akan menyambung Mesyuarat Ketiga Bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas.

Persidangan kali ini akan mengambil masa selama 7 hari mulai hari ini sehingga 27 November 2016.

Sebelum kita meneruskan persidangan, Dewan Negeri merakamkan rasa dukacita dan ucapan takziah kepada keluarga mangsa yang meninggal dunia dalam insiden kebakaran di Wad Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Sultanah Aminah pada 25 Oktober yang lalu. Sehubungan itu, bagi yang beragama Islam marilah kita membacakan Al-Fatihah dan yang bukan Islam berdiri bertafakur. Al-Fatihah.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada hari ini kita akan mendengar ucapan Bajet Negeri Tahun 2017 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Selama tiga tahun ini, kita sama-sama telah mendengar dengan tekun dan teliti setiap butir-butir pembentangan bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kita sama-sama juga merasai nikmat pembangunan dan kemakmuran negeri. Jika bagi Bajet 2014, mensasarkan matlamat Muafakat Pembangunan dan Pengagihan, Bajet 2015 memberi penekanan terhadap Membangunkan Johor Secara Inklusif dan bagi Bajet 2016 terus memberi keutamaan kepada kesejahteraan rakyat dengan tema Inklusif, Lestari dan Sejahtera untuk Johor. Maka, sudah tentu bagi bajet kali ini sesuatu yang ditunggu-tunggu oleh rakyat Johor. Dan, menjadi harapan agar kesaksamaan pengagihan pembangunan dapat terus dirasai setiap lapisan masyarakat.

Untuk makluman juga, pembentangan Bajet 2017 boleh didengar secara langsung menerusi saluran radio Johor FM101.9 dan Best FM104.1. Pembentangan bajet ini juga boleh ditonton secara *online streaming* di laman *facebook* Dato' Seri Haji Mohamed Khaled Nordin.

**Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 19 hingga 21 Tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 19 Tahun 2016 - Anggaran Perbelanjaan Tambahan Ketiga Tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 20 Tahun 2016 - Laporan Jawatankuasa Bajet Negeri Mengenai Peranggaran Negeri Johor Tahun 2017.

Kertas Mesyuarat Bilangan 21 Tahun 2016 - Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2017.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 22 dan 23 Tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 22 Tahun 2016 - Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 Perbadanan Perpustakaan Awam Johor.

Kertas Mesyuarat Bilangan 23 Tahun 2016 - Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 Yayasan Pelajaran Johor.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 24 hingga 36 Tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 24 Tahun 2016 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 Majlis Perbandaran Muar.

Kertas Mesyuarat Bilangan 25 Tahun 2016 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 Majlis Perbandaran Batu Pahat.

Kertas Mesyuarat Bilangan 26 Tahun 2016 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 Majlis Perbandaran Kluang.

Kertas Mesyuarat Bilangan 27 Tahun 2016 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah.

Kertas Mesyuarat Bilangan 28 Tahun 2016 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 Majlis Perbandaran Kulai.

Kertas Mesyuarat Bilangan 29 Tahun 2016 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

Kertas Mesyuarat Bilangan 30 Tahun 2016 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 Majlis Daerah Tangkak.

Kertas Mesyuarat Bilangan 31 Tahun 2016 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 Majlis Daerah Yong Peng.

Kertas Mesyuarat Bilangan 32 Tahun 2016 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 Majlis Daerah Simpang Renggam.

Kertas Mesyuarat Bilangan 33 Tahun 2016 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 Majlis Daerah Segamat.

Kertas Mesyuarat Bilangan 34 Tahun 2016 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 Majlis Daerah Pontian.

Kertas Mesyuarat Bilangan 35 Tahun 2016 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 Majlis Daerah Kota Tinggi.

Kertas Mesyuarat Bilangan 36 Tahun 2016 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 Majlis Daerah Mersing.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 37 dan 38 Tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 37 Tahun 2016 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2013 Yayasan Warisan Negeri.

Kertas Mesyuarat Bilangan 38 Tahun 2016 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 Perbadanan Stadium Johor.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 39 Tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 39 Tahun 2016 - Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 Tabung Pembangunan Masjid Dan Amal Jariah Johor.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 40 Tahun 2016.

Kertas Mesyuarat Bilangan 40 Tahun 2016 - Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor kepada Dewan Negeri Johor Berhubung Dengan Laporan Ketua Audit Negara Mengendi Kira-Kira Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 2013.

**Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2017) TAHUN 2016.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan menurut Peraturan Tetap 15(3) supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2017) Tahun 2016 dikemukakan sekarang tanpa mengikut Susunan Perkara-Perkara Mesyuarat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2017) Tahun 2016 dikemukakan sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rundingan itu dipersetujukan.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan (2017) Tahun 2016 dibaca kali yang pertama.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

**Jurutulis :** Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang disatukan untuk perkhidmatan tahun 2017 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mohon Izin Dewan yang mulia ini, untuk membentangkan rancangan dan peruntukan perbelanjaan kerajaan bagi pengurusan dan pembangunan negeri Johor untuk tahun 2017 atau ringkasnya Bajet Negeri Johor 2017.

#### **MEMBANGUN KEMAKMURAN MATERIAL, MEWUJUD KESEJAHTERAAN SOSIAL, MEMPERKASA POTENSI INSAN**

Bajet 2017 dirangka sebagai sebahagian usaha menjayakan Gagasan Johor Berkemajuan. Gagasan yang matlamat akhirnya adalah melahirkan masyarakat terbaik dan bukan sekadar negeri maju. Ia dirangka secara teliti agar cakupannya seimbang, komprehensif dan inklusif. Pastinya ini adalah kesinambungan kepada pelbagai ikhtiar program dan agenda yang telah kita perkenalkan sejak 3 tahun yang lepas. Bajet ini dicadangkan hasil pemikiran yang serius pelbagai pihak yang digembleng dalam setiap pertimbangan inisiatif yang dicadangkan. Semua cadangan perbelanjaan yang dikemukakan adalah dalam kemampuan kewangan kerajaan negeri. Ini bermakna ia secara realistiknya telah dirangka dengan mengambil kira kemampuan sebenar kerajaan. Kerajaan negeri Johor mengambil pendirian disiplin fiskal yang tegas dan berhemah amat perlu dalam menguruskan ekonomi Johor yang berjaya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bajet 2017 ini mempunyai 3 misi tersendiri yang menjadi teras penggubalan.

#### **Pertama : Mewujudkan Kemakmuran Material.**

Sebuah masyarakat terbaik dan ekonomi yang berjaya hanya akan terhasil melalui usaha gigih mewujudkan kemakmuran material. Ini bermakna, ekonomi mesti bertumbuh dengan pesat, lestari, inklusif dan pintar. Hasilnya, ribuan peluang pekerjaan akan dimanfaatkan untuk rakyat tempatan. Melalui pekerjaan, kemiskinan dapat dibanteras, kesenjangan dapat dikurangkan, mobiliti sosial menjadi bertambah baik dan pendapatan isi rumah dapat dipertingkatkan. Insya-Allah dengan terhasilnya semua ini, rakyat akan menikmati kemakmuran material. Ia akan membolehkan mereka mempunyai kemampuan untuk memiliki harta, mempunyai simpanan hari tua, meluangkan masa bercuti dengan keluarga dan melabur bagi pendidikan anak-anak.

## **Kedua : Kesejahteraan Sosial.**

Matlamat kedua ialah bajet ini mesti boleh mensejahterakan rakyat. Fokus kita ialah menangani kesenjangan dan kos sara hidup serta mewujudkan prasarana awam terbaik untuk kebaikan umum. Prestasi kita yang memuncak melangit tidak akan bermakna jika kualiti hidup merudum membumi. Rakyat mahu kehidupan yang baik, selesa, bermutu dan berruah. Sekolah mesti berfungsi, kehidupan asas, air, elektrik dan jalur lebar mesti universal. Kemudahan kesihatan harus dalam kelas termaju, alam sekitar mesti dipelihara, sistem sosial kita mesti berfungsi, agar yang miskin dibantu dan yang memerlukan diupayakan. Kesejahteraan sosial adalah sangat kritikal untuk kewujudan masyarakat terbaik. Justeru, kerajaan negeri dalam Bajet 2017 ini telah mempelbagaikan pembangunan prasarana awam dan instrumen pembangunan sosial dengan dua tujuan. Pertama, untuk memastikan kesejahteraan masyarakat dapat dimaksimumkan.

Kedua, memperkenalkan pendekatan inovatif dalam pembangunan sosial dan prasarana awam. Pendekatan inovatif ini perlu untuk merapatkan kesenjangan dalam masyarakat, meningkatkan kualiti kehidupan dan persekitaran serta menambah baik kecekapan perkhidmatan seperti pengangkutan awam, kesihatan dan pendidikan.

## **Keliga : Keperkaasan Insan.**

Cita-cita membentuk masyarakat terbaik mestilah menjurus kepada ikhtiar berterusan dalam membangunkan bakat, potensi dan kemandirian setiap rakyat Johor melalui pendidikan dan kemahiran terbaik. Setiap anak-anak di Johor walau dari keluarga paling miskin mesti mendapat pendidikan bermutu. Setiap pemuda dan pemudi biar dari keluarga paling bermasalah, mesti dibukakan jalan untuk mencipta masa hadapan. Malah setiap pekerja, setiap gadis dan wanita, setiap orang berkelainan upaya, orang asli dan mereka yang pernah gagal, wajar dibongkar potensi dan kemahiran mereka.

Justeru, usaha besar-besaran untuk membangun dan melatih bakat dan kemahiran Johor dalam pelbagai bidang dan disiplin adalah kemestian, bukan pilihan. Tuntasnya, ketiga-tiga teras ini akan menjadi selangka dan belikat yang mendasari segala inisiatif dalam bajet ini agar 2017 menjadi tahun yang lebih baik dan berjaya bagi negeri Johor.

## **PENCAPAIAN SEMASA EKONOMI JOHOR.**

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum saya menyenaraikan satu-persatu cadangan inisiatif Bajet Negeri Johor 2017, saya ingin memanfaatkan kesempatan ini untuk merumuskan dan membentangkan secara ringkas pencapaian dan prestasi ekonomi serta kedudukan kewangan Negeri Johor bagi tahun 2016. Sepanjang tahun 2016, Johor menyaksikan pertumbuhan ekonomi yang baik, dengan beberapa rekod cemerlang dalam pelbagai unjuran dan petunjuk.

### **Pertama : Ekonomi Yang Disokong Kukuh oleh Pelbagai Sektor.**

Ekonomi Johor digerakkan oleh kekuatan pelbagai sektor dan tidak terlalu tertumpu kepada hanya kepada satu sektor pendorong. Johor adalah negeri ketiga terbesar



bagi semua sektor utama negara kecuali perlombongan. Sejak 2010 sehingga 2015 pertumbuhan ekonomi Johor melepasi kadar direkodkan untuk Malaysia setiap tahun dengan purata pada 5.9% berbanding 5.3% bagi Malaysia. Johor adalah pendorong pertumbuhan ketiga terpenting untuk Malaysia. Ia menyumbang 0.5 mata peratus kepada pertumbuhan ekonomi negara yang berada pada 5.0% bagi tahun 2015.

#### **Kedua : Johor Kekal Sebagai Pilihan Utama Pelabur Swasta.**

Untuk setengah tahun pertama 2016 Johor mencatat jumlah pelaburan tertinggi untuk sektor pembuatan iaitu RM5.4 bilion ataupun 27.6% pada jumlah keseluruhan pelaburan di Malaysia. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM5.2 bilion adalah dari pelaburan asing. Ini sekali gus menjadikan Johor negeri yang merekodkan pelaburan langsung asing terbanyak di Malaysia iaitu bersamaan 40.8% dari keseluruhan FDI dalam sektor pembuatan negara.

#### **Ketiga : Johor Adalah Antara Pusat Logistik Maritim Terpenting Di Rantau Ini.**

Johor satu-satunya negeri dengan 3 pelabuhan. Dua daripadanya bertaraf hab antarabangsa. Pelabuhan Tanjung Pelepas adalah pelabuhan kontena terunggul di Malaysia dan menduduki tangga ke-18 dunia. Manakala Pelabuhan Johor adalah terminal terbesar dunia bagi pengendalian minyak sawit dan dinobatkan sebagai pelabuhan keenam terpenting oleh London Metal Exchange untuk logam tidak ferus. Tanjung Langsat pula akan dijadikan hab petrokimia minyak dan gas yang di proses di Kompleks Integrasi Petroleum Pengerang.

#### **Keempat : Peningkatan Isi Rumah Johor Dan Pengecilan Jurang Antara Bandar Dan Luar Bandar.**

Median pendapatan isi rumah Johor adalah sebanyak RM5,197.00 pada tahun 2014 iaitu lebih tinggi dari tahap nasional iaitu RM4,545.00. Lebih membanggakan pendapatan isi rumah di luar bandar di Johor adalah RM1,270.00 lebih tinggi dari kadar nasional iaitu RM4,393.00 berbanding hanya RM3,123.00 bagi Malaysia.

#### **Kelima : Kadar Kemiskinan Sifar.**

Berikutan penokokan pendapatan isi rumah kadar kemiskinan Johor telah menurun dengan ketara iaitu dari 0.9% pada tahun 2012 kepada 0% pada tahun 2014. Selain Johor hanya terdapat 2 negeri sahaja dengan kadar kemiskinan luar bandar sifar iaitu Melaka dan Negeri Sembilan. Tetapi kedua-dua negeri ini mempunyai kawasan luar bandar yang jauh lebih kecil berbanding Johor. Manakala kemiskinan dalam bandar pula adalah bertambah baik daripada 0.7% kepada sifar. Dan penurunan kadar ini lebih ketara bagi luar bandar yang menyaksikan kadar kemiskinan luar bandar turun dari 1.4% turun pada tahun 2011 kepada sifar pada tahun 2014.

#### **Keenam : Peningkatan 137% Rizab Berbanding Tahun 2012.**

Jumlah rizab negeri Johor kini sehingga 16 November 2016 adalah sebanyak RM3.43 bilion dan merupakan jumlah tertinggi yang pernah kita catatkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya saya akan merumuskan kedudukan kewangan semasa bagi tahun 2016 dan unjuran kutipan hasil serta pecahan peruntukan perbelanjaan negeri Johor bagi tahun 2017.

Pertama : Ringkasan pencapaian kewangan 2016.

Sehingga 16 November 2016 sejumlah RM1,363 juta ataupun RM1.369 bilion hasil telah berjaya dikutip. Ini bersamaan dengan kadar prestasi 96% daripada anggaran hasil RM1,425 juta.

Kedua : Anggaran kutipan hasil bagi tahun 2017.

Dijangkakan kutipan hasil negeri pada tahun 2017 mencapai RM1,609 juta, iaitu peningkatan sebanyak 12.86% daripada anggaran hasil Bajet 2016.

Ketiga : Pecahan Perbelanjaan tahun 2017.

Anggaran perbelanjaan pada tahun 2017. Adalah sebanyak RM1,607,697,000. Jumlah ini menyaksikan peningkatan sebanyak RM182,233,000 juta iaitu bersamaan dengan 12.89% berbanding tahun ini. Ini bermakna bajet 2017 adalah bajet lebihan atau surplus bajet dengan izin iaitu lebihan sebanyak RM1.303 juta.

Sebahagian besar iaitu 98.7% daripada jumlah kenaikan anggaran perbelanjaan tahun 2017 adalah sebagai tambahan caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan hanya 1.23% sahaja merupakan kenaikan perbelanjaan mengurus. Untuk perbelanjaan mengurus tidak termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan kita memperuntukkan sebanyak RM907.67 juta. Perbelanjaan mengurus ini terdiri daripada:

- a. Enolumen sebanyak RM479.22 juta,
- b. Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM244.61 juta,
- c. Pembelian aset jabatan sebanyak RM20 juta,
- d. Perbelanjaan-perbelanjaan lain sebanyak RM4.94 juta.

Bagi perbelanjaan pembangunan pula peruntukan tahun 2017 sekali lagi mencatatkan peruntukan tertinggi dalam sejarah bajet negeri Johor iaitu sebanyak RM763.3 juta. Ini bermakna daripada jumlah perbelanjaan bagi tahun 2017, 47% adalah untuk pembangunan.

Pada tahun 2017 kita menjangkakan bahawa unjuran pertumbuhan ekonomi negeri Johor adalah pada kadar 4.5% hingga 5.5% berbanding unjuran di peringkat nasional pada 4.0% hingga 4.5%.

#### **JOHOR SEBAGAI KUASA EKONOMI SELATAN.**

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berdasarkan lakaran ringkas pencapaian terbaik Johor ini jelaslah bahawa kita telah meletakkan asas yang kukuh kepada ekonomi Johor. Maka kita bukan sahaja harus berusaha untuk terus melestarikan pencapaian ini, tetapi yang lebih penting ialah mempergiatkan usaha besar-besaran untuk menjadikan Johor kuasa ekonomi selatan atau *Southern Economic Powerhouse*, dengan izin.

Maksudnya, Johor bukan sekadar menjadi ekonomi termaju di selatan Malaysia tetapi menjadi kuasa ekonomi baru Malaysia dan rantau Tenggara Asia. Johor berkemajuan tidak akan terjelesa tanpa visi dan pelan ekonomi yang radikal. Justeru, mengambil kira kedudukan strategik Johor pembangunan pesat ekonominya, kecekapan prasarana serta pasaran buruh yang dinamik dan berkemahiran kuasa ekonomi selatan adalah sasaran dan cita-cita yang realistik. Untuk itu kita menggariskan 6 strategi utama bagi merealisasikannya.

**Strategi Pertama : Melaksanakan Pelan Pertumbuhan Ekonomi Johor Secara Besar-Besaran.**

Tahun 2017 akan menjadi tahun pecutan untuk Johor. Pelan pertumbuhan strategik negeri Johor dan visi pertumbuhan Johor yang telah kita lancarkan pada tahun ini akan dilaksanakan secara besar-besaran sebagai satu usaha melonjakkan Johor menjadi kuasa ekonomi selatan. Segala strategi dan pelan tindakan dalam pelan pertumbuhan strategik negeri Johor ini akan disegerakan pelaksanaannya dengan peruntukan permulaan sebanyak RM5 juta, agar setiap daerah di Johor membangun dengan rancak sesuai dengan kebitaraan masing-masing.

Untuk tahun 2017, di peringkat daerah beberapa inisiatif akan diusahakan iaitu:

- i. Misalnya di Batu Pahat, membangunkan kebitaraan dalam rantaian nilai industri pembuatan ringan.
- ii. Di Johor Bahru menjayakan inisiatif pelabuhan hijau selari dengan Rancangan Malaysia Yang Ke sebelas dan mengengahkan Johor Bahru dalam landskap pelancongan kesihatan Malaysia.
- iii. Di Kluang, memperkenalkan pakej bersepadu eko pelancongan dan pertanian serta melakukan promosi pensijilan buah-buahan dan sayur-sayuran organik.
- iv. Di Kota Tinggi, menubuhkan portal khas tentang pelbagai tarikan pelancongan serta menjalankan inisiatif penghakupayaan penduduk tempatan untuk terlibat dalam industri pelancongan.
- v. Di Kulai, melakukan promosi antarabangsa tentang tarikan perkhidmatan logistik di Kulai bersama-sama dengan pihak kerajaan pusat dan juga Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.
- vi. Di Mersing, membangunkan produk-produk eko pelancongan termasuk Kampung Tradisi Johor. Di Muar membangunkan pusat kecemerlangan kayu dan produk berasaskan kayu.
- vii. Di Pontian, meningkat dan memantapkan aktiviti pelancongan dan perikanan.
- viii. Di Segamat berkolaborasi dengan pusat-pusat kecemerlangan-pertanian untuk meningkatkan hab produktiviti kegiatan pertanian; dan
- ix. Di Tangkak menganjurkan pelbagai pengisian untuk sektor pelancongan.

### **Strategi Kedua : Mengariskan Strategi Khusus Menarik Pelaburan Asing Dan Domestik.**

Johor adalah negeri yang telah mencatatkan kemasukan nilai pelaburan sektor pembuatan tertinggi di Malaysia, untuk 3 tahun berturut-turut sejak tahun 2013. Oleh itu menjadikan Johor kuasa ekonomi Selatan turut bermakna memastikan jumlah pelaburan bukan sahaja konsisten tetapi berganda. Beberapa langkah perlu akan dilaksanakan.

- i. **Pemantapan Peranan Pusat Pelaburan Negeri Johor (JSIC).**  
Kerajaan negeri akan memantapkan peranan Pusat Pelaburan Negeri Johor JSIC sebagai pemudah cara pelaburan dengan menggunakan jenama The Johor Way. Matlamat kita adalah untuk menghapuskan segala prosedur dan birokrasi yang anti produktif dan tidak mesra pelabur.
- ii. **Meningkatkan Kerjasama Dengan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).**  
Kerajaan negeri akan meningkatkan kerjasama dengan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia ataupun MIDA dalam menganjurkan lebih banyak misi pelaburan berfokus di negara seperti Jepun, Taiwan, Korea Selatan, India dan Timur Tengah. Ini adalah untuk memastikan Johor terus menjadi destinasi pelaburan utama.
- iii. **Membangun Sinergi Dengan Pelabur Luar Di Johor Bagi Menarik Lebih Banyak Pelaburan.**  
Kerajaan akan bekerjasama rapat dengan pelbagai pelabur luar yang sudah berada di Johor. Kerjasama ini dilakukan dengan dua tujuan. Pertama meningkatkan pelaburan yang telah sedia ada. Kedua menggunakan kepakaran dan jaringan mereka dalam membantu menarik lebih ramai pelabur dari negara mereka untuk datang dan bersama-sama melabur di Johor.
- iv. **Mempelbagaikan Produk Pelaburan Johor.**  
Kerajaan negeri akan mempelbagaikan produk pelaburan Johor. Bidang pelaburan baru seperti pelancongan, perkhidmatan digital, perkhidmatan kesihatan dan pertanian amat perlu bagi meningkatkan kebolehsaingan Johor. Ini akan memberikan para pelabur lebih banyak pilihan dan tarikan untuk ke Johor.

### **Strategi Ketiga : Mewujudkan Pekerjaan Bermutu Untuk Rakyat Johor.**

Cita-cita menjadikan Johor ekonomi paling pesat bertumbuh di Malaysia juga bermakna ia mesti menjadi tempat bercambahnya peluang pekerjaan bermutu dengan ganjaran dan upah yang baik. Yang paling penting ialah pekerjaan yang diwujudkan itu adalah untuk rakyat Johor. *Johor growth means job for Johoreans*, dengan izin. (Dewan bertepuk).

Di Iskandar Malaysia misalnya, inisiatif ini akan diberikan perhatian khusus. Antaranya dalam sektor Perkongsian Perkhidmatan dan Penyumberan Luar ataupun *Global Business Services (GBS)*. Sasaran GBS Iskandar adalah untuk menyediakan 14,000 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dengan jangkaan pelaburan sebanyak RM6.5 bilion. Sehingga 3 Jun 2016 GBS Iskandar berjaya membawa masuk 7 syarikat dengan

mewujudkan 2,319 peluang pekerjaan bernilai tinggi. Nilai pelaburan yang terlibat ialah sebanyak RM1.3 bilion untuk tempoh 5 tahun akan datang. Kini, 350 orang telah ditawarkan peluang pekerjaan dan 154 orang merupakan rakyat Johor. Dan ia dijangka meningkat kepada 1,020 orang menjelang 2020.

Selain itu, satu Pusat Latihan Semula dan Peningkatan Kemahiran GBS Iskandar sedang dalam pertimbangan untuk diwujudkan. Pusat ini akan melatih seramai 3,000 peserta sepanjang 5 tahun untuk diserap ke industri GBS di Iskandar Puteri. Fokus khas adalah untuk mereka yang berkelulusan tinggi tetapi telah diberhentikan dan tidak bekerja.

Selain itu, IRDA akan melancarkan *Iskandar Malaysia Professional Fund* menerusi dana RM20 juta yang diperuntukkan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran bagi melatih tenaga mahir di Iskandar Malaysia. Pembiayaan berbentuk *soft loan* ini memberi fokus kepada latihan peningkatan kemahiran, *up-skilling*, kemahiran semula, *re-skilling* dan pensijilan kepada golongan sasaran tertentu iaitu pekerja kemahiran terhad, graduan menganggur, sektor teknikal dan perkhidmatan serta golongan wanita. Melalui program ini, setiap individu boleh mendapat pembiayaan latihan sehingga RM24,000.00. Untuk mengelak ia dari membebankan pelatih yang menerima pinjaman, hanya caj pentadbiran 1% dikenakan ke atas baki pinjaman setiap tahun. Tempoh bayaran balik pula dipanjangkan sehingga tempoh maksimum 5 tahun. Kesemuanya ini adalah sebahagian komitmen IRDA dalam menambahkan bilangan tenaga mahir dan modal insan di Johor khususnya di Wilayah Iskandar Malaysia.

#### **Strategi Keempat : Mengurangkan Kebergantungan Pekerja Asing.**

Salah satu perkara yang menjadi kebimbangan masyarakat kita adalah banjir pekerja asing di negeri ini. Maktum balas masyarakat tentang pekerja asing mewajarkan kerajaan negeri mencari jalan menanganinya. Untuk itu kita akan mempertimbangkan 4 perkara :-

1. Kerajaan negeri melalui Unit Swadaya Insan akan melakukan kajian secara terperinci keperluan sebenar pekerja asing di negeri Johor.
2. Pelan rasionalisasi buruh akan dibangunkan untuk membantu semua sektor ekonomi Johor beralih secara perlahan-lahan kepada penggunaan pekerja tempatan dan teknologi automasi.
3. Dasar menggalakkan pengambilan pekerja tempatan mesti diperkenal dan diperkemas dengan pelbagai insentif selayaknya.
4. Kita akan bekerjasama erat dengan kerajaan persekutuan untuk memastikan tidak berlakunya ketirisan dalam kemasukan buruh asing ke Johor. Aktiviti penguatkuasaan mesti dipertingkatkan.

#### **Strategi Kelima : Membangunkan Johor Sebagai Hab Halal, Hab Bioekonomi Dan Hab Kecukupan Makanan.**

Ekonomi yang pelbagai amat penting untuk pertumbuhan yang dinamik. Johor tidak harus hanya bergantung dengan sektor tertentu sahaja. Pendekatan sebegini kurang strategik dan tidak mampan. Oleh itu, selain memantapkan sektor-sektor sedia ada

fokus Johor ialah meneroka bidang-bidang keberhasilan baru yang berpotensi untuk menyumbang kepada pertumbuhan Johor. Bermula pada tahun hadapan, kita akan mengkaji secara serius bidang-bidang yang boleh menjadi kekuatan baru negeri Johor. Setakat ini kita telah mengenal pasti 3 sektor penting:-

Pertama, Johor Sebagai Hab Halal. Satu usahasama antara Johor Bioteknologi dan Biodiversiti Corporation atau pun J-Biotech dengan pihak swasta untuk membangunkan satu kawasan seluas 350 ekar sebagai Hab Halal Johor yang antara komponennya adalah mewujudkan hab kecemerlangan halal dengan melaksanakan 3 inisiatif utama :-

- i. Membangunkan pelan induk dengan peruntukan RM500,000.00 yang dinamakan *Johor Halalan Toyiban Road Map* bagi memangkin pertumbuhan Johor sebagai sebuah hab halal.
- ii. Johor akan menjadi Panel Makmal Halal bagi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor yang diakreditasi mengikut *standard* tertentu dalam menyediakan perkhidmatan analisis makmal.
- iii. Mewujudkan *Johor Toyiban Laboratories Sdn. Bhd.* dengan kos RM5 juta. Makmal ini dijangka dapat menyiapkan persediaan pra-pengoperasian menjelang suku ketiga 2017. Ia akan menawarkan kepakaran, pensijilan dan analisis halal bagi tujuan akreditasi pensijilan halal kepada pelanggan tempatan dan antarabangsa.

Kedua, Johor Sebagai Pusat Aktiviti Bioekonomi. Saiz bioekonomi Malaysia ialah 11.3% atau RM180.3 billion daripada KDNK pada 2015. Ia meliputi pelbagai bidang seperti pertanian, bioperubatan dan sektor industri berasaskan bioteknologi. Mengambil kira kedudukan Johor sebagai negeri ketiga terbesar Malaysia dalam bidang pertanian maka penting untuk Johor membangunkan potensi bioekonominya. Untuk itu, satu pelan induk yang dinamakan DNA Bioekonomi Johor bagi memperkasa industri bioteknologi secara inklusif dan inovatif akan dilaksanakan segera. Matlamat utamanya adalah untuk memajukan aktiviti hulu dan hiliran tanpa menjejaskan kelestarian alam sekitar. Ia melibatkan peruntukan sebanyak RM700,000.00.

Ketiga, Johor Sebagai Hab Kecukupan Makanan. Kajian *Khazanah Research Institute* 2016 menunjukkan negara membelanjakan sekitar RM45.4 billion untuk mengimport makanan. Malaysia hanya memenuhi kecukupan makanan bagi daging ayam, khinzir dan ikan. Ini bermakna pelaburan dalam bidang pertanian dan penternakan sangatlah strategik dan berkepentingan nasional. Johor berhasrat untuk menerajui usaha ini dengan menjadi hab kecukupan makanan. Susulan daripada ini, Johor Corporation akan membangunkan rangkaian usahawan Bumiputera dalam rangkaian halal bagi industri ayam pedaging berskala besar yang melibatkan kos sebanyak RM37.98 juta. Manakala bagi industri temakan lembu tenusu pula, ia akan diusahakan pihak swasta yang akan ditentukan kelak.

Bagi merangsang pembangunan Segamat sebagai daerah pertanian utama, satu program khas yang dinamakan *Pembangunan Agro Mix Farm* atau pun Kebun Nukleus akan dilaksanakan di sana. Program pertanian bersepadu ini akan menjadi projek perintis dalam menyokong pengeluaran produk berasaskan pertanian, penternakan

dan juga akuakultur. Dengan peruntukan sebanyak RM1.25 juta dan keluasan tanah berjumlah 46 ekar, para peserta akan dilibatkan dalam projek tanaman makanan seperti sayur-sayuran, nanas, kelapa, jagung, belimbing serta projek-projek perikanan tilapia merah dan ternakan rusa.

### **Strategi Keenam : Mengurus Kesenjangan Ekonomi Dan Melebarkan Kemakmuran Untuk Semua.**

Kesenjangan ekonomi akan mencetuskan polarisasi kaum dan kesulitan kepada semua. Johor tidak boleh menjadi negeri yang kesenjangan antara mereka yang kaya dengan kelas pekerja dan kelas menengah, bawah begitu lebar. Data menunjukkan bahawa Johor mempunyai KNDK keempat tertinggi di Malaysia. Namun kesenjangan semakin mengecil. Ini dibuktikan dengan bacaan Pekali Gini Johor hanyalah pada 0.324 iaitu kedua terendah di Malaysia pada tahun 2014. Namun itu tidak bermakna kita harus cepat berpuas hati. Justeru kita akan mengusahakan inisiatif berikut bagi merapatkan kesenjangan dalam masyarakat.

Pertama, di Wilayah Iskandar IRDA telah memperkenalkan pelbagai program peningkatan keupayaan dan kesejahteraan untuk golongan minoriti dan mereka yang bersiko terpinggir. Misalnya, Pelan Induk Dan Rangka Kerja Pembangunan Sosial Iskandar Malaysia, Projek keterangkuman sosial ini mensasarkan 7 golongan iaitu orang Asli, kaum India yang berpendapatan rendah, nelayan, ibu tunggal, golongan OKU, anak-anak yatim dan warga emas.

Dua objektif utama program ini adalah untuk membantu golongan sasaran untuk mendapat pendapatan tetap melalui skim sokongan pekerjaan dan juga skim bantuan generasi kedua yang tertumpu kepada aspek pendidikan anak-anak. Aspek kebajikan program ini akan memfokuskan kepada usaha mengurangkan beban kos sara hidup yang semakin meningkat. Di bawah program ini juga peruntukan dalam bentuk geran akan diberikan kepada NGO yang terpilih untuk membantu golongan sasaran tertakluk kepada penilaian dan jumlah yang dipohon. Sebanyak RM4 juta daripada Kumpulan Wang Projek Sosial Iskandar Malaysia diperuntukkan untuk pelaksanaan program ini pada tahun 2017.

Kedua, satu program yang dikenali sebagai Program Pembangunan Usahawan Hiliran Minyak Dan Gas akan diperkenalkan. Tujuannya bagi membolehkan limpahan pembangunan di kawasan Pengerang turut dinikmati oleh penduduk di sekitarnya. Kerjasama *Entrepreneur Development Centre* dengan PETRONAS dan *Johor Petroleum Development Corporation* ini akan memfokuskan untuk memberi peluang perniagaan khusus dalam bidang pengurusan kem pekerja yang meliputi penyediaan makanan, penyelenggaraan, pembersihan, dobi, logistik, peruncitan dan keselamatan. Mengikut perancangan, program ini akan melibatkan sasaran penubuhan 29 syarikat mantee dalam 15 kluster perniagaan dan dijangka akan memberi peluang pekerjaan kepada lebih 500 orang di kawasan Pengerang.

Ketiga, Pusat Pembangunan Kapasiti Kontraktor akan diwujudkan, ia bagi merealisasikan Pelan Induk Pembangunan Kontraktor melalui peningkatan keupayaan, peningkatan peluang dan peningkatan persekitaran industri. Sebanyak RM2.575 juta diperuntukkan oleh Kumpulan Prasarana Rakyat Johor sebagai salah satu tanggungjawab sosialnya dalam industri pembinaan.

Keempat, kita akan memperkenalkan satu program khas iaitu Projek Tanaman Fertigasi dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM700,000.00. Daripada jumlah ini, sebanyak RM80,000.00 diperuntukkan khusus kepada golongan OKU untuk memberi dorongan, latihan dan semangat agar mereka terlibat dalam sektor pertanian. Inisiatif ini melibatkan 64 pusat pemulihan dalam komuniti dan 6 sekolah-sekolah pendidikan khas di seluruh Johor.

Kelima dan terakhir, pemerkasaan dan penghakupayaan golongan OKU akan diteruskan dengan mendaktarraf Bengkel Sampul Surat Orang Kurang Upaya di Batu Pahat. Inisiatif ini bukan sahaja akan membuka peluang pekerjaan, malah meningkatkan ekonomi golongan OKU. Buat masa ini, terdapat 50 OKU pelbagai kategori bekerja di bengkel sampul surat ini. Dengan peruntukan sebanyak RM200,000.00, kita mensasarkan penambahan 50 orang lagi OKU bekerja menjadikan keseluruhannya 100 orang.

#### **STRATEGI KHUSUS MENGURANGKAN KOS SARA HIDUP.**

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri amat memahami masalah peningkatan kos sara hidup. Ia mengundang rasa prihatin yang sangat mendalam. Tetapi kita juga seharusnya ingat bahawa semua ini di luar bidang kuasa kerajaan negeri. Keputusan kerajaan pusat dalam banyak keadaan mesti ditangani sebaiknya oleh Kerajaan Negeri agar rakyat tidak terus terbeban. Justeru, kerajaan negeri akan mengemukakan beberapa pendekatan dan mekanisme khusus untuk berhadapan dengan perkara ini.

##### **i. Memperbanyak Penubuhan Koperasi imCoop.**

Pertama, memperbanyak penubuhan koperasi imCoop di seluruh negeri Johor. Satu peruntukan sebanyak RM2 juta akan diberikan khusus bagi tujuan ini. Dana ini akan dipecahkan dalam bentuk geran padanan tambahan bernilai RM100,000.00 daripada kerajaan negeri untuk 20 buah koperasi yang menerima bantuan kewangan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang berminat membuka kedai harga patut, imCoop.

##### **ii. Program Pertanian Rakyat.**

Kedua, menggalakkan rakyat menghasilkan bahan makanan sendiri. Program pertanian rakyat yang kita perkenalkan pada tahun ini, dengan menyediakan bantuan berbentuk benih, baja dan lain-lain keperluan telah memanfaatkan seramai 404 orang peserta. Program ini akan diperluaskan pada tahun hadapan, dengan melibatkan 37 buah sekolah, 3 buah universiti dan 37 taman perumahan. Kesemua program ini akan dilaksanakan menggunakan peruntukan sebanyak RM400,000.00.

##### **iii. Bantuan Khas Kepada Nelayan.**

Ketiga, bagi meringankan beban dan kos sara hidup yang dihadapi golongan nelayan yang terjejas kerana pelbagai aktiviti pembangunan dan penambakan di selatan Johor, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM3.6 juta bagi meneruskan bantuan kewangan sebanyak RM2,000.00 kepada 1,800 orang nelayan berdaftar dan layak.



#### iv. Perkhidmatan Bas Percuma.

Keempat, memperluaskan perkhidmatan Bas Muafakat Johor. Sejak dilancarkan pada tahun ini, perkhidmatan percuma bas Muafakat Johor mendapat sambutan yang sangat baik. Sehingga kini, 1.34 juta pengguna telah memanfaatkan perkhidmatan ini sejak April hingga Oktober 2016. Justeru pada tahun 2017, kita akan menambah peruntukan daripada RM11 juta pada tahun ini kepada RM14.5 juta. Ini bermakna akan turut berlaku pertambahan jarak iaitu daripada 813.6 kilometer yang ada sekarang kepada 1,357 kilometer pada tahun hadapan.

#### v. Pemberian Air Percuma

Kelima, pemberian air percuma. Air adalah keperluan yang sangat asasi. Demi kesejahteraan mereka yang kurang berkemampuan, Kerajaan Negeri akan memperluaskan program air percuma melalui Syarikat Air Johor kepada golongan sasar di seluruh Johor. Di bawah program ini, sebanyak 25 meter akan disalurkan secara percuma kepada penerima dalam senarai e-kasih dan Jabatan Kemajuan Orang Asli. Program air percuma ini akan menelan belanja sebanyak RM3 juta dan akan memberi manfaat kepada 5,000 penduduk iaitu peningkatan seramai 2,108 penerima berbanding 2,892 penerima pada tahun ini.

#### **PRASARANA TERBAIK UNTUK SEMUA.**

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menyediakan prasarana terbaik untuk semua adalah sangat mustahak. Dalam persekitaran Johor yang semakin berubah deras, ia sangat perlu kerana beberapa pertimbangan.

1. Jumlah kepadatan penduduk yang semakin meningkat, kesan penghijrahan dari luar bandar ke bandar.
2. Ia adalah pra-syarat penting dalam meyakinkan pelabur untuk ke Johor.
3. Kerana meningkatkan jangkaan dan tuntutan rakyat. Mereka mahukan kemudahan awam terbaik sesuai keperluan kehidupan moden.

Oleh itu, pelaburan untuk prasarana terbaik adalah keutamaan Kerajaan Johor. Kaedah pembiayaan yang akan kita gunakan adalah pelbagai. Ada yang akan dibiayai oleh Kerajaan Pusat, ada yang menggunakan kaedah penswastan dan sebahagian lainnya pula, akan memerlukan pembiayaan oleh Kerajaan Negeri. Kesemua pelaburan dan proses pemantapan prasarana ini boleh dipecahkan seperti berikut:

##### **a. Air**

Kerajaan negeri berazam untuk menyelesaikan masalah air Johor dengan segera dan sebaiknya. Begitu juga masalah banjir di setengah-setengah kawasan. Penyelesaian kita mestilah inovatif, menyeluruh dan radikal. Dan, ia akan melibatkan beberapa cakupan seperti berikut:

##### **i. Pembinaan Infrastruktur air.**

Saya suka mengumumkan bahawa sebanyak RM79.7 juta akan diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi menjayakan sekurang-kurangnya 14 inisiatif yang melibatkan infrastruktur air. Secara khususnya, rangkaian inisiatif kerajaan negeri akan dilaksanakan pada tahun hadapan adalah seperti berikut:

1. Melaksanakan projek pemindahan air mentah dari Sungai Lenggong ke Empangan Congok dengan peruntukan sebanyak RM65 juta.
2. Melaksanakan pembinaan 2 buah telaga tiub di Kota Tinggi dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.
3. Melaksanakan penyelenggaraan kawasan tadahan Empangan Layang Hulu dan Layang Hilir dengan peruntukan sebanyak RM900 ribu.
4. Melaksanakan projek pemasangan sistem pemantauan kualiti air di Sungai Johor dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.
5. Melaksanakan pelan pengurusan kawasan tadahan air di Sungai Gembut, Kota Tinggi dengan peruntukan sebanyak RM600 ribu.
6. Melaksanakan pemetaan udara dengan menggunakan *Unmanned Aerial Vehicle (UAV)* dengan izin di kawasan tadahan Empangan Linggiu dan cadangan Empangan Ulu Sedili Besar dengan peruntukan sebanyak RM700,000.00.
7. Pelaksanaan pengurusan lembangan sungai secara bersepadu di Sungai Johor. Untuk inisiatif ini, kita memperuntukkan sebanyak RM10 juta untuk tempoh 5 tahun iaitu bersamaan dengan peruntukan sebanyak RM2 juta setahun.
8. Melakukan pembenihan awan di kawasan tadahan air dengan kekerapan penerbangan sebanyak 10 kali dengan peruntukan sebanyak RM400,000.00.
9. Melakukan projek pemasangan paip dari *Outfall* Sungai Johor ke Empangan Upper Layang dengan peruntukan sebanyak RM3.5 juta.
10. Kita akan memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 bagi melakukan kerja-kerja pembaikan dan pemasangan peralatan pengukuran gegaran di Loji Rawatan Air Gunung Pulai;
11. Melakukan kajian kebolehpayaan bagi pembinaan empangan pantai ataupun dengan izin *Coastal Reservoir* di Muara Sungai Johor, Sungai Pulai dan Sungai Mersing dengan peruntukan sebanyak RM1.8 juta.
12. Mewartakan Kawasan Tadahan dan Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 Akta 298. Proses ini akan dilengkapi menggunakan peruntukan sebanyak RM500,000.00.
13. Penyediaan Pelan Kecemasan Empangan bagi Empangan Juaseh dan Lebam dengan peruntukan sebanyak RM800,000.00; dan

14. Melakukan kajian kebolehpayaan sumber air bawah tanah dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia dengan peruntukan sebanyak RM1 juta.

- ii. Peningkatan kapasiti dan kepakaran.

Lanjutan daripada 14 inisiatif ini, kita akan menjalankan beberapa inisiatif lain bagi memantapkan pengetahuan dan kepakaran kita berhubung pengurusan air. Ini termasuklah penganjuran *Johor Water Forum 2017* dan memperkasakan forum ini menjadi sebuah badan bukan kerajaan yang bertindak sebagai penasihat kepada Majlis Sumber Air Negeri Johor. Kerjasama antara pelbagai institusi pengajian tinggi seperti Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan badan-badan profesional amat penting bagi menjayakan *Johor Water Forum* ini. Untuk itu, sebanyak RM300,000.00 diperuntukkan oleh kerajaan negeri bagi tujuan tersebut.

Selain daripada inisiatif-inisiatif di pihak kerajaan negeri, kita juga akan menjayakan beberapa inisiatif lain melalui peruntukan Kerajaan Pusat. Antaranya:

Pertama, Projek Penyaluran Air Mentah Iskandar Malaysia berharga RM560 juta. Dan, sebagai permulaan, sebanyak RM5 juta akan diperuntukkan pada tahun hadapan.

Kedua, projek Empangan Kahang yang telah kita mulakan pembinaannya pada Mei 2014, masih berjalan dan hanya akan siap pada tahun 2017. Manakala Loji Rawatan Air Kahang yang bernilai RM125 juta pula akan siap pada tahun 2018. Maka, pihak Pengurusan Asef Air Berhad ataupun PAAB akan membina satu saluran pemindahan air sementara yang menghubungkan Empangan Kahang ke Loji Rawatan Air Sembrong Timur yang bernilai RM15 juta yang dijangka siap pada tahun 2017. Inisiatif ini adalah bagi menyelesaikan masalah air daerah Kluang bagi jangka masa panjang.

Ketiga menaik taraf Empangan Congok di Mersing. Projek ini menelan kos sebanyak RM7 juta secara keseluruhannya. Dan sebanyak RM3 juta akan diperuntukkan pada tahun hadapan.

- iii. Pemantapan Pengurusan Sumber Air.

Bagi menambah baik pengurusan air pula, Kerajaan Negeri akan meningkatkan hasil penguatkuasaan lesen jeli dan penambakan laut. Perkara ini akan dilakukan oleh Badan Kawal Selia Air Johor menggunakan beberapa cara. Antaranya adalah dengan menguatkuasakan secara lebih tegas dan berkesan undang-undang terhadap pencemaran air seperti peruntukan dalam Enakmen Air 1921 Pindaan 2014 dan meningkatkan hasil negeri seperti melesenkan abstraksi sumber air jeli dan penambakan laut melalui Enakmen yang sama.

- iv. Pengurusan Banjir.

Melalui Kajian Pelan Tindakan Banjir Negeri Johor, kawasan yang berada pada paras tertinggi dalam senarai kawasan banjir adalah Kampung-Tui, Tangkak dan Kampung Bukit Kepung di Muar. Namun, melalui Projek Tebatan Sungai Kesang, pemasalah ini telah berjaya diselesaikan. Untuk itu, kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM37.8 juta bagi kerja-kerja menaik taraf di Kampung Paya Pupuk dan Parit Othman, Pembinaan Tebatan Banjir di Kampung Sialang Dalam, projek pemuliharaan Muara

Sungai Kesang di daerah Tangkak dan penambahan pemecah ombak di Pengkalan Sri Menanti, Muar.

Selain itu, Kerajaan Negeri akan melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir di Kampung Sungai Lui Segamat, Kampung Melayu Sengkang, Kulai dan daerah Mersing yang melibatkan peruntukan RM4.7 juta. Sebanyak RM13.5 juta diperuntukkan oleh kerajaan negeri untuk rancangan saliran bandar yang melibatkan daerah Johor Bahru, Segamat, Kulai dan Muar.

#### **b. Rangkaian Projek Rel Berskala Besar.**

Tan Sri Speaker, projek infrastruktur kedua ialah rangkaian projek *rail* berskala besar. Johor mesti terhubung dengan baik jika ia ingin menjadi kuasa ekonomi baru Malaysia. Bagi mempelbagaikan keperluan prasarana perhubungan di Johor, 2 projek *rail* berskala besar sedang dan akan dilaksanakan.

Pertama, pembinaan landasan berkembar dari Gemas ke Johor Bahru yang berharga RM9 bilion. Projek ini akan dijalankan pada tahun hadapan dengan peruntukan permulaan sebanyak RM400 juta daripada kerajaan persekutuan.

Kedua, projek *rail* berkelajuan tinggi yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Singapura. 70% pelaksanaan projek ini akan melibatkan Johor kerana ia akan melalui beberapa bandar utama di Johor dan dijangka mula dilaksanakan apabila persetujuan dicapai antara kedua-dua negara kelak. Dan saya difahamkan persetujuan itu akan ditandatangani pada bulan hadapan di Johor Bahru, insya-Allah. Kedua-dua projek ini dijangka akan merubah dinamik, ekonomi dan mobiliti di Johor.

#### **c. Jalan Luar Bandar**

Prasarana terbaik ketiga ialah jalan luar bandar. Jalan raya terbaik di luar bandar adalah sangat penting untuk melonjakkan kualiti hidup masyarakat kita. Melaluinya hasil pertanian dapat segera dipasarkan dan akses ke hospital semasa kecemasan dapat dipercepatkan. Malah ia membolehkan ekonomi kawasan luar bandar bertumbuh dengan lebih cerdas.

Untuk tahun 2017, kita akan melakukan 3 inisiatif pembinaan dan pembaikpulihan jalan yang utama:

Pertama, sebanyak RM650 juta diperuntukkan melalui sistem rekod-rekod jalan raya Malaysia ataupun MARRIS untuk antara lain menambah baik penyelenggaraan jalan-jalan negeri, jalan-jalan kampung dan perabot jalan seperti papan tanda dan rem, lampu jalan serta pengukuhan bahu jalan.

Kedua, sebanyak RM79.2 juta pula akan diperuntukkan bagi tujuan pembinaan pelbagai jalan dan jambatan negeri. Ia termasuklah:

- a. Pembinaan jalan-jalan baru di Jalan Sri Dayong ke Sejangong. Laluan merentasi Kampung Rahmat dan Estet Sri Gading di Batu Pahat. Dan menaik taraf jalan Parit Ibrahim dan jalan Parit Jawa di Pontian. Malah kita akan turut melebarkan jalan Pagoh – Muar dengan menjadikannya laluan 4 hala.

- b. Manakala bagi pembinaan jambatan-jambatan negeri pula kawasan yang terlibat merangkumi penggantian jambatan Sungai Gunung Pulai di Kulai, jambatan sempit di Jalan Sengkang, Bukit Gambir di Tangkak dan jambatan sempit di Jalan Endau – Penyabong di Mersing dan melebar persimpangan di Gelang Patah ke Pendas.

Kesemua ini merupakan sebahagian daripada inisiatif memastikan prasarana kita termasuk yang di luar bandar berada dalam keadaan terbaik. Malah, saya ingin maklumkan bahawa Johor merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang mempunyai sistem pemetaan jalan desa yang lengkap meliputi 4,000 kilometer jalan bandar.

**d. Bandar Pintar Iskandar (*Iskandar Smart City*).**

Prasarana terbaik yang keempat iaitu Bandar Pintar Iskandar ataupun dengan izin *Iskandar Smart City*. Bagi merealisasikan misi menjadikan Iskandar Malaysia sebagai sebuah metropolis bertaraf antarabangsa yang kukuh dan mampan menjelang tahun 2025, Program Bandar Pintar Iskandar Malaysia akan dilaksanakan. Keputusan tersebut dicapai dalam satu mesyuarat *Global Science And Innovation Advisory Council* atau GSIAC di Amerika Syarikat pada 1 November 2012.

Program mega ini merangkumi 6 dimensi utama iaitu ekonomi, tadbir urus, persekitaran, mobiliti, gaya hidup dan masyarakat pintar. Sebanyak 80 projek telah disenaraikan di dalam program ini yang di selaras dalam Rancangan Pembangunan Komprehensif II ataupun CDPii Iskandar Malaysia. Sehingga kini 20% hingga 50% daripada prinsip dan strategi CDPii telah diselaraskan di setiap PBT yang berkaitan. Selain itu PBT, Pihak Berkuasa Tempatan juga turut memberi komitmen untuk mencapai visi Iskandar Malaysia dengan melaksanakan pelan langkah terperinci masyarakat rendah karbon.

Pada tahun 2017, satu projek persediaan awal akan dilaksanakan oleh IRDA dengan kerjasama Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu UNDP. Projek yang diberi nama *Iskandar Malaysia Urban Observatory* (IMUO) akan dibangunkan bagi merangka model pengurusan bandar serta memantau pembangunan dan infrastruktur pintar seperti keadaan lalu lintas dan kualiti udara dan air. Ia juga akan dijadikan sebagai pusat untuk menyimpan dan menganalisis data. Fasa pertama pembangunan ini akan melibatkan kos awalan sejumlah USD570,000.00 oleh pihak UNDP dan RM1 juta daripada pihak kerajaan Persekutuan.

**e. Perumahan Johor**

Infrastruktur kelima, perumahan Johor. Kita sedar bahawa perancangan bandar, kawasan kediaman dan polisi hartanah yang teratur adalah amat penting. Ia bukan sahaja akan menjadikan landskap bandar kita menarik, malah membolehkan pola pembangunan berada dalam keadaan yang baik dan seimbang. Daripada aspek perumahan setakat ini sukacita saya melaporkan bahawa sebanyak 8,766 unit rumah mampu milik telah kita siapkan, manakala 11,049 unit lagi sedang dalam pembinaan. Baki 40,022 unit daripada sasaran 60,000 unit akan mula dibina pada tahun hadapan sehingga tahun 2020.

Bagi tahun 2017, kita memutuskan untuk melakukan beberapa tindakan radikal bagi menyusun semula kawasan kediaman dan menambah baik polisi serta pembangunan hartanah di Johor. Antara inisiatif yang akan kita lakukan:

i. Pembangunan Semula Kawasan Setinggan.

Dengan pengambilalihan tanah di Kem Tebrau seluas 330 ekar oleh Johor Corporation, kerajaan negeri akan memberi hak milik tanah seluas 32 ekar keseluruhannya kepada 171 penduduk Desa Perwira dan kampung ini akan dijadikan rizab Melayu.

Baki daripada tanah tersebut, antara lain akan dibina rumah mampu milik dan ditawarkan kepada setinggan yang layak yang berada di atas tanah tersebut ketika ini. Unit-unit yang akan dibina terdiri daripada 132 unit perumahan komuniti Johor A, 263 unit perumahan komuniti B dan 635 unit rumah mampu milik Johor. Secara anggarannya, kos hanya untuk pengambilan tanah oleh Johor Corporation adalah sebanyak RM328.75 juta.

ii. Pembukaan Kawasan Pembangunan dan Perumahan Baharu.

Selain membangunkan semula kawasan setinggan, kita juga akan membuka 2 kawasan pertumbuhan dan perumahan baru di Kota Tinggi. Inisiatif ini akan melibatkan Johor Corporation di Sungai Papan dan YPJ Holdings di Kledang. Bagi projek yang pertama di Sungai Papan ia melibatkan keluasan berjumlah 7,900 ekar dan akan memberi tumpuan kepada pembangunan berkonsepkan eko yang mempunyai pelbagai komponen pembangunan seperti perumahan, perdagangan, perindustrian, pendidikan dan penyelidikan. Projek ini mensasarkan penjanaaan 95,000 peluang pekerjaan dan penyediaan 60,000 unit kediaman.

Manakala projek yang kedua di Kledang pula akan melibatkan tanah berkeluasan 1,200 ekar dengan sasaran pembinaan sebanyak 6,000 unit rumah mampu milik Johor. Sebagai tambahan kepada pembukaan kawasan pembangunan dan perumahan baru yang bersifat umum kita juga akan melakukan projek pembangunan perumahan berfokus yang dikhususkan hanya kepada golongan sasar tertentu.

iii. Pembinaan Perumahan Pekerja Bahagian Perladangan.

Untuk tahun 2017, kita akan mulakan dengan membina rumah bagi pekerja-pekerja ladang di bawah KULIM Berhad di Ladang REM Kota Tinggi. Dengan kawasan seluas 99 ekar, projek ini akan menyediakan pembinaan sebanyak 908 unit rumah yang terdiri daripada 2 jenis iaitu rumah berbandung bagi anggota bekerja berpendapatan RM2,000.00 ke atas sebulan. Dan rumah teres bagi anggota pekerja berpendapatan RM900.00 sehingga RM1,999.00 sebulan.

iv. Pembinaan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)

Tan Sri Speaker, YPJ Holdings pula akan membina perumahan penjawat awam 1Malaysia khusus kepada kakitangan awam di kawasan-kawasan berikut: Mersing 355 unit, Kluang 910 unit, Tangkak 130 unit, Muar 1040 unit dan Batu Pahat 442 unit. Ini rumah untuk kakitangan awam di bawah Program PPA1M Kerajaan Malaysia.

Melalui Program Rumah Mesra Rakyat Johor pula, kerajaan negeri akan meneruskan inisiatif pemberian subsidi pembinaan rumah atas tanah sendiri. Pada tahun hadapan kita akan membantu membina 200 unit rumah lagi dalam sasaran menjadikan kesemuanya 3,000 unit menjelang 2018.

Seperti tahun ini kerajaan negeri akan memberi subsidi pembinaan rumah ini berdasarkan skala berikut:

- Subsidi RM10,000.00 kepada rumah berharga RM64,000.00.
- Subsidi RM12,500.00 kepada rumah berharga RM72,500.00.
- Subsidi RM15,000.0 kepada rumah berharga RM85,000.00.

v. Pembinaan Perumahan oleh Pelbagai GLC

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pelbagai syarikat berkaitan kerajaan negeri Johor yang menyambut baik dan memberi sokongan padu dalam menjayakan agenda perumahan Johor. Untuk tahun 2017 sahaja, GLC-GLC negeri Johor akan terus komited dalam menyumbang dan membina pelbagai lagi rumah di seluruh negeri Johor. Misalnya,

Perbadanan Islam Johor Holdings (PIJH) akan membangunkan 2 buah lagi Taman Perbadanan Islam.

1. Di Labis, Segamat dengan keluasan 20 ekar melibatkan 81 unit rumah PKJA dan PKJB dan 105 unit rumah mampu milik Johor.
2. Di Pagoh, Muar dengan keluasan 30 ekar melibatkan 210 unit RMMJ berkonsepkan town house dan 180 unit rumah teres 2 tingkat.

KPRJ akan membina sebanyak 1,743 unit rumah secara keseluruhannya yang dipecahkan seperti berikut:

1. 760 unit rumah teres RMMJ iaitu sebanyak 88 unit di Sagil, Tangkak, 192 unit di Batu 6, Tenglu Mersing dan 480 unit di Kong Kong Masai, Tebrau.
2. 813 unit rumah pangsa pakej A iaitu 520 unit di Kampung Hajah Hasnah, Johor Bahru dan 293 unit rumah pangsa di Kampung Senibong, Permas Jaya.
3. 170 unit rumah pangsa pakej B iaitu di Sungai Lunchu, Plentong.

Manakala Johor Corporation akan membina:

1. 70 unit rumah PKJ di Lenga, Muar.
2. 168 unit RMMJ, 72 unit rumah kos sederhana rendah dan 17 unit kedai kos sederhana rendah di Kong Kong Masai.

Dan terakhir, pihak perumahan rakyat Malaysia (PRIMA) akan membina 21,540 unit rumah di seluruh negeri Johor, bagi menampung keperluan golongan pertengahan. Kesemua unit ini akan ditawarkan dalam harga lingkungan RM150,000.00 sehingga RM350,000.00. Setakat ini sebanyak 1,960 unit telah dalam proses pembinaan.

manakala sebanyak 19,580 unit lagi masih dalam perancangan dan dijangka bermula pada tahun hadapan. Kawasan-kawasan yang terlibat adalah seperti berikut:

1. Kota Tinggi 1,595 unit.
2. Johor Bahru 1,284 unit sedang dalam pembinaan dan 9,561 unit lagi akan dibina.
3. Pasir Gudang 2,665 unit sedang dalam pembinaan dan 475 unit lagi akan dibina.
4. Segamat 1,323 unit.
5. Kluang 2,323 unit
6. Simpang Renggam 700 unit;
7. Batu Pahat - 455 unit; dan
8. Gelang Patah - 968 unit.

vi. Pengemasan Kuota Pemilikan RMMJ

Bagi memperkemas pemilikan RMMJ, inisiatif-inisiatif berikut akan dikuatkuasakan :-

1. Pengenalan 10% kuota pemilikan kepada golongan belia.
2. Pengenalan 10% kuota kepada golongan OKU dan keutamaan kepada golongan OKU dalam pemilikan rumah aras bawah atau aras satu bagi kediaman strata.

Berdasarkan maklum balas umum, kita dapati bahawa isu perumahan tidak hanya berkisar tentang jumlah yang tidak mencukupi. Tetapi turut mencakupi ketidaklayakan mendapat pinjaman dan pembiayaan.

vii. Skim Sewa Beli

Oleh itu untuk tahun 2017 kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM20 juta untuk membeli rumah mampu milik berharga RM42,000.00 dan RM80,000.00 yang akan seterusnya ditawarkan kepada mereka yang layak melalui skim sewa beli. Inisiatif ini diteruskan atas keprihatinan kerajaan negeri bahawa ramai yang tidak berjaya mendapat pembiayaan perumahan daripada bank. Lokasi-lokasi terlibat dalam inisiatif ini akan ditentukan kemudian.

viii. Meluluskan Permohonan Tanah Kerajaan

Untuk tahun 2017 kerajaan negeri akan mengurniakan hak milik tanah di kawasan-kawasan berikut :-

1. Di daerah Johor Bahru, yang melibatkan 392 pemohon ke atas tanah seluas 53 ekar yang merentasi Kampung Pulau Sungai Kim-Kim, Kampung Desa Bakti, Kampung Sentosa dan Kampung Cahaya Baru di Mukim Plentong serta Kampung Bukit Tempurung di Mukim Jelutong.
2. Di daerah Kulai, yang melibatkan 195 pemohon ke atas tanah seluas 364 ekar, meliputi Kampung Rahmat di Bukit Batu, Kampung Sungai Besoi, Kampung Pengkalan Indah dan Kampung Baru Bukit Batu dalam Mukim Sedenak serta Kampung Sri Paya, di Mukim Kulai.



3. Di daerah Batu Pahat, yang melibatkan 125 pemohon ke atas tanah seluas 1,378 ekar meliputi Parit Sri Wangi dalam Mukim Sri Medan dan Kampung Sri Semangat dalam Mukim Tanjung Sembrong.
4. Di daerah Kluang, melibatkan 641 pemohon ke atas tanah seluas 1,123 ekar meliputi Kampung Ilham dan Kampung Sri Cahaya dalam Mukim Kluang, Kampung Isnin Maarof dalam Mukim Machap dan Kampung Sri Pekan dalam Mukim Layang-layang.
5. Di daerah Mersing, melibatkan 81 pemohon ke atas tanah seluas 979 ekar merentasi FELDA Tenggara 4.
6. Di daerah Tangkak pula, ia melibatkan 54 pemohon ke atas tanah seluas 88 ekar di Sawah Ring Blok 16 di Mukim Grisek dan Kampung Gemeh di Mukim Tangkak.
7. Di daerah Kota Tinggi, melibatkan 134 pemohon ke atas tanah seluas 239 ekar meliputi Kampung Sri Aman di Mukim Ulu Sungai Johor dan Kawasan Batu 15 di Mukim Ulu Sungai Sedili Besar.

**f. Kemudahan dan Pengangkutan Awam.**

Infrastruktur frasa rana yang keenam ialah Kemudahan dan Pengangkutan Awam.

Pertama Tan Sri Speaker, Pengangkutan Awam Bas.

**i. Pengangkutan Awam - Bas**

Kerajaan negeri akan mempertingkatkan dan meluaskan inisiatif pengangkutan awam bagi memudahkan pergerakan rakyat di Johor. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut.

1. Cadangan meluaskan perkhidmatan bas Muafakat Johor di daerah-daerah lain, iaitu bermakna bas percuma di bandar-bandar lain dalam daerah Johor menggunakan sebahagian hasil *vehicle entry permit* yang baru sahaja dilaksanakan. (Dewan bertepuk). Jadi insya-Allah tahun hadapan ikut peringkat kita akan sediakan bas percuma di bandar-bandar dalam daerah-daerah di Johor. Ini semua perjuangan Ahli-Ahli Barisan Nasional (Dewan bertepuk).
2. *Iskandar Malaysia Bus Rapid Transit* (IMBRT) yang bernilai RM1bilion dengan peruntukan awal daripada kerajaan pusat sebanyak RM50 juta bagi tahun 2017. Bagi *Iskandar Malaysia Bus Rapid Transit* Fasa 1 ia terdiri daripada 3 jajaran dengan jarak 51km dan 42 stesen melibatkan:
  - a. Jajaran pertama Johor Bahru Central Business District (JB CBD) ke Hab Desa Jaya 18.2 kilometer.
  - b. JB CBD ke hab UTM 19.6 kilometer dan
  - c. JB CBD ke hab Iskandar Puteri 25.1 kilometer.

IRDA akan memulakan *Design Detail Engineering* melalui pendekatan bidaan terbuka atau pun *open tender*, dengan izin pada tahun 2017.

3. Menubuhkan Jawatankuasa Pengangkutan Awam Johor. Antara fungsi dan cakupan tugas jawatankuasa ini kelak adalah untuk melakukan perancangan pengangkutan dan hal-hal pembangunan yang berkaitan dengan pengangkutan awam seluruh negeri Johor, menjadi platform bagi memudahkan dan mempercepatkan proses membuat keputusan mengenai perancangan dan pembangunan pengangkutan awam Johor, menimbang dan menilai kesesuaian setiap projek pembangunan perkhidmatan pengangkutan awam sebelum pihak berkuasa negeri memberi kelulusan dan memberi nasihat serta pandangan kepada projek kerajaan persekutuan di negeri Johor yang melibatkan pengangkutan awam.

ii. Pengukuhan Operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Tan Sri Speaker, pengukuhan operasi dan keberkesanan perkhidmatan PBT adalah perkara penting yang tidak boleh dipandang remeh. Pada tahun 2017 usaha pemantapan pihak Berkuasa Tempatan akan diteruskan dengan melibatkan peruntukan yang dipecahkan seperti berikut:-

Pertama, pembangunan infrastruktur pengangkutan awam seperti menaik taraf perhentian bas, tempat letak kereta dan laluan pejalan kaki dengan peruntukan keseluruhan daripada PBT di kawasan masing-masing sebanyak RM6.1 juta.

Kedua, membina dan menaik taraf ruang-ruang perniagaan dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM24.6 juta. Ini termasuk membina gerai baru di Taman Teratai, Skudai dengan peruntukan RM2.5 juta, membina dan menaik taraf konsep ruang niaga gerai dan pasar di Pasar Awam Senai dengan peruntukan RM700,000.00, membina 6 unit gerai di Jalan Johor-Kota Tinggi dengan peruntukan RM300,000.00;

Ketiga, membina dan menaik taraf taman rekreasi dan riadah dengan peruntukan keseluruhan RM45.6 juta. Ini termasuklah melakukan kerja-kerja menaik taraf Taman Permainan kanak-kanak Jalan Abdul Aziz di Kota Tinggi, menggunakan peruntukan RM200,000.00, menaik taraf Hutan Bandar Kulai dengan memasukkan antaranya laman ekstrem dan kompleks penempatan penjaja yang setiap satunya mendapat peruntukan sebanyak RM2.0 juta dan menaik taraf Hutan Bandar Mutiara Rini, Skudai dengan peruntukan RM500,000.00.

Keempat, pembinaan dan penambahbaikan bangunan pejabat dan dewan dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM87.9 juta. Peruntukan ini akan digunakan untuk antara lain membaik pulih dan menaik taraf Dewan Orang ramai Semerah Parit Raja, Senggarang dan Rengit dengan kos keseluruhan sebanyak RM2.5 juta. Membina dewan raya di Taman Scientex, Kulai dengan kos RM250,000.00 Membina dewan utama kedua dengan kos RM1.5 juta dan menaik taraf Muzium Layang-Layang di Pasir Gudang dengan kos sebanyak RM500,000.00.

Kelima, selain daripada itu kerajaan negeri Johor juga akan melakukan transformasi Pihak Berkuasa Tempatan dengan menaik taraf PBT berikut :-

- a) Majlis Bandaraya Johor Bahru dinaiktaraf kepada Dewan Bandaraya Johor Baru;
- b) Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah dinaiktaraf ke Majlis Bandaraya Johor Bahru Tengah dan;
- c) Majlis Daerah Segamat dinaiktaraf ke Majlis Perbandaran Segamat.

Selain itu untuk menambah baik dan menaik taraf kemudahan pula, pelbagai inisiatif akan dijalankan yang merangkumi projek-projek berikut:-

### iii. Kemudahan Awam – Tandas Sejahtera

Program tandas sejahtera yang melibatkan pembinaan baik pulih dan sistem pengurusan tandas awam yang lebih sempurna oleh PBT di semua PBT di Johor dengan tiap-tiap PBT memperuntukkan sehingga RM300,000.00. Ia merupakan kesinambungan daripada projek baikpulih dan naiktaraf tandas awam PBT di bawah NBOS ke-10 bagi program *My Beautiful Malaysia (MyBM)* tahun 2016.

### iv. Kemudahan Awam – SIREH Park

Bagi meningkatkan keindahan landskap dan kemudahan taman awam pula, satu projek pembangunan taman awam yang dikenali sebagai *SIREH Park@ Iskandar Puteri* akan dimulakan pada tahun hadapan. *SIREH Park* ini adalah sebuah taman awam kategori taman wilayah yang memiliki keluasan 343 ekar. Ia akan dibangunkan sebagai sebuah taman warisan semula jadi bertaraf dunia.

Antara kemudahan dan fasiliti taman ini ialah ruang taman yang padat dengan koleksi flora dan fauna serta warisan biodiversiti tempatan, kawasan lapang tapak ekspo dan pameran serta ruang dan kemudahan untuk riadah dan rekreasi. Pembangunan fasa pertama *SIREH Park* ini akan dilakukan dengan anggaran kos sebanyak RM16 juta dan dijangka siap pada hujung tahun 2017. Selepas siap kelak ia akan dibuka kepada umum secara percuma.

### g. **Pembangunan dan Kemudahan Sukan Bertaraf Dunia.**

Prasarana yang ketujuh, Pembangunan dan Kemudahan Sukan Bertaraf Dunia. Sukan adalah aspek pembangunan sosial dan keberkesanan insan yang sangat penting. Malah sukan juga adalah instrumen penting perpaduan serta mempunyai nilai ekonomi yang strategik. Justeru melalui peruntukan kerajaan negeri, sektor sukan akan menerima peruntukan sebanyak RM32.16 juta yang akan disalurkan untuk menjayakan pelaksanaan inisiatif-inisiatif berikut:-

Pertama, program pembangunan jangka panjang yang dikenali sebagai *Johor Gemilang 2020*. Menggunakan strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), program ini akan menggembeng kerjasama pelbagai GLC negeri Johor, Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor bagi melonjakkan pencapaian keseluruhan sukan Johor. Mereka akan menjadi rakan strategik Majlis Sukan Negeri Johor serta persatuan-persatuan sukan. Program ini adalah sebahagian daripada pelan persediaan kita dalam menghadapi SUKMA 2020 yang akan berlangsung di negeri Johor.

Kedua, suntikan dana berjumlah RM505,000.00 bagi tujuan mencungkil dan membangunkan bakat atlet muda. Dana ini akan di salur untuk menambah baik pelbagai program pembangunan sukan yang dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan negeri.

Ketiga, kita juga akan memberikan tawaran biasiswa pendidikan kepada 5 atlet berkecayaan di bawah Yayasan Pelajaran Johor. Setiap atlet berkecayaan ini akan diberikan biasiswa bernilai RM7,000.00 setahun yang dipecahkan kepada RM3,500 bagi setiap semester.

Keempat, satu peruntukan sebanyak RM10 juta akan diteruskan sama seperti tahun ini bagi pembangunan bola sepak khususnya di peringkat akar umbi. Antaranya :-

1. Bagi menjayakan Program Pembangunan Bola Sepak 17 tahun ke bawah di bawah Akademi Johor Darul Ta'zim, yang melibatkan kerjasama Persatuan Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ), Borussia Dortmund (BVD) dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Di bawah program ini sebanyak 12 pusat latihan daerah telah diwujudkan bagi menempatkan para pemain yang terpilih yang menjadi pusat latihan dan perlawanan persahabatan. Bagi para pemain terpilih pula mereka turut diberikan pendedahan latihan dan perlawanan persahabatan di luar negara.
2. Program Pembangunan Bola Sepak Belia Bawah 19 Tahun yang merupakan pasukan amatur yang menyertai pertandingan Piala Malaysia FAM setiap tahun.
3. Pembangunan Pasukan Bola Sepak Bawah 21 Tahun yang merupakan pasukan amatur yang menyertai pertandingan Piala Presiden FAM setiap tahun.

Melalui peruntukan pembangunan seperti ini, kecemerlangan bakat pasukan bola sepak di kalangan anak tempatan negeri Johor akan dapat dilahirkan, insya-Allah. Selain daripada peruntukan oleh kerajaan negeri akan terdapat 2 pembinaan infrastruktur sukan yang dibiayai oleh pihak GLC dan juga swasta.

1. Pembinaan Kompleks Sukan Lee Chong Wei *International Sports City* di atas tanah pajakan milik kerajaan negeri berkeluasan 11.18 ekar di Bandar Seri Alam. Projek ini akan dilaksanakan oleh pihak swasta dengan kos keseluruhan berjumlah RM100 juta. Kompleks ini akan terdiri daripada stadium badminton, asrama serta akademi badminton, pusat kesihatan dan beberapa kemudahan sukan lain. Ia akan menempatkan Johor sebagai salah satu destinasi akademi latihan badminton bertaraf antarabangsa di peta dunia, seperti *Frederikshavn Badminton Academy* di Denmark, *Yeomju Gymnasium* di Korea, *Dongguan LYB Badminton School* di China dan *Taufik Hidayat Arena* di Indonesia.
2. Pembinaan *Stadium Sport City* yang terletak di kawasan Mount Austin, Johor Bahru. Kemudahan ini bakal menjadi pusat sukan dan riadah rakyat. Ia terdiri daripada stadium olahraga berkapasiti 5,000 orang, padang latihan serba guna, infrastruktur dalaman serta kemudahan utiliti. Pembinaan ini melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM89 juta, dan stadium ini akan dibina oleh KPRJ, Kumpulan Prasarana Rakyat Johor.

### **MENGERATKAN KERJASAMA KERAJAAN NEGERI DENGAN KERAJAAN PUSAT.**

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerjasama erat antara kerajaan negeri dengan kerajaan pusat sangat penting untuk dipertingkatkan. Malah, segala pencapaian Johor yang memberangsangkan selama ini, adalah hasil kerjasama erat dengan kerajaan pusat. Lihat sahaja pembangunan beberapa projek penting seperti Iskandar Malaysia, RAPID di Pengerang, Projek Trek Berkembar dan Projek Kereta api Berkelajuan Tinggi.

Pada kesempatan ini bagi pihak kerajaan negeri Johor, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan pusat atas peruntukan sebanyak RM2.406 bilion kepada negeri Johor dalam Bajet Persekutuan yang telah diumumkan baru-baru ini. Daripada jumlah ini, sebanyak RM316.38 juta akan diperuntukkan untuk projek-projek baru. Manakala, baki sebanyak RM2,090.09 juta akan diperuntukkan untuk meneruskan projek dan inisiatif sedia ada.

Kerajaan negeri akan menggiatkan lagi kerjasama dengan *East Coast Economic Region (ECER)* bagi membangunkan kawasan pantai timur Johor. Ia mesti menjadi kawasan pertumbuhan penting dan berjaya seperti Iskandar Malaysia. Kerajaan negeri amat berharap agar kerajaan pusat akan terus merujuk pandangan kerajaan negeri bagi pelaksanaan pelbagai projek kerajaan pusat di negeri Johor.

### **MENGUKUH AGENDA KEBOLEHSAINGAN MELAYU, BUMIPUTERA DAN ORANG ASLI.**

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bajet kaili ini juga memberikan satu perhatian khusus terhadap Agenda Kebolehsaingan Melayu Bumiputera dan Orang Asli. Agenda ini bertujuan memantap dan memperkukuh keupayaan orang Melayu bumiputera dan Orang Asli untuk bersaing dan merebut peluang dalam bidang-bidang kritikal dan penting. Misalnya, pertama, dalam sektor pembinaan, satu program Kontraktor Patuh Syariah akan dijalankan bagi melatih 500 kontraktor bumiputera melalui kursus, peperiksaan dan pensijilan. Usaha ini bertujuan membantu membangunkan ekosistem ekonomi Islam dan bumiputera. Melalui pelaksanaan projek seperti pembangunan sekolah agama, surau, wakaf dan sebagainya secara patuh syariah. Dan akan memperuntukkan sebanyak RM1.625 juta untuk menjayakan program ini.

Kedua, Program Pembangunan Komuniti Orang Asli bersama beberapa yayasan PBT dengan peruntukan sebanyak RM300,000.00 yang akan melibatkan pembangunan kemahiran bagi meningkatkan pendapatan kepimpinan serta galakan dalam pendidikan di kalangan Orang Asli.

### **MENGUKUHKAN KONSEP BANGSA JOHOR DAN MUAFAKAT JOHOR SEBAGAI JALAN PERPADUAN**

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, salah satu matlamat besar Johor Berkemajuan ialah membangunkan peradaban yang unggul. Ini termasuklah mengukuhkan kesepaduan pelbagai bangsa di Johor melalui konsep Bangsa Johor dan Muafakat Johor. Sesungguhnya, segala kemajuan yang terhasil di Johor ini adalah kerana sumbangan semua kaum, tiada yang terkecualli. Bagi mengukuhkan lagi agenda Bangsa Johor dan Muafakat Johor ini, kerajaan negeri menyarankan agar semua program di Johor mestilah sedaya upaya dianjurkan dengan penglibatan pelbagai kaum. Ia mesti

memaparkan kepelbagaian yang menjadi kekuatan sebenar Bangsa Johor. Kerajaan negeri juga menyeru agar rakyat Johor merancang pelbagai aktiviti di bawah abor Bangsa Johor untuk mengukuhkan penjiwaan konsep positif ini sesama kita. Adalah menjadi harapan kerajaan negeri agar rakyat dan pertubuhan bukan kerajaan menjadi penggerak sebenar perpaduan di Johor. Dan bukannya menganggap perkara ini sebagai tanggungjawab rasmi kerajaan negeri, apatah lagi untuk bergantung kepada sesetengah parti politik yang memecahbelahkan.

Sebagai salah satu inisiatif meraikan semangat Bangsa Johor dan kehidupan bermuafakat ini, kita akan menjenamakan semula satu kawasan di pusat bandar raya Johor Bahru sebagai *The Street of Harmony* atau Jalan Muafakat Bangsa Johor. Projek ini bernilai RM5 juta dan akan dijalankan secara berperingkat. Projek ini akan menyaksikan pelbagai rumah ibadat dan bangunan yang menjadi identiti pelbagai kaum, dihubung dan dijadikan mercu tanda keharmonian dan semangat muafakat Bangsa Johor. Ia melibatkan kerjasama daripada *Tourism Johor*, Yayasan Warisan Johor dan Majlis Bandaraya Johor Bahru. Manakala, pihak *Think City* akan melakukan kajian terperinci pelaksanaannya.

## **MEMPERKUKUH 7 AGENDA BESAR**

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya, Bajet 2017 juga akan memfokuskan kepada usaha memperkukuh dan menambah baik pelaksanaan tujuh agenda besar yang telah kita perkenalkan sebelum ini.

### **a. Agenda Johor Mahir**

Agenda yang pertama ialah Agenda Johor Mahir. Abad ke-21 menuntut satu set kemahiran yang jauh berbeza dengan apa ditawarkan oleh sistem dan struktur pendidikan sekarang. Laporan Forum Ekonomi Dunia terkini menunjukkan bahawa kesan daripada teknologi *cloud computing*, dengan izin, 67% daripada pekerjaan sedia ada di ASEAN akan terkesan. Malah, di seluruh dunia, lebih daripada 7 juta pekerjaan akan digantikan dengan *artificial intelligence* dan teknologi automasi termaju. Perkara ini sedang berlaku dengan rancak dan akan memberi kesan besar kepada dunia pekerjaan.

Maka, adalah kritikal untuk kita menyelaras kembali cara kita menguruskan bakat dan kemahiran yang ada di negeri Johor pada hari ini.

#### **i. Peluang Mengikuti Latihan Kemahiran Bertaraf Dunia**

Kita perlu tentukan peluang mengikuti latihan kemahiran bertaraf dunia. Kesedaran kerajaan negeri tentang kepentingan pengurusan dan pembangunan bakat akan turut diterjemahkan melalui Tabung Latihan Kemahiran Johor. Bertujuan mengukuhkan agenda pendidikan TVET dengan peruntukan sebanyak RM5 juta, tabung ini melibatkan 2,500 pelajar yang berminat untuk melanjutkan pengajian dalam bidang kemahiran di institut-institut kemahiran dalam negeri Johor. Di samping itu, bagi meneruskan momentum ini, 5 buah Pusat Jaya Diri akan diwujudkan di Johor Bahru, Segamat, Kluang, Kota Tinggi dan Batu Pahat dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00 yang akan dilaksanakan melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim. Pusat Jaya Diri ini akan berfungsi menyediakan kursus serta latihan

peningkatan kemahiran diri khusus kepada golongan ibu tunggal, wanita berpendapatan rendah dan golongan OKU.

ii. Pemantapan Pengurusan bakat dan Swadaya Insan

Pemantapan pengurusan bakat dan swadaya insan. Unit Swadaya Insan yang telah dirasmikan penubuhannya pada awal Oktober lalu, akan menggandakan usaha memantapkan pengurusan dan pembangunan modal insan yang lestari dengan peruntukan sebanyak RM3.5 juta. Saya ingin kongsi bahawa sehingga September 2016, 3,578 orang telah dilatih di bawah Program Johor *Bio Talent* dan sebanyak 95% peserta telah berjaya mendapat pekerjaan selepas bergraduat. Maka, selari dengan keperluan pihak industri yang menunjukkan bahawa, 72% unjuran modal insan adalah di peringkat pekerja separa mahir, program ini akan diteruskan pada tahun hadapan dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00.

iii. Insentif Pendidikan.

Bilangan penerima insentif di kalangan mahasiswa yang mengikuti program ijazah sarjana akan dipertingkatkan kepada 200 penerima dengan setiap seorang menerima RM5,000.00. Pemberian insentif melalui Tabung Pendidikan Sarjana PDT ini, melibatkan peruntukan sebanyak RM1 juta secara keseluruhannya dan jumlah ini disumbangkan oleh PDT sebanyak RM500,000.00 dan baki RM500,000.00 lagi disumbangkan oleh Yayasan Pelajaran Johor.

Biasiswa Kenangan Dato' Onn akan diteruskan dengan penglibatan 400 orang pelajar baru. Peruntukan sebanyak RM300,000.00 disediakan khusus untuk pelajar baru manakala syarat permohonan bagi pendapatan ibu bapa, penjaga ditambah baik dari RM1,500.00 ke bawah kepada RM2,000.00 ke bawah bagi memperluas peluang kepada pelajar. Ketika ini, seramai 1,100 orang pelajar Melayu, 150 orang pelajar Cina dan 50 orang pelajar India sedang menerima manfaat Biasiswa Kenangan Dato' Onn.

iv. Program Latihan Kepimpinan dan Peningkatan Kapasiti Pelajar.

Program Duta Jauhar akan diperkemas melalui versi 4.0, dalam usaha memberi platform kepada mahasiswa menyumbang idea dan sokongan dalam mentransformasikan masyarakat. Untuk itu, sebanyak RM1.5 juta akan diperuntukkan, dengan sasaran penglibatan seramai 450 mahasiswa yang datangnya daripada Johor pada tahun 2017. YPJ akan memperuntukkan RM500,000.00 untuk menjayakan *English Language Camp* ataupun Program Pengayaan Bahasa Inggeris bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris oleh pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah. Sasarannya ialah 200 pelajar bagi tahun 2017. Kem Kepimpinan Generasi Ta'zim akan diteruskan dan dijenamakan sebagai Karisma Ta'zim. Program ini bertujuan mendedah bakat kepimpinan mahasiswa dengan sejarah kepimpinan tokoh Johor serta dasar-dasar semasa pentadbiran kerajaan Johor seperti Johor Berkemajuan. Kem ini melibatkan 600 mahasiswa dengan peruntukan RM500,000.00.

Program Kepimpinan Muda diteruskan dan dikenali sebagai *Johor Youth Leadership Camp* khusus untuk pelajar sekolah menengah yang menerima bantuan Biasiswa Kenangan Dato' Onn dan merupakan Ketua Pengawas Sekolah. Ia bertujuan mencungkil bakat kepimpinan pelajar dan membina sahsiah tinggi. Sasarannya

adalah seramai 440 pelajar dan akan menelan belanja sebanyak RM500,000.00. Kerajaan negeri bersama-sama dengan pihak Yayasan PBT akan bekerjasama melakukan usaha pengukuhan karakter pelajar dalam pembelajaran abad yang ke-21. Usaha ini melibatkan peruntukan sebanyak RM800,000.00 daripada kerajaan negeri.

v. Latihan Penjawat Awam.

Penyertaan kursus-kursus jangka pendek kepada penjawat awam Johor yang sedia ada akan diperluaskan kepada guru-guru KAFA melalui Tabung Latihan Kemahiran Penjawat Awam Johor dengan peruntukan sebanyak RM500,000.00 yang disalurkan oleh PDT.

vi. Kebajikan Dan Pendidikan Masyarakat India, Cina dan OKU.

Program Inklusif Masyarakat India yang diumumkan tahun lalu akan diteruskan pada tahun hadapan. Peranan ini, pada tahun hadapan dipertanggungjawabkan kepada Yayasan Sultanah Rogayah dengan peruntukan sebanyak RM6 juta. Peruntukan ini akan dipecahkan untuk membiayai ikhtiar-ikhtiar berikut bagi masyarakat India.

- a. Keusahawanan - RM2.5 juta.
- b. Pendidikan - RM1.5 juta; dan
- c. Kebajikan - RM2 juta.

Selain itu, kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi tujuan membaik pulih bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Bagi pembangunan masyarakat Cina pula. Sebanyak RM4 juta akan diperuntukkan. Jumlah ini terdiri daripada peruntukan oleh kerajaan negeri sebanyak RM2 juta bagi tujuan baik pulih prasarana Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di negeri Johor.

Manakala baki RM2 juta lagi akan disalurkan melalui Yayasan Sultanah Fatimah, daripada jumlah ini sebanyak RM1 juta akan dikhususkan untuk membantu golongan miskin bagi tujuan pendidikan kaum Cina. Baki RM1 juta lagi, akan diperuntukkan bagi Skim Pinjaman kepada peniaga kecil Cina. Bagi menyokong pendidikan peringkat tinggi masyarakat Tiong Hua di Johor, kerajaan negeri akan menyalurkan sebanyak RM500,000.00 kepada Kolej Universiti Selatan. Ini merupakan inisiatif khas yang berminat membantu pendidikan tinggi masyarakat Cina di Johor.

Tan Sri Speaker, selain itu kita akan menubuhkan Taska Orang Kelainan Upaya di YPJ, Bukit Senyum khusus untuk OKU orang pekak dan bisu dengan peruntukan sebanyak RM300,000.00. Dan, saya suka maklumkan bahawa Johor adalah negeri pertama yang mengusahakan inisiatif taska orang kelainan upaya.

b. **Agenda Johor Prihatin.**

Agenda kita yang kedua ialah Agenda Johor Prihatin. Bagi terus membudayakan masyarakat Johor yang prihatin, kita akan melaksanakan inisiatif berikut:



i. Merencanakan Aktiviti Kesukarelawanan.

Kerajaan negeri sedar bahawa golongan belia, pertubuhan NGO dan para sukarelawan adalah nadi penggerak aktiviti sosial yang sangat penting. Justeru untuk tahun 2017, kita akan terus menggalakkan aktiviti kesukarelawan di Johor dengan peruntukan kerajaan negeri sebanyak RM2 juta. Antara aktiviti-aktivitinya ialah yang pertama menjadikan Sukarelawan Darul Ta'zim sebagai salah satu aktiviti kokurikulum di sekolah dengan melibatkan sebagai pemulaan 56 buah sekolah menengah dari pelbagai kawasan DUN.

Kedua, menganjurkan secara Dwi Tahunan Jambori Sukarelawan Darul Ta'zim. Perkhemahan ini akan diisi dengan program kesukarelawanan bersama komuniti setempat. Ia merupakan satu pengiktirafan peranan belia dalam aktiviti kesukarelawanan. Mendidik belia berorganisasi dan meningkatkan jati diri mereka. Untuk itu peruntukan sebanyak RM100,000.00 akan diberikan.

Ketiga, pada Februari tahun ini, Kumpulan Duta Jauhar INSTEAD telah diiktiraf peringkat nasional dengan menerima Anugerah Inisiatif Sukarelawan Terbaik sempena Volunteer Malaysia Award anjuran 1Malaysia For You (1M4U) ataupun 1M4U menerusi projek *Knowledge For Wellness*, dengan izin. Melalui projek ini para mahasiswa INSTEAD membuat lawatan rumah dan memberi latihan mengenai penjagaan kesihatan. Lanjutan daripada inisiatif tersebut satu gerakan sukarelawan akan ditubuhkan bagi memastikan kesinambungan usaha murni mereka. Maka bagi mengiktiraf usaha baik ini sebanyak RM150,000.00 akan diperuntukkan pada tahun hadapan bagi menyokong penubuhan 10 kumpulan sukarelawan yang menggunakan modul projek mahasiswa INSTEDT di seluruh daerah negeri Johor. Jadi, terserahlah pada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk mewujudkan kumpulan sukarelawan ini.

ii. Menyokong Pergerakan Belia dan NGO.

Seterusnya kerajaan negeri akan memberikan insentif pengurusan Persatuan Belia kepada Majlis Belia Negeri Johor, Majlis Belia Daerah dan Pertubuhan Belia 4B Negeri Johor. Keseluruhan insentif pengurusan ini berjumlah RM210,000.00. Sebagai menghargai pergerakan sivil yang aktif dan progresif dalam menghadap upayakan rakyat, kerajaan negeri bersetuju meneruskan pemberian geran berjumlah RM2 juta bagi mengerakkan pelbagai NGO di Johor dengan lebih aktif.

Dan yang terakhir, selaras dengan pemindahan pejabat YPJ Bukit Senyum satu pusat aktiviti pelajar yang dinamakan Johor Youth Professional Academic Center akan turut ditempatkan di sini. Pusat ini akan dijadikan hub aktiviti pelajar yang antara lain bertujuan meningkatkan keberkesanan perancangan dan pelaksanaan Program Duta Jauhar.

iii. Membela Anak Yatim.

Yang ketiga membela anak yatim, menjaga anak-anak yatim adalah tanggungjawab yang sangat penting. Untuk itu Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) telah meluluskan satu peruntukan keseluruhan berjumlah RM2 juta bagi membina Pusat Jagaan dan Keupayaan Anak-Anak Yatim di Bandar Tenggara yang mempunyai

kapasiti menampung 50 penghuni. Untuk tahun 2017, sebanyak RM500,000.00 akan diperuntukkan terlebih dahulu bagi pelaksanaan kerja-kerja awalan.

iv. Khairat Kematian.

Dan yang keempat, khairat kematian kerajaan negeri akan menyediakan khairat kematian sebanyak RM300.00 kepada semua kaum. (Dewan bertepuk). RM300.00 seorang kepada semua kaum.

v. Program-program Kesedaran.

Bagi pelaksanaan program kesedaran peruntukan-peruntukan berikut akan diberikan pertama, RM1 juta daripada kerajaan negeri ini untuk usaha pencegahan penyalahgunaan dadah dan kedua RM1 juta daripada PBT untuk pencegahan wabak denggi.

vi. Menghidupkan Rukun Tetangga.

Bagi meningkatkan tahap keprihatinan dan keselamatan lingkungan kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 kepada Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela.

c. **Agenda Johor Lestari.**

Agenda yang ketiga ialah agenda Johor Lestari. Johor yang berkemajuan bukan sahaja akan menyaksikan pembangunan fizikal dan pertumbuhan ekonomi yang rancak. Namun, kelestarian alam sekitarnya juga mesti terjaga dengan baik.

i. Melestarikan Alam Sekitar Dengan Terbaik.

Pertama, melestarikan alam sekitar dengan terbaik bagi meminimumkan penggunaan dan kebergantungan kepada bahan pembungkusan berasaskan plastik dan polisterin yang mencemarkan alam sekitar, satu Rangka Tindakan dan Pelan Hala Tuju Biososot dan Biokompas Johor akan dijalankan. Usaha ini adalah untuk memastikan kerancangan pembangunan ekonomi dan tabiat konsumerisme domestik kita tidak membelakangkan kepentingan kelestarian alam sekitar yang akan meliputi pelaksanaan menyeluruh di kalangan peserta industri sedia ada pemborong, pengedar dan pengguna melalui pemantauan penguatkuasaan dan penambahbaikan kepada pelan asal untuk ini kita peruntukkan RM250,000.00.

Kedua, penglibatan masyarakat melalui pendidikan dan kesedaran akan diperluaskan melalui Program Community in River (COIR 2017) yang memberi tumpuan khusus kepada Sungai Skudai bagi melahirkan sifat tanggungjawab bersama dalam pemeliharaan sungai. Program ini mensasarkan penglibatan 1,500 penduduk dan 50 industri pemaju serta sekolah. Penglibatan belia terutamanya Majlis Belia Negeri Johor ke arah memperkenalkan program komuniti ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM200,000.00 dan melibatkan kawasan Pasir Gudang, Johor Bahru, Segamat, Kota Tinggi, Batu Pahat dan Kulai.

Ketiga, kerajaan negeri akan mewartakan sebuah lagi Taman Negara di negeri Johor iaitu di Bukit Tunku, Bukit Belading dan Reban Kambing yang dikenal pasti sebagai kawasan yang kaya dengan tumbuhan spesifik yang tiada di tempat lain seperti cyras *cantafonia* ataupun pakis berlagu. Proses ini akan melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1.5 juta. Ini adalah hadiah penting Johor untuk kelestarian alam sekitar. (Dewan bertepuk). Hadiah yang tidak mampu dinilai dengan apa-apa jua ukuran.

Keempat, kita juga sedar keperluan mengambil kira kepentingan pemeliharaan dan kelestarian kampung-kampung tradisional yang terletak dalam Iskandar Malaysia. Untuk itu sebuah pelan tindakan menyeluruh bagi meningkatkan potensi dan seterusnya mentransformasikan kampung tersebut perlu disediakan dan dilaksanakan. Pada tahun 2016 Kampung Kuala Masai dan Kampung Pasir Gudang Baru telah dipilih sebagai projek perintis program ini. Program ini akan diteruskan pada tahun 2017 melibatkan kampung di sekitar mukim Tanjung Kupang dan kawasan Gelang Patah yang berpotensi sebagai Koridor Ekonomi Sekunder di antara Iskandar Puteri dan kawasan Tanjung Pelepas.

Agenda kesejahteraan produk, kesejahteraan penduduk sekitar akan menjadi keutamaan yang akan mengambil kira penambahbaikan infrastruktur fizikal dan pewujudan aktiviti sosio ekonomi ke arah peningkatan kualiti hidup yang lebih baik untuk penduduk setempat. Sebanyak RM1 juta daripada Kumpulan Wang Projek Sosial Iskandar Malaysia akan diperuntukkan untuk tujuan ini tidak termasuk peruntukan melalui kerjasama dan pelaksanaan projek tanggungjawab sosial korporat daripada pihak swasta yang akan dikenal pasti.

#### ii. Mempelbagaikan Produk Pelancongan.

Kedua, mempelbagaikan produk pelancongan. Apabila kita mempunyai persekitaran yang lestari dan terjaga secara tidak langsung ia akan menarik kemasukan pelancong dan pengunjung ke negeri Johor. Johor mencatatkan peningkatan jumlah pelancong yang positif setiap tahun sejak 2012 daripada 3.9 juta orang pada tahun tersebut kepada 6.95 juta orang pada tahun 2015. Ini bersamaan peningkatan sebanyak 3 juta pelancong dalam tempoh 3 tahun.

Untuk itu kita akan memperuntukkan sebanyak RM17.153 juta secara keseluruhannya bagi menjadikan Johor tempat pelancongan yang lebih menarik pada tahun hadapan. Jumlah ini terdiri daripada pembangunan infrastruktur dan agro pelancongan RM7 juta, pelbagai Program Promosi Expo Johor RM8 juta dan perbelanjaan mengurus Tourism Johor RM2.153 juta. Secara spesifik dan perinciannya pula, inisiatif-inisiatif yang akan kita jalankan adalah seperti berikut, pertama menganjurkan pelbagai Expo Pelancongan di dalam dan di luar negara serta merencanakan publisiti melalui pelbagai media dan saluran. Untuk ini Tourism Johor akan berkolaborasi dengan GoAsean bagi mempromosikan pelancongan Johor secara berimpak tinggi di rantau ini.

Kedua, Penganjuran Johor Tourism Award 2017 pada tahun hadapan. Selain itu, di mana-mana destinasi pelancongan di dunia khidmat pemandu pelancong, malim gunung atau mereka yang mahir dengan selok belok sesuatu kawasan amat penting. Ia bukan sahaja menjadikan pengalaman pelancong lebih menarik, selesa dan selamat tetapi turut menambah ilmu pengetahuan. Justeru sebagai inisiatif

pelancongan yang ketiga, satu kursus pemandu pelancong yang komprehensif akan dijalankan. Ia bertujuan melahirkan pemandu pelancong yang terlatih mahir dengan salah silih budaya serta tempat bersejarah di Johor dengan sasaran melahirkan serama 100 orang pemandu pelancong bertauliah. Inisiatif ini akan dijalankan dalam dua peringkat iaitu Kursus Pensijilan dan Kursus Spesifik.

Keempat, konsep Agro Stay akan diperluas sebagai salah satu tarikan pelancongan dalam negeri Johor. Lokasi-lokasi Agro Stay yang telah dikenal pasti akan diberikan penambahbaikan supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik serta selesa kepada pengunjung yang dijangka akan meningkatkan pendapatan sampingan antara 20 hingga 30% melalui aktiviti agro pelancongan. Sebanyak RM1.867 juta akan diperuntukkan untuk inisiatif ini.

Kelima melalui Pelan Transformasi Kota Tinggi, Program Kembara Wangsa akan terus dilaksanakan dan ia dibiayai melalui peruntukkan Johor Corporation merangkumi:

- a. Membuka potensi persisiran Sungai Johor dan Bandar Kota Tinggi sebagai destinasi pelancongan di negeri Johor.
- b. Meningkatkan aktiviti ekonomi penduduk setempat dan menjana peluang pekerjaan di dalam industri pelancongan dan perkhidmatan; dan
- c. Menaik taraf bangunan lama serta tinggalan sejarah agar dapat lebih di manfaat dan dihargai.

Untuk Fasa 1B Program Kembara Wangsa daripada tahun 2016 hingga 2019 yang akan melibatkan kos berjumlah RM10.5 juta yang merangkumi:

- a. Pembinaan *amphitheatre* berhampiran Pusat Informasi Pelancong.
- b. Pembinaan jeti terapung di tebing sungai berhampiran PIP.
- c. Lagenda Laksamana Bentan Showcase; dan
- d. Jeti Terapung di Lagenda Laksamana Bentan Showcase.

Seterusnya, di bawah Fasa 2 pula, iaitu tahun 2019 hingga 2021 kita akan melakukan pembinaan jambatan gantung pejalan kaki di Kampung Makam, pasar terapung dan pembinaan replika Kapal Jong.

Keenam dan terakhir, satu peruntukan permulaan sebanyak RM200,000.00 akan diberikan bagi tujuan pembukaan *Caravan Park* secara berperingkat di beberapa lokasi yang akan dikenal pasti.

#### **d. Agenda Johor Islami**

Tan Sri Speaker, agenda kita yang keempat ialah Agenda Johor Islami. Untuk menjayakan Agenda Johor Islami, kita tidak seharusnya meletakkan perkara ini sekadar sebagai slogan dan semangat semata-mata. Sebaliknya, inisiatif yang benar-benar mencerminkan Islam dan syariatnya harus diterjemahkan dengan baik. Untuk tahun 2017, sebanyak RM320.32 juta diperuntukkan secara keseluruhannya bagi tujuan pembangunan Islam termasuklah belanja mengurus dan pembayaran gaji. Jumlah ini bertambah sebanyak RM34.32 juta berbanding RM286 juta pada tahun 2016.

Secara khususnya kita akan menjalankan inisiatif berikut:

i. Waqf.

Bermula dalam pembentangan bajet pada tahun lalu, kita telah menegaskan yang Johor akan melakukan ikhtiar secara besar-besaran bagi membudayakan wakaf di Johor. Kita mensasarkan waqf, akan menjadikan instrumen baru kita untuk membantu menyelesaikan pelbagai isu yang dihadapi oleh masyarakat serta menjadi mekanisme yang lebih inovatif dalam membudayakan sifat memberi di kalangan masyarakat Johor. Suka saya mengumumkan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa pada 8 November yang lalu, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor telah berkenan mencemar duli melancarkan Tabung Wakaf Rakyat Johor. Setakat ini, tabung ini telah menerima sumbangan sebanyak RM12 juta hasil pemberian oleh pelbagai pihak.

Bagi tahun 2017, kita akan memastikan waqf terus menjadi agenda utama kita. Setakat ini, kita merancang untuk melakukan inisiatif-inisiatif berikut:

- a. Membina Hospital Pakar Wakaf Johor yang mempunyai 280 katil di kawasan seluas 5.4 ekar di Bandar Baru Uda, Johor Bahru.
- b. Pembinaan Dewan Serba guna Wakaf Johor yang mempunyai kapasiti 1500 orang di atas tanah seluas 5.5 ekar di Jalan Datin Halimah, Johor Bahru.
- c. Melancarkan Skim-skim Wakaf Saham Larkin Sentral sebagai model bagi membolehkan penglibatan orang ramai dalam mengembangkan peranan Institusi wakaf.

ii. Pemeriksaan Sekolah, Guru dan Pendidikan Agama.

Pada tahun hadapan, kerajaan negeri akan meneruskan pembinaan sekolah-sekolah agama Johor melalui Fasa 5, melibatkan pembinaan sebanyak 25 buah sekolah agama yang baru, iaitu 2, di Muar; 6, di Kulai; 4, di Kluang; 3, di Tangkak; 6 di Johor Bahru; 3 di Pontian dan 1 di Batu Pahat.

Projek ini menelan kos sebanyak RM141.1 juta secara keseluruhannya dengan peruntukan dana permulaan sebanyak RM8 juta akan diberikan untuk tahun 2017.

Seterusnya, kenaikan gaji bulanan bagi 154 orang guru tadika Islam dari RM800.00 kepada RM1,000.00 selaras dengan gaji minimum bulanan yang telah ditetapkan oleh kerajaan persekutuan. Program pendidikan Islam digital akan diteruskan pelaksanaannya dengan peruntukan RM2.3 juta oleh Jabatan Agama Islam Negeri. Program ini akan melibatkan sebuah sekolah di Kluang dan 4 buah sekolah di Johor Bahru.

iii. Penghakupayaan Asnaf.

Program-program Penghakupayaan Asnaf pada tahun 2017 akan melibatkan peruntukan keseluruhannya sebanyak RM89.5 juta oleh Majlis Agama Islam Johor. Ia boleh dipecahkan seperti berikut :

Pertama, Program Peningkatan Pendapatan Asnaf. Program ini bertujuan untuk membantu mereka berniaga agar mereka dapat keluar daripada kategori Asnaf. Bagi memperkasa program ini, sebanyak 10 unit Lori penjaja bergerak akan disediakan bagi Asnaf terpilih. Program ini turut melibatkan bantuan dan latihan agar mereka menjadi lebih mandiri dan berdikari. Pemberian peralatan dan penganjuran pelbagai khusus dan latihan serta motivasi kepada anak-anak mereka. Ia melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM3 juta.

Kedua, Program Kesihatan Asnaf. Bagi memastikan kesihatan golongan Asnaf berada pada tahap yang baik, mulai tahun hadapan, Majlis Agama Islam Johor akan memperkenalkan satu skim bantuan kesihatan yang baru khas kepada pesakit jantung dengan peruntukan khusus sebanyak RM2 juta. Sakit jantung Asnaf. Bantuan ini akan diurus secara kerjasama dengan Institut Jantung Negara dan dijangka seramai 1,000 pesakit Muslim berdaftar yang akan menerima bantuan ini. Selain itu, bantuan-bantuan kesihatan yang lazim, seperti pemakanan sihat, dialisis dan lain-lain rawatan perubatan akan diteruskan. Keseluruhan program ini menelan belanja RM60 juta.

Ketiga, Program Pendidikan Asnaf. Meningkatkan akses dan kualiti pendidikan anak-anak Asnaf, zakat dari peringkat rendah hingga pengajian tinggi akan dilakukan dengan meneruskan 9 skim bantuan pendidikan di bawah Majlis Agama Islam. Ia merangkumi bantuan pakaian sekolah, makanan sihat, yuran, pengangkutan, derma siswa luar negara, pinjaman pendidikan luar negara, tambang ke pusat pengajian tinggi dan pendaftaran di Institusi Pengajian Tinggi. Keseluruhan skim ini melibatkan peruntukan sebanyak RM26.5 juta dan memberi manfaat kepada 70,000 anak-anak orang Asnaf. (Dewan bertepuk).

#### iv. Pembinaan Masjid-masjid Baharu.

Melalui peruntukan kerajaan pusat sebanyak RM22.02 juta disediakan bagi membina baru dan membaik pulih 11 buah masjid di seluruh Johor seperti berikut :

- a. Masjid Jamek Kampung Bintang, Peserai, Batu Pahat RM2.22 juta;
- b. Masjid Felda Pemanis Dua, Segamat RM2 juta;
- c. Masjid Jamek Kampung Seri Jaya, Tangkak RM1.5 juta;
- d. Membaik pulih Masjid Al-Taqwa Kampung Jeram Bakri, Muar RM200,000.00;
- e. Membina Masjid Habib Hassan Al-Attas RM3 juta;
- f. Masjid Parit Kerimon, Benut, Pontian RM1.8 juta;
- g. Masjid Al Mukminin Jalan Chengal, Bandar Putra, Kulai RM2.6 juta;
- h. Masjid Parit Sulaiman, Pontian RM1 juta;
- i. Masjid Jamek Irsyadiah Batu 16, Air Hitam, Muar RM2.5 juta;
- j. Masjid Parit Masjid, Pontian RM1 juta; dan
- k. Masjid Taman Pulau Indah, Kangka Pulau RM4.2 juta.

#### e. **Agenda Keusahawanan Johor**

Agenda kelima ialah Agenda Keusahawanan Johor. Kita percaya, Johor yang berkeusahawanan adalah Johor yang berkemajuan. Maka untuk terus memantapkan pembangunan koperasi dan pembudayaan keusahawanan Johor, kita akan

memperuntukkan sebanyak RM2 juta pada tahun 2017. Secara terperinci, kesemua inisiatif Keusahawanan Johor adalah seperti berikut :

i. Keusahawanan Digital.

Selain perniagaan konvensional, penerokaan pasaran digital akan terus diberikan perhatian. Untuk ini, Program Usahawan Digital akan diperkenalkan dengan kerjasama MAGICX bagi meningkatkan kapasiti dan persaingan dalam kalangan usahawan digital di Johor. Ia akan dilaksanakan dalam 3 fasa utama melibatkan pemupukan kesedaran, penyediaan latihan dan penempatan ke inkubator.

ii. Inisiatif Jenama Johor.

Seterusnya hasrat membangun dan membudayakan keusahawanan Johor ini dilonjakkan lagi dengan mengangkat kekuatan jenama Johor. Untuk itu, Program Inisiatif Jenama Johor akan diperkenalkan bagi menyediakan platform kepada para usahawan memperkenalkan produk mereka kepada sebahagian identiti Johor. Sebagai permulaan, kita mensasarkan penglibatan seramai 20 orang usahawan dalam 3 peringkat utama pelaksanaan, iaitu pertandingan penciptaan logo, pengenalan prosedur dan proses permohonan serta pengumuman produk-produk yang berjaya mendapat pengiktirafan Inisiatif Jenama Johor.

iii. Kawasan Perniagaan Berkonsep.

Bercakap tentang jenama, kita akan menubuhkan dua kawasan khas yang akan mengetengahkan konsep dan identitinya yang tersendiri.

Pertama, *Youth Fashion and Life Style Street* di Taman Mutiara Rini yang akan mengetengahkan Rangkaian perniagaan *fashion* mengikut *trend* dan jenama terkini.

Kedua, *Johor Local Brand Street* di Taman Setia Eco Cascadia yang akan mengetengahkan rangkaian perniagaan berasaskan produk negeri Johor.

iv. Netpreneur Wanita.

Menyedari perkembangan peranan golongan wanita dalam bidang ekonomi, khususnya keusahawanan atas talian. Seramai 200 usahawan wanita akan dikenali pasti untuk diberikan kursus strategi pemasaran produk atas talian menggunakan laman sosial dan Internet. Bagi memastikan kejayaan inisiatif ini, mereka yang terpilih akan dibimbing oleh pakar berpengalaman daripada Universiti Kebangsaan Malaysia melalui kursus intensif.

v. Indienomics.

Bagi melengkapkan agenda Keusahawanan Johor, kita tidak hanya memfokuskan kepada prospek perniagaan yang menggunakan pendekatan konvensional semata-mata. Sebaliknya konsep ekonomi merdeka akan disokong agar menjadi tarikan baru golongan muda bemiaga. Inovasi yang dikenali sebagai *Indienomic* ini akan memberi

perhatian kepada 50 usahawan muda terpilih yang berminat memajukan perniagaan mereka.

vi. Program BISTARI.

Pada tahun ini sejumlah RM700,000.00 telah diperuntukkan untuk program-program Bestari. Sebagai kesinambungan, Johor Corporation akan meneruskan aktiviti keusahawanan BISTARI pada tahun 2017 dengan anggaran peruntukan sebanyak RM1 juta. Peningkatan peruntukan dana sebanyak RM300,000.00 ini akan diiringi dengan beberapa penambahbaikan. Misalnya lebih banyak IPT yang dilibatkan dalam Program Biz-siswa, 11 buah sekolah akan dilibatkan dalam Program Kelas Rancangan Usahawan Cabaran Catur BISTARI dan Cilik BISTARI akan diteruskan hinggalah ke peringkat usahawan.

vii. Keusahawanan Belia Islam.

Berdasarkan kejayaan dan perkembangan positif yang ditunjukkan pada tahun ini, Program Pembangunan Usahawan Belia Islam yang bertujuan menjadikan para Usahawan Belia Islam tampil lebih berdaya saing akan diteruskan. Program lanjutan ini akan melibatkan peruntukan berjumlah RM2 juta yang disumbangkan oleh Perbadanan Islam Johor dan akan dipecahkan kepada 4 program utama iaitu :

- a. Program Bantuan Belia Islam RM1 juta;
- b. Program Bantuan Mengembangkan Perniagaan Usahawan Belia Islam, *Indienomics Challenge* RM400,000.00;
- c. Program Kursus Kewangan dan Rancangan Perniagaan Usahawan Belia Islam RM500,000.00; dan
- d. Program My Home Shop RM100,000.00.

Strategi melibatkan penyertaan pelbagai agensi dalam membudayakan keusahawanan Johor ini tidak terhad kepada agensi negeri Johor sahaja. Sebaliknya, kita turut bekerjasama dengan pelbagai agensi persekutuan yang lain.

viii. Keusahawanan Industri Kecil dan Sederhana.

Dan misalnya, bagi merencanakan perniagaan dalam industri kecil dan sederhana (IKS), satu program yang dinamakan *Johor Desapreneurs Food & Beverages Product Improvement Program* akan dijalankan melalui peruntukan dan kerjasama daripada SME Corp. Program penerafan ini akan memilih 100 usahawan IKS untuk dilatih bagi menerima empat jenis sijil perakuan iaitu, Sijil Makanan Selamat Tanggungjawab Industri, Sijil *Hazard Analysis Critical Control Point*, Sijil *Good Manufacturing Practices* dan HALAL *Certification Clinic Attendance*, dengan izin.

ix. Keusahawanan Industri Perabot.

Kesembilan, Keusahawanan Industri Perabot. Sebagai penyumbang 60% daripada jumlah eksport perabot Malaysia, dan sejajar dengan Pelan Halatuju Pembangunan Industri Perabot Negeri Johor, kerajaan negeri dengan kerjasama Malaysian Timber Industry Board akan merangka dan melaksanakan beberapa program keusahawanan dalam industri perkayuan. Ini termasuk :



1. Program Pembangunan Vendor, melibatkan kerjasama antara KPRJ dan MTIB untuk projek-projek KPRJ termasuklah pembinaan sekolah-sekolah agama di Johor.
2. Pembangunan Rekabentuk Baru Perabot Sekolah Agama Johor
3. Program Rekabentuk Perabot iaitu *Branding*
4. Latihan praktikal graduan rekabentuk perabot di kilang-kilang perabot yang terletak di Muar
5. Proses sumbang saran ataupun *brainstorming* Pembangunan Bangunan Tinggi berasaskan kayu dengan menggunakan teknologi CLT.

x. Keusahawanan Muda

Melalui Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar, kita akan memperuntukkan RM4.3 juta bagi pembangunan usahawan muda Johor melalui Program *Youth To Biz*. Program berbentuk Geran Padanan ini diberikan kepada pemiagaan yang berkonsepkan *Mobile Business* dan *Business Shared Facilities* di Iskandar Malaysia, dengan izin. Di bawah program ini, geran maksimum yang akan disalurkan bagi setiap projek adalah sebanyak RM150,000.00 bagi pemiagaan berkonsepkan *Mobile Business* dengan jumlah peruntukan RM1.5 juta. Manakala, bagi pemiagaan berkonsepkan *Business Shared Facilities* pula, geran maksimum yang akan diberikan adalah sebanyak RM125,000.00 bagi setiap jenis pemiagaan dengan jumlah peruntukan RM2.5 juta. Baki RM300,000.00 lagi akan dikhususkan untuk pembangunan kapasiti dan latihan keusahawanan. Semua ini hanyalah terbuka kepada anak-anak Johor dan bukan kepada mereka yang lain dengar semua ini datang ke Johor untuk dapat peruntukan itu. (Dewan bertepuk).

xi. Kedai Mampu Milik

Kesebelas, Kedai Mampu Milik. Di samping menggalakkan budaya berniaga dengan memberikan geran padanan, bantuan modal dan latihan berkaitan dengan jenama dan kapasiti, kita juga akan mengambil langkah yang lebih terkehadapan. Termasuklah penyediaan Kedai Mampu Milik berharga RM200,000.00 seunit, yang akan ditawarkan kepada mereka yang benar-benar berniaga. Pada tahun ini kita telah siap membina sebanyak 384 unit dan pada tahun hadapan pula, sebanyak 271 unit lagi akan dibina. Secara keseluruhannya, kita mensasarkan untuk membina sebanyak 4,850 unit menjelang tahun 2020.

xii. Pelan Strategik Pembangunan Koperasi

Melihatkan potensi besar koperasi dalam merancakkan ekonomi serta keusahawanan sosial di Johor, kerajaan negeri dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia Johor akan menyediakan satu pelan komprehensif 5 tahun yang dikenali sebagai Pelan Strategik Pembangunan Koperasi Negeri Johor 2017-2021. Pelan ini akan memperincikan pembangunan sektor koperasi dengan mengetengahkan pelbagai strategi baru. Termasuklah memodenkan hala tuju dan mendorong koperasi menceburi bidang-bidang keberhasilan yang lebih strategik dan berimpak tinggi.

**f. Agenda Johor Berbudaya.**

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, agenda kita yang keenam ialah Agenda Johor Berbudaya. Kita sedar bahawa sebagai sebuah bangsa, Johor mempunyai sejarah peradaban dan warisan yang kaya dan pelbagai. Adalah penting untuk kita tidak mengeneipkan aspek ini dalam kehairahan kita mengejar kemajuan dan kemodenan. Untuk itu, pada tahun 2017, kita akan memperuntukkan sebanyak RM7.95 juta bagi pelbagai program pembangunan, pemeliharaan dan promosi warisan dan budaya Johor. Antaranya adalah enam inisiatif berikut:

1. Penganjuran Festival Antarabangsa Zapin dan Ghazal dalam usaha untuk memelihara dan mengentengahkan warisan Johor selari dengan usaha untuk menjadikan Johor sebagai Pusat Tamadun Melayu serantau yang pernah diumumkan sebelum ini. Sebagai pemulaan, ia akan melibatkan penyertaan dari negara rantau ASEAN.
2. Program Permata Warisan Johor, untuk mencungkil bakat belia di dalam bidang seni dengan penubuhan orkestra. Latihan khusus dalam muzik moden dan tradisional akan diadakan bagi mewujudkan pelapis aktivis seni muzik tradisional, agar mereka mampu membuat persembahan setanding dengan kumpulan muzik profesional.
3. Semarak Seni Muafakat Johor, merupakan program yang berteraskan rakyat agar masyarakat terlibat aktif dalam persembahan seni budaya.
4. Insentif RM200,000.00 sebagai galakan kepada persatuan- persatuan sejarah Johor agar terus bergiat aktif dalam menyediakan bahan penulisan ilmiah di Pusat Dokumentasi Johor.
5. Yayasan Warisan Johor Summer Camp akan diperkenalkan. Ia merupakan program kursus kebudayaan jangka pendek sebagai pendedahan awal kepada anak-anak muda berkenaan seni budaya Johor.
6. Dalam usaha merealisasikan hasrat Johor yang berbudaya dan bersifat lestari, saya ingin memaklumkan bahawa satu pasukan penyelidik bagi menyediakan pelan induk, Johor Sebagai Pusat Tamadun Melayu Antarabangsa telah di kenal pasti, yang akan diusahakan dengan peruntukan sebanyak RM250,000.00.

**g. Agenda Johor Inovatif dan Digital.**

Tan Sri Speaker, seterusnya agenda yang ketujuh, yang terakhir, iaitu Agenda Johor Inovatif dan Digital. Johor Inovatif dan Digital merupakan agenda besar terakhir yang akan diberi penekanan pada tahun hadapan. Kita percaya, dalam mengorak langkah menjadi negeri berkemajuan, persekitaran digital mesti dikembangkan dengan sewajarnya selari dengan ledakan globalisasi dan cara hidup abad ke-21. Malah, dalam merealisasikan agenda ini, kita juga akan terus mempergiat segala inovasi yang boleh memberikan kesejahteraan kepada negeri dan masyarakat Johor. Untuk itu, kita akan melakukan inisiatif berikut:

i. Perluasan Kemudahan Jalur Lebar Tanpa Wayar Percuma

Perluasan Kemudahan Jalur Lebar Tanpa Wayar Percuma. Bagi merapatkan jurang digital antara masyarakat luar bandar dan bandar, kita akan memperluaskan kemudahan *Johor Wifi* ke luar bandar dengan pemasangan 50 hotspot di daerah-daerah dan 20 hotspot baru di kawasan-kawasan PBT sedia ada. Sebagai tambahan, kita akan turut menaik taraf kapasiti kelajuan talian di 135 lokasi *Johor Wifi* sedia ada. Sebanyak RM4.31 juta akan diperuntukkan oleh kerajaan negeri untuk inisiatif tersebut.

ii. Penubuhan Institut Inovasi Strategik Johor (IISJ)

Penubuhan Institut Inovasi Strategik Johor. Dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia dan kerajaan negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri, satu Institut Inovasi Strategik Johor telah ditubuhkan pada tahun ini. Bagi menggandakan impak penubuhannya, pada tahun hadapan, institut ini akan melaksanakan tujuh inisiatif strategik berkepentingan umum yang utama, merangkumi peningkatan kesejahteraan hidup, keusahawanan, alam sekitar dan pelancongan. Secara keseluruhannya, ketujuh-tujuh inisiatif di bawah institut ini akan menelan belanja sebanyak RM420,000.00. Tempoh pelaksanaannya adalah selama enam bulan dan dijangka selesai pada bulan Jun 2017. Antara usaha-usahanya ialah :

Pertama, mempertingkatkan Industri Hiliran Sumber Mineral Johor. Projek ini bertujuan mengenal pasti dan mempertingkatkan sebanyak 10% nilai tambah sumber mineral secara kejuruteraan bagi perkembangan industri hiliran. Ia akan turut mencari peluang industri hiliran bagi Industri berasaskan sumber mineral. Peruntukan yang disediakan untuk inisiatif ini adalah sebanyak RM50,000.00 dan pelaksanaannya akan melibatkan kerjasama antara Jabatan Mineral dan Galian dan Jabatan Alam Sekitar.

Kedua, pengenalan Sistem Pengawasan Pengangkutan Awam Pintar Untuk Negeri Johor. Inisiatif ini bertujuan membangunkan aplikasi *Internet of Things*, dengan izin, agar para pengguna pengangkutan awam boleh memantau lokasi bas terkini yang ingin dinaiki serta pergerakan semasa trafik, sekali gus dapat merancang perjalanan dengan lebih mudah dan tepat. Sistem ini dijangka dapat mengurangkan hampir 50% kos operasi pengawasan pengangkutan awam. Sebanyak RM90,000.00 diperuntukkan untuk menjayakan inisiatif ini dan ia akan melibatkan kerjasama antara Pengangkutan Awam Johor dan pihak IRDA.

Ketiga, e-Pembelajaran untuk Muafak bagi Institut Latihan Saudara Baru Johor. Bagi memperkasakan Institut Latihan Saudara Baru kepada lebih 40,000 muafak di Johor, institut ini akan membangunkan satu sistem e-Pembelajaran untuk Muafak bagi memudahkan mereka mendapat akses pendidikan Islam yang tepat dan berkualiti. Peruntukan yang disediakan adalah sebanyak RM50,000.00 dengan kerjasama antara Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

Keempat, pengurusan dan penggunaan sisa sawit yang lebih baik. Satu proses pengurusan sisa sawit yang menerapkan prinsip *Waste-To-Wealth*, dengan izin, akan dilaksanakan. Melalui inisiatif ini, bahan buangan sawit dengan nilai rendah PSK RM200.00 per tan akan digunakan untuk menghasilkan bahan karbon pengaktifan penyerapan, iaitu satu sumber baru bagi kegunaan industri, yang bernilai tinggi. Peruntukan yang disediakan untuk menjayakan inisiatif ini adalah sebanyak

RM50,000.00 dan akan melibatkan kerjasama antara J-Biotech dan Johor Corporation.

Kelima, membangunkan proses pengayaan gas metana menggunakan kaedah *Anaerobic Sequencing Batch Reactor*, dengan izin. Projek ini adalah satu dari kaedah masa depan dalam penghasilan gas metana dari rawatan cecair buangan minyak kelapa sawit. Selain dapat menjaga alam sekitar, gas metana yang terhasil ini akan dapat menggantikan bahan api diesel yang digunakan sebagai bahan bakar dandang, sekaligus dapat menjimatkan berjuta ringgit. Sebanyak RM50,000.00 diperuntukkan dan akan melibatkan kerjasama antara J-Biotech dan Johor Corporation.

Keenam, membangunkan platform atas talian untuk rangkaian pembangunan belia Johor. Projek ini akan melibatkan 2,500 hingga 5,000 belia dan mensasarkan penglibatan 50 hingga 80 perusahaan IKS di negeri Johor melalui platform atas talian. Ia bertujuan membangunkan satu rangkaian perkongsian sumber dan kemahiran yang lebih cekap berhubung aktiviti kesukarelawanan dan keusahawanan daripada daerah-daerah yang berlainan. Sebanyak RM50,000.00 diperuntukkan yang akan melibatkan kerjasama antara *Johor Youth Development Centre (JOYDEC)* dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor.

Ketujuh, membangunkan dasar dan garis panduan senibina masjid Johor. Projek ini akan melibatkan lebih 400 masjid di seluruh negeri Johor dalam membentuk satu dasar dan garis panduan senibina masjid berasaskan senibina Johor dan patuh syariah yang akan dibangunkan sebagai panduan dan rujukan kepada para arkitek, pereka cipta, pereka bentuk, perancang, pembuat dasar dan pihak berkuasa di samping menjadikan masjid sebagai mercu tanda yang mampu menjadi salah satu destinasi pelancongan, dengan peruntukan RM80,000.00 dan ia akan melibatkan kerjasama antara Majlis Agama Islam Negeri Johor, Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan Yayasan Warisan Johor.

Penutup.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti yang saya maklumkan pada permulaan ucapan saya, bahawa negeri Johor telah merekodkan pelbagai pencapaian yang membanggakan sejak kebelakangan ini, khususnya pada tahun 2016. Pasti nya semua ini tidak akan dapat kita lihat dan capai jika tidak kerana kerja keras, komitmen dan pengorbanan semua pihak. Terutamanya Kakitangan Kerajaan Negeri Johor dan termasuklah para Wakil Rakyat.

Maka, kerajaan negeri dengan sukacitanya mengumumkan pemberian bonus atau insentif sekaligus dalam jumlah bersamaan dengan setengah bulan gaji semasa kepada semua Kakitangan Kerajaan Negeri Johor dan Ahli Dewan Undangan Negeri Johor. (Dewan bertepuk).

Kerajaan negeri mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas sumbangan dan kerja keras semua dalam membangunkan negeri Johor. Semoga budaya kerja yang cemerlang ini akan dapat diterus dan digandakan pada tahun hadapan.

Sebelum berakhir, saya ingin menegaskan bahawa keseluruhan 127 titik sentuhan yang dinyatakan dalam Bajet 2017 ini hanya mempunyai satu sasaran. Iaitu mewujudkan negeri Johor yang berkemajuan dengan rakyatnya yang

berkesejahteraan.

Mantan Presiden Amerika Syarikat, bukan Trump, Franklin D. Roosevelt pernah mengungkapkan: "Bahawa, ujian sebenar kemajuan kita bukanlah pada berapa banyakkah yang kita tambahkan kepada mereka yang sudah berada. Tetapi, berapa banyakkah yang telah kita berikan kepada mereka yang tidak punya apa-apa". Maka, dengan penuh rendah diri, saya ingin mengajak semua pihak untuk bersama-sama dengan kerajaan negeri menjayakan agenda ini. Agar tahun 2017 menjadi tahun terbaik buat Johor dan rakyatnya.

Kepada rakan-rakan pemimpin masyarakat dan ahli politik. Dan kepada semua Ahli Dewan yang mulia ini, ketepikanlah segala perbezaan dan pertembungan ideologi antara kita. Biar apa pun ideologi kita, biar apa pun parti kita, parti lama ke parti baru (Dewan ketawa), biar apa pun pendirian kita. Marilah kita, untuk kali ini, bergerak seiringan, sebagai Bangsa Johor, menggembeleng segala kekuatan kita, menjadikan Johor dan masyarakatnya, teladan masyarakat yang terbaik. (Dewan bertepuk).

Kepada para penjawat awam, marilah bekerja keras bersama-sama saya, melaksanakan rancangan yang kita lakarkan hari ini untuk tahun 2017. Tanpa dukungan tuan-tuan dan puan-puan, apa jua yang kita rancang pasti akan sukar dilaksanakan. Marilah kita utamakan keperluan masyarakat, lunaskan tugas dengan penuh rasa tanggungjawab dan ikhlas, dan jayakanlah Johor Berkemajuan ini.

Kepada masyarakat umum di luar sana, ketahuilah bahawa tidak ada sehari pun yang berlalu, tanpa kami semua memikirkan bagaimana hidup kalian, hidup keluarga dan anak-anak kalian, perlu menjadi lebih baik dan berkesejahteraan.

Ketahuilah, betapa kerajaan negeri yang sedia ada, sentiasa percaya bahawa setiap daripada warga Johor harus diberikan ruang. Ruang untuk berkembang, ruang untuk membangunkan diri dan menyumbang kepada masyarakat. Kerana Johor inilah, Johor ini adalah satu-satunya rumah untuk kita semua. Rumah untuk anak cucu kita zaman berzaman. Terima kasih. Saya mohon mencadang.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, demikian ucapan Bajet Negeri Johor 2017 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan tema Johor Berkemajuan Rakyat Sejahtera. Tahniah Yang Amat Berhormat Dato'. Semoga negeri Johor akan terus maju di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato'.

Sebelum saya menangguhkan persidangan hari ini, dimaklumkan juga Laporan Sidang Dewan boleh didengari di Radio Johor FM101.9 jam 10.05 malam ini dan malam-malam seterusnya siaran ulangannya pada jam 8.15 pagi setiap hari sepanjang Persidangan Dewan Negeri.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga hari Ahad, 20 November 2016 jam 9:30 pagi di mana perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali

yang kedua Enakmen Perbekalan (2017) Tahun 2016 akan dimulakan. Teks penuh Ucapan Bajet 2017 boleh dimuat turun di [www.muafakatjohor.my](http://www.muafakatjohor.my)

Ahli-Ahli Yang Berhormat dan para hadirin sekalian, dengan hormatnya dipersilakan ke Dewan Jamuan untuk menikmati jamuan makan tengah hari.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 12.10 tengah hari.**

HARI KEDUA  
HARI AHAD,  
20 NOVEMBER 2016

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT KETIGA (BAJET 2017)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

**HARI KEDUA**

**AHAD, 20 NOVEMBER 2016**

**BIL. 13 TAHUN 13**

**HADIR**

YB Speaker,

Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan  
Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.

Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PJN., KMN., PSI.  
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat Negeri, Johor.

Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.  
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan  
Kepenggunaan Negeri, Johor.

Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI.  
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah Negeri, Johor.

Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.

Encik Vidyannanthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.

Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.  
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.

Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM., DSM., PSI.  
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.  
(Bukit Serampang)



YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan  
dan Warisan Negeri, Johor.  
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.  
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.  
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.  
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.  
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.  
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon  
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.  
(Pasar Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,  
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PJN.  
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain  
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.  
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim  
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.  
(Machap)

YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.  
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun  
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaifon binti Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.  
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar  
(Nusajaya)

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim  
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat  
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.  
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh  
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh  
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.  
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat, DPSM.,  
KMN.  
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon  
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin  
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh  
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim  
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau  
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin  
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan  
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng  
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong  
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi  
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How  
(Pengkalan Rinting)

**TURUT HADIR**

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN  
NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan  
Perancangan Negeri, Johor.  
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., SMIJ., DSPN., PIS.  
(Permas)

**Persidangan bermula pada Jam 9:30 pagi.**

**YB Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.**

**YB Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Bacaan selawat). Salam sejahtera, salam muafakat Johor, selamat pagi, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Alhamdulillah, pada hari khamis yang lepas kita telah mendengar Ucapan Bajet Negeri Johor 2017 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan mencatatkan bajet lebihan (surplus), sekali lagi. Diucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, barisan kepimpinan kerajaan negeri dan pegawai-pegawai kerajaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, dukacita dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Encik Chong Ah Onn @ Chong Ah Owan yang telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negeri Kawasan Paloh selama 3 penggal mulai 25 April 1995 sehingga 12 Februari 2008 telah meninggal dunia pada 29 Oktober 2016 yang lalu.

Oleh yang demikian, Dewan ini merakamkan takziah kepada balu dan keluarga mendiang. Dan, marilah kita berdiri dan bertafakur sebagai penghormatan terhadap khidmat mendiang semasa menjadi Ahli Dewan Negeri Johor.

**JURUTULIS : SOALAN-SOALAN LISAN.**

**YB Speaker :** Terima kasih. Yang Berhormat Tanjung Surat, Jemput.

**YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed Abd. Rahman (Tanjung Surat) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 1.

Apakah usaha Jabatan Pendidikan Johor untuk meningkatkan pencapaian pelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah dalam negeri Johor ke tahap yang lebih baik?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi salam sejahtera.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita menyedari tentang kepentingan bahasa Inggeris di kalangan para pelajar di sekolah khususnya di negeri Johor ini. Dan, kita sedia maklum bahawa kepentingan bahasa Inggeris merupakan bahasa ilmu pengetahuan dan hal ini dikatakan demikian kerana dalam era globalisasi dan modenisasi ini bahasa Inggeris merupakan bahasa sumber yang penting.

Menyedari hakikat ini Jabatan Pendidikan Negeri Johor sentiasa berusaha untuk membantu para pelajar bagi menguasai Bahasa Inggeris kerana kepentingan bahasa Inggeris bukan sahaja di guna pakai di sekolah malah kegunaannya amat meluas

hingga ke peringkat pembelajaran yang lebih tinggi dan semasa menceburi di alam pekerjaan nanti.

Di bawah dasar memartabatkan Bahasa Melayu dan memperkukuhkan bahasa Inggeris beberapa program telah dirancang dan dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor. So, antara program dan aktiviti tersebut pertama, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor mengadakan apa yang disebut sebagai Program 5 bintang UPSR dan SPM. Dalam program ini setiap daerah diminta untuk mengenal pasti 5% daripada calon UPSR dan SPM setiap tahun yang berada pada tahap gagal lulus ataupun singkatannya GALUS untuk diberikan bimbingan khusus melalui bengkel selama 2 hari.

Pengisiannya ialah guru bengkel ini dikendalikan oleh guru cemerlang dan juga jurulatih utama dari sekolah-sekolah yang ada dalam daerah masing-masing yang mana diberi penekanan kepada untuk membaiki kesalahan-kesalahan penulis, dalam penulisan yang biasa dan juga untuk membantu pelajar-pelajar ini mendapat kaedah teknik penulisan yang lebih berkesan. Dan, program ini diadakan selama, sebanyak 2 kali setahun. Walaupun kita katakan hanya 5% tapi kalau tengok dari segi pelajar yang mengambil UPSR umpamanya, seramai lebih kurang setiap tahun 52,000 pelajar kalau 5% tu jumlahnya memang besar, banyak.

Yang kedua, Program *Effective Writing* dengan izin, untuk pelajar-pelajar UPSR dan juga SPM. Dalam program ini guru-guru bahasa Inggeris diberikan pendedahan dan pengukuhan berkaitan pelaksanaan *Effective Writing* dengan izin, yang mana guru-guru ini akan mengadakan program bagi memperbaiki teknik penulisan pelajar-pelajar. Pelajar-pelajar ini akan dilakukan *pre-test*. Mana-mana pelajar-pelajar yang tidak sampai ke tahap yang ditentukan, maka pelajar-pelajar ini akan diberikan bimbingan untuk kaedah penulisan dan program ini dilakukan selama 6 minggu. Biasanya bermula daripada bulan Mac ataupun April di semua sekolah dan guru-guru yang terlibat ini ialah guru-guru yang telah mendapat latihan daripada *English Language Teaching Centre* dengan izin, di Nilai iaitu Pusat Latihan di bawah Kementerian Pendidikan.

Kemudian langkah yang ketiga, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor juga telah mewujudkan apa yang disebut sebagai Panel Perunding Mata Pelajaran yang untuk mata pelajaran kritikal termasuk juga Bahasa Inggeris. Mereka ini terdiri daripada guru-guru yang memang cemerlang dalam bidangnya termasuk juga dalam Bahasa Inggeris. Untuk dalam Bahasa Inggeris, panel perunding mata pelajaran ini telah menghasilkan modul penulisan format baru UPSR untuk dijadikan panduan kepada semua sekolah rendah di negeri Johor dan bahan-bahan ini diedarkan kepada sekolah melalui CD dan sentiasa di *update* dengan izin, dari semasa ke semasa.

Kemudian inisiatif yang keempat, daripada Jabatan Pendidikan Negeri Johor ialah mewujudkan apa yang disebut sebagai Modul *Everyone Can Pass English* dengan izin, untuk pelajar-pelajar yang akan mengambil Sijil Pelajaran Malaysia. Pada sebelum ini, bila pihak Kementerian ada cadangan untuk menjadikan bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib lulus, maka Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah mengadakan langkah ini sejak tahun 2015, walaupun cadangan Kementerian belum lagi dilaksanakan. Dalam program ini, ini merupakan modul latihan sepanjang tahun dan modul ini diedarkan di semua sekolah yang terlibat dalam bentuk CD dan sebagainya.

Kemudian, satu lagi inisiatif ialah *Programme English Within 20 Minutes* dengan izin. Ini dilakukan sejak tahun 2008, yang mana pada asalnya semua sekolah dikehendaki mengadakan program dalam Bahasa Inggeris selama 20 minit sebelum waktu persekolahan iaitu mula daripada 7.10 pagi hingga 7.30 pagi. Sebelum ini, seminggu 3 hari tetapi oleh kerana ada juga keperluan subjek yang lain maka buat masa ini seminggu sekali sahaja.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Tanjung Surat, ada pertanyaan? Jemput.

**YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed Abd. Rahman (Tanjung Surat) :** ... (masalah audio)

**YB Speaker :** Tak kuat tu pembesar suara?

**YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed Abd. Rahman (Tanjung Surat) :** ... (masalah audio)

**YB Speaker :** Boleh buat pembetulan pembesar suara tu?

**YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed Abd. Rahman (Tanjung Surat) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum saya meneruskan soalan saya, saya ingin menerangkan, menceritakan sedikit pengalaman saya hari Selasa dan Rabu lepas, pejabat saya telah mengadakan kursus atau *My Speak Student Cam* untuk lebih kurang 80 pelajar dari sekolah-sekolah dalam DUN saya. Apa yang maklum balas yang saya dapat.

**YB Speaker :** Tahniah lah.

**YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed Abd. Rahman (Tanjung Surat) :** Murid-murid ini semuanya mendapati kem ini menarik. Cikgu-cikgu yang hadir sama terkejut tengok anak murid dia begitu seronok belajar bahasa Inggeris. Jadi, pada saya maknanya, apa yang cara pembelajaran di sekolah-sekolah ini tak menarik sebab itu bahasa Inggeris di sekolah-sekolah tidak mencapai ke tahap yang kita harapkan. Jadi, soalan saya adakah kerajaan negeri bersedia untuk pergi *extra mile* dengan izin, untuk sekolah-sekolah di negeri Johor ini, selain apa yang diberi Kementerian Pendidikan supaya kita jadikan Bangsa Johor ini bangsa yang pelajar-pelajar Johor ni *fluent* dalam bahasa Inggeris atau fasih dalam bahasa Inggeris ya. Itu soalan saya. Terima kasih.

**YB Speaker :** Terima kasih, jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tadi yang saya nyatakan tu adalah inisiatif-inisiatif yang telah dilakukan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor, kita di peringkat kerajaan negeri sebenarnya mula daripada tahun ini, kita memang ada program, apa yang disebut sebagai Program Pengkayaan Bahasa Inggeris Negeri Johor dengan kerjasama Institut Teknologi Malaysia, yang mana dalam program ini ada 7 inisiatif yang kita lakukan, kita jalankan secara bersama. Antaranya pertama, *Programme English for Management Level Workshop*, dengan izin. Program ini adalah program untuk guru-guru, pengetua dan guru besar kepada sekolah yang pencapaian bahasa Inggerisnya bawah 80%. Kita nak minta cikgu-cikgu ni gerakan apa nama bahasa Inggeris, pengetua dan guru besar mesti faham dan juga terlibat secara langsung. Jadi, sekolah-sekolah yang, termasuk sekolah menengah dan sekolah rendah yang pencapaian bawah 80% kita adakan *workshop* di kalangan kepimpinan.

Yang kedua inisiatif, *Training for Trainers* dengan izin, untuk guru-guru Bahasa Inggeris yang bukan opsyen untuk memantapkan kaedah pedagogi guru-guru ini kerana di Johor ini antara negeri yang mempunyai guru bahasa Inggeris bukan opsyen yang ramai berbanding dengan negeri lain, saya tak ingat jumlah dia. So, ini khusus untuk guru bahasa Inggeris bukan opsyen.

Inisiatif yang ketiga ialah *Training of Trainers* untuk guru bahasa Inggeris opsyen. Dan, untuk guru-guru ini memang guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris, modul dia adalah untuk membantu guru-guru ini membina modul pengajaran dan pembelajaran dari masa ke semasa. Sebab, seperti mana Yang Berhormat Tanjung Surat nyatakan untuk menggalakkan mereka minat bahasa Inggeris kaedah pembelajaran dan input tu kena sentiasa *update* dari semasa ke semasa.

Kemudian, inisiatif yang keempat, *Inggeris In Camp* dengan izin, ini program untuk pelajar-pelajar. Untuk tahun ini sahaja kita telah lakukan, telah adakan program ini untuk 240 orang pelajar di seluruh negeri Johor. Kemudian, inisiatif yang kelima; Program *Interclass Debate*; dengan izin di semua peringkat sekolah. Program ini dilaksanakan di semua peringkat sekolah sama ada sekolah rendah, sekolah menengah termasuk juga sekolah jenis-jenis kebangsaan di seluruh negeri Johor.

Kemudian yang keenam, Program *Effective Writing Program for SPM English Language*, dengan izin. Program ini untuk melatih guru-guru bagi memperbaiki kaedah penulisan dan sehingga hari ini kita telah laksanakan di 274 buah sekolah menengah sebab ini khusus untuk SPM. Dan, ketujuh; Program UTM MyLine. Program ini merupakan program untuk membantu pelajar-pelajar khususnya tingkatan enam bagi meningkatkan pencapaian dalam peperiksaan MUET iaitu *Malaysian University English Test*, dengan izin. Dan, setakat hari ini kita telah bantu seramai 671 pelajar tingkatan enam yang mana setiap pelajar kos dia sebanyak RM70.00. So, ini usaha yang dilakukan oleh kerajaan negeri dan saya percaya kita akan teruskan program ini dari semasa ke semasa kerana dalam mempelajari bahasa ini dia satu yang dinamik. Dia kena sentiasa mengikut peredaran masa dari segi input dan kaedah penyampaian.

**YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) :** Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya pun nak kongsi sedikit pengalaman Tan Sri Speaker.

Tan Sri Speaker, saya boleh menepuk dada, katakan ya dulu pada zaman 80-an bila saya sekolah di Sekolah Rendah Kebangsaan Kulai 1, standard bahasa Inggeris kita adalah lebih jauh lebih tinggi daripada standard saya boleh katakan sekolah menengah hari ini. Sebab pada masa zaman dulu, pada zaman 80-an, masa saya sekolahlah, 70-an saya belum sekolah saya tak tahu. Guru-guru Inggeris ni dia begitu dedikasi. Walaupun *text book* kita adalah dalam bahasa Melayu, tapi dia ada ambil inisiatif sendiri untuk jelaskan dalam Inggeris dan Melayu. Tapi itu zaman 80-an. Saya nampak hari ini ramai pelajar terutamanya di desa, kampung Melayu, dia macam kurang minat dengan Bahasa Inggeris. Saya rasa mereka macam tidak faham kepentingan itu dan mungkin guru-guru perlu dengan izin saya guna perkataan, berikan *few urgency* kepentingan Bahasa Inggeris ini. Sebab tadi Yang Berhormat EXCO ada kata dalam dunia globalisasi semua ni kita perlukan bahasa Inggeris. Saya setuju dengan kerjasama dengan kerajaan untuk memastikan standard English ni kita naikkan dan saya nak cadangkan di sini, cabaran kerajaan negeri macam mana kita



nak memupuk satu suasana sebab bahasa ini bukan macam ilmu Matematik, Geografi, Sejarah. Dia tak boleh tinggal dalam bilik darjah saja. Macam mana kita nak memupuk satu suasana di mana pelajar itu bila dia belajar bahasa Inggeris dengan beberapa inisiatif dan skim yang diberikan tapi dia bawa keluar bilik darjah sekolah dan dia terus gunakan. Dan, satu lagi yang saya punya cadangan ialah pernah tak kerajaan ni fikir, boleh tak kita dapatkan nasihat-nasihat atau *form* bentukan satu majlis terdiri daripada guru-guru pesara daripada tahun 70-an di mana masa tu belajar Inggeris tu mereka ajar bukan Inggeris saja, dia ajar *Queen's English*, Inggeris yang *grammatically* sangat perfect. Boleh tak kita dapatkan pandangan mereka dan juga tambahlah tadi yang Tanjung Surat katakan, konvensional pengajaran Bahasa Inggeris tu saya rasa sudah *out*. Kita kena ada kebaikan, gunalah tayangan *movie*, dengan *youtube*, kasi dia *interesting* sikitlah macam tu eh. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita di peringkat yang saya katakan tadi kerajaan negeri memang sangat serius, *that's why*, sebab itu yang ini saja kita peruntukkan RM1 juta ya, untuk program pengkayaan bahasa Inggeris. Soal kaedah pembelajaran, saya katakan tadi memang kita dari semasa ke semasa sentiasa menggalakkan guru-guru ni, saya katakan tadi di peringkat Jabatan Pendidikan pun ada sebut sebagai Panel Perunding Matapelajaran. So, Panel Perunding Matapelajaran ini memang yang terlibat guru-guru pakar termasuklah juga guru-guru yang telah pencen, yang memang ada kepakaran.

Dari segi kaedah pembelajaran, kita Johor merupakan negeri yang pertama yang kita sedang laksanakan ialah pembelajaran abad ke-21. Yang mana kaedah pembelajaran ini berbeza dengan sebelum ini. Dulu, bila kita masuk kelas, cikgu akan mengajar di depan papan warna hitam, pelajar akan dengar. Tetapi kaedah pembelajaran abad ke-21 ini, guru dan murid, murid dengan murid juga ada interaksi. Sebab itu kalau tengok kelas pembelajaran abad ke-21, dia macam kelas sekolah tadika. Dia menggalakkan pelajar-pelajar berinteraksi. So, dalam kaedah untuk menarik minat bahasa Inggeris, so guru-guru yang terlibat dalam pembelajaran abad ke-21 khususnya yang mengajar bahasa Inggeris mereka memang dari semasa ke semasa memperkenalkan pelbagai kaedah. Sebab itu, saya bagi contoh di Johor Bahru, untuk pembelajaran abad ke-21, setiap daerah hanya 5 sekolah rendah dan 5 sekolah menengah. Tapi, daerah Johor Bahru contohnya Pejabat Pendidikan Daerah telah menggalakkan semua sekolah melaksanakan program ini. So, bila semua sekolah melaksanakan program ini maka pelbagai inisiatif dan kreativiti guru-guru itu sendiri telah dilakukan mengikut kaedah dan kesesuaian, termasuklah juga sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Bukit Batu, pembelajaran di luar bilik darjah juga eh, bukannya di dalam darjah tapi di luar bilik darjah. Sebab itu, kita di peringkat kerajaan negeri juga selain daripada melakukan program-program sebegini, kita harap di peringkat kepimpinan sama ada Wakil Rakyat, kepimpinan di peringkat lain-lain juga kalau kita minta mereka sama-sama menjayakan. Sebab dasar yang baik, pendekatan yang baik ini kalau tak disokong oleh peringkat kepimpinan akar umbi kita bimbang tak dapat berjalan dengan lancar.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Bukit Gambir, jemput.

**YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Bukit Gambir) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 2.

Dalam industri Pelancongan citarasa pelancong berbeza-beza. Se jauh manakah Jabatan Tourism Johor mempelbagaikan aktiviti promosi dan melaksanakan Plan Tindakan Tourism Johor yang telah dirancang bagi memenuhi pelbagai citarasa pelancong tersebut?

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Selamat pagi, salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kepelbagaian daya tarikan pelancongan yang terdapat di negeri Johor iaitu alam semulajadi, pulau, pantai, taman tema, eko-pelancongan, sejarah dan warisan, seni dan budaya, makanan dan buah-buahan, golf, pusat beli-belah serta pelancongan gaya hidup memberikan kelebihan kepada negeri ini untuk menarik kedatangan para pelancong yang sememangnya mempunyai citarasa yang berbeza-beza. Oleh itu, antara pelan tindakan yang telah dirancang oleh kerajaan negeri melalui Tourism Johor dan agensi-agensi berkaitan bagi memenuhi kepuasan dan citarasa pelancong adalah :

1. Memperkasakan pembangunan produk pelancongan dengan membentuk 11 Tourism Development Cluster (TDC) dengan izin. Pembangunan TDC ini akan membolehkan strategi pembangunan dan pemasaran produk pelancongan di negeri Johor dapat disepadukan ke arah mencapai pelancongan bernilai tinggi dengan salah satu perkara yang akan diberi keutamaan adalah pembangunan infrastruktur dan kemurahan sokongan.
2. Mengenal pasti produk-produk pelancongan baru yang boleh dibangunkan dan dipasarkan kepada para pelancong.
3. Meneroka pasaran pelancongan yang baru khususnya negara-negara ASEAN, Asia, Timur Tengah dan Eropah.
4. Memperhebatkan pemasaran dan promosi produk serta perkhidmatan pelancongan melalui penerbitan di siaran media massa, papan iklan, laman sesawang, aplikasi telefon, lawatan pengenalan, *farm trip* dengan izin dan pameran pelancongan.
5. Mewujudkan *signature event*, dengan izin di setiap daerah yang bersesuaian dengan kekuatan dan keunikan yang terdapat di daerah berkenaan.
6. Membangunkan jenama produk baru seperti Caravan Park Johor, Ole-Ole Johor dan Desa Stay Johor menerusi *smart partnership* daripada pihak pengusaha swasta yang berminat.
7. Memperkukuhkan dan mempertingkatkan hubungan kerjasama dengan penggerak-penggerak industri pelancongan negeri Johor khususnya Persatuan Pelancongan Negeri Johor (JPA), Persatuan Agensi-Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) dan Persatuan Pelancongan Dalam Negara

Malaysia (MITA) di dalam usaha untuk menggalakkan lebih banyak *inbound travel agent*, dengan izin bagi membangunkan pakej-pakej pelancongan negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pelan tindakan yang telah dirancang ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan kerjasama dari semua pihak termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, amat diperlukan untuk bersama-sama berusaha menjadikan negeri Johor sebagai destinasi pelancongan yang menarik untuk dilawati. Terima kasih.

**YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Bukit Gambir)** : Terima kasih atas penjelasan oleh YB EXCO. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada ketika ini kita dapat melihat pelbagai produk-produk yang telah diperkenalkan melalui pelan tindakan Tourism Johor. Saya ingin tahulah, apakah produk yang pada ketika ini amat memenuhi citarasa pelancong yang berkunjung ke negeri Johor?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan** : Terima kasih Gambir. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sepertimana yang telah saya sebut tadi, kepelbagaian daya tarikan pelancongan yang ada di negeri Johor telah pun membawa kepada 11 Kluster Pembangunan pelancongan di mana kluster-kluster berlainan dapat memenuhi citarasa pelancong yang berbeza-beza. Setakat ini antara beberapa kluster yang utama adalah *shopping tourism*, dengan izin, di mana Johor Premium Outlet dan beberapa pusat beli-belah dijadikan tarikan utama, *family farm*, dengan izin; merangkumi taman-taman tema di Johor Bahru serta produk-produk berasaskan alam semulajadi seperti eko-pelancongan dan kepulauan Mersing. Selain itu, pelancongan berasaskan warisan, sektor *medical tourism* dan *education tourism* dengan izin, semakin berkembang di negeri Johor. Terima kasih.

**YB Tan Sri Speaker** : Jemput.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Terima kasih Tan Sri Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Tan Sri Speaker saya tengok di Negeri Johor ini kita banyak kawasan atau pusat pelancongan banyak yalah *shopping*, pantai-pantai, kawasan-kawasan rekreasi dan saya kurang nampak ada macam kawasan-kawasan yang bersejarah di negeri Johor. Dan, negeri Johor ini kita kaya dengan sejarah, sebab kalau kita katakan, kita mengimbas kembali sejarah Negeri Johor daripada zaman negeri Melaka yang pada masa itu sudah ada, Johor sudah ada.

Dan saya nampak dalam, sebab pelabur asing mereka nak datang ke negeri kita, dia nak tengok juga latar belakang kita, sejarah Johor. Macam kita tengok pergi Melaka, banyak-banyak pelancong asing, mereka datang ke Melaka kerana mereka nak tengok kecantikan, keunikan sejarah negeri Melaka. Dan di negeri Johor ini kita nampak ada kekurangan dalam aspek ini, dari segi kita meningkatkan daya tarikan pelancongan di negeri Johor dan saya ingin mencadangkan supaya kita menambahkan atau meningkatkan usaha dalam aspek ini. Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ... (Masalah audio) ... Kalau ikut Pembentangan Bajet 2017 pada minggu lepas oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kita fikirkan apa yang telah dilakukan atau dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita memang ada dua yang begitu besar yang produk bersejarah akan dilakukan. Satunya di daerah Kota Tinggi, kita mempunyai peruntukan RM10 juta untuk mengadakan Kembara Wangsa Sungai Johor dan di sana juga membangunkan banyak produk-produk yang bersejarah akan diadakan, akan di ketengah, dipromosikan kepada pelancong sebagai Johor Lama. Maknanya, kita mula ada negeri Johor berasal dari Johor Lama. Ini adalah satu tempat yang kita nak promosi, nak bangunkan. Selain daripada itu, kita juga nampak juga satu peruntukan besar telah disalurkan kita mempunyai peruntukan RM5 juta dan kita akan bangunkan *Suite of Harmony*, dengan izin, di Johor Bahru yang tengah rangka dan bersama-sama agensi Bandaraya Johor Bahru dengan *Think City* dan kita akan rangkakan untuk satu tempat yang bersejarah untuk menarik peminat-peminat pelancong yang minat dalam warisan dan bersejarah. Terima kasih.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Bukit Permai, jemput.

**YB Tuan Haji Ali Mazat bin Saileh (Bukit Permai) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan Nombor 3.

Berapakah jumlah levi yang telah dikutip oleh pihak CIDB daripada projek pembangunan yang berlaku di negeri Johor bagi tempoh 2013 sehingga September 2016 dan apakah program tanggungjawab sosial (CSR) CIDB di Johor bagi tahun 2016?

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) adalah agensi kerajaan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Kementerian Kerja Raya Malaysia menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 iaitu Akta 520. Pada tahun 2012, akta ini telah dipinda untuk memantapkan lagi peranan CIDB dalam penguatkuasaan peraturan-peraturan yang dapat menjamin kualiti dan pembinaan yang selamat di samping meningkatkan amalan terbaik dalam industri pembinaan, di samping penambahbaikan kepada beberapa fungsi yang sedia ada.

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Permai, jumlah pengenaan levi dari tahun 2013 hingga 2015 adalah berjumlah RM120,118,539.00. Manakala jumlah pengenaan levi pada tahun 2016 sehingga 30 September adalah berjumlah RM29,592,857.00. Ini bererti bahawa jumlah keseluruhan levi yang dipungut oleh CIDB adalah berjumlah RM149,711,397.00.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selaras dengan jumlah levi yang dipungut CIDB telah menubuhkan satu pusat latihan kemahiran iaitu Akademi Binaan Malaysia Johor (ABM Johor) pada tahun 1997 yang mana pada masa kini beroperasi di Kompleks CIDB Negeri Johor, Johor Bahru. Akademi Binaan Malaysia Johor ini adalah merupakan salah satu dari 6 akademi yang ditubuhkan oleh CIDB di seluruh negara bagi tujuan

memberikan latihan kemahiran kepada warga tempatan bagi menggalakkan warga tempatan terutamanya golongan belia melibatkan diri di dalam industri pembinaan.

Beberapa langkah proaktif telah diambil oleh pihak kerajaan pusat menerusi CIDB dengan kerjasama dan sokongan padu kerajaan negeri dengan menawarkan pelbagai program latihan kemahiran di Akademi Binaan Malaysia Johor merangkumi lebih 40 bidang kursus dengan tempoh kursus minima 2 bulan sehinggalah kepada tempoh kursus 24 bulan. Dan ianya adalah terbuka kepada belia lepasan sekolah yang berusia 16 tahun ke atas untuk menceburi dan meningkatkan kemahiran dalam industri pembinaan.

Program ini juga bertujuan Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk memberi pendedahan teknologi terkini yang mana setiap peserta dibekalkan dengan peralatan dan material yang terkini sebagai contoh, *auto clear flat rate*, dengan izin, salah satu produk inovasi sistem binaan berindustri, *Industrialize Building System*, IBS dengan izin. Bagi memastikan setiap peserta menerima latihan yang diperlukan di dalam industri pembinaan Malaysia, antara kursus yang ditawarkan melibatkan latihan kemahiran, akreditasi kemahiran dan *customize training*.

Program ini adalah ditaja sepenuhnya oleh pihak CIDB di mana perbelanjaannya termasuklah yuran kursus, bahan binaan, penginapan pelajar, makan minum dan juga elaun kursus. Sehingga 2016, seramai 136,360 orang belia dan personel binaan tempatan telah mengikuti latihan tersebut dengan kos pembiayaan berjumlah RM142,059,925.00 iaitu hampir 95% daripada jumlah levi yang dipungut telah dibelanjakan untuk membangunkan 136,000 belia dan juga personel binaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak CIDB tidak terhenti setakat menganjurkan kursus dan program latihan, juga melaksanakan program CSR antaranya program memperbaiki sekolah-sekolah yang menghadapi kerosakan akibat daripada bencana. Antaranya ialah menjalankan kerjasama yang melibatkan CIDB Johor bersama Akademi Binaan Malaysia Cawangan Johor dan Iskandar Malaysia mengambil inisiatif untuk memperbaiki stor, kantin dan 7 buah bilik darjah dengan kos perbelanjaan RM65,850.00.

Sementara Program Tanggungjawab Sosial juga dilaksanakan di Sekolah Medini di Sg. Melayu dengan melibatkan aktiviti mengecat bangunan dan membersihkan kawasan sekolah tersebut pada bulan September tahun lepas. Terima kasih.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Bukit Permai, jemput.

**YB Tuan Haji Ali Mazat bin Saleh (Bukit Permai):** Saya melihat kutipan levi oleh pihak CIDB jumlah dia begitu besar iaitu cecah RM122 juta. Oleh kerana CIDB di bawah Akademi Binaan Malaysia mengadakan kursus-kursus binaan, bentuk kemahiran, sijil dan sebagainya, kita melihat ianya sinonim dengan apa yang diutarakan oleh pihak kerajaan negeri yang menubuhkan Johor Skill Hub bersebelahan kampus YPJ yang dirasmikan baru-baru ini oleh pihak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Oleh kerana dana ini begitu besar, saya ingin mengemukakan cadangan supaya kutipan levi ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat Johor khususnya golongan belia dengan pihak CIDB bekerjasama dengan Johor Skill Hub supaya kita

dapat mengoptimalkan penggunaan dana yang kita kumpul. Kita nak kutipan dana levi daripada CIDB yang dikutip di negeri Johor ini dimanfaatkan sepenuhnya di negeri Johor, untuk rakyat Johor.

Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan mengapa tidak kita buat satu *smart partnership* antara CIDB dan juga Johor Skill Hub sekurang-kurangnya dana itu dapat membantu pelajar-pelajar yang akan kita masukkan ke Johor Skill Hub tersebut. Dan, di samping itu, saya nak supaya program CIDB ini diperluaskan CSR, Program Tanggungjawab Sosial ini diperluaskan bukan sahaja tertumpu di bandar, kalau boleh kita bantu program-program sukarelawan dalam membina rumah-rumah warga miskin dan sebagainya di luar bandar. Kita banyak program daripada *Johor Future* kemudian ada Ihsan Johor. Mereka ini memerlukan dana untuk membuat rumah orang miskin di luar bandar. Jadi, kenapa tidak dana CIDB ini digunakan untuk tujuan-tujuan tersebut. Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak EXCO bagaimana untuk kita mengeratkan kerjasama yang sebegini antara pihak kerajaan negeri dan CIDB yang mewakili agensi kerajaan pusat?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Bukit Permai di atas cadangan yang amat baik sekali khususnya hasrat supaya CIDB menjalankan *smart partnership* dengan beberapa agensi di peringkat negeri seperti Skill Hub dan sebagainya. Dan, insya-Allah pihak kerajaan akan berunding dengan CIDB supaya program CSR ini akan diperluaskan bukan hanya di bandar tetapi juga aktiviti-aktiviti CSR di luar bandar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri juga mengambil langkah-langkah yang proaktif dalam membantu golongan bela dan juga memastikan negeri dan rakyatnya mendapat manfaat yang sebaik-baik daripada hasil kutipan levi hampir RM150 juta ini dengan menubuhkan Pusat Pembangunan Kapasiti Kontraktor sepertimana dalam Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar di mana ianya adalah bertujuan untuk merealisasikan satu pelan induk pembangunan keupayaan kontraktor di Negeri Johor dengan memberi tumpuan kepada peningkatan keupayaan kontraktor-kontraktor peningkatan peluang dan juga peningkatan persekitaran industri. Dengan harapan apabila perkara ini dapat kita laksanakan melalui pewujudan Pusat Pembangunan Kapasiti Kontraktor ini, kita akan dapat melihat faedah yang lebih meluas, faedah yang lebih baik dengan pungutan levi yang diterima sebanyak hampir RM150 juta ini. Terima kasih.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Terima kasih Tan Sri Speaker, memandangkan projek-projek besar yang telah dijalankan oleh syarikat-syarikat berkaitan kerajaan negeri China sebenarnya, termasuk *Forest City* dan beberapa, *Country Garden* di Danga Bay dan juga ada projek lain-lain termasuk *Double Track Rail* yang akan dilancarkan dan juga *High Speed Rail* yang akan dilancarkan melibatkan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan Negeri China sebenarnya. Apakah usaha yang dilakukan oleh CIDB dan pihak kerajaan negeri untuk mengguna, mengambil kesempatan ini khasnya memastikan *technician* kita akan mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih baik dan lumayan dan juga memastikan teknologi *transfer* di antara syarikat China dan juga pekerja-pekerja setempat.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri menyedari bahawa projek-projek pembinaan pembangunan yang berjalan di negeri kita ini, 91% daripada nilai projek adalah merupakan projek swasta. Hampir RM20 billion adalah merupakan projek-projek swasta.

91 daripada keseluruhan jumlah projek yang dibangunkan di Johor bernilai sebanyak RM22.27 billion pada tahun 2015. Projek kerajaan hanya tidak sampai 10% daripada jumlah tersebut. Maka, kita menyedari bahawa kita perlu melatih, mendedahkan kontraktor kita untuk menyahut cabaran tentang wujudnya, itu besar nilai dan jumlah kerja yang banyak di pihak swasta. Dan untuk itu, sebab itu kerajaan telah pun membangunkan Pelan Induk Pembangunan Keupayaan Kontraktor kerana kita menyedari tentang wujudnya projek-projek yang bersaiz mega di Negeri Johor ini.

Dan, sepertimana yang saya katakan lebih awal bahawa Pusat Pembangunan Kompetensi Kontraktor adalah bertujuan menyahut cabaran dan juga memenuhi permintaan pasaran tersebut. Di samping itu, di pihak CIDB sahaja, selain daripada Program Pembangunan Kontraktor, Program Akreditasi Pekerja Mahir Binaan, Program Integriti Kontraktor, Program Pentauliahan Penyelia Tapak, Program ataupun Seminar Pemantapan Pengurusan Kualiti Kontraktor pada tahun 2016 sahaja hampir RM1.5 juta dibelanjakan untuk tujuan-tujuan tersebut. Selain daripada usaha-usaha kerajaan negeri untuk bekerjasama dengan institusi-institusi latihan yang ada di Negeri Johor ini termasuklah *Skill Hub* yang disebutkan tadi adalah bertujuan untuk memastikan bahawa rakyat Johor mendapat manfaat dan faedah yang sebaik-baik mungkin daripada pembangunan yang berjalan. Terima kasih.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Sungai Abong, jemput.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 4.

Berapakah bilangan penerima bantuan daripada Baitulmal daripada Asnaf fakir & miskin untuk seluruh Negeri Johor sehingga kini?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Bismillahirrahmannirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Sungai Abong dan juga Ahli Dewan yang lain bagi memudahkan permohonan zakat Majlis Agama Islam Negeri Johor telah menyediakan skim permohonan bantuan kepada golongan yang tidak berkemampuan terutamanya di bawah asnaf, fakir miskin, gharim, ibnu sabil dan fisabilillah, muafiq dan juga amil dan juga riqab yang mana pecahannya itu bukannya khusus kepada Baitulmal tetapi dia di bawah zakat.

Baitulmal dia ada juga, zakat ada juga, di bawah wakaf pun ada juga. Tetapi yang ingin saya maklumkan pada di sini, apa yang ditanyakan oleh pihak Sungai Abong lebih kepada zakat sebenarnya. Maka, dengan sebab itu saya ingin memaklumkan bahawa sehingga 30 September 2016, seramai 148,156 orang penerima bantuan zakat telah direkod untuk kesemua jenis bantuan zakat di bawah Majlis Agama Islam Negeri

Johor sepertimana perincian yang saya ingin nyatakan dengan nilai agihan sebanyak RM109,879,395.47 dan jumlah penerima sebanyak 148,156 orang.

Di mana pecahan agihan tersebut boleh kita perincikan, yang pertama sekali, pendaftaran IPT sebanyak RM3,647,000.00, di mana penerimanya sebanyak ataupun seramai 5,756 orang. Yang ke-2 dermasiswa luar negara, di mana dermasiswa ini adalah melibatkan pengajian di Mesir dan juga Jordan sebanyak RM1,282,000.00 yang melibatkan seramai 191 orang. Yang ke-3, bantuan sara hidup bulanan, ini juga merupakan satu bentuk bantuan yang banyak melibatkan penerima iaitu dengan kos sebanyak RM22,233,000.00, di mana penerimanya seramai 12,411 orang.

Kemudian, yang ke-4, bantuan hari raya iaitu sebanyak RM13,206,000.00, di mana melibatkan 58,932 orang. Begitu juga yuran sekolah pada mereka-mereka yang tidak mampu untuk membayar yuran sekolah sebanyak RM2 juta diperuntukkan dengan melibatkan 20,000 orang penerima. Yang ke-6, bantuan pakaian sekolah sejumlah RM4,050,000.00, di mana penerimanya seramai 29,815 orang. Begitu juga bantuan basikal sebanyak RM200,000.00, di mana penerimanya ada 500 orang sehingga September ini.

Kemudian, yang ke-9, pemakanan sihat, sebanyak RM4,000,000.00, di mana penerimanya sebanyak 12,000,411 orang. Ke-10, bantuan bencana alam RM443,180.00, di mana penerimanya 286 orang sehingga kini.

Yang ke-11, bantuan berdikari sebanyak RM1,504,000.00, di mana kita memberikan kepada 292 orang. Kemudian rawatan dialisis, ini juga merupakan bantuan yang tertinggi sebanyak RM26,907,000.00, di mana penerima bantuan rawatan dialisis ini ialah seramai 3,245 orang. Begitu juga yang lain perubatan, pelbagai jenis perubatan termasuk pembedahan, kos-kos pembedahan, alat-alat perubatan, termasuk juga kaki palsu dan sebagainya sebanyak RM12,390,000.00, di mana penerimanya seramai 2,000,757 orang. Begitu juga pembinaan rumah baru sebanyak bantuan rumah, untuk bantuan rumah baru sebanyak RM9,658,000.00, di mana melibatkan 224 orang penerima dan juga bantuan baik pulih rumah RM1,797,000.00, di mana melibatkan 232 orang.

Kemudian yang ke-16, kursus kepada, motivasi kepada pelajar-pelajar miskin sebanyak RM26,000.00, seramai 130 orang pelajar. Kemudian yang ke-17, pembangunan ekonomi asnaf sebanyak RM310,910.00 kepada 300 orang asnaf. Kemudian yang ke-18, bantuan menyelesaikan hutang sebanyak RM228,108.00, kepada 40 orang. Yang ke-19, pinjaman melalui Skim Qardul Hassan kepada pelajar perubatan luar negara sebanyak RM5,800,000.00, kepada 199 orang.

Kemudian, yang ke-20, bantuan kepada rumah kebajikan dan kanak-kanak istimewa sebanyak RM205,000.00, kepada 204 orang penerima di rumah kebajikan dan kanak-kanak istimewa. Ke-21, tambang ke pusat pengajian Islam, tambang kepada pusat pengajian tinggi sebanyak RM147,250.00, kepada 86 penerima. Yang ke-22, bantuan kepada masyarakat Rohingya sebanyak RM287,400.00, kepada 284 orang masyarakat Rohingya. Terima kasih Tan Sri Speaker.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada jawapan, yang panjanglah, soalnya nak tahu bilangan aje fakir



miskin. Jadi, cukup menyakinkan saya bahawa memang wujudnya orang miskin fakir dalam Negeri Johor ini. Bukan sedikit, ramai, kita dibentangkan setiap tahun dalam Bajet bahawa Johor merupakan negeri yang telah sifar peratusan orang miskin, peratusan orang miskin. Seolah macam tak ada orang miskin di Negeri Johor ni. Tapi hari ini diyakinkan bahawa ribu-ribuan, saya ada banyak soalan tambahan tapi cukuplah satu yang ini. Jadi, apakah maknanya sifar, peratusan sifar fakir dan miskin yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tu, dengan angka yang ribuan. Dan saya yakin ini angka yang tepat, kalau zakat ini kena jaga betul ni nak bagi ni disahkan betul fakir, miskin baru dia bagi. Bermakna ada hampir 100,000 lebih orang yang miskin dan fakir di Negeri Johor ini. Ini soalan yang pertama, yang kedua tu akan datang, tiga dan seterusnya. Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Apa yang ingin saya maklumkan di sini bahawa mengikut apa yang kami melalui had kifayah iaitu kaedah penelitian. Sebenarnya, apa yang kita lihat pada hari ini, yang disebutkan sebagai miskin ini tadi ni, yang banyaknya yang kita lihat dari segi bantuan perubatan, terutamanya perubatan dialisis di mana kita sedia maklum bahawa bantuan dialisis perlu kos untuk merawat ataupun untuk dialisis ini, saya rasa, Sungai Abong pun faham, kosnya agak tinggi. Di mana ini yang dikatakan menyebabkan mereka ini disebutkan mudah miskin kerana kos merawat itu, untuk perubatan itu sendiri dah menelan kos lebih kurang RM3,000.00 sebulan. Dengan pendapatan contohnya, kalau katakan dia ada RM6,000.00, pendapatan dia, sedangkan kos perubatan dalam keluarga dia tu, seorang tu, ketua keluarga tu, dah RM3,000.00, jadi dia tinggal RM3,000.00. Daripada RM3,000.00 tadi ni, dia ada anak-anak lain yang bersekolah, ditambah lagi kadang-kadang ada di kalangan mereka ini tadi, ada anak-anak mereka ini orang yang kurang berlainan upaya dan sebagainya. Jadi ini yang menyebabkan mereka ini dikategorikan sebagai orang miskin.

Kemudian begitu juga yang kita berikan bantuan kepada pelajar-pelajar sekolah ini tadi, kita sedar, sedia maklum kos untuk belajar di luar negara dan sebagainya meningkat dan pelajar yang nak belajar ni makin ramai. Maka, dengan sebab itu kita pada hari ini pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor, mengambil peluang ini untuk kita bantu, di mana sehingga kini pun, kalau kita lihat perbelanjaan kita pun hari ini dah melebihi dari segi kutipan zakat kita.

Kutipan zakat kita hari ini pun sebenarnya sekitar lebih kurang RM230 juta tetapi perbelanjaan kita dah mencapai RM245 juta. Tetapi, kita berpandangan positif bahawa insya-Allah, di atas kesedaran umat Islam pada hari ini, melihat keadaan yang hari ini, kita sedang hadapi dengan kesedaran itu, hari ini umat Islam tampil walaupun dalam keadaan orang mengatakan bahawa ekonomi sekian begini, kejatuhan nilai mata wang ringgit dan sebagainya, tetapi orang yang membayar zakat di atas dasar kesedaran itu masih ramai sebab mereka melihat peranan Majlis Agama Islam itu mengagihkan dengan betul.

Kami mengagihkan mengikut sebagaimana yang disebutkan oleh Sungai Abong tadi, lihat berapa jumlahnya, orang yang menerima itu tadi betul-betul sampai mengikut saluran yang betul, ya. Dengan amanah yang diberikan oleh umat Islam di Negeri Johor pada hari ini ya, kita dapat membantu berapa ramai lagi yang ada. Sebab itu,

kami hari ini, peranan Majlis Agama Islam di daerah-daerah sendiri pun kita perluaskan dengan mewujudkan pejabat Majlis Agama Islam sendiri, supaya lebih mudah orang nak berurusan, dapat membezakan mana Jabatan Agama, mana Majlis Agama, mana Mahkamah Syariah, mana Jabatan Mufti.

Jadi, mereka tahu iaitu Majlis Agama Islam hari ini memperluaskan, bukan maknanya kita mencari orang susah tetapi nak membantu memudahkan orang. Mungkin kita tahu hari ini kalau ada pendapatan orang tadi ni sekitar RM50.00, apa RM50.00, perbelanjaan mereka juga RM50.00 itu dikira sebagai miskin. Tetapi ada juga yang di kategori sebagai mudah miskin, mungkin akan jatuh kepada miskin. Jadi, itu sebab kita kena bantu. Salah satu di antaranya pendekatan-pendekatan yang kita berikan pada hari ini seperti bantuan makanan sihat ini tadi yang di mana menelan kos sebanyak RM4 juta ini untuk memudahkan rakyat. Jadi, anak-anak yang pergi ke sekolah sudah tidak perlu lagi meminta wang kepada ibu bapa mereka untuk mereka bawa bekal ke sekolah kerana pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor telah menyediakan bantuan makanan sihat di sekolah-sekolah. Terima kasih Tan Sri Speaker.

**YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) :** Terima kasih Yang Berhormat Speaker. Kalau kita lihat pada penerangan diberi tadi saya ucap tahniah kepada Majlis Agama Islam Johor yang telah banyak membantu fakir miskin dan juga mereka yang mudah miskin. Dalam suasana keadaan pada hari ini, memang semua mereka tertekan dengan kos sara hidup yang tinggi. Cuma yang dibangkitkan tadi yang saya faham ialah di Johor ini dikatakan sifar miskin. Jadi, dari segi istilah Majlis Agama Islam Negeri Johor adakah lagi, masih ada lagikah ataupun apakah takrif yang digunakan untuk mereka yang fakir miskin ni sahaja dan bukan mudah miskin, yang fakir miskin ini sahaja dan adakah bantuan diberi telah dapat diberi kepada sasaran yang sebenarnya kerana kalau kita lihat pada hari ini, daripada laporan akhbar, daripada contoh ya, berita dalam Bersamamu sebenarnya masih ramai lagi mereka yang memerlukan bantuan yang tertinggal. Jadi, siapakah yang menentukan mereka yang memerlukan bantuan ini?

Adakah mereka perlu pergi ke Jabatan Agama ataupun pihak-pihak pegawai-pegawai tertentu seperti imam ke, ketua kampung yang sepatutnya menentukan bahawa ahli-ahli kariah mereka ini mendapat bantuan dan ramai yang kita lihat yang tertinggal. Dan, sebagai Yang Berhormat Pembangkang ini biasanya kita menerima aduanlah. Kita menerima aduan, kadang kita terkejut bila melihat keadaan mereka yang cukup tertekan termiskin dengan perumahannya tetapi tidak berjaya dalam memohon bantuan atau tidak dapat bantuan yang sewajarnya. Terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan juga yang bertanya daripada pihak, daripada Maharani. Saya ingin maklumkan bahawa di sini peranan Majlis Agama Islam Negeri Johor untuk membantu mereka-mereka yang miskin sebab itu kita ada maklumkan melalui program e-Kasih ini, kita miskin tegar ini sebenarnya zero. Yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ni miskin tegar, kosong ya, miskin tegar. Maknanya tadi miskin ni ramai, tapi miskin tegar yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu adalah kosong dan mudah miskin ni juga ramai. Mudah miskin ni ramai. Sebab itu saya katakan tadi yang dikatakan mudah miskin. Sebab itu ditanyakan oleh pihak Maharani tadi siapakah yang berperanan, sebab itu kami dengan pihak Jabatan

Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam Negeri Johor hari ini ya, untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan kemiskinan ini.

Maka itu sebabnya apabila pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat memberikan bantuan kepada mereka-mereka yang memerlukan, pihak Majlis Agama Islam juga memberikan bantuan. Bukanlah maknanya bila seseorang itu dah berdaftar dengan pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor sebagai miskin, mereka pergi lagi kepada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mereka dapatkan bantuan pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat juga beri. Sebab, kalau katakan hari ini ada salah satu sebab peranan kita yang hari ini di Majlis Agama Islam ini membantu mereka-mereka yang memerlukan ini tadi berdasarkan had kifayah, keperluan mereka. Sekiranya contohnya pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat dah bantu dan kita lihat dari segi had kifayah kita, kita keluarkan bantuan itu kita masukkan sekali bahawa bantuan itu tadi ni kita tak kira. Bahawa ini adalah sumber bukan daripada pendapatan dia. Ini adalah bantuan. Maka itu sebab Majlis Agama Islam beri juga. Mereka akan dapat dua, daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga daripada Jabatan Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Sebab itu saya dah bincang dengan EXCO Wanita dan Kebajikan Masyarakat supaya kita tidak ada maknanya kalau sekiranya mereka dah dapat bantuan zakat, pergi ke JKM mereka dipotong, tidak. Bila pergi ke JKM mereka dapat, pergi Majlis Agama Islam mereka juga akan dapat sebab kalau kami tidak bekerjasama maka mereka ini masih kekal lagi dalam keadaan kemiskinan. Sampai ke Majlis dapat, pergi kat JKM tak dapat ataupun bila dapat tahu daripada JKM, Majlis Agama Islam dapat mereka potong pulak JKM, tidak. Sebab itu, dua agensi yang selalu kami bekerjasama iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Majlis Agama Islam Negeri Johor untuk membantu menyelesaikan isu-isu yang dikatakan tadi miskin dan juga mudah miskin. Terima kasih Tan Sri Speaker.

**YB Speaker :** (Masalah teknikal) Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ada menerima Rundingan di bawah Peraturan Tetap Bilangan 30, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap bagi Dewan Negeri Johor daripada Yang Berhormat Mengkibol pada 3 November 2016 untuk meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895 bagi memasukkan fasal baru tentang bahagian pilihan raya dan kuota pemilih. Saya telah meneliti pemberitahu rundingan tersebut dan dengan itu menolak rundingan berkenaan dari dibawa dan dibahaskan ke dalam Dewan kerana tidak dikemukakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan Tetap yang sama iaitu Peraturan Tetap Bilangan 30 di mana pemberitahu yang bertulis bagi rundingan yang tersebut itu perlu dihantar kepada Jurutulis Dewan Negeri dan bukannya kepada Speaker.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan persidangan ini selama 25 minit kerana termasuk kita nak betulkan ni, alat-alat siar raya kita ini yang ada terganggu. Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan hingga pukul 11:00 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 10:35 pagi.**

**Persidangan disambung semula pada jam 11:00 pagi.**

**YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Timbalan Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula.

**Jurutulis : PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN 2017 TAHUN 2016.**

**YB Timbalan Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, suka saya mengingatkan bahawa menurut Peraturan Tetap 112(2), maka perbahasan atas rundingan itu hendaklah dihadkan atas lunas-lunas am berkenaan dengan dasar dan pentadbiran kerajaan sebagaimana tersebut dalam Rang Undang-Undang ini. Dimaklumkan bahawa tempoh perbahasan Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah selama 4 hari iaitu mulai hari ini 20 November hingga 23 November 2016. Bagi pencadang, masa diberikan adalah 45 minit dan penyokong ialah 30 minit. Dan, bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain masa diberikan adalah 15 hingga 20 minit untuk berbahas.

Oleh yang demikian, dipohon kerjasama semua Ahli-Ahli Yang Berhormat mematuhi masa yang diberikan bagi membolehkan semua dapat berucap di dalam perbahasan. Perbahasan atas Rundingan Bagi Bacaan Kali Yang Kedua Enakmen Perbekalan 2017 Tahun 2016 dimulakan. Sila, Yang Berhormat Rengit sebagai pencadang.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana memberikan keizinan kepada Rengit untuk menyampaikan ucapan dalam sesi Ucapan Bajet 2017 bagi negeri Johor atau Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2017 Tahun 2016.

Marilah kita berdoa mudah-mudahan Persidangan Bajet Negeri pada kali ini berjalan dengan lancar, tersusun seperti mana yang dikehendaki oleh Undang-Undang Tubuh Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pertamanya saya nak ucapkan sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas pembentangan bajet negeri Johor yang saya kira cukup cemerlang dan berjaya pada hari Khamis yang lepas. Kejayaan ini adalah bukti kesungguhan, keikhlasan Yang Amat Berhormat dan pasukan kerjanya dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab yang telah diberikan. Juga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Johor, Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor dan seluruh pegawai kerajaan negeri dan pusat di negeri Johor yang tentunya bekerja keras membantu menjayakan penyediaan bajet yang cemerlang ini. Juga, terutamanya Menjunjung Kasih kepada Baginda Tuanku Sultan Johor yang memayungi rakyat negeri Johor yang semakin cemerlang dan berjaya, mahu menjadikan bangsa Johor bangsa yang maju.

Tahniah sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah merangka Pelan Kewangan Negeri Johor selama 4 tahun berturut-turut bajet negeri merupakan

bajet surplus. Ini bukti kecekapan kita menguruskan negeri. Inilah berkat muafakat Johor. Kita buktikan bahawa kita merupakan kerajaan yang cukup berhemah dalam menguruskan kewangan negeri. Yang terpenting sekali ialah amanah yang diberikan kita jalankan sesempurna mungkin. Seperti kata Yang Amat Berhormat dalam perenggan 393 dalam ucapan bajetnya, saya quote dengan izin, Yang Berhormat Dato' Speaker, "Kepada masyarakat umum di luar sana, ketahuilah bahawa tidak ada sehari pun yang berlalu tanpa kami semua memikirkan bagaimana hidup kalian. Hidup keluarga kalian dan anak-anak kalian perlu menjadi lebih baik dan berkesejahteraan".

Yang Berhormat Dato' Speaker, bajet kali ini bertemakan "Johor Berkemajuan, Rakyat Sejahtera", yang mempunyai 3 misi besar dengan 6 strategi berserta 7 agenda besar merangkumi 127 titik sentuhan, cukup komprehensif, menyeluruh dan terpenting sekali kita merancang kewangan negeri berpijak di bumi nyata.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerangka bajet negeri Johor mempunyai 3 misi besar iaitu :

1. Mahu mewujudkan kemakmuran material.
2. Mahu mensejahterakan rakyat negeri
3. Untuk membenfuk masyarakat terbaik. Masyarakat yang akan menjadi teladan kepada masyarakat lain.

Itu tiga misi besar dalam bajet negeri Johor kali ini, Yang Berhormat Dato' Speaker. Bajet kali ini disusun dalam 6 strategi yang telah, sedang dan mampu kita laksanakan. Kita tidak bercakap kosong sepertimana tahun-tahun yang lalu, kita rancang dan laksanakan. Malah strategi diperkemas dari masa ke semasa, sesuai dengan cabaran semasa dan perubahan semasa. Termasuk pastinya pada tahun hadapan cabarannya lebih besar dengan keputusan pemilihan Presiden Amerika yang baru ini, tentunya akan memberi kesan kepada seluruh dunia termasuk di negeri Johor ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, 6 strategi yang kita susun dengan cabaran masa depan:

1. ialah pelaksanaan pelan pertumbuhan strategik di setiap daerah;
2. Menggariskan strategi menarik pelabur asing dan domestik;
3. Mewujudkan pekerjaan bermutu untuk rakyat Johor;
4. Mengurangkan kebergantungan pekerja asing;
5. Membangunkan Johor sebagai hab halal dan hab kecukupan makanan, dan;
6. Menguruskan kesenjangan ekonomi dan melebarkan kemakmuran untuk semua.

Manakala 7 agenda besar ialah menjadikan Johor ini Johor Mahir, Johor Lestari, Johor Prihatin, Johor Islamik, Keusahawanan Johor, Johor Berbudaya dan Johor Inovatif dan Digital berserta 127 titik sentuhan menyeluruh di desa, kampung, bandar dan kotaraya, miskin dan senang diambil kira, lama dan baru, tua dan muda, semuanya disusun untuk dikongsi harapan bagi seluruh rakyat di negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bajet yang telah dibentangkan cukup menyeluruh untuk dikongsi bersama oleh rakyat negeri Johor. Inilah Johor, negeri yang cukup bertuah.

Saya mulakan Ucapan Bajet ini dengan bait-bait seni kata lagu Muafakat Johor. Lagu ini menggambarkan akan bangsa Johor. Perjuangan bangsa Johor dan nilai-nilai murni yang ada pada bangsa Johor dan terpenting dari itu Yang Berhormat Dato' Speaker ialah penulis lirik lagu ini adalah orang Rengit dan anak sejati Rengit. Lagu ini akan didendangkan di seluruh negeri Johor siang dan malam bagi menyemarakkan semangat baru rakyat Johor, dengan izin Yang Berhormat Dato' Speaker.

'Muafakat Johor jadi sandaran, beretika menjaga warisan, cekal menghadapi cabaran di hadapan berhemah dan berkemajuan, Raja dan rakyat berpisah tiada, Bangsa Johor tinggi setianya, sanggup berkorban jiwa dan raganya, majulah Johor luaskan kuasamu, muafakat itu berkat, muafakat itu sepakat, tegak bangsa kerana budi, kami mendengar suara hati, membina bangsa dan negara, muafakat Johor terus dirahmati, gagasan Johor berkemajuan, bersama rakyat kita jayakan, tidak pernah tunduk pada cabaran, perjuangan mesti diteruskan, muafakat itu berkat, muafakat itu sepakat, Johor tetap jadi Johor, hidup bermuafakat, luaskan kuasamu, Johor tetap jadi Johor, negeri berdaulat, luaskan kuasamu'.

Yang Berhormat Dato' Speaker, fahamilah, selami dan hayati setiap bait-bait lagu Muafakat Johor ini. Lagu Muafakat Johor ini, 10 kali menyebut perkataan muafakat diulang-ulang, berhemah dan berkemajuan. Kita buktikan dalam pembentangan bajet hari Khamis yang lepas. bajet kita cukup berhemah. Cekal menghadapi cabaran, Raja dan rakyat berpisah tiada, bangsa Johor tinggi setianya, sanggup berkorban jiwa dan raga dan tidak tunduk pada cabaran. Itulah bangsa Johor, itulah orang Johor, itulah kekuatan muafakat Johor. Ayuh, kita bangkit bangsa Johor, marilah kita harungi masa depan Johor yang lebih gemilang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perancangan Bajet 2017 tentunya mengambil kira faktor semasa. Walaupun dalam keadaan ekonomi yang suram sepanjang tahun ini, malah di seluruh rantau ini juga di seluruh dunia. Johor berjaya mengharungi keadaan ini dengan lebih baik. Ini dibuktikan dengan pencapaian dan prestasi ekonomi dan kewangan negeri Johor setahun yang lalu. Secara mudahnya dapat saya kesan ialah kutipan hasil kita meningkat, sehingga 16 Oktober kutipan hasil kita pada RM1.369 bilion atau 96%. Manakala rizab negeri Johor kini RM3.5 bilion pada 15 Oktober 2016 serta akaun hasil yang disatukan kini RM1.13 bilion. Pelaburan di Johor meningkat daripada 2013 sehingga 2016 kepada RM66.6 bilion dan pertumbuhan ekonomi Johor pula 5.9% berbanding dengan Malaysia 5.3%. Dinyatakan juga pendapatan isi rumah meningkat bagi kawasan bandar RM5,197.00 berbanding dengan negara RM4,585.00 dan pendapatan isi rumah luar bandar Johor RM4,393.00 berbanding dengan negara RM3,123.00.

Semua ini bukti bahawa kerajaan yang diberi amanah oleh rakyat telah memikul tanggungjawab yang sebaik serta yang terdaya mungkin. Kita buktikan dengan pencapaian yang telah dicapai selama ini. Angka-angka ini adalah bukti tegas lagi nyata bahawa kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor cukup berhemah dalam menguruskan fiskal negeri Johor dan memacu negeri ke arah Johor berkemajuan.

Insya-Allah Rengit akan sentiasa berdoa agar kerajaan ini akan terus menjalankan amanah dan tanggungjawab atas masa yang ada dan kita juga merancang masa depan yang lebih baik lagi gemilang untuk dikongsi bersama oleh rakyat negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyampaikan beberapa perkara dalam Ucapan Bajet, pertamanya yang ingin saya sampaikan ialah soal strategi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Saya amat menyokong strategi mengurangkan kebergantungan pekerja asing yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat dalam Ucapan Bajet ini. Malah kehadiran pekerja asing yang begitu ramai hari ini mula menggugat, mengganggu ketenteraman keseluruhan kehidupan rakyat di negeri ini. Pekerja asing juga telah menyekat orang tempatan untuk bekerja menambahkan pendapatan keluarga mereka. Pekerja asing juga menyekat peluang ramai graduan menganggur di negeri Johor pada masa kini. Pekerja asing telah mendominasi sektor pekerjaan dalam bidang pembuatan, pertanian, pembinaan dan perkhidmatan. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri pada tahun 2015 ada seramai 2.1 juta pekerja asing yang sah dan dianggarkan 3 juta pekerja asing tanpa izin di negara kita pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau kita campurkan yang sah dan yang tidak sah ataupun tanpa izin, jumlahnya hampir atau lebih daripada 5 juta orang di negara kita. Satu jumlah yang amat membimbangkan negara. Rengit amat mengalukan usaha kerajaan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing melalui kajian yang akan dilakukan oleh Unit Swadaya Insan, Pelan Rasionalisasi Buruh, Dasar Pengambilan Pekerja Tempatan dan usaha bekerja rapat dengan kerajaan pusat untuk memastikan tidak berlaku ketirisan dalam kemasukan pekerja asing, ke negeri Johor.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini, pertamanya, semua projek kerajaan dan anak-anak syarikat kerajaan hendaklah memberi keutamaan kepada syarikat yang mengutamakan pekerja tempatan. Proses ini boleh dibuat secara berperingkat-peringkat.

Kedua, pejabat kerajaan, premis kerajaan mulai tahun hadapan, mulai bajet tahun hadapan, kalau boleh tidak lagi kelihatan bayang pekerja asing. Seperti pencuci bangunan, pemotong rumput dan mereka yang bekerja mencabut rumput landskap di kawasan Nusajaya. Malah di kantin-kantin pejabat kerajaan juga jangan ada bayang pekerja-pekerja asing, seharusnya diisi dengan pekerja-pekerja tempatan.

Di Jepun dan di Singapura, mereka mengambil warga emas bekerja di *food court* dan membersihkan kawasan dalam *airport* dan tentunya memberikan pendapatan tambahan dan masa yang banyak untuk mereka berinteraksi walaupun di peringkat umur sebegitu. Ini semuanya boleh kita lakukan secara berperingkat-peringkat. Saya sendiri Yang Berhormat Dato' Speaker, selama lebih 5 tahun menggunakan tenaga wanita tempatan untuk mengemaskan kawasan landskap di Rengit daripada pukul 8 pagi hingga 12 tengah hari setiap hari, 6 hari seminggu. Pukul 12 tengah hari mereka baik untuk ambil anak sekolah, masak untuk urusan keluarga mereka. Mereka memperoleh RM600.00 sebulan dalam masa kerja daripada pukul 8.00 pagi hingga pukul 12.00 tengah hari dan sudah 5 tahun kita laksanakan perkara ini.

Tenaga wanita di bandar dan luar bandar ramai. Cuma perlu satu sistem kerja yang lebih anjal. Malah kajian mendapati jumlah tenaga kerja wanita yang digunakan di negara kita pada paras 48% sahaja berbanding dengan negara lain.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara kedua yang ingin saya sampaikan ialah mengenai strategi kelima iaitu membangunkan Johor sebagai hab halal, hab bio ekonomi dan hab kecukupan makanan. Saya ingin fokuskan kepada hab kecukupan makanan, bagi hab halal dan bio ekonomi, kita serahkan kepada rakan-rakan Ahli Dewan yang lain untuk mengupas dan mengolahnya. Seperti yang disebut dalam kajian *Khazanah Research Institute 2016*, negara membelanjakan hampir RM45.4 billion untuk mengimport makanan. Malaysia hanya memenuhi kecukupan makanan bagi daging ayam, khinzir dan ikan sahaja. Barang makanan lain tidak mencukupi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rakyat Malaysia biasanya berbangga bahawa Malaysia adalah syurga makanan, sebab itu kita lihat di Malaysia, kedai-kedai makan atau restoran dibuka sehingga 24 jam. Ada di satu kawasan 25 jam. Malaysia adalah syurga makanan tapi kebanyakan bahan makanan di Malaysia kebanyakannya import dari luar negara. Malaysia mengimport makanan daripada 120 buah negara untuk buah-buahan, sayur-sayuran dan daging. Lebih memeranjatkan lagi Malaysia mengimport tembikai, pisang dan nenas. Pengerusi Nenas ada di sebelah saya ini. Nenas pun diimport daripada luar negara, minta maaf Pengerusi Nenas. Daripada Januari hingga Jun, tembikai, pisang dan nenas nilainya RM1.55 billion pada tahun 2015. Bayangkan Dato' Speaker, nenas yang boleh ditanam di Malaysia, pisang yang boleh ditanam di Malaysia, tembikai yang boleh ditanam di Malaysia kita import nilainya cukup besar RM1.55 billion.

Sayur-sayuran RM1.95 billion, malah ada sayur yang diimport daripada Singapura. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya bacakan satu-persatu Yang Berhormat kelapa pun kita import nilai importnya ialah RM46 juta, Daging RM1.68 billion, ayam RM211 juta, cili RM71 juta, sumber ini daripada Lembaga Pemasaran Persekutuan. Daripada tahun 2012 hingga 2015, jumlah pertambahan import makanan ini ialah RM15 billion. Kenaikan sebanyak RM4 billion setiap tahun, satu jumlah angka yang cukup besar. Ditambah lagi Yang Berhormat, bila kita kerap banyak jumlahnya kita mengimport ditambah lagi dengan keadaan ringgit dan dolar yang semakin melebar nilai perbandingannya, maka sudah tentu harga barang makanan semakin mahal dan memberi tekanan kepada rakyat masa kini.

Selaras dengan itu Rengit mencadangkan untuk menjadi Johor sebagai Negeri Hab Kecukupan Makanan, saya amat bersetuju kita mulakan dengan Program Nukelus atau dengan izin, Agro Mix Farm yang dilaksanakan sebagai gerakan awal untuk menjayakan Program Hab Kecukupan Makanan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat dalam Bajet 2017. Saya ingin juga mencadangkan supaya kerajaan negeri menyediakan satu pelan strategik bagi Pelan Hab Kecukupan Makanan bagi negeri Johor. Seminar dan bengkel berterusan untuk mencari resolusi terbaik perlu diadakan dari masa ke semasa. Selain daripada itu, saya ingin meminta kerajaan negeri mengambil tindakan tegas kepada syarikat dan individu yang diberi peluang untuk mengusahakan tanah kerajaan di bawah Program Pengeluaran Makanan. Jumlah keluasan tanah yang terlibat dalam Program Pengeluaran Makanan ini puluhan ribu ekar di seluruh Johor. Menyediakan ialah dalam perjanjian awal mereka ialah untuk menanam pengeluaran makanan tapi mereka menanam dengan sawit. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya tanah-tanah ini diambil semula dan ditarik balik kelulusannya dan diberi kepada ramai graduan Johor yang menganggur yang boleh mengusahakan tanaman makanan ini. Dan, ramai anak-anak muda di luar sana tentunya bersetuju dengan cadangan ini.



Selain daripada itu konsep pertanian baru dan moden perlu dipromosikan di seluruh negeri Johor antaranya seperti pertanian Integrasi organik, pertanian hidroponik dan pertanian hortikultur boleh membantu menjayakan Hab Kecukupan Makanan di negeri Johor. Model-model pertanian moden dengan teknologi terkini dari negara lain perlu diambil sebagai contoh dan disesuaikan kosnya dengan negeri Johor. Malah saya ingin mencadangkan kerajaan negeri supaya mengdokumenkan petani atau pengeluar bahan makanan yang berjaya untuk menjadi panduan dan rujukan kepada mereka yang berminat untuk turut sama dalam Program Pengeluaran Makanan ini.

Jika semua perkara ini dapat kita laksanakan saya yakin pelan mahu menjadikan Johor Hab Kecukupan Makanan akan berjaya perlu digerakkan secara masa. Pertanian boleh menyumbangkan pendapatan keluarga kerana seperti kata bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi, pertanian itu perniagaan.

Perkara ketiga yang ingin saya sampaikan Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh kerana saya wakil rakyat daripada kawasan luar bandar sewajarnya saya membawa perkara yang ada kaitan dengan luar bandar. Orang kampung Yang Berhormat Dato' Speaker dia tidak minta perkara-perkara yang besar, mereka tidak minta kereta api laju atau rail berkembar atau minta stadium besar-besarnya atau kawasan rekreasi yang bernilai juta ringgit. Mereka minta sikit sahaja. Mereka gembira dan amat berterima kasih kalau jalan kampung mereka dapat dilebarkan, dua kereta berselisih tidak perlu lagi berhenti. Mereka akan senyum kalau malam lampu jalan menyinari malam di jalan-jalan kampung mereka. Mereka gembira kalau sungai dan parit di kampung sentiasa digali menjadikan kebun mereka tidak tenggelam dan mereka dapat menuai hasil tanaman. Tambah gembira kalau masjid, surau dan balai masyarakat dapat diganti baru. Tak dapat ganti baru pun, dapat cat baru pun mereka akan berterima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Mereka tidak kisah, tidak ada kawasan rekreasi untuk bersenam untuk menjaga kesihatan diri mereka. Mereka juga tidak merajuk kalau kampung mereka tidak ada taman permainan untuk anak-anak mereka bermain selepas penat bersekolah. Mereka juga tidak marah kalau internet di kampung mereka lambat dan tiada langsung. Mereka akan sentiasa bersama kerajaan sepanjang masa, masa susah, masa senang, masa dulu dan masa kini.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang banyak meluluskan peruntukan untuk Program Pelebaran Jalan Kampung di seluruh Johor. Malah ditegaskan lagi dalam ucapan Yang Amat Berhormat pada kali ini, menambah baik bagi jalan-jalan kampung dengan perabot jalan seperti papan tanda, ramp, lampu jalan serta pengukuhan bahu jalan. Jika program ini dapat dijalankan akan berlaku perubahan besar bagi jalan kampung di seluruh negeri Johor, jalan-jalan kampung dilebarkan mempunyai bahu jalan, perabot jalan, rumput di bahu jalan yang akan diselenggarakan sepanjang masa sepertimana yang telah ditetapkan.

Satu perkara lagi yang ingin saya dapat penjelasan dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Dato' Speaker ialah Pelan Rejuvenasi Desa susah hendak sebut, Rejuvenasi Desa Johor. Saya tak tahu sama ada saya tertinggal atau saya terlepas pandang. Saya cukup menanti Pelan Rejuvenasi Desa Johor ini, yang saya faham program ini hendak membugar, menyegarkan semula desa di Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, program ini sesungguhnya akan menarik minat golongan muda untuk stay dengan izin atau kekal di desa. Desa dan kampung perlu di bugarkan dan disegarkan. Dan, ini akan menjadikan desa lebih diminati untuk didiami kalangan muda dan tidaklah menjadi kampung itu tertinggal sunyi lagi sedih.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mempunyai dua buah kampung yang terbaik di peringkat nasional. Kampung Sungai Jambi yang menang Anugerah Desa Cemerlang tahun 2012 dan Kampung Parit Tengah, Rengit pada tahun 2014. Kampung-kampung ini hari-hari merupakan kampung yang cukup aktif didiami oleh orang muda dan mendapat kerjasama yang erat di seluruh masyarakat. Saya tidak tahu sama ada kampung ini dijadikan panduan, dijadikan rujukan di bawah Program Rejuvenasi Desa. Saya juga hendak ucapkan tahniah kepada Parit Tengah Bukit Naning Muar yang menang Anugerah Desa Cemerlang bagi tahun 2016. Saya mohon di Dewan yang mulia ini, agar Program Rejuvenasi Desa Johor dapat disegerakan dan Rengit menawarkan diri untuk menjadi desa pertama di bawah program yang cukup dinamik ini.

Perkara yang keempat yang ingin saya sampaikan ialah soal keselamatan, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri atas kesungguhan, pertamanya membanteras soal pusat judi haram di negeri Johor ini. Malah dinyatakan hari ini, boleh dikatakan Johor negeri sifar judi. Ini diperakui oleh pasukan keselamatan. Kita ucapkan terima kasih kepada kerajaan, polis, SAJ dan juga TNB yang bergabung tenaga untuk membanteras judi haram di seluruh negeri Johor hari ini, sebelum ini menjadi kersauan kepada banyak ibu bapa di seluruh Johor.

Satu lagi kerisauan yang amat sangat tentang soal keselamatan jalan raya di Malaysia yang cukup membimbangkan. Bilangan yang terkorban Yang Berhormat Dato' Speaker hari ini mencecah hampir 7,000 orang setahun. Kerugian ditaksirkan RM3 billion setahun. Malah mengikut kajian di peringkat antarabangsa oleh WHO, Malaysia berada antara negeri yang tertinggi kadar kematian akibat kemalangan jalan raya. Perangkaan ini berdasarkan *mortality rate* dengan izin, 100,000 orang, setiap 100,000 orang, 25.25 mati akibat mati jalan raya berbanding dengan United Kingdom 2.97. Singapura 4.75, yang paling tinggi ialah Iran 43.54. Malaysia dikategorikan negara yang paling tinggi kematian akibat kemalangan jalan raya. Kita sebaris Yang Berhormat Dato' Speaker dengan Iran, Iraq, Venezuela, Guyana, Libya, Republik Dominica, Uganda, Burkina Faso, Nigeria, Angola, Guinea Bissau, Oman, Mauritania, Thailand, Comoros, Mali, Yemen, Sudan, Ecuador, Tanzania, Eritrea, Afghanistan, Paraguay, Sierra Leone, Benin Chad, Timor Leste, Zambia, Lesotho, Liberia, Senegal, Saudi Arabia dan selepas Saudi Arabia, Malaysia, Kenya, Jordan, South Africa, Ghana, Gambia, Cote D'Ivoire susah disebut Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau salah saya minta maaf, bunyi dia lebih kurang macam itulah, dengan izin Yang Berhormat Dato' Speaker.

**YB Timbalan Speaker :** Tak ada negara lain ke?

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Ada dia sebut ni - Cote D'Ivoire, El Salvador, Brazil, Rwanda, 43 negara dalam dunia yang dikategorikan paling tinggi kemalangan akibat jalan raya daripada 170 negara seluruh dunia. Kita negara yang ke 34 sebaris tadi dengan negara-negara yang saya sebutkan yang tentunya jauh lebih kurang membangun daripada negara kita. Dan, yang paling rendah ialah Maldives 1.05.

dilikuti Sweden dan Norway. Hari ini Yang Berhormat Dato' Speaker jalan raya di Malaysia menjadi lebu raya atau pusara berdarah bagi rakyat Malaysia. Anak-anak kehilangan ibu, isteri kehilangan suami, bakal isteri kehilangan tunang, dan semakin hari semakin menakutkan, jalan raya di Malaysia.

Saya ingin mencadangkan satu cadangan yang mungkin tak dapat diterima, tapi perlu langkah yang drastik lagi komprehensif mengenai keselamatan jalan raya di negara kita ini. Pendidikan awal dan kesedaran pengguna telah lama dijalankan, semuanya tak memberi apa-apa makna. Jalan raya di Malaysia ni *first class* dari segi kualitinya, dengan izin kalau dibandingkan dengan negara lain. Kereta pula semuanya yang baru, baru belaka kalau dibandingkan dengan Indonesia dan Mesir. Saya baru balik daripada Mesir, saya tengok kereta zaman cerita combat pun ada lagi di Mesir tu, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Tapi, jalan raya di Mesir tu huru hara Yang Berhormat Dato' Speaker, huru hara. Kerana saya dimaklumkan pelajar Malaysia di Mesir kalau kereta di Mesir itu yang perlu kereta dia, hon dan brek aje, yang lain dia tak ambil kira, pintu tak ada pun, dia boleh jalan, saya nampak kereta lalu, pintu tak ada. Dia kata yang paling penting kenderaan di Mesir ialah hon dan brek. Tapi kalau kita tengok angka perangkaan yang dikeluarkan Badan Pertubuhan Antarabangsa di Mesir kadar *mortality rate* nya adalah 15.34 kita 25.5 dengan jalan raya baru, keretanya pun baru tapi kemalangannya cukup tinggi.

Malah Indonesia penduduknya hampir 300 juta, *mortality rate* nya adalah 19.68. Kereta di Indonesia pun lagi teruk dan jauh berbanding dengan negara kita. Jadi apakah punca sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker? Dari dulu saya katakan bahawa punca sebenarnya adalah, saya minta maaf di Dewan yang mulia ini, ialah penguatkuasaan yang cukup lemah. Dalam bahasa mudah dengan izin, *elek, tak ada*, minta maaf Datuk Bukit Gambir, tak ada.

Sejak tahun 2004 saya bercakap tajuk ini Yang Berhormat Dato' Speaker, tak ada perubahan. Pengguna di jalan raya di Malaysia tak takut. Kita sebenarnya boleh belajar daripada negara jiran bagaimana mereka menguatkuasakan, sebab Singapura kadar *mortality rate* nya adalah 4.75. Cuma hairan sikit bila pemandu Singapura cukup berdisiplin, berhemah di negara mereka, masuk ke Malaysia laluan kecemasan untuk mereka potong sebab mereka tahu bahawa undang-undang di negara ini kosong, tak ada.

Jadi, saya ingin cadangkan di Dewan yang mulia ini satu pelan tindakan yang komprehensif mungkin tak diterima oleh Ahli-Ahli Dewan inilah, tapi itulah barangkali langkah yang sesuai untuk negara kita kerana cukup menakutkan kematian sepanjang masa setiap hari. Kita akan ambil tindakan bila heboh, bas kemalangan, puluhan mati dan kita akan buat bermacam-macam pelan, yang akan jadi hangat-hangat tahi ayam, heboh seketika, lepas tu senyap dan menunggu masa lagi untuk diwar-warkan bila berlaku kemalangan.

Saya ingin cadangkan mereka yang melakukan kesilapan, ini contoh kesalahan jalan raya, memandu laju lebih 3 kali. Kalau kadar yang ditetapkan ialah 110, saya pemandu yang cukup disiplin Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya bukan nak angkat bakul sendirilah, tapi kita cukup jaga di jalan raya, orang lain yang mencabar, tak taulah kereta-kereta siapakan.

**YB Timbalan Speaker :** Yang Berhormat berapa, 80 aje.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Kalau jalan biasa, biasa 70. Ialah kereta pun dah tua, orang pun dah tua, kita bawa kereta macam itulah Yang Berhormat Dato' Speaker.

**YB Timbalan Speaker :** Rengit bolehlah tu. (Dewan ketawa).

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Maknanya Dato' Speaker pun bawa kereta lajulah.

**YB Timbalan Speaker :** Kalau di Panti saya bawa 70 aje.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Saya ingin cadangkan bagi mereka yang memandu laju lebih 3 kali, 3 kali, sebab kita ada KEJARA, dah lama sistem ini tapi mana dia, tak ada. Mana dia tak ada? Malah pesalah trafik boleh di diskaunkan lagi, boleh dilambatkan lagi bayar kompaun. Itu sebab orang tak takut kat Malaysia ini. Ramai mahu Yang Berhormat Dato' Speaker, kita belum kena. Kalau kita kena mungkin kita terasa.

Saya ingin cadangkan kalau dia lakukan 3 kali bawa had laju dan ini jadi ingatanlah kepada EXCO-EXCO jangan laju sangatlah. Kita ni dah tak ramai kan, (dewan ketawa). Kalau dia bawa laju 3 kali melebihi had yang ditetapkan lesen mereka digantung Yang Berhormat Dato' Speaker, termasuklah lesen EXCO sebab dia laju sangat kan. Dia boleh pakai orang lain, tak apa dia ada *driver*. Dan, kalau dalam tempoh penggantungan itu dia bawa lagi kereta Yang Berhormat Dato' Speaker, dia terus memandu maknanya sepanjang hidup dia tak boleh memiliki lesen. Barangkali kalau kita war-warkan begini saya kira ramai yang tak akan memandu laju, ramai yang akan menjadi pemandu yang cukup berdisiplin di sepanjang jalan raya di Malaysia.

Mungkin cadangan ini agak keras sikit tetapi saya mempertikaikan lagi kenapa penguatkuasaan yang begitu lemah dan ramai orang masih memandu sesuka hati, walau pun peringatan, walau pun kompaun telah dibuat berkali-kali kepada mereka, tentunya penguatkuasaan dan tak ada pengajaran kepada mereka. Yang Berhormat Dato' Speaker, itu cadanganlah dan saya kira penguatkuasaan perlu dilaksanakan seperti mana negara-negara lain.

Perkara kelima yang ingin saya sampaikan Yang Berhormat Dato' Speaker ialah saya bagi pihak penduduk Rengit ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah banyak meluluskan projek untuk kawasan Rengit semasa merasmikan majlis Pecah Tanah Taman Perbadanan Islam Rengit. Kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, orang Rengit sampaikan serangkap pantun. Pergi mengail di Lubuk Tenang, dapat seberkas ikan Kelisa; jasa baik Yang Amat Berhormat tetap dikenang, akan diingati sepanjang masa. Dewan, pasar, taman rekreasi, projek rumah mampu milik dan banyak lagi yang diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar masa lawatan tersebut.

Walau bagaimana pun Yang Berhormat Dato' Speaker, orang Rengit ini masih menunggu sebuah klinik kesihatan yang baru. Saya dah 3 penggal jadi Wakil Rakyat di kawasan Rengit ni. Klinik Kesihatan Rengit yang dibina sebelum zaman Jepun katanyalah.

**YB Timbalan Speaker :** Ni penggal terakhir ke?

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Ya,

**YB Timbalan Speaker :** Penggal terakhir?

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Barangkali agaknya Yang Berhormat. Soal tanah yang menghambat projek ini dah selesai. Kita tak mintak hospital, mintak klinik kesihatan sahaja. Tak tahulah bila boleh selesai, apa yang boleh saya buat ialah berdoa sahaja agar EXCO Kesihatan terus sihat lagi sejahtera. Itu saja yang dapat saya buat. Saya juga memohon agar Dewan yang mulia ini, dapat disalurkan peruntukan infrastruktur saliran di kawasan Rengit.

Di Rengit ini Yang Berhormat Dato' Speaker, sepanjang 350 kilometer parit dan sungai. Sebab tu kat Rengit ni banyak parit, banyak kampung namanya pun parit. Banyak yang tak digali, saya difahamkan katanya kerana kekurangan peruntukanlah. Jadi, saya mohon dapat dipertimbangkan pada tahun hadapan.

**YB Timbalan Speaker :** Rengit, sila gulung.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Dah nak habis ni Dato' Speaker. Tinggal penutup aje ni, memang penutup ni. Saya juga ingin mohon agar Pantai Rekreasi Punggur yang tak terjaga diberi nafas baru melalui Pejabat Daerah. Jawatankuasa Pantai yang menguruskan pantai tiada dilihat gagal menjadikan pantai ini terurus lagi baik. Satu lagi perkara yang hendak saya sampaikan ialah mengenai isu penempatan orang Asli di Kampung Bumiputera dalam yang cukup daif dan cadangan pengambilan balik tanah untuk penempatan ini telah dikemukakan dan kita mohon agar pihak kerajaan dapat melihat dan mempertimbangkan kawasan ini.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih terutamanya kepada Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri yang sentiasa tersenyum manis, mudah mesra, tenang dan cepat mengambil tindakan. Sesungguhnya Dato' Setiausaha Kerajaan yang berpengalaman luas ini sebenarnya serta berpewatakan tenang banyak mengimbangkan suasana serta masa bagi melancarkan pentadbiran kerajaan negeri Johor masa kini. Saya nak ucapkan terima kasih sekali lagi kepada Dato' Setiausaha Kerajaan.

Saya juga mewakili Ahli Dewan Negeri bagi pihak kerajaan dan pembangkang mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana sudi memberi bonus separuh bulan gaji kepada kami. (Dewan bertepuk).

**YB Timbalan Speaker :** Pembangkang ada mewakilkan ke? Dia senyap aje.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Kalau dia tak angkat tangan nanti dia tak setuju lah tu. Inilah kali pertama sejak 3 penggal jadi ADUN kita dapat bonus. Terima

kasih kepada Yang Amat Berhormat. Akhir sekali Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau ada salah silap tutur kata dan perbuatan sepanjang menjadi Ahli Dewan Negeri ini saya mohon ampun dan mudah-mudahan setiap perjuangan kita mendapat rahmat dan mendapat keberkatan. Rengit dengan ini mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2017) Tahun 2016 yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dibahaskan. Terima kasih saya mohon mencadang.

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih Rengit, kita teruskan, sila Machap.

**YB Tuan Haji Abd. Talib bin Abu Bakar (Machap) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, pertamanya Machap ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang berucap menyokong usul yang dibawa oleh Rengit dan keduanya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pendiri bangsa Johor Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang tampil dengan tenang, ceria dan bertenaga semasa membentangkan Bajet Johor 2017.

Keceriaan semasa mengumumkan bonus setengah bulan gaji kepada lebih kurang 11,000 kakitangan kerajaan negeri Johor mencerikan kita semua termasuklah ADUN daripada Barisan Nasional dan juga pembangkang. Apa yang lebih menarik ialah kandungan Bajet 2017 masih mampu memberikan sebegitu banyak insentif dan imbuhan kepada rakyat disebalik cabaran ekonomi global dan negara yang tidak menentu.

Bajet yang dirangka sebagai sebahagian usaha menjayakan gagasan Johor berkemajuan dan di hujung tombaknya adalah melahirkan masyarakat terbaik dan negeri Johor yang maju. Tahniah kepada Menteri Besar Johor yang mentadbir Johor dan telah mencatat surplus bajet 4 tahun berturut-turut untuk negeri Johor. Tahniah juga kepada pihak ADUN kerajaan dan rakan-rakan pembangkang yang telah sama-sama mendengar Bajet 2017 yang telah dibentangkan oleh Menteri Besar sehingga tamat. Ini kerana pembentangan bajet adalah amalan penting dalam sistem demokrasi berparlimen. Kerana ia mengandungi pelbagai usaha yang akan dilaksanakan untuk menentukan hala tuju, urus tadbir negeri yang melibatkan soal kewangan, keperluan dan kebajikan rakyat serta survival negeri. Apabila sesuatu bajet itu dibentangkan, walaupun tidak bersetuju atau tidak selaras dengan pendapat kita, namun ia merupakan bajet dalam sistem demokrasi berparlimen maka ia tetap menjadi bajet untuk rakyat dan negeri.

Walaupun ada yang tidak bersetuju, kita boleh membahaskannya, boleh mengkritiknya, boleh memberikan saranan atau pandangan dan yang lebih penting ialah kita mahu peranan membina daripada pembangkang dalam usaha kita sama-sama berganding bahu memastikan apa yang dirancang dapat dicapai dan berkongsi kegembiraan dengan pencapaian yang cemerlang. Kalau tidak Melayu Johor, kalau tidak Cina Johor dan kalau tidak India Johor, kalau tidak semua kita bangsa Johor siapa lagi yang hendak kita harapkan bagi memastikan gagasan "Johor Berkemajuan-Rakyat-Sejahtera" dapat dicapai. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila kita memperhalusi bajet 2017, kita mendapati bajet yang dibentangkan, tentunya merupakan idea-idea sebenar dan ilham daripada Menteri Besar itu sendiri. Kerana kekerapan beliau turun ke padang dalam pelbagai

program kemasyarakatan bersama rakyat yang tidak secara langsung tentunya beliau dapat merasai denyut nadi rakyat dan permasalahan rakyat. Seterusnya, di terjemahkan dalam rada Bajet 2017 bersama pasukannya. Cukup menarik apabila Bajet 2017 mempunyai tiga misi yang menjadi teras penggubalannya:

1. Mewujudkan kemakmuran material.
2. Kesejahteraan sosial.
3. Keperkasaaan insan.

Tiga misi ini yang digubal di hujung tombaknya akan memperlihatkan kehidupan masyarakat yang lebih baik dengan keupayaan pemilikan harta untuk keluarga dan bekalan hidup pada hari tua. Menikmati pelbagai kemudahan prasarana dan pembangunan sosial di samping memperingkatkan kualiti kehidupan, persekitaran, kesihatan dan pendidikan. Bagi memastikan setiap rakyat menyumbang kepada pembangunan negeri Johor, sudah tentu bakat, potensi dan kemandirian atau apa jua keistimewaan yang ada pada individu perlu dicungkil dibongkar dan digilap agar tidak menjadi satu pembaziran tenaga manusia di Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, beliau adalah aset terpenting kesinambungan masa hadapan. Beliau dikategorikan dalam jangka umur 15 hingga 40 tahun. Pada usia ini adalah tempoh perubahan golongan beliau dari alam pendidikan ke alam pekerjaan. Purata gaji beliau yang berkelulusan diploma, di antara RM1,300.00 hingga RM2,000.00. Bagi kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam lingkungan RM1,900.00 sehingga RM3,000.00. Dalam lingkungan usia beliau ini, ada yang sudah berkahwin, di mana perkahwinan itu juga telah serba sedikit memberi impak kepada ekonomi beliau masa kini. Dalam isu kekeluargaan, pembangunan sesebuah keluarga memerlukan infrastruktur atau aset untuk melancarkan perjalanan kehidupan.

Justeru, justeru rumah adalah satu aspek yang paling penting dalam kehidupan beliau terutama yang sudah berkeluarga. Kos perumahan yang semakin meningkat dari kesan ekonomi yang meruncing ini, memberi impak yang cukup besar kepada golongan beliau. Permasalahan ini disambut baik oleh kerajaan negeri sebagai salah satu usaha dalam membantu golongan beliau bujang dan yang sudah berkahwin di dalam konteks kelangsungan hidup di zaman serba maju ini. Pelbagai inisiatif dan usaha daripada kerajaan negeri untuk memartabatkan golongan beliau untuk bergerak mengharungi kepesatan ekonomi negeri Johor, dan perumahan menjadi satu isu penting bagi golongan beliau. Justeru, harga pasaran rumah yang amat tinggi menyukarkan para beliau untuk memiliki aset tersebut.

Dalam konteks Bajet Johor 2017, pihak Menteri Besar telah menyediakan inisiatif bagi mengatasi permasalahan kos perumahan yang sedang meruncing. Pengendian 10% kuota pemilikan kepada golongan beliau dan 10% kuota pemilikan kepada OKU diperkenalkan bagi memperkemas pemilikan Rumah Mampu Milik Johor. Seharusnya golongan beliau berterima kasih di atas keprihatinan pihak kerajaan terhadap permasalahan golongan beliau. Terdapat juga pelbagai inisiatif berkaitan pembangunan perumahan yang dirancang di dalam Bajet 2017, di mana dengan penglibatan GLC-GLC negeri Johor seperti Perbadanan Islam Johor Holdings, KPRJ, Johor Corporation dan Perumahan Rakyat 1Malaysia, PRIMA sangat kita alu-alukan dan Machap mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada

pihak Menteri Besar atas keprihatinan pembangunan perumahan di kawasan Simpang Renggam sebanyak 700 unit di bawah kendalian Perumahan Rakyat 1Malaysia.

Dalam inisiatif ini, bahawa, ini membuktikan bahawa golongan belia yang berpendapatan sederhana mampu memiliki aset berbentuk rumah serta mempunyai kelangsungan hidup yang selesa. Dalam menghadapi kemelut rumah kediaman ini juga, Machap berpendapat kalau suatu masa dulu konsep rumah kedai di bina dan di jual kepada pembeli, bila konsep rumah kedai ini di jual kepada pembelinya maka dalam kalangan kakitangan kerajaan, mereka boleh membeli sebab konsep rumah kedai. Tetapi sejak kebelakangan ini kita lihat konsep rumah kedai itu sudah tidak ada. Maknanya kakitangan kerajaan tidak boleh membeli rumah kedai, sebab dah ditukarkan kepada konsep kedai pejabat. Dan sekiranya kalau kita ingin juga membeli dan di tingkat kedua itu, kita ingin tinggal apa yang berlaku ialah bayaran untuk bil api dan air tertakluk kepada konsep perniagaan, maknanya takrifnya lebih tinggi berbanding dengan rumah kediaman. Ini menyebabkan banyak tingkat dua dan tiga yang di bina oleh pemaju-pemaju perumahan tidak didiami oleh penduduk atau pun pembeli kerana masalah takrif yang tinggi.

Justeru, kita tidak hairan kalau di sekitar kawasan-kawasan yang agak jauh daripada bandar-bandar besar, tingkat 1 dan 2 tidak di alami oleh manusia tetapi didiami oleh burung-burung walet. Ini konsep yang sepatutnya pada saya kita kena kekalkan konsep rumah kedai supaya membolehkan orang tinggal di tingkat 2 ataupun kakitangan kerajaan membeli rumah tersebut. Dan kalau kita lihat juga di negara-negara Eropah seperti Sepanyol dan Portugal, kedapatan premis di tingkat 2, di bawahnya mereka berniaga dan di tingkat duanya mereka tinggal untuk penduduk-penduduk terutamanya di kawasan bandar, ini tentunya dapat mengurangkan masalah rumah terutamanya kepada penduduk di bandar. Dan kita lihat juga sekitar tahun 1980-an, 1980-an pada masa itu kadar gaji pekerja lebih kurang RM1,000.00 tetapi mereka diberikan keistimewaan, keutamaan memiliki rumah dengan gaji RM1,000.00 mereka boleh beli rumah murah dengan harga RM22,000.00. Maknanya ada usaha membantu golongan ini. Tetapi dalam keadaan hidup hari ini, dengan kadar gaji RM1,000.00, harga rumah melambung tinggi hingga mencecah RM80,000.00, RM120,000.00, dengan gaji RM1,000.00. Maknanya kita tidak ada kemampuan hendak beli apatah lagi dalam kalangan golongan yang berpendapatan rendah. Dan kita lihat juga, kadangkala ada istilah gelandangan di bandar, sebab apa? Mereka ini bekerja dengan pendapatan lebih kurang RM1,200.00 sebulan. Mereka hendak tanggung anak, isteri, hendak membeli rumah jauh sekali. Menyewa bilik ataupun menyewa apartmen dan sebagainya memang tidak mampu dengan pendapatan sebegitu.

Jadi, mereka terpaksa bekerja tanpa memikirkan tempat tinggal, mereka menggunakan masjid, surau dan sebagainya untuk mandi. Esoknya bekerja kembali, bekerja untuk menyara kehidupan anak, isteri di kampung dan biarlah dia jadi gelandangan, tidur tidak menentu di bandar asalkan anak, isteri mereka mendapat apa yang dihasilkan, di kerja pada hari ini untuk menyara kehidupan, persekolahan, pakaian dan sebagainya. Ini yang berlaku. Justeru, kita lihat juga kalau kawasan-kawasan yang strategik di mana tanahnya cukup tinggi dari segi nilainya, tentunya agak kurang sesuai untuk di bina rumah yang berharga kos rendah kita boleh fikirkan di kawasan tersebut kita bina rumah flat yang mungkin 12 tingkat yang boleh menempatkan golongan ini. Sebab pada saya golongan ini memerlukan rumah walau



pun saiz rumah itu kecil, mereka tetap ada rumah. Dan keprihatinan kerajaan Johor pada hari ini memperjuangkan, misal dalam ucapan MB baru ini banyak bercakap tentang projek perumahan di negeri Johor dan ini merupakan satu inisiatif yang cukup terpuji dan kalau tidak Barisan Nasional Johor memperjuangkan golongan ini, siapa lagi yang hendak memperjuangkan kepentingan golongan susah di negeri Johor untuk memiliki rumah. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan negeri Johor dalam mencatat jumlah pelaburan tertinggi untuk sektor pembuatan. Iaitu RM5.4 bilion atau 27% daripada jumlah keseluruhan pelaburan di Malaysia, amat membanggakan. Dari jumlah tersebut, sebanyak RM5.2 bilion adalah dari pelabur asing. Keadaan ini menunjukkan beberapa peluang pekerjaan yang akan diwujudkan untuk tenaga pekerja tempatan yang menjurus kepada memakmurkan material. Dan juga JB-Iskandar telah menyebut akan menyediakan 14,000 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dengan jangkaan pelaburan RM6.5 bilion. Ini semua menunjukkan usaha-usaha bagi mewujudkan peluang pekerjaan di negara kita dan untuk menambahkan kemahiran pada masa akan datang, supaya kita tidak bergantung kepada pekerja asing. Keprihatinan MB dalam mengambil langkah terkehadapan dengan menjadikan TVET, *Technical Vocational Education and Training* dengan izin, sebagai satu bidang pendidikan profesional setaraf pendidikan universiti awam dan swasta sangat dialu-alukan. Ini dapat dilihat melalui inisiatif mengiktiraf TEV, TVET dan aliran vokasional bagi menjadi pemangkin pembangunan tenaga kerja berkemahiran akan datang.

Sebelum ini juga terdapat inisiatif. Kerajaan negeri Johor yang sudah membangunkan hab kemahiran Johor atau dikenali sebagai *Skill Johor* yang di bina di kawasan seluas 40 hektar berdekatan kampus induk KYPJ, hab tersebut bernilai RM100 juta yang dilengkapi kemudahan asas berupaya menampung sehingga 20,000 pelatih tempatan dan antarabangsa apabila siap sepenuhnya dalam tempoh yang telah ditetapkan. Hal ini menunjukkan betapa seriusnya kerajaan negeri dalam pembangunan pendidikan kemahiran untuk anak-anak Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana yang kita sedia maklum pada sesi pembentangan Bajet 2017, Menteri Besar telah menyentuh berkaitan hal mengurus kesenjangan ekonomi dan melebarkan kemakmuran untuk semua. Hal ini perlu dititik beratkan kerana kesejatan ekonomi mencekutkan polarisasi dan kesulitan kepada semua dan Johor tidak boleh menjadi negeri yang ada kesenjangan antara golongan yang kaya dan kelas pekerja dan kelas menengah di bawah begitu lebar. Statistik mencatatkan bahawa Johor mempunyai KDNK keempat tertinggi di Malaysia dan kesenjangan semakin mengecil. Rekod Pekala Gini Johor 0.324 sekaligus meletakkan negeri Johor pada tangga kedua terendah di Malaysia pada tahun 2014.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang diinginkan oleh Menteri Besar Johor agar kita janganlah sesekali cepat berpuas hati dengan dapatan ini. Justeru, inisiatif lain perlu dikerah bagi merapatkan kesenjangan dalam masyarakat. Antara langkah inisiatif yang akan di cadangkan ialah dengan memperkenalkan satu program khas Projek Tanaman Fertigasi dengan peruntukan sebanyak RM700,000.00 dan sebanyak RM80,000.00 diperuntukkan khusus kepada golongan OKU. Hal ini kerana bagi memberi dorongan dan latihan kepada mereka. Sebanyak 64 Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan 6 sekolah pendidikan khas di seluruh Johor.

Golongan OKU ini perlu diambil berat agar mereka tidak terpinggir. Antara masalah golongan OKU ialah peluang pekerjaan yang terhad disebabkan keterbatasan. Kalau tak silap saya dalam tahun 2015 kita telah memutuskan sekurang-kurangnya setiap PBT mengambil kira, mengambil pekerja daripada OKU ini seramai 2 orang. Tetapi pelaksanaannya kita belum ada kepastian lagi. Statistik dari 2010 hingga 2016 menunjukkan bahawa penempatan kerja di Johor Darul Ta'zim adalah seramai 94 OKU, semua daripada Yayasan Pembangunan Keluarga Johor Darul Ta'zim. Statistik mencatatkan bahawa 616 OKU berdaftar sehingga 2016. Oleh itu, kaedah tanaman Fertigasi ini boleh diketengahkan agar dapat membantu bukan sahaja masyarakat biasa malahan peluang kepada golongan OKU untuk memacu taraf kehidupan mereka.

Kaedah ini banyak mendatangkan manfaat, antaranya kaedah ini memerlukan kos yang minimum. Bagi tanaman cili besar untuk 1,000 pokok, kita memerlukan sebanyak RM3,500.00 dan keuntungan bersih purata setiap tuaian ialah RM7,000.00. Selain itu, kaedah ini amat mudah diurus dan tidak memerlukan tenaga kerja yang ramai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dimaklumkan sebanyak RM79.2 juta telah diperuntukkan bagi tujuan pembinaan dan pelbagai jalan dan jambatan negeri. Walaupun pembinaan jambatan dalam Bajet 2017 kali ini tidak melibatkan DUN Machap tapi Macap berharap agar Bajet akan datang mempertimbangkan projek naik taraf jambatan di Sungai Machap. Pada tahun 2015, dalam Dewan yang mulia ini, Machap ada menyuarakan cadangan menggantikan jambatan konkrit merentasi Sungai Machap daerah Kluang. Kewajaran permohonan ini dibuat dengan sokongan JKR Kluang. Memandangkan keadaan jambatan tersebut adalah membimbangkan disebabkan faktor hakisan tebing dan struktur jambatan itu sendiri yang perlu di naik taraf. Jambatan tersebut telah 2 kali diperbaiki dan menjadi laluan utama kenderaan daripada Ayer Hitam ke Johor Bahru sama ada melibatkan kenderaan ringan ataupun kenderaan berat. Dan paling terdesak, mendesak ialah apabila 2 kenderaan yang besar 2 kenderaan berat ingin melalui serentak jambatan tersebut. Oleh kerana laluan sempit, kalau dua-dua bergerak tentunya satu akan terjun ke dalam sungai untuk memberi laluan kepada satu kenderaan lain. Justeru, kena perbesarkan jambatan tersebut. Lantaran di DUN Machap kita ada Sungai Berombong tetapi jambatannya sudah dibesarkan, kita ada jambatan di Parit Jepun jambatannya juga sudah dibesarkan. Kita ada Sungai Benut dan jambatan di Sungai Benut ini juga sudah dibesarkan kecuali jambatan di Sungai Machap. Machap mohon peruntukan akan datang untuk dipertimbangkan pembesaran jambatan Machap.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Machap mengucapkan bebanyak terima kasih kepada pihak YAB Menteri Besar, PTG dan PTD Kluang yang akan mengurniakan geran tanah di Kampung Isnin Maaruf dalam mukim Machap. Berita ini tentunya menggembirakan para peneroka tanah yang dimaklumkan hampir 30 hingga 35 tahun mereka meneroka tanah ini, dah mohon, sehingga kini masih belum keluar geran. Jadi bila, pihak Menteri Besar mengumumkan geran akan keluar tentunya amat menggembirakan berita ini pada para peneroka. Bila geran ini dikeluarkan kepada pemilik, tentunya pengusaha sama ada bentuk pertanian ataupun sebagainya boleh memohon bantuan yang berkailan daripada Pertanian, RISDA, Veterinar dan sebagainya termasuk membina Rumah Mesra Rakyat sebab tanah ini sudah ada geran.

Walaupun bagaimanapun ada beberapa kawasan di DUN Machap yang masih belum dapat geran iaitu di Kampung Parit Penghulu, 62 peserta, Kampung Parit Salman 62, Kampung Parit Ibrahim Masjid 58 pemohon, Kampung Parit Salam 40, Parit Hasan 6, Kampung Haji Hamzah Sri Lalang 210 peserta, Kampung Sri Maju Jaya 231 peserta, Kampung Paya Dalam 280. Jadi, Machap mohon pertimbangan supaya masalah tanah ini dapat diselesaikan, disemak dan kalau perlu berilah kelulusan segera dengan menolak permohonan-permohonan yang bermasalah, menyetepikan permohonan-permohonan yang bermasalah sebaliknya utamakan permohonan-permohonan yang tidak bermasalah untuk diproses dan dikeluarkan geran seberapa yang segera.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Machap ingin membawa isu pusat permainan kanak-kanak, pusat perniagaan mesin permainan, pusat hiburan keluarga atau *cyber cafe*. Machap dalam Dewan yang mulla ini, mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pejabat Daerah Kluang, kepada pihak Polis, kepada TNB yang telah memainkan peranan yang cukup berkesan, yang kadangkala kemungkinan boleh menerima ugutan daripada pengusaha pusat judi ini bila mana tindakan tegas merampas peralatan di pusat hiburan ini, memotong bekalan api dan seterusnya menyebabkan pengusaha gulung tikar. Sebab Machap melihat ini merupakan satu kegiatan yang cukup tidak bermoral, yang kalau dibiarkan akan memberikan kesan yang cukup mendalam kepada anak-anak sekolah terutamanya. Bukan saja kepada anak-anak sekolah malah juga kepada suami yang menanggung anak, isteri di rumah apabila terjebak dengan permainan ini mereka lupa tanggungjawab sebab ketagih dengan permainan judi ini. Ini yang berlaku. Ekoran daripada kekalahan permainan judi, kesan yang paling ketara ialah berlakunya kes jenayah walaupun tidak dapat disabitkan dengan kenyataan yang muktamad tetapi yang berlaku ialah banyak berlaku kes pecah rumah. Ini kita kaitkan dengan adanya pusat judi yang disediakan oleh pengusaha-pengusaha yang tidak bertanggungjawab. Dan, Machap juga melihat dengan adanya ketegasan ini, pengusaha-pengusaha pusat permainan judi ini sudah semakin tidak berani kalau dulu dengan tidak adanya ketegasan rampas malam esok dimasukkan semula, dipotong bekalan api esok sambung semula. Tetapi dengan ketegasan daripada OCPD Kluang telah buat ayat yang berkaitan dengan Akta Mesin Judi ini supaya meter api yang dipotong tidak boleh disambung semula. Inilah ketegasan dan ketegasan ini, kita harapkan berterusan bagi memastikan tidak ada lagi pusat judi yang wujud di Simpang Renggam mahupun di PBT yang lain supaya masalah sosial, masalah dalam kalangan anak-anak kita tidak terjebak dengan kejahatan dan keburukan gejala sosial.

Seterusnya, Dato' Speaker, Machap juga ingin bercakap berkaitan dengan pusat pembuangan sampah di ladang CAP di Jalan Renggam, Kluang yang telah beroperasi selama lebih kurang 10 tahun, di kawasan seluas 21 ekar. Di sini menjadi tempat pengumpulan tempat buang sampah oleh PBT Batu Pahat. Batu Pahat jauh, tapi dia buang sampah di Renggam. Masuk dalam kawasan DUN Layang-Layang. Orang Layang-Layang mengadu, dia kata nak meminta DUN Layang-Layang bercakap sebab dia EXCO, dia tak boleh bawa usul ini, jadi dia minta DUN Machap bawa usul ini. Dia kata PBT Batu Pahat buang sampah di situ, satu hari 30 *trip*. Majlis Perbandaran Kluang 40 hingga 50 *trip* sampah dibuang tempat buang sampah di Renggam dan Majlis Daerah Simpang Renggam 13 *trip*. Satu *trip*, Simpang Renggam sikit tak banyak dan satu *trip* anggarannya 4 tan bahan buangan. Maknanya, kalau satu hari campur PBT Batu Pahat campur PBT Kluang dan campur dengan MD Simpang

Renggam maka bahan buangan semua sekali 93 trip dan jumlah tan iaitu 372 tan yang dibuang.

Apabila longgokan bahan buangan ini yang tergolong dalam sampah, sisa makanan yang dilonggokkan, berlaku pengeluaran air licit. Di mana air licit ini, kita telah cuba untuk tidak masuk mengalir ke sungai. Sebab itu, dicadangkan dibina takungan air, tapi diberitahu oleh PPS PPA, pembinaan takungan ini masih belum siap kerana projek terbengkalai. Apa yang berlaku sekarang ini ialah kita cukup khuatir bila hujan lebat air daripada pusat pembuangan ini, air licit ini akan masuk ke dalam sungai dan menyebabkan kadar pencemaran air tinggi, ammonianya tinggi menyebabkan air akan ditamatkan operasi tiba-tiba. Dan saya baru dapat mesej, Simpang Renggam operasi air dihentikan. Saya percaya dan yakin sebab bila hujan lebat berlaku, kemungkinan air daripada air licit ini masuk ke dalam sungai. Ini yang kita khuatir. Jadi kita minta supaya projek yang terbengkalai itu dapat disegerakan supaya masalah yang kemungkinan ada kaitan dengan pencemaran air licit ke dalam sungai ini dapat ditangani dengan sebaik mungkin.

Dan penduduk Renggam juga mengadu 10 tahun mereka menghidu bau busuk dan juga kebarangkalian kawasan pembuangan sampah ini terbakar setahun sekali. Pada 2015 telah berlaku kebakaran menyebabkan asap menyelubungi Renggam dan penduduk Renggam mengadu yang setengahnya ada penyakit asma cukup terjejas dari segi kesihatan. Bagi program pengasingan sisa pepejal dari rumah digalakkan penduduk mengasingkan kertas, botol plastik dan lain-lain.

**YB Timbalan Speaker :** Sila gulung.

**YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar (Machap) :** Di dalam tong disediakan tetapi plastik dan kertas dasingkan dan terpaksa penduduk membeli plastik sendiri untuk memuatkan botol plastik dan lain-lain yang tidak dibuang dalam tong sampah yang disediakan oleh SWM. Dan pihak SWM, SWM memaklumkan di Simpang Renggam pematuhan kepada pembuangan ini ialah 50% dan botol plastik yang dapat dijual mencecah 1 tan sebulan. Machap mengambil contoh di Denmark dan Belanda di mana sesuatu bahan yang dibuang melalui lori dihantar ke kilang, di sini dia akan dasingkan. Batu lain, plastik lain dan bahan-bahan yang lain dasingkan. Dan seterusnya diproses menjadi baja dan juga di Belanda bahan-bahan plastik ini boleh diproses menjadi minyak diesel dan juga sebahagiannya menjadi gas. Justeru, Machap mencadangkan sudah tiba masanya JBiotech Johor memikirkan kaedah terbaik bagi meneroka bidang-bidang keberhasilan baru dengan menjadikan bahan-bahan buangan ini nilai tambah sebagai sumber pendapatan baru kepada negeri Johor.

Machap bersetuju dengan Rengit yang menyentuh berkaitan dengan peruntukan RM650 juta, diperuntukkan melalui sistem rekod-rekod jalan raya Malaysia (MARRIS) menambah baik jalan-jalan kampung, perabot jalan, papan tanda, lampu jalan, pengukuhan jalan, lampu jalan dan sebagainya. Ini menunjukkan keprihatinan Menteri Besar Johor sebab menyedari bahawa kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lalu sebahagian besarnya adalah datang daripada pengundi luar bandar. Justeru, menghargai jasa penduduk luar bandar, kita kena salurkan peruntukan yang lebih untuk penduduk luar bandar sebagai menghargai pengorbanan mereka menyokong Barisan Nasional (Dewan bertepuk).

Kita bantu penduduk luar bandar, kita bantu golongan mereka, golongan miskin ini, buat jalan, pasang lampu jalan, sistem perparitan dan Insya-Allah orang yang kita tolong mereka akan berdoa untuk kita yang menolong. Titiapan doa orang yang menolong insya-Allah barakah kepada orang yang menolong dan dalam keadaan ini Barisan Nasional yang menolong, titipan doa mereka insya-Allah akan memastikan Barisan Nasional menang dalam Pilihan raya yang ke - 14, insya-Allah. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Machap percaya dan yakin Bajet 2017 dirancang secara selimbang, komprehensif dan inklusif yang di hujung tombaknya akan terkesan kepada rakyat dengan memberikan kesejahteraan dan kemakmuran kepada rakyat dan negeri Johor. Akhirnya Machap merakam ucapan terima kasih atas kesempatan yang diberi untuk bersama-sama membahas usul yang dibawa oleh Rengit. (Dewan bertepuk)

**YB Timbalan Speaker :** Persidangan diteruskan, sila Penggaram.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Selamat tengah hari dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada Penggaram untuk membahaskan Belanjawan Negeri Johor Tahun 2017. Yang Berhormat Dato' Speaker, pertama sekali saya selaku ketua pembangkang Dewan Negeri Johor ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor atas pembentangan Belanjawan Johor 2017 pada 17 November yang lalu.

Saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri serta pasukan di Unit Perancang Ekonomi Negeri atas usaha gigih mereka dalam membantu menyusun dan merangka belanjawan negeri ini. Dalam kesempatan ini juga saya turut ingin mengalu-alukan kehadiran saudara baru kami iaitu YB Jorak yang telah mengambil keputusan untuk tidak bersama dengan barisan parti yang menyokong pentadbiran retrokrasi Perdana Menteri Malaysia. Syabas saya ucapkan kepada

**YB Timbalan Speaker :** Baru ya, baru potong ah

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Kami berharap akan lebih ramai lagi YB-YB dari kerajaan untuk bersama kami menentang pentadbiran retrokrasi MO1. Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan tema Belanjawan Johor Berkemajuan Rakyat Sejahtera, Menteri Besar telah cuba merangka dan merancang belanjawan negeri dengan sebaik mungkin. Beliau juga meletakkan harapan agar negeri Johor menjadi kuasa ekonomi Selatan. Cita-cita ini harus dipuji atas semangat bangsa Johor yang inginkan kemakmuran ekonomi buat rakyatnya.

Dari belanjawan negeri sekitar RM1.6 bilion sebanyak RM907.67juta diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus, manakala 47% lagi iaitu sekitar RM763.3 juta untuk perbelanjaan pembangunan. Peningkatan sebanyak 12.89% ini saya sifatkan sebagai kesan daripada kenaikan kos sara hidup yang berpunca daripada bebanan cukai GST dan pelbagai lagi kenaikan keperluan asas seperti petrol, minyak masak serta pelbagai lagi barangan harian.

Peningkatan ini jelas menunjukkan bahawa dasar pelaksanaan GST oleh Perdana Menteri Malaysia telah menjadi beban kepada kerajaan negeri dan rakyat secara keseluruhannya. Sebelum ini ada Timbalan Menteri yang mendakwa dengan ada GST harga barang keperluan tidak akan naik, ternyata meleset dan tidak betul. Di samping masalah ini saya ingin mengambil beberapa petunjuk dan laporan dari Bank Negara Malaysia berkaitan dengan mata wang ringgit Malaysia iaitu pada 1 November 2016, nilai tukaran wang ringgit berbanding dolar US kini berada pada paras 4.35.

Jika kita ambil prestasi pada November 2013, mata wang kita berada paras 3.2. Dari indikasi ini kita dapat melihat corak penurunan nilai mata wang kita berbanding dolar semakin merosot. Keadaan ini bertambah buruk lagi apabila imej negara kita Malaysia jatuh merudum di mata dunia. Apabila Jabatan Kehakiman Negara US telah mengisytiharkan untuk menyita segala harta, haram yang dipercayai mempunyai kaitan dengan skandal kewangan 1MDB. Ini telah menjejaskan keyakinan pasaran dan pelabur untuk melabur di negara kita.

Maka prospek ekonomi kita semakin tidak menentu. Sungguh pun hal ini di bawah bidang kuasa kerajaan pusat, kerajaan negeri seharusnya lebih peka menyediakan belanjawan negeri bagi menghadapi waktu suram ekonomi tempatan dengan mengambil kira faktor pelbagai kenaikan harga barangan. Kerajaan negeri juga tidak harus hanya bersandarkan kepada pelaburan dari negara China kerana masalah hartanah pada hari ini bergantung kepada premis seperti spekulator. Kita tidak mahu mengejar pembangunan tetapi pada masa yang sama kita bermain dengan spekulator hartanah yang akhirnya akan membawa kerugian kepada anak negeri.

Agenda sosial dan keselamatan. Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam pembentangan belanjawan kali ini kerajaan negeri difahamkan akan memperuntukkan sebanyak RM500,000.00 kepada kawasan rukun tetangga dan skim rondaan sukarela. Saya ucapkan berbilang terima kasih. Namun demikian, kami berasakan bahawa peruntukan ini sangat tidak memadai memandangkan kes-kes yang melibatkan keselamatan masyarakat akhir-akhir ini cukup membimbangkan. Masalah keselamatan komuniti setempat khususnya di kawasan bandar dan separuh bandar, yang berkait langsung dengan aktiviti dan operasi mesin judi haram yang cukup berleluasa.

Dalam konvensyen DAP negeri Johor pada Oktober 2016 yang lalu kami sebulat suara menetapkan satu usul untuk menyeru kerajaan menubuhkan satu task force dengan izin, atau pasukan khas yang di letakkan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan yang mana wakil task force ini terdiri daripada Pegawai Penguatkuasa PBT, Polis Diraja Malaysia dan pasukan RELA di samping wakil-wakil rukun tetangga. Jika task force ini dapat diwujudkan atas inisiatif kerajaan negeri, kami yakin usaha untuk membasmi kegiatan mesin judi haram ini dapat dibendung dengan lebih berkesan dan cekap.

Kita tidak boleh meletakkan semua fugas ini hanya kepada pihak PDRM, sebaliknya pasukan PDRM sendiri amat memerlukan penglibatan masyarakat untuk membendung masalah ini. Saya ingin mengingatkan bahawa masalah judi haram ini bukan sahaja melibatkan satu-satu kaum tetapi semua kaum. Ada beberapa kes yang melibatkan kakitangan tentera yang turut terjebak dengan kegiatan judi haram ini. Ia pastinya memberi kesan kepada keluarga dan masyarakat. Justeru, saya memohon pihak

kerajaan negeri khususnya pihak UPEN untuk mengkaji cadangan kami ini dengan menimbangkan untuk mewujudkan peruntukan tambahan agar task force ini dapat diwujudkan.

Agenda transparansi dan akauntabiliti Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam belanjawan yang telah dibentangkan oleh Menteri Besar, saya merasakan ada kekurangan dalam perancangan kerajaan untuk menjadikan Johor sebagai sebuah negeri yang makmur ekonomi dan teknologi. Saya ingin merujuk kepada beberapa inisiatif yang telah dibuat oleh kerajaan negeri Selangor dan Pulau Pinang dalam aspek menetapkan satu piawai tentang tahap transparansi atau ketelusan kerajaan.

Kedua-dua negeri ini pada 2010 dan 2011 telah memperkenalkan satu enakmen khas iaitu Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Selangor 2011, Peraturan-Peraturan Kebebasan Maklumat Negeri Selangor akses kepada maklumat 2012 dan Kaedah-Kaedah Badan Maklumat Negeri Selangor 2012. Manakala di Pulau Pinang telah ujud enakmen kebebasan maklumat Pulau Pinang 2010, Enakmen 16, Peraturan-Peraturan Kebebasan Maklumat Pulau Pinang akses kepada maklumat 2014 dan Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan Kebebasan Maklumat Pulau Pinang 2014.

Dengan wujudnya enakmen ini, rakyat dapat menyemak mana-mana dokumen rasmi kerajaan yang dikategorikan sebagai maklumat awam untuk mengetahui bagaimana kerajaan melaksanakan tanggungjawabnya. Ini penting bagi memastikan semua urusan kerajaan diketahui terus dan dilihat terus. Ini akan memberi kesan keyakinan kepada pelabur atau bekerjasama dengan kerajaan negeri, mahupun Pihak Berkuasa Tempatan dan syarikat berkaitan kerajaan dalam aspek pelaburan ekonomi mahupun program rakyat.

Justeru, saya menyeru kerajaan negeri untuk segera mengkaji cadangan kami ini agar usaha ini dapat dilaksanakan. Saya selaku ketua pembangkang berharap janganlah diabaikan saranan ini hanya kerana kami ini pembangkang. Tugas kami juga adalah sama dengan tugas Wakil Rakyat kerajaan iaitu untuk memastikan kerajaan negeri dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan penuh amanah dan jujur. Mudah-mudahan cadangan ini dapat membantu merealisasikan impian melihat Johor sebagai sebuah negeri yang maju, adil dan berintegriti.

Agenda keselamatan jalan raya. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berterima kasih kepada pihak kerajaan negeri yang menyedari betapa pentingnya keperluan bagi rakyat untuk mempunyai sistem perhubungan yang lengkap dan selamat. Pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang memperuntukkan sejumlah dana untuk membina dan membaik pulih jalan-jalan utama di kawasan bandar dan luar bandar, kami sambut dengan ucapan terima kasih.

Itulah peranan kerajaan yang seharusnya dihayati oleh semua pihak. Tidak memilih kasih antara kawasan kerajaan atau kawasan pembangkang. Tahniah atas semangat murni bangsa Johor ini. Namun begitu, saya mengambil kesempatan ini untuk membawa fokus semua pihak kepada aspek keselamatan dan keselesaan pengguna. Tidak ada maknanya jika kita mempunyai infrastruktur yang baik tetapi kita gagal menyediakan sistem yang baik.

Kita juga mahu mengelakkan berlakunya masalah apabila jalan raya lebar dan baik. Maka pertambahan jumlah kenderaan peribadi meningkat di jalan-jalan raya. Ia bukan sahaja sukar untuk di kawal, tetapi akan menyebabkan kesesakan lalu lintas dan boleh menyebabkan pertambahan kemalangan jalan raya. Infrastruktur yang baik harus seiring dengan kempen untuk mendidik sikap pemandu yang baik. Untuk merungkai masalah ini, saya ingin memetik laporan akhbar *The Sun* yang terkini mengenai Statistik Kemalangan Jalan Raya 2015 yang dikeluarkan oleh Jabatan Siasatan Trafik dan Penguatkuasaan Persekutuan, untuk dua tahun berturut-turut negeri Johor telah mencatat bilangan kes kemalangan maut yang cukup tinggi iaitu 1,040. Dengan peningkatan 22 kes berbanding 2014. Daerah Batu Pahat menjadi daerah yang menyumbang jumlah kematian tertinggi iaitu 191 kematian. Pihak Polis Jabatan Trafik juga telah mengenal pasti bahawa daerah Batu Pahat merupakan antara daerah yang memiliki jalan yang sangat berbahaya, paling berbahaya paling banyak berbanding dengan daerah-daerah yang lain di negeri Johor.

Justeru, di samping kerajaan menyediakan peruntukan untuk membina dan membaik pulih jalan raya, saya mengesyorkan agar diadakan satu lagi peruntukan tambahan yang saya kira tidak begitu besar untuk melaksanakan satu sistem keselamatan jalan raya bersepadu yang akan dapat mengurangkan risiko kemalangan jalan raya khususnya kepada pengguna bermotosikal, basikal dan anak-anak sekolah. Satu mekanisme boleh di bentuk di antara Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh negeri dalam menyusun strategi keselamatan jalan raya kepada pengguna. Usaha kerajaan negeri untuk menambah jumlah bilangan bas percuma di setiap PBT amat kami sokong tetapi ia harus disertai dengan mekanisme tersebut iaitu menggalakkan penggunaan pengangkutan awam berbanding kenderaan peribadi. Kempen kadar pengguna pengangkutan awam perlu di pertingkatkan di samping menyediakan sistem yang cekap dan berkesan. Kami dari DAP dan Pakatan Harapan akan sedia bekerjasama untuk usaha ini. Jemputlah kami, jangan segan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam hal keselamatan jalan raya ini juga menyedarkan kita bahawa kita tidak boleh bergantung dan menyerahkan semua tugas tersebut kepada pihak Polis trafik atau JPJ sahaja. Sebaliknya pihak PBT yang mempunyai hubungan langsung dengan pihak sekolah dan tempat-tempat awam mampu membantu untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai keselamatan jalan raya. Saya mohon hal ini dipertimbangkan secara serius oleh kerajaan negeri.

**YB Timbalan Speaker :** Penggaram, sila gulung.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Ha, gulung?

**YB Timbalan Speaker :** Hem.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Banyak lagi. Agenda kesihatan rakyat. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menyentuh mengenai program yang di umumkan oleh kerajaan negeri iaitu Program Kesihatan Asnaf yang berperuntukan sejumlah RM2 juta untuk pesakit jantung dan RM60 juta lagi untuk lain-lain masalah kesihatan. Saya memuji langkah ini kerana kesihatan adalah kekayaan. Tanpa kesihatan yang baik, ia pasti akan menjejaskan produktiviti individu, keluarga dan negeri apatah lagi kos rawatan kesihatan mutakhir ini semakin tinggi dan membebankan rakyat. Menyadari



akan hal ini, saya berharap program yang baik ini dapat diperluaskan lagi kepada semua rakyat dalam format yang lebih luas. Saya ingin mengambil satu contoh, bila mana kerajaan negeri Selangor baru-baru ini akan melaksanakan Program Perlu Diri Sihat yang mana program ini menyediakan perkhidmatan percuma penjagaan kesihatan untuk 250,000 keluarga dan atau 1 juta rakyat Selangor yang mempunyai pendapat isi rumah RM3,000.00 ke bawah, 40% terendah B40. Jika konsep ini dapat dikembangkan di negeri Johor pasti lebih ramai rakyat akan mendapat manfaatnya. Apatah lagi JCorp yang memiliki KPJ Health Care, telah mempunyai reputasi yang baik dalam industri kesihatan awam. Jika pihak UPEN dapat bekerjasama dengan Inisiatif Wakaf An-Nur, saya yakin usaha akan, untuk memberi akses kesihatan yang percuma kepada rakyat akan dapat direalisasikan.

Agenda pekerjaan. Yang Berhormat Dato' Speaker, ada beberapa data menarik yang kami kumpulkan dari Jabatan Statistik Negara yang kami kira ia wajar diberi perhatian. Ketika ini populasi penduduk di seluruh negeri Johor berjumlah sekitar 3.61 juta penduduk. Dari jumlah ini seramai 1,582 juta penduduk adalah pekerja atau mempunyai pekerjaan yang berpendapatan. Tetapi sejumlah 50,600 penduduk di Johor adalah mereka yang menganggur yakni tidak mempunyai sumber pendapatan. Kadar penyertaan tenaga buruh ini bersamaan dengan 3.1% dari pembentangan belanjawan baru-baru ini, Menteri Besar ada menyatakan strategi ketiga untuk mewujudkan pekerjaan bermutu untuk rakyat Johor dengan menyasarkan sebanyak 14,000 peluang pekerjaan menerusi sektor perkongsian perkhidmatan dan penyumberan luar atau *global business service*. Saya menyarankan agar pihak kerajaan menerusi menerusi UPEN dan juga pihak PBT dapat mengenal pasti kumpulan 50,600 orang penduduk yang tidak bekerja ini untuk dibantu. Saya percaya jumlah ini cukup *significant* dalam menyumbang kaedah membantu rakyat mempunyai kerja dan pendapatan yang baik.

Dari aspek kadar penyertaan tenaga buruh negeri Johor, mencatat 67.1% jumlah mereka yang bekerja, nisbah lelaki sebanyak 81.5% manakala wanita pula hanya sekitar 50.9%. Berdasarkan peratus semasa ini jelas menunjukkan kadar penyertaan tenaga buruh bagi golongan wanita masih berkurangan dan perlu ditingkatkan lagi. Kerajaan negeri menerusi agensi harus mereka bentuk satu pelan jangka pendek dan panjang bagi memastikan golongan wanita dapat menyertai sektor pekerjaan seiring dengan golongan lelaki. Sebagai contoh, kerajaan negeri boleh mewujudkan lebih banyak pusat-pusat penjagaan kanak-kanak di sektor-sektor awam, dan industri dengan memberi insentif kepada majikan untuk menubuh pusat asuhan kanak-kanak bagi pekerjanya. Perkara ini..

**YB Timbalan Speaker :** Ok Yong Peng, tutup.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Ha? Ok.

**YB Timbalan Speaker :** Sambung tahun depan.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Ha?

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Sambung tahun depan.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Tak bolehlah, bagi 10 minit lagi. 10 minit lagi ya?

**YB Timbalan Speaker :** Yong Peng.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Untuk pembangkang, bagi sikit masa lah.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Keluarga dan masyarakat oleh Ahli Parlimen kami telah membangkit dalam Parlimen. Justeru, saya mengesa pihak kerajaan negeri untuk mengambil inisiatif awal bagi melaksanakan agenda ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya baru ambil berapa masa sahaja. Sila bagi 10 minit lagi.

**YB Timbalan Speaker :** Bagi *chance* Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain untuk berucap ya.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Ok. Saya akan habiskan...

**YB Timbalan Speaker :** Ok, sila tutup.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Habiskan secepat mungkin. Dalam strategi keempat, belanjawan yang dibentangkan juga Menteri Besar menetapkan sasaran untuk mengurangkan kebergantung terhadap pekerja asing. Saya berharap usaha ini akan berhasil dan kami berpihak, parti pembangkang akan terus memantau keberkesanan rancangan ini dari semasa ke semasa. Adalah penting untuk kita memastikan peluang pekerjaan yang dijanjikan ini tidak hanya sekadar nombor di atas kerja, kertas untuk menyedapkan mata rakyat.

Agenda kelastri alam sekitar. Berkenaan dengan agenda pemulihan, pemuliharaan alam sekitar, kami menyokong usaha kerajaan negeri untuk menyertai kempen awam untuk tidak lagi menggunakan bahan pembungkusan *poestrine* dan plastik namun demikian, saya melihat bahawa peruntukan sebanyak RM250,000.00 ini tidak mencukupi memandangkan negeri Johor adalah luas saiznya. Untuk usaha ini, kita memerlukan kerjasama bukan sahaja dari pemain industri tetapi juga pihak PBT. Pelan tersusun dalam jangka waktu yang munasabah harus dinyatakan kepada umum agar usaha tersebut dapat dijalankan secara komprehensif. Malah saya ingin menyarankan usaha ini harus dimulakan diperingkat kerajaan negeri, agensi kerajaan negeri, sekolah dan institusi awam yang lain sebagai langkah fasa pertama untuk menyedarkan masyarakat tentang masalah ini, kemudian di peringkat PBT untuk menggunakan kuasa mereka kepada para peniaga di kawasan mereka.

**YB Timbalan Speaker :** Ok Yong Peng.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Secara dasarnya konsep kitar semula ini harus jelas dan bersempit. Iaitu pertama kita harus mengurangkan sebanyak mungkin sisa pepejal atau bahan kitar semula ini dari dibuang. Sekejap ya.

**YB Timbalan Speaker :** Yong Peng sila duduk. (Dewan ketawa).

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** (Ketawa)

**YB Timbalan Speaker :** Yong Peng sila duduk.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Sekejap lagi.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, Penggaram.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Pada sidang Dewan Rakyat bulan Mei yang lalu,

**YB Timbalan Speaker :** Minta maaf, Penggaram. (Dewan ketawa). Sebab tu dia tidak duduk. Penggaram sila duduk.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Yong Peng sudah duduk.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Bagi saya satu peluang untuk, kesempatan...

**YB Timbalan Speaker :** Sila duduk. Penggaram, sila duduk.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Tan Sri Dato' Speaker, ini kita bangsa Johor, berilah peluang yang secukupnya. Bukan semua...

**YB Timbalan Speaker :** Itu bangsa Johor sudah beri peluang lebih daripada 10 minit ya. Ok. Sila Puteri Wangsa.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya cuma 20 minit sahaja, yang tadi sebelah sana you bagi 30 minit. So, sekurang-kurang bagi 30 minit.

**YB Timbalan Speaker :** Sila ikut Peraturan Dewan, saya dah sebutkan tadi daripada awal ya. Ok, sila Puteri Wangsa. Tak nak bercakap? Hendak bagi, nak bagi kawan cakap?

**YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan doa) Yang Berhormat Dato' Speaker, mendahului kata, Puteri Wangsa ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kerana di beri peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan berkaitan dengan Bajet Negeri Johor Darul Ta'zim Tahun 2017 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor di Dewan yang mulia ini pada 17 November 2016 yang lalu.

Puteri Wangsa juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang telah berjaya membentangkan bajet dengan misi membangun kemakmuran material, mewujudkan kesejahteraan sosial, memperkasa potensi insan. Puteri Wangsa amat mengharapkan agar bajet tersebut dapat diterjemahkan secara praktikal sehingga ianya, sehingga ianya dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin menuju kepada apa yang diimpikan, "Johor Berkemajuan Rakyat Sejahtera".

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum kita mengorak langkah lebih jauh, marilah kita merenung sejenak *guide line* dengan izin, iaitu garis panduan dari wahyu ilahi

menerusi ayat 41, Surah Al Haj (Bacaan surah). Yang bermaksud, "Orang-orang yang apabila kami berikan kekuasaan memerintah di muka bumi, nescaya mereka mendirikan sembahyang dan mereka mengeluarkan zakat dan menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah daripada kemungkaran, dan bagi Allah lah kembalinya segala urusan." Ayat tersebut menerangkan kewajipan pemerintah yang sewajarnya memastikan rakyat dipimpin dengan seimbang dari sudut duniawi dan ukhrawi. Begitu juga dari sudut rohani dan jasmani, seterusnya dari sudut fizikal dan mental. Mendirikan sembahyang berbeza dengan mendirikan masjid kerana mendirikan masjid semata-mata belum tentu mendirikan sembahyang. Tetapi mendirikan sembahyang sudah tentu memerlukan mendirikan masjid atau surau. Puteri Wangsa mencadangkan agar dikumandangkan azan Maghrib dan Isyak di stadium-stadium dan pada masa yang sama ditunaikan solat berjemaah di tengah-tengah padang sebelum pertandingan bola sepak atau lain-lain pertandingan berlangsung. Dengan yang demikian, kita dapat memberi peluang kepada ribuan yang datang menunaikan solat dan tidak mengabaikannya. Terutama ...

**YB Timbalan Speaker :** Di tangguhkan sekejap.

(Dewan berdiam seketika bagi menghormati laungan azan)

**YB Timbalan Speaker :** Sambung.

**YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan yang demikian, kita dapat memberi peluang kepada ribuan yang datang menunaikan solat dan tidak mengabaikannya. Terutama waktu Asar dan Maghrib sebaliknya jika soal ini diabaikan, dan tidak diberikan perhatian, maka siapakah yang akan menanggung dosa ribuan yang meninggalkan solat fardu Maghrib yang waktunya begitu singkat semata-mata kerana menonton pertandingan bola sepak dan seumpamanya?

Firman Allah SWT (Bacaan Ayat). Yang bermaksud, "Peliharalah diri kamu, dan ahli keluarga kamu dari azab api neraka." Kerajaan ibarat ibu bapa yang bertanggungjawab menjaga dan memastikan solat serta penghayatan agama terhadap rakyatnya dilaksanakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya Puteri Wangsa ingin menyentuh isu-isu rakyat tempatan. Pertamanya, Puteri Wangsa ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada pihak EXCO Kerajaan khususnya MBB yang prihatin terhadap aduan rakyat. Di antaranya kita lihat beberapa jalan penting di Mount Austin, kawasan Puteri Wangsa yang berhampiran atau sekitar Hospital Sultan Ismail yang terletak di kawasan Puteri Wangsa jalan-jalan tersebut telah di baik pulih, di tar baru dan dilebarkan. Sebelum ini keadaan jalan-jalan tersebut sangat menyedihkan sehingga menjadi gurauan lepas ziarah orang sakit, penziarah pula sakit, kerana jalan yang rosak yang ditempuh pergi dan balik hospital. Walau bagaimanapun sekarang dan okey, sebanyak terima kasih saya ucapkan.

**YB Timbalan Speaker :** Puteri Wangsa jemput duduk. Jalan dah baik, nampak Puteri Wangsa sihat, jadi, untuk membolehkan Puteri Wangsa berbahas pada sebelah petang, saya dengan ini menangguhkan Persidangan Dewan ke jam 2:30 petang.

**Persidangan ditangguhkan pada Jam 1:00 petang.**

**Persidangan disambung semula pada Jam 2:30 petang.**

**YB Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Speaker :** Ahli-ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita masih membahaskan usul terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Dalam perbahasan ini Ahli-ahli Yang Berhormat hanya dibenarkan antara 15 dengan 20 minit sahaja. Tak lebih tu. Makin kurang makin baik kerana kita nak bagi peluang kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya dapat berucap dan membahaskan ucapan belanjawan kita. Dengan sebab itu, kalau boleh masing-masing dapat menepati masa yang diberi kerana kita cuma 4 hari sahaja Persidangan ini dan diharap dapat kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita teruskan untuk giliran ucapan ini kepada Yang Berhormat Puteri Wangsa. Puteri Wangsa dekat caftan ini dah pun bercakap 10 minit. Jadi, faham-faham sajalah. Jadi, saya persilakan Yang Berhormat Puteri Wangsa untuk menyambung perbahasan. Dijemput.

**YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) :** Bismillahirrahmanirrahim, terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Salah satu jalan yang perlu diberi perhatian di kawasan Puteri Wangsa ialah jalan di antara FELDA Ulu Tebrau ke Kampung Oren. Jalan ini bukan tidak diperbaiki, tetapi terlalu kerap diperbaiki. Iaitu berutang kali ditampal double tampal sehingga keadaan jalannya bengkok bengkok di sana sini sehingga sangat tidak selesa untuk dilalui.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, isu penerokaan tanah-tanah rizab kerajaan sebagaimana yang kita sedia maklum banyak kawasan-kawasan tanah rizab kerajaan seringkali diusahakan oleh penduduk setempat yang berdekatan sama ada lanya mendapat keizinan secara bertulis ataupun secara lisan daripada agensi kerajaan yang berkaitan seperti Pejabat Tanah, Jabatan Parit dan Saliran (JPS) atau Pihak Berkuasa Tempatan. Puteri Wangsa ada menerima aduan dari pengusaha tanah rizab kerajaan di kawasan kaki Gunung Pulai 2 yang mana tanah tersebut dimiliki oleh Majlis Perbandaran Kulai. Untuk maklumat Tan Sri Speaker, pengusaha tersebut telah pun mengusahakan tanah yang dahulunya hutan hampir 40 tahun, dan juga telah membelanjakan hampir RM300,000.00 bagi mengusahakan tanah tersebut dengan tanaman kelapa sawit. Permohonan rasmi telah diajukan kepada MPK dan telah mendapat keizinan untuk mengusahakan kawasan tersebut serta telah membuat bayaran proses permohonan di Pejabat Tanah Kulai. Malangnya, baru-baru ini keizinan bagi mengusahakan tanah tersebut telah dibatalkan. Hal ini disebabkan kerana kawasan tersebut telah dibangunkan sebagai pusat pelancongan dan dikendalikan oleh sebuah syarikat swasta dikenali nama Kuntum Malaysia lebih teruk lagi pengusaha tersebut tidak mendapat apa-apa pembelaan atau pampasan yang sewajarnya.

Untuk makluman Tan Sri Speaker, kejadian yang hampir sama berlaku di Pontian yang mana pengusaha tanah rizab JPS di tebing sungai Air Hitam yang menanam tanaman kontan dan juga kelapa sawit dimusnahkan sama sekali tanpa memberikan notis kepada pengusaha. Walau pun pengusaha hanya mendapat kebenaran secara lisan pada awalnya, namun tiada kelulusan secara rasmi diberikan. Hal ini menyebabkan

pengusaha berada dalam dilema sepanjang mengusahakan kawasan tanah tersebut sehinggalah baru-baru ini semua tanaman tersebut dimusnahkan dengan alasan kerja-kerja pembersihan sungai.

Apa yang menyedihkan pengusaha tersebut, semua tanaman yang ada tidak mengganggu langsung laluan kapal korek yang bekerja. Rata-rata pengusaha tersebut merupakan golongan yang kurang berkemampuan dan menjadikan hasil tanaman tersebut sebagai pendapatan tambahan bagi menampung kehidupan mereka. Oleh yang demikian, Puteri Wangsa ingin mendapat penjelasan berapakah jumlah keluasan sebenar tanah rizab kerajaan yang telah dikurniakan lesen pendudukan sementara, LPS kepada pengusaha-pengusaha tanah rizab yang ada di negeri Johor?

Persoalan kedua ialah, apakah pampasan diberikan kepada pengusaha-pengusaha tersebut sekiranya tanah rizab tersebut diambil kembali oleh pihak kerajaan untuk dibangunkan dan terakhir sekali apakah langkah-langkah yang bakal diambil oleh kerajaan negeri bagi menangani isu seperti ini agar tidak berulang kembali untuk masa akan datang?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, isu yang membabitkan peneroka-peneroka FELDA Cahaya Bahru telah berlarutan lebih 20 tahun. Isu ini juga telah dibangkitkan beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini. Namun sehingga kini isu ini tidak ada penyelesaian yang jelas bagi membela nasib peneroka-peneroka tersebut. Syarikat CBDB, *Cahaya Bahru Development Berhad*, yang menguruskan projek pembangunan tanah tersebut sehingga kini masih gagal membayar baki jualan tanah sekitar RM400 juta kepada peneroka FELDA Cahaya Bahru yang terlibat. Justeru itu, Puteri Wangsa menggesa agar kerajaan negeri prihatin terhadap isu ini dan dapat segera campur tangan bagi membantu peneroka-peneroka itu mendapatkan hak pampasan yang telah dijanjikan kepada mereka.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Puteri Wangsa meneruskan bicara untuk menyampaikan hasrat rakyat yang melibatkan tentang perancangan dan pelaksanaan pembangunan kawasan oleh kerajaan negeri yang melibatkan penempatan nelayan di kawasan Gelang Patah. Puteri Wangsa amat menghargai projek pembangunan dan penambahbaikan yang dijalankan oleh kerajaan negeri. Tidak dinafikan projek seperti ini dapat membantu meningkatkan lagi hasil perikanan yang mampu memberikan hasil lumayan khususnya kepada nelayan. Namun begitu, dalam mengejar tunggak kemajuan dan kemegahan ada di kalangan nelayan di sekitar Gelang Patah semakin meruncing dengan hasil tangkapan ikan yang semakin berkurangan di kawasan terbabit. Nasib nelayan ini diburukkan lagi apabila satu-satunya jeli yang digunakan untuk ke laut ketika air surut telah pun dipindahkan untuk projek pembangunan oleh pemaju. Begitu juga isu di Pengerang, penyusutan hasil tangkapan dan pendapatan terutama nelayan persisiran pantai yang terlibat terus menerus dengan projek mega RAPID yang tiada kesudahan perlu diambil cakra oleh pihak kerajaan negeri untuk memberi semula subsidi minyak kepada semua nelayan yang berdaftar.

Justeru itu, hasil dari kongres rakyat iaitu himpunan 35 NGO-NGO yang diadakan pada 22 Oktober yang lalu di sebuah hotel di Johor Baru, mengambil langkah yang produktif untuk kongres rakyat tersebut mendesak agar kerajaan negeri mengambil langkah

yang produktif untuk memindahkan projek pembangunan tersebut dan sebaliknya menaikkan taraf jefi yang sedia ada ataupun memberikan bantuan yang sewajarnya terhadap pembangunan masa hadapan industri nelayan di negeri Johor Darul Ta'zim khususnya di kawasan Gelang Patah serta Pengerang. Saya difahamkan wakil NGO-NGO yang menjayakan kongres rakyat tersebut telah menghantar dan menyerahkan memorandum kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jambatan adalah penghubung jalan untuk merentasi sungai atau parit, maka dengan itu Puteri Wangsa memohon kepada pihak yang bertanggungjawab dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pengguna jalan raya di seluruh negeri Johor amnya dan Puteri Wangsa khasnya. Terutama di jalan Kempas lama, Kampung Maju Jaya yang keadaan jambatan merentasi sungai Tebrau sangat sempit dan uzur. Yang mempunyai dua lorong dan sangat-sangat merbahaya terutama kepada kenderaan kecil seperti motosikal dan kereta. Masalah jambatan sempit telah berlaku beberapa kali diajukan dan dibangkitkan semasa beberapa sidang DUN yang lalu. Jalan Kampung Maju Jaya adalah salah satu jalan yang sangat sibuk dengan kenderaan besar seperti lori, treler dan sebagainya. Ia telah menjadi jalan utama untuk ke beberapa destinasi atau kawasan perindustrian Seelong, perindustrian Senai dan juga merupakan jalan pintas ke lapangan terbang Senai. Oleh kerana jambatan yang sempit dan kedudukannya di cerun bukit, dia telah menjadi punca penyebab banyaknya berlaku kemalangan jalan raya. Masalah ini telah pun dijawab oleh EXCO yang bertanggungjawab dengan pelbagai jawapan yang diterima oleh Puteri Wangsa yang mana pelaksanaan kerja naik taraf jambatan tersebut akan dilaksanakan pada tahun 2015 dan dijangka siap akhir tahun 2016 akan tetapi sehingga sekarang tiada tanda-tanda yang pembinaan jambatan itu akan dilaksanakan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, melalui sidang yang Mulia ini juga, Puteri Wangsa mohon teramat sangat agar permasalahan atau keperluan pengguna jalan raya ini diberi keutamaan dengan sewajarnya berdasarkan Bajet negeri Johor yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada 17 November lalu. Puteri Wangsa mempunyai keyakinan yang pelaksanaan menaik taraf jambatan tersebut akan dibuat demi kesesuaian dan keselamatan pengguna jalan raya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dengan ini juga dapatlah pihak bertanggungjawab menyelesaikan masalah jalan raya yang sering dihadapi oleh pengguna seperti di jalan Kampung Maju Jaya menuju ke Seelong Jaya yang mana jalan tersebut sering juga berlaku kemalangan sehingga banyak nyawa yang terkorban. Oleh yang demikian, Puteri Wangsa mohon keprihatinan pihak kerajaan negeri menyediakan peruntukan kepada jabatan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja membaik pulih dan meluruskan jalan tersebut yang pada masa sekarang keadaan jalan tersebut sehingga mendapat gelaran selekoh maut di kalangan penduduk setempat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berdasarkan bajet 2017, menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat Menteri Besar begitu prihatin untuk membangunkan keusahawanan Johor. Akan tetapi seperti yang sedia maklum, keadaan ekonomi yang merudum dan kos sara hidup yang tinggi sejak kebelakangan ini mengakibatkan sebahagian rakyat mencari jalan untuk meniaga di tepi jalan. Kerjaya berniaga di tepi jalan ini telah menjadi platform usahawan oleh rakyat ketika ini. Walau bagaimanapun peniaga-

peniaga kecil di tepi jalan sering mendapat saman serta notis merobohkan warung mereka kerana polisi tidak membenarkan menjalankan perniagaan di tepi jalan. Oleh yang demikian, Puteri Wangsa mohon pihak kerajaan negeri melalui Majlis Perbandaran atau mana-mana PBT mengeluarkan lesen khas berniaga di tepi jalan atau membina tapak penjaja yang lebih teratur untuk menempatkan semula peniaga-peniaga kecil supaya mereka dapatlah mengusahakan perniagaan kecil dengan jayanya.

**YB Speaker :** Sila gulung.

**YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, projek perumahan rakyat PPR merupakan satu program kerajaan untuk memenuhi keperluan tempat kediaman bagi golongan yang berpendapatan rendah khususnya. Projek perumahan rakyat ini berperanan sebagai salah satu langkah bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara serta penempatan semula penduduk. Memetik ucapan dari Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan penyediaan kemudahan perumahan kepada setiap lapisan masyarakat yang memerlukan merupakan sebahagian daripada agenda sosial kerajaan dan menjamin kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat. Tambahan lagi Yang Berhormat turut menyatakan keseriusan kerajaan yang sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan selesa serta mampu disewa atau dibeli bagi memenuhi keperluan tempat kediaman semua golongan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah seperti yang diwar-warkan dalam bajet negeri Johor 2017. Dilaporkan bahawa sebanyak 8,766 unit rumah telah disiapkan manakala 11,049 buah unit lagi sedang dalam pembinaan maka masih ada baki 40,022 unit daripada sasaran 60,000 unit rumah akan mula dibina pada tahun hadapan sehingga 2020. Mohon jawapan yang jelas dari pihak yang bertanggungjawab mengenai status rumah yang telah siap dibina sekian lama. Akan tetapi masih lagi tidak boleh didiami oleh pembeli terutama Perumahan Rakyat Taman Setia Indah dan juga masalah rumah yang terbenkakai di Taman Mount Austin.

**YB Speaker :** Masa Yang Berhormat.

**YB Encik Abdullah bin Husin (Puteri Wangsa) :** Jadi bagi menghormati masa, saya panjang lagi ni saya nak cakap ni tapi takpala saya menghormati apa ni penjagaan masa ni Tuan Speaker. Jadi, wabillahitaufiq walhidayah wassalamuallaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Speaker :**Walaikumussalam warahmatullah. Terima kasih Yang Berhormat Puteri Wangsa. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Gambir.

**YB Datuk M. Asojan a/l Munlyandy (Gambir) :** Salam bahagia, selamat petang dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Gambir ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker atas kesempatan yang diberikan kepada Gambir turut serta dalam mesyuarat bajet 2017 bagi penggal persidangan dewan negeri yang ke-13.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Gambir mewakili masyarakat India Johor menjunjung kepada Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam himpunan bangsa Johor baru-baru ini yang secara langsung telah menegur tentang menegah perhimpunan jalandan di



negeri Johor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, adalah terbukti tiada di mana-mana pun diadakan himpunan jalanan seperti terjadi di beberapa lokasi di Malaysia termasuk di ibu negara pada hari semalam. Ini menunjukkan bangsa Johor begitu setia dan akur kepada titah Tuanku demi keamanan dan ketenteraman awam. Jadi, sebagai bangsa Johor yang patuh kepada Raja marilah kita terus menunjukkan ketaatan dan kesetiaan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk terus menaungi negeri Johor Darul Ta'zim dan jajahan takluknya. Daulat Tuanku.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya saya ingin merujuk kepada bajet 2017 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Menteri Besar Johor. Gambir ingin mengucapkan tahniah dan syabas kerana bajet kali ini bolehlah kita sifatkan sebagai bajet yang bersifat mikro berbanding dengan bajet-bajet yang sebelum ini. Yang Amat Menteri Besar Johor telah menjelaskan secara terperinci tentang segala misi gagasan Johor berkemajuan dan tema Johor berkemajuan rakyat sejahtera di mana semuanya boleh memahami dan mengetahui ke mana bajet 2017 ini dibelanjakan secara terperinci. Nampaknya hasil pemikiran pelbagai pihak yang dikumpulkan oleh pihak kerajaan negeri bukanlah semata-mata sebagai usaha mengkaburi mata rakyat sebaliknya ia telah diperhalusi dan digembleng secara serius dalam membentuk bajet 2017 ini. Syabas dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya daripada perspektif masyarakat India pula, Gambir merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah menyahut seruan Gambir dalam sidang yang lepas untuk mewujudkan sebuah yayasan bagi menyalurkan peruntukan program inklusif masyarakat India bagi tahun 2017 sebanyak RM7 juta yang mana peruntukan ini jumlahnya ditambah RM1 juta berbanding tahun 2016. Terima kasih kepada kerajaan negeri. Sesungguhnya keprihatinan Yang Amat Berhormat Dato' terhadap kepentingan masyarakat India amatlah dihargai dan di sanjung oleh keseluruhan masyarakat India bangsa Johor. Seterusnya Gambir ingin merakamkan rasa penghargaan masyarakat India kepada kerajaan negeri apabila 1 lagi isu yang tergantung lebih 10 tahun yang mana turut Gambir bangkitkan ke dalam persidangan-persidangan sebelum ini telah mendapat penyelesaian mutlak daripada pihak kerajaan negeri. Perkara yang saya merujuk ini adalah tapak dan bangunan untuk upacara khairat kematian yang mana kerajaan telah memperuntukkan tanah seluas 2 ekar di Tanjung Langsat, Pasir Gudang dan peruntukan sebanyak RM0.4 juta untuk jalan masuk ke tapak dan RM1 juta untuk pembinaan bangunan berkenaan telah pun diserahkan kepada Jawatankuasa berkenaan. Sesungguhnya kita mengucapkan terima kasih dan dengan izin, nandri Yang Amat Berhormat Dato'. Sesungguhnya inilah merupakan pemimpin yang amalkan prinsip *walk the talk, thank you YAB MB*. Seterusnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Gambir juga ingin merakamkan penghargaan daripada masyarakat dewan undangan negeri Gambir atas perhatian kerajaan di bawah tajuk pembinaan jambatan-jambatan negeri menyelesaikan masalah jambatan sempit melalui projek pelebaran empat jambatan sempit di jalan Sengkang, Bukit Gambir. Jambatan-jambatan ini bakal menyelesaikan masalah yang telah merudum masyarakat Sengkang sejak pembukaan jalan baru yang menyambungkan Sengkang dengan Kampung Teratai pada tahun 2009 yang lalu. Yang mana latuannya ke Segamat dan Selatan Johor. Juga rakaman terima kasih kepada Yang Berhormat EXCO Pelancongan yang telah menunaikan permintaan Gambir untuk melantik pegawai pelancongan India dalam Jabatan Pelancongan

negeri Johor. Terima kasih YB. Seterusnya rakaman terima kasih juga kepada kerajaan negeri atas kelulusan pengumiaan hak milik tanah kepada 54 pemohon daripada Kampung Sawah Ring yang tertanggung agak lama. Terima kasih juga kepada kerajaan negeri, juga rakaman ucapan tahniah kepada kerajaan negeri yang terus membudayakan masyarakat Johor yang prihatin apabila RM300 disediakan sebagai bayaran ihsan khairat kematian. Sesungguhnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, rakaman terima kasih ini adalah menunjukkan bahawa semua yang saya sebutkan tadi bukti-bukti betapa kerajaan Barisan Nasional merupakan kerajaan yang cakap serupa bikin, menunaikan janji-janji yang dibuat sebelum ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai satu isu berkaitan dengan pembentukan sahsiah pelajar-pelajar di sekolah-sekolah. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, asas kepada pembentukan sahsiah seseorang individu adalah agama. Tapi bagaimana ia diterapkan kepada pelajar-pelajar sekolah perlu dilihat kembali oleh pihak kerajaan. Pada hakikatnya, didikan agamalah menjadi penentu kepada pembentukan diri seseorang individu. Peluang pembelajaran kepada pendidikan agama perlu diperhalusi dan diterjemahkan dalam bentuk usaha yang lebih konkrit dan komprehensif oleh kerajaan kepada pelajar-pelajar sejak dari sekolah rendah sehinggalah sekolah menengah sekurang-kurangnya. Kini kita dapat lihat pelbagai masalah sosial dan jenayah yang berleluasa di negara kita. Di samping pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah, kerajaan perlu buat kajian sejauh mana pendidikan moral yang diajar di sekolah-sekolah yang tanpa berasaskan agama yang dianuti oleh seseorang pelajar boleh membawa kepada pembentukan nilai-nilai peribadi dan sahsiah yang mulia pelajar-pelajar berkenaan. Cuba kita lihat kajian terhadap mereka-mereka yang terlibat dalam jenayah di Malaysia.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ambil contoh tentang kajian yang pihak Persatuan Hindu Sangam buat di penjara-penjara di negeri Johor. Saya difahamkan pihak penjara meminta persatuan-persatuan agama ini untuk menjalankan kelas-kelas agama kepada banduan-banduan supaya mereka dapat kembali ke pangkal jalan. Tetapi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya berpandangan inisiatif yang dibuat itu untuk memberi kesedaran agama ketika itu sudah tidak berhasil, kerana nasi sudah jadi bubur. Kerana kesedaran agama ketika umur yang sebegitu sudah tidak dapat mengubah sifat peribadi banduan-banduan berkenaan. Kajian rambang oleh pihak persatuan agama menunjukkan rata-rata daripada mereka ini kurang berpendidikan khususnya kurang berpengetahuan berkaitan dengan agama dan ramai juga Yang Berhormat Tan Sri Speaker sudah tidak percaya kepada Tuhan. Di mana sudah membelakangkan rukun pertama dalam Rukun Negara iaitu Kepercayaan Kepada Tuhan. Jadi, individu-individu yang kurang atau tidak beriman ini menjadi berani membuta apabila dia tak takut kepada Tuhan, dia tidak akan takut kepada sesiapa pun. Maka mereka menjadi manusia yang janggal agama dan tidak mempunyai ciri-ciri kemanusiaan, berakhlak mulia atau tidak mahu menghormati orang lain. Mereka inilah yang terlibat dengan gejala maksiat, gejala-gejala yang tidak baik yang menjadi pengganggu kepada keamanan dan keselamatan negara. Jadi untuk memulihkan mereka ini, atau untuk membawa mereka ke jalan yang benar kerajaan terpaksa membelanjakan peruntukan yang berjuta-juta, untuk apa? Untuk pusat pemulihan, untuk penjara-penjara, untuk balai-balai polis dan sebagainya.

**YB Speaker :** Gambir, sila duduk.

**YB Datuk M. Asojan a/l Munlyandy (Gambir) :** Ini belum ambil kira mereka yang...

**YB Speaker :** Gambir, sila duduk dulu sekejap. Ahli-Ahli Yang Berhormat, bersama-sama dengan kita, kita ucapkan selamat datang pemerhati-pemerhati yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin masyarakat Bukit Gambir, seramai 23 orang (Dewan bertepuk). Gambir, sila sambung ucapan.

**YB Datuk M. Asojan a/l Munlyandy (Gambir) :** Terima kasih Tan Sri Speaker. Introduksi yang tepat kepada masanya. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini belum ambil kira mereka yang berada di luar yang belum tertangkap atau belum disabitkan, jadi moral golongan ini sangat tidak baik dan berbahaya pada masa hadapan. Jadi, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perisytiharan Rukun Negara dibentuk sebagai ideologi kebangsaan oleh Majlis Gerakan Negara pada 31 Ogos 1970 iaitu setahun selepas tragedi 13 Mei 1969. Mengikut ideologi kebangsaan tersebut ramal daripada kalangan kita masih tidak lupa kepada ungkapan ayat-ayat ini, ikrar Rukun Negara. Semasa saya di bangku sekolah Yang Berhormat Tan Sri Speaker, wajib kita kena baca ini, "Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar, akan menumpukan, seluruh tenaga dan usaha kami, untuk mencapai cita-cita tersebut, berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut." Ayat ini saya ingat semua tahu. Dengan rukun pertamanya, Kepercayaan Kepada Tuhan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Jawatankuasa Penggubal Rukun Negara memperjelaskan rukun pertama dalam Rukun Negara ini. Saya baca dalam Wikipedia, ia menjelaskan begini. "Sesungguhnya menjadi nadi pembinaan jati diri masyarakat Malaysia dan sewajarnya menjadi panduan dan pedoman hidup bermasyarakat oleh seluruh rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama, bangsa dan negara ini telah diwujudkan atas kepercayaan yang kukuh kepada Tuhan. Melalui kepercayaan beragama yang betul, akan menjadikan bangsa dan negara ini sebagai satu bangsa dan negara yang berdaulat. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Islam ialah Agama Islam persekutuan tapi agama dan kepercayaan-kepercayaan lain boleh diamalkan dengan aman dan tenteram di mana-mana bahagian di dalam persekutuan dan findakan membezakan terhadap seseorang warganegara atas alasan agama adalah dilarang sama sekali." Jawatankuasa Penggubal Rukun Negara menyedari akan pentingnya agama, dan kepercayaan kepada Tuhan dalam kehidupan manusia. Ketiadaan agama boleh meruntuhkan keperibadian seseorang dan juga sesuatu bangsa dan negara. Ini yang ditekankan oleh Jawatankuasa Penggubal Rukun Negara dalam mempertengahan Rukun Negara dengan rukun yang pertama tersebut. Menyedari betapa pentingnya keteguhan pegangan anggota masyarakat terhadap ajaran agama masing-masing, maka prinsip ini telah dipilih sebagai prinsip pertama dalam Rukun Negara.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tambahan pula perkara ini telah ditekankan dalam falsafah pendidikan negara yang menekankan JERI secara ringkas iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek. Perhatikanlah apa yang tertera dalam falsafah negara. Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai

kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pembentukan seseorang individu ini sangat penting, sangat signifikan dalam membentuk sesebuah negara kerana beberapa individu membentuk keluarga, beberapa keluarga membentuk masyarakat, beberapa masyarakat membentuk bangsa dan akhirnya beberapa bangsa membentuk negara. Jikalau diperingkat individu lagi, yang menjadi akar kepada pembentukan hierarki negara kita gagal, maka gagallah pembentukan negara bangsa yang selamat, aman dan sentosa. Jadi, peluang didikan agama wajib dipertimbangkan supaya individu-individu amnya bangsa Malaysia dan khasnya Bangsa Johor, yang kita harapkan untuk dilahirkan nanti sudah mula mempelajari agamanya sejak bangku sekolah lagi sebagai usaha kerajaan untuk membina satu masyarakat Malaysia yang progresif.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mencadangkan kepada kerajaan untuk mengkaji semula pengajaran pendidikan moral yang diajar di sekolah-sekolah. Sepertimana yang diperjelaskan dalam rukun pertama tadi, ketiadaan agama boleh meruntuhkan keperibadian seseorang dan juga sesuatu bangsa dan negara maka keunikan bangsa Malaysia yang diraikan berdekad-dekad tahun ini dari segi bahasa, budaya, makanan dan sebagainya perlulah diperluaskan kepada kebenaran mempelajari asas agama seseorang pelajar yang menjadi asas kepada pembentukan insaniah seseorang individu.

**YB Speaker :** Sila gulung.

**YB Datuk M. Asojan a/i Muniandy (Gambir) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya saya ingin menyentuh perkara berkaitan dengan Perumahan Mampu Milik khususnya di daerah Tangkak. Perumahan yang selesa dan kondusif serta mampu menjadi satu cabaran oleh kerajaan untuk disediakan. Lebih-lebih lagi dengan faktor kemampuan rakyat apabila pihak pemaju yang lebih gemar untuk menyediakan rumah jenis mewah, kos tinggi, berbanding rumah mampu milik. Dasar kerajaan yang mewajibkan setiap pemajuan yang melebihi 3 ekar ataupun 5 ekar bagi tapak rizab Melayu untuk menyediakan rumah mampu milik Johor pada kadar 20% dan 40% dilihat masih kurang berjaya. Khususnya bagi daerah-daerah di luar pembangunan Wilayah Iskandar. Bagi mendapatkan pemajuan bersaiz melebihi 3 ekar khususnya di daerah Tangkak termasuk di Bukit Gambir, adalah sesuatu yang sukar. Pemaju dilihat lebih cenderung ataupun lebih licik untuk pembangunan yang berskala lebih kecil kurang dari 3 ekar. Keadaan ini memberi satu cabaran terhadap kerajaan dan memberi impak kepada PBT dan agensi-agensi lain dari segi penyelarasan dan perancangan kemudahan awam termasuk syarat untuk menetapkan Rumah Mampu Milik Johor. Selain itu, pengenalan penalti atau pun caruman bagi setiap rumah-rumah yang dapat dikecualikan daripada disediakan oleh pemaju-pemaju untuk mengelakkan untuk menyediakan rumah mampu milik tersebut secara langsung akan memberi kesan kepada jumlah Rumah Mampu Milik Johor di mana-mana daerah termasuk Tangkak.

Lagi satu senario yang menyedihkan adalah, apabila ada kecenderungan dalam kalangan pemilik tanah yang sengaja membuat pecah sempadan dan bahagian kurang 3 ekar bagi tiap-tiap lot sebelum sesuatu pemajuan dan dikemukakan kepada

PBT untuk kelulusan. Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan, satu mekanisme yang lebih tersusun dan menyeluruh perlu dikaji semula agar isu-isu penyediaan Rumah Mampu Milik Johor dapat diatasi. Juga dasar Rumah Mampu Milik Johor di luar kawasan pembangunan Iskandar perlu dikaji semula agar ianya lebih sesuai dengan keadaan semasa di kawasan daerah di luar bandar. Mohon pandangan dan perhatian Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan khususnya syarat bagi pemajuan pembangunan perumahan kurang 3 ekar tidak mewajibkan pembinaan Rumah Mampu Milik Johor perlu dimansuhkan. Jika melibatkan di kawasan luar bandar seperti di daerah Tangkak, maka dengan ini pemaju mahu tidak mahu akan terpaksa menyediakan Rumah Mampu Milik Johor dalam semua keadaan sama ada lebih 3 ekar ke, atau pun kurang 3 ekar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum mengakhiri ucapan saya, saya ingin memohon beberapa perkara yang perlu kepada perhatian YB-YB Pengerusi Jawatankuasa. Pertama sekali, YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, saya mohon melihat kepada pembinaan Hospital Tangkak yang sudah menjangkau 60 tahun. Perlu kepada bina baru sesuai dengan taraf daerah baru pada tahun 2010 daerah Tangkak. Walaupun namanya hospital, tapi banyak kes-kes yang masih perlu dirujuk ke Hospital Sultanah Fatimah, Muar. Jadi mohon perhatian YB Pengerusi Kesihatan.

Yang kedua, YB Pengerusi Air dan Tenaga, mohon dirujuk kepada isu tekanan air rendah di kawasan Kampung Parit Kasan, yang merisaukan penduduk di situ khususnya di musim-musim perayaan. Perkara ini saya telah bawa sebelum ini tetapi nampaknya tiada tindakan susulan.

Yang ketiga, juga nak ingatkan EXCO Agama tentang tanah wakaf 6 ekar di Kampung Parit Kasan yang menunggu perhatian YB untuk pembinaan Sekolah Agama Islam Integrasi Johor, mohon perkembangan terkini dari pihak EXCO Agama jua.

Yang keempat, EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar lagi sekali, ini berkaitan dengan masalah monyet Tan Sri Speaker. Saya dah bawa banyak kali, kesianlah orang-orang kampung ini, sebab bila Bukit Gambir ini dibangunkan monyet-monyet ini sudah pergi ke kawasan kampung pulak. Jadi, nampaknya perkara ini masih menjadi kemelut di kampung-kampung di Bukit Gambir, saya minta YB Pengerusi tengokkan.

Dan yang akhir sekali, mohon YB EXCO Belia dan Sukan, tengokkan permohonan pembinaan Kompleks Sukan di tanah PBT 2009 Lot 2107 di Kampung Parit Jarum Darat Tengah. Ketua Kampung ini ada di atas situ dia minta saya bangkitkan. Tapi, Yang Berhormat EXCO Belia dan Sukan, saya tak minta kompleks Tan Sri Speaker, kita minta sekurang-kurangnya padang lah, tak payah stadium, sekurang-kurangnya padang bola sudah memadai buat sementara ini untuk menyelesaikan kemelut ataupun permintaan ini yang sudah tanahnya di PBT hampir 8 tahun.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, akhirnya dengan rakaman terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi EXCO, pihak kerajaan, pihak SUK, agensi-agensi kerajaan, Pegawai Daerah Tangkak, saya turut menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Rengit. Terima kasih.

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Gambir. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Parit Yaani.

**YB Tuan Haji Aminohuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Terima kasih Tan Sri Speaker yang memberikan peluang Parit Yaani membahaskan usul Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohamad Khaled Nordin Menteri Besar Johor bagi Bajet Tahun 2017. Parit Yaani ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas pencapaian cemerlang kewangan Johor 2016. Hasil kutipan dengan kadar prestasi 96% bagi tahun 2016 sehingga 16 November berjumlah RM1,369 juta daripada anggaran RM1,425 juta yang dapat dikutip memang sepatutnya dipuji termasuk kepada kakitangan JCS yang telus dan amanah. Pembentangan Bajet 2017 yang mengambil masa agak panjang dan begitu menyeluruh seolah-olah bajet untuk persiapan menghadapi pilihan raya ke-14 tahun 2017. Ungkapan akhir Yang Amat Menteri Besar mengejutkan Parit Yaani bahkan mungkin seluruh hadirin dalam Dewan apabila mendengar petikan daripada mantan Presiden Amerika yang membawa maksud bahawa tujuan sebenar kemajuan kita bukanlah berapa pada berapa banyak yang kita tambahkan kepada mereka yang sudah berada tetapi berapa banyak yang telah kita berikan kepada mereka yang tidak punyai apa-apa. Parit Yaani ingin mengingatkan dengan ayat al-Quran dalam Surah as-Saf. (Bacaan ayat al-Quran). "Wahai orang beriman janganlah kamu berkata tetapi kamu tidak berbuat, amat besar kebencian Allah kepada kamu yang jika kamu berkata tapi kamu tidak berbuat apa-apa yang kamu kata".

Misi Bajet 2017 untuk membangunkan kemakmuran material, mewujudkan kesejahteraan sosial dan memperkasakan potensi insan adalah cita-cita mumi dan perlu sokongan daripada semua lapisan masyarakat termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat di sini. Seringkali Parit Yaani memberikan pandangan dan cadangan terutamanya berkaitan dengan peluang pekerjaan, perumahan yang mampu dibeli oleh rakyat, pengangkutan awam dan kemudahan asas kepada anak-anak bangsa Johor yang semakin hari semakin terdesak dengan kos sara hidup harian mereka disebabkan masalah kejatuhan ekonomi dan kejatuhan nilai mata wang Malaysia, Ringgit Malaysia. Menurut majalah *The Economist* dalam laporan Ogos 2015, walaupun dah setahun lebih, ringgit jatuh sebanyak 9.8% itu dulu tahun lepas berbanding dollar Amerika. Penurunan yang ketara berbanding dengan bath Thailand yang merosot pada 6.4. Kejatuhan nilai mata wang negara ini adalah disebabkan oleh dasar ekonomi kerajaan yang termasuk penghapusan subsidi untuk bahan api, elektrik, gula serta pelaksanaan Cukai Barangan Perkhidmatan, GST. Dasar ekonomi berkenaan juga menyebabkan rakyat terpaksa berdepan dengan kos sara hidup lebih tinggi. Peningkatan kadar pengangguran terutamanya di kalangan siswazah, kejatuhan saham dan syarikat-syarikat asing memilih untuk melabur di negara-negara lain. Memetik laporan Berita Harian dari Singapura, ringgit juga menerima tekanan lanjut daripada kebimbangan baru berhubung 1MDB. Tindakan pihak berkuasa Singapura, US dan beberapa negara lain yang menahan sejumlah besar akaun bank dalam beberapa bulan kebelakangan ini sebagai sebahagian daripada siasatan berhubung kemungkinan 1MDB terbabit dalam penggubahan wang haram. Isu seorang pengurus kanan BSI Bank mengaku bersalah atas tuduhan pemalsuan dan kegagalan melaporkan urusniaga mencurigakan. Beliau dihukum penjara 18 minggu dan denda Singapura, SD 24 ribu serta sebahagian daripada jutaan yang di perolehi daripada transaksi berkaitan turut dirampas.

Walaupun ada di kalangan pemimpin Barisan Nasional mengatakan kelebihan atau ada kebaikan apabila penurunan nilai mata wang ringgit seperti dakwaan mereka, nilai mata wang yang rendah memberikan kebaikan kepada negara. Nilai mata wang yang rendah telah membuka peluang kepada negara untuk bersaing dalam pasaran eksport kerana produk kita lebih murah berbanding negara yang stabil nilai mata wangnya. Kerajaan telah menyusun beberapa tindakan untuk memastikan perolehan daripada eksport meningkat seterusnya memastikan imbangan akaun semasa kita sentiasa positif.

Hujah yang kedua bagi pihak pemimpin BN menyatakan nilai mata wang yang rendah akan menambah tarikan pelancong datang ke Malaysia untuk melancong dan berbelanja kerana dapat wang pertukaran ringgit yang banyak. Kerajaan juga bagi merencanakan kemasukan modal daripada luar telah menyusun beberapa pelan untuk mempromosi sektor pelancongan negara kita. Antaranya seperti menghapuskan caj permohonan visa kepada pelancong luar. Hakikat sebenarnya kejatuhan nilai mata wang memberi impak kesan buruk melebihi daripada kesan baik. Tidak ada negara di dunia yang mahukan nilai mata wangnya yang rendah. Kejatuhan nilai mata wang memberi lebih banyak keburukan daripada kebaikan terutama kesan buruk kepada rakyat berpendapatan kecil sesebuah negara.

Antara kesan negatif penurunan mata wang ringgit Malaysia :-

1. Barang import lebih mahal. Barang import yang dijual dalam Malaysia lebih mahal kerana rakyat Malaysia akan terpaksa mengeluarkan lebih wang untuk membayar barangan tersebut disebabkan nilai tukaran ringgit yang jatuh. Ini menyebabkan harga barang import atau mengandungi komponen import yang tinggi akan meningkat. Pembekal barangan import tidak akan memindahkan beban tersebut kepada pengguna. Jadi harga barangan import akan meningkat mahal. Harga barang akan naik, harga barang keperluan juga meningkat naik kesan daripada kejatuhan nilai mata wang. Cukai Barangan dan Perkhidmatan, GST, harga minyak yang tinggi dan sebagainya. Kesan kenaikan harga barang akan meluas kepada semua barangan keperluan disebabkan kejatuhan nilai ringgit Malaysia.
2. Kesan negatif kuasa beli rakyat di luar negara berkurang, kuasa beli rakyat di luar negara atau pelancong Malaysia berkurang dan penurunan nilai mata wang Malaysia di mana perbelanjaan yang lebih mesti dikeluarkan untuk bercuti atau hidup di luar negara. Termasuk kepada anak-anak kita yang sedang belajar di luar negara akan menerima bebanan dan ibu ayahnya yang akan menanggung kesan daripada penyusutan nilai ringgit.
3. Inflasi berlaku apabila barangan import yang lebih mahal akan meningkatkan harga barangan import menyebabkan inflasi, tarikan permintaan.
4. Penurunan harga minyak. Harga minyak berkadar songsang dengan nilai dolar Amerika jadi bila nilai dolar naik, harga minyak turun dan nilai mata wang Malaysia juga mengalami penurunan.

Tan Sri Speaker, berdasarkan misi Bajet 2017 yang ketiga iaitu keperkasaan insan, Parit Yaani mohan supaya kerajaan Johor mempunyai data lengkap dan terkini dalam beberapa perkara supaya motto rakyat didahulukan benar-benar didahulukan untuk memastikan kemakmuran material, kesejahteraan sosial dan keperkasaan potensi insan dapat direalisasikan. Antara data yang mesti diusahakan oleh pihak yang bertanggungjawab adalah berapa ramai bangsa Johor yang terlibat dalam semua projek pembangunan negeri Johor berbanding warga asing. Nisbah pekerja dan syarikat bangsa Johor berbanding warga dan syarikat asing mesti dikemukakan. Antara sasaran saya, Parit Yaani :-

1. Data pekerja profesional atau mahir atau separa mahir di setiap projek pembangunan sama ada di RAPID Pengerang, Iskandar Malaysia dan lain-lain. Peratusnya berbanding dengan keseluruhan pekerja mahir atau separa mahir yang sedia terlibat dalam projek berkenaan.
2. Data kontraktor Bumiputera atau bangsa Johor yang terlibat dalam projek pembangunan negeri Johor. Bilangan dan peratus kontraktor yang terlibat berbanding dengan keseluruhan syarikat-syarikat yang ada sehingga akhir 2016. Senaraikan semua nama syarikat yang terlibat dan jumlah kontrak masing-masing.
3. Data penduduk *local* atau tempatan yang melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung kepada pembangunan di sekitar mereka seperti perniagaan makanan, sayur, ikan, rumah sewa, *homestay* dan sebagainya yang boleh membantu meningkatkan pendapatan isi rumah.

Tan Sri Speaker, berkenaan dengan strategi khusus mengurangkan kos sara hidup rakyat Johor. Parit Yaani ingin mendapatkan penjelasan terkini daripada Majlis Agama Islam Johor berkaitan dengan bilangan penerima asnaf dari kalangan fakir dan miskin mengikut daerah kerana berdasarkan pengalaman yang berlaku secara realitinya di DUN saya Parit Yaani, bilangan daripada golongan ini tidak berkurangan. Berapakah pula jumlah peruntukan yang diberikan? Adakah disemak semula jumlah ini berbanding dengan peningkatan kos sara hidup masa kini? Apakah alasan atau bukti terhadap pendapatan Parit Yaani? Contoh apabila seorang ayah yang bekerja sendiri sebagai peniaga buah-buahan secara kecil-kecilan atau seorang ayah yang mempunyai bengkel di kampung, bengkel kereta tahap kampung meninggal dunia secara mengejut. Sedangkan mereka meninggalkan balu dan anak-anak yang masih kecil, yang masih bersekolah, balu seorang sui rumah, manakala anak-anak yang masih belum bekerja. Sudah semestinya pendapatan isi rumah merudum. Apakah bantuan yang disalurkan oleh pihak kerajaan seperti Majlis Agama Islam atau JKM untuk membantu meringankan beban kehidupan keluarga ini? Parit Yaani mengharapkan Majlis Agama Islam mempunyai prosedur khusus, cekap dan pantas untuk memudahkan bantuan ini diterima oleh golongan balu dan anak yatim.

Begitu juga Parit Yaani ingin mendapatkan penjelasan lanjut dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar, berkaitan dengan kadar kemiskinan sifar yang tercatat dalam Ucapan Bajet 2017. Berapa tinggikah kadar pendapatan isi rumah yang dikategorikan sebagai miskin tegar dan miskin? Jika jumlah penerima air percuma sebanyak 25 meter padu dengan kos RM3 juta meningkat dari 2,892 orang kepada 5 ribu orang berdasarkan dalam senarai e-Kasih. Apakah kategori penerima telah keluar dari batas-batas kemiskinan atau bagaimana? Berapakah pendapatan maksima isi rumah keluarga yang selayaknya dibantu dengan air percuma ini? Ada pepatah menyatakan



berikan kail, jangan berikan lkan sepanjang masa. Bantuan kepada golongan petani berupa khidmat nasihat dan kewangan di bawah seliaan Jabatan Pertanian atau MARDI ataupun yang berkaitan amat baik dan perlu diteruskan. Bantuan kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam bidang pertanian supaya khidmat dan juga bekalan makanan sepertimana yang kita sedia maklum dapat dihasilkan oleh petani-petani negara kita sendiri khususnya bangsa Johor.

Selain khidmat nasihat dan kewangan, ada perkara penting yang perlu disediakan oleh pihak kerajaan iaitu bagaimana hasil pertanian tersebut dapat dipasarkan dengan cekap dan harga yang munasabah kepada pengguna.

Tan Sri Speaker, usaha kerajaan untuk menyediakan prasarana terbaik untuk semua rakyat amat dialu-alukan. Parit Yaani sentiasa memandang positif di atas usaha ini terutamanya berkenaan dengan masalah air yang menjadi salah satu perkara asas kepada manusia. Walaupun isu air Selangor yang selalu keluar dalam media, namun bagi penduduk Kluang, Mersing, Pengerang, Pasir Gudang mempunyai pengalaman berkaitan air yang terganggu beberapa bulan lepas. Moga usaha SAJ dan BAKAJ dapat menyelesaikan masalah ini.

Berkenaan dengan peruntukan sebanyak RM79.2 juta, bagi tujuan pelebaran atau naik taraf jalan dan jambatan sempit, Parit Yaani ingin mengutarakan permohonan rakyat yang menggunakan Jalan Bindu ke Parit Raja, jalan kampung yang sangat sibuk dengan pelbagai jenis kenderaan dari sekecil-kecilnya sehingga kepada treler besar, kesesakan dan kadangkala kemalangan disebabkan jalan dan dua jambatan sempit. Jambatan yang tidak mengizinkan walaupun hanya dua buah kereta berselisih diatasnya. Inilah punca selalunya berlaku kemalangan di Jalan Bindu, Tongkang Pecah. Begitu juga dengan rakyat di Parit Imam dan Parit Haji Raja Sidek, dalam kawasan Beroleh, juga memohon menurap semula jalan kampung mereka yang telah lama dan bertubang-lubang kerana di Parit Imam ada masjid yang jemaah. Masjid yang selalu menundaikan solat subuh dan juga Isyak, Maghrib, Maghrib, Isyak. Manakala di Jalan Parit Haji Sidek ada sekolah rendah yang ramai murid-muridnya yang memerlukan keselesaan dan kemudahan jalan tersebut amat-amat dipinta.

Tan Sri Speaker, isu perumahan negeri Johor. Mengikut laporan Bajet 2017, kerajaan Johor melalui agensi-agensinya seperti Johor Corporation, Kumpulan Prasarana Rakyat Johor, PIJ Holdings, YPJ Holdings, termasuk KEJORA telah dilibatkan dalam pembinaan Rumah Mampu Milik Johor. YPJ Holdings akan membina Perumahan Rakyat 1 Malaysia yang menyasarkan pembinaan sebanyak 21,540 unit dengan harga antara RM150,000.00 hingga RM350,000.00 seunit dan juga Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia yang menyasarkan pembinaan sebanyak 2,877 unit yang akan dijual pada harga subsidi dengan lingkungan RM280,000.00 seunit. Sebahagian PP1M adalah dikendalikan oleh KEJORA. Begitu juga Program Rumah Mesra Rakyat Johor (RMRJ) yang dikendalikan oleh KPRJ yang menyasarkan pembinaan sebanyak 3,000 unit menjelang 2018. Kerajaan negeri juga telah memperuntukkan RM20 juta untuk membeli rumah, Pakej A, Pakej Johor A dan Pakej B yang berharga RM42,000.00 dan RM80,000.00 yang akan ditawarkan di bawah skim beli, rent to own, dengan izin. Kerajaan telah menyasarkan untuk membina 60,000 Rumah Mampu Milik Rakyat Johor (RMMJ) menjelang 2020. Menurut kenyataan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, setakat bulan Jun 2016, SUK Bahagian Perumahan telah menerima 106,649 permohonan untuk Rumah Mampu Milik Johor.

Dengan hanya 21,595 telah menerima surat tawaran dan 4,000 lagi telah siap di bina dan diserahkan kunci.

Parit Yaani ingin bangkitkan, apakah mekanisme ataupun pihak yang bertanggungjawab untuk memastikan agensi kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan dan pemaju perumahan yang terlibat dengan pembinaan RMMJ, akan melaksanakan dan menyiapkan pembangunan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Pihak yang bertanggungjawab ini juga paling penting untuk bertindak sebagai *one stop agency* bagi menyelaraskan isu-isu yang berkaitan dan berbangkit dalam melaksanakan pembinaan RMMJ. Pihak ini juga bertanggungjawab untuk membuat unjuran keperluan RMMJ di kalangan rakyat negeri Johor, khususnya golongan B40 dan M40. Sebagai contoh, permohonan untuk RMMJ telah mencecah 106,649 orang. Jika kesemua permohonan itu adalah berkelayakan, maka sasaran kerajaan untuk menyediakan 60,000 unit menjelang 2020 perlu dikaji semula.

Kedua, kuota perumahan kos rendah adalah 40% daripada unit yang di bina tetapi setelah Dasar Perumahan Rakyat Johor diperkenalkan pada 1 April 2012, Rumah Mampu Milik Johor yang berharga antara RM150,000.00 telah mengambil 20% daripada kuota kos rendah yang asal. Adakah ini benar? Jika ini berlaku, menjadikan kuota rumah Pakej A yang berharga RM42,000.00 dan Pakej B harga RM80,000.00 menjadi semakin kecil iaitu 20 peratus sahaja. Saya minta kuota Rumah Mampu Milik ini di kaji semula bagi memastikan perumahan bagi rakyat dengan kategori B40 mampu untuk memiliki rumah sendiri pada tempoh yang telah ditetapkan.

Ketiga, Parit Yaani mencadangkan supaya peruntukan pembayaran penalti ke atas pengecualian pembinaan komponen Perumahan Komuniti Johor (KPJ) Jenis A dan B bagi kawasan pembangunan perumahan yang melebihi 30 ekar dimansuhkan supaya semua pemaju tidak terkecuai mematuhi Dasar Perumahan Rakyat Johor yang telah digubal oleh pihak kerajaan. Pemansuhan peruntukan ini penting bagi memastikan tidak wujud monopoli kelompok tertentu yang hanya layak untuk menduduki suatu kawasan kediaman. Tindakan ini juga penting bagi memastikan tema Bajet 2017 iaitu "Johor Berkemajuan, Rakyat Sejahtera", dapat dicapai. Sepatutnya pemaju perumahan perlu melihat pembangunan RMMJ sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Pemaju perumahan tidak boleh hanya mementingkan keuntungan semata-mata. Bagi memastikan pihak pemaju perumahan melaksanakan pembangunan Pakej A dan Pakej B, pihak kerajaan boleh menyediakan beberapa insentif kepada pemaju perumahan antaranya memberikan pengurangan dalam pembayaran premium tukar syarat kegunaan tanah. Kedua, meningkatkan kepadatan.

**YB Speaker :** Sila gulung Yang Berhormat.

**YB Tuan Haji Aminohuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) :** Sikit je lagi. Insya Allah. Meningkatkan kepadatan *plot ratio* atau kawalan ketinggian bangunan, *high control* untuk jenis permohonan lain dalam kawasan perumahan yang sama bagi membolehkan pihak pemaju perumahan menampung kerugian yang mereka alami. Kerajaan juga boleh meminta pihak pemaju perumahan menyerahkan tanah yang diperuntukkan untuk komponen RMMJ Pakej A, Pakej B kepada pihak kerajaan dan pihak kerajaan boleh melantik agensi-agensinya seperti JCorp dan lain-lain untuk melaksanakan pembinaan pembangunan pakej yang berkenaan. Sebelum Parit Yaani

berundur, ada beberapa permohonan dan aduan. Pertama, aduan penduduk Jalan Banang 2, Kampung Sungai Ayam, Mukim Minyak Beku, Batu Pahat, isu aduan penduduk berkenaan berkaitan dengan aktiviti kuari yang mengakibatkan pelbagai kemusnahan alam sekitar seperti berhabuk, pencemaran air di kawasan terlibat, kerosakan jalan raya. Aktiviti perlombongan kuari ini adakah telah mendapat kelulusan dari pihak yang berwajib? Itu perkara yang pertama.

Perkara yang kedua, Parit Yaani mengucapkan syabas dan terima kasih kepada agensi kerajaan yang telah membantu meringankan bebanan rakyat, khasnya JKM Batu Pahat yang membantu pantas mangsa ribut dan rumah terbakar di Kampung Baru, sebelum malam Ramadhan dan juga selepas Syawal. JKR Batu Pahat yang telah memenuhi permintaan rakyat yang menggunakan jalan besar Tongkang Pecah dan Persimpangan Bindu apabila siapnya lampu isyarat di persimpangan tersebut, JPS Batu Pahat yang telah membersihkan beberapa batang parit dan longkang yang sering menjadi punca banjir kilat, khasnya di hujung tahun, Majlis Perbandaran dan Pejabat Daerah yang banyak membantu menyelesaikan aduan rakyat berkaitan dengan longkang dan jalan-jalan di taman perumahan. Di sini permohonan daripada rakyat Parit Yaani iaitu pertama, membaiki atau menggantikan culvert di sebelah Masjid Sri Bengkal yang telah pecah dan mendap menyebabkan aliran air dari tanah perkuburan di belakang masjid seringkali banjir. Ini menyukarkan rakyat untuk mengendalikan pengkebumian jenazah sekiranya hujan pada malam sebelum atau pada hari pengkebumian.

Yang kedua, lampu sepanjang Jalan Sri Bengkal hingga pekan Parit Yaani, yang sentiasa penuh dengan pelbagai kenderaan. Jalan ini sempit dan tiada bahu jalan memang sewajarnya ada lampu jalan supaya menambah jarak penglihatan pengguna jalan raya di waktu malam. Jalan ini antara jalan yang sering berlaku kemalangan maut. Ketiga, menyediakan tong sampah yang sesuai untuk orang ramai di kawasan Parit Sidek, Parit Besar dan Solok Wanmoh Jalan Kluang kerana perkhidmatan sampah tidak melibatkan kawasan mereka. Membina masjid dan tanah perkuburan Islam khusus untuk penduduk taman Bandar Putera Indah, Tongkang Pecah yang semakin berkembang dan bertambah penduduknya. Membina sebuah masjid di zon Taman Maju atau Taman Puteri, Batu Pahat kerana di sekitar zon berkenaan telah ada empat buah surau yang penduduk Islam, lelaki Islam melebihi yang 400 orang.

Akhirnya, saya ucapkan selamat datang YB Jorak di sebelah sini. Kita perlu bersama dan tunjukkan kepada rakyat bahawa kita bersatu untuk memikul amanah dan tanggungjawab dengan penuh integriti, telus dan mengagihkannya kembali hasil mahsul negeri kepada rakyat dengan adil dan saksama. Insya-Aillah, kita mampu memimpin jika rakyat membuat perubahan dalam PRU ke 14 dengan lebih baik dan maju Insya-Aillah. Sekian, saya menyokong bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan beberapa pindaan dan cadangan seperti yang telah Parit Yaani kemukakan. Terima kasih.

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Parit Yaani. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Buloh Kasap.

**YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatu. Salam muafakat Johor, salam

Segamat selamat. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam pembahasan Bajet 2017 yang baru dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 17 November yang lalu. Menjejak langkah rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang lain, saya awali ucapan ini dengan merakamkan penghargaan dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas pembentangan Bajet Negeri Johor 2017. Bajet ini boleh dikatakan bahawa jawapan segala pertanyaan umpama jalan terhadap kebuntuan iaitu membawa makna apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 17 November yang lalu merupakan sesuatu yang amat dinantikan oleh rakyat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seiring harapan bajet ini, saya juga ingin mengetengahkan beberapa perkara untuk diberi perhatian dan pertimbangan kerajaan khususnya dalam membabitkan kepentingan rakyat demi kelangsungan perjuangan kita untuk rakyat dan mengutamakan pencapaian ke arah "Johor Berkemajuan, Rakyat Sejahtera".

#### **Perumahan tambahan tapak di Paya Lebar.**

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, setiap kali pembentangan bajet, sesuatu yang sangat di nanti adalah isu berkaitan pemilikan rumah, pemilikan rumah. Buloh Kasap mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri kerana Segamat tidak dilupakan di dalam pembinaan Rumah Mampu Milik. Malah dalam Bajet 2017, telah diumumkan dengan keluasan tanah 20 ekar akan dibangunkan Taman Perbadanan Islam di bawah PIJ Holdings.

Namun begitu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, apalah kiranya jika kerajaan dapat meluluskan lagi 10 ekar tanah untuk dibangunkan bagi tujuan yang sama. Hal ini kerana di sempadan kawasan Buloh Kasap terdapat tanah berkeluasan 10 ekar yang merupakan tanah rizab JKR di Kampung Paya Lebar, Segamat. Kawasan ini saya fikir amat sesuai untuk kita bangunkan dan di bina Rumah Mampu Milik untuk warga Segamat. Saya sendiri bersedia membantu kerajaan negeri sehabis baik untuk memastikan ianya terlaksana. Warga Segamat sangat memerlukan lebih banyak unit Rumah Mampu Milik. Maka, selaku insan yang diamanahkan, saya berusaha sedaya mungkin. Atas sebab itu saya rayu agar pihak kerajaan negeri untuk meneliti sebaiknya cadangan ini.

#### **Pintu gerbang Segamat dan Landskap Pekan Buloh Kasap.**

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di kesempatan ini juga Buloh Kasap dengan rendah diri dan harapan yang sangat tinggi memohon pencahayaan di pintu masuk dan gerbang masuk ke Segamat daripada Gemas Baru serta dengan susun atur landskap yang menarik setanding dengan sempadan Gemas, Negeri Sembilan. Seperti kita maklum, pintu gerbang ini merupakan gambaran awal mengenai kekuatan, kekuasaan dan kegagahan yang dimiliki oleh sesebuah negeri. Untuk makluman, kos pembinaan pintu gerbang tersebut berserta pencahayaan serta landskap yang cantik adalah sekitar RM2 juta. Dapatlah kiranya dimakbulkan permintaan membina pintu gerbang yang megah berserta landskap yang indah. Setidak-tidaknya pekan Buloh Kasap yang digelar pekan koboi dengan izin juga diberi sentuhan landskap yang cantik agar menjadi daya tarikan pekan Buloh Kasap. Jika mahu menunggu

pembangunan bertahap mega di situ, mungkin ia mengambil masa yang lama. Maka, dengan mengindahkan pekan Buloh Kasap, berserilah pekan koboi kami dan tidaklah digelar orang pekan mati.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bekalan air. Buloh Kasap menyambut baik 14 inisiatif melibatkan infrastruktur air yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Hal ini kerana menunjukkan keseriusan kerajaan negeri menyelesaikan isu keperluan asas penduduknya. Tidak hanya membiarkan rakyat hidup dalam kekusaran dan kerisauan kerana kurangnya bekalan air bersih. Tahniah kepada kerajaan negeri Johor yang diterajui oleh Barisan Nasional.

Namun begitu, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, suka untuk saya sebutkan tentang masalah gangguan bekalan air di Buloh Kasap tetapi ianya tidak tersenarai dalam 14 inisiatif tersebut. Sebenarnya masalah ini adalah masalah yang sangat lama sejak Yang Berhormat Tan Kok Hong menjawat jawatan EXCO kerajaan negeri lagi. Tetapi, sehingga kini masih tidak diselesaikan dengan tempoh yang lama dan warga Buloh Kasap dihantui dengan masalah gangguan air dan air kurang bersih. Saya dimaklumkan bahawa pihak kerajaan telah meluluskan pembinaan loji dan tangki air di Kuala Paya, Buloh Kasap, yang mana ianya merupakan tindakan tepat bagi menyelesaikan masalah dalam masa yang panjang. Namun, sayang beribu kali sayang peruntukan yang telah diluluskan pada tahun 2013 yang lalu khabarnya proses penyediaan tender telah dilakukan beberapa kali, selepas bajet dibentangkan ini masih belum lagi terlaksana. Dan, sebenarnya penangguhan ini akan melibatkan kerugian yang berlipat ganda kepada kerajaan kerana ianya menanggung kos yang tinggi dan kita rasa ianya akan membawa satu pembaziran.

Saya dimaklumkan projek ini tertangguh kerana berlakunya masalah di antara Pengurusan Air Berhad dan SAJ. Masalah ini bukannya masalah baru tetapi ianya sangat lama. Saya yakin dengan sedikit penegasan oleh kerajaan negeri, masalah ini dapat diselesaikan dan warga Buloh Kasap akan menikmati air yang bersih sebagaimana harapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Ucapan Bajet agar menyediakan yang terbaik untuk rakyat.

#### **Perkampungan FELDA.**

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, memasuki era generasi yang kedua FELDA pada hari ini bukan hanya tertumpu kepada usaha pembangunan tanah semata-mata. Sebaliknya generasi kedua yang berjumlah kira-kira 100 ribu orang mula berganjak kepada pembangunan minda dan sikap iaitu menjurus kepada pembangunan modal insan yang berkualiti. Saya melihat perlunya generasi kedua FELDA membawa perubahan dan impak yang besar kepada sosioekonomi dan masyarakat warga FELDA keseluruhannya. Generasi kedua FELDA atau sering disebut belia gagasan FELDA moden perlu berpandangan jauh untuk membawa kemodenan dalam struktur FELDA secara keseluruhannya. Ia terutama dalam menjadikan perkampungan FELDA sebagai kawasan luar bandar yang lengkap, yang boleh dicontohi dari segenap aspek kehidupan serta paling penting mampu menawarkan kehidupan yang setanding dengan warga kota.

Namun begitu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terdapat beberapa isu yang saya bawa ke Dewan yang mulia ini ; pertama, berkenaan dengan isu rumah generasi

kedua FELDA. Di saat dan ketika ini timbul persoalan dan keluhan bahawa projek ini tidak nampak gerakan di kawasan FELDA khususnya di FELDA-FELDA di Segamat. Sehingga kini, penduduk tertanya-tanya mengenai perancangan pembinaan rumah generasi kedua FELDA memandangkan tiada sebarang perkembangan sejak dirasmikan 3 tahun yang lalu. Di FELDA Palong Timur, Segamat; di dalam kawasan saya memang tiada sebarang tanda bermula kerja-kerja pembinaan untuk generasi kedua. Terlalu ramai yang bertanyakan perkara ini dan bila proses sebenarnya pembinaan ini akan bermula. Dan, saya yakin hal ini tidak hanya berlaku di kawasan saya tetapi ianya berlaku di kawasan-kawasan yang lain.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita mengharapkan semoga pihak FELDA dapat mempercepatkan usaha pembinaan perumahan tersebut bagi memberi keselesaan kepada penduduk. Selain itu juga, perkara yang sering dibangkitkan oleh anak-anak FELDA ialah soal harga rumah FELDA yang sebenarnya agak tinggi untuk mereka. Di Segamat misalnya, anak-anak peneroka FELDA tidak mempunyai pekerjaan yang tetap. Selain itu, kaedah kelayakan pembeli menimbulkan masalah yang besar kepada anak peneroka FELDA apabila ianya tidak layak mendapat pinjaman kerajaan juga institusi kewangan.

Seterusnya adalah soal naik taraf pondok Polis yang dibina di kawasan FELDA tetapi tidak pula ditempatkan pegawai yang bertugas untuk menjaga keselamatan. Pondok Polis telah dibina dengan sekian lama hanya menjadi gajah putih dan telah pun mengalami banyak kerosakan yang perlu kita baikinya. Untuk ketika ini, pihak REJA mengambil alih membuat rondaan keselamatan di kawasan FELDA. Hal ini kerana akibat kurangnya kawalan keselamatan oleh Polis di kawasan FELDA, ianya menyebabkan penyalahgunaan dadah berleluasa. Hal ini amat membimbangkan penduduk FELDA kerana bukan sahaja isu penyalahgunaan dadah yang berleluasa, ianya juga terjadi kes kecurian dan rompakan yang mungkin boleh melibatkan penagih dadah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, isu rumah generasi kedua dan pondok Polis serta kawalan keselamatan FELDA ini saya bawakan kali kedua di Dewan yang mulia ini. Saya amat berharap untuk kali ini dapat didengari dan diambil tindakan.

#### **Pencemaran udara asap kilang di Jementah dan Kebun Baru.**

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perkara seterusnya yang mahu saya bangkitkan ialah isu pencemaran udara kilang getah di Buloh Kasap dan kilang sawit di Jementah. Untuk makluman Tan Sri Speaker, kilang tersebut adalah hak milik Tetuan Kean Lee Factory Sdn. Bhd. yang terletak di Buloh Kasap dan Tetuan milik Mestika Sdn. Bhd. yang terletak di Jementah. Operasi kedua-dua kilang ini telah menyebabkan pencemaran udara yang membawa banyak masalah bau busuk atau turut memberi kesan kesihatan kepada penduduk setempat. Malah, telah ada penduduk yang terjejas kesihatan akibat pencemaran udara dari kilang tersebut. Hal ini kerana lokasinya kilang tersebut di kelilingi penempatan dan jarak rumah yang terdekat dari kilang tersebut hanyalah 70 meter sahaja iaitu warga Kampung Paya Jakas.

Aduan telah disalurkan melalui beberapa saluran dan pihak. Masyarakat penduduk kampung sendiri telah pun mengadu. Pemimpin Barisan Nasional juga telah memanjangkan aduan dan keluhan penduduk di sini tetapi malangnya sehingga hari

ini tidak ada tindakan tegas yang memberi kesan yang baik kepada penduduk di sana. Malah, saya dimaklumkan oleh penduduk jawab balas pada sesi dialog yang pernah dijalankan antara penduduk dan pihak kilang adalah pada 21 Ogos yang lalu. Pegawai dari JAS Muar mengatakan bahawa NRE telah meluluskan rayuan oleh pihak kilang namun, tertakuk kepada terma-terma dan syarat-syarat tertentu yang ditetapkan. Alasan bahawa kebenaran diberikan oleh JAS adalah berasaskan kepada keperluan jarak penampakan sekurang-kurangnya 500 meter seperti ditetapkan di dalam *guideness of the seating and zoning of industry and residential areas*, dengan izin, dan keberkesanan teknologi kawalan pencemaran.

**YB Speaker :** Sila gulung Yang Berhormat.

**YB Puan Hajah Norsihda binti Ibrahim (Buloh Kasap) :** Sikit lagi Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Pihak JAS akan menarik balik lesen tersebut sekiranya pihak kilang tidak memenuhi syarat-syarat yang dikeluarkan dan komitmen yang telah dipersetujui.

Akhirnya, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, semoga bajet ini terlaksana sepertimana harapnya kita semua. Bukanlah kata yang sekadar sedap di telinga, tidak dikotakan menjadi nyata, terpintar dalam sebuah pakej dinamik, rangka pembangunan ini menjadi sandaran bagi Johor mencipta kejayaan. Inilah laluan perjalanan kita sendiri. Jalan acuan Johor sendiri, ibarat air yang mengalir dari puncak tahu jalur mana yang harus dilaluinya untuk sampai ke muara muafakat kemenangan. Kita sebagai yang telah diamanahkan seperti kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, "tidak ada sehari pun kita tidak pernah memikirkan kesusahan rakyat". Semoga kita di depan menjadi teladan, di tengah membangun kekuatan, di sisi saling bergandingan, di belakang memberikan dukungan. Teguh, tenang, pandang, fikirkan, telek, takbirkan dan ambillah segala iktibar, bertawaduk kepada tuhan dan disayangi, dipercayai dan akhirnya diyakini oleh segenap rakyat.

Atas segala usaha itu, Insya-Allah kepada Allah jua kita berserah. Sekian, wabillahitaufikwalhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Buloh Kasap. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Persidangan ini selama 20 minit.

**Persidangan di tangguhkan pada jam 4:10 petang.**

**Persidangan disambung semula pada jam 4:30 petang.**

**YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Timbalan Speaker :** Jorak. Ada? Kata saudara baru. Jemput Sungai Balang.

**YB Puan Zaiton binti Haji Ismail (Sungai Balang) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Muafakat Johor. Salam Sungai Balang gemilang. Terima kasih Yang Berhormat Dato' di atas kesempatan yang diberikan kepada Sungai Balang. Cabaran paling besar yang saya hadapi ialah bagaimana Johor ini boleh dibangunkan menjadi sebuah negeri dan masyarakat yang sejahtera dan terbaik. Saya berpandangan membangunkan Johor yang maju, progresif kosmopolitan adalah sangat penting. Antara ayat-ayat dalam ucapan yang

menjadi ingatan sebagai pemimpin ialah, kita tidak menyediakan negeri dan masyarakat yang berkemajuan itu, bukan sahaja kita gagal sebagai pemerintah, akan tetapi kita juga akan gagal berlaku adil kepada masyarakat dan generasi mendatang. Antara ucapan Yang Amat Berhormat Mohamed Khaled bin Nordin dalam buku beliau iaitu buku *Johor Berkemajuan*. Di kesempatan kali ini, Sungai Balang mewakili seluruh masyarakat Sungai Balang Ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Khaled Nordin yang telah membentangkan Bajet yang terbaik negeri Johor pada 17 November 2016, yang mencakupi pelbagai aspek dengan memberi keutamaan kesejahteraan rakyat menjadi keutamaan dalam mengejar Johor Berkemajuan. Melalui pembentangan bajet pada kali ini, sebagai pemimpin terhebat, beliau telah menyediakan ke arah masyarakat yang berkemajuan, beliau telah berjaya sebagai seorang pemerintah yang sentiasa berlaku adil pada masyarakat dan generasi mendatang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menyeimbangkan pembangunan yang sedia ada di sebelah timur, Pagoh, Bukit Kepong yang terkenal dengan hab pendidikan, infrastruktur yang ada, Bandar Baru Pagoh oleh Sime Darby, projek mega iaitu *High Speed Rail* manakala di pantai barat Muar, di sebelah Sungai Baling khususnya tidak menampakkan pembangunan yang ketara, walaupun segala kemudahan infrastruktur yang sedia ada tahun demi tahun, kita terus memperbaiki dan memenuhi kehendak penduduk atau masyarakat di kawasan DUN. Sungai Balang merupakan laluan utama yang berpotensi mendapat kemasukan limpahan pembangunan tidak kira melalui Muar mahupun Batu Pahat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pembangunan Muar sebagai bandar *agro-tourism*, dengan izin perabot dan nurseri untuk membangunkan Muar sebagai bandar *agro-tourism*, bandar perabot dan bandar nurseri, Sungai Balang merupakan sebahagian daripada yang akan terlibat dengan pembangunan Muar. Untuk keterlibatan itu, kajian khas, kajian latar belakang sejarah, struktur pembangunan, perancangan sosio ekonomi, pengisian pembangunan, naik taraf dan lain-lain pengisian dengan memberi penekanan kepada elemen pembangunan sosioekonomi, beberapa infrastruktur mesti disediakan dan antaranya ialah menetapkan konsep yang ingin diketengahkan sebagai kawasan *agro-tourism*, mengenal pasti dan memperbanyakkan kawasan *agro-tourism*, menambahkan kawasan yang dikenali pasti, menetapkan jentera pelaksana, menentukan bentuk-bentuk bimbingan peserta ataupun usaha *agro-tourism*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, hala tuju. Model "Yok ke Sungai Balang" mempromosikan aktiviti pelancongan DUN Sungai Balang ke seluruh Malaysia. Membangun bersama jabatan-jabatan kerajaan dan memanfaatkan geran bersesuaian bagi menambah tempat lawatan *agro- pelancongan* di DUN Sungai Balang. Mengapa ia bermula di DUN Sungai Balang? Membangunkan My Muar Travel.com sebagai satu sistem atau aplikasi pemasaran pelancongan bagi DUN Sungai Balang, bagi mengetengahkan pakej-pakej pelancongan dengan *tagline* "Yok ke Sungai Balang". Sungai Balang dipilih sebagai destinasi sebagai pelancongan *agro* baru kerana sumber alamnya, sawah, tanaman sawit yang luas, sungai dan lain-lain daya tarikan yang ada. Mengambil peluang daripada limpahan ekonomi dari hab pendidikan Pagoh, hab perabot Muar di Bakri dan bersempadan dengan bandar Maharani, Bandar Diraja, maka amat sesuai kerajaan negeri memikirkan untuk Sungai Balang mengorak langkah untuk mengislah agenda Johor berkemajuan.



Yang Berhormat Dato' Speaker, mempopularkan konsep agro-tourism di Sungai Balang. Agro-tourism adalah satu bentuk atau konsep pelancongan atau perniagaan yang berasaskan perladangan, kebun atau tanah pertanian. Ia menyediakan pengalaman kepada pengunjung, sama ada dalam bentuk pendidikan, hiburan, *entertainment* dengan izin, pendidikan atau penemuan dalam pembelajaran, dalam persekitaran semula jadi dan kawasan pertanian. Sungai Balang memilih sebagai destinasi pelancongan agro baru kerana sumber alamnya, aktiviti padi tradisional, kolam air panas, asam pedas di Parit Jawa yang terkenal, aktiviti memungut sendiri hasil buah-buahan di ladang atau *pick your own* dengan izin, percutian di ladang atau di kebun, kawasan tangkapan ikan di pantai seperti yang telah dikenal pasti di Parit Jawa terkenal dengan tangkapan ikan tenggiri, pari, senangin dan gelama. Di Sungai Pulai, ikan slakap. Di Seri Menanti, ikan sembilang, di Sungai Balang, laut ikan bawai, Pantai Leka Parit Jawa, ladang kelapa sawit, mengambil kupang di laut dan lain-lain daya tarikan yang ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kebelakangan ini juga percutian di ladang atau bermalam di inap desa atau lawatan komersil di kebun-kebun dan ladang menjadi semakin popular.

Mengenal pasti Sungai Balang sebagai hab kemahiran. Sungai Balang ingin menyumbang dan mendukung cita-cita untuk menjadikan Muar sebagai Bandar agro-tourism, perabot dan nurseri. Maka, Sungai Balang memilih pembangunan infrastrukturnya iaitu pendidikan berasaskan konsep pendidikan kemahiran rendah dan menengah yang bersifat *hands on* dengan izin atau menunjuk ajar secara langsung. Oleh kerana Parlimen Pagoh telah menjadi Bandar Universiti dengan kehadiran hab pendidikan tinggi, maka DUN Sungai Balang mengambil kira kekuatan yang ada di persekitarannya. Maka, Sungai Balang berhasrat supaya kerajaan dapat menubuhkan akademi agro-tourism di mana teras pendidikan Agro Tourism, pendidikan kemahiran *hands on* berasaskan pelancongan, pelancongan perabot, industri dan landskap. Kilang dan ladang yang ada akan dijadikan makmal, latihan untuk tujuan tersebut, penempatan pelajar di akademi untuk latihan teori, sementara amali akan berada di kilang atau ladang. Dengan kemahiran dan latihan peringkat persijilan di peringkat akademi ini, akan memberi kemahiran supaya dapat mendukung cita-cita menjadikan Muar sebagai bandar agro-tourism, perabot dan nurseri.

Sebagaimana dengan cita-cita kerajaan untuk mensejahterakan rakyat serta memperkasakan belia, maka dengan pewujudan Kolej Kemahiran golongan belia di luar bandar, dengan mengambil peluang atas kepesatan pembangunan yang berlaku. Memberi kemahiran di peringkat sijil terutama yang ada kaitan seperti agro-tourism dan hab perabot yang akan dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di kalangan anak muda tempatan tanpa meninggalkan kampung halaman.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti dalam tulisan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di dalam buku bertajuk "Membongkar Potensi dan Bakat " muka surat 1687, belia tunggak kejayaan negara. Belia adalah aset penting negara. Tanpanya pincanglah pembangunan sesebuah negara. Justeru itu, kepada generasi mudalah harapan perlu digalas. Mahu tidak mahu orang muda perlu dipersiapkan. Mereka perlu diberi pendedahan, perhatian dan tunjuk ajar untuk menjadi insan yang lebih berguna, memajukan bangsa dan negara. Belia dengan semangat dan kudrat yang

tentunya kental dan lebih bersifat waja, perlu diberikan pedoman dan panduan untuk menyalurkan kelebihan yang ada pada kemajuan dan kesejahteraan negara. Maka, dengan itulah apa yang ingin di upgrade kan oleh Sungai Balang berkaitan pembangunan sosioekonomi, sudah sewajarnya langkah terbaik supaya belia DUN Sungai Balang akan kekal tinggal di kampung dengan mendapat segala manfaat dengan belia-belia di bandar dan jika ini tidak diwujudkan, maka jadikan seperti beberapa negara seperti Jepun dan United States di mana semakin ramai penduduk di negara ini ditelan usia dan hakikatnya sumbangan negara tentunya tidak setimpal dengan kudrat yang tersisa sekali pun pengalaman dan ilmu yang dimiliki generasi itu tiada tolak bandingnya. Tak dapat dibayangkan sekiranya ini berlaku di kawasan desa. Segala apa yang ada di desa akan terbiar begitu sahaja sekiranya semua golongan belia akan berhijrah ke bandar-bandar. Oleh itu, Sungai Balang mohon dan mengharapkan supaya Sungai Balang dapat duduk sama rendah, diri sama tinggi dengan parlimen-parlimen lain seperti Segamat, Pagoh dan Ledang. Dengan mewujudkan *Hands On Academic For Eco-tourism Nursery And Furniture Industry* dengan izin. Sungai Balang dengan berpandukan kekuatan tiga bidang iaitu nurseri, perabot dan *eco-tourism*.

Di kesempatan ini juga, Sungai Balang ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Yang Berhormat EXCO Kesihatan, Yang Berhormat EXCO Pertanian, Pegawai Daerah Muar, Majlis Perbandaran Muar, JPS, JKR, IDJ, Pertanian Veterinar, MARA Daerah Muar yang sentiasa membantu Sungai Balang dalam apa jua untuk merealisasikan Sungai Balang gemilang.

Sebelum mengakhiri ucapan pada kali ini, Sungai Balang ingin berkongsi atas mutiara kata Yang Amat Berhormat Dato' Khaled Nordin, Menteri Besar yang kita sayangi untuk sama-sama kita laksanakan. Begini katanya, "saya percaya sebagai bangsa yang bertamadun dan maju, sistem sosial, kita harus memastikan setiap ruang adalah peluang. Setiap entiti adalah bererti dan setiap bahagian punya peranan". Anifara ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Khaled Nordin, Menteri Besar Johor pada 19 November 2015. Dan yang terakhir dari Sungai Balang, semoga apa yang dicadangkan oleh Sungai Balang mendapat perhatian daripada pemimpin Nombor satu Johor iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled bin Nordin.

Akhirnya Sungai Balang menyokong usul yang dibawa oleh Rengit. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Sungai Balang gemilang. (Dewan bertepuk).

**YB Timbalan Speaker :** Jemput jorak.

**YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh (Jorak) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam sejahtera dan salam muafakat Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan rasa terima kasih banyak kerana diberikan peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2017 ini. Sesi Dewan yang lepas, Yang Berhormat Dato' Speaker saya berada di sana. Kali ini saya berada di sini. Engkau di sana, kita di sini, ada lagu.

**YB Timbalan Speaker :** Biasa.

**YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh (Jorak) :** Jadi, ucapan kali ini saya anggap agak sedikit gementar dan sukar jugalah. (Dewan ketawa).

**YB Timbalan Speaker :** Senang sokong saja.

**YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh (Jorak) :** Jadi, saya pertama kali ucap terima kasih kepada rakan-rakan saya yang lalu, YB Sedili dan YB Penawar, tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat bermanja. Bila di sana kita lihat gelagat rakan-rakan kita di sini. (Dewan ketawa). Hari ini pula, saya melihat gelagat kawan saya yang di sana pula. Terima kasih juga saya rakamkan pada YB Penggaram dan YB Parit Yaani yang menerima saya untuk sama-sama duduk barisan ini. Tetapi saya juga rasa gembira kerana masih lagi diberikan kesempatan untuk bersama-sama dengan jiran saya sebelah kiri, YB Kempas, tetapi ada apa yang disebut sebagai *No Man Name* jadi apa ni mulanya ada satu kerusi di sini, YB Dato' Speaker mungkin sekarang ini sit itu ataupun kerusi itu telah diangkat oleh Jurutulis saya ingin kerana takut-takut YB Kempas akan duduk di sini. (Dewan ketawa). YB Kempas kata dia takut juga Jorak mengharapkan saya duduk di sini juga.

**YB Timbalan Speaker :** Susah, berat tu berapa tan. (Dewan ketawa).

**YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh (Jorak) :** Jadi, apa pun halnya kita teruskan sahaja perbincangan kita pada petang ini dan elok sekali kalau kita sama-sama meneliti ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang Bajet Negeri Johor 2017 ini. Izinkan saya juga melihat kepada perkara 388 dalam ucapan utama, teks utama Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor iaitu ucapan Presiden Amerika Syarikat yang ke-32, Perkara 388. Franklin D. Roosevelt Presiden Amerika Syarikat yang ke-32 tahun 1933 hingga tahun 1945 yang menariknya, Presiden Amerika ini, beliau menjawat jawatan presiden empat kali presiden. Empat term. Biasanya dua penggal sahaja tetapi beliau menjawat jawatan Presiden Amerika Syarikat yang ke-32 ini sebanyak empat penggal. Dia seorang sahaja. Saya bacakan sedikit daripada apa yang dituliskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan saya sambungkan sedikit apa yang saya baca daripada tulisan beliau. Bahawa ujian sebenar kemajuan kita bukanlah pada berapa banyakkah yang kita tambahkan kepada mereka yang sudah berada, tetapi berapa banyakkah yang telah kita berikan kepada mereka yang tidak punya apa-apa. Jadi apabila saya meneliti tulisan beliau dan melihat kepada ucapan menerima wafikah sebagai Presiden Amerika pada tahun yang ke-32, sebenarnya dia tidak banyak lari daripada surah Al-Quraisy. (bacaan surah). Maka hendaklah mereka menyembah tuhan yang menguasai rumah Kaabah ini. Tuhan yang memberi mereka penghidupan, menyelamatkan mereka dari kelaparan dan mengamankan mereka dari ketakutan.

Soal kelaparan, orang sekarang takut Yang Berhormat Dato' Speaker, yang hidup dengan kenaikan sara hidup dan bebanan GST dan sebagainya. Dan juga tentang betapa masyarakat juga mahukan keamanan dan takutkan kepada perkara-perkara yang ada kaitan dengan keselamatan. Jadi, kalau saya nak simpulkan perkara ini juga ada hubung kait dengan apa yang diungkapkan atau dituliskan keseluruhannya oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam beliau merangkakan bajet ini. Tidak jauh lari daripada apa yang disebutkan oleh Presiden Amerika ini dan juga apa yang saya sebutkan dalam ucapan keseluruhan beliau pada masa itu, jadi sebab itu saya

merasakan bahawa saya boleh memberikan suatu ucapan tahniah, syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah dapat memantapkan bajet yang komprehensif dan inklusif. Sebab itu apabila rakan-rakan bertanya saya apabila berdiri di sini, dia kata tak susah jadi ahli pembangkang ini. Bangkang sahajalah. Saya kata, rakan-rakan yang bukan politiklah. Saya kata, kita harus mengamalkan prinsip politik matang. Amal makruf nahi mungkar. Yang baik kita katakan yang baik, yang betul kita tegur dengan hemah. Makanya saya menyatakan rasa hormat saya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai ketua kerajaan yang saya katakan tadi tetap mendapat penghormatan dari saya, beliau sebagai seorang Menteri Besar yang berintegriti, beramanah dalam menjalankan pentadbiran Negeri Johor ini. Ha baru la tepuk, macam itu, walaupun saya di sini. (Dewan bertepuk) Bila kita di sini dia tak nak tepuk, sahabat-sahabat sekalian. (Dewan ketawa)

**YB Timbalan Speaker :** Semua orang dia masih bertepuk. Jemput Jorak, teruskan, masa dah.

**YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh (Jorak) :** Pun begitu Yang Berhormat Dato' Speaker, satu ucapan yang baik dan cemerlangnya yang disebutkan oleh YB Rengjit, awal-awal tadi, sudah tentu beberapa sentuhan yang boleh juga ditambah baik. Kalau kita menyingkap kembali kepada bajet *federal*, bajet Putrajaya. Tahun ini telah dibentangkan bahawa jumlah bajetnya ialah sebanyak RM260.8 bilion. Berbanding dengan Negeri Johor iaitu hanya RM1.607 bilion, peratusnya berapa, 0.6% sahaja. Tak sampai pun 1%. Bajet perbelanjaan pembangunan, perbelanjaan dan pembangunan Negeri Johor. Tetapi yang eloknya dalam bajet ini, dalam Negeri Johor, bajet pengurusan mengambil peratusan 53 dan bajet untuk pembangunan mengambil 47%, dibandingkan dengan bajet *federal*, belanja mengurusnya RM215 bilion. Belanja pembangunannya hanya RM46 bilion sahaja atau hanya 18% sahaja bajet pembangunan dibandingkan dengan negeri Johor sebanyak 47%. Jadi, kita dapati bahawa begitu besar sekali walaupun sedikit duit yang ada dalam Negeri Johor ini, tetapi banyak diperuntukkan untuk pembangunan di negeri ini.

Dalam bajet itu juga dinyatakan bahawa dari sejumlah RM215 bilion bajet mengurus itu, RM28.9 bilion ataupun RM29 bilion, RM29 bilion itu kalau dah RM30 bilion kalau kita punya RM2 bilion maknanya 15 kali ganda, 15 tahun ke depan. Wang sebanyak itu adalah hanya untuk pembayaran *interest* hutang negara. RM30 bilion, untuk bajet tahun ini RM215 bilion untuk bajet Putrajaya. Jadi saya mengira bahawa Negeri Johor sudah tentu ada juga pembayaran hutang kerajaan negeri, baik hutang domestik ataupun hutang luar, hutang kepada kerajaan pusat dan sebagainya yang hendak di bayar tetapi tidak dinyatakan dalam draf ataupun ucapan yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita boleh lihat di sini betapa power kuasa yang dipunyai oleh kerajaan pusat. Dalam menguruskan dan membuat pembangunan dalam satu Malaysia ini. Disebutkan di situ bahawa ada peruntukan yang kecil sahaja diberikan kepada kerajaan negeri Johor, *federal* bajet untuk pembangunan Negeri Johor yang hanya jumlahnya RM2.406 bilion. Iaitu dah disebutkan dalam Perkara 226 bagi tahun 2017.

Perkara lain yang saya ingin sebutkan di sini ialah perkara 37 tentang pendapatan isi rumah. Dinyatakan dalam perkara 37 pendapatan isi rumah, satu rumah bagi

kawasan bandar ialah sebanyak RM5,197.00. Tidak dinyatakan sama ada kaum Melayu ataupun bangsa-bangsa lain, tetapi isi rumah untuk kawasan bandar RM5,197.00 dan untuk golongan di kawasan luar bandar sebanyak RM4,393.00.

Jadi memanglah kalau kita pandangkan di sini bahawa memang tidak ada seorang pun yang miskin baik di bandar ataupun luar bandar kerana pendapatan isi rumahnya melebihi RM3,000.00. Tetapi pada hakikatnya kalau kita pergi ke kampung-kampung keadaan sebaliknya masih berlaku. Saya nak bagi satu contoh di sini, satu pernyataan sahaja, dalam perkara 315, disebutkan di situ bahawa gaji 154 orang guru tadika Islam telah dinaikkan daripada RM800.00 kepada RM1,000.00. Saya berpandangan Yang Berhormat Datuk Speaker, seharusnya Johor tidak lagi wujud seorang penjawat awam ataupun agensi kerajaan Johor yang mempunyai pendapatan RM1,000.00 *Johor the Johor way*. Cara Johor, Luaskan Kuasamu. Takkan RM1,000.00? Reserve kita ada RM3.43 bilion. Kalau kita tengokkan anak-anak saya yang pergi kerja, pukul 7 pagi dah tunggu bas, Alhamdulillah bas percuma. Pagi 7 dah keluar rumah, lepas sembahyang Subuh bergegas pergi, kemudian pukul 7 balik, hantar anak pergi nursery, beli lampin, beli susu semua GST, pendapatan RM10000.00 sebulan. Saya rasa ini agak kurang sesuai untuk masa ini. Jadi saya cadangkan supaya di lihat semula tidak ada seharusnya mana-mana kakitangan kerajaan negeri atau agensinya yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM2,000.00 contohnya, atau lebih dari itu. Jadi, itu dengan tekanan kehidupan hari ini saya rasa amat berpatutanlah kalau perkara itu di ambil kira dalam bajet yang akan datang.

**YB Timbalan Speaker :** Sila gulung Jorak. Dulu masa di sebelah sana, pendek saja.

**YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh (Jorak) :** Ini baru mukadimah ni. Jadi saya, manalah terlepas dah, nak suruh gulung, saya ambil apa tu, nasihat Yang Berhormat Dato' Speaker, cuma saya nak gulung begini, saya baca semula semua pesanan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kepada rakan-rakan pemimpin masyarakat dan ahli politik. Perkara 390 dan kepada semua Ahli Dewan yang mulia ini, ketepikan segala perbezaan dan pertembungan ideologi antara kita. Sama ada kerana pertamanya saya ingin merujuk kepada yang beragama Islam sesama kita, kita seagama, kita seakidah, kita tetap bersaudara dan bagi yang bukan Islam, kita adalah adik beradik. Adik beradik kerana kita berasal dari satu ayah dan satu ibu yang sama. Adam dan Hawa. Walaupun kita berbeza agama, lakum dinukum waliyadin. Masing-masing jawab, masing-masing punya agama. Maka itu biarpun apa ideologi kita walau apa pun parti kita, kita tetap BERSATU. Sebab itu kita selalu kata 'Jom BERSATU'. Ada sokongan? Biar apa pun pendirian kita untuk kali ini bergerak seiring sebagai Bangsa Johor, menggembeleng segala kekuatan kita menjadi Johor dan masyarakatnya, teladan masyarakat yang terbaik. Jadilah pemimpin yang berjurus, jadilah pemimpin yang berprinsip, bemarkah dan beramanah untuk kita tidak tersasar daripada jalan-jalan para Rasul, para Nabi dan para Sahabat aj-main sekalian. Dengan kata-kata itu saya menyokong usul yang dibawa oleh YB Rengit. Sekian, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih Jorak. Aman. Persidangan diteruskan, sila Tenang. Tenang macam Jorak juga ya.

**YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan Salam Muafakat

Johor. Segala pujian dan kebesaran milik Allah swt yang Maha Kaya selawat dan salam atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, penghulu sekalian alam, para sahabat dan keluarga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum Tenang membuka bicara perbahasan pada kali ini, mewakili seluruh kepimpinan dalam DUN Tenang dan rakyatnya ingin merakamkan ucapan takziah terhadap mangsa dari keluarga tragedi kebakaran Hospital Sultanah Aminah baru-baru ini. Ia telah mencatat sejarah hitam dalam Negeri Johor meraih simpati dan perhatian seluruh rakyat Johor. Sebab itulah rakyat Johor bersatu sebagai Bangsa Johor merasai bahkan meratapi tragedi itu. Apa yang diharapkan agar tragedi ini menjadi panduan kepada kita untuk memberi perhatian dan memastikan tahap keselamatan bangunan khususnya kepada bangunan yang telah lama dan berusia. Di samping itu, pelarasan *Standard Operating Procedure (SOP)* dengan izin, yang sentiasa dimumikan diberi perhatian untuk menangani atau berhadapan dengan tragedi seumpama ini. Dan, semoga ahli keluarga tersebut diberi kekuatan dan dipermudahkan bagi segala urusan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di awal perbahasan ini, Tenang merakamkan ucapan penghargaan kerana diberi peluang dan ruang untuk turut serta menyertai perbahasan sempena Bajet Negeri Johor 2017 dalam Mesyuarat Ketiga bagi Persidangan Keempat Dewan Undangan Negeri Johor Kali Yang Ke-13, berpaksikan "Johor Berkemajuan, Rakyat Sejahtera". Inti pati daripada Bajet Johor 2017, berpaksikan membawa Johor Insya-Allah sebagai kuasa ekonomi baru negara sudah tentunya agenda pembangunan negeri ini merupakan rentetan daripada pelan pembangunan negeri yang sedia ada. Hasil daripada pencapaian ekonomi negeri Johor dan tahun terbaru 2016 Bajet 2017 dalam usaha negeri Johor memperkasakan ekonomi negeri.

Tahniah juga kepada kerajaan negeri Johor kerana masih berjaya mengekalkan prestasi bajet *surplus* atau lebihan buat kali keempat berturut-turut. Satu pencapaian yang begitu mengagumkan dan juga luar biasa di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor serta barisan pentadbiran negeri.

Terima kasih juga atas inisiatif kerajaan negeri Johor melalui Bajet 2017 yang dibentangkan, yang mana menyediakan 7 kemudahan infrastruktur dan prasarana bagi manfaat rakyat sama ada di bandar ataupun di luar bandar, selaras dengan perkembangan ingin menjadikan Johor sebagai kuasa ekonomi negeri yang maju di Malaysia pada masa akan datang. Antaranya ialah kemudahan air, rangkaian projek rel berskala besar, jalan luar bandar, bandar pintar Iskandar, kemudahan perumahan Johor, pengangkutan awam serta pembangunan sukan dan kemudahan sukan bertaraf dunia. Insya-Allah, Tenang yakin dengan adanya kombinasi-kombinasi prasarana dan infrastruktur ini akan menjadi Johor sebagai landasan terbaik untuk memacu kejayaan ekonomi yang cemerlang pada masa akan datang.

Tenang juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri melalui Perbadanan Islam Johor Holdings (PIJH) untuk membangunkan 20 ekar tanah di Labis yang melibatkan 81 unit rumah PKJA dan PKJB dan 105 unit Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ). Terima kasih juga kepada anak syarikat GLC yang sentiasa memberi sokongan kepada usaha-usaha kerajaan untuk membina rumah-rumah mampu milik negeri Johor. Pembinaan ini diharap akan terus menampung

permintaan kepada rakyat berpendapatan rendah dan sederhana dan ini menunjukkan kerajaan negeri sentiasa mengambil pendekatan berhemah serta prihatin bagi membantu rakyat-rakyat di negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, syabas dan tahniah juga kepada kerajaan negeri yang menitikberatkan kepada permasalahan air yang sering berlaku kerana air merupakan sumber penting bagi semua kehidupan di alam ini. Justeru itu, kita perlu mengekalkan kualiti sumber aslinya supaya tidak tercemar oleh perkara-perkara yang kita tidak ingini. Antara isu yang sering bermain di fikiran penduduk Johor ialah masalah kekurangan air di beberapa empangan utama terutamanya apabila berlaku pada musim kemarau dan juga ianya banyak menimbulkan kesukaran kepada rakyat terutamanya dalam keperluan-keperluan di rumah, dari segi makanan dan lain-lain lagi.

Turut memberi kesan juga ialah bencana banjir apabila berlakunya musim tengkujuh yang melanda daerah-daerah di negeri Johor. Langkah kerajaan untuk memperuntukkan satu jumlah yang besar serta pembinaan kemudahan air di beberapa empangan utama diharap dapat menyelesaikan isu-isu air dalam jangka panjang. Begitu juga masalah banjir dapat diatasi dengan lebih berkesan serta cekap dan sistematik.

Tenang juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan negeri kerana telah bersetuju memperuntukkan jumlah RM800,000.00 bagi penyediaan pelan kecemasan empangan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Empangan Juasseh terletak dalam Dewan Undangan Negeri Tenang merupakan salah satu empangan yang terpenting di Johor serta menyediakan sumber air selain di daerah Segamat dan beberapa daerah lagi dalam negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Johor juga hari ini merupakan penyumbang yang keempat terbesar KDNK negara dengan merekodkan pertumbuhan terkumpul pada tahun 2014 dan 2015 sebanyak 8.5%. Angka ini telah melebihi rekod nasional yang tercatat iaitu 6% sudah tentu berdasarkan prestasi pelaburan dalam sektor pembuatan yang mencatatkan pelaburan sebanyak RM31.1 bilion pada tahun 2015, manakala angka ini menokok sebanyak RM5.4 bilion bagi tempoh separuh pertama tahun ini. Dalam bajet negeri yang dibentangkan menerusi lebihan bajet berturut-turut sejak daripada 2013 dan lebihan RM1.13 bilion, manakala anggaran hasil RM1.609 bilion dengan Bajet 2017 memperlihatkan peningkatan sebanyak 12.86%. Jadi, perhatian kerajaan langkah proaktif diambil untuk merealisasikan kuasa ekonomi utama negara, menggariskan belanjawan pembangunan tertinggi dalam sejarah iaitu sebanyak RM763.3 juta iaitu 47% daripada keseluruhan bajet tahun 2017 bersandarkan peruntukan belanjawan yang tinggi. Pelan pembangunan yang progresif serta pelan kelestarian rakyat negeri meletakkan asas yang cukup kukuh untuk meletakkan Johor sebagai kuasa selatan ekonomi negara pada masa akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam kesempatan ini juga Tenang juga mengucapkan tahniah juga kepada kerajaan negeri Johor yang terus menduduki tempat pertama dalam aspek penerima tertinggi pelaburan dalam sektor pembuatan di Malaysia daripada tahun 2010 hingga 2015. Sudah tentu ini membuktikan komitmen kerajaan negeri Johor dalam melestarikan pelaburan dan pembangunan ekonomi negeri sentiasa ditambah baik. Dalam tempoh masa 5 tahun ini sebanyak RM86.3

bilion telah berjaya di kumpul dan berjaya mengatasi negeri-negeri lain. Kita akui dunia hari ini menghadapi ketidakstabilan ekonomi yang disebabkan penurunan harga minyak global, ketidakstabilan politik serta berbagai isu yang bersifat global. Namun, negeri Johor berjaya juga mencatat pertumbuhan ekonomi secara inklusif walaupun dunia berhadapan dengan kekangan dan iklim ekonomi yang tidak menentu. Ini menunjukkan kestabilan politik dan keyakinan pelabur terhadap kerajaan negeri Johor sangat tinggi sehingga berjaya menarik pelabur baru-baru ini dari Korea Selatan juga eh, sebanyak RM2 bilion juga kita tarik. Dan, insya-Allah dengan adanya pelaburan yang sebegini besar, kerajaan negeri akan terus dapat mengekalkan keberkatan ekonomi negeri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tenang juga ingin menjunjung kasih keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor mencemar duli dalam perhimpunan bangsa Johor yang telah diadakan pada 3 November 2016 yang lalu anjuran badan bukan kerajaan. Bangsa Johor yang telah pun lahir dan zahir sebelum kemerdekaan negara merupakan identiti dan melambangkan jati diri anak Johor. Bangsa Johor bukan semata-mata dilihat sebagai slogan tapi juga merupakan acuan utama dalam membentuk perpaduan bangsa dan kesejahteraan rakyat. Oleh itu, amatlah tidak wajar orang luar mencampuri dan mempersoalkan nilai etika yang dipegang oleh rakyat bangsa Johor apatah lagi mencampuri urusan dalam negeri.

Tenang amat bersetuju dengan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor pada perhimpunan bangsa Johor bahawa orang luar tidak layak mencampuri urusan negeri Johor yang bermula apabila baru-baru ini seorang negarawan negara yang dikatakan mempertikal dan mempertekehkan institusi bangsa Johor itu. Dan, titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga jelas memperingatkan supaya rakyat Johor yang utuh jati diri, paduan menghindarkan diri daripada budaya demonstrasi yang nyata dan merobek perpaduan bangsa Johor. Sebagai pemimpin sebuah negeri sudah tentu titah Tuanku itu diberi perhatian, dijadikan iktibar dalam mengekalkan nilai perpaduan dan muafakat bangsa Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kesempatan ini juga Tenang juga ingin menjunjung kasih keberangkatan Duli Yang Maha Mulia melancarkan Tabung Wakaf Rakyat Johor baru-baru ini. Sehubungan itu, kerajaan negeri turut menyumbangkan sebanyak RM5 juta untuk Tabung Wakaf Negeri. Tujuan utama tabung wakaf sebagai bentuk amal jariah khususnya kepada rakyat Johor dengan mengambil slogan bangsa Johor, setiap rakyat berkongsi nilai kebersamaan melalui aktiviti amal jariah dan menginfakkan sebahagian harta untuk kebaikan bersama. Tabung Wakaf Rakyat Johor menggunakan model Islam bagi menyuburkan nilai murni dan kesamarataan dalam negeri Johor. Bahkan sehingga hari ini sebanyak RM12 juta telah berjaya dikumpulkan dalam Tabung wakaf Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tenang juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada kontinjen SUKMA Johor, SUKMA Sarawak baru-baru ini yang berjaya merangkul sejumlah 19 pingat emas. Walaupun pencapaian yang dinyatakan ini kurang dari sasaran Majlis Sukan Negeri Johor namun pencapaian perlu dalam melengkapkan atlet dengan segala keperluan teknikal dan peluang latihan melalui pembinaan prasarana, menaikkan taraf prasarana sehinggalah kepada pembangunan latihan teknikal dan kejurulatihan sebagai persediaan atlet negeri. Segala persediaan dan perancangan jangka panjang dan jangka pendek seharusnya memberi impak



terutamanya menjelang SUKMA 2020 yang dijadualkan akan berlangsung di negeri Johor. Sudah tentu perhatian kerajaan negeri ditagih dalam persediaan atlet menjelang SUKMA 2020. Segala keperluan yang menurus kepada pembinaan atlet ini mampu memastikan negeri Johor berada di antara 3 negeri teratas pencapaian sukan. Impian ini akan meletakkan negeri Johor sebagai kuasa baru dalam arena sukan negara dan memohon sejauh manakah persediaan Majlis Sukan Negeri ke arah kecemerlangan tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, satu lagi isu baru-baru ini negara dikejutkan dengan penularan wabak virus zika yang dibawa oleh nyamuk Aedes. Ucapan terima kasih dan tahniah kepada kerajaan negeri khususnya EXCO Kesihatan, Jabatan Kesihatan Negeri Johor serta agensi yang lain yang terlibat secara khusus memerangi penularan wabak ini. Umum mengetahui bahaya dan kesan wabak zika yang pada awalnya dikesan dari Amerika Latin. Virus ini dilihat sebagai ancaman antarabangsa dan negara serta negeri Johor mengambil peranan proaktif mengawal penularan wabak ini. Namun, apa menyedihkan apabila isu kesihatan dan keselamatan negara melalui wabak ini telah sengaja dipolitikkan oleh sesetengah pihak di negara ini. Kita menyedari bahawa kerajaan telah mengambil langkah proaktif bagi menangani isu ini, namun pihak pembangkang telah berusaha membawa isu ini untuk di bahas pada Persidangan yang lalu. Walaupun segala langkah-langkah dan *standard operation procedure (SOP)* dengan izin, telah diambil terlebih dahulu. Wabak zika merupakan isu antarabangsa. Justeru itu, sebagai pemimpin yang diberi kepercayaan oleh rakyat sewajarnya mengambil pendirian bersama mengatasi masalah ini daripada menuding jari semata-mata.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tenang ingin membawa perhatian kepada beberapa isu dalam Dewan Negeri terutamanya peningkatan kes maut di laluan Labis-Muar yang disebabkan sekumpulan lembu yang melintas dan berada di jalan raya pada waktu malam. Ha, ini tak dapat dielakkanlah. Lembu pun boleh cross beramai-ramai. Sehubungan itu, Tenang ingin menarik perhatian Jabatan Veterinar untuk memantau situasi tersebut. Selain itu, pihak keselamatan turut perlu memberi perhatian terhadap isu ini. Laluan yang dimaksudkan bersempadan dengan kawasan ladang dan tanah pertanian FELDA di Cempelak 1. Usaha telah diambil di antara pengusaha haiwan terbabil tetapi respons diperolehi tetap hambar. Justeru itu, perlu ada satu mekanisme dan undang-undang yang lebih tegas untuk memastikan kemalangan ini dapat dielakkan. Baru-baru ini seorang sahabat saya yang menunggang superbike telah meninggal dunia akibat berlanggar dengan lembu pada ketika itu.

Keduanya, baru-baru ini juga, Tenang telah bersama-sama dengan rombongan Yang Berhormat EXCO Pelancongan Negeri melawat tempat-tempat menarik dan bersejarah daerah Segamat dan Labis. Justeru itu, Tenang ingin menarik perhatian Yang Berhormat EXCO tentang tindakan susulan daripada YB EXCO dalam membantu sektor pelancongan terutamanya di kawasan Tenang. Umum mengetahui melalui pembentangan Tenang sebelum ini banyak memperlihatkan potensi DUN Tenang sebagai hab eko-pelancongan. Sudah tentu DUN Tenang memiliki kemudahan alam semula jadi yang berlatar belakang sejarah. Oleh itu amatlah diharapkan ada perkhabaran gembira hasil daripada lawatan Yang Berhormat EXCO ke Labis baru-baru ini. Tenang juga...

**YB Timbalan Speaker :** Tenang, sila gulung.

**YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) :** Tenang juga, sikit saja lagi, mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah, terima kasih kepada Pejabat Hutan yang berjaya membawa semula Hutan Lipur di Taka Melur dan juga program *Let's Clean, Go Green*, dengan izin; di peringkat Johor Utara. Tenang dimaklumkan Jabatan Perhutanan Negeri telah melaksanakan pelbagai program dan projek pembangunan hutan bagi tujuan ini termasuklah aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan hutan agar kawasan hutan terus dipelihara dan berfungsi dengan lebih berkesan. Diharap juga Jabatan Pelancongan Negeri Johor membantu mempromosikan kawasan air terjun ini kerana ia terletak dalam keindahan hutan yang penuh flora dan fauna serta terletak di kaki Gunung Besar dan Gunung Daik, dan juga dicadangkan sebagai pusat eko-tourism.

Seterusnya, isu berkenaan dalam DUN iaitu tanah. Iaitu tanah Majlis Agama Islam. Apakah perancangan Majlis Agama Islam? Saya difahamkan lebih 40 ekar di kawasan Bukit Mambai sehingga kini masih belum dapat sebarang tanda-tanda perancangan berkaitan tanah di lokasi tersebut, dan rakyat amat mengharapkan adanya satu pelan pembangunan tanah milik Majlis Agama Islam Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain itu, isu mengenai bangunan yang telah disewa oleh pihak Lembaga Tabung Haji. Walaupun bangunan tersebut telah disewa oleh pihak Tabung Haji, namun masih belum beroperasi. Situasi ini menyulitkan rakyat yang ingin berurusan dengan pihak Tabung Haji, apatah lagi rakyat maklum tentang wujudnya agensi Tabung Haji di Labis. Bukan itu sahaja, isu ini telah dipolitikkan dan diputar belitkan oleh setengah pihak sehingga mewujudkan persepsi negatif di kalangan rakyat, amatlah bersesuaian dalam masa terdekat ini pihak Tabung Haji meneruskan agenda membuka semula cawangan di Labis untuk keselesaan rakyat dan pengguna-pengguna, kemudahan yang lain.

Dalam isu yang kelima, Tenang ingin menarik perhatian FELDA dan Wilayah untuk mempercepatkan proses permohonan tanah kedua generasi FELDA juga di FELDA Chempelak. Segala dokumen dan pelan pembahagian tanah telah lengkap dan hanya menunggu kelulusan pihak FELDA sahaja, manakala pihak FELDA Global Venture (FGV) untuk memfailkan hak pemilikan tanah kepada generasi kedua di FELDA Chempelak Barat pula, peluang menduduki tanah khususnya di penempatan kedua amat penting kepada generasi kerana golongan ini bukan sahaja memenuhi penempatan perkampungan FELDA tetapi berjaya membangunkan FELDA tersebut.

Dan, seterusnya dari segi Syarikat Perumahan Negara Baru (SPNB) di Chaah, umum mengetahui tentang pelan pembangunan tanah yang bakal diusahakan tetapi sehingga kini SSPNB belum lagi membangunkan kawasan tersebut begitu juga status tanah Perbadanan Islam di Bukit Mambai. Kedua-dua situasi ini memerlukan satu gerak kerja yang progresif untuk memperlihatkan pelan pembangunan tanah untuk kelestarian rakyat.

Akhir sekali Yang Berhormat Dato' Speaker, diharap Jabatan Belia dan Sukan Negeri, dapat mempertimbangkan pembinaan kompleks belia yang tersusun merangkumi gelanggang permainan dan gelanggang aktiviti ekstrem *park* dalam sukan permotoran. Sehingga kini kita masih belum ada satu kompleks sukan untuk golongan belia beriadah melakukan aktiviti secara kualiti walaupun telah kita kemukakan

beberapa alternatif tapak tanah kerajaan, sehingga kini tidak ada tindakan daripada jabatan dan juga dari segi Kolam Pekan Air Panas, Tenang mengucapkan terima kasih kepada Yang Dipertua, Setiausaha Majlis dan barisan kepimpinan Majlis Daerah Labis yang sentiasa memantau kemajuan pembangunan bandar Labis dan mohon pencerahan tentang status penyelarasan dari segi kerja naik taraf kolam air panas di Labis.

Akhir sekali, hasil kepimpinan dan kerajaan hari ini, yang bukan sahaja memberi fokus serta tumpuan kepada kesejahteraan rakyat tetapi untuk pastikan kelangsungan pertumbuhan ekonomi yang kukuh supaya rakyat terus dapat menikmati juga manfaat kejayaan negeri Johor ini. Pastiya terletak di tangan kita sebagai entiti utama kerajaan negeri, agar terus bermuafakat dan mendukung kerajaan negeri. Kalau bukan kita yang mendukung kelestarian kerajaan negeri yang sedia ada, siapa lagi yang melakukannya. Diharap segala pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, bajet ini menjadi pengukur prestasi kepada kita untuk berdiri kukuh dan sokongan tidak berbelah bagi dan pastikan segala perancangan dan agenda-agenda kerajaan negeri berjalan lancar dan diteruskan sehingga berjaya. Dengan ini, Tenang mohon menyokong usul rundingan yang dibawa oleh Yang Berhormat ADUN Rengit. Sekian, terima kasih.

**YB Dato' Timbalan Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga esok, 21 November 2016 jam 9:30 pagi.

**Persidangan ditangguhkan jam 5:00 Petang**

HARI KETIGA  
HARI ISNIN,  
21 NOVEMBER 2016

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT KETIGA (BAJET 2017)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

**HARI KETIGA**

**ISNIN, 21 NOVEMBER 2016**

**BIL. 13 TAHUN 13**

**HADIR**

YB Speaker,  
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan  
Perancangan Negeri, Johor.  
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., SMIJ., DSPN., PIS.  
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan  
Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.  
Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PJN., KMN., PSI.  
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat Negeri, Johor.  
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.  
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan  
Kepenggunaan Negeri, Johor.  
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI.  
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah Negeri, Johor.  
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.  
Encik Vidyannanthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.  
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.  
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.  
Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM., DSM., PSI.  
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.  
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.  
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan  
dan Warisan Negeri, Johor.  
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.  
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.  
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.  
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.  
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.  
(Gambir)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.  
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor.  
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PJN.  
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain  
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.  
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim  
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.  
(Machap)

YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan, PPN,  
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun  
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS,  
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.  
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar  
(Nusajaya)

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim  
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat  
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.  
(Bukit Naring)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh  
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh  
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.  
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat, DPSM.,  
KMN.  
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon  
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin  
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh  
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim  
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau  
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin  
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan  
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng  
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong  
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi  
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How  
(Pengkalan Rinting)



**TURUT HADIR**

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN  
NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

YB Encik Lau Chin Hoon  
(Pemanis)

**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.**

**YB Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Bacaan selawat). Salam sejahtera, salam muafakat Johor. (Bacaan selawat). Ahli-Ahli Yang Berhormat, pagi ini hari Isnin, 21 November 2016, kita menyambung semula Mesyuarat Ketiga Bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ketiga-13.

**JURUTULIS : SOALAN-SOALAN LISAN.**

**YB Speaker :** Yang Berhormat Buloh Kasap, jemput.

**YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 1.

Berapakah nilai pelaburan dan dari negara manakah yang telah memberi kesan impak tinggi kepada Negeri Johor setelah tiga tahun berturut turut menduduki tempat pertama bagi pelaburan sektor pembuatan di Malaysia?

**YB Speaker :** Yang Berhormat Machap, jemput.

**YB Tuan Haji Abd. Talib bin Abu Bakar (Machap) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 2.

Mohon penjelasan negara luar yang paling banyak melabur di Johor dan bidang pelaburan yang diceburi.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Buloh Kasap dan Yang Berhormat Machap secara bersekali.

**YB Speaker :** Jemput.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat daripada Buloh Kasap dan Machap telah membangkitkan mengenai nilai pelaburan dan negara yang melabur di negeri Johor yang memberi kesan dan impak tinggi kepada negeri ini, setelah 3 tahun berturut-turut menduduki tempat pertama bagi pelaburan sektor pembuatan di Malaysia.

Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini, negeri Johor telah menjadi tumpuan pelabur-pelabur asing untuk melabur di sini. Faktor lokasi strategik, infrastruktur kelas dunia, serta akses kepada pekerja mahir, kekal sebagai kekuatan Johor untuk terus menarik pelaburan dari dalam mahu pun dari luar negara.

Untuk makluman Ahli Dewan, pelaburan yang diterima di negeri Johor dikategorikan kepada 2 jenis pelaburan, iaitu pelaburan domestik atau *Domestic Direct Investment* (DDI) dan juga pelaburan asing atau disebut sebagai *Foreign Direct Investment* (FDI), dengan izin. Sejak 3 tahun kebelakangan ini, mulai tahun 2013 sektor pembuatan negeri Johor telah berjaya menarik nilai pelaburan asing dan tempatan yang tertinggi di Malaysia. Secara keseluruhan bagi tempoh tersebut, Negeri Johor telah menerima pelaburan sebanyak RM66.723 bilion. Dan dari jumlah tersebut, sebanyak 66.2% atau RM44.182 bilion adalah daripada pelaburan domestik. Manakala sebanyak 33.8% atau RM22.540 bilion adalah daripada pelaburan terus asing (FDI). Sehingga bulan Jun tahun ini, sebagaimana yang telah saya nyatakan semasa Pembentangan Bajet tempoh hari, negeri Johor telah mencatat sejumlah RM5.4 bilion nilai pelaburan ke negeri ini. Daripada jumlah tersebut RM5.1 bilion adalah daripada pelaburan asing dan selebihnya adalah daripada pelaburan domestik.

Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia, kebanyakan pelaburan dalam bidang pembuatan yang diterima di negeri Johor adalah berkaitan petrokimia, produk bukan metalik, produk kimia, pembuatan makanan, produk logam dibentuk dan juga elektrik dan elektronik.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dari tahun 2006 sehingga tahun 2015 negara Singapura menjadi peneraju utama dalam sektor pembuatan di negeri Johor. Di mana ianya telah menarik pelaburan sebanyak RM10.98 bilion. Ini diikuti dengan pelaburan dari Jepun sebanyak RM8.10 bilion dan Belanda iaitu sebanyak RM7.87 bilion. Antara syarikat yang melabur di Johor daripada negara yang dinyatakan tadi seperti Technocom Systems Sdn. Bhd., Super Food (M) Sdn. Bhd. dan Palmaju Edible Oil Sdn. Bhd. dari Singapura. Manakala bagi Jepun pula, syarikat yang melabur ialah seperti SDP Global, Panasonic System Network, DNP IMS Malaysia dan bagi Belanda Biosynthetic Technologies Asia Sdn. Bhd., Kerry Ingredient (M) Sdn. Bhd. dan Pengerang Terminals (Two) Sdn. Bhd. Selain itu, antara negara yang turut menjadi pelabur yang tertinggi di Johor adalah seperti Amerika Syarikat dengan jumlah pelaburan RM5.60 bilion, Korea dengan jumlah pelaburan RM1.75 bilion, China dengan jumlah pelaburan RM1.37 bilion dan United Kingdom dengan jumlah pelaburan RM1.03 bilion, semuanya dalam Ringgit.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, antara faktor yang menjadi teras kepada keyakinan pelabur asing terhadap negeri ini, ialah kepesatan pembangunan yang sedang dilaksanakan. Dan, salah satu komponennya ialah pembangunan di kawasan Iskandar Malaysia. Berdasarkan kepada komponen pembangunan yang ada di dalam Iskandar Malaysia sektor hartanah dan bidang perkhidmatan telah menjadi daya tarikan terkini pelabur luar ke negeri Johor. Dari tahun 2006 sehingga September 2016, negara China telah mendominasi pelaburan asing ke Iskandar Malaysia, yang merangkumi sektor pembuatan, perkhidmatan dan hartanah dengan nilai pelaburan sebanyak RM23.78 bilion dengan pecahan seperti pembuatan sebanyak RM1.37 bilion, hartanah sebanyak RM21.98 bilion dan lain-lain RM430 juta.

Pelabur kedua tertinggi di kawasan Iskandar Malaysia ialah Singapura dengan nilai pelaburan sebanyak RM20.01 bilion dengan sektor pembuatan sebanyak RM9.39 bilion, hartanah RM8.26 bilion dan perkhidmatan RM2.36 bilion.

Pelaburan dari Amerika Syarikat pula merupakan yang ketiga tertinggi di Iskandar Malaysia dengan nilai pelaburan RM7.6 bilion. Bagi negara Amerika, sektor pembuatan merupakan penyumbang utama dengan RM5.63 bilion dan diikuti oleh sektor perkhidmatan sebanyak RM1.43 bilion.

Negara-negara lain yang turut membuat pelaburan di kawasan Iskandar Malaysia dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan juga hartanah dari tahun 2006 sehingga September 2016 adalah seperti Jepun dengan jumlah pelaburan RM4.5 bilion, Sepanyol dengan jumlah pelaburan sebanyak RM4.18 bilion, Korea dengan jumlah pelaburan sebanyak RM3.11 bilion dan Jerman dengan jumlah pelaburan sebanyak RM2.28 bilion. Negara-negara ini telah melabur di dalam sektor pembuatan di dalam Iskandar Malaysia.

Bagi dua negara iaitu Emiriah Arab Bersatu iaitu (UAE) dan Australia kedua-dua negara tersebut telah melabur di dalam sektor hartanah dengan jumlah pelaburan masing-masing berjumlah RM2.40 bilion dan RM1.85 bilion. Lokasi hartanah yang terlibat bagi pelaburan ini ialah di Iskandar Puteri dan juga di Permas Jaya. Pelaburan asing yang terlibat di Iskandar Malaysia dalam sektor perkhidmatan adalah di dalam bidang yang berkaitan dengan logistik, pelancongan, kesihatan, pendidikan, perbankan dan industri kreatif.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berdasarkan tentang jumlah pelaburan yang telah dicapai oleh negeri Johor, ini jelas menunjukkan bahawa negeri Johor berada di atas landasan yang betul dalam mencorak pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan. Kehadiran pelabur yang datang ke negeri ini juga menunjukkan keyakinan ke atas dasar dan hala tuju negeri ini. Dengan izin Allah jua, segala apa yang terbaik yang kita rancang akan membuahkan hasil dan berjaya.

**YB Speaker :** Buloh Kasap, Jemput.

**YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim (Buloh Kasap) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah memberi penerangan bagi soalan saya begitu *detail* dan komprehensif, dengan izin. Soalan saya adalah, apakah insentif yang ditawarkan kepada luar negara berkenaan bagi mengekalkan pelaburan mereka sedangkan kita berhadapan dengan ekonomi yang tidak begitu baik ditambahkan lagi dengan penyusutan nilai Ringgit Malaysia? Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput.

**YAB Menteri Besar :** Tan Sri Speaker, bagi pihak negeri kita tidak memberi apa-apa insentif. Biasanya insentif untuk menarik pelabur diberikan oleh pihak kerajaan pusat. Mereka berada di Johor, membuat keputusan untuk melabur di Johor berasaskan beberapa faktor. Kalau mengikut sudut negeri, bukan kerana negeri ada menyediakan apa-apa insentif. Negeri tidak menyediakan apa-apa insentif tetapi mereka tertarik untuk melabur di Johor kerana :-

1. Kerajaannya stabil dan pro pemiagaan. (Dewan bertepuk).

2. Kos menjalankan perniagaan di Johor amat kompetitif. Kalau dibandingkan dengan Singapura, kita 60% lebih rendah daripada Singapura dan kita 30% lebih rendah daripada Kuala Lumpur.
3. Kita berdekatan dengan pasaran terbesar dalam ASEAN, Johor Bahru kerana kita juga dekat dengan Singapura. Dalam masa 6 jam kita boleh sampai ke bandar-bandar utama antarabangsa, sama ada Jepun, sama ada Seoul, sama ada Beijing, sama ada Dubai, sama ada di Australia dan sebagainya dan pusat-pusat ini terdapat 28% daripada penduduk dunia yang juga menyumbang 40% kepada pengeluaran ekonomi di dunia. Jadi Johor ni pusat, centre sebab itulah ia buat keputusan untuk melabur di Johor.
4. Dan juga, Johor mempunyai kedudukan yang baik sebagai salah sebuah negeri yang terbesar di Malaysia, ia memberi peluang untuk mana-mana syarikat bagi melabur dan membangunkan projek-projek yang merupakan projek green teen iaitu pembangunan yang bercorak green teen yang baru, yang mereka boleh menjalankan penyelidikan dan pendekatan inovatif dan sebagainya dalam mereka melakukan pelaburan dalam negeri kita pada hari ini.
5. Dan begitu jugalah dalam soal-soal yang lain seperti kita menyediakan tenaga kerja mahir dan sebagainya, itu juga satu tarikan dan dari segi kos sara hidup, Johor kalau kita bandingkan dengan Singapura kita 68% lebih rendah dan kalau dibandingkan dengan Kuala Lumpur 16% lebih rendah.
6. Dan, kita juga telah berjaya untuk mengurangkan kadar jenayah menurun sebanyak 33% antara 2010 dan 2014.

Jadi, saya sebenarnya berterima kasih kepada semua, kerajaan, pembangkang kerana menyumbang kepada kestabilan dalam negeri Johor menjadi tarikan Tan Sri Speaker. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker :** jemput.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Terima kasih Tan Sri Speaker, terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar, menurut perangkaan yang diumumkan oleh MIDA, *Malaysia Investment Development Authority* pada tahun 2015, negeri Johor merupakan negeri yang mencapai pelaburan yang tertinggi di antara negeri-negeri di Malaysia. Dengan FDI, *Foreign Investment* RM31.4 bilion, 3.14 bilion, maaf dan *Domestic Investment* RM27.9 bilion. Tetapi pada 2016, 6 bulan yang pertama, kita nampak ada satu penurunan yang drastik dalam DDI *Domestic Investment* di mana hanya RM276 juta sahaja. Ini merupakan satu penurunan yang drastik, tak sampai 1% daripada jumlah DDI pada tahun 2015. Dan, saya ingin tahu apakah sebabnya, kenapa ada penurunan yang begitu drastik dalam 6 bulan yang pertama 2016? Ini yang pertama.

Yang kedua, berkenaan dengan tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada nyatakan bahawa United States, Amerika Syarikat merupakan pelabur yang ketiga terbesar untuk di Malaysia dan juga di Iskandar dan dengan apa ni, perkembangan politik yang termaju di Amerika Syarikat dengan presiden yang baru ini, dan nampaknya ada satu polisi yang mungkin berdasarkan kepada *protectional reason*. Bermaksud mungkin pelaburan Amerika Syarikat akan menarik balik atau kurangkan

pelaburan daripada United State kepada negara-negara yang lain. So, saya ingin tahu apakah strategi atau yang akan di rancangkan? Sebab negeri Johor pun merupakan salah satu apa ni, United State satu pelabur yang sangat besar di negeri Johor juga. So, apakah kerajaan boleh buat untuk memastikan bahawa pelaburan kita terus berkembang walaupun dalam keadaan yang tidak menentu suasana ekonomi sedunia? Ini soalan saya, terima kasih.

**YB Speaker :** Ok, terima kasih. Jemput.

**YAB Menteri Besar :** Tan Sri Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Jementah. Pertama, memang kita akui hakikat bahawa keadaan ekonomi dunia dalam keadaan yang tidak menentu. Dan, sememangnya lemah dan sedikit sebanyak ianya akan menjejaskan negara kita dan juga negeri kita dalam soal perniagaan, dalam soal pelaburan dan sebagainya. Dan, seperti yang telah diumumkan, 6 bulan pertama jumlah pelaburan yang telah diterima di negeri Johor adalah sebanyak RM5.4 bilion. Dan, bagi menjawab soalan Yang Berhormat, pertamanya kita perlu sabar, tunggu hingga akhir tahun berapa sebenarnya kita mendapat pelaburan keseluruhannya untuk negeri Johor. Dan, walaupun dalam keadaan pelaburan ataupun keadaan ekonomi dunia yang begitu lemah, saya pasti dan saya percaya, saya mempunyai maklumat tapi oleh kerana perkara ini akan diumumkan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, bukan saya yang patut umumkan, maka negeri Johor akan sekali lagi mendapat pelaburan yang tertinggi dalam negara kita untuk tahun 2016. (Dewan bertepuk). Lebih daripada RM5.4 bilion yang kita umumkan untuk bulan Jun. Jadi, bersabar sedikit, kita tunggu apabila menteri umumkan.

Yang kedua, dalam kita menunjukkan bahawa apa Yang Berhormat kata *domestic investment* menurun dengan begitu ketara dan *foreign investment* lebih besar daripada *domestic* berasaskan kepada data sehingga Jun, itu juga saya berharap kita tunggu saya tak tahu dari segi peratusan antara *foreign* dan *domestic*. Tapi yang pasti, walaupun dalam keadaan ekonomi yang tak menentu, kita masih lagi mendapat keyakinan daripada pelabur luar. Kerana, saya percaya pelabur luar dalam dia menilai untuk melabur, pelbagai faktor dibuat yang berasaskan kepada fakta dan dapatan-dapatan kajian. Dia tidak menggunakan persepsi. Mungkin pelabur tempatan guna persepsi hasil kejayaan kerja Yang Berhormat semualah agaknya, yang mungkin nak wujudkan suasana yang boleh mendatangkan ketidakyakinan kepada kerajaan dan kepada negara (dewan bertepuk). Jadi, inilah kesannya Yang Berhormat, itu sebab kita selalu...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Yang Berhormat Menteri Besar ini tak betul ini, kata tadi Yang Berhormat Menteri Besar katakan ...

**YAB Menteri Besar :** Sekarang ini bukan masa untuk itu, tadi tanya saya jawablah..(ketawa).

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Bahawa negeri kita dalam keadaan...

**YB Speaker :** Jementah, Jementah...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** ... politik yang sangat stabil.

**YB Speaker :** Jementah, Jementah...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Tak akan tak ada keyakinan pelabur-pelabur terhadap negeri kita ini.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Peraturan ...

**YB Dr Boo Cheng Hau (Skudai) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jawab sendirilah.

**YB Speaker :** Jementah, sila duduk.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Ini ada maksud bercanggahlah, bercanggahlah dengan kenyataan yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ...

**YB Speaker :** Duduk, duduk.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Peraturan mesyuarat.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Sebenarnya negeri kita ini saya setuju...

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Hei, mana boleh...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Kita lebih stabil berbanding dengan negeri-negeri yang lain.

**YB Speaker :** Ok.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Tapi jangan putar belit kenyataan katakan oleh kerana pihak kita maka pelabur tidak ada keyakinan terhadap negeri kita. Ini sama sekali tidak betul ini.

**YB Speaker :** Ok, ok, ok.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini saya tak boleh terimalah.

**YB Speaker :** Ok, ok, ok.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Tapi saya ingat ini bahawa...

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Jementah tak ikut peraturan mesyuarat. Jementah tak ikut peraturan mesyuarat.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Duduk, duduk. Tan Sri Speaker belum cakap lagi, duduklah. (Dewan bertepuk). Duduk dulu, Tan Sri Speaker tak cakap apa-apa.

**YB Speaker :** Ok, Yang Berhormat.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Terima kasihlah Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebab saya tak boleh terima katakana kita tak, kita cuba bekerjasama...

**YB Speaker :** Jementah, Jementah, sila duduk, duduk. Sila duduk, duduk.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Terima kasih.

**YAB Menteri Besar :** Tan Sri Speaker, saya mudah saja Tan Sri Speaker. Saya pernah, pembangkang nak cakap apa, cakaplah. Tapi saya pun boleh cakap apa saja saya nak cakap.

**YB Speaker :** (Ketawa).

**YAB Menteri Besar :** Kita boleh tahan dia cakap, dia tak boleh tahan kita cakap sikit.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Tan Sri Speaker, saya tak, saya boleh ...

**YB Speaker :** Dahlah, dah, dah, dah ...

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Peraturan, peraturan ...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Saya boleh ...

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamli (Rengit) :** Bukan pasar ...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Apa salah...

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamli (Rengit) :** Jementah, ini bukan pasar. Ini Dewan,

**YB Speaker :** Jementah, duduk, duduk. Jemput.

**YAB Menteri Besar :** Mungkin apabila ADUN Jorak dah campur sana boleh tolong ajar mereka sikit. (Dewan ketawa). Jadi, ini yang kita cuba jaga dan pelihara.

Dan, perkara yang kedua mengenai Amerika, saya percaya itu semua adalah bahan-bahan dan cara-cara kempen tapi akhirnya saya percaya Amerika juga akan go to basic. Dan, kita sedar bahawa di Amerika Syarikat antara pihak swasta dan kerajaan mungkin ia dua perkara yang berbeza. Saya percaya bagi mana-mana syarikat, mereka melihat kepada banyak perkara, perluasan perdagangan dan sebagainya, walaupun mungkin melalui Trump sebagai Presiden yang baru akan ada dasar-dasar yang sedikit sebanyak boleh mempengaruhi pasaran dan pelaburan. Tapi, kita percaya bahawa bagi syarikat-syarikat dan pelabur daripada Amerika, selain daripada itu menjadi perkara yang akan mereka mungkin terjejas dan dipengaruhi tapi banyak juga perkara-perkara lain. Dan juga, suka saya nyatakan bahawa kita tidak bergantung semata-mata kepada pelaburan daripada Amerika. Johor, kita terbuka kepada semua negara, bukan saja Amerika, bukan saja Eropah, bukan saja China, tetapi juga India, Middle East, Timur Tengah dan sebagainya. Jadi, inilah hakikatnya kerana seperti yang telah saya katakan, kita ingin melakar untuk jadikan negeri ini sebagai sebuah kuasa ekonomi selatan bukan sahaja untuk tanah air tetapi



untuk rantau ini. Jadi, inilah matlamat kita. Dan terima kasihlah, saya tahu semua menyokong hasrat kerajaan negeri. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker :** Yang Berhormat Tanjung Puteri, jemput.

**YB Datuk Haji Adam bin Sumlru (Tanjung Puteri) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 3.

Berapa ramai Orang Kelainan Upaya (OKU) berumur lebih 40 tahun menjadi pelatih di Program Dalam Komuniti (PDK) di negeri Johor.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Tanjung Puteri, izinkan saya untuk mengambil kesempatan saya di dalam Dewan yang mulia ini, untuk mengucapkan sekalung syabas dan tahniah kepada Pengerusi dan jawatankuasa serta petugas-petugas dan pelatih PDK Bandar Tenggara yang telah memenangi ataupun menjuarai Anugerah PDK Cemerlang Peringkat Kebangsaan Tahun 2016 dalam Kategori Keseluruhan. Manakala PDK Teratak Sayangku Chaah, kita mendapat tempat pertama bagi kategori pertanian dan PDK Redong mendapat tempat kedua bagi kategori jahitan dan PDK Mawai mendapat tempat ketiga bagi PDK, "Satu PDK Satu Produk". Maknanya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, PDK Johor merupakan PDK terbaik keseluruhan dalam 527 PDK di seluruh negara.

Berbalik kepada soalan Yang Berhormat Tanjung Puteri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa program Pemulihan Dalam Komuniti diwujudkan bagi memberi pengajaran asas kepada golongan OKU iaitu kemahiran mengurus diri seperti kebersihan diri, mampu makan dan minum sendiri dan serba sedikit pendidikan kokurikulum dan merupakan satu program alternatif kepada golongan OKU yang tidak dapat mengikuti pelajaran formal di pendidikan arus perdana.

Soalan Yang Berhormat ADUN Tanjung Puteri, berapa ramai mereka-mereka atau pelatih-pelatih yang berumur lebih daripada 40 tahun? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa seramai 102 pelatih PDK di seluruh negeri Johor ini adalah yang berusia lebih daripada 40 tahun. Bagi daerah Johor Bahru kita mempunyai 9; Batu Pahat, 2; Muar, 4; Segamat, 10; Kota Tinggi, 42; Kulai, 2; Mersing, 5; Pontian, 6; Tangkak, 4 dan Kluang, 18; daripada keseluruhan 2,371 pelatih. Maknanya 4.3% daripada pelatih tersebut adalah berumur lebih daripada 40 tahun.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Tanjung Puteri, jemput.

**YB Datuk Haji Adam bin Sumlru (Tanjung Puteri) :** Terima kasih Tan Sri Speaker. Terima kasih kepada EXCO yang telah memberi jawapan kepada soalan saya. Dalam masa yang sama kalau kita lihat Pusat Dalam Komuniti ini, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti ini, ianya juga memberi satu semangat kepada golongan ibu bapa yang mempunyai anak-anak OKU ini dapat didedahkan kepada satu kawasan yang mana mereka dapat bimbingan untuk menguruskan diri dan sebagainya. Tetapi dalam masa yang sama, kenapa saya mempersoalkan ataupun menanyakan berapa ramai yang 40 tahun ke atas ini adalah, kalau kita lihat pelatih-pelatih kita yang di PDK yang mempunyai umur lebih daripada 30 tahun ke atas, mereka ni mempunyai satu sindrom

yang sedikit agresif yang mana hinggan ada PDK-PDK apa, telah memberi feedback ada pelatih yang, petugas-petugas kita dipukul oleh mereka-mereka yang lebih daripada umur 30 tahun ini. Jadi, apa yang saya nak tanyakan, adakah petugas-petugas di PDK-PDK ini mempunyai insuran ataupun socso bagi melindungi keselamatan mereka masa mereka bertugas?

**YB Speaker :** Ok, jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya mengenai dengan socso dan juga insuran, ianya memang kita galakkan kepada setiap petugas-petugas untuk mengambil insuran. Dan, sebenarnya Yang Berhormat Speaker, mengenai dengan apa yang telah dinyatakan, sebenarnya kita juga mempunyai petugas-petugas terlatih untuk bagaimana kita nak menghadapi mereka-mereka ini yang kita tahu memang dalam kategori agresif dan sebagainya. Sebab itu setiap tahun kita telah pun menghantar petugas-petugas kita untuk diberikan latihan bagaimana untuk kita mengendalikan dalam beberapa kategori PDK dan juga mengikut kategori umum juga di setiap PDK kita.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Kukup, jemput.

**YB Tuan Haji Suhaimi Bin Salleh (Kukup) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 4.

Berapakah jumlah projek perumahan baru yang telah dilancarkan penjualannya di negeri Johor berserta unit-unitnya dalam tempoh 6 bulan yang lalu dan apakah status kemajuan pembinaan projek tersebut?

**YB Speaker :** Yang Berhormat Sungai Abong, jemput.

**YB Dr. Sheikh Ibrahim Bin Salleh (Sg. Abong) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 5.

Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk membina 60,000 unit rumah mampu milik. Daripada jumlah tersebut berapakah unit yang telah terbina setakat ini?

**YB Speaker :** Yang Berhormat Rengit, jemput.

**YB Tuan Haji Ayub Bin Jamil (Rengit) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 6.

Minta penjelasan Rumah Mampu Milik Johor yang telah siap dibina, sedang dalam pembinaan dan dalam perancangan dari 2013 hingga September 2016. Nyatakan status tersebut mengikut kategori rumah RM45,000.00, RM80,000.00 dan RM150,000.00 mengikut daerah.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Parit Yaani, jemput.

**YB Tuan Haji Aminolhuda Bin Hassan (Pt. Yaani):** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 7.

Sehingga Oktober 2016, berapakah jumlah sebenar mengikut kategori jenis rumah berharga RM45,000.00, RM80,000.00 dan rumah mampu milik RM150,000.00 yang telah siap dibina oleh agensi kerajaan dan swasta mengikut daerah?

**YB Speaker :** Yang Berhormat Pekan Nenas, jemput.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 8.

Berapakah unit perumahan baru yang dilancarkan pada tahun 2013, 2014, 2015 dan 2016 di negeri Johor. Di antara unit perumahan tersebut, berapakah unit perumahan baru yang telah berjaya dijual. Sila berikan statistik tersebut mengikut harga jualan rumah dan daerah.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh. Salam muafakat Johor, salam sejahtera. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, program Rumah Mampu Milik Negeri Johor ataupun dikenali sebagai RMMJ telah menjangkau tahun ketiga pelaksanaannya.

Usaha untuk menyediakan sebanyak 60,000 unit Rumah Mampu Milik (RMMJ) secara berperingkat di seluruh negeri Johor melalui pelbagai program terus giat dilaksanakan. Sebagai salah satu komponen penting dalam memenuhi keperluan rakyat untuk memiliki rumah.

Bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Kukup berdasarkan rekod yang berdaftar dengan SUK Perumahan dalam tempoh 6 bulan yang lalu adalah seperti berikut:-

1. 8 buah projek perumahan baru telah berdaftar dalam kategori Rumah Mampu Milik Johor dengan jumlah sebanyak 820 unit.
2. Ada 2 buah projek dalam kategori Perumahan Komuniti Johor B ataupun dengan ringkasnya PKJB dengan jumlah sebanyak 62 unit.
3. Sebanyak 4 buah projek baru dalam kategori Perumahan Komuniti Johor A ringkas PKJA dengan jumlah sebanyak 174 unit.

Ita menjadikan jumlah projek sepanjang tempoh 6 bulan yang lalu adalah sebanyak 14 buah projek dengan jumlah 1,056 unit rumah. Kesemua 14 projek ini dalam status lingkungan 80% kemajuan kerja dan insya-Allah akan diteruskan sehinggalah siap.

Bersama-sama, dan data maklumat perumahan baru berserta unit dan status terkini kategori rumah untuk Komuniti PKJA, jumlah 4 projek, laporan status 80% hingga 100% untuk PKJB, 2 projek 62 unit, laporan status 80 hingga 100%, dan Rumah Mampu Milik Johor ada 8 projek, 820 unit, laporan status 80% hingga 100%, jumlah projek 14 projek, 1,056 unit.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berdasarkan rekod yang dilaporkan dalam Mesyuarat Task Force Perumahan Negeri Johor, yang kita pantau setiap bulan sebanyak 10,625

unit rumah yang dikategorikan dalam status siap perlaksanaannya bagi tahun 2014-2016 akan kita siapkan. Manakala pada tahun hadapan seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dalam bajet baru-baru ini sebanyak 6,327 unit rumah akan siap dibina pada tahun 2017.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, tahun 2018 sehingga tahun 2020 adalah tahun yang amat penting bagi sektor Perumahan Mampu Milik Negeri Johor. Ini kerana unjuran yang diletakkan adalah sebanyak 18,456 unit rumah siap pada tahun 2018. Dan, 30,000 unit, 30,065 unit rumah siap pada tahun 2019-2020. Sasaran pasaran rumah siap sehingga tahun 2019 mengikut daerah di mana Johor Bahru jumlah yang telah siap 1,925 unit, sedang dalam pembinaan 4,945 unit dan dalam perancangan jumlah 9,579 unit. Dan di mana pada tahun 2017, dijangka di Johor Bahru siap 5,054 unit. Di Kulai telah siap sebanyak 6 unit, dalam perancangan untuk sehingga tahun 2020, 2,812 unit. Untuk tahun 2017, dijangka siap 2,015 unit. Batu Pahat, 417 unit dan sedang dalam pembinaan, 696 unit, dalam perancangan, 5,068 unit dan dalam pembinaan ada 356 unit untuk siap pada 2017. *Detailnya* agak banyak. Yang Berhormat Pengerusi dan sejumlah...

**YB Speaker :** Speaker, bukan Pengerusi, Speaker.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Tan Sri Speaker, *detailnya* agak banyak cuma saya ringkaskan jumlah keseluruhan yang telah siap adalah sejumlah 3,657 unit, sedang dalam pembinaan, 6,968 unit dalam, daripada 2017 sebanyak 6,327 unit. Pada tahun 2018, kita akan siap 18,045 unit dan pada tahun 2019 hingga 2020, 30,600 unit.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini semua adalah satu pencapaian yang agak baik dan seperti yang kita janjikan dalam Pilihanraya Ke-13, di mana dijanjikan sebanyak 6,000 Rumah Mampu Milik akan siap. Tetapi, Alhamdulillah berdasarkan unjuran yang kita dapati sehingga kini, kita telah menyiapkan hampir 9,000, 10,500 unit, maknanya melepasi daripada apa yang kita janjikan pada pilihan raya 2013. Dan, saya juga ingin maklumkan dalam sidang Dewan, untuk jawapan pada soalan Yang Berhormat Parit Yaani dan Pekan Nenas, pecahan jumlah rumah siap dalam tempoh 2013 hingga 2016, mengikut kategori rumah dan harga yang berdaftar di SUK Perumahan adalah seperti berikut:-

1. Bagi jenis PKJA yang berharga RM42,000.00, sebanyak 1,598 unit rumah telah siap dibina.
2. PKJB berharga RM80,000.00, sebanyak 3,217 rumah telah siap dibina.
3. Bagi jenis RMMJ yang berharga RM150,000.00, sebanyak 7,293 unit rumah telah siap dibina.

Dan, ini menjadikan keseluruhan yang siap dibina daripada jumlah 2013 hingga tahun 2016, Yang Berhormat saya perbetulkan balik sebanyak 12,100 unit rumah telah kita siap bina, yang kita telah daftarkan dan telah diserahkan kunci kepada pemilik-pemilik rumah.

Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang saya hormati, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dan dari segi kategori Rumah PKJA untuk 2013 hingga 2016, yang ingin saya maklumkan, untuk yang berharga RM42,000.00, Johor Bahru, 314 unit, PKJB Johor Bahru RM80,000.00, ada sebanyak 1,255 unit. Untuk RMMJ RM150,000, 6,402 unit, jumlah di Johor Bahru sebanyak 7,971 unit. Di Kulai PKJA, 443 unit, PKJB 744 unit, untuk RMMJ 153 unit, jumlah 1,340 unit. Di Muar, ada 177 unit untuk PKJA, PKJB 393 unit, RMMJ 539 unit, jumlah keseluruhan 1,109 unit. Di Batu Pahat, PKJA ada 215 unit, untuk RMMJ 184 unit, jumlah 399 unit. Di Kluang, 96 unit untuk PKJA, PKJB 84 unit, RMMJ setakat ini masih dalam proses pembinaan jumlah 180 unit. Segamat, dalam proses pembinaan. Tangkak PKJA 145 unit, PKJB 409 unit, RMMJ 15 unit, jumlah 569 unit. Kota Tinggi, PKJA 62 unit, PKJB 69 unit, RMMJ dalam pelaksanaan, jumlah 131 unit. Mersing, 113 unit PKJA, PKJB 121 unit, RMMJ dalam pelaksanaan, jumlah 234 unit. Pontian, 33 unit PKJA, PKJB 142 unit, RMMJ dalam pelaksanaan, jumlah 175 unit. Jadi, jumlah keseluruhan bagi kategori PKJA, PKJB untuk 2013-2016 sebanyak 12,108 unit.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Kukup, jemput.

**YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Soalan tambahan saya, merujuk kepada jumlah orang yang memohon ataupun berdaftar untuk memohon rumah di pejabat SUK Perumahan mencecah 128,000 dan kita lihat juga unjuran sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Berhormat EXCO tadi sehingga tahun 2020, kita nak menyediakan 60,000. Maksudnya, memohon sehingga sekarang ada 128,000 sudah barang tentu sehingga 2020, saya percaya kalau seandainya permohonan ini kita tidak menawarkan, sudah barang tentu jumlahnya akan bertambah lagi mungkin dua kali ganda.

Jadi, soalan saya, apakah inisiatif kerajaan negeri mahupun pusat untuk memastikan dan juga menangani lebih permintaan terhadap perumahan untuk rakyat ini, kerana kalau kita ikut statistik yang telah diberikan oleh EXCO tadi, di Pontian contohnya untuk PKJA jenis A dan B tu, tak sampai 200 unit semenjak 2013 sehingga sekarang. Jadi, bayangkanlah sudah barang tentu pertambahan jumlah penduduk, yang baru kahwin, berkeluarga dan sebagainya di Pontian itu jauh melebihi daripada unit yang ditawarkan. Jadi, saya mohon jawapan daripada Yang Berhormat EXCO mengenai perkara ini. Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawalankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jumlah kita, kita memang tidak nafikan jumlah pertambahan meningkat sehingga kini 128,000 unit yang telah dimaklumkan ataupun telah diberitahu oleh Yang Berhormat daripada Kukup dan kita tahu dalam pelaksanaan Rumah Mampu Milik Johor kita bukan terhenti setakat 60,000 ianya akan terus secara berterusan dengan inisiatif yang kita lakukan di peringkat negeri mahupun apa yang kita lakukan secara bersama dengan pihak kerajaan persekutuan. Atas sebab itu, kerjasama dengan kerajaan persekutuan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan begitu penting, selain daripada agensi-agensi di peringkat federal. Usaha sama baik ini merencana beberapa program yang kita selaraskan secara bersama. Di mana yang pertamanya, kerajaan negeri melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (SSI) telah mula mengenal pasti tanah-tanah bagi tujuan pengambilan semula tanah bagi tujuan pembangunan Rumah Mampu Milik.

Oleh sebab itulah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM150 juta disediakan bagi tujuan pengambilan semula tanah pada Bajet 2016 yang lepas untuk kita perbanyakkan lagi pembangunan Rumah Mampu Milik, bukan sahaja di daerah Johor Bahru malah di seluruh daerah di negeri ini.

Yang keduanya, sepertimana bajet yang diumumkan, Bajet 2017, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyatakan sejumlah RM20 juta akan disediakan bagi menjayakan Skim Sewa Beli di mana melalui peruntukan ini kerajaan negeri akan membeli Rumah Mampu Milik yang berharga RM80,000.00 dan RM42,000.00, yang ditawarkan kepada mereka yang kini menyewa dalam Skim Sewa Beli untuk mereka memiliki rumah.

Kerajaan negeri juga telah mensasarkan sebanyak 5,000 unit rumah akan dijadikan sebagai Skim Sewa Beli yang akan ditawarkan kepada mereka yang layak dari semasa ke semasa. 5,000 unit rumah ini adalah pemilikan kerajaan negeri yang sekarang ini kita dalam bentuk Skim Sewa Beli dan secara berperingkat kita telah laksanakan program sebegini seperti apa yang kita lakukan di Flat Taman Cendana begitu juga dengan Flat Projek di EDL.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, inisiatif yang ketiga, kerajaan negeri melalui Kumpulan Prasarana Rakyat Johor, telah memperkenalkan Program Rumah Mesra Rakyat Johor, yang bertujuan untuk membantu rakyat kurang berkemampuan membina sebuah kediaman yang sempurna di atas tanah milik mereka. Dan, melalui program ini seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sebanyak 3,000 unit akan disiapkan menjelang 2018, yang menelan belanja sebanyak RM20 juta.

Selain daripada itu, inisiatif yang kita lakukan bersama dengan pihak agensi *federal*, pihak Perumahan Malaysia ataupun PRIMA akan membina sebanyak 21,540 unit rumah bagi menampung keperluan rumah di negeri ini. Sehingga kini sebanyak 1,960 unit telah dalam pembinaan dan sebanyak 19,580 unit masih dalam perancangan di kawasan-kawasan yang terlibat. Saya ingin maklumkan, seperti contohnya di Kota Tinggi sebanyak 1,595 unit, Johor Bahru, 1,284 unit dalam pembinaan dan 9,561 unit akan dibina. Pasir Gudang ada 2,665 unit dalam pembinaan dan 470 unit akan dibina. Segamat, 1,323 unit; Kluang, 2,323 unit; Simpang Renggam, 700 unit; Batu Pahat, 45 unit; Gelang Patah, 968 unit.

Selain daripada itu, melalui Jabatan Perumahan Negara JPN sedang membina sebanyak 3,217 unit Projek Perumahan Rakyat PPR yang dijangka akan siap menjelang tahun 2019. Bagi membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah sementara sebelum mereka membeli rumah sendiri. Dan, pecahan-pecahannya di PPR Sungai Melana ada 1,450 unit; di Taman UDA, 500 unit; PPR Taman Perling, 525 unit; PPR Taman Pelangi Indah, 442 unit; PPR Kecil Pengerang, Kota Tinggi 300 unit.

Keenam, kerjasama di antara KPKT Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan bersama dengan YPJ yang akan membina sebanyak 2,877 unit rumah Penjawat Awam Malaysia atau pun PPA1M khusus kepada kakitangan awam yang meliputi kawasan-kawasan berikut, Mersing, 355 unit; Kluang, 610 unit; Tangkak 130, unit; Muar, 1,040 unit; Batu Pahat, 442 unit dan melalui Syarikat Perumahan Negara Nasional, SPNB telah

mensasarkan sebanyak 2,530 unit pembinaan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia yang akan siap dibina menjelang tahun 2018 bagi memenuhi keperluan perumahan negeri ini.

Ini menunjukkan kaedah yang kita laksanakan berdasarkan jumlah 60,000 unit yang kita janjikan berdasarkan Rumah Mampu Milik Johor kalau kita campurkan dengan jumlah daripada projek-projek yang kita kerjasama dengan pihak PRIMA, dengan pihak JPN bersama dengan Perumahan Penjawat Awam berjumlah 38,164 unit maka kita hampir mencapai dekat 100,000 unit menjelang tahun 2020 dan ia akan terus meningkat berdasarkan prestasi yang kita laksanakan dengan tapak-tapak tanah yang kita akan ambil alih untuk kita bina perumahan supaya hanya menepati kepada sasaran permohonan permintaan rumah yang dipohon oleh rakyat Johor.

**YB Speaker :** Jemput, Parit Yaani.

**YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) :** Terima kasih di atas membenarkan Parit Yaani menambahkan soalan.

1. Bila kita tahu permohonan rakyat begitu ramai, di sebabkan memang kita sedia maklum bahawa masalah perumahan adalah asas penting sebuah keluarga untuk keselamatan anak-anak dan juga semuanya, harta benda mereka. Oleh kerana sepertimana Kukup sebut tadi ada 120,000 lebih permohonan. Soalannya, apa mekanisme untuk bahagian pemilihan ini untuk memastikan pertama jawapan kepada pemohon dapat, ikut giliran ke, tahun bila dijangka boleh mendudukinya, ataupun jawapan yang berkenaan, itu yang pertama.
2. Adakah mekanisme berkenaan melibatkan kepada bilangan keluarga yang diberi, sebab kemungkinan juga yang memohon tadi daripada satu keluarga tadi, mungkin anak yang pertama, anak yang kedua, anak yang ketiga, sebab masing-masing dah berumah tangga tapi duduk rumah emak ayah dia, jadi bila dia memohon tu, jadi bagaimana mekanisme pemilihan untuk memastikan benda itu adil kepada semua rakyat negeri Johor. Sekian terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita telah mula menggunakan sistem perumahan Johor yang diakses di Portal e-rumah Johor.gov.my. dan sebelum ini kita tahu sistem yang kita telah laksanakan secara manual. Sistem yang kita tambah baik membolehkan pengguna menggunakan akaun yang dicipta untuk menghantar permohonan Rumah Mampu Milik, Rumah Kos Sederhana Rendah dan boleh menyemak status permohonan terus secara dalam talian atau pun online. Dan, berdasarkan pemantauan kita di dalam Jawatankuasa Pemandu untuk pelaksanaan Rumah Mampu Milik ini, apa yang saya boleh maklumkan untuk memastikan kuasa penawaran Rumah Mampu Milik mengikut saluran dan kaedah telus, beberapa syarat dan prosedur baru telah kita perkenalkan:-

1. Antaranya pemohon hanya memastikan semua maklumat lengkap diisi semasa menghantar permohonan secara dalam talian.

2. Sistem permohonan akan diproses dan disaring berdasarkan sistem merit. Dan berdasarkan yang fadilah, maksudnya berapa anak semua. Sistem merit ni akan mengambil kira semua maklumat yang terlibat seperti status bujang atau sudah berkahwin, jumlah pendapatan, jumlah keluarga, gaji dan tanggungan.
3. Bagi permohonan yang mendapat merit yang tinggi dan dikategorikan sebagai layak, SUK Bahagian Perumahan akan menghubungi pemohon tersebut dan seterusnya perlu tampil untuk penghantaran serahan dokumen untuk pengesahan. Jika dokumen yang kemukakan semua lengkap dan tepat, sijil penawaran akan dikeluarkan dengan caj sebanyak RM10.00 akan dikenakan bagi satu sijil tawaran yang dikeluarkan. Proses pengesahan akan dijalankan dan penentuan lot atau pun PTD akan dibuat secara automatik melalui sistem penambahbaikan dan transformasi peringkat SUK Bahagian Perumahan ini akan dapat membantu merealisasikan misi kerajaan negeri dalam menyediakan pemilikan Rumah Mampu Milik bagi setiap rakyat Johor yang layak.

Dan, saya ingin maklumkan bahawa dalam sistem kita memang kita dalam proses maknanya kita beritahu proses itu berjaya, cuma dia mengikut penggiliran. Kita tahu banyak permohonan yang kita terima berdasarkan pemohon-pemohon secara *online* ini. Dan, kadang-kadang satu peringkat proses permohonan itu, kebanyakannya ada yang tidak *update* kan, sama ada e-mel ataupun talian telefon yang perlu dihubungi. Ini menjadikan perkara-perkara ini terhalang. Oleh itulah dalam sistem kita ini kita mintak setiap tahun perlu di *update* kan apakah maklumat-maklumat terkini untuk kita kenal pasti dari segi permohonan tersebut. Jadi, kita tahu kadang-kadang satu peringkat gaji mereka baru RM3,000.00 dan pada tahun kedua gaji mereka meningkat, ia boleh mengubah kepada harga yang lebih baik untuk mereka miliki rumah.

Jadi, inilah kaedah-kaedah pemantauan kita, selain kita dapat melihat di mana kawasan-kawasan tumpuan pemilihan rumah perlu kita laksanakan dan saya nak maklumkan dalam masa 3 tahun ini berbagai perkara-perkara menarik kita lakukan dalam sistem *online* dan saya telah membentangkan dalam mesyuarat semua EXCO-EXCO Perumahan, dan kita dapati di negeri Johor kita memulakan perkara yang agak baik daripada negeri lain dengan mengadakan sistem dan pihak Kementerian pun mula ke arah kita untuk menyediakan satu sistem, supaya ianya mudah diakses oleh orang ramai.

Dan, inilah kaedah kita dalam kita menentukan pemilikan rumah dapat kita penuhi dan sebarang keraguan dalam pemilikan rumah kita pun bertahu kepada masyarakat supaya tidak mempercayai kepada orang-orang tengah yang kadang-kadang kata menjual rumah RM5,000.00 boleh dapat, ini semua tak betul ya. Jadi, kalau berlaku penyelewengan begitu sila laporkan kepada pihak SPRM untuk diambil tindakan atau kita dapat lihat siapakah, kenapakah perkara-perkara ini boleh berlaku atau adakah orang-orang yang mengambil kesempatan yang boleh kita ambil tindakan. Jadi, untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi, ianya telah nyatakan apa pun prosedur kita lakukan berdasarkan keadaan sekeliling kita. Dan, inilah sistem yang kita laksanakan dan telah menjadi perkara yang baik di peringkat negeri Johor.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Semerah, Jemput.



**YB Tuan Haji Ismail bin Roslan (Semerah) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 9.

Dijangkakan kadar penganggur global akan meningkat pada tahun 2017, Apakah perancangan Kerajaan Johor bagi menghadapi fenomena ni khususnya di Negeri Johor.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Pemanis, jemput.

**YB Datuk M. Asojan a/l Muniandy bagi pihak YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) :** Yang Berhormat Speaker, soalan nombor 10.

Apakah cara dan usaha Kerajaan Johor untuk mendapatkan, membangunkan dan mengekalkan simpanan bakat bernilai tinggi bagi tujuan pembangunan ekonomi, sosial, politik dan pendidikan di negeri Johor?

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia :** Selamat sejahtera, salam perpaduan dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, izinkan saya menjawab soalan Semerah, Yang Berhormat Pemanis secara bersekali.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berbagai inisiatif kerajaan Johor telah pun dilaksanakan dalam usaha untuk mencari dan melatih bakat-bakat terbaik dari Johor ini melalui kaedah dan modul *soft skill*, dengan izin, iaitu kemahiran insaniah dan ia tidak dapat dinafikan lagi kerana aspek pembangunan bakat ini diletakkan sebagai satu visi utama dalam pembentukan gagasan Johor Berkemajuan, iaitu keperkasaaan insan. Gagasan ini telah disebarluaskan ke serata Johor supaya ia didukung sepenuhnya dan menjadi modul amalan terbaik kepada bangsa Johor untuk dipraktikkan. Bakat-bakat Johor yang dibentuk ini telah ditunjangi oleh ciri-ciri Johor Berkemajuan iaitu:-

1. Semangat pemikiran nilai, sikap dan orientasi kita sentiasa menjurus kepada masa hadapan.
2. Semua usaha mesti terfokus untuk mewujudkan kondisi dan persekitaran yang lebih baik dalam kehidupan material dan sisi rohani bangsa.
3. Budaya dan pemikiran progresif harus berakar umbi dan menjadi gaya hidup Johor.
4. Apa juga yang direncanakan haruslah melihat perspektif global.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bakat bernilai tinggi sememangnya merupakan aset supaya Johor terus maju. Oleh yang demikian, penubuhan Unit Swadaya Insan Negeri Johor adalah amat bertepatan dengan keperluan negeri Johor sebagai entiti yang mengukuhkan jaringan pihak industri, pihak pengeluar modal insan di kalangan institusi kemahiran dan pengajian tinggi serta pihak berkepentingan yang lain seperti pelabur dan kerajaan. Justeru menjaga bakat bernilai tinggi adalah menjadi sebahagian daripada agenda Unit Swadaya Insan ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pewujudan Unit Swadaya Insan Negeri Johor akan membolehkan isu-isu yang saya telah sebutkan di atas diselesaikan. Dan, ia memerlukan pengukuhan dan pengurusan, pentadbiran yang cekap dan berkesan.

Unit Swadaya Insan juga menurut Yang Amat Berhormat Menteri Besar seperti dalam ucapan Bajet beliau, merupakan *authority* tertinggi dalam segala aktiviti yang meliputi pengurusan dan pembangunan Swadaya Insan Negeri Johor. Unit ini akan menjadi penyelarasa utama di antara pihak industri yang terdiri dari pelabur-pelabur, agensi kerajaan, institusi latihan kemahiran, institusi pengajian tinggi dan pencari kerja dalam memastikan aspek pengurusan serta pembangunan bakat ditekankan di negeri Johor ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga ingin menjelaskan di sini, bahawa Johor merupakan negeri pertama di negara ini yang menubuhkan unit seumpamanya ini di bawah kerajaan negeri yang mana unit ini bukanlah pesaing atau melaksanakan peranan sedia ada agensi kerajaan seperti Jobs Malaysia, Institusi Latihan Kemahiran atau mana-mana jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Tetapi Unit Swadaya Insan Johor adalah pemudah cara, penyelarasa agensi yang akan melaksanakan koordinasi bagi menghubungkan semua pihak berkepentingan di dalam keperluan Swadaya Insan yang mana akhirnya akan dan juga untuk manfaat pelabur, pencari kerja dan juga demi Johor berkemajuan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam usaha kita untuk mengurangkan kadar pengangguran, beberapa rancangan bagi tahun 2017 juga telah pun diatur. Dan antara program yang akan kita laksanakan ialah:-

1. Program pertama program *zero to hero* yang mana akan dilaksanakan di seluruh negeri Johor yang melibatkan seramai sebagai fasa 1, 300 orang belia yang keciciran pelajaran tetapi mempunyai nilai produktif. Program ini bertujuan untuk mengoptimumkan guna tenaga di kalangan rakyat negeri Johor dan ia merupakan satu kerugian besar apabila golongan belia keciciran ini tidak diberi perhatian bagi membantu menjana ekonomi negeri Johor melalui perwujudan peluang pekerjaan yang meliputi aspek kemahiran.
2. Unit Swadaya juga akan mengenal pasti siswazah yang telah menganggur lebih daripada 3 tahun untuk dilatih semula dengan izin, *reskilling*, dalam bidang-bidang yang mempunyai permintaan tinggi di kalangan industri. Ia juga mengambil kira dari sudut *professional licencing* seperti *Quantity Surveyor*, *Site Safety Officer* atau *Officer* dan juga industri-industri yang mempunyai permintaan yang tinggi di negeri Johor ketika ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kembara kerjaya bagi tahun keempat juga akan diteruskan kerana dia adalah medium yang sangat efektif untuk bertemu rakyat Johor terutama di kalangan masyarakat luar bandar sekali gus merapatkan peluang-peluang yang ada di bawah seperti peluang pekerjaan, peluang kemahiran, keusahawanan kepada rakyat negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Unit Swadaya juga akan bekerjasama dengan pelabur-pelabur di kalangan industri untuk menggalakkan pengambilan pekerja tempatan iaitu dari negeri Johor dengan memastikan bahawa mereka dilatih dan diberi pendedahan secukupnya seperti mana kehendak majikan sebelum memulakan kerjaya. Hal ini dapat kita saksikan keberkesanannya melalui beberapa persefahaman yang telah diwujudkan di antara industri dan penyedia latihan, seperti baru-baru ini di antara Forest City bersama UTM dan Yayasan Pelajaran Johor untuk pengambilan

pekerja di Forest City serta Theme Attraction Resort bersama Perbadanan Tabung Kemahiran dan YPJ untuk keperluan tenaga kerja di pembangunan Desaru iaitu di kawasan Desaru Coast. Selain daripada itu juga program-program penempatan pekerjaan yang lain juga akan diteruskan. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

**YB Cik Wong Shu Qi (Senai) :** Yang Berhormat.

**YB Speaker :** Semerah, jemput.

**YB Tuan Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan.

**YB Speaker :** Kalau nak menyol tu, bangun ajelah terus.

**YB Tuan Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) :** Terima kasih Tan Sri. Maaf. Kita melihat bahawa proses liberalisasi pekerjaan secara global ini amat baik. Terutamanya dalam membantu pembangunan negara yang kekurangan tenaga mahir. Soalan saya apakah usaha kerajaan Johor terutamanya untuk melindungi pasaran pekerjaan domestik bagi mengelakkan kadar pengangguran ini terus meningkat?

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sepertimana yang saya telah jelaskan tadi, mengambil kira tentang aktiviti-aktiviti yang berlaku di negeri Johor dari segi pembangunan, dari segi ekonomi, infrastruktur dan juga ia secara langsung telah pun membawa kepada satu keadaan di mana peluang pekerjaan semakin bertambah. Jadi, dalam usaha itu mengambil kira tentang apa yang berlaku di negeri Johor, sebab itulah kerajaan negeri mengambil langkah pertama iaitu penubuhan Unit Swadaya Insan Negeri Johor. Kerana, sebelum ini apa jua yang berkaitan dengan sumber manusia, peluang pekerjaan, peluang latihan, peluang penempatan pekerjaan ia adalah sebenarnya di bawah Kementerian Sumber Manusia itu sendiri. Tetapi mulai sekarang, kita dah ada Unit tersendiri di kerajaan negeri Johor di mana Unit ini akan menjalankan tugas-tugas. Pertama sekali *priority* kita iaitu kepentingan kita memastikan bahawa rakyat negeri Johor mendapat peluang daripada limpahan ekonomi yang berlaku di negeri Johor dalam konteks peluang pekerjaan dan peluang latihan kemahiran.

Jadi dalam konteks tersebut, Unit Swadaya Insan ini telah pun ditubuhkan. Dan, seperti saya katakan tadi kita bukannya pesaling kepada mana-mana agensi yang lain tapi Unit ini akan melaksanakan aktiviti selaras dengan kehendak negeri Johor, selaras dengan acuan di negeri Johor dan juga selaras dengan seperti yang saya katakan tadi kepentingan rakyat negeri Johor itu sendiri.

Jadi, dalam konteks tersebut, apa jua aktiviti yang kita akan susun dan kita akan laksanakan kepentingan untuk kita ialah, KPI kita ialah untuk melindungi pekerja tempatan dan kita juga akan melangkah dengan lebih agresif, berjumpa dengan pelabur-pelabur yang masuk ke negeri Johor, kita akan membantu pelabur-pelabur ini untuk mendapatkan tenaga kerja di mana kita akan memberi fokus kepada warga tempatan, daripada negeri Johor itu sendiri. Terima kasih.

**YB Cik Wong Shu Qi (Senai) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya. Sebenarnya ada sedikit sambungan dari soalan yang lebih dahulu kerana pelaburan dan peluang pekerjaan ini semua adalah isu yang sama. Dengan keadaan yang paling baru masa ini, pilihan raya Amerika Syarikat telah pilih satu Presiden yang baru. Dan, impak pilihan raya Amerika Syarikat ini sebenarnya di bidang peluang pekerjaan di Malaysia, khususnya sekarang dengan jawapan dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa Amerika Syarikat adalah pelabur nombor 3 di Iskandar Malaysia. Dan, sektor-sektor yang pelabur Amerika Syarikat ni tumbuh di bidang pembuatan dan juga perkhidmatan. Kedua bidang ni mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak, lebih banyak daripada bidang yang lain seperti hartanah. Hartanah itu khususnya hartanah, bidang hartanah yang di wujud oleh pemaju warga China itu sebenarnya tidak membawa, mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak kepada warga tempatan, warga Malaysia. Tapi, bidang pembuatan dan bidang perkhidmatan ni adalah bidang yang amat penting untuk mewujudkan peluang pekerjaan kepada anak Malaysia. Iaitu, kalau dalam 5 tahun yang akan datang ni, masa pendek saja, kerana Presiden Trump ni kita tak tahu apa polisi yang akan diambil, dilaksanakan. Berapa, bolehkah EXCO-EXCO beri pengetahuan kepada Dewan yang mulia ini, berapa kerja akan terkesan dan berapa orang khususnya yang bekerja dalam syarikat-syarikat Amerika Syarikat ini? Dan, apa impak dan apa rancangan yang akan diambil oleh kerajaan negeri untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

**YB Speaker :** Yang Berhormat kalau tak boleh *detail* nak jawab, secara umum boleh jawab. Sila, Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya lihat pihak rakan-rakan kita di sana tu lebih risau dengan kemenangan Presiden Amerika yang baru. (Dewan ketawa). Tapi, saya rasa lebih baik kalau fokus kepada PRU yang akan datang supaya dapat kekalkan rekod yang sama seperti ini. Jadi, tak perlu nak risau tentang apa yang berlaku dengan dasar yang berlaku di Amerika.

Tetapi sekarang, tujuan sepertimana jawapan yang Amat Berhormat Menteri Besar juga yang telah beliau katakan tadi, Johor bukan hanya menumpukan perhatian kepada Amerika, tetapi dengan kedudukan strategik negeri Johor kita membawa pelabur daripada merata dunia, kita juga akan membawa pelabur daripada China, daripada India, Dubai dan sebagainya. Jadi, ini merupakan kekuatan kita di negeri Johor dan perkara yang paling penting sekali ialah kestabilan politik yang ada pada kita. Jadi, tak perlu risau tentang apa yang berlaku.

Dan, saya percaya Senai juga silap. Kerana apabila saya menceritakan mengenai peluang pekerjaan, latihan kemahiran dan sebagainya, ia bukan hanya melibatkan kepada bidang pembuatan, bukan sahaja bidang pembuatan, contohnya di Forest City, kita menjangkakan dalam tempoh 20 tahun projek di Forest City, kita akan mendapat peluang pekerjaan sebanyak 220,000 peluang pekerjaan dan semuanya bukannya dalam bidang pembinaan tetapi rangkaian aktiviti-aktiviti akan berlaku di Forest City, dari segi *tourism*, dari segi kemahiran-kemahiran yang lain, hotel, industri-industri sampingan dan sebagainya. Jadi, tak perlu risau. Kita mempunyai banyak

peluang pekerjaan. Negeri Johor merupakan negeri yang mempunyai kadar pengangguran terendah di Malaysia, 3.1% sahaja. (Dewan bertepuk).

Dan juga, contohnya kalau kita lihat di kawasan Iskandar Malaysia sahaja, apabila Iskandar Malaysia ditubuhkan pada tahun lebih kurang 2007, unjuran yang dibuat dalam Pelan Pembangunan Komprehensif Iskandar Malaysia, kawasan Iskandar sahaja akan memberi sebanyak 800,000 peluang pekerjaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sehingga tahun 2016, *quarter three* 2016 dengan izin, sebanyak 700 lebih peluang pekerjaan telah pun diisi. Dan juga kita lagi ada banyak lagi peluang pekerjaan di kawasan Desaru Coast, di kawasan Pengerang dan sebagainya. Jadi, ini bukan hanya melibatkan pembangunan dari segi pembinaan ataupun pelaburan daripada Amerika sahaja. Tetapi dengan keadaan negeri Johor yang strategik ini, negara-negara lain juga telah pun jatuh cinta dengan Johor, telah pun mula masuk ke negeri Johor dan banyak lagi peluang pelaburan akan berlaku di negeri Johor dan secara langsung akan juga memperbanyakkan peluang pekerjaan di negeri Johor. Terima kasih.

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat. Hebat Yang Berhormat ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan yang dapat kita kemukakan pada pagi ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan ini.

**Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2017) TAHUN 2016.**

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan atas Rundingan Bagi Bacaan Kali Kedua Enakmen Perbekalan (2017) tahun 2016 disambung sekarang. Saya persilakan Yang Berhormat Nusajaya.

**YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Muafakat Johor. Nusajaya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker kerana diberikan peluang dan ruang untuk Nusajaya berucap di Mesyuarat Ketiga Bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-13.

Yang Berbahagia Tan Sri Speaker, Nusajaya juga ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor kerana telah menyediakan Bajet 2017 yang cukup komprehensif, inklusif, merangkumi dan merentasi seluruh rakyat negeri Johor tidak kira bangsa, agama, tidak kira kaya dan miskin, tidak kira sempurna dan kurang upaya, tidak kira bijak dan kurang bijak, tidak kira berkeluarga, atau ibu tunggal atau golongan asnaf-asnaf. Ianya berunsurkan Muafakat Johor, Johor Berkemajuan dan Rakyat Sejahtera.

Sesungguhnya, Nusajaya dan rakyat Johor secara amnya amat bersyukur dan berbangga kerana mempunyai pemimpin Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita yang bijaksana, tajam pemikirannya, hatinya bersih, murni dan ikhlas, berjiwa besar dan berjiwa rakyat, demi untuk negeri Johor yang tercinta ini. Nusajaya dan seluruh rakyat Johor juga amat bersyukur kepada Allah SWT kerana dinaungi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang berjiwa rakyat, sentiasa mudah didedeki oleh

masyarakat, tidak kira bangsa, kaum dan agama. Seluruh rakyat Johor perlu berada bersama dengan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor bagi memastikan gagasan Muafakat Johor dapat direalisasikan dengan tersusun, insya-Allah.

Johor permai, cantik di mata dunia, meniti di bibir pelancong bercerita, semangat muhibah seja sekata, semoga kekal tanpa sengketa. Salam dihulur setulus hati, tanda hormat sanjungan budi, rakyat Johor sedia bertoleransi, amalan mulia teguh peribadi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, setiap pemimpin yang menutup pintunya terhadap orang yang memiliki hajat, pengaduan dan kemiskinan, maka Allah akan menutup pintu langit terhadap segala pertolongan hajat dan permintaan-permintaan tersebut. Hadis ini membawa maksud yang setiap pemimpin yang diamanahkan untuk membantu rakyat di bawah kawasanya, namun ia tidak mendengar segala keluh kesah rungutan dari penduduk setempatnya, maka mereka tergolong dalam golongan yang tidak dibantu oleh Allah SWT. Namun demikian, hal ini sangat kontra dan berbeza dengan apa yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita yang sentiasa mendampingi serta mendengar idea-idea rakyat selain menyelesaikan segala masalah yang berkait agar mereka hidup di negeri bertuah ini dengan aman dan makmur biarpun ditekan dengan kos sara hidup berganda ketika ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, muafakat Johor sebenarnya adalah untuk menjadikan Johor sebagai kuasa ekonomi utama negeri Malaysia dan salah satu kuasa ekonomi berpengaruh di rantau Asia. Kita sedang melakukan pengagihan kemakmuran secara seimbang, dapat dilihat dengan aktiviti dari persefahaman semua bangsa dan lapisan masyarakat. Usaha kita adalah untuk merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi dan menaikkan taraf kehidupan, kemajuan dan kemewahan yang kita kecapai hari ini dapat dikongsi bersama oleh semua lapisan masyarakat.

Kita boleh berbangga dengan penyatuan dan kerjasama dari semua pihak, semua bangsa dan lapisan masyarakat saling hormat menghormati, ingin mengingati dan bantu membantu yang membawa kemajuan dan kemakmuran di dalam negeri Johor. Rakyat Johor tinggi pekerti, ke mana pergi tersimpul perpaduan, jauh sekali saling benci membenci, demi maruah harga kemakmuran. Kemajuan orang-orang Melayu dari segenap aspek adalah matlamat yang perlu direalisasikan, sebagai langkah pertama dan utama ia memantapkan sahsiah dan mentaliti dalam kalangan orang Melayu. Nusajaya memandang kepada sebuah bangsa Melayu Johor atau rakyat Johor secara amnya berfikiran matang, berfikiran secara kritis, inovatif dan kreatif, mengamalkan sikap positif dan global.

Tetapi malangnya, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, statistik kadang-kadang menunjukkan bahawa orang Melayu kita masih mencatatkan jumlah tertinggi dalam kes-kes masalah sosial seperti buang anak, anak luar nikah, merempit, najis dadah dan sebagainya. Perlu dilaksanakan program-program kemasyarakatan dan jati diri, pendedahan terhadap nilai-nilai murni perlu dijadikan sebagai budaya orang-orang Melayu dan orang Johor secara amnya.

Dalam hal ini saya nak ucapkan syabas dan tahniah kepada TABIKA KEMAS di bawah Kemajuan Masyarakat, di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, sebab baru-baru ini, saya sempat merasmikan Konvensyen KEMAS, yang mana saya

lihat, Kelas Fardu Iha' yang julung-julungnya, yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, yang diadakan di negeri Johor sahaja. Saya lihat anak-anak murid KEMAS, cukup-cukup berbangga, cukup gembira iaitu mereka berkhadam Al-Quran beramai-ramai. Juga pemaju masyarakat berbicara dalam Majlis Konvensyen dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Jadi, ini menunjukkan peringkat awalan lagi, peringkat anak-anak kita 6 tahun, TABIKA KEMAS telah melaksanakan nilai-nilai murni dalam Fardu Ain dan juga telah menyediakan mereka dalam dual bahasa, Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin membawa kepada masalah Nusajaya iaitu 2 perkara sahaja iaitu yang pertama, dalam ucapan Bajet 2017, iaitu dalam perkara 243, iaitu memperkukuhkan 7 agenda besar iaitu Agenda Johor Lestari, yang mana bagi tahun 2017, Mukim Tanjung Kupang dan kawasan Gelang Patah telah dipilih bagi kepentingan kampung tradisional iaitu pemeliharaan dan kelestarian kampung tradisional, penambahbaikan infrastruktur fizikal serta mewujudkan aktiviti sosioekonomi, yang mana peruntukannya cukup besar, RM1 juta daripada Kumpulan Wang Projek Sosial, selain akan dibantu oleh pihak-pihak swasta berdekatan dalam Program Komuniti Sosial, Bantuan Komuniti Sosial, dengan izin.

Bagi maklumat Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Mukim Tanjung Kupang ni, ikut sejarahnya adalah kampung nelayan tradisional, yang mana penduduknya adalah nelayan sahaja dan terdapat 5 kampung utama dan beberapa kampung rangkaian termasuk Kampung Orang Asli Simpang Arang. Ianya, pada tahun 1977, peristiwa sedih iaitu Kapal Terbang MAS terhempas, yang meragut 100 nyawa terbunuh. Kemudian pada tahun 1998, 20 tahun kemudian Link Kedua iaitu di antara Johor dan Singapura dibina dan 2 tahun kemudian Pelabuhan Tanjung Pelepas dibina.

Jadi, pada tahun 2000, Mukim Tanjung Kupang berubah wajah yang cukup-cukup baik dan yang luar biasa. Dan, kira-kira penduduknya sekarang ini berjumlah 10,000 hingga 15,000 sahaja dan masih ada kaum nelayan hampir 600 orang. Mukim Tanjung Kupang sekarang ini dikelilingi dengan pembangunan yang sungguh menakjubkan. Selain daripada Pelabuhan Tanjung Kupang, Forest City pun ada di bawah Iskandar Malaysia, Kota Iskandar pun bersebelahan, terdapat Puteri Harbour, Educity dan lain-lain.

Cuma masalahnya, untuk maklumat Yang Berhormat Tan Sri Speaker, walaupun penduduk secara amnya menerima pembangunan dengan hati yang terbuka, tapi dalam masa yang sama, mereka menghadapi masalah-masalah sepanjang pembangunan yang ada semenjak 3 tahun hingga ke 20, 30 tahun akan datang iaitu sepanjang Jalan Gelang Patah kepada, ke Pendas Laut-Tanjung Kupang, yang satu-satunya jalan kampung, sentiasa bertubang disebabkan kenderaan yang berat, jalan kampung ni, J4 ini, asalnya untuk jalan-jalan kampung, kenderaan kecil tapi bila kenderaan besar yang lebih muatannya lalu, ia kadang-kadang sebatang jalan tu, dia dipenuhi dan itu yang akan kekuatan itu tadi menyebabkan lubang-lubang, lopak dan sebagainya, juga jalan-jalan akan berhabuk dengan lori yang membawa pasir dan tanah serta kelajuan yang agak boleh tahan lajunya lori-lori tadi kerana untuk mengejar *trip*, dengan izin.

Dan, sebahagian rumah kadang-kadang ada juga retak di sana sini dan juga baru-baru ini, 2 bulan yang lepas banjir kilat berlaku dalam sejarah di Tanjung Kupang, yang sebelum ini 20 tahun dulu banjir dan baru-baru ini telah berlaku banjir kilat. Dan di

kampung ini juga, jalan yang satu-satunya pun kadang bergelap kerana lampunya kurang dipasang dan ada juga berlakunya kecurian dan kemalangan dan rompakan di rumah-rumah.

Dan, di penghujung Jalan Tanjung Kupang ini tadi, ada sebuah Kampung Ladang Hujung iaitu satu pekan nelayan kecil yang suasananya cukup indah, alam semula jadi yang cukup nyaman. Tapi namun demikian, difahamkan akan diubahsuai dalam program aktiviti komersial. Jadi, masanya tidak terlambat untuk sama-sama kita fikirkan sama-sama.

Jadi, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Nusajaya mencadangkan supaya satu Jawatankuasa Khas ditubuhkan untuk memastikan supaya kampung tradisional Tanjung Kupang ini kekal dengan keasliannya, dengan kelestariannya, dengan kesejahteraan hidup masyarakat, dengan berteraskan kemakmuran material, kesejahteraan sosial, keperkasaan insan iaitu satu kampung di dalam satu bandar.

Yang kedua, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Nusajaya ingin menarik perhatian kepada kepadatan penduduk di kawasan Lebuhraya Skudai-Pontian, Jalan Persekutuan 5 iaitu daripada Taman Pulai Indah, Taman Pulai Kehijauan sampai ke Taman Sri Pulai, Universiti Teknologi Malaysia hingga persimpangan Taman Sri Skudai. Kalau di sebelah jauhnya sampai ke Pekan Nenas dan Pontian. Masa kini penduduknya bertambah cukup padat hampir lebih 50,000 dan difahamkan jalan berkenaan sekarang ni dah sesak sewaktu waktu bekerja ke arah Johor Bahru dan balik bekerja selepas waktu pejabat.

Saya mendapat, buat pertanyaan dan buat kajian ringkas, seorang penduduk daripada Taman Pulai Indah, jika nak sampai ke Johor Bahru sebelum pukul 8, dia kata, dia kena keluar rumah sebelum 6.15, cepat-cepat sembahyang Subuh dan keluar 6.15, dia akan sampai di persimpangan Jalan Skudai Bertingkat tadi dan di McDonalds, di penghujung Jalan Lebuhraya Skudai setengah jam, sebab dia akan melalui 5 persimpangan lampu isyarat. Jadi, perjalanan dia lebih kurang 10 kilometer tetapi ada 5 persimpangan lampu isyarat. Jadi, kalau dia keluar sebelum 6.15, dia akan sampai dalam masa setengah jam dan seterusnya...

**YB Speaker :** Yang Berhormat Nusajaya sila duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Persidangan ini 20 minit.

**YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) :** Sikit saja, *last*.

**YB Speaker :** Ha.

**Persidangan ditangguhkan pada Jam 11:00 pagi.**

**Persidangan disambung semula pada Jam 11:20 pagi.**

**YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Timbalan Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Jemput Nusajaya, keras sikit.

**YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Speaker.



**YB Timbalan Speaker :** Nak gula-gula, serak suara.

**YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar (Nusajaya) :** Terima kasih, kerana sedikit masa lagi, Yang Berhormat Dato' Speaker. Jadi, kesimpulan dia, penduduk-penduduk di kawasan taman-taman Lebuh raya Skudai-Pontian tadi, terutama yang, sebagai contoh, penduduk daripada Taman Pulau Indah tadi, dia kena keluar rumah sebelum 6.15 untuk pergi bekerja, selepas 6.15 perjalanan masa yang akan diambil 2 kali ganda.

Jadi, untuk Nusajaya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, pendekatan jangka pendek dan jangka panjang. Yang Pertama, dengan izin, *Smart Traffic Lights System*, sebab persimpangan *traffic light* tadi ada lima, jadi kalau boleh dia seiring. Mungkin kalau hijau, semua hijau dan sebagainya. Pasal, ada ketika dia tidak teratur lampunya jadi, tersangkut-sangkut.

Kedua, satu cara yang zaman dahulu, 30 tahun dahulu iaitu pegawai polis trafik. Saya ingat ini masa tahun 70-an di Kuala Lumpur begitu. Setiap di persimpangan, pegawai Polis Trafik akan menjaga waktu tertentu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ketiga membina *fly over* dengan izin, di simpang-simpang yang perlu supaya mencepatkan, mengelakkan simpang tadi.

Keempat, mungkin melebarkan jalan. Dalam melebarkan jalan ini, saya hendak berkongsi bersama kepada Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pernah pergi di Dubai, saya jumpa jalannya paling besar sekali. Iaitu *6 lane* dan *6 lane*, *12 lane*. Tapi mungkin di sana perancangannya daripada tanah pasir, padang pasir jadi perancangannya mungkin 50-100 tahun. Jadi, tiada *traffic light* tujuan dia sampai 50 tahun tidak akan sesak, jadi *12 lane*. Tapi mungkin tidak praktik di tempat kita.

Yang Berbahagia Dato' Speaker, kelima diadakan WDL. Sekarang ini kita ada contoh EDL sebagai contoh yang daripada Permas Jaya ke Johor Bahru iaitu jalan atas angin tadi. Dari mungkin ini mempunyai, memerlukan peruntukkan yang besar. Mungkin sampai RM1 bilion dan sebagainya, tetapi jangka panjang 10-20 tahun lagi ada *Express Way*, dipanggil mungkin *western* dan sebagainya dengan izin, WDL tadi mungkin akan membantu penduduk situ untuk perjalanan cepat tanpa berhenti-henti.

Jadi akhirnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, Nusajaya ingin menyokong usul yang di bawa oleh Rengit. Sekian, terima kasih. *Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih. Persidangan diteruskan. Jemput, Maharani.

**YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim. (Bacaan doa) dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, Maharani mengucapkan syukur Alhamdulillah kerana pada pagi ini diberi kesempatan untuk membahaskan Ucapan Bajet 2017 negeri Johor Darul Ta'zim, bertemakan "Johor Berkemajuan, Rakyat Sejahtera" di dalam Dewan yang mulia ini. Bajet kali ini pada pandangan Maharani adalah sangat komprehensif, menyeluruh, mendekati permasalahan rakyat dengan perancangan yang konkrit dan praktikal. Maharani menyanjung seruan Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya

kita bergerak seiringan sebagai bangsa Johor untuk menjadikan Johor dan masyarakatnya teladan masyarakat yang terbaik. Semoga apa yang dirancang ini dengan keikhlasan ia akan menjadikan Johor (bahasa Arab) negeri yang baik yang mendapat keampunan Allah, moga dipermudahkan segala urusan, Amin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam isu kemiskinan, isu fakir miskin yang juga dibangkit dalam bajet kali ini. Alhamdulillah, kami dimaklumkan bahawa negeri yang kita kasih ini telah pun mencapai tahap kemiskinan sifar pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, seperti yang telah pun dimaklumkan oleh Ahli EXCO pada soalan lisan yang lepas, bahawa miskin sifar ini bermakna, bukan bermakna bahawa rakyat tidak perlu bantuan, kerana masih ramai lagi rakyat yang boleh jadi miskin atau golongan mudah miskin yang masih memerlukan bantuan. Jadi, Maharani sangat menyanjung, menyambut baik program islami yang telah dirancang dalam bajet kali ini, dengan Program Peningkatan Pendapatan Asnaf, Program Kesihatan Asnaf, bantuan-bantuan kesihatan dan juga bantuan pendidikan asnaf dan satu perkara yang sangat-sangat di tunggu oleh masyarakat cuma, mungkin mengharapakan supaya pelaksanaan ini dapat dilakukan dengan baik dan dipermudahkan cara permohonannya, cara pemberian bantuan supaya mereka yang layak ini benar-benar mendapat manfaat daripada limpahan hasil, limpahan daripada rezeki yang Allah berikan kepada negeri Johor ini Alhamdulillah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh kerana tekanan sara hidup yang dapat di rasai oleh semua. Satu perkara yang boleh kita bantu mereka ini ialah, mereka yang layak ini, ialah dengan menyediakan kad diskaun khas untuk mereka membeli barang keperluan harian. Contohnya, kalau tiap-tiap bulan itu mereka diberi RM150.00 maka mereka menggunakan kad itu untuk dibelanjakan untuk keperluan harian yang boleh didapati di kedai-kedai tertentu. Supaya ini dapat meringankan beban mereka untuk sara hidup seharian. Kalau kita lihat kos sara hidup ini sebenarnya telah melibatkan dengan adanya, terutama dengan adanya GST melibatkan seluruh masyarakat tidak kira kaya dan miskin. Dan baru-baru ini saya agak terkejut juga apabila pergi ke pejabat Pos, saya diberitahu nak beli setem, dia kata setem pun dah kena GST. Saya kata bila? Mulai Oktober yang lepas, setem pun dah kena GST. Jadi, yang gunakan setem ini bukan, bukan orang kaya sahaja, semua orang memerlukan perhubungan dengan menggunakan setem. Jadi, nampaknya keadaan bertambah tertekan, perkara yang mudah sedikit ini pun rupanya menjadi hasil kepada negara. Jadi, diharapkan supaya hasil yang dipungut ini dapat dipulangkan kepada rakyat dengan seadil-adilnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita juga bersyukur kerana Jabatan Kebajikan Masyarakat masih lagi meneruskan bantuan kepada mereka yang layak. Cuma, setakat ini kalau BRIM pun telah dinaikkan nilainya sehingga ke RM1,200.00 maka sudah selayaknyalah peruntukan untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat ini di tambah lagi supaya bantuan bulanan dan juga sara hidup dan lain-lain bantuan orang tua dan lain-lain dapat di tambah daripada kalau contohnya, yang maksima RM300.00 bolehlah tambah hingga RM350.00 contohnya, supaya dapat meringankan beban mereka yang disahkan memerlukan bantuan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat. Walau bagaimanapun, masalah yang ataupun, masalah yang dihadapi oleh penerima bantuan ini, biasanya kalau dia jumpa dengan YB, dia kata YB bulan ini saya cucuk kad saya kat bank, duit tak keluar. Bila tanya dekat pejabat, dia kata peruntukan belum sampai. Jadikan, mengharaplah mereka ini, walaupun bantuan itu tidaklah diwajibkan diberi secara tepat masanya, tetapi seeloknya berilah peruntukan

itu sepenuhnya supaya mereka dapat menggunakan wang peruntukan ini tepat pada waktunya. Kalau kita pun, elaun tak masuk ke, gaji tak masuk pada tarikh yang dah ditentukan, kadang-kadang dah sampai masa untuk bayar bil-bil tertentu, untuk bayaran-bayaran tertentu, maka kita pun rasa tertekan malahan pula mereka yang miskin ini sudah tentulah mereka sangat-sangat memerlukan bantuan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, satu lagi masalah yang dihadapi oleh terutama kalau kita dapati mereka yang golongan muda ini, ialah masalah kebangkrapan. Ini boleh menyebabkan mereka tidak miskin, mungkin tidak miskin tetapi mereka menjadi miskin atau mudah miskin kerana mengikut laporan dibuat oleh Timbalan Menteri Kewangan, pada tahun 2015, seramai 18,457 kes kebangkrapan. Dan ini melibatkan mereka yang di bawah umur 40 maka ini adalah satu sangat menyedihkan dan di antara punca-puncanya ialah, yang terutama ialah pinjaman peribadi. Yang nampaknya lebih kalau kita tengok iklan-iklan, sangat mudah untuk di dapati terutama kakitangan kerajaan dan badan berkanun. Itulah *target* mereka, dan apabila dimudahkan maka tarikan untuk meminjam itu terlalu tinggi. Yang kedua sekali ialah, sewa beli kenderaan. Kita lihat anak-anak muda sekarang mereka yang baru bekerja, keutamaan mereka apabila bekerja, kenderaan. Sampai ke satu peringkat, mereka tidak boleh membayarnya, dan ini adalah akan menyebabkan mereka menerima masalah kemudiannya. Dan, masalah juga ini akan terpikul oleh mereka yang menjadi penjamin juga. Jadilah cara untuk menyelesaikannyalah kita perlukan pendidikan dan juga supaya khususnya, anak-anak muda ini kenalah tukar gaya hidup. Jadi, ikut kemampuan dan juga untuk keperluan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam isu pendidikan Alhamdulillah, daripada di bawah kerajaan negeri Johor ini sedang, akan melakukan kajian dan semakan sukatan pendidikan sekolah agama di negeri Johor ini. Ini satu perkara yang sangat baik, kerana anak-anak kita yang bersekolah agama ini juga menghadapi beberapa masalah. Di antara perkara-perkara yang diminta oleh ibu bapa ialah sebagai contohnya, oleh kerana kesan daripada pendidikan di Sekolah Rendah Agama Bersepadu sangat baik, dan permintaan sangat tinggi, maka sepatutnyalah sekolah-sekolah SRAB ini ditambah lagi supaya dapat memberi peluang kepada anak-anak kita, anak-anak negeri Johor mendapat pendidikan yang terbaik dari segi akademik dan juga dari segi agama. Itu perlulah difikirkan. Begitu juga dengan pertumbuhan sekolah-sekolah ataupun madrasah tahfiz di dalam negeri Johor ini yang berdaftar, ini adalah satu petanda baik. Mudah-mudahan ia memberi rahmat kepada negeri kita, dan bagi mereka yang membantu insya-Allah, saham akhirat menunggu mereka.

Jadi, Maharani mencadangkan supaya bantuan kewangan khususnya diberikan kepada madrasah tahfiz yang berdaftar ini supaya mereka dapat menampung untuk membaiki prasarana dan juga untuk meneruskan sumbangan pendidikan kepada masyarakat. Kalau kita lihat mereka ini, sebahagiannya adalah daripada anak-anak yatim, anak yang kurang berkemampuan, yang kadang-kadang pihak madrasah sendiri memberi diskaun atau memberi pengecualian dari segi yuran dan juga bayaran. Jadi, ini kita sanjung mereka yang menguruskan madrasah-madrasah ini untuk kepentingan anak-bangsa. Seperti juga yang telah pun dikatakan oleh Gambir, kepentingan pendidikan agama. Jadi, insya-Allah dengan adanya pendidikan agama yang menyeluruh maka masalah-masalah sosial akan dapat dielakkan.

Seterusnya, oleh kerana sekolah agama negeri Johor ini telah terbukti keberkesannya maka, Maharani mencadangkan supaya kokurikulum ini dilanjutkan hingga ke peringkat sekolah menengah. Kerana sekarang anak-anak kita masuk darjah satu sekolah agama ketika dalam darjah satu sekolah kebangsaan. Jadi, sampai darjah enam, dah habis tahun enam, tahun enam sekolah agama selepas itu mereka ke Darjah Khas. Jadi, kalau bolehlah fikir-fikirkan dalam kajian ini, supaya pelajaran sekolah agama ini di sekolah rendah ini dapat diteruskan hingga ke peringkat sekolah menengah supaya mereka dapat memahaminya dan bukan sahaja mempelajari agama tetapi mengamalkannya supaya dapatlah mereka menjadi insan yang benar-benar dapat memberi sumbangan kepada negara dan agama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di samping itu di sekolah agama ini juga memberi beban kepada ibu bapa dari segi pembayaran yurannya, pembelian buku teks mana bagi mereka yang tidak mendapat pinjaman, Maharani mencadangkan supaya pinjaman buku teks atau kitab ini diberi menyeluruh kepada semua pelajar-pelajar sekolah agama supaya dapat meringankan beban hidup ibu bapa terutama mereka yang mempunyai lebih daripada seorang anak yang bersekolah di sekolah agama dan di sekolah kebangsaan dan juga sekolah menengah. Jadi begitu juga bagi mereka yang layak sepatutnya yuran sekolah ini boleh dikecualikan kepada mereka yang layak.

Yang Berhormat Dato' Speaker...

**YB Timbalan Speaker :** YB Maharani, sila gulung ya.

**YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) :** Maharani ingin mengucapkan tahniah kepada YPJ yang dapat meneruskan bantuan pendaftar dekat IPT di peringkat Ijazah, cuma Maharani harapkan supaya peruntukan kali ini kalau Bajet 2016 sebanyak RM1.5 juta disediakan untuk 3,000 mahasiswa maka untuk 2017 diharapkan dapat digandakan. Kalau kita lihat, program Ijazah Sarjana di bawah YPJ dan PDT telah pun ditambah penerima daripada 30 orang yang lepas kepada 200 satu pefanda yang baik, walaupun bantuan yang diberi berkurangan cuma RM5,000.00. Kalau boleh ditambah lagi lebih baiklah sebab ini sebagai inilah modal insan kita yang akan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat kembali.

Walau bagaimanapun, dalam Laporan Ketua Audit yang terdahulu apa yang Maharani dapati bahawa YPJ ini menghadapi masalah pungutan tunggakan pinjamannya yang sehingga 2014 mencecah RM21.27 juta. Jadi inilah rakyat kena sedarlah, sebab itu mereka yang mendapat pinjaman kena sedar bahawa YPJ menanggung tunggakan pinjaman sebanyak RM21.27 juta. Jadi kalaulah mereka yang bertuah mendapat pinjaman ini menyedari masalah ini, tolonglah buat pengurusan untuk membayar kembali supaya lebih ramai lagi anak-anak Johor ini dapat menerima faedah daripada pinjaman yang telah pun dilakukan dengan baik oleh pihak YPJ.

Jadi yang akhir sekali, Maharani ingin menyuarakan tentang isu pendatang asing yang telah pun disentuh di dalam Bajet 2017. Tahniah kerajaan Johor yang telah menyedari masalah denyut nadi rakyat yang juga telah pun disampaikan ataupun dimasukkan di dalam bajet kali ini.

Walau bagaimanapun, apa yang menjadi masalah rakyat, permasalahan sekarang ialah pendatang asing ini dibenarkan berniaga. Kalau tengok yang menjual aiskrim, jual karpet rumah ke rumah itu dia boleh meniaga dengan bebas, sedangkan dia masuk mesti ada syarat-syarat untuk mereka, jenis-jenis pekerjaan yang mereka boleh buat. Dalam hal ini menyebabkan mereka menafikan hak rakyat tempatan untuk meniaga. Di samping itu, didapati ada juga, bukan ada memang banyak, kedai-kedai yang dipunyai oleh warga asing ini boleh dikatakan di semua daerah. Walau macam mana pun, walau apa cara pun menyebabkan mereka dibenarkan atau dilesenkan maka kena perhatikan baiklah supaya ini dapat disyaratkan, diperketatkan supaya tidak menjejaskan pemiagaan masyarakat tempatan.

Jadi dengan itu, Maharani ucap terima kasih dan diakhiri dengan walbillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Timbalan Speaker** :Terima kasih, Maharani. Kita teruskan, Jemput, Penawar.

**YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor (Penawar)** :(Bacaan doa). Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih Penawar rakamkan atas kesempatan dan ruang yang diberikan untuk Penawar bersama berbicara dengan gembira di atas Pembentangan Bajet Negeri Johor 2017 dengan tema yang cukup jelas, 'Johor Berkemajuan, Rakyat Sejahtera', lengkap dengan penjelasan dan 3 misi yang tersendiri.

Bajet yang mengambil kira pandangan dan pendapat, pemikiran pelbagai pihak yang mencakupi setiap perkara supaya hanya dapat dirasai oleh setiap lapisan masyarakat. 'Tuan umpama terang rembulan, tumpahkan cahaya serlahkan sinaran, kasihkan rakyat tiada sempadan, bajet di bentang sempurna olahan'. Syabas dan tahniah Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang menerajui kepimpinan negeri yang terus memikirkan bagaimana rupa, bagaimana rasa rakyat bawahan menjalani kehidupan seharian lalu memastikan bajet yang dirangka dengan teras yang menjadi selangka dan belikat dan digubal agar menjadi pelindung kepada tulang rusuk dan dada. Hasilnya akan mewujudkan kemakmuran material dengan wujudnya banyak peluang pekerjaan hasil pelaburan yang datang ke negara ini.

Salah satu titik sentuhan Bajet 2017, di antara fokus yang diberikan ialah mengurus kebergantungan pekerja asing dengan mempertimbangkan 4 perkara. Kajian terperinci keperluan pekerja asing, pelan rasionalisasi buruh, dasar menggalakkan pengambilan pekerja tempatan, kerjasama penguatkuasaan dengan kerajaan persekutuan. Salah satu dari 4 cara tersebut ialah dasar menggalakkan pengambilan pekerja asing. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang memahami kebimbangan rakyat dalam kebanjiran pekerja asing. Rakyat akar umbi tidak tidur lena, mandi tidak basah. Sentiasa gundah gulana dengan kebanjiran pekerja asing dalam semua sektor. Dari pengawal keselamatan, tukang cuci, tukang kebun, pengutip sampah dan tentu sekali buruh binaan cukup merunsingkan dan merupakan gangguan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

'Temanti-nanti jentayu terbang, sayang terkurung di atas kayangan, tercah-cari rembulan terang sayang terlindung dek firai hujan'. Marilah kita lihat kembali undang-undang kecil yang perlu disemak. Penguatkuasaan yang serius supaya bidang-bidang

yang saya sebutkan tadi tidak diisi oleh pekerja asing keterlaluan kecuali buruh binaan dan buruh ladang. Jangan kerana gaji kepada pekerja asing lebih murah, sehingga kita menyetepikan anak negeri sendiri.

Rakyat di bawah mengharapkan agar mereka yang mendapat rezeki sebagai bos kepada bidang kerja ini. Lihatlah anak negeri, kita kongsi sama-sama rezeki yang ada mudah-mudahan banyak berkatnya. 'Baruah biduk lalu kiambang bertaut'. Yang Amat Berhormat Menteri Besar bentang dengan misi, visi, strategi dan tentunya dengan dana, yang menerima dan melaksana ikutilah apa yang dihasratkan. Jadilah muafakat yang membawa berkat. Jadilah muafakat yang membawa selamat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Penawar ingin merakamkan tahniah di atas keprihatinan Yang Amat Berhormat dalam misi kedua, kesejahteraan sosial. Dari rumah hinggalah ke tandas, semuanya difikirkan oleh kerajaan Barisan Nasional untuk rakyat. Mudah-mudahan dengan bajet RM300,000.00 bagi program *My Beautiful Malaysia* oleh PBT akan terus meningkatkan kualiti kebersihan serta kesedaran rakyat akan tahap kebersihan yang sangat-sangat dituntut oleh agama kita. Marilah kita sama-sama mengajak rakyat di bawah sana bersama menyambut hasrat baik ini.

Adalah diharapkan program ini akan menampakkan hasil yang cantik melebihi RM yang diperuntukkan. Setinggi-tinggi tahniah juga kepada GLC negeri Johor yang cukup komited untuk merealisasikan pembinaan pelbagai rumah dalam agenda pembinaan rumah negeri Johor. Mudah-mudahan mereka yang diberi amanah akan dapat melaksanakannya dengan jujur agar program-program pecah tanah untuk membina rumah bagi rakyat negeri Johor tidak berterabur dan menyulitkan keadaan pentadbiran. Pantau selalu pembinaan, selesai awal masalah. Insya-Allah, kerja-kerja menjadi mudah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keperkasaan insan adalah perkara yang meliputi rohani dan jasmani setiap anak negeri. Pelbagai program meliputi sukan, pendidikan, kemahiran, ekonomi, agama, kesihatan, sosial dan juga pelbagai jumlah perbelanjaan disusun atur bagi memastikan dari ibu mengandung hingga ke usia emas. Dari yang berada hingga ke asnaf, dari yang sempurna hingga kepada OKU dapat merasakan bahawa Bajet 2017 ini dapat mensejahterakan rakyat segenap lapisan anak negeri bagi membina Johor yang berkemajuan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan 3 misi, 6 strategi marilah sama-sama kita manfaatkan peruntukan yang diperuntukkan mengikut kebitaraan masing-masing dalam persiapan menghadapi PRU. Dengan bentangan dan pelaksanaan bajet 4 tahun lalu diharapkan rakyat dapat menilai kesungguhan kerajaan Barisan Nasional dalam mengurus tadbir negeri ini. Apa lagi yang tidak dilaksanakan? Dengan kerjasama agensi, dengan wakil rakyat yang kerap bersama membantu rakyat, walaupun ada 2 atau 3 perkara yang tercacir, itu bukanlah alasan untuk rakyat memilih calon-calon yang hanya ada dua minggu sewaktu pilihan raya berlangsung.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Penawar merakamkan terima kasih kerana Sungai Lebam dimasukkan dalam Pelan Kecemasan Empangan. Mudah-mudahan Sungai Papan juga akan terus dipulihara walaupun bekalan air RAPID telah beroperasi. Tidak salah kita mensyukuri dan menjaga sumber-sumber sedia ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, tahniah juga dengan peruntukan RM2 juta dan geran padanan RM100,000.00 untuk 20 buah koperasi bagi membuka Imcoop dan diharapkan barang-barang yang ada di kedai-kedai ini juga diteliti dan diambil perhatian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Penawar salah satu daripada kawasan yang terlibat dengan PBT Pengerang yang baru di bawah Johor Corporation. Penawar yang semakin membangun dengan kewujudan sebuah lagi taman perumahan baru yang hampir siap. Oleh itu, ingin Penawar mengulang kembali, peri pentingnya pertambahan anggota Polis di Balai Polis Bandar Penawar. Dengan hanya 7 anggota amatlah membimbangkan akan pelbagai insiden yang berlaku. Insyallah, Taman Penawar Harmoni di bawah KEJORA, tahniah KEJORA. Dengan rumah komuniti jenis A 131 unit harga RM40k. Jenis B, 211 unit harga RM80k. 112 unit RM150k dan semi-D 32 unit dengan harga RM350k serta kedai RM170k sebanyak 65 unit. Insyallah dijangka siap sepenuhnya sebelum Mac 2017. Terlaksana jugalah satu dari 4 projek pecah tanah oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, syabas KEJORA.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Alhamdulillah generasi kedua FELDA Ayer Tawar 1 telah memiliki geran untuk tanah mereka. Ada yang telah membina rumah, ada yang dalam proses permohonan. Dimohon EXCO Perumahan melihat permohonan generasi kedua FELDA Ayer Tawar 1 ini untuk permohonan pembinaan rumah. Insyallah sebahagian daripada generasi kedua Semenchu yang memohon untuk tanah Sungai Ambok akan mendapat geran mereka pada Disember ini. Terima kasih PTD Kota Tinggi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, memikirkan pembangunan yang menyeluruh, memaju negara dengan pembangunan, membina rakyat dengan program insaniah, maka, inilah Johor yang sama-sama untuk kita angkat ke peringkat antarabangsa. Apatah lagi Johor yang memang sudah dikenali sejak zaman Maharaja Abu Bakar lagi. Dengan RM500,000.00 untuk 600 siswa, Tabung Latihan Kemahiran RM5 juta untuk 2,500 pelajar, Biasiswa Dato' Onn, improve RM20 juta dan Skim Latihan RM24,000.00 bagi setiap pelajar, RM210,000.00 untuk bella adalah di antara perhatian kerajaan terhadap orang muda yang bakal memenuhi ruang pimpinan negeri pada masa akan datang. Mudah-mudahan dengan ruang dan peluang yang di corak oleh kerajaan Barisan Nasional pada hari ini akan dihargai oleh orang muda demi masa depan negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya, buat ADUN Jorak, terima kasih kerana masih mengingati kami di sini. Nasi lemak buah bidara, sayang selasih tuan lurutkan, tak kan putus ikatan saudara, BN tetap kami pertahankan. (Dewan bertepuk). Tuai padi antara masak, esok jangan layu-layuan, intai kami antara nampak, esok jangan rindu-rinduan.

Terima kasih, Penawar mohon menyokong.

**YB Timbalan Speaker :** Rindu juga dengan Jorak ya Penawar. Bawalah ke Désaru. Persidangan diteruskan, jemput Skudai.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Selamat pagi dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ucapkan jutaan terima kasih kerana diberikan peluang untuk

menyertai perbahasan Bajet 2017 Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dulu kita kata banyak terima kasih pada tahun 70-an. Tahun 80-an, 90-an, kita kata ratusan terima kasih. Sekarang kita lepas tahun 2000, kita kata ribuan terima kasih. Tapi, pada waktu sekarang, kita kena kata jutaan terima kasih. 10 tahun dari sekarang kita terpaksa kata bilionan terima kasih. Itu disebabkan penurunan nilai Ringgit Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bila ringgit telah meleset dengan pesat, dari 1.00 US Dollar, sekarang you kata ribuan terima kasih orang kata tak cukuplah. (Dewan ketawa). Nilai ringgit telah meleset terlalu pesat dari USD1.00 bernilai RM4.20 pada bulan Oktober. Tapi menurun kepada RM4.33 pada bulan ini, dengan sebenarnya kadar atau *off shore exchange rate*, kadar pertukaran di luar negara lebih tinggi iaitu RM4.37 dan antara RM4.77 dan RM4.57. Dalam 1 bulan ini ringgit telah merosot sebanyak 3 hingga 9%, Dan, kadar yang paling tinggi dalam 10 tahun ini adalah sebelum pilihan raya ke-13, April tahun 2013 dengan USD1.00 bersama dengan RM3.04 sahaja. Dari waktu itu dah merosot sebanyak 42% nilai ringgit dalam tempoh 3 tahun 7 bulan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini menunjukkan nilai ringgit mungkin akan menurun ke tahap RM5.30. Ini bukan jangkaan saya, jangkaan kerajaan, nanti saya bagikan sebab, apa sebabnya saya kata begitu. Dan sebenarnya nilai ringgit telah merosot sebanyak 152% kalau berbanding dengan RM5.30 yang dijangka oleh kerajaan dan pada tahun 70-an, Oktober 78, pada peringkat yang paling tinggi adalah RM2.10, USD 1.00.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita kena mengkaji impaknya penurunan nilai ringgit. Dulu Menteri Besar menyatakan bahawa selalu cakap berkenaan wang, wang, wang sahaja. Macam cermin mata saya lainlah, ada tanda ringgit, RM, bukan. Sebab nilai ringgit itu amat penting, saya kata nilai itu di bayang oleh masa kita nak cakap terima kasih pun, sepuluh tahun sekarang kita kata bilionan terima kasih, waktu itu saya ingat USD1.00 mungkin sama dengan RM30.00, ini berlaku. Itu pengalaman saya. Saya dulu belajar sampai Jamaica, belajar *Medicine*, Perubatan, USD1.00, 5.00 Jamaican Dollar, masa saya tinggalkan Jamaica pada tahun 1991 adalah USD1.00 sama dengan 12.00 Jamaican Dollar, sekarang adalah USD1.00 sama dengan 35.00 Jamaican Dollar. Itu akan berlaku kalau kita tidak mengambil langkah-langkah yang sepatutnya untuk menyelamatkan Malaysia, bukan sahaja nilai wang ringgit, sebab nilai moral kita semakin merosot. Itulah punca nilai ringgit dibayar dengan nilai moral kita khasnya pemimpin kita yang mentadbir negara ini. Itulah kita sebab kena selamatkan Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau nilai ringgit menurun, inflasi akan melambung. Itu sebab kita sebagai pembangkang mempunyai pandangan yang jauh. Dulu kita sudah mencadangkan dasar gaji minimum dan dasar gaji minimum itu adalah mesti sentiasa dikaji, disemak dari semasa ke semasa untuk menampung inflasi dan menampung mana keupayaan kalau ringgit menurun keupayaan rakyat kita untuk membeli belah atau untuk berbelanja untuk kos kehidupan mereka adalah semakin membebankan.

Kadar inflasi adalah meningkat dari 1.9% pada tahun 2015 kepada 3% pada tahun



2016. Kadar inflasi CPI sebenarnya dijangka lebih tinggi daripada perangkaan rasmi. Oleh itu, dasar gaji minimum adalah menunjukkan kebijaksanaan parti pembangkang di negeri Johor sebab kita adalah parti pemerintah di negeri lain. Itu tegas saya. Dan, tahap gaji minimum sewajarnya dikaji dari semasa ke semasa dengan mengambil kira penurunan nilai ringgit KNK perkapita menurut prioriti kuasa membeli dan kadar inflasi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, keadaan ini membuktikan bahawa dasar gaji minimum sebenarnya memberangsang ekonomi kepenggunaan sambil memastikan kemampuan rakyat jelata menikmati pertumbuhan ekonomi. Menurut Jabatan Perangkaan sebenarnya perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata Malaysia adalah telah meningkat dari RM2,190.00 pada tahun 2009 kepada RM3,578.00 pada tahun 2014. Iaitu kadar pertumbuhan 7.5% satu tahun dan tempoh yang sama perbelanjaan penggunaan isi rumah pulangan purata Johor meningkat dari RM2,018.00 kepada RM3,808.00 atau 12.7% satu tahun. Namun begitu, Dewan yang mulia ini sepatutnya mengkaji trend perbelanjaan isi rumah warga Malaysia yang terdapat kebanyakan adalah digunakan untuk perumahan dan bil utiliti 23.9% makanan, 9% pengangkutan, 15% restoran dan hotel, 12.7% di sebaliknya sedikit sahaja pendapatan belanja untuk tujuan pendidikan 1.1%, kesihatan 1.6% dan perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan 4.9%. Ini menunjukkan kualiti kehidupan rakyat kita belum sampai tahap seperti negara maju, di mana peratusan yang lebih tinggi perbelanjaan isi rumah adalah digunakan untuk pendidikan, kesihatan dan juga rekreasi. Dan kita

**YB Timbalan Speaker :** Pendidikan dan kesihatan percuma di sini. Di Europe semua kena bayar.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudal) :** Nanti saya akan jelaskan, akan bagi pandangan Yang Berhormat Dato' Speaker, walaupun median pendapatan isi rumah Johor semakin meningkat dari sebanyak RM5,179.00 pada tahun 2014 iaitu kedudukan nombor 5 selepas Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Labuan. Namun begitu, KNK per kapita negeri Johor cuma mencapai tempat ke 8 pada tahun 2015 dengan RM29,539.00 selepas Kuala Lumpur RM94,722.00, Labuan, Pulau Pinang, Sarawak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang adalah RM30,343.00. Ini menunjukkan kita, Johor, pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat dan kita kena memastikan jurang kemiskinan itu mesti dirapatkan. Oleh itu, usaha mesti dilakukan untuk meningkatkan ekonomi negeri Johor dan menyemak gaji minimum dari semasa ke semasa untuk membolehkan semua lapisan masyarakat menikmati pertumbuhan ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak sentuh sikit berkenaan laporan asing langsung. Memandangkan trend nilai ringgit dijangka akan mencecah RM5.30 kepada USD 1.00, kerajaan sepatutnya mengambil langkah-langkah mengukuhkan nilai ringgit. Kerajaan sewajarnya menggalakkan dua-dua pelaburan domestik dan FDI mendahului dasar kewangan yang lebih *transparent*, penambahbaikan pembangunan infrastruktur, peningkatan daya saing dan kemahiran pekerja, suasana yang mesra kepada para pelabur dan pekerja dan mempertingkatkan ekonomi dan pelaburan secara berkesinambungan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rizab antarabangsa Bank Negara berjumlah RM405 billion iaitu USD97 billion pada 31 Oktober tahun ini, paras rizab ini memadai untuk membiayai 8.4 bulan import tertanggung sahaja dan ialah 1.2 kali ganda hutang luar

negeri jangka masa pendek. Menurut laporan Bank Negara, rizab antarabangsa Malaysia merupakan 55% hutang asing iaitu pada tahap yang kurang memuaskan. Semenjak Ogos 2013, Malaysia telah kehilangan pelaburan asing sejumlah RM700 juta pelaburan asing sejak tahun 2013.

Setakat ini FDI bersih adalah cuma RM200 juta pada tahun ini. Penurunan pelaburan asing disebabkan nilai ringgit yang kurang stabil dan kekurangan integriti sesetengah pemimpin. Dua-dua faktor ini akan menjejaskan keyakinan pelabur terhadap ekonomi Malaysia termasuk Iskandar Malaysia. Pada waktu sekarang pagi ini sahaja, pukul 2.00 pagi saya baru check dalam internet, hutang Malaysia sebanyak RM670 bilion pada awal pagi ini dan pada purata RM21,488.00 yang sepatutnya ditanggung oleh semua warga Malaysia termasuk Ahli-Ahli Dewan yang mulla dan juga penjawat awam dalam Dewan ini. Hutang Malaysia sejumlah 54% KNK atau RM1.238 bilion, bunga hutang negara kita bertambah sebanyak RM67 juta setiap hari.

Yang Berhormat Data' Speaker, bukan sahaja saya suka membidas pihak pemerintah sahaja, sebab seperti dikatakan oleh Menteri Besar tadi, kita mempunyai satu budaya politik yang matang di negeri Johor dan juga memberikan kredit kepada pihak pembangkang. Oleh itu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kita sebagai Bangsa Johor dan satu negeri sebab berjaya menarik pelaburan asing yang dengan kedudukan semakin meningkat khususnya dalam bidang pembuatan. Pada 6 bulan pertama 2016, Johor dapat menarik pelaburan RM5.4 bilion dalam bidang pembuatan apabila Selangor RM3 bilion dan Pulau Pinang RM2.7 bilion. Ini adalah seperti dikata oleh Menteri Besar, pembangkang sepatutnya diberikan kredit sebahagian juga sebab kita pembangkang di negeri ini adalah pembangkang yang bertanggungjawab, pembangkang yang berwibawa dan juga pembangkang yang bertambah kuat sebab ada seorang lagi dulu Ahli duduk sebelah saya kini duduk sebelah sini. (Dewan bertepuk). Kalau lagi ramai dari sana duduk di sebelah sini, saya rasa kita Johor akan maju dan juga beratus tahun kita akan menjadi negeri yang menarik FDI yang paling tinggi. Itu sebab saya rasa Selangor, pembangkang di Selangor dan Pulau Pinang kena bertanggungjawab juga. Sebab mereka tidak bikin kerja. Tidak tahu macam mana menjadi pembangkang yang matang dan juga bertanggungjawab dan berwibawa. Memperbaiki penarikan FDI, walaupun ekonomi pada keseluruhan dan juga FDI pada satu negeri itu merudum. Saya juga ingin mengucapkan tahniah sebagai bangsa Johor, kerana kedudukan fiskal sekarang di negeri Johor semakin kukuh iaitu dengan defisit RM132 juta pada tahun 2012 sehingga sekarang telah menjadi bajet surplus selama 4 tahun, rizab kerajaan negeri pun meningkat 145% dari RM1.45 bilion kepada RM3.56 bilion pada waktu ini.

Ini adalah usaha dan kecekapan pembangkang di negeri Johor, yang berkesan dan juga kita sentiasa berusaha memperingatkan kerajaan supaya mengawal status kewangan kerajaan secara berkhemah. Dan dulu ada pembentangan kerajaan yang selama 8 tahun pun tidak pernah menyerahkan penyata kewangan kepada Ketua Audit Negara. Itulah satu bezanya kita sebagai pembangkang bukan yang *constructive* telah memajukan negeri Johor. Oleh itu, saya mengharap semoga Wakil-Wakil Rakyat seberang sana boleh mempelajari cara berpolitik yang matang kami dan kerap menjadi pembangkang yang munasabah, cekap dan amanah seperti kami. (Dewan bertepuk). Ada peluang untuk mereka menjadi pembangkang.

**YB Timbalan Speaker : Ok Skudai. Gulung.**

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudal) :** Banyak lagi lah. Ada nak puji pihak kerajaan.

**YB Timbalan Speaker :** ikut peraturan. Kalau hendak jadi pembangkang yang baik, ikut peraturan Dewan. (Dewan ketawa)

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudal) :** Dan juga, peruntukan untuk pembangunan bagi negeri telah meningkat hingga 47% iaitu RM763 juta, itu juga atas nasihat pihak pembangkang sebelum ini. Kita hendak perbelanjaan wang itu lebih menumpukan kepada pembangunan daripada kos untuk mengurus dan mentadbir kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya hendak membawa keprihatinan Dewan yang mulia ini. Pada tahun 70-an, sebenarnya kita Malaysia, kita bangga sebab Malaysia sudah mencapai tahap negara maju. Kalau kira kemudahan hospital kita. Pada waktu itu, kita 1,000 penduduk ada katil, 3.5 katil. Ini maknanya lebih kurang dengan sama dengan tahap negara maju pada waktu ini iaitu 5 katil untuk 1,000 penduduk. Tetapi pada waktu ini Johor Bahru, pada Malaysia, pada keseluruhan adalah 1.8 katil untuk 1,000 penduduk. Untuk Iskandar Malaysia tinggi sedikit 1.86 katil hospital untuk 1,000 penduduk. Kita ada lebih kurang kalau hospital HSA, HSI lebih kurang ada 1,910 katil untuk penduduk sebanyak 1.6 juta di Iskandar Malaysia. Ini memang jauh dari mencukupi untuk memuaskan permintaan di Iskandar Malaysia. Kalau ikut kadar 3 katil, 1,000 penduduk Johor Bahru memerlukan hospital, sekurang-kurangnya 3 buah hospital iaitu berkapasiti 500 hingga 700 katil. 3 buah hospital lagi dalam tempoh yang singkat iaitu dalam 5 tahun ini.

Dan dalam jangka masa panjang kita perlukan sebenarnya, lebih kurang 8,000 iaitu 5,000 katil lagi hospital, 10 buah hospital yang berkapasiti 500 katil. Bayangkan kalau hospital terbakar, macam ICU terbakar. Bukan, saya faham. Dulu saya pernah kerja dekat HSA sebagai Pegawai Perubatan di Jabatan Nuerosurgeri, saya sentiasa keluar masuk, tiap-tiap hari keluar masuk ICU. Kalau bayangkan kita kena tutup ICU untuk penyelenggaraan, itu memang amat susah dan mustahil sebab tiap-tiap hari kita terpaksa pindah pesakit yang masih memerlukan rawatan ICU sebab tidak cukup katil. Itulah, kita mesti kalau sebagai satu kerajaan yang, yang prihatin kepada keperluan rakyat kita sebaiknya kena mempunyai pandangan yang jauh. Dari tahun 70-an, 80-an sudah ada rancangan untuk membina lebih banyak hospital di kawasan Iskandar Malaysia dan Johor Bahru.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu saya mencadangkan supaya Akta Kemudahan dan Jagaan Kesihatan swasta dipinda supaya pertubuhan kebajikan boleh diberikan insentif untuk mendirikan hospital berkebajikan dan mengenakan perbelanjaan perubatan dengan di antara hospital swasta mungkin lebih sedikit mahal daripada hospital kerajaan. Sebab, kapasiti hospital kerajaan tidak mampu lagi untuk menampung permintaan pesakit di seluruh negara. Kita kena mengakui fakta itu dan juga cuba melaksanakan satu insurans komprehensif untuk semua warga Malaysia, selain daripada SOCSO. Dan saya mengalu-alukan pembinaan Hospital Pakar Wakaf Johor mempunyai katil 280 katil di Bandar Baru Uda. Saya harap semua peruntukkan kebajikan itu, tidak kira mana-mana di inisiatif oleh mana-mana pihak boleh di buka kepada satu Malaysia. Sebab perubatan ini merupakan satu bidang kemanusiaan or dengan izinnya, *humanism*. Kita bukan sebab beza ideologi atau agama atau kaum,

tapi itu merupakan satu peluang di mana kita boleh menyatupadukan semua manusia, semua warga Malaysia dan satu bangsa Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itu sektor kesihatan juga merupakan visi pertubuhan Johor dan akan menjadi salah satu sektor tumpuan dalam Pembangunan Ekonomi Negeri Johor dan Pelan Pertumbuhan Strategik Negeri Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, latihan kemahiran dan vokasional semakin penting juga bagi pembangunan Iskandar Malaysia. Saya harap kerjasama di antara GBS Iskandar, Kolej Yayasan Pelajaran Johor, Akademi Binaan Malaysia, Kolej Teknikal dan Kemahiran Johor, Kolej Kemahiran Belia dan Kolej juga, kolej *francais* swasta boleh diwujudkan. Di mana program *francais* kemahiran dan vokasional kolej-kolej berkenaan sepatutnya di pertimbangkan khas untuk membantu pelajar bukan Melayu yang lemah dalam Bahasa Malaysia. 30% pelajar bukan Melayu tidak menghabiskan sekolah menengah jika mereka terbiar dalam pasaran pekerja, pekerjaan, mereka tidak akan mendapat pekerjaan yang lumayan atau menjadi penganggur sebaik sahaja meninggalkan sekolah. Pengangguran akan memupuk jenayah, mengancam keselamatan komuniti dan juga menjejaskan pembangunan sosial setempat. Oleh itu, satu sistem latihan kemahiran vokasional boleh di wujud dengan memperpanjangkan sistem latihan vokasional kerajaan supaya dijadikan lebih inklusif kepada semua ahli dalam sesuatu komuniti.

Oleh itu, saya mencadangkan sebahagian *Iskandar Malaysia Professional Fund* disalurkan untuk usaha memfrancaiskan program latihan vokasional kepada NGO bertauliah untuk menjayakan latihan vokasional kepada kalangan muda yang tidak menghabiskan sekolah menengah. Proses ini dikatakan pensosial, pensosialan atau *socialization* dengan izinnya, industri termasuk latihan kemahiran selain daripada *socialization*. Sistem latihan vokasional juga selalunya mengambil kira bidang-bidang vokasional terlibat dalam Pelan Tindakan Strategik PKS negeri Johor termasuk hospitaliti, pelancongan, pertanian, industri asas tani, seramik dan seni dan masakan membuat, pembuatan perabot dan sebagainya.

Berkenaan isu pengangkutan awam saya mengucapkan tahniah jugalah kepada KTM Berhad dan juga mengujudkan *Tebrau Sector* yang semakin popular. Dan, saya difahamkan bahawa KTM juga akan mempertingkatkan giliran *Tebrau Shuttle* iaitu kereta api di antara JB Central dan Woodlands. Dan saya pernah mencadangkan, cadangan tersebut dan diambil berat oleh KTM saya ucapkan bilion terima kasih.

Ini merupakan pengangkutan awam boleh menjadi popular dan komuniti kita dan *flow chart issues* boleh gunakan bas Muafakat Johor. Kita menyokong itu sebenarnya cadangan kita, kita tak akanlah menentang. Tapi yang penting itu, dalam 15 laluan, bas Muafakat itu di bawah 4 PBT Johor Selatan termasuk MP Pasir Gudang, MPJBT, MBBB dan juga MP Kulai, cuma 2 laluan yang sebenarnya melalui JB Central. Saya harap itu boleh dikaji cadangan saya boleh dikaji di mana setiap PBT itu khasnya bagi penduduk, tumpuan penduduk yang bekerja di Singapura boleh mengadakan laluan yang sampai ke JB Central khasnya pada waktu pagi dan waktu petang, waktu sibuk yang mereka pergi atau balik kerja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya harap...

**YB Timbalan Speaker :** Ok, Skudai. Dah melebihi waktu.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** 5 minit lagi. Satu dua perkara lagi.

**YB Timbalan Speaker :** Kalau tidak nanti Yong Peng marah.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Dengan RAPID *transition* saya kena bagi penjelasan bahawa kenapa...

**YB Timbalan Speaker :** Yong Peng tinggal 5 minit sahaja.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** 5 minit lagi? Dato' Speaker.

**YB Timbalan Speaker :** Pasal Skudai dah ambil.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Sebab, itu apa, pembinaan landasan berkembar dari Gemas ke Johor Bahru, mula-mula kerajaan kata akan menelan kos RM7.12 bilion sekarang di naik RM9 bilion. Menteri Pengangkutan kata itu sebab penurunan nilai ringgit. Ikut penurunan nilai ringgit itu masa, masa RM7 bilion ditetapkan pada tahap RM4.20 kepada USD1 kalau ikut RM9 bilion itu adalah nilai ringgit sudah menurun ke RM5.30 ke USD1. Itu sebab saya kata itu bukan jangkaan saya, itu jangkaan kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, itu kita kena memastikan projek-projek mega ini termasuk *high speed rail* dengan izinya, dengan landasan berkembar sampai RTS dan projek besar lain akan membawa manfaat kepada GLC kerajaan negeri dan juga kontraktor yang setempat. Setahu saya cuma bandar Malaysia itu, ikut kiraan saya KPRJ mempunyai lebih kurang ekuiti 24% dan untuk *high speed rail* pengurusan itu di tangan 100% di tangan syarikat MOF, Kementerian Kewangan. Satu sen kita pun tidak dapat untuk GLC kerajaan dan juga kita tidak jelas lagi sama ada *double speed*, *double track*, itu *rail* itu adalah sebahagian itu diberikan kepada GLC dan juga kontraktor setempat. Sebab itu melalui, akan mengambil tanah negeri Johor dan juga memberikan servis dan mengutip tol daripada kita. Oleh itu Dato' Speaker, untuk mempertingkatkan, yang penting itu ialah dua lebuhraya, iaitu lebuhraya Desaru, Senai-Desaru dan juga lebuhraya Pasir Gudang telah di pelebaran itu telah mengurangkan kesesakan trafik di lebuhraya Pasir Gudang.

Saya harap kita bukan sahaja Pasir Gudang dan juga Desaru, lebuhraya Desaru, Senai – Desaru, keadaan perlu diperbaiki sebab kita memang, orang kata permukaan jalan itu lebih macam, macam lautan, berombak-ombak. Lagi ada sebahagian, separuhnya perjalanan itu adalah 2 lorong sahaja itu bukan lebuhraya. Dan juga, lebuhraya Utara-Selatan, PLUS sepatutnya, selama-lamanya mengutip tol, tapi kita pergi sampai Seremban, sampai sekarang Melaka pun, ke Seremban dan Kuala Lumpur adalah 8 lorong lebuhraya. Kalau kita kena minta seluruh negeri datang dekat sampai Johor Bahru, sekurangnya kita memohon, kena 6 lorong untuk mengurangkan kesesakan trafik. Sekarang kita keluar dari *highway* pun sudah *jammed* khasnya hari cuti awam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya membawa ke perhatian Dewan yang mulia ini, saya dimaklumkan oleh sebuah NGO iaitu pendatang asing di Pengerang, berniaga secara permit, secara tanpa permit. Dan kita harap Jabatan Imigresen akan mengambil tindakan untuk membuat siasatan mengenakan hukuman yang

sepatutnya dan di sebaliknya, nelayan-nelayan Pengerang itu yang kehilangan rezeki telah diberikan latihan kemahiran yang baru dan juga rezeki yang baru.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

**YB Timbalan Speaker** :Ok, Skudai.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** :Satu perkara lagi, saya, sebab kita seperti yang dikatakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, bangsa Johor adalah satu konsep yang inklusif dan ada pusat-pusat hiburan yang pusat hiburan yang maklum pada saya, selama 3-4 tahun ini mereka tidak kena tutup kedai pada pukul 12.00, sebab banyak pelanggan yang datang lepas makan datang 1 jam kena tutup. Itulah, kita sebenarnya kita diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 2010, mereka boleh beroperasi sampai jam 3.00 pagi. Kalau memandangkan ini mungkin merupakan, tapi Pejabat Daerah menolak permohonan mereka. Tapi, walaupun ini memandangkan satu, mungkin dipandangkan sebagai satu isu yang sensitif, tapi kita boleh ambil contoh, bandar-bandar antarabangsa lain, di Dubai boleh dibuka sampai jam 2.00 pagi. Di Doha jam 3.00 pagi, Abu Dhabi boleh sampai jam 3.30 pagi. Oleh itu saya rasa ini bukanlah satu isu yang sensitif kerana kita memandangkan, memandangkan Iskandar Malaysia sebagai satu tumpuan pelancong.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya nak bawak satu isu lagi iaitu kita menggalakkan Satu Sukan Satu Komuniti di mana kita menganugerahkan wira-wira kita yang telah menang pingat emas di Sukan Paralimpik. Saya harap satu hari kita boleh menang pingat emas semasa Sukan Olimpik.

**YB Timbalan Speaker** : Skudai, sila duduk. Skudai, duduk.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Sebab..sedikit lagi. Saya nak gulung. Menyentuh tentang sukan...

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Peraturan Mesyuarat Tan Sri Speaker.

**YB Timbalan Speaker** : Duduk, Skudai, duduk.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Peraturan Mesyuarat

**YB Timbalan Speaker** : Saya rasa dah cukup.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Peraturan Mesyuarat Tan Sri Speaker.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : telah memperuntukkan futsal..

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Peraturan Mesyuarat Tan Sri Speaker.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : jabatan.

**YB Timbalan Speaker** : Dah. Jemput Yong Peng.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Tak, bila Dato' Speaker suruh duduk..

**YB Timbalan Speaker :** Yong Peng jemput.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Kata menjadi pembangkang yang bertanggungjawab.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Kita tak nak gaduh..

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Ini bagi contoh yang tak baik..

**YB Timbalan Speaker :** Saya rasa dah cukuplah.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Sedikit lagi..

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Jangan cakap..

**YB Timbalan Speaker :** Kan saya dah jemput Yong Peng..

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Dato' Speaker, perkara futsal..

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Peraturan Mesyuarat Dato' Speaker.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Saya rasa sebab..

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Peraturan Mesyuarat Dato' Speaker.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Di bawah penyelenggaraan..

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Peraturan Mesyuarat Dato' Speaker. Bila Dato' Speaker bercakap...

**YB Timbalan Speaker :** Skudai duduk..

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Sedikit lagi Dato' Speaker..

**YB Timbalan Speaker :** Yong Peng. Skudai dah cukup.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Sedikit lagi. 2 minit.

**YB Timbalan Speaker :** Saya cakap duduk, duduk.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Nak puji pun tak boleh.

**YB Timbalan Speaker :** Jemput, Skudai jemput duduk. Yong Peng jemput. Teruskan perbahasan. Yong Peng tak berani. Kalau bagi laluan, saya bagi Yong Peng 5 minit.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Pelan hala tuju Sungai Skudai telah dilaksanakan tahun 2014 - 2015. Skudai cuma senyap sahaja. Sebab kita nak bagi peluang untuk EXCO yang berkenaan untuk menunjukkan kebolehan beliau, menunjuk komitmen beliau untuk menyelesaikan masalah ini. Tapi masa saya pergi sungai, sebab saya pergi

Sungai Johor ambil sampel air sebab Loji Rawatan Skudai telah berhenti beroperasi disebabkan pencemaran air sungai.

Dato' Speaker, saya ditegur sebab dia kata saya merayau ke kawasan orang lain. Nampaknya EXCO ini tidak buat kerja, sebab dia tak tahu lagi bekalan air di Skudai, Pulau. Sekarang bukan dari Loji Rawatan Sungai Skudai lagi sebab dari Sungai Johor. Sebagai Wakil Rakyat kita ambil air sampel untuk buat keputusan menentukan sebabnya tapi setakat ini belum ada sebarang tindakan diambil. Tak ada pengilang yang dikenakan tindakan, didakwa dalam mahkamah. Barulah sekarang kita ada termasuk kawasan Pulau dan Skudai. Tak ada air untuk 2 hari, 3 hari pada bulan Julai. Barulah dia nak berdialog dengan pengilang dan barulah dia nak buat pemantauan dan tak ada penguatkuasaan setakat ini. Kita bukan, bukan saya nak cakap apa. Sebab kita ada perjanjian, dulu kata kita kawan, jangan lawan banyak sangat dan..

**YB Timbalan Speaker :** Dah 2 minit.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Satu lagi, saya ada hadiah untuk EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar melalui Dato' Speaker..

**YB Datuk Haji Adam bin Sumru (Tanjung Puteri) :** Peraturan...

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Iaitu boof dulu...

**YB Datuk Haji Adam bin Sumru (Tanjung Puteri) :** Peraturan, Peraturan...

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** digunakan 10 tahun untuk meninjau semua sungai di negeri Johor...

**YB Datuk Haji Adam bin Sumru (Tanjung Puteri) :** Peraturan, Peraturan...

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** ... saya nak hadiahkan kepada EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar melalui Dato' Speaker. Sekian, terima kasih. Harap mereka bermula bekerja mulai hari ini dan saya bagi hadiah boof lama saya. Sekian, terima kasih. Jutaan terima kasih.

**YB Timbalan Speaker :** Ok Yong Peng, 5 minit.

**YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Izinkan Yong Peng membawa suara rakyat Yong Peng ke dalam Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat tengah hari, salam impian Johor dan salam BERSATU. Yong Peng mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberikan peluang mengambil bahagian untuk membahaskan Bajet 2017 Negeri Johor yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 17 November yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara pertama yang ingin Yong Peng bangkitkan isu wanita kerana nampaknya Bajet 2017 tidak banyak menyentuh dasar-dasar wanita. Yong Peng berpendapat bahawa kerajaan negeri perlu ada rancangan yang strategik untuk meningkatkan peratus wanita dalam tenaga kerja. Salah satu langkah yang boleh diambil untuk menggalakkan wanita terus bekerja ialah memastikan pusat penjagaan kanak-kanak di Johor adalah boleh didapati dengan senang dan mampu



dibiayai. Walaupun taska adalah satu dalam bidang kerajaan persekutuan, Yong Peng percaya kerajaan negeri boleh turut memainkan peranan dalam usaha ini. Yong Peng ada 3 cadangan kepada kerajaan negeri.

Pertama, kerajaan negeri perlu menubuhkan sebuah unit khas di bawah Portfolio Wanita yang memberi tumpuan kepada pembangunan taska dan tadika di negeri Johor. Unit ini boleh bekerjasama dengan kerajaan persekutuan, pihak swasta serta NGO yang berkaitan untuk membuat dasar dan rancangan serta menjadi *one stop centre* kepada pengusaha-pengusaha taska di Johor. Di samping itu, kerajaan negeri Johor harus menyediakan perkhidmatan taska di semua bangunan utama kerajaan negeri Johor termasuk Dewan negeri ini.

Kedua, kerajaan Johor harus ada rancangan untuk mendorong syarikat-syarikat swasta di Johor untuk menubuhkan pusat jagaan sendiri di tempat-tempat kerja.

Cadangan ketiga, Yong Peng berharap bahawa kerajaan negeri boleh mewajibkan pemaju menyediakan sebuah tempat khusus untuk pusat penjagaan anak untuk semua projek pembangunan perumahan pada masa yang akan datang. Tambahan lagi, PBT harus menyingkatkan masa permohonan berhubung pusat penjagaan kanak-kanak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain pusat penjagaan kanak-kanak, Yong Peng juga ingin membangkitkan perkara lain mengenai golongan wanita. Yong Peng mendapati bahawa banyak tempat kerja mahupun bangunan awam tidak mempunyai tempat yang sempurna untuk ibu-ibu yang menyusu untuk mengepam susu mereka. Mereka sering perlu untuk mengepam susu di dalam tandas. Pada pendapat Yong Peng adalah tidak wajar, makanan bayi dikendalikan dalam tandas. Yong Peng menyeru kerajaan negeri supaya menyediakan satu ruang menyusu dan ia perlu berasingan daripada tandas. PBT-PBT juga perlu memastikan ini menjadi satu syarat wajib bagi projek-projek masa depan. Dengan menyediakan tempat yang lebih sesuai untuk para ibu-ibu bekerja kita boleh menanggapi bakat dan potensi para ibu yang bekerja, justeru meningkatkan produktiviti ekonomi negara ini. Kita mesti sedar bahawa dasar wanita yang baik bukan sahaja mengenai hak wanita, malah ia adalah baik untuk sosial dan ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan tragedi kebakaran Hospital Sultanah Aminah yang telah berlaku pada 25 Oktober lepas. Yong Peng ingin mengambil peluang ini mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa yang terkorban semasa kebakaran berlaku. Yong Peng juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan, kakitangan hospital dan agensi yang terlibat yang berjaya membawa keluar 473 pesakit dalam lingkungan masa sejam sewaktu kebakaran berlaku. Yong Peng ingin menegaskan bahawa aspek keselamatan pesakit dan kakitangan hospital perlu diutamakan dan perlu memastikan insiden seumpama ini tidak berulang dan berlaku di hospital yang lain. Yong Peng menyeru kerajaan supaya satu suruhanjaya siasatan perlu dibentuk untuk menjalankan siasatan bebas di samping siasatan sedia ada oleh agensi yang bertanggungjawab.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada 12 November yang lepas Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor berkenan mencemar duli bagi merasmikan Taman Hijau, Che Ann Khor Yong Peng yang turut menempatkan satu seni bina replika terowong naga sebagai

tarikan pelancong baru di Yong Peng. Seni bina terowong naga yang terbesar dan terpanjang di dunia dengan nama Naga Sejahtera, itu menempatkan 42 lukisan yang memaparkan simbol akhlak dan keperibadian mulia mengikut kepercayaan agama Buddha.

Yong Peng berkeyakinan Taman Hijau Che Ann Khor ini mampu memperhebatkan lagi sektor pelancongan Johor. Di sini Yong Peng meminta pihak kerajaan meneliti semula dan menaik taraf infrastruktur seperti jalan raya, petunjuk jalan, garis sempadan jalan, tandas awam dan segalanya. Yong Peng juga memohon supaya kerajaan negeri mengiktiraf Naga Sejahtera ini dengan mendirikan papan tanda berwarna coklat yang menandakan tempat pelancongan rasmi di pintu masuk ke Pekan Yong Peng.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yong Peng percaya selain tempat melancong yang menarik, makanan yang sedap, ada unsur-unsur lain yang dapat membawa tarikan pelancong. Yong Peng berharap semua usaha atau cadangan dari semua pihak tidak kira ia dari kerajaan atau pihak pembangkang harus diambil berat dan diberi sokongan. Yong Peng telah terima respons yang amat positif dari golongan masyarakat Pekan Yong Peng yang mana pusat Komuniti Yong Peng bercadang mengadakan satu gambar dinding berskala besar iaitu *Mural of Malaysia* yang bercorak perpaduan diadakan di Pekan Yong Peng. Yong Peng berharap, lukisan yang dicadangkan di atas dapat perhatian kerajaan negeri dan dapat kelulusan dari Majlis Daerah Yong Peng. Walaupun tidak ada peruntukan dari kerajaan negeri dengan sokongan dari masyarakat tempatan telah dorongan pihak kami berkeyakinan menjayakan projek ini dan kami bersedia berganding bahu dengan Majlis Daerah Yong Peng dan kerajaan negeri supaya menjayakan projek ini yang yakin akan melonjakkan industri pelancongan di Yong Peng.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sedia maklum ketika ini kos sara hidup semakin meningkat dengan mata wang ringgit Malaysia yang semakin merosot. Rakyat sudah terasa impaknya. Tambah lagi kerajaan persekutuan telah menghapuskan subsidi petrol dan minyak masak. Lagi teruk bayaran pesakit kepada hospital kerajaan juga turut meningkat. Keadaan ini telah mengakibatkan rakyat terasa, rasa terdesak dan Yong Peng berharap kerajaan dapat mengkaji semula segala kenaikan yang tersebut di atas.

Yang Berhormat Dato' Speaker,...

**YB Timbalan Speaker :** Sila Yong Peng, gulung.

**YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) :** Ada beberapa isu penting di Yong Peng.

**YB Timbalan Speaker :** Dah janji tadi.

**YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) :** Suara rakyat Yang Berhormat Dato' Speaker. Dalam Bajet 2017 Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga sentuh tentang peluasan perkhidmatan Bas Muafakat Johor. Yong Peng berharap perkhidmatan ini dapat termasuk perjalanan dari Batu Pahat ke Kuala, Ayer Hitam ke Labis, Yong Peng ke Paloh, Yong Peng ke Batu Pahat dan Muar.

Yong Peng juga bercadang supaya kerajaan negeri Johor mengikut jejak kerajaan negeri Pulau Pinang memberi pengecualian cukai pintu kepada pemilik rumah kos rendah, kos sederhana dan rumah kampung pada 2017. Untuk membuktikan kerajaan negeri amat prihatin dengan meringankan beban yang ditanggung rakyat berpendapatan rendah. Ekoran dihambat pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan iaitu GST.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Sekolah Agama Sri Yong Peng telah siap dibina dan mula diguna pada Jun yang lepas. Terima kasih diucapkan. Walaupun sebelum itu ia adalah salah satu projek yang tertunda. Yong Peng cadangkan setiap sekolah yang dibina harus disediakan pondok untuk pelajar berehat sementara menunggu ibu bapa mereka datang mengambil. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sekolah agama ini di siap tanpa pondok dan penduduk tempatan yang terpaksa cari dana dan membina pondok sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jambatan ke sekolah agama ini juga amat sempit dan berharap pihak kerajaan dapat melebarkan jambatan tersebut demi keselamatan pelajar-pelajar di sekolah tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pada 3 September, JKR telah melakukan kerja selenggara di jambatan Sungai Bekok, Jalan Muar di Pekan Yong Peng. Kerja ini telah mengakibatkan kesesakan jalan yang amat teruk. Yang Berhormat Dato' Speaker, hanya satu jambatan yang dapat membawa penduduk menyeberangi Sungai Bekok di pekan Yong Peng. Yong Peng bercadang agar satu jalan alternatif termasuk jambatan dapat dibina dari Yong Peng ke Parit Yaani supaya mengelakkan kesesakan jika terdapat segala kemalangan atau kesesakan lalu lintas dan ia juga dapat menyelesaikan masalah di mana kenderaan berat masuk ke pekan Yong Peng dan sentiasa menyebabkan kesesakan lalu lintas dan juga menggugat keselamatan pengguna jalan raya yang lain. Kalau tidak sekurang-kurangnya melebarkan jambatan yang sedia ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yong Peng telah menerima aduan daripada penduduk tempatan dengan penambahan kes pecah rumah di pekan Yong Peng. Selain menambahkan anggota polis, di balai polis Yong Peng, Yong Peng bercadang supaya CCTV dipasang di setiap persimpangan pintu masuk ke kampung-kampung, taman-taman dan kawasan perumahan. Kita ambil Taiwan sebagai contoh. Banyak masalah dapat diselesaikan dengan bergantung kepada CCTV yang dipasang di jalan-jalan utama dan kawasan perumahan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yong Peng mengucapkan terima kasih, Bajet Negeri Johor 2017 yang memberi peruntukan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Institut Pengajian Tinggi di Johor. Dalam konsep keadilan Bangsa Johor dan Muafakat Johor, Yong Peng memohon supaya peruntukan 2017 jangan lupa Sekolah Menengah Cina di negeri Johor. Sekolah Menengah Cina Yong Peng merupakan salah satu sekolah di antara 8 buah sekolah menengah cina di negeri Johor. Sekolah ini menghadapi masalah kewangan di mana tidak cukup RMT juta setiap tahun dan dia perlu memungut derma dari masyarakat tempatan setiap tahun. Ramai di antara ibu bapa murtad adalah pembayar cukai. Yong Peng ingin mengambil kesempatan ini memohon peruntukan kerajaan negeri supaya peruntukan sebanyak RM500,000.00 dapat di salur kepada Sekolah Menengah Cina Yong Peng setiap tahun untuk

meringankan beban ibu bapa dan juga masyarakat setempat khususnya dalam suasana ekonomi yang kurang baik baru-baru ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sistem pendidikan sekolah Cina Yong Peng bukan sekadar mahu pelajar cemerlang dari segi akademik tetapi juga dari segi kurikulum seni budaya dan sukan. Selain itu, purata kelulusan yang tinggi sebanyak 60% dapat menjamin pelajar mengekalkan prestasi akademik mereka. Justeru itu, sekolah ini mempunyai hubungan yang erat dengan Sekolah Menengah Cina Antarabangsa lain seperti China dan Taiwan. Pada beberapa bulan yang lepas, pelajar dari negara China telah mengadakan lawatan sambil belajar di Yong Peng. Ini dapat memupuk sosio budaya sambil belajar di antara pelajar Malaysia dengan pelajar negara lain. Ini merupakan salah satu cara untuk mempromosikan keunikan Yong Peng seperti Naga Sejahtera terbesar di dunia di peringkat antarabangsa. Dia juga secara tidak langsung dapat meningkatkan industri pelancongan di Yong Peng di samping meningkatkan pendapatan penduduk Yong Peng.

**YB Timbalan Speaker :** Ok Yong Peng, tamatkan perbahasan.

**YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) :** Baik, baik.

**YB Timbalan Speaker :** Bagi *chance* pada Tangkak.

**YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) :** Peruntukan tahunan tetap daripada kerajaan negeri adalah amat diperlukan supaya Sekolah Menengah Cina Yong Peng dapat diteruskan demi menghasilkan pelajar yang berkualiti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selaku ADUN Yong Peng yang telah dipilih, ucapan selamat menyambut hari perayaan melalui *banner* dan *bunting* merupakan satu tanggungjawab bersama. Yong Peng berasa hairan begitu cekap Penguatkuasa Majlis Daerah Yong Peng dengan membuka *banner* dan *bunting* yang baru dipasang dalam masa tidak sampai 1 hari. Yong Peng mengalu-alukan kerjasama dari Majlis Daerah Yong Peng di mana ucapan dari wakil rakyat tidak kira pihak kerajaan atau pihak pembangkang tidak boleh dianggap sebagai satu tindakan politik dan sebenarnya ia harus di galakkan sewaktu musim perayaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu-isu yang dibangkitkan di Dewan yang mulia ini, sebenarnya bertujuan untuk kebalkan bersama dan demi kebajikan rakyat jelata. Bukan sekadar mainan politik semata-mata. Justeru itu Yong Peng menyeru pihak kerajaan hendaklah memandangkan positif apa jua isu yang dibangkitkan sekiranya ia berasas. Marilah bersatu memajukan negeri yang kita cintai ini. Tidak mungkin kami akan membawa isu-isu yang tidak relevan dan akhirnya akan menjerat kami sendiri. Semuanya dilakukan adalah atas keperluan dan kehendak rakyat semua.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir sekali Yong Peng menyeru pihak kerajaan mengambil perhatian isu-isu yang Yong Peng bangkitkan dalam ucapan tadi. Tidak kira kita di sebelah pembangkang atau kerajaan, memberi khidmat untuk kesejahteraan dan kesejahteraan rakyat adalah tanggungjawab bersama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekian ucapan Yong Peng. Terima kasih.

**YB Timbalan Speaker :** Ok, perbahasan diteruskan, sila Tangkak.

**YB Encik Ee Chn Li (Tangkak) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, selamat tengah hari dan selamat sejahtera Tangkak ucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Speaker dan juga Ahli-Ahli Dewan Negeri yang berada di Dewan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tangkak ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai jabatan dan juga kakitangan-kakitangan awam negeri Johor atas usaha dan kerja keras mereka selama ini kerana tanpa korban mereka negeri yang kita cintai ini tidak akan mencatat prestasi yang begitu cemerlang seperti sekarang. Malangnya, selepas mereka menyumbangkan tenaga dan masa mereka demi kesejahteraan negeri kita, hak asasi sebagai rakyat mereka telah diancam selepas Yang Amat Berhormat Menteri Besar membuat kenyataan bahawa mereka perlu menyokong kerajaan yang memerintah. Tangkak hendak mengingatkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, tanggungjawab kakitangan awam adalah melaksanakan kerja-kerja seharian yang ditetapkan oleh kerajaan. Iaitu, menjalankan tugas tanpa mengira sikap partisan dengan membelakangi amanah dan arahan yang telah diberikan. Tetapi, dalam memilih dan menyokong mana-mana parti politik adalah hak peribadi mereka dan pihak pemerintah tidak berhak untuk membuat sebarang sekatan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga mengatakan dalam ucapan Bajet 2017 tentang negeri Johor merekodkan kadar kemiskinan '0' dalam bandar dan luar bandar. Tapi, dalam sesi soal jawab semalam, EXCO mengatakan pula kadar kemiskinan sifar yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar adalah merujuk kepada miskin tegar. Dan, Johor masih mempunyai ramai lagi dalam keadaan miskin dan mudah miskin.

Oleh itu, Tangkak ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan, adakah golongan miskin dan mudah miskin tidak ambil kira dalam kadar kemiskinan yang di bentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kalau bukan, adakah bermakna Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengelirukan Dewan yang mulia ini pada hari Khamis yang lalu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kos sara hidup semakin meningkat disebabkan keadaan ekonomi semasa dan kejatuhan nilai ringgit kebelakangan ini. Rakyat terpaksa menanggung kos yang lebih tinggi dalam hidup seharian mereka kerana pendapatan mereka tidak naik ketika harga barang naik. Mengikut rekod BR1M, Johor mempunyai 889,636 penerima. Iaitu, di tangga kedua jumlah terfinggi penerima di seluruh negara. Oleh itu, kerajaan diminta menangani masalah ini bagi mengurangkan beban kos sara hidup yang semakin meningkat dan semoga rakyat tidak hidup dalam keadaan tekanan yang begitu berat. Tangkak dengan ini sekali lagi ingin mencadangkan supaya kerajaan Johor menimbang dengan serlus apa yang telah dibangkit oleh YB Yong Peng tadi untuk menanggungkan cukai-cukai harta bagi rumah kos sederhana, rumah kos rendah, rumah flat, rumah pangsa kos rendah dan sederhana. Mengikut jawapan yang dibekalkan, jumlah rumah-rumah kos rendah dan sederhana dalam negeri Johor adalah lebih kurang 140,000 buah. Maksudnya, kalau kerajaan negeri Johor dapat tanggung cukai-cukai harta mereka, 140,000 keluarga akan dimanfaatkan.

Selain daripada itu, kerajaan juga diminta supaya memberikan peluang-peluang berniaga untuk mereka yang ingin menambah pendapatan. Termasuk memudahkan

proses permohonan lesen penjaja dan lesen penjaja bergerak seperti *food truck* dengan izin, menambahkan tapak-tapak gerai dan ruang perniagaan. Sebagai keikhlasan kerajaan negeri Johor dalam bantuan kepada penjaja-penjaja yang berpendapatan rendah, Tangkak juga cadangkan kerajaan negeri menanggung bayaran lesen penjaja pada tahun 2017 yang berharga lebih kurang RM120.00 setiap lesen setiap tahun.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Ucapan Bajet 2017 pada 17 November lalu, juga membentangkan strategi mengurangkan kos sara hidup. Antaranya ada program pertanian rakyat dan pemberian air percuma. Peruntukan sebanyak RM400,000.00 telah disediakan dalam melaksanakan program pertanian rakyat yang menggagalkan rakyat menghasilkan bahan makanan sendiri. Tetapi, bagi mereka yang tinggal di kawasan taman-taman perumahan macam mana mereka boleh tanam makanan atau pun bahan makanan memandangkan kawasan tempat duduk mereka dalam keadaan yang tiada tanah lapang lebihan. Apakah bantuan yang kerajaan negeri boleh beri kepada golongan ini? Tambahan lagi, petani-petani makanan seperti petani sayur yang sedia ada di negeri Johor menghadapi masalah kekurangan tempat menanam sayur. Masalah ini mengakibatkan hasil-hasil sayur selalu berlaku kekurangan. Bolehkah kerajaan mengurniakan tanah yang sesuai untuk petani-petani tersebut atau pun menyewakan tanah rizab kerajaan yang tidak diguna kepada mereka?

Kedua, kerajaan negeri meluaskan penerima air percuma kepada golongan dalam senarai e-Kasih dari 2,892 penerima pada tahun ini kepada 5,000 penerima pada tahun 2017. Soalnya, berapa jumlah sebenarnya dalam senarai e-Kasih negeri Johor? Kalau boleh, mintalah berikan jawapan secara terperinci mengikut jumlah di setiap daerah. Keputusan kerajaan memperuntukkan RM20 juta untuk membeli rumah mampu milik yang akan ditawarkan kepada rakyat yang layak melalui skim sewa beli amat dialu-alukan. Walaupun dengan peruntukan ini, cuma mampu menyediakan 200 hingga 300 lebih buah rumah dalam skim ini, Tangkak berharaplah skim ini boleh diteruskan dan diperluaskan pada masa yang akan datang di setiap daerah yang mempunyai keperluan. Cara dan syarat permohonan skim ini juga diharapkan dapat di umum kepada kami dan seluruh rakyat Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut satu laporan pada bulan Jun ini, Johor telah mencatatkan kedatangan pelancong seramai 6.95 juta orang melawat negeri kita. Tahnihlah kepada Jabatan Pelancongan Negeri Johor dan kita percaya jumlah pelancong ke Johor akan meningkat lagi. Kerajaan negeri dalam Bajet 2017 juga berhasrat mempelbagaikan produk industri tanpa asap ini dan ingin menjadikan Johor sebagai tempat melancong yang lebih menarik. Kami sedia maklum bahawa pelancong dan pengunjung sekarang terdiri daripada banyak golongan yang bertlainan. Trend yang paling popular sekarang adalah *free and easy* dengan izin, iaitu pelancong merancangkan perjalanan mereka sendiri tanpa mencari ejen pelancongan. Mereka biasanya akan mendapatkan informasi pelancongan sesuatu tempat dari laman web. Oleh itu Jabatan Pelancongan Negeri Johor harus memastikan info-info tempat pelancongan di Johor dapat dicari dalam laman web dengan butiran-butiran seperti keistimewaan tempat-tempat tersebut, lokasi, nombor contact, nombor telefon dan sebagainya. Kebanyakan pelancong yang *free and easy* ini melawat ke Johor adalah melalui tambak Johor, Lapangan Terbang Senai dan ada juga dari jeti-jeti di seluruh Johor. Mereka akan menggunakan teksl dan bus

sebagai pengangkutan. Tangkak mencadangkan Jabatan Pelancongan mengambil pemandu-pemandu teksi terutama mereka yang bawa penumpang di pintu masuk Johor sebagai pemandu pelancongan. Beri mereka kursus pemandu pelancong dan mereka boleh memperkenalkan tempat-tempat pelancongan negeri Johor kepada penumpang yang melancong ke Johor.

Pemandu teksi ini juga boleh menambahkan pendapatan mereka melalui menolong pelancong merancang perjalanan dan menawarkan perkhidmatan pengangkutan pelancong. Kerajaan juga ingin membuka *Caravan Park* dengan izin, di seluruh negeri tetapi penjualan caravan di negara kita ini tidak banyak. Kebanyakan caravan adalah diubah suai kepada kereta MPV. Masalah ialah mengikut garis panduan pengubah suai kenderaan yang ditetapkan oleh JPJ ia tidak termasuk mengubah suai kepada caravan iaitu setakat sekarang ubah suai MPV menjadi caravan adalah haram. Oleh itu, satu lagi masalahnya keselamatan tapak caravan serta bekalan air dan bekalan tenaga elektrik juga akan menentukan projek *Caravan Park* ini boleh berjaya ke tidak. Apakah pandangan dan penyelesaian Jabatan Pelancongan Negeri dalam ketiga-tiga masalah ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kami menghargai tindakan kerajaan negeri dalam bantuan kewangan untuk membaik pulih sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil dan Cina yang kebanyakan terdiri daripada sekolah bantuan modal. Masyarakat Tamil dan Cina terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk membayar bil air, bil elektrik untuk dewan dan kantin sekolah setiap bulan. Dan, yang paling membebankan mereka adalah cukai tanah yang begitu tinggi.

Tangkak menyeru kerajaan supaya memudahkan kesemua pemohon-pemohon kadar cukai nominal RM1.00 setahun yang telah disetujui oleh kerajaan negeri Johor dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 14 Jun 2006. Minta kerajaan umumkan berapakah, berapa banyak permohonan yang telah diterima sepanjang 10 tahun ini berapa permohonan telah diluluskan dan berapa lama masa diambil untuk meluluskan permohonan tersebut. Sekali dengan jumlah permohonan penghapusan cukai tunggakan, cukai tanah sekolah bantuan modal yang telah diluluskan dan jumlah cukai penghapusan terbabit.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selepas Program *Zero Pothole* Kementerian Kerja Raya dilancarkan kita bersyukur kerana lubang-lubang jalan yang membahayakan telah dibaiki dalam masa yang singkat. Kita juga selalu nampak kereta rondaan konsesi syarikat meronda di jalan utama. Ia dapat mengurangkan berlaku kemalangan disebabkan oleh kerosakan jalan raya. Tugas mereka termasuk penyelenggaraan bahu jalan, perabot jalan raya, jambatan, pembetung, parit dan pemeriksaan ...

**YB Timbalan Speaker :** Tangkak sila duduk.

**YB Encik Ee Chin Li (Tangkak) :** PBT-PBT yang berkemampuan bolehlah melantik syarikat untuk kerja-kerja pemantauan dan membaiki lubang jalan. Satu lagi yang Tangkak ingin mencadangkan adalah setiap PBT mewujudkan aplikasi telefon pintar bagi memudahkan penduduk membuat aduan tentang kerosakan kemudahan-kemudahan PBT. Projek menaik taraf Jalan J23 yang menyambungkan daerah Tangkak dan Segamat sedang dijalankan. Tetapi sebahagian jalan dari bandar Tangkak ke Jementah yang belum dimulakan masih sangat bahaya. Jalan yang

bengkang bengkok yang sempit adalah suatu ancaman yang besar kepada pengguna-pengguna jalan raya. Tangkak meminta pihak berkenaan boleh melebarkan sedikit jalan tersebut terutama di beberapa selekoh yang besar secepat mungkin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rancangan pembinaan tebatan banjir di Kampung Sri Lalang, Tangkak dipercayai boleh menyelesaikan masalah banjir kilat yang sering berlaku ketika hujan lebat di sekitar kawasan termasuk Kampung Seberang Gajah, Tangkak. Semoga projek ini juga akan sekali gus menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan anak Sungai Kesang yang bernama Sungai Tangkak. Kampung-kampung terjejas adalah Kampung Pengkalan Besar dan Kampung Sri Makmor, Tangkak.

Pada tahun 2007, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Johor telah merancang untuk menubuh satu kawasan perindustrian makanan halal di Bukit Kangkar, daerah Tangkak. Kerja-kerja pengisian tanah telah siap pada tahun yang sama tetapi sehingga hari ini masih belum nampak ada kilang dibina. Adakah rancangan tersebut telah terbengkalai? Berapakah kos yang telah digunakan pada tahun 2007 dalam persediaan tapak tersebut?

Yang Berhormat Dato' Speaker, menurut ucapan Bajet 2007 Yang Amat Berhormat Menteri Besar jumlah rizab negeri setakat sekarang adalah sebanyak RM3.43 bilion dan Bajet 2017 dijangka akan dapat lebih sebanyak RM1.3 juta. Wang rizab dan lebihan Bajet ini pasti cukup untuk menampung cadangan-cadangan yang telah diutarakan oleh Tangkak tadi seperti menyerap cukai-cukai harta rumah kos rendah dan sederhana, bayaran-bayaran lesen penjaja, memperluaskan Skim Rumah Sewa Beli, memberi cukai tanah nominal RM1.00 kepada sekolah bantuan modal dan menghapuskan tunggakan cukai tanah sekolah tersebut.

Yang terakhir Yang Berhormat Dato' Speaker, kita sama-sama menyaksikan begitu lengkap peralatan-peralatan rakaman di Lobi Dewan Negeri pada 17 November lalu ketika Yang Amat Berhormat Menteri Besar membentangkan Bajet 2017 dalam Dewan ini. Peralatan tersebut digunakan untuk membuat siaran langsung serentak di radio FM dan juga saluran internet.

Tanggak sekali lagi meminta kerajaan negeri membuat siaran langsung setiap hari sepanjang persidangan Dewan Negeri. Kalau katakan kerajaan tidak mampu membuat demikian Yang Berhormat Dato' Speaker, Tangkak sudah bersedia untuk menawarkan, untuk membuat siaran langsung persidangan Dewan Negeri secara percuma dengan syarat kerajaan negeri membekalkan punca audio dan video kepada saya. Kesemua kos peralatan dan kerja-kerja live stream atau pun siaran langsung akan ditanggung oleh saya sendiri. (Dewan bertepuk)

**YB Timbalan Speaker :** Dengan syarat gambar Yang Berhormat terpampang dululah.

**YB Encik Ee Chin Li (Tanggak) :** Terima kasih, terima kasih Dato' Speaker. Sekianlah, terima kasih Dato' Speaker.

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih Tanggak. Ahli-Ahli Yang Berhormat persidangan saya tangguhkan hingga jam 2.30 petang.



**Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 petang.**

**Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang .**

**YB Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Tan Sri Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat persidangan disambung semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat kita masih dalam perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali kedua Enakmen Pembekalan (2017) tahun 2016. Kita sambung perbahasan ini dengan menjemput Yang Berhormat Kukup.

**YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup) :** Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi warabakatuh, salam Muafakat Johor. Alhamdulillah (selawat dan doa). Terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker yang memberi taluan Kukup untuk berbahas dalam Pembentangan Bajet pada tahun ini.

Kukup ingin memulakan ucapan Bajet ini dengan suatu cerita. Ada sebuah kapal yang sangat hebat mampu belayar ribuan batu dan kapal ini dinakhodai oleh seorang nakhoda yang sangat hebat dan ahli-ahli kelasi kapal pulak ramai yang hebat-hebat belaka. Namun demikian terdapat 18 maaf 19 daripada kalangan ahli kelasi itu rupanya mempunyai kiblat yang lain tidak mengikut telunjuk nakhoda. Jadi, kapal ini hendak belayar ke sebuah pulau yang dinamakan pulau berkemajuan. Jadi, sepanjang hendak belayar ke arah pulau berkemajuan itu memang terdapat kacau ganggu daripada kelasi yang tidak taat setia ini. Namun demikian, akibat kebijaksanaan nakhoda ini ada kelasi yang cuba hendak bocorkan kapal kita tumpul balik. Ada kelasi yang hendak mencuri makanan simpanan kita hendak buang ke laut, kita berjaya menahannya. Akhirnya kapal ini dapat belayar ke destinasi yang telah ditetapkan yang dipersetujui bersama.

Tapi malangnya Tan Sri Speaker, bila sampai sahaja ke pulau itu, ada yang mendakwa tadi orang yang cuba sabotaj untuk mengagalkan operasi ini, perjalanan kapal ini mendakwa bahawa beliaulah sebenar-sebenarnya menyebabkan kapal ini berjaya sampai ke destinasi yang dikehendaki. Beliaulah yang mendabik dada kerana beliaulah ini kata dia menguji kehebatan kelasi dan juga nakhoda kapal mengacau ganggu kapal itu tapi akhirnya kapal itu sampai ke destinasi yang dituju kerana gangguan beliau itulah, kata dia merupakan ujian kepada nakhoda dan juga kelasi. Orang inilah mendabik dada mengatakan bahawa mereka yang menyebabkan perjalanan kapal itu sampai sebagaimana yang sepatutnya.

Jadi, kalau tanya saya ini sebagaimana bahasa, peribahasa lembu punya susu, sapi dapat nama atau pun hilang jasa belung, timbul jasa rimbas atau satu lagi peribahasa kerbau kalau sudah tanduknya panjang, tidak menanduk pun dikatakan menanduk juga. Jadi, kalau kita lihat tadi ialah apa yang dikatakan oleh Skudai adakah kejayaan Johor ini dicapai disebabkan oleh kehebatan pembangkang. Adakah Johor mendahului tiga kali ganda dari sudut pelaburan FDI berbanding Selangor dan juga Pulau Pinang akibat hebatnya pembangkang di Johor tidak hebatnya pembangkang di Selangor dan juga di Pulau Pinang. Adakah ini perkara yang di masuk akal dek kita yang cerdas, sihat ini Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Sudah barang tentu yang diukur itu siapa yang memerintah dan menerajui kerajaan pada ketika itu. Mana mungkin orang yang mengacau ganggu apa itu, meremeh-remehkan kejayaan itulah yang

dianggap sebagai pejuang dan juga penyelamat kepada keadaan yang kita hadapi sekarang.

Jadi kalau kita lihat, akibat kewibawaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita jugalah yang telah menggariskan satu belanjawan yang cukup dinamik, cukup inklusif yang mencakupi segala aspek sehinggakan pembangkang kita sebenarnya tiada isu lagi yang hendak diperkatakan dalam Dewan yang mulia ini, kecualilah melantik diri mereka sebagai pegawai KPI, menguji sana pastikan kerajaan mesti capai, pastikan kerajaan ikut, semua sudah ada kita sudah menyediakan semua platform dan menyediakan segala susunan dan juga *touch point* yang harus dicapai oleh kerajaan. Dan, terbukti dalam tempoh 3 tahun lebih ini banyak *touch point* kita itu telah kita capai maksudnya janji kita selama ini bukan janji-janji kosong Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Keduanya, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, keduanya Tangkak ada memperitakikan, bagi saya tuduhan ini sangat berat. Beliau mengatakan MB cuba mengelirukan Dewan dengan memberitahu bahawa kemiskinan di Johor ini adalah sifar. Saya ulang, kemiskinan adalah sifar, jadi dituduh MB kita membuat kenyataan yang mengelirukan. Tidakkah kita telah mengikut garis panduan kemiskinan yang telah diaturkan oleh pusat bahawa sesiapa saja rakyatnya yang melebihi RM720.00 ke atas itu bukan miskin, bawah RM720.00 itu adalah miskin. Jadi kalau, salahkan Menteri Besar kita mengambil data itu daripada kebajikan masyarakat dan juga agensi-agensi yang terlibat mengatakan bahawa hampir sifar sebenarnya kemiskinan di Johor. Mereka cakap tidak, pasal EXCO Agama cakap memang ramai orang miskin.

Saya ambil pendekatan macam ini, kalau di satu kampung itu kita ada 101 orang dan dalam kampung itu ada seorang ketua kampung, daripada 101 orang itu ada seorang yang sangat miskin. Jadi ketua kampung pun berpakat-pakatliah apa guna kita ini yang seratus orang ini kaya yang ada duit sedangkan jiran kita ini miskin, kenapa tidak kita kutip seorang RM10.00 daripada tiap seorang daripada kita supaya kita boleh sumbang kepada orang miskin ini. Jadi dia kutiplah daripada seratus orang itu dapatlah RM1,000.00 dan RM1,000.00 itu diserahkan pada orang miskin itu. Jadi bila dibuat kajian kerajaan cakap bawah gaji RM720.00 ini adalah orang miskin, jadi bila sampai kepada orang yang menerima peruntukan itu ditanya, bantuan itu, ditanya anda miskin? Saya dah tidak miskin, pasal saya dapat daripada orang-orang kampung yang simpati dan memberi sumbangan pada saya. Jadi kita pun umumkanlah, ketua kampung itu umumkanlah bahawa tidak ada kemiskinan dalam kampung itu. Tapi ada seorang pula cakap, eh yang itu miskin pasal dia tiada sumber pendapatan, pendapatannya dapat daripada orang lain yang membantu jadi ketua kampung ini telah menipu tuan-tuan.

Jadi inilah cerita dia. Ini lah apa yang berlaku di Johor sekarang. Memang ada rakyat kita sangat kurang pendapatannya, memang tidak dinafikan ada rakyat kita mungkin RM500.00 pendapatannya. Tapi dengan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat, dengan bantuan Majlis Agama Islam dan bantuan-bantuan lain membolehkan mereka membawa pulang pendapatan lebih daripada RM1,000.00. Jadi salahkan kita cakap orang ini bukan miskin lagi, walaupun dia miskin dari sudut kalau tidak ada bantuan dia miskin. Jadi kena faham pengandaian dan juga kena faham realiti sebenar, jadi ada ke salah Menteri Besar kita melontarkan kata-kata bahawa di Johor ini tidak ada miskin dan inilah sebenarnya yang nak dibawa gagasan oleh Menteri

Besar kita "Johor Berkemajuan", dia nak rakyatnya, saya ulangi, rakyatnya berfikir moden, rakyatnya mementingkan kesejahteraan jiran, rakyatnya mementingkan orang lain lebih daripada diri sendiri, inilah yang kita nak bawa.

Kalau ada satu kampung itu rakyat miskin, sedangkan yang lain itu adalah berkemampuan, gunakanlah dana ataupun sumbangan orang berkemampuan ini untuk menolong orang-orang miskin, inilah gagasan yang Johor nak bawa ke arah Johor Berkemajuan. Tapi kalau inilah minda pembangkang kita saya risau, macam mana kita nak Johor Berkemajuan kalau kerjanya hanya cari salah. Kerjanya hanya apa itu, meremeh-remehkan kejayaan kita. Kerjanya memburuk-burukkan kita lagi. Itu saya belum cerita FDI, kita capai FDI ini dengan usaha kita. Kalau kita berpandukan pada pembangkang yang lepas, berapa banyak percubaan untuk menggagalkan *Foreign Direct Investment* ke negara kita. Saya taknak ceritalah. Peristiwa tu semua tahu Ahli Dewan ini semua tahu. Telah dihantar rombongan ke negara-negara tertentu supaya menghalang pelaburan daripada syarikat itu melabur ke Malaysia kalau tidak sudah barang tentu dua tiga tahun lepas lagi tlnggijah kadar FDI kita berbanding mana-mana negeri dalam Malaysia.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, banyak juga disentuh tentang pertukaran mata wang asing ataupun kejatuhan nilai ringgit. Ramai pula tiba-tiba semua jadi pakar FOREX, ramai pula tiba-tiba semua jadi pakar ekonomi. Baiklah saya jelaskan di sini, bahawa sebenarnya kejatuhan mata wang bagi negara itu adalah satu perkara yang normal sama ada bersifat sementara dan ada juga sebahagiannya sengaja dibuat supaya bersifat kekal. Pasal apa, kejatuhan nilai mata wang ini, Yang Berhormat Tan Sri Speaker hanya banyak juga memberi kesan ataupun kita panggil, apa itu ia memberi *to advance*, apa itu memberi kelebihan ekonomi kepada negara yang menjalankan ataupun mengalami penurunan nilai mata wang. Malah negara-negara dalam dunia kalau kita lihat, tahun lepas China dengan sengaja menurunkan 1.8% nilai mata wangnya supaya barangan China dapat di eksport dengan lebih banyak lagi kerana pada ketika itu terdapat persaingan daripada negara-negara Korea dan lain-lain. China menurunkan nilai mata wang dengan sengaja supaya negara-negara lain lebih banyak mengimport barangan China.

Bukan sahaja China pernah buat, kalau kita lihat Korea pernah buat, Iran buat, Indonesia buat, Kazakhstan dan banyak negara-negara lain telah mengamalkan *devaluation currency* ini dengan tujuan supaya dia melebihi *advantage* ataupun kelebihan dari sudut perdagangannya.

Jadi apa yang berlaku di Malaysia ini, kalau kita ambil fikir secara positif jangan macam pembangkang fikir negatif sahaja, kalau kita fikir secara positif kesan dan jangka masa panjang kalau kewangan apa itu, nilai mata wang kita turun ini, kesan jangka panjangnya sudah barang tentu eksport kita meningkat. Sudah barang tentu lebih ramai pelancong datang ke Malaysia, betul, pasal apa lebih murah melancong di Malaysia daripada melancong di negara lain. Ok. Katalah kita cakap akan terdapat kenaikan harga barang, tidak kah Johor dah buat. Kita lihat yang terkena kesannya sangat berat ialah barang-barang yang merupakan barangan mewah, barangan-barangan keperluan ini kalau ada terkena kesan kita ada kawalan harga. Tapi di Johor kita bantu balik dengan inisiatif-inisiatif yang banyak supaya tidak terasa oleh rakyat akan beban kenaikan harga itu. Tapi yang terasa sangat ialah barang-barang mewah, jenis-jenis baju yang diimport dan sebagainya. Tidakkah ini kalau kita

amalkan, kalau kita muhasabah dengan perkara ini akan memberi keuntungan pada kita.

Kita lihat apa berlaku di Vietnam, Vietnam pada Mei 2015 nilai Dong telah turun sebanyak 1% sahaja tapi ekonomi Vietnam telah meningkat 5.98%, inflasinya turun daripada 6.6% kepada 4.09% kerana berebut-berebut syarikat pengeluar telefon pintar melabur ke Vietnam akibat penurunan nilai mata wang Vietnam pada ketika itu. Jadi Vietnam telah menikmati kesan yang sangat baik, kesan ekonomi yang sangat baik, kesan daripada penurunan.

Tapi kalau kita lihat untuk Johor dan juga Malaysia contohnya, bila nilai mata wang kita turun sudah barang tentu Malaysia bukan lagi menjadi destinasi yang menyeronokkan untuk pekerja asing datang bekerja di Malaysia. Kita dah hadapi sekarang. Sangat susah nak cari orang gaji. *Maid* ini sangat susah. Akan datang insya-Allah orang Indonesia pun tak nak bekerja di sini pasal, "tak ada bezanya pak bekerja di Malaysia dengan di Indonesia gajinya lebih kurang sama, buat apa saya menyeberang". Jadi tidakkah kalau kita ambil ini secara positif, ini lah satu kaedah pendekatan perlahan-lahan kita mengurangkan kebergantungan kita kepada pekerja asing. Lihatlah daripada sudut positif. Saya tahu memang pembangkang akan menggunakan ini kerana sebagaimana kata salah seorang orang kuat pembangkang di Kuala Lumpur. Memang lah kerja kita menghasut, kita akan terus menghasut dan menghasut, jadi bagaimanalah kerja yang menghasut ini kita nak iktiraf sebagai telah menyumbang kepada kejayaan Johor selama ini. (Dewan bertepuk)

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya suka Maharani, Maharani cakap, la sekarang ini anak muda kena perlu tukar gaya hidup. Terlalu mudah pinjaman bank dan sebagainya. Kredit kad juga begitu mudah, betul, ini lahcara yang kena kita buat. Inilah perkara yang sama-sama kita kena kempen rakyat Johor. Akibat kejatuhan, kejatuhan mata wang kita ini, akibat kita berikhtiar untuk mengurangkan pekerja asing ini kita kena kempen pada anak-anak muda Johor marilah sama-sama pembangkang ke kerajaan kita kempen. Inilah masa dan ketikanya anak-anak Johor jangan memilih-milih kerja lagi. Eh. Ini lah juga masa dan ketikanya supaya anak Johor ubah cara hidup, jangan berbelanja lebih daripada pendapatan dan sebagainya. Ini merupakan satu perkara yang sangat sukar dan ketahuilah setiap insiden ekonomi dalam mana-mana negara dalam dunia ini akan memberikan perubahan demografi dan juga tingkah laku anak-anak watananya.

Kita lihat *graf depression* yang berlaku di dunia pada ketika itu telah merubah revolusi perindustrian perdagangan dan sebagainya dalam dunia. Kita lihat juga di Malaysia yang berlaku pada 1996, 97, 98 bila kita menghadapi kegawatan yang sangat hebat. Pada ketika itu kita dah ubah kalau tidak dulu tak ada seorang pun daripada kita di sini mampu beli rumah. Harga rumah pada ketika itu, rumah kedai, rumah dan sebagainya sangat tinggi akibat orang membeli untuk spekulasi. Tapi bila berlaku kesan ekonomi itu menyebabkan harga rumah tiba-tiba turun, bank pun mengawal dah, dah tak senang-senang orang pinjam untuk pelaburan, digalakkan pinjam untuk menduduki rumah sendiri.

Jadi setiap kesan ataupun perilaku yang berlaku dalam ekonomi sebenarnya ini memberi kesan yang positif kalau kita ambil iktibar. Inilah juga mengubah gaya hidup dan juga citarasa rakyat kita supaya menjadi rakyat yang lebih baik. Tapi gagasan

yang kita nak bawa Johor ini, kena di sambut bersama bukan sahaja pembangkang, bukan sahaja kerajaan pasal tuan-tuan, maaf saya Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan Yang Berhormat sekalian, ketahuilah bahawa Johor sekarang ini diterajui oleh seorang Menteri Besar yang sangat memikirkan kebajikan rakyatnya. (Dewan bertepuk) Beliau dikelilingi oleh pakar-pakar ekonomi yang bukan mementingkan berapa tinggi pendapatan ataupun per kapita penduduknya, bukan. Pakar-pakar ekonomi di sekeliling beliau ini hari-hari berfikir macam mana nak menjadikan rakyat Johor ini sejahtera. Macam mana kita nak tingkatkan indeks kebahagiaan rakyat Johor, bukan kita nak ukur pendapatan. Jadi itu macam-macam inisiatif kita keluarkan supaya kenaikan taraf apa itu kos hidup ini ditanggung, diserap sebahagiannya oleh dengan inisiatif-inisiatif kerajaan yang kita telah umumkan, 127 touchpoint itu. Dan kita hendak sebagaimana, bukan sebagaimana yang telah diutarakan oleh Tangkak tadi. Kita tak nak jadi rakyat yang hari-hari kena bagi subsidi. Cukai harta bagi free, cukai tanah bagi free, mana kerajaan nak cari duit. Saya nak juga tengok bajet daripada pihak pembangkang kalau semua ini dibagi free mana mungkin kerajaan Johor ada bajet untuk membuat segala, membayar segala perbelanjaan yang telah kita laksanakan ini. Mana mungkin itulah sumber utama kita untuk menampung segala perbelanjaan kita.

Jadi saya pun pelik daripada mana-mana Johor ini nak dapat duit kalau semuanya itu free. Yang kita nak bukan itu pemikiran kita, kita ada pakar-pakar ekonomi yang fikir macam mana nak bawa Johor ini. Yang kita nak, rakyat Johor ini jadi rakyat yang moden pemikirannya, moden itu bermaksud dia ini sangat bijak, mementingkan ilmu, sangat rajin bekerja, sangat berdisiplin, sangat baik akhlaknya dan mereka ini akan menjadi pekerja contoh kepada mana-mana tempat mereka kerja. Padang permainan orang Johor rakyat Johor bukan lagi di negeri Johor, yang kita nak lahirkan padang permainan rakyat negeri Johor ini adalah dunia. World Standard, pergi lah mana-mana seantero dunia pasti orang Johor itu akan diiktiraf. Tapi mungkin tidak dari pihak pembangkang pasal dia belum nampak lagi, dia belum digest, dia belum dapat menganalisa apa itu Johor Berkemajuan sedangkan gagasan ini sangat cantik Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga ingin mencadangkan ada beberapa perkara kalau kita lihat ramai yang bercerita tentang penguatkuasaan mesin judi dan sebagainya. Jadi sebenarnya Johor Berkemajuan kita tidak cerita tangkap sana tangkap sini kita tahu daripada dahulu kita dah tangkap daripada dahulu kita dah buat penguatkuasaan. Macam-macam benda kita cuba buat, eh, dalam konvensyen DAP apa dia cakap, kita tubuhkan taskforce, berapa banyak taskforce nak tubuhkan, kita dah ada Polis, kita dah ada PBT, dah ada penguatkuasa, so apakah punca sebenar kepada berlakunya isu judi. Isu mesin judi dan sebagainya, kaji lebih mendalam, jadi Kukup mencadangkan kalau kita lihat daripada Enakmen Hiburan Dan Tempat Hiburan, tarikh terakhir enakmen ini digubal pada 1998, 18 tahun enakmen ini. Jadi pada ketika itu kecanggihan, apa ini, IT net-net, Internet dan sebagainya tidak sebagaimana yang ada sekarang. Sudah barang tentu 18 tahun ketika itu digubal undang-undang ini tidak mengambil kira perjudian yang sangat laju, sangat pantas menggunakan alam maya ini.

Jadi kukup mencadangkan supaya EXCO yang terlibat, EXCO yang terlibat bentangkan pada masa akan datang buat kajian, buat pindaan atas Enakmen Hiburan Dan Tempat Hiburan 1998, terutamanya mengenai definisi hiburan itu sendiri

kerana definisi dalam enakmen ini kalau kita lihat kita buat kajian bahawa macam tidak salah kalau mereka mengadakan ataupun mempunyai pertandingan dalam bentuk alam maya ini dan juga mendapat hadiah, tidak salah. Jadi ada *loop hole* kat situ yang digunakan oleh orang-orang yang suka mencabul undang-undang ini. Jadi kat situ kita kaji semula.

Yang keduanya, menambahkan bidang kuasa pegawai pelesenan. Dinamakan pegawai pelesenan ini untuk peringkat majlis daerah sebagainya diberikan kuasa lebih, lebih lagi. Yang ketiganya, naikkan denda. Sekarang ini denda minimum RM10,000.00, maksimum RM50,000.00. Biasanya kena RM10,000.00. Dan apa yang berlaku bila denda hari ini, tangkap ini hari, minggu depan, kata dia pendapatan dia satu hari boleh bayar denda untuk tiga hari. Jadi tiga kali tangkap, tangkaplah. Jadi dia akan buka lagi pasal dia boleh bayar denda. Jadi kita ubah. Kalau denda minimum itu RM10,000.00 sekurang-kurangnya naikkan kepada RM50,000.00. Dan keduanya, hukuman kepada operator ataupun pengendali mesin judi ini buatlah hukuman, pindalah hukuman supaya dikenakan penjara mandatori. Orang ini tidak boleh layak duduk dalam masyarakat. Orang ini tidak boleh bergaul dengan orang masyarakat kerana fungsi dan tujuan dia tidak lain tidak bukan untuk merosakkan akhlak dan juga minda rakyat terutamanya golongan muda. Jadi orang ini harus dipisahkan.

Kemudian yang keempat, denda juga harus dikenakan kepada pemilik premis. Kadang-kadang tuan punya itu dia tahu yang orang nak sewa mesin judi ini sanggup bayar walaupun *market* ataupun pasaran pada ketika itu sewanya RM2,000.00, yang ini menawarkan RM4,000.00. Jadi dia akan melihat nilai wang itu pasal tak ada apa-apa hukuman pada dia. Jadi dia akan mengambil RM4,000.00 itu dan membiarkan perkara ini berleluasa. Jadi hukuman yang setimpal dan berat harus juga dikenakan kepada pemilik premis. Inilah cara Johor berkemajuan. Kita kaji punca ataupun *root cause* kepada sesuatu perkara.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kait balik sikit sebelum saya tutup ini, berkenaan berita ini. Kalau kita lihat bila kerajaan England keluar daripada Kesatuan Eropah, kadar *pound* menurun pada tahap yang terendah ataupun 81%, pada tahap yang terendah selama lebih daripada 31 tahun. Agaknya kalau kita ambil pembangkang kitalah, kita lekat dekat sana, habis Britain itu akan berlaku kacau ganggu, akan diperbesarkan isu mata wang yang turun, habislah katanya Britain akan bankrap dan sebagainya. Akan bertakulah macam-macam perkara di sana. Kalau kita lihat, ada orang Britain kisah? Pernah kita dengar orang Britain mengisukan perkara ini? Pasal mereka telah mendapat manfaatnya.

Sekarang ini, bilangan pelajar-pelajar asing mana-mana universiti dalam apa itu United Kingdom sekarang ini hampir dipenuhi oleh sebahagian besarnya adalah pelajar-pelajar daripada China. Pasal mereka merasakan murah belajar di Britain. Berebut-rebut hantar belajar di sana. Malaysia pun sekarang ini Insya-Allah ada yang hantar secara peribadi, ada yang hantar melalui kerajaan dan sebagainya pasal secara relatifnya belajar di Britain dah murah berbanding negara-negara Eropah lain. Ini kesan langsung akibat penurunan nilai mata wang tadi. Jadi kalau kita nak berbahas, nak bercerita sesuatu perkara, saya rasa yang paling penting, kita berfikirah secara positif. Barulah pada ketika itu kalau Johor berjaya, kita boleh mendabik dada mengatakan memang pembangkang di Johor ini menyumbang atas kejayaan kita pasal pembangkang di Johor ini hanya memberikan saranan-saranan terbaik. Tidak

pernah langsung mencaci pucuk pimpinan kerajaan negeri. Tidak pernah apa ni, kata orang, mensabotaj negeri dan sebagainya.

Pada ketika itu saya cabar semua barisan pembangkang, barulah kita namakan inilah bangsa Johor sebagaimana saranan Yang Maha Mulia Sultan Johor bahawa kemufakatan Johor itu sangat penting, nak maju itu adalah muafakat dan virus yang paling merosakkan, yang paling bahaya ialah virus perpecahan. Jadi kalau Dewan ini kita boleh semarakkan keadaan ini, insya-Allah saya percaya Johor boleh mencapai apa sahaja yang kita nak, dan negara ataupun negeri yang kita nak, negeri Johor berkemajuan itu akan kita capai pada bila-bila masa dengan keadaan yang sangat senang. Sekian, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Kukup. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Johor Jaya.

**YB Cik Liew Cai Tung (Johor Jaya) :** Selamat petang, salam sejahtera dan salam impian Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2017, dalam Dewan yang mulia ini. Dalam usaha menuju ke sebuah negeri yang maju, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah membentangkan bajet "Johor Berkemajuan, Rakyat Sejahtera", saya amat setuju bahawa kemajuan sesebuah negeri tergantung kepada kehidupan rakyat yang aman dan sejahtera. Ekonomi yang kukuh, keselamatan rakyat dan yang terjamin dan sebagainya. Oleh itu pentadbiran dan pengurusan pihak kerajaan negeri amat penting demi mencapai matlamat tersebut. Pihak kerajaan mesti ingat bahawa segala perancangan usaha dan pelan-pelan tidak akan berjaya sekiranya pihak kerajaan tidak mengambil tindakan atau penguatkuasaan yang tegas.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kesejahteraan rakyat berkait rapat dengan kehidupan harian rakyat. Kerajaan tempatan pula merupakan peringkat kerajaan di peringkat yang paling akar umbi. Oleh itu, seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, pengukuhan operasi dan keberkesanan perkhidmatan PBT adalah perkara penting serta tidak boleh di pandang remeh. Tahniah kepada MBBJ dan MPJBT kerana akan di naik taraf kepada Dewan Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Bandaraya Johor Bahru Tengah. Walau bagaimanapun, transformasi bukan sahaja dari segi fizikal, tetapi sistem pentadbiran dan pengurusan pihak PBT juga perlu ditingkatkan. Dengan ini, Johor Jaya ingin membangkitkan tiga perkara yang berkaitan dengan pentadbiran, pengurusan dan perkhidmatan PBT.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak PBT perlu meningkatkan lagi sistem perkhidmatan di PBT. Salah satu contoh adalah saluran mengendalikan aduan daripada rakyat. Terdapat pelbagai jenis saluran untuk membuat aduan, termasuk terus pergi ke kaunter aduan, telefon, sms dan whatsapp dan sebagainya. Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah pun melancarkan aplikasi aduan iaitu "Cakna" yang digunakan oleh PBT demi meningkatkan sistem penyampaian dan pengurusan masalah. MBBJ merupakan salah satu perintis aplikasi ini. Dengan pelbagai jenis aduan, saluran aduan, saya percaya masalah tempatan dapat diselesaikan dalam masa yang singkat. Walau bagaimanapun, rakyat sentiasa membuat aduan bahawa, membuat aduan kepada saya bahawa tiada balasan daripada pihak PBT.

Oleh itu, Johor Jaya ingin tanya bahawa apakah prestasi bagi setiap jenis saluran aduan? Berapa lama masanya untuk, bagi pihak PBT untuk membalas sms atau whatsapp sekiranya aduan di buat melalui saluran tersebut? Atau berapa lamakah jangka panjang bagi menyelesaikan aduan rakyat?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak PBT perlu mengambil berat dalam proses pelantikan kontraktor. Johor Jaya mendapati bahawa kontraktor yang menjalankan kerja-kerja adalah kontraktor yang tidak bermutu, tidak profesional dan tidak bertanggungjawab. Ini mengakibatkan kerja-kerja yang di buat kadang kala tidak siap atau tidak sempurna. Sebagai contoh, kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf jalan raya. Kerja yang tidak bermutu menyebabkan jalan yang baru di tampal berlubang lagi. Satu lagi contoh, semalam saya telah menerima aduan, bahawa terdapat kerja-kerja melukis garis jalan yang sedang dijalankan di Taman Mount Austin. Pengadu mengadu bahawa terdapat tiga orang pekerja, pelajar yang sedang menjalankan kerja-kerja tersebut dan mereka hanya dalam tingkatan dua dan tiga. Adalah ini satu perkara yang patut berlaku, di mana kerja-kerja bukan dijalankan oleh kontraktor atau pihak yang tertentu, tetapi biarkan pelajar yang buat kerja tersebut. Pihak PBT dan atau pihak kerajaan negeri perlu menjalankan proses tender terbuka apabila melantik sesebuah syarikat atau kontraktor. Pihak kerajaan perlu memastikan latar belakang kontraktor dan memastikan kontraktor tersebut adalah bermutu sebab ini turut akan menjejaskan imej pihak kerajaan negeri sekiranya kontraktor tersebut gagal melaksanakan kerja dengan sempurna.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak PBT yang di anggap sebagai agensi kerajaan yang paling mendekati rakyat turut berperanan penting dalam menjaga imej sesebuah kerajaan negeri. Pihak PBT mengenakan, berkuasa mengenakan cukai, membuat perancangan tempatan dan juga menguatkuasakan undang-undang kecil dalam kawasan pentadbiran. Menurut perkara 113(4) Perlembagaan Persekutuan bahawa undang-undang persekutuan atau negeri boleh memberi kuasa SPR untuk menjalankan pilihan raya, pilihan raya lain daripada pilihan raya umum. Mengapa perlu memulihkan pilihan raya kerajaan tempatan? Pilihanraya PBT pernah diadakan di Malaysia pada, sebelum tahun 1964. Pemilihan kerajaan tempatan merupakan salah satu langkah yang wajar bagi meningkatkan prestasi serta mutu perkhidmatan.

Sebagai contoh, persaingan yang lebih sihat dan baik antara Ahli Majlis kerana akan meningkatkan prestasi mereka. Kedua, pilihan raya pihak PBT merupakan sistem demokrasi yang penting. Bagi memastikan sistem perkhidmatan pihak PBT di peringkat akar umbi dapat berjalan dengan lancar. Ia juga bertujuan memulangkan hak demokrasi kepada rakyat Malaysia. Kembalilah undi ketiga kepada rakyat. Melalui pemilihan, pembayar cukai dapat memilih seseorang yang dapat mewakili dan berkhidmat untuk rakyat. Ini dapat mengelakkan ketidakpuasan hati rakyat terhadap Ahli Majlis yang di lantik, tetapi bukan di pilih melalui undi. Ini juga dapat menghapuskan segala penyelewengan PBT. Oleh itu, Johor Jaya menyeru supaya kerajaan negeri mengadakan pilihan raya untuk memilih Ahli-Ahli Majlis. Johor Jaya ingin bertanya, adakah pihak PBT menentukan KPI dengan izinnya, *key performance index* bagi Ahli Majlis? Sekiranya seseorang tidak dapat mencapai KPI atau tidak dapat menjalankan tanggungjawab Ahli Majlis, beliau tidak dapat diteruskan perkhidmatannya dan dilantik semula. Sistem penilaian adalah penting juga bagi pihak kerajaan meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat.



Yang Berhormat Tan Sri Speaker, baru-baru ini satu gambar risalah bertajuk 'Kempen Kawalan Anjing Liar' telah dipaparkan dan telah menimbulkan suara kefdakpuasan hati daripada pelbagai pihak. Risalah tersebut menunjukkan bahawa PBT menawarkan bayaran RM55.00 bagi setiap anjing yang di tangkap dengan syarat dia masih hidup ketika di bawa kepada PBT. Risalah ini telah hangat-hangat dibincangkan dan terdapat banyak bantahan di kalangan rakyat. Walaupun program ini telah dibatalkan, tetapi kejadian ini telah memberi satu mesej yang penting kepada kita iaitu bagaimana menyelesaikan masalah anjing liar atau binatang liar dalam kawasan.

Johor Jaya berpendapat bahawa sebagai PBT yang bertanggungjawab, segala kajian dan suara rakyat perlu dijalankan sebelum membuat keputusan. Pihak PBT perlu mencari cara yang lebih baik dan berperikemanusiaan dalam mengendali anjing liar. Cadangan kempen ini tidak dapat menyelesaikan masalah dari akar umbi. Apakah masalah akar umbi? Tidak dinafikan bahawa ini semua berkaitan dengan sikap masyarakat yang tidak bertanggungjawab atas belaan anjing mereka. Beberapa cara yang lain adalah lebih baik dan berperikemanusiaan daripada tangkap serta hapuskan anjing liar. Antaranya ialah mengembiri dan lepas atau dikatakan, *spay and neuter* dengan izinnya. Pihak PBT harus menggunakan duit tersebut untuk mengembiri dan membebaskan anjing liar. Menurut kajian, biasanya anjing liar ini yang telah kembiri tidak akan mengejar dan tidak membuat kecoh kepada rakyat kecuali seseorang itu kacau terhadap anjing liar itu. Cara ini juga dapat mengurangkan pembiakan anjing liar dan akhirnya dapat *control* bilangan anjing liar supaya tidak membiak berleluasa. Terdapat NGO-NGO yang sedang menjalankan mengembiri dan lepas. Oleh itu, pihak kerajaan harus menggalakkan serta bekerjasama dengan NGO-NGO tersebut dalam usaha mengurangkan bilangan anjing liar. Selain itu, pihak PBT juga berperanan dalam mendidik masyarakat supaya tidak membuang anjing belaan mereka, penguat kuasa yang keras harus dikenakan kepada rakyat yang membuang anjing belaan mereka dan tidak jaga dengan baik. Dengan kerjasama pihak PBT dengan NGO, Johor Jaya yakin masalah ini dapat dikurangkan dan keadaan yang lebih sempurna dan berperikemanusiaan. Sebagai sebuah PBT yang bertanggungjawab, Johor Jaya berharap agar semua PBT dapat menyokong cadangan ini dan bekerjasama dengan NGO. Dengan ini kita dapat menyelesaikan masalah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, masalah jenayah merupakan satu isu penting di mana masalah jenayah mempengaruhi kehidupan rakyat, sektor pelancongan negeri dan ekonomi sesebuah negeri. Pihak PDRM mengumumkan bahawa kadar jenayah telah menurun sebanyak 4% mulai Januari sehingga Oktober 2016. Tidak dinafikan bahawa setiap kali pihak PDRM telah mengumumkan bahawa kadar jenayah menurun. Namun, sentimen rakyat terhadap masalah jenayah masih tinggi. Baru-baru ini, Johor Jaya telah mendapat laporan daripada kawasan Johor Jaya dan kawasan di perindustrian Kota Puteri, pemilik kilang di kawasan perindustrian Kota Puteri berasa bimbang kerana masalah jenayah yang semakin serius.

Pekerja-pekerja bagi pelabur asing dan domestik di kawasan tersebut telah dirompak sehingga mereka tidak berani nak pergi kerja. Mereka yang duduk di hostel berhampiran dirompak dalam perjalanan pergi dan balik kerja. Di mana jarak dari hostel ke kilang hanya dalam 500 meter. Dalam usaha menarik pelancong dan pelabur asing ke negeri Johor, isu keselamatan turut menjadi salah satu isu penting

bagi menjamin keselamatan rakyat, pelabur dan pelancong. Johor Jaya meminta meningkatkan pemantauan dan perondaan di kawasan Johor Jaya.

Selain itu, Johor Jaya mendapati tiada usaha-usaha pihak kerajaan negeri mahupun kerajaan tempatan yang dibentangkan dalam Bajet 2016 dan juga Bajet 2017. Adakah kesemua projek-projek pemasangan CCTV yang telah dibentangkan dalam Bajet 2014 dan usaha pemasangan lampu awam serta penambahan anggota polis bantuan yang telah dibentangkan dalam Bajet 2015 telah di siap. Adakah pihak kerajaan negeri meluaskan lagi kawasan pemasangan CCTV atau memupuk Program Bandar Selamat di kawasan lain. Oleh itu, saya meminta pihak kerajaan negeri meluaskan lagi usaha mencegah jenayah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sekali lagi Johor Jaya perlu membangkitkan lagi isu naik taraf Lebuh raya Pasir Gudang dalam Dewan yang mulia ini. Johor Jaya perlu sentiasa bangkitkan isu ini sebab jalan ini merupakan jaringan yang penting. Projek naik taraf Pasir Gudang 4 lorong kepada 6 lorong fasa 1 sudah pun di siap pada 31 Mei 2016. Selepas beberapa kali difangguhkan. Tetapi, kecacatan kerja atau kerja pembersihan masih belum disiapkan. Johor Jaya mendapati bahawa kontraktor mempunyai tempoh tanggungan kecacatan iaitu selama 1 tahun. Tetapi, penghadang jalan yang dibuang merata-rata telah merosakkan imej bandar dan juga membahayakan pengguna jalan raya. Tak kan kontraktor tidak boleh membersihkan penghadang-penghadang jalan tersebut dan perlu menunggu sampai 1 tahun baru bersihkan pengadang tersebut.

Bagi fasa kedua, Johor Jaya berasa syukur kerana tidak mengulangi masalah lampu jalan yang tidak mencukupi seperti yang lepas. Tetapi, ada juga masalah yang sama, iaitu penghadang jalan yang tidak tersusun. Ini amat membahayakan pengguna jalan raya. Oleh itu, Johor Jaya berharap agar pihak kerajaan negeri dapat menegakkan pemantauan dan penguatkuasaan demi memastikan projek ini dapat disiapkan mengikut jadual, serta dapat memanfaatkan pengguna jalan dalam masa yang singkat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebagai Wakil Rakyat, Johor Jaya sentiasa mengambil berat terhadap masalah dan kualiti hidup rakyat. Dengan ini, Johor Jaya ingin membangkitkan beberapa isu yang berkaitan dengan masalah tempatan. Johor Jaya pernah membangkitkan isu Terminal Bas Johor Jaya pada Dewan persidangan yang lepas. Isu tersebut, iaitu kaunter tiket yang berantai-anai telah dapat diselesaikan dan penyewa kaunter tiket telah pun berpindah ke kaunter yang baharu. Namun, Terminal Bas Johor Jaya menghadapi masalah yang lain. Kini, lampu dalam Terminal Bas dan Teksi Johor Jaya tidak beryala sejak bulan Ogos. Penyewa kaunter tiket terpaksa memasang lampu suluh pada waktu malam, sebab risau penumpang-penumpang salah naik bas akibat keadaan yang gelap. Ini amat bahaya kepada penumpang kerana bus stand pun tak ada lampu kemalangan mungkin akan berlaku. Dan siapa akan bertanggungjawab sekiranya kemalangan berlaku.

Selain itu, tandas yang baharu di naik taraf pada tahun ini memang kelihatan cantik tetapi tiada bekalan air dalam tandas. Akibatnya, penyewa kaunter terpaksa mengguna tandas dengan menakung air hujan atau menakung air di tempat lain dan bawa air itu ke tandas ini. Johor Jaya berharap melalui Program Tandas Sejahtera,

pihak PBT dapat membaik pulih dan mengurus tandas awam ini dengan sempurna dalam masa yang singkat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Johor Jaya mendapati bahawa, penyewa unit kedai yang berada di dalam terminal bas Johor Jaya ini telah berpindah atau kontrak tidak disambungkan lagi. Unit tersebut telah dikosongkan dan besi dan wayar dalam kedai atau bangunan itu telah dicuri. Lif dalam bangunan pun rosak atas kegiatan vandalisme telah berlaku. Penyewa lain bimbang tempat itu akan menjadi tempat kegiatan penagih dadah atau tempat kegiatan jenayah. Johor Jaya berharap agar pihak PBT dapat menyediakan anggota security demi menjamin keselamatan penumpang. Saya menyeru bahawa pihak PBT dapat menyelesaikan masalah ini secepat mungkin dan juga meningkatkan pengurusan Terminal Bas dan Teksi di Johor Jaya dengan sempurna.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain itu, menurut Bajet 2017, pelbagai pembinaan dirancang pada masa yang akan datang termasuk hospital kerajaan, Kompleks Sukan Lee Chong Wei, National Sport City juga Sekolah Menengah Foon Yew Kampus Sri Alam akan dibina di Bandar Sri Alam. Dengan ini, Bandar Sri Alam akan menjadi semakin pesat. Dengan pelbagai pembinaan yang akan datang, infrastruktur yang sedia ada perlu dijaga baik atau pun di naik taraf. Johor Jaya ingin meminta pihak kerajaan menaik taraf Taman Rekreasi Bandar Sri Alam yang berada di Jalan Lembah. Terdapat ramai penduduk yang bersenam pada waktu pagi dan petang, laluan larian yang sedia ada sudah sempit dan tidak dapat menampung kehendak penduduk. Selain itu, Johor Jaya ingin menyeru pihak kerajaan negeri supaya membina tandas awam bagi penduduk yang membuat senaman di tempat tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, akhir kata Johor Jaya berharap agar pihak kerajaan negeri dapat meningkatkan lagi pentadbiran negeri dengan pemantauan, pengawalan dan penguatkuasaan undang-undang yang tegas dan cekap. Dengan ini Bangsa Johor dapat hidup dalam negeri yang aman, sejahtera dan juga negara yang adil serta bersih daripada rasuah. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Johor Jaya. Sekarang, saya persilakan Yang Berhormat Bukit Batu.

**YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) :** Terima Kasih Tan Sri Speaker. Tan Sri Speaker, saya berterima kasih kepada Tan Sri Speaker kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet Johor 2017 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 17 November 2016. Tan Sri Speaker, saya bersyukur hari ini, bukan sahaja kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan, tapi juga saya bersyukur kerana hari ini saya telah mendapat peluang untuk mendengar satu teori ekonomi baru daripada seorang Yang Berhormat pihak Barisan. Rupanya, cara kita nak mengurus atau mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing begitu senang. Rupanya hanya kasi ringgit jatuh saja, menjunam. Dengan itu, kita boleh selesaikan semua masalah semua pekerja asing 5 juta itu. Bazir orang ni tak jadi EXCO, bazir dia tidak jadi menteri Tan Sri Speaker, rupanya begitu senang.

Saya tak tahu, sama ada Yang Berhormat ini faham atau tidak bila Ringgit Malaysia itu jatuh, dia ada banyak kesan. Salah satu kesan yang paling ketara ialah bila ringgit jatuh, ia ada kesan kepada minyak. Bila harga minyak petrol kita naik pada bulan November, salah satu alasan yang digunakan oleh pihak kerajaan adalah sebab ringgit Malaysia jatuh. Kalaulah kita guna idea ini, adakah ini bermakna Yang Berhormat tersebut sebenarnya sokong minyak naik di Malaysia? Akhirnya, Yang Berhormat itu juga kata ada banyak negara sebenarnya ada membuat amalan *devaluation* dengan izin maknanya sengaja kasi mata wang tu rendah. Saya setuju di negara China, di Jepun memang ada *devaluation*. Tetapi di Malaysia saya tidak pernah dengar mana-mana pernyataan daripada bank negara, daripada Perdana Menteri, daripada Kementerian Kewangan yang kata Ringgit Malaysia jatuh adalah sengaja. Saya nak kata adalah tidak sengaja. Maaf. Tan Sri Speaker, Ringgit Malaysia jatuh menjunam bukan adalah sebab skandal-skandal seperti 1MDB yang menjadikan Ringgit Malaysia jatuh, bukan secara sengaja, Tan Sri Speaker.

Tan Sri Speaker, baru-baru ini, rakyat Amerika Syarikat telah memilih Donald Trump sebagai Presiden Ke-45 negara mereka. Walaupun, saya sebenarnya tidak setuju langsung dengan karakter dia dan juga retorik-retorik yang dia katakan pada masa pilihan raya, tetapi suka tak suka tapi saya nak kata sekurang-kurangnya dia telah menang secara adil dan bersih. Sekurang-kurangnya orang Amerika ni dia bijak, dia pilih seorang *billionaire* untuk jadi presiden. Manakala di Malaysia kita pilih dia jadi Perdana Menteri lepas tu di jadi *billionaire* terbalik pulak.

Tan Sri Speaker, saya nak masuk bajet ini. Pertama, saya nak ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah membentangkan satu bajet yang komprehensif. Saya akui, satu bajet yang komprehensif, yang menyeluruh yang hampir menyentuh semua aspek. Seperti Ahli-Ahli yang lain saya juga ingin menyentuh isu berkenaan hasrat kerajaan untuk mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing.

Tan Sri Speaker, dalam mana-mana dasar atau polisi kerajaan untuk berjaya biasanya dia perlu 2 *ingredient*. Satu, dia mesti ada keazaman politik dengan izin *political will*. Maknanya kerajaan mesti sedia melaksanakan dasar itu walau pun ada halangan atau bantahan daripada satu atau dua sektor tertentu dalam masyarakat. Kedua, butir dasar dan pelaksanaan mestilah terang, jelas dan komprehensif. Bila saya merujuk kepada bajet yang telah di bentang oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ada keluar 4 *point* cara untuk mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing tetapi saya nampak *file* ada tapi mungkin *point* itu kurang sedikit. Contohnya, saya nak bagikan, bila kita kata nak merangka dasar untuk menggalak pengambilan pekerja tempatan, saya rasa kerajaan kena buat lebih daripada itu. Bukan setakat cakap je. Boleh tak kasi contoh terus terang seperti saya kasi contoh eh, umumkan kita beri insentif. Insentif kepada syarikat, kalaulah awak ambil pekerja tempatan dan awak buangkan asing, kita kasi rebat insentif RM200.00. Contoh, ataupun kalau tak boleh buat macam itu, bolehlah beri insentif rebat dari segi cukai syarikat atau cukai pintu atau cukai tanah. Kita perlukan polisi, dasar yang jelas, barulah orang akan fikir, sekarang saya nak buat macam ini, saya nak ubah dari pekerja asing kepada pekerja tempatan mulai sekarang.

Tan Sri Speaker, isu pekerja asing ini dia memang membawa kebimbangan masyarakat. Tidak lagi hairan hari ini di seluruh Johor malah di Malaysia, bila kita

nampak pekerja asing sekarang sudah jadi bos. Bos bengkel motor pun ada, bos mini market pun ada. Sampai lah sekarang, bukan saja jadi bos, pekerja dia jadi orang Malaysia pun ada. Orang Malaysia terbalik, jadi pekerja pun ada. Malah pergantungan kepada pekerja asing ini bagi jangka masa panjang sebenarnya adalah bahaya. Sebab rakyat akan menjadi penagih *addicted* dengan izin, penagih kepada pekerja murah, *cheap labor* dan dia tidak lagi akan sanggup dari segi ekonomi untuk cuba menaik taraf sistem pengeluaran mereka dengan pelaburan kepada mesin yang lebih canggih dan dapat menaik produktiviti mereka. Tan Sri Speaker, maka saya juga cadangkan kerajaan juga harus menawarkan insentif rebat juga kepada pekilang-pekilang untuk mengautomasikan, automatikkan sistem pengeluaran, mereka supaya mereka tidak terlalu buruh intensif.

Tan Sri Speaker, baru-baru ini pada 1 November 2016, akhirnya kerajaan telah memulakan kutipan untuk kenderaan berpendaftaran asing di dua jalan masuk di Johor. Saya telah mengikuti perkembangan ini sejak tahun 2015 bila diumumkan bahawa sepatutnya pada 1 Julai 2015, kerajaan akan mula kutip VEP, tapi selepas beberapa penangguhan akhirnya juga mula kutip pada bulan ini tetapi tiba-tiba dia bukan panggil VEP dia tukar nama jadi RC, *Road Charge*. Saya nak kata di sini, saya ada sedikit keliru, *confuse* rakyat juga *confuse*, mengapa tiba-tiba dia tukar kutipan daripada VEP kepada RC, malah saya nak kata di sini bukan sahaja saya *confuse* malah Dato' Seri Menteri Besar Yang Amat Berhormat pun *confuse*, sebab dalam ucapan dia, dia masih guna perkataan *Vehicle Entry Permit*. So, sekarang hari ini saya harap boleh dapat penjelasan daripada pihak kerajaan mengapa tiba-tiba dia bertukar daripada RC, eh VEP kepada RC, apakah perbezaan di antara VEP dengan RC, dan yang lebih ketara adakah ini bermakna, ada kemungkinan pada masa depan selain daripada RC, VEP juga akan dikutip, maknanya dua jenis pengutipan selaras pada masa yang sama di kedua-dua tempat masuk ke Malaysia ini.

Dan akhir sekali saya juga nak tanya pasal isu dalam kutipan ini apakah rancangan kerajaan, macam mana nak menguruskan kutipan RC ini di mana Johor akan mendapat 25%, adakah kita akan tubuhkan satu dana khas untuk menguruskan kutipan-kutipan RC ini?

Tan Sri Speaker, saya juga ingin menyentuh isu penggunaan Bahasa Inggeris, Tan Sri Speaker, penggunaan Bahasa Inggeris di negeri Johor ini sebenarnya ini bukan satu isu yang nasionalis dan juga haraplah mana-mana pihak pun dari sini ke sana, kita jangan politikkan isu penggunaan Bahasa Inggeris. Eh, saya nak katakan di sini seorang kalau fasih dalam Bahasa Inggeris ini tidak bermakna dia akan menghakis kedaulatan atau kepentingan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Malaysia.

Dahulunya ramai orang banding dia kata kita tak perlu fasih dalam Bahasa Inggeris, kasi contoh Jepun dan Korea, orang Jepun dan Korea pun dia tak cakap Bahasa Inggeris tak fasih tapi ekonomi dia bagus. Saya hanya nak kata di situ, di sini, itu zaman 10, 15 dahulu. Hari ini kalau kita pergi Jepun, kita pergi Seoul, pergi Tokyo, Osaka, Busan, semua pemuda-pemuda rebut kasi duit beratus-ratus USD nak masuk kelas Inggeris, Bahasa Inggeris sebab mereka faham Bahasa Inggeris itu adalah bahasa global. Bahasa dunia, bahasa ilmu, suka tak suka kita kena belajar juga, eh, dan di Malaysia ini sebenarnya kita ada keistimewaan dan kelebihan berbanding dengan ramai negara sebab kita merupakan salah sebuah negara Komanwei, dulu kita ditadbir oleh orang British. Lebih-lebih lagi di Johor Bahru, di mana kita banyak

pelaburan luar negeri dan jiran kita dari Singapura maka saya rasa adalah mustahak untuk anak Johor untuk fasih dalam Bahasa Inggeris.

Dan, tengoklah bila kita ada buat lawatan ke China, kita buat menandatangani perjanjian dengan China, dengan Amerika, dengan Singapura, Jepun semua dokumen adalah dalam Bahasa Inggeris. Dan isu ini bukan sahaja setakat di isu pendidikan dari seperti kita bincang semalam, malah saya rasa kerajaan negeri Johor kena mengambil satu sikap yang berani terutamanya dalam pentadbiran, tolonglah galak, galak orang ramai terikut eh, termasuk penjawat awam untuk belajar dan guna dalam Bahasa Inggeris, tak rugi Tan Sri Speaker.

Satu cara yang saya nampak kerajaan negeri Johor boleh mulakan ialah selama ini amalan bila kita tulis kepada kerajaan pihak kerajaan, agensi-agensi kerajaan kita guna Bahasa Melayu. Sebenarnya ramai orang dari sektor awam, pelabur asing dia tidak fasih dalam Bahasa Melayu, so boleh tak kita buka, maknanya kita galakkan orang-orang awam atau orang asing untuk bila berkomunikasi dengan pihak kerajaan juga boleh guna Bahasa Inggeris dan penjawat awam juga ada pilihan kalau dia rasa dia yakin dia juga balas dalam Bahasa Inggeris, dalam suasana begini bila kerajaan memulakan penggunaan Bahasa Inggeris saya yakin sektor-sektor persendirian, *private* sektor ia juga akan ikut dan dalam suasana itu barulah penggunaan Bahasa Inggeris itu akan mencapai tahap seperti yang dikatakan oleh YB EXCO semalam tahap antarabangsa.

Itulah matlamat kita, kita jangan bazirkan di mana kita ada peluang di sini. Dan sebenarnya benda ini adalah satu benda yang agak penting Tan Sri Speaker, saya nak kasi satu contoh, saya kenal seorang bekas penjawat awam, seorang Melayu yang rupa-rupanya hantar anak perempuannya ke sebuah institut sekolah Belajar Inggeris di Johor Bahru. Sebulan masa itu saya jumpa dia saya tanya dia lah mengapa dia nak buat demikian, sebab satu bulan kena bayar beratus-ratus ringgit tu, Tan Sri Speaker. Dia kata, terpaksa, sebab dalam zaman ini, dia kata macam mana nak lawan dengan orang lain kalau BI tak bagus dia sendiri sudah lepas peluang tapi dia tak nak anak dia, masa hadapan dia lepas peluang ini juga. Sebab kita kena akui di *private* sektor salah satu, salah satu alasan mengapa ramai orang tidak dapat kerja adalah sebab dia tidak fasih dalam Bahasa Inggeris. Eh. Maka saya harap kerajaan mengambil prihatin kepada isu ini dan marilah kita semua-sama sama membantu rakyat Johor jadi rakyat Malaysia yang paling fasih dalam Bahasa Inggeris. Saya rasa cabaran itu cukup besar tetapi *the reward*, ganjarannya lebih besar kalau kita berjaya.

Dan, saya juga ingin menyentuh sedikit isu pencemaran air Tan Sri Speaker. Pada bajet yang, dalam Bajet 2017 ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada sentuh panjang dan lebar berkenaan dengan kepentingan alam, air dan alam sekitar. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana mengambil prihatin kepada isu air. Tapi saya nak melahirkan rasa kecewa saya bila saya ketahui bahawa sehingga hari ini syarikat GLC yang terlibat dalam pencemaran air, *Ammonia* di sungai Johor pada bulan Julai tahun ini, yang sampai Skudai, Bukit Batu 3 hari tak ada air, sampai hari ini belum didakwa lagi di Mahkamah. Saya rasa sekiranya kerajaan tidak mengambil tindakan yang tegas dan pantas ia akan memberi gambaran kepada orang awam bahawa kerajaan kurang minat atau tak ada keazaman politik untuk menghukum pihak-pihak tertentu. Ini hanya akan menggalakkan syarikat lain baiklah GLC, syarikat

besar, kecil, individu, haram ke tak haram untuk terus mencemarkan air sungai kami. Apa guna ada peruntukan besar-besaran tetapi sungai senang dicemari, maka saya harap kerajaan Faham suara rakyat yang ingin pihak yang salah ini didakwa dan dihukum secepat mungkin kerana tindakan tamak merekalah yang menyusahkan beratus-ratus ribu orang.

Tan Sri Speaker, di kawasan saya, saya juga ingin membangkitkan beberapa isu tempatan, diharap pihak JKR dan EXCO berkenaan boleh mengambil perhatian bahawa keadaan jalan di Kampung Air Manis di sepanjang jalan Skudai - Johor Bahru, Air Hitam - Johor Bahru di Kampung Air Manis perlu disenggarakan, perlu di turap dan juga isu selekoh 'S' Batu 24, YB Exco sudah senyum, saya harap saya selalu bangkit isu ini, saya harap akhirnya satu hari Exco sudah bosan dan juga akan membuat sesuatu untuk meluruskan selekoh itu agar kita mendapat, menjaga keselamatan pengguna-pengguna jalan sebab selekoh itu memang sangat-sangat bahaya. Saya juga ingin membawa suara rakyat dari zon utara Kulai, bahawa kita perlukan satu pejabat Pos yang baru sebab yang baru-baru ini pejabat Pos di Kelapa Sawit telah tutup pada bulan April ini. Akibat penutupan ini, rutin harian penduduk jelas terjejas. Saya nak beritahu kepada Dewan yang mulia ini, dalam daerah Kulai ada dua pejabat Pos sahaja. 300 lebih orang ada dua pejabat Pos, satu di bandar Kulai, satu di Senai.

Ini bermakna hampir sebelah utara Kulai, sekarang tidak ada pejabat Pos. Penduduk-penduduk yang terjejas termasuklah dari Sedenak, Kampung Air Manis, Kelapa Sawit, Scientex, Kampung Rahmat, Air Bemban dan Bukit Batu. Kalaupun paling jauh dari Bukit Batu nak pos satu surat pun, nak pergi Kulai, dia pergi balik, 26 batu bersamaan hampir 41 kilometer. Hampir lebih daripada satu jam untuk pergi balik untuk hantar satu surat. So, saya harap maka saya harap, pihak kerajaan boleh mengambil perhatian, tolonglah selaraskan dengan Pejabat Pos Malaysia untuk mendirikan, membuka satu pejabat pos lagi di kawasan Kelapa Sawit, tak payah pejabat Pos besar, pejabat Pos mini pun kita terimalah.

Satu lagi isu yang saya nak bangkitkan Tan Sri Speaker ialah isu kekerapan gangguan bekalan air terutamanya di kawasan Bukit Batu, Air Bemban dan Air Manis, hanya nak beritahu EXCO yang berkenaan sudah dua kali tahun ini. Dua kali tahun ini di kawasan Bukit Batu, Mukim Bukit Batu dan Sedenak, kita ada gangguan air. Harap jangan ada kali ketiga. Dan satu isu lagi yang saya nak bangkitkan ialah kepada EXCO berkenaan, sekarang, baru-baru ini Hutan Lipur Gunung Pulai 1 telah di buka secara rasmi oleh kerajaan Johor. Tahniah dan syabas. Tetapi waktu pembukaan, tetapi sekarang telah di letak waktu pembukaan Hutan Lipur ini ia terhad, dia buka pada pukul 8 pagi sampai 6 petang. So, saya telah mendapat banyak aduan, harap kita awalkan, sebab sebenarnya pukul 8 untuk mendaki gunung itu terlalu lambat tu. Sebab nak naik 5 km naik turun, bila dia turun pun sudah petang, sudah panas. So, kita harap kerajaan boleh awalkan, mungkin pukul 6 atau 7 buka pintu, orang boleh naik dan dia boleh turun dengan lebih awal, kalau tidak terlalu panas. Dan, juga adalah suara rakyat diharap kerajaan boleh mendirikan pondok-pondok di kawasan-kawasan strategik. So, orang boleh rehat, ataupun takut juga nanti hujan lebat, dia ada tempat untuk selindung. Itu adalah amat-amat diperlukan oleh orang awam. Dan akhirnya, saya ingin mengambil peluang ini juga mengucap terima kasihlah kepada semua agensi-agensi kerajaan yang memberi kerjasama kepada saya untuk melaksanakan tanggungjawab saya sebagai wakil rakyat terutamanya saya nak mengucapkan

terima kasih kepada JPS Kulai yang telah menyelesaikan beberapa isu di kawasan saya baru-baru ini.

Dan hanya, last sekali Tan Sri Speaker maaf, saya hanya nak menyuarakan satu isu semasa sebelum saya duduk. Tan Sri Speaker, saya melahirkan perasaan cukup sedih dan kecewa dengan pertahanan dan penangkapan beberapa individu yang terlibat dalam Bersih 5, terutamanya saya nak katakan di sini terutamanya Maria Chin Abdullah yang telah di tahan di bawah SOSMA. Saya nak katakan di sini dahulu bila kita bantah dengan atas SOSMA ini kita sudah kata akta ini akan disalahgunakan. SOSMA Seksyen 4(3) kata dengan terus terang tidak boleh digunakan untuk kegunaan politik, untuk penangkapan politik. Tetapi hari ini jelas penangkapan ini adalah berunsur politik, SOSMA adalah diguna untuk *terrorist* dan pengganas, bukan kepada Maria Chin Abdullah, seorang patriot dan bukan sahaja kita tengok undang-undang salah guna di sini, kita juga nampak dalam satu kes lain lagi di mana *Audited General Report* 1MDB yang disediakan *Audited General Malaysia* sendiri seorang Ahli Parlimen membongkarkan penyelewengan melalui laporan ini tetapi dia kena tangkap, dia kena penjara. Tetapi hasil penyelewengan orang yang patut tangkap, yang patut di penjara masih belum di siasat. Maka saya haraplah siapa yang ada dengar sini, marilah kita sama-sama kita doa, bahawa dalam masa yang hadapan, kerajaan akan tangkap Jho Low dan orang itu juga. Terima kasih Tan Sri Speaker.

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Batu. Ahli-Ahli Yang Berhormat, bagi menghormati dan memudahkan para jemputan untuk Majlis Kesyukuran Sambutan Ulangtahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan di Masjid Pasir Pelangi pada maghrib ini, saya tangguhkan persidangan ini sehingga esok, 22 November 2016, jam 9.30 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 3:40 petang.**



HARI KEEMPAT  
HARI SELASA,  
22 NOVEMBER 2016

**PENYATA RASMI**  
**MESYUARAT KETIGA (BAJET 2017)**  
**BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT**  
**DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

**HARI KEEMPAT**

**SELASA, 22 NOVEMBER 2016**

**BIL. 13 TAHUN 13**

**HADIR**

YB Speaker,  
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan  
Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.  
Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PJN., KMN., PSI.  
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat Negeri, Johor.  
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.  
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan  
Kepenggunaan Negeri, Johor.  
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI.  
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah Negeri, Johor.  
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.  
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.  
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.  
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.  
Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM., DSM., PSI.  
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.  
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.  
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Bella, Sukan Kebudayaan  
dan Warisan Negeri, Johor.  
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.  
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.  
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.  
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.  
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.  
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon  
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.  
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,  
(Penawar)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain  
(Secili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.  
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim  
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.  
(Machap)

YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Raslan, PPN.  
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun  
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.  
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar  
(Nusajaya)

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim  
(Buluh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat  
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.  
(Bukit Nanning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh  
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh  
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.  
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat, DPSM.,  
KMN.  
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon  
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin  
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh  
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim  
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau  
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin  
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan  
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng  
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong  
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi  
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How  
(Pengkalan Rinting)

**TURUT HADIR**

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN  
NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan  
Perancangan Negeri, Johor.  
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., SMJ., DSPN., PIS.  
(Permas)

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PJN.  
(Jorak)

**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**YB Tan Sri Speaker mengelual Persidangan.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.**

**YB Speaker :** Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir rahmannir rahim. (Bacaan Selawat). Salam sejahtera dan selamat pagi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada hari ini, 22 November 2016 merupakan Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim.

Patik dan seluruh Ahli Dewan Negeri merakamkan ucapan merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih dan fahniah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Semoga Allah melanjutkan usia Duli Yang Mulia Tuanku dan Negeri Johor Darul Ta'zim akan terus makmur, aman di bawah naungan pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN**

**YB Speaker :** Yang Berhormat Maharani jemput.

**YB Dr. Mohammad Bin Taslim (Maharani) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 1.

Rentetan kebakaran di Hospital Sultanah Aminah baru-baru ini, bagaimanakah SOP penyelenggaraan hospital HSA dan hospital-hospital lain dalam negeri Johor dilakukan, keputusan penyiasatan, syarikat yang telah dilantik, tindakan terhadap pihak yang bertanggungjawab dan siapakah yang membiayai proses pembalik pulih infrastruktur hospital HSA.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Skudal jemput.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) bagi pihak YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudal) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 2.

Siapakah yang sewajarnya bertanggungjawab kepada pemantauan persediaan pihak hospital terhadap keselamatan dan pencegahan kebakaran di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru sebelum kebakaran berlaku pada 25 Oktober 2016?

**YB Speaker :** Yang Berhormat Jementah jemput.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 3.

Nyatakan punca utama berlakunya kebakaran di Hospital Sultanah Aminah. Siapakah pihak yang seharusnya bertanggungjawab dan apakah tindakan-tindakan yang akan diambil ke atas mereka ?

**YB Speaker :** Yang Berhormat Senggarang jemput.

**YB Tuan Haji A. Aziz Bin Ismail (Senggarang) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 4.

Sejauh manakah kerajaan bercadang untuk memperbaiki premis Hospital Sultanah Aminah yang rosak disebabkan kebakaran supaya lebih selamat dan tidak tercemar sebelum unit-unit kritikal seperti ICU dan HDU dipindahkan semula ke bangunan utama hospital tersebut?

**YB Speaker :** Yang Berhormat Yong Peng jemput.

**YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 5.

Apakah langkah-langkah yang akan atau bakal diambil oleh kerajaan supaya kes kebakaran seperti yang berlaku di Hospital Sultanah Aminah tidak berulang di hospital-hospital yang lain di negeri Johor?

**YB Speaker :** Yang Berhormat Bukit Batu jemput.

**YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 6.

Sila nyatakan dengan lebih terperinci punca kebakaran Hospital Sultanah Aminah bulan lepas dan apakah tindakan susulan kerajaan untuk menaik taraf Hospital Sultanah Aminah agar insiden sebegini tidak berulang lagi.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Bismillahir rahmannir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Muafakat Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada 25 Oktober 2016 yang lalu lebih kurang jam 8:56 pagi telah berlaku kebakaran di Tingkat 2, Unit Rawatan Rapi (Selatan), HSA Johor Bahru. Kejadian tragedi yang menyentak hati dan sanubari bangsa Johor ini telah menjadi berita paling hangat dan menggemparkan seluruh pelosok tanah air dan menarik perhatian akhbar-akhbar negara jiran seperti Singapura dan Indonesia. Kejadian ini bukan sahaja menggemparkan seluruh negara, malahan juga ia juga menyentak dan juga meragut seluruh semangat saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor pada pagi itu.

Kebakaran di HSA Johor Bahru telah mengorbankan seramai 6 orang mangsa terdiri daripada 4 wanita dan 2 lelaki. Manakala 2 orang jururawat dan seorang pelatih fisioterapi mengalami kecederaan. Untuk makluman Dewan, di ICU berkenaan,



terdapat 7 orang mangsa yang agak kritikal keadaannya dan menggunakan bantuan pernafasan dan tidak boleh dipindahkan sekiranya tanpa katil bersama. Namun demikian, seorang pesakit berjaya diselamatkan daripada kejadian kebakaran tersebut.

Sebelum saya meneruskan jawapan saya, saya dengan rendah diri ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat yang telah menghantar segera 10 buah jentera dan 166 anggota bagi membantu menangani kebakaran tersebut daripada merebak ke bahagian-bahagian lain. Saya juga dengan penuh takzim ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh kakitangan HSA Johor Bahru yang berjaya menyelamatkan dan membawa keluar 477 pesakit dalam jangka masa 30 minit. Sesungguhnya jasa baik, pengorbanan dan komitmen mereka hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih, diluapkan juga kepada agensi-agensi yang terlibat seperti PDRM, RELA, APM, ATM, Pejabat Daerah Johor Bahru, JKR, TNB, JKM, Majlis Agama Islam, Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO Negeri, Majlis Belia Negeri, KPJ, Boys of Straits (BOS), PBSM, St. John, Sukarelawan Duta Jauhar dan lain-lain yang terlibat yang tidak dapat saya ungkapkan satu-persatu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti kelazimannya setiap kejadian mesti ada punca dan faktor sehingga terjadinya kejadian tersebut. Begitu juga dengan kejadian kebakaran di HSA Johor Bahru yang semestinya atas sebab-sebab dan punca-punca yang diyakini bukan atas faktor sabotaj ataupun disengajakan. Berikutan tempat kejadian tersebut, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah melantik pegawai pegawai-pegawai penyiasat daripada Bahagian Penyelidikan Kebakaran, Ibu Pejabat Putrajaya dan negeri Johor.

Siasatan yang dijalankan mencakupi pelbagai aspek bagi mencari punca kebakaran yang berlaku. Bahan bukti telah dihantar ke Makmal Forensik Kebakaran, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor untuk di analisa.

Untuk makluman, punca kebakaran tersebut masih dalam findakan akhir pihak Jawatankuasa Siasatan Bebas Teknikal di Kementerian Kesihatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor telah menyiapkan laporan eksekutif pada 13 November 2016 dan telah menyerahkan kepada Kementerian. Namun laporan itu perlulah dibentangkan kepada Mesyuarat Kabinet terlebih dahulu sebelum satu pengumuman khas yang akan dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia atau Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia berkaitan tentang perkara ini.

SOP penyelenggaraan di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru dan lain-lain hospital adalah merujuk kepada *Hospital Specific Implementation Plan*, di mana ia merupakan dokumen yang dilengkapi dengan informasi hospital, *method statement*, prosedur, jadual dan keperluan data yang termaktub di dalam Perjanjian Konsesi.

Kementerian Kesihatan Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Bebas Teknikal bagi menyiasat dan mengkaji punca kebakaran secara terperinci dari sudut teknikal terdiri daripada Jabatan Kerja Raya, Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Suruhanjaya Tenaga, Bahagian

Perkhidmatan Kejuruteraan dan Bahagian Perancangan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, tanggungjawab bagi pemantauan dan persediaan terhadap keselamatan dan pencegahan kebakaran adalah menjadi tanggungjawab pemilik premis tersebut. Pihak hospital harus memantau kerja-kerja kontraktor keselamatan kebakaran yang dilantik untuk menyelenggara serta memastikan sistem pemasangan pasif dan aktif bagi tujuan menentang kebakaran berada di dalam keadaan yang baik serta berfungsi. Walau bagaimanapun, jika sesuatu, sesebuah premis tersebut memiliki Sijil Perakuan Bomba atau FC, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia akan membuat rutin pemeriksaan berkala pada setiap tahun sebelum Sijil Perakuan Bomba tersebut tamat tempoh. Sijil pembaharuan (FC) hanya dikeluarkan jika sistem pemasangan keselamatan dan menentang kebakaran berada di tahap yang memuaskan sepertimana disyaratkan oleh jabatan.

Di pihak Kementerian Kesihatan Malaysia, pihak Medivest Sdn. Bhd. bertanggungjawab untuk memastikan kebolehtungsi sistem mekanikal dan elektrik termasuk fizikal bangunan hospital dan dipantau oleh Unit Kawatseia hospital.

Terdapat 2 Jawatankuasa yang memantau di Hospital Sultanah Aminah iaitu Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Jawatankuasa Kebakaran. Hospital Sultanah Aminah telah mempunyai pelan kontingensi dalaman iaitu untuk menangani insiden di dalam premis hospital seperti kejadian bekalan elektrik terputus, bekalan air terputus, pelan kontingensi kejadian kebakaran.

Jawatankuasa Kebakaran juga telah melakukan Audit Kebakaran iaitu memantau sistem pencegah kebakaran seperti *systems hose reel* dan alat pemadam api secara berkala di beberapa lokasi hospital. *Fire drill* juga dilakukan di beberapa lokasi seperti di Wad PP3, Jabatan Patologi, Jabatan Kecemasan dan di Jabatan Dietetik Dan Sajjian pada bulan April 2014. Sesi latihan *fire drill* di Wad Hematologi masih dalam perbincangan verbal bersama pihak bomba.

Taklimat kebakaran juga sering diadakan oleh Jawatankuasa Kebakaran dengan kerjasama pihak Medivest termasuk teori serta praktikal cara penggunaan alat pemadam api. Pada tahun 2015, sebanyak 4 sesi latihan dan 2 sesi latihan pada tahun 2016 telah dilakukan. Seramai 365 anggota telah terlibat di dalam sesi latihan tersebut. Bengkel dan ceramah pengurusan risiko telah diberikan kepada anggota baru yang mengikut sesi orientasi bagi memberikan kesedaran tentang hazard bekerja di hospital termasuklah *hazard physical* iaitu kebakaran. Sebahagian anggota juga telah diberikan latihan pengauditan, fasiliti kesihatan untuk menjalankan audit keselamatan fasiliti.

Bagi memastikan kes kebakaran Hospital Sultanah Aminah tidak berulang lagi khasnya bagi hospital-hospital lain di negeri Johor, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mensyaratkan semua premis ditetapkan termasuk hospital perlu memohon untuk mendapatkan Sijil Perakuan Bomba, *Fire Certificate* dengan izin, yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Di dalam proses mendapatkan Sijil Perakuan tersebut, pihak Bomba telah mensyaratkan untuk memastikan reka bentuk bangunan dan sistem pemasangan keselamatan ataupun menentang kebakaran perlu mencapai syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat

Malaysia bagi menjamin premis tersebut selamat untuk diduduki oleh penghuni mahupun pelawat.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Maharani jemput.

**YB Dr. Mohammad Bin Taslim (Maharani) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Maharani juga ingin merakamkan ucapan takziah kepada mangsa dan fahniah kepada mereka yang telah bertungkus-lumus menyelamatkan keadaan.

Soalan tambahan saya, daripada segi penyelenggaraan ini, adakah selain daripada jabatan-jabatan tertentu, adakah kerja-kerja yang sebenarnya itu dibuat oleh pihak Kerajaan atau oleh pihak swasta dan selepas perkara ini berlaku, apakah tindakan yang telah ... bukan akan ya, telah dibuat di hospital lain untuk keselamatan pesakit dan juga pekerja. Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya lupa apa soalnya? (Ketawa).

**YB Speaker :** Yang Berhormat ulang.

**YB Dr. Mohammad Bin Taslim (Maharani) :** Tentang penyelenggaraan tu, adakah ia boleh, dibuat oleh pihak kerajaan sendiri ataupun diserahkan kepada pihak swasta. Dan ada... dan juga apakah tindakan yang telah dibuat untuk memastikan keselamatan di hospital-hospital lain.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Saya cuma nak test sama ada yang tanya tu ingat ataupun tidak. (Dewan ketawa).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

**YB Speaker :** Sila, sila, sila...

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** ... sejak tahun 2007, bagi keseluruhan hospital-hospital awam di negeri Johor ini dikendalikan oleh Medivest Sdn. Bhd. Dan, seperti saya nyatakan tadi bahawa syarikat konsesi ini bertanggungjawab dari segi penyelenggaraan bangunan dan juga elektrik. Dan, sebenarnya bagi keseluruhan hospital-hospital yang ada di negeri Johor, ada beberapa hospital sebenarnya perlu untuk mendapatkan CF berdasarkan kepada Akta Bomba, Akta Perkhidmatan Bomba 1988. Terutamanya kepada bangunan-bangunan yang mempunyai ketinggian ataupun tingkat 3 hingga ke atas dan juga lantai yang melebihi 250 meter. Antara hospital-hospital yang terlibat seperti Hospital Sultanah Aminah itu sendiri, Sultan Ismail, Sultanah Nora Ismail dan juga Hospital Che Besar Khalsom Kota Tinggi dan juga Mersing. Bagi hospital Tangkak, Pontian, Segamat dan juga Muar, ianya tidak tertakluk kepada keperluan di bawah Arahan PY (A276)(1998) Premis Yang Tidak Ditetapkan kerana ketinggiannya hanya bawah daripada 3 tingkat.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Yang Peng Jemput.

**YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng)** : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih jawapan daripada EXCO Kesihatan. Yong Peng ingin mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa yang terkorban. Bagi keluarga-keluarga yang hilang ahli keluarga dan 3 anggota yang cedera, 3 anggota hospital yang cedera dalam tragedi, Yong Peng nak tanya apa bantuan dari kerajaan kepada mangsa dan juga anggota yang cedera, ahli-ahli keluarga mangsa dan juga keluarga ahli anggota hospital yang cedera dalam tragedi ini? Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Kerajaan Negeri Johor adalah merupakan kerajaan yang prihatin. Dan sebenarnya Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebelum lagi kita melaporkan tentang perkara ini, Yang Amat Berhormat dah mengarahkan saya dan juga EXCO Kebajikan untuk melihat dan juga memastikan bahawa kebajikan mangsa-mangsa tersebut di ambil kira. Dan, sebenarnya kerajaan telah pun memutuskan untuk satu amaun yang akan... yang telah pun diluluskan dan juga akan disampaikan kepada keluarga yang berkaitan. Selain daripada itu, bantuan juga diterima daripada kerajaan pusat dan sebagainya. Ini semua adalah merupakan tanda keprihatinan kita kepada keluarga tersebut kerana ini adalah merupakan ujian Allah kepada kita kerana kita pun tak mahu HSA itu terbakar. Kalau kerajaan yang pada hari ini prihatin, kita minta jugalah Yong Peng bantu jugalah keluarga tersebut.

**YB Speaker** : Yang Berhormat Gambir, jemput.

**YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 7.

Bio Desaru Food Valley dengan keluasan hampir 9,000 ekar telah diwujudkan bagi memenuhi usaha pengeluaran bahan sayuran dan makanan organik di Johor. Berapakah keluasan yang telah digunakan serta jumlah bahan organik yang dikeluarkan oleh Bio Desaru setakat ini?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Salam Muafakat Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan daripada Yang Berhormat Gambir, Bio Desaru Food Valley dengan keluasan hampir 9,000 ekar telah diwujudkan bagi memenuhi usaha pengeluaran bahan sayuran dan makanan organik di Johor. Berapakah keluasan yang telah digunakan serta jumlah bahan organik yang dikeluarkan oleh Bio Desaru setakat ini?

Untuk makluman Yang Berhormat, Lembah Makanan Organik Bio Desaru (Bio Desaru) merupakan satu projek pertanian bersepadu dengan aplikasi bioteknologi dan inovasi teknologi dalam sektor pengeluaran makanan. Ini selari dengan visi dan juga misi iaitu bagi menyahut usaha kerajaan negeri ke arah memperkukuhkan rantaian pengeluaran makanan dengan aplikasi bioteknologi secara berkesan serta menitikberatkan bio-sekuriti dan pemuliharaan ekologi. Secara tidak langsung, kawasan ini berperanan sebagai Hab Kecukupan Makanan.

Pembangunan Bio Desaru memberi fokus kepada praktis perladangan organik bagi aktiviti hulu-laju iaitu penanaman, penternakan dan akuakultur yang mampan dan selektif dalam mengurangkan kebergantungan produk *import*, selain aktiviti bio-pelancongan bagi mengimbangi dan memberi nilai tambah.

Sehingga kini, Bio Desaru telah berjaya menarik pelaburan berjumlah RM1.2 bilion dari dalam dan luar negara yang mana sebanyak 29 projek telah dan bakal dibangunkan di atas kawasan seluas lebih kurang 6,900 ekar. Secara keseluruhannya, pembangunan Bio Desaru terdiri daripada:

1. Projek Pertanian - 20%;
2. Projek Penternakan - 31%;
3. Projek Akuakultur - 23%;
4. Projek Bio-Pelancongan - 12%; dan
5. Lain-lain bagi pembangunan infrastruktur asas, fasiliti Bio-Sekuriti dan kawasan tidak sesuai tani sebanyak 14%.

Antara hasil pengeluaran semasa ialah:

1. 900 juta benih udang setahun;
2. 80,000 biji telur ayam sehari;
3. 288,000 anak ayam baka (*Grandparent Stock*), dengan izin, setahun;
4. Pengeluaran herba pelbagai spesies seperti Tongkat Ali; 40 tan setahun; Kacip Fatimah: 170 tan setahun dan Misai Kucing: 1,200 tan setahun;
5. 5 tan aloe vera setahun;
6. 1.6 tan sarang burung walet setahun; dan
7. Lain-lain projek seperti lada hitam, buah naga, kelapa, lembu tenusu, temakan ikan marin dan ikan air tawar mengikut Pelan Induk yang telah dirancang bagi pengeluaran hasil organik dan separa organik berdasarkan aktiviti.

**YB Speaker :** Jemput, Gambir.

**YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) :** Terima kasih kepada jawapan daripada YB...

**YB Speaker :** Tanya, tongkat ali tu apa citemya? (Dewan tertawa).

**YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya dapat melihat bahawa daripada 9,000 ekar berkenaan, satu kejayaan apabila RM1.2 bilion pelaburan telah dilaksanakan melalui 29 projek. Tetapi apa yang saya lihat di sini, kita ada masih berbaki 2,100 ekar lagi. Jadi apakah usaha yang hendak dilaksanakan oleh pihak BioTech terhadap 2,100 ekar yang berbaki ini? Adakah apa-apa pelaburan yang bakal menanti, atau pun ada apa-apa cadangan daripada BioTech?

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita lihat memang banyak permohonan yang telah dihantar oleh syarikat-syarikat untuk di kawasan Bio Desaru ini. Walau bagaimana pun kita kalau kita lihat tak

sampai 1,000 ekar lagilah yang boleh dimanfaatkan. Kerana kita faham faktor tanah terhad dan juga terdapat kawasan-kawasan yang tidak bersesuaian termasuklah juga kita nak membangunkan infrastruktur di kawasan berkenaan seperti kita perlu wujudkan komponen-komponen Bio Security seperti pintu kawalan, zon penampungan, fasiliti kawalan penyakit dan kawalan kualiti dan sebagainya yang perlu kita patuhi.

Jadi, kebanyakan syarikat ingin memasuki kawasan ini mereka perlu mematuhi beberapa peraturan. Kita tidak boleh sewenang-wenangnya menerima kemasukan pelaburan jika mereka tidak memenuhi *standard* yang telah kita tetapkan. Antaranya, pelaburan mestilah berkaitan dengan pengasingan benih dan baka dalam memastikan pembangunan selari dengan polisi keselamatan makanan, pembangunan *vertical farming*, dengan izin, pembangunan sosio ekonomi melalui Program Pembangunan Bio ekonomi Komuniti, yang ini kita nak menarik pelaburan yang bersesuaian iaitu pelaburan boleh mengaitkan komuniti setempat ataupun boleh melibatkan rakyat.

Itu sebab kita, untuk yang baki ni kita kalau boleh pelaburan yang bukan hanya memberi manfaat kepada syarikat berkenaan tetapi dia perlu melibatkan komuniti. Contohnya peluang pekerjaan, dengan penghasilan sesuatu produk itu komuniti boleh bergerak sama menghasilkan produk. Contohnya, udang apa, pengeluaran benih udang ini. Dia mengeluarkan benih, jadi masyarakat di kampung boleh kita bekalkan kolam-kolam berteknologi dan mereka boleh menternak dan akhirnya boleh meningkatkan memberi pendapatan kepada komuniti setempat dan masyarakat juga membantu pihak kerajaan untuk memastikan pengeluaran dapat dihasilkan.

Begitu juga yang sekarang yang sedang dibangunkan iaitu mengeluarkan benih ikan, ikan kerapu dan sebagainya. Kita juga akan membantu nelayan-nelayan yang boleh membina sangkar-sangkar, hasil daripada benih itu nelayan boleh menternak ikan dalam sangkar, di kawasan di Kota Tinggi dan kawasan-kawasan yang sekitar dan akhirnya memberi pendapatan kepada nelayan. Ini antarlal, usaha-usaha kita perlu mengenal pasti kali ini syarikat yang bersesuaian selain daripada yang saya sebut syarat-syarat tadi, yang akhirnya memberi manfaat kepada masyarakat setempat. Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput, Yong Peng

**YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng) :** Terima kasih jawapban yang diberi oleh EXCO. Mengikut Pelan Induk Yong Peng rasa ini, kawasan ini boleh dibangunkan di jadi tempat melancong yang bermakna, kalau kata Malaysia ialah sebuah negara yang maju dalam industri pertanian. Boleh Yong Peng tanya apakah kriteria dan badan audit yang memastikan hasil ternakan di Bio Desaru Food Valley ini, macam mana dia boleh, makanan dan juga hasilnya adalah boleh diiktiraf sebagai barang organik, organik itu? Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bio Security ini dizahirkan dengan pematuhan polisi yang telah dibangunkan melalui Jawatankuasa Pemandu Bio Security Desaru yang mana kita telah bentuk jawatankuasa untuk memastikan produk organik ini dapat dibangunkan untuk kita

kenal pasti syarikat-syarikat, yang mana jawatankuasanya terdiri daripada ketua-ketua jabatan dan juga agensi teknikal kerajaan negeri dan persekutuan termasuklah juga pihak-pihak konsultan ataupun penasihat yang bersesuaian untuk kita pastikan syarikat yang bersesuaian hanya boleh melabur di kawasan ini.

Begitu juga kita melihat sendiri ya, tentang tadi ada sebut tentang pelancongan. Ada satu syarikat yang telah membangunkan sawah padi secara organik, tanaman secara organik. Ahli-Ahli Yang Berhormat, satu hari nanti boleh kita bawa melawat di kawasan-kawasan ini. Kita sendiri akan melihat tentang pencapaian yang luar biasa yang dibangunkan oleh syarikat-syarikat yang sedang menjatangkan aktiviti ini. Jadi, memanglah peraturan untuk menetapkan sesuatu ini sebagai ladang organik ataupun syarikat yang berteraskan organik ini bukan mudah. Itu sebab diletakkan satu kawasan yang bersesuaian, yang kita lihat kawalannya amat ketat. Saya sendiri pernah melawat ladang ternakan untuk menghasilkan baka ayam, hampir 2 kali kena mandi. Mandi kerana begitu kawalan begitu ketat dipastikan supaya tak ada masalah penyakit dan sebagainya. Itu sebab kata kalau kita berpeluang melawat di sana kita akan tahu apakah ciri-ciri yang sebenarnya yang kita kawal supaya bertepatan dengan *standard* antarabangsa yang telah ditetapkan. Terima kasih.

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita ucapkan selamat datang kepada Sukarelawan COMBI Kesihatan Negeri Johor seramai 16 orang. Jemput, Yang Berhormat Semarang.

**YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 8.

Bagaimanakah *trend* perceraian di kalangan umat Islam dalam negeri Johor dari segi data bilangan serta umur pasangan yang terlibat mengikut daerah dalam negeri Johor sejak 2010 hingga kini?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama** : Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam Muafakat Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin memulakan untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh Semarang. Sebagaimana yang disabdakan oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW dalam satu hadis yang mengatakan (bacaan hadis) yang bermaksud perkara yang paling dibenci namun halal di sisi Allah SWT adalah perceraian.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan Dewan yang mulia ini bahawa *trend* perceraian di kalangan umat Islam dalam Negeri Johor dari segi data bilangan serta umur pasangan mengikut daerah, dari tahun 2010 sehingga kini secara puratanya bagi daerah Johor Bahru berlaku peningkatan kes perceraian. Dari tahun ke tahun manakala daerah-daerah lain seperti Muar, Batu Pahat, Mersing dan lain-lain berlaku peningkatan sedikit setiap tahun. Mengikut faktor umur pula, kes perceraian di kalangan pasangan berumur 40 tahun ke bawah adalah melebihi bilangan kes perceraian di kalangan pasangan berbanding dengan pasangan 41 tahun ke atas.

Bilangan Kes Penceraian sebagai contoh di Johor Bahru yang dikendalikan oleh Mahkamah Syariah Johor Bahru bagi tahun 2015 adalah sebanyak 5,611 kes berbanding pada tahun 2010 adalah sebanyak 3,904 kes.

Bagi daerah Muar pula penurunan kes penceraian dari tahun 2010. Di daerah Muar pula penurunan kes penceraian sebagai contoh dari tahun 2010 hingga 2013. Dari segi bilangan kes pada tahun 2010 adalah mencatat sebanyak 1,358 kes, manakala pada tahun 2013 mencatatkan 890 kes penceraian dan pada tahun seterusnya, tahun 2014 berlaku peningkatan sedikit iaitu sebanyak 1,006 kes.

Bagi daerah-daerah lain seperti Batu Pahat, Kluang, Kota Tinggi, Tangkak, Mersing dan Segamat, kes-kes penceraian adalah bertambah tahun demi tahun.

Ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, statistik penceraian mengikut daerah-daerah. Bagi daerah Johor Baru, pada tahun 2010 sebagai contohnya sehingga bulan September 2010 sebanyak 1,218, pada 2011 meningkat 1,460, manakala 2012 meningkat 1,945. Pada 2013 menurun 1,630 dan 2014 meningkat semula sebanyak 1,935 dan sehingga September 2015 meningkat 2,087 dan pada September 2016 sehingga kini, sehingga September 2016 sebanyak 1,467 kes penceraian telah didaftarkan sebagai contohnya di Johor Bahru. Manakala di Muar bagi tahun 2010 sebanyak 243; 2011, 267; 2012, 206; 2013, 205; 2014, 269, 2015, 417 dan sehingga September 2016 ini sebanyak 460 kes perceraian yang telah didaftarkan di daerah Muar. Di daerah Batu Pahat pula pada 2010, 318 kes; 2011, 298 kes; 2012, 328; 2013, 307; 2014, 477; 2015, 187 dan 2016 hingga September 2016 sebanyak 352 kes.

Begitu juga daerah Kluang, pada 2010 September 2010, 327 kes; 2011, 153 kes; 2012, 357 kes; 2013, 1,274 kes; 2014, 433; 2015, 367 dan September 2016 ini sebanyak 221. Daerah Segamat 2010 sebanyak 142 kes; 2011 sebanyak 215 kes; 2012 146 kes; 2013 sebanyak 170 kes; 2014 214 kes; 2015 sebanyak 268 kes dan sehingga September 2016 sebanyak 216 kes; Daerah Pontian, 2010 sebanyak 186 kes; 2011 sebanyak 244 kes; 2012 sebanyak 252 kes; 2013 sebanyak 167 kes; 2014 sebanyak 223 kes; 2015 sebanyak 250 kes dan 2016 hingga September 2016 sebanyak 143 kes. Daerah Kota Tinggi, 2010, 246 kes perceraian; 2011, 150 kes; 2012 sebanyak 220; 2013 sebanyak 270; 2014, 228; 2015, 156 dan sehingga September 2016 sebanyak 361 kes. Bagi daerah Mersing 2010, 74 kes; 2011, 105 kes; 2012, 133; 2013, 111 kes; 2014, 118 kes; 2015, 387 kes; 2016 September 2016 sebanyak 180 kes. Daerah Kulai, 2010, 100 kes sahaja yang didaftarkan, 2011, 122; 2012 sebanyak 26 kes; 2013, 14 kes; 2014, 14 kes; 2015, 50 kes dan sehingga September 2016 sebanyak 90 kes perceraian didaftarkan di daerah Kulai.

Manakala daerah Tangkak, 2010, 38 kes; 2011, 122 kes; 2012, 131 kes; 2013 hanya 13 kes sahaja, 2014, 134 kes; 2015 sebanyak 263 kes dan sehingga September 2016 sebanyak 104 kes. Di mana, jumlah perceraian keseluruhan di negeri Johor sehingga September 2016 sebanyak 3,594 kes.

Manakala di antara punca-punca ataupun sebab-sebab berlakunya perceraian ini iaitu:-

1. Tidak persefahaman.
2. Adanya campur tangan keluarga ataupun pihak yang ketiga.
3. Konflik rumah tangga.



4. Pengabaian tanggungjawab.
5. Masalah kewangan dan juga sara hidup dan yang paling besar sekali penyebabnya iaitu pasangan ini tadi ni iaitu kurangnya kefahaman dan juga pegangan agama, begitu juga pengetahuan ilmu agama dan juga mengabaikan tuntutan agama.

Terima kasih, Tan Sri Speaker.

**YB Speaker** : Jemput YB Semarang

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan. Kita telah mendengar panjang lebar mengenai *trend* perceraian di kalangan umat Islam dalam negeri Johor terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya ingin tahu bagaimanakah keberkesanan sesi kaunseling yang disediakan oleh pihak Jabatan Agama Islam dalam menangani kes-kes perceraian ini?

**YB Speaker** : Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama** : Terima kasih kepada Yang Berhormat Semarang, terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Berkaitan dengan kejayaan pihak ataupun kaunselor ataupun kaunseling yang dilaksanakan oleh pihak kaunselor-kaunselor yang diletakkan di bawah Pentadbiran Undang-Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, sebagai contoh yang ingin kita lihat hari ini bahawa kaunselor ini hanya bertugas untuk membantu pasangan-pasangan yang ingin mendapatkan penjelasan ataupun ingin menyelesaikan masalah rumah tangga mereka. Maknanya sekiranya mereka hadir ataupun datang ke pejabat agama sama ada mereka datang secara bersama, pihak Pentadbiran Undang-Undang Keluarga khususnya akan mengadakan kaunseling yang pertama sekali pendekatan yang kita gunakan iaitu kaunseling persendirian, yang kedua kaunseling secara berpasangan dan ada juga pendekatan yang kita laksanakan melalui kaunseling secara berkelompok.

Dan, begitu juga selain daripada kita melaksanakan tiga peringkat itu tadi, kita juga pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga juga mengadakan program-program yang berkaitan kekeluargaan ini untuk menyelesaikan. Tetapi sejauh mana keberkesananannya kalau kita lihat dari segi sejauh mana pasangan itu sendiri hendak menyelesaikan masalah mereka sama ada mereka kembali untuk berbaik sebagai pasangan suami isteri ataupun mereka ingin terus membawa masalah mereka itu untuk diselesaikan sampai ke peringkat Mahkamah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebenarnya kalau kita melihat kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri Johor pada hari ini sebagai contoh satu-satunya negeri yang telah pun mewujudkan satu bahagian, kalau dilihat bahagian lain di negeri lain tidak ada bahagian ini tetapi di negeri Johor kita ada dua bahagian yang memang ada diwujudkan iaitu Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga dan Bahagian Pengurusan Masjid.

Jadi, saya ingin menceritakan tentang bahagian Pengurusan atau Pentadbiran Undang-Undang Keluarga ini dia ada dua yang akan membantu. Yang pertama Bahagian Undang-Undang Keluarga dan yang kedua Undang-undang Syarak, jadi kalau kita lihat peranan undang-undang keluarga banyak menganjurkan program-

program hanya terpulung kepada, maknanya mereka- mereka yang hari ini hendak menyelesaikan masalah mereka, masalah rumah tangga mereka untuk mereka mendapatkan pandangan, nasihat, khidmat nasihat, khidmat kaunseling ini lebih kepada nasihat bagaimana cara untuk menyelesaikan, maknanya dipandu oleh pegawai-pegawai kaunselor yang ada.

Jadi, kalau kita lihat dari sudut keberkesanan saya tidak boleh menjelaskan maknanya secara *details*, saya akan dapatkan nanti saya maklumkan kemudian. Cuma maknanya, kejayaan kaunselor itu nanti saya akan *detail* kan berapakah yang berjaya diselesaikan melalui proses kaunseling dan berapakah yang tidak dapat, maknanya mereka tetap juga hendak juga bercerai. Jadi, itu saya akan *detail* kan kemudian nanti dalam sesi penggulungan saya.

Jadi, cuma saya ingin menekankan kepada umat Islam pada hari ini melalui Dewan yang mulia ini, bahawa kaedah sebenarnya untuk menyelesaikan ini dah ada kita di peringkat Jabatan Agama Islam Negeri Johor Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga, di peringkat Mahkamah Syariah kita juga ada pegawai yang dipanggil Pegawai Sulh, Pegawai Sulh juga ada kadang-kadang mereka ini tak dapat selesaikan pejabat agama. Mereka pergi ke mahkamah, mahkamah juga ada lagi satu yang dipanggil Pegawai Sulh, ha dia orang tak faham maksud sulh ini mungkin mereka kata pakai lampu suluh, tidak maksud sulh ini maknanya membaiki. *Al-sulhu khoir* maknanya kita ambil jalan yang baik ini adalah satu kebaikan. Jadi, kita akan minta Pegawai Sulh akan beri lagi pandangan kepada mereka supaya mereka ini boleh kekal sebagai pasangan suami isteri. Ini pendekatan yang diambil oleh Mahkamah Syariah dan Jabatan Agama Negeri Johor melalui Pentadbiran Undang-Undang Keluarga. Terima kasih Tan Sri Speaker.

**YB Speaker :** Jemput Penggaram

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram) :** Terima kasih kepada Tan Sri Speaker. Selepas bercerai, kadang-kadang nafkah yang dijanjikan tidak dapat ditunaikan, jadi Penggaram ingin tahu apakah bantuan yang Majlis Agama dapat menghulurkan kepada wanita yang telah bercerai, khasnya kepada golongan yang hendak membela anak yang masih berumur muda lagi. Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Terima kasih kepada Penggaram yang bertanya perkara ini, maknanya kalau kita lihat isu ini sebenarnya kalau kita lihat dari segi prosedur berlakunya perceraian ini ada beberapa perkara lagi yang perlu diselesaikan. Sekiranya berlaku perceraian, selesai perceraian ada beberapa tuntutan-tuntutan yang lain yang boleh kita bawa juga ke mahkamah. Sebagai contoh iaitu nafkah. Nafkah edah ini kita akan berikan maknanya dia boleh menuntut di mahkamah untuk mereka dapatkan nafkah itu selama tempoh edah perceraian. Kemudian selain daripada itu juga sekiranya mempunyai anak, mereka juga boleh mendapatkan hak dengan menuntut hak mereka itu di Mahkamah Syariah melalui tuntutan nafkah anak.

Kemudian yang ketiga, sekiranya mereka hidup bersama itu tadi yang mereka dapati secara berkongsi maka itu juga boleh dibuatkan tuntutan sebagai harta sepencarian. Harta sepencarian ini mereka boleh menuntut dan itu sebabnya hari ini kita juga di

bahagian di Mahkamah Syariah ini juga banyak berlakunya pengabaian-pengabaian tanggungjawab seperti tuntutan nafkah dan sebagainya. Kadar nafkah bukan ditentukan oleh isteri, kadar nafkah itu akan ditentukan oleh mahkamah. Mahkamah akan putuskan sekian yang kamu berikan sebagai nafkah edah, sekian yang akan kamu kena berikan untuk nafkah anak-anak, begitu juga sekian juga bahagian yang kamu kena beri kepada isteri kamu sebagai tuntutan sepencarian.

Jadi, itu sebabnya kadang-kadang berlaku juga pengabaian, maknanya pihak isteri ni tadi boleh pergi ke mahkamah untuk mendapatkan satu perintah sekiranya suami mereka ini tadi mengingkari perintah mahkamah. Tetapi Yang Berhormat tadi sebutkan apakah bantuan ya? Bantuan berdikari kita juga berikan sekiranya ada ibu-ibu tunggal yang ingin mengusahakan perusahaan-perusahaan ataupun mereka nak meneruskan perusahaan-perusahaan yang mungkin sebelum itu mereka telah pun buat ataupun laksanakan bersama dengan bekas suami dan sebagainya, kita juga akan bantu. Kemudian begitu juga sekiranya mereka ini tadi ni, ibu tunggal ini dikategorikan sebab dalam asnaf tidak ada kategori ibu tunggal. Tetapi sekiranya ibu tunggal itu termasuk dalam yang disebutkan asnaf fakir ataupun miskin, maka kita perlu bantu. Dan sekiranya anak mereka ini tadi belajar dan sebagainya maka di situ juga ada peruntukan yang kita boleh berikan asnaf *fisabilillah* maknanya mereka yang menuntut ilmu agama.

Dan, sekiranya mereka ini juga ada perkara-perkara yang lain sebagai contohnya mereka sara hidup, selepas bercerai sebelum itu mereka suami yang bekerja, isteri tak bekerja jadi bila apa nama, mereka bercerai tak bekerja, tak ada pendapatan, baru nak cari kerja kebetulan pula masa yang sama, suami tadi ini tidak beri nafkah edah dan sebagainya jadi maka itu, bila datang ke pejabat agama dengan bawa dokumen yang lengkap, betul-betul dia ni seorang janda, ibu tunggal maka pihak jabatan agama melalui Majlis Agama Islam Negeri Johor kita akan menyalurkan bantuan, ya. Dia ada kadar-kadar dia, berapa di bawah tanggungan dia dan ada di antara mereka ini bukan setakat sara hidup sahaja yang kita beri. Kalau kita berikan dia sara hidup sebagai contoh, kita berikan dia RM500.00 tapi dengan RM500.00 itu juga mereka nak gunakan untuk menyara hidup mereka dan bayar sewa rumah. Dan, ada setengahnya kita berikan sewa rumah, kita bayarkan sewa rumah. Sebab itu Majlis Agama Islam Negeri Johor dengan kerjasama Rumah Mampu Milik Johor. Hari ini Majlis Agama Islam Negeri Johor, Rumah Mampu Milik Johor di dalam bandar 10% kita ambil, Majlis Agama Islam beli supaya kita boleh menempatkan rumah transit dengan kadar tempohnya sehingga 5 tahun perjanjian itu. mereka boleh duduk sehingga mereka boleh membangun ekonomi mereka dan mereka keluar dari kemiskinan dan mereka boleh berdikari dan mereka akan keluar daripada rumah transit itu. Dan, mungkin kalau ada kes-kes yang lain selepas itu, mereka boleh masuk duduk ke dalam rumah-rumah transit itu tadi. Sekian Tan Sri Speaker.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Tiram, jemput.

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 9.

Apakah langkah kerajaan untuk membendung langkah penyewa rumah PPR yang 'sub-let' rumah dengan harga yang lebih tinggi kepada orang lain?

**YB Speaker :** Yang Berhormat Tanjung Surat, jemput.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Tanjung Surat jemput.

**YB Dato' Ir Syed Sis Bin Syed Abd. Rahman (Tanjung Surat) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 10.

Apakah ciri-ciri pemohon yang akan diberi keutamaan untuk sama ada menyewa atau membeli rumah dalam Projek Perumahan Rakyat (PPR) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan?

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Bismillahir rahmannir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarokatuh. Salam Muafakat Johor, salam sejahtera.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, izinkan saya untuk menjawab bersekali kedua-dua soalan ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerjasama di antara kerajaan negeri dengan kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan begitu penting untuk menjayakan agenda perumahan di negeri Johor. Kerjasama yang baik ini telah merencanakakan beberapa inisiatif bagi memenuhi permintaan rumah yang semakin meningkat dan mendesak. Pihak Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) sedang membina 3,217 unit projek perumahan rakyat (PPR) yang dijangka akan siap menjelang 2019 bagi membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah sementara sebelum mereka membeli rumah sendiri.

Berikut adalah pecahan pembangunan projek PPR yang sedang dibina, PPR Sungai Melana Fasa II Johor Baru, 1,450 unit, PPR Taman Uda Utama Skudai 500 unit; PPR Taman Perling Johor Bahru 525 unit; PPR Taman Pelangi Indah, Johor Bahru, 442 unit; PPR Kecil Pengerang, Kota Tinggi, 300 unit.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Tanjung Surat, adalah dimaklumkan ciri-ciri pemohon yang akan diberi keutamaan bagi menyewa atau membeli rumah dalam Projek Perumahan Rakyat ialah pertamanya, pemohon mestilah warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan tidak melebihi umur 50 tahun.

Selain itu ciri-ciri yang diberikan keutamaan kepada pemohon untuk menyewa adalah pemohon mestilah berstatus berkahwin/janda/duda yang berpendapatan RM1,500.00 ke bawah. Walau bagaimanapun, Jabatan Perumahan Negara telah mengeluarkan surat pindaan kadar kelayakan pendapatan isi rumah bagi pemilikan dan penyewaan unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat yang berpendapatan RM 3,000.00 ke bawah, layak juga memohon berkuat kuasa mula 7 September 2016.

Dalam pada masa yang sama, pihak kerajaan mengutamakan rakyat kelahiran negeri Johor, namun jika pemohon bukan kelahiran di negeri Johor, pemohon mestilah menetap di negeri Johor tidak kurang dari 10 tahun. Pemohon perlu melampirkan

dokumen ataupun bukti penempatan tersebut untuk melayakkan permohonan. Sebagai contoh, dokumen sokongan tersebut adalah seperti buku akaun bank, sijil kelahiran anak, salinan pasport dan lain-lain.

Kerajaan negeri juga mengutamakan kepada pemohon yang tidak memiliki sebarang harta tanah di negeri Johor. Walau bagaimanapun, perlu dijelaskan di sini, bahawa pemarkahan bagi pemohon di dalam golongan ini akan dinilai berdasarkan status perkahwinan, jumlah pendapatan dan jumlah tanggungan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman rumah-rumah Projek Perumahan Rakyat negeri Johor hanya didiami oleh penyewa asal yang telah ditawarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor.

Justeru menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Tiram, bagi membendung penyewa rumah PPR yang 'sub-let' rumah dengan harga yang lebih tinggi, pihak SUK Perumahan mengambil langkah penguatkuasaan dengan cara mengadakan bancian penduduk pada setiap enam bulan dalam setahun. Melalui kaedah ini, pihak SUK Perumahan dapat mengetahui maklumat terkini penyewa asal dan dapat mengenal pasti unit-unit yang telah di 'sub-let' kepada pihak ketiga.

Hasil daripada pemantauan bancian ini, pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Perumahan) meminta penyewa memperbaharui perjanjian pada tahun kedua iaitu tahun akhir bagi perjanjian sewa perumahan rakyat. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan penyewa asal menyewakan rumah tersebut kepada penyewa lain.

Pihak kerajaan sentiasa prihatin terhadap permasalahan ini, justeru pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Perumahan) berusaha untuk mengadakan kempen kesedaran kepada penduduk mengenai kes 'sub-let' yang semakin berleluasa. Kempen ini juga memberi kesedaran kepada penyewa agar tidak melanggar syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Perumahan).

**YB Speaker :** Yang Berhormat Tiram jemput.

**YB Datuk Haji Maulizan Bin Bujang (Tiram) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tadi jawapan daripada Pengerusi Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bahawa 'sub-let' ini isu yang makin berleluasa. Sebenarnya ia menggagalkan matlamat kerajaan untuk menjadikan rumah PPR ini sebagai rumah sementara bagi memastikan bila dia dah ada kelayakan untuk beli rumah, maka dia sepatutnya menyerahkan rumah PPR. Tetapi apa yang berlaku pada hari ini, hakikat yang kita kena terima, rumah PPR ini mereka menyewa dalam tempoh yang cukup lama, ada yang 10 tahun, 15 tahun pun masih tak nak keluar. Ada juga yang dah ada rumah sendiri pun, dia memberi pelbagai alasan, anak duduk dan sebagainya. Jadi, saya nak tahu apakah langkah yang kerajaan boleh buat dengan tegas maknanya, apa tu macam mana nak atasi masalah ini? Dan apa tu, adakah satu mekanisme boleh difikirkan ataupun cara boleh difikirkan di mana mereka yang dah pun ditawarkan rumah, apa tu kita beri syarat supaya mereka menyerahkan rumah PPR ini. Kerana kita terima hakikatlah bahawa memang banyak sebenarnya rumah PPR ini dia di 'sub-let' kerana kita sewa pada mereka pada harga RM124.00 tapi ikut pasaran mungkin

rumah tersebut boleh disewa pada kadar RM400.00 hingga RM500.00. Jadi, saya rasa ketegasan pihak kerajaan pun perlu dalam mengatasi masalah ini.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita sedia maklum banyak berlaku perkara-perkara yang pihak penyewa ini mengambil kesempatan. Dan, berdasarkan syarat yang kita telah tetapkan, memang sepatutnya yang menyewa adalah mereka yang kurang berkemampuan seperti yang saya sebutkan tadi. Sebab itulah pihak di bawah SUK Perumahan dan Kerajaan Tempatan, di Bahagian Perumahan, kita telah mengadakan tempoh maknanya dalam masa 2 tahun perlu diperbaharui. Dengan kadar itu, kita dapat mengenal pasti dari segi permasalahan yang berlaku, dari segi kelayakan yang perlu dipatuhi.

Dan, kita tahu kadang-kadang berlaku juga penipuan dalam soal sebegini. Sebab itulah maklumat tambahan daripada penduduk perlu kita dapati. Dan, kadang-kadang ada juga berlaku, rumah itu kosong tak ada orang duduk, tetapi dia kata bekerja di Singapura contohnya. Jadi, ini pun perkara-perkara yang kita dapati. Sebab itulah dalam penguatkuasaan kita memenuhi keperluan penduduk, yang kita tahu kebanyakannya merupakan rumah sewa yang murah, kita bertegas dari segi soal kita mengadakan findakan dan kita bersama juga dengan Persatuan Penduduk, bersama dengan Wakil Rakyat memaklumkan kita, selain daripada itu kita bekerjasama dengan pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor yang memberikan butiran-butiran kepada kita tentang permasalahan dari segi sewa ataupun mereka yang menyewakan kepada orang lain yang pihak Pejabat Agama Islam sendiri tahu lokasi-lokasi tertentu selain daripada kita melipatgandakan kesedaran masyarakat. Jadi, kita tahu kadang-kadang dalam keadaan kepayahan masyarakat ini, ada juga masyarakat yang mementingkan diri sendiri. Jadi soal kesedaran ini, perlu kita lipat gandakan supaya mereka-mereka ini tidak mengambil kesempatan soal-soal menggunakan rumah sewa yang kita yang patut disewakan tetapi menyewakan kepada orang lain.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Tanjung Surat Jemput.

**YB Datu' Ir Syed Sis Bin Syed Abd. Rahman (Tanjung Surat) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, salah satu projek PPR ini yang disebutkan oleh Yang Berhormat EXCO adalah di kawasan Pengerang iaitu di Kampung Punggai sebanyak 300 unit.

Saya ingin tahu, soalan tambahan saya adalah berapa daripada 300 unit ini akan disewa dan berapa akan dijual? Saya mencadangkan daripada pengalaman yang ada di tempat-tempat lain, masalah sewa dan sub-let ini, saya cadangkan 300 unit ini dijual kepada pembeli-pembeli. Sekian.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, PPR Kecil Pengerang Kota Tinggi, pihak Kementerian membina 300 unit. Dan, berdasarkan peruntukan yang diberikan kepada kita, ini adalah peruntukan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun

tanah adalah pemilikan kerajaan negeri untuk kita bina rumah di kawasan Pengerang tersebut.

Dan untuk pengetahuan sidang Dewan, setiap rumah yang kita mohon untuk dijadikan sebagai skim jual beli atau dijual kepada pembeli, kita perlu meminta kebenaran daripada pihak Kementerian. Kita tahu kos membina rumah PPR ini sebenarnya hampir dekat 150,000 unit seunit, itu tak termasuk tanah. Jadi, kalau dijual harganya cuma RM35,000.00. Jadi, sebab itulah dalam keadaan sekarang ini, kita kena lihat keperluan sebenar dan juga kita di pihak kerajaan negeri memang menggalakkanlah soal skim sewa beli untuk kita memudahkan kepada golongan-golongan yang layak untuk membeli rumah. Dan di projek, Pengerang ini antara salah satu projek yang kita akan mohon kepada pihak Kementerian untuk dijadikan sebagai skim sewa beli. Walau bagaimanapun, hanya tertakluk kepada kebenaran pihak Kementerian. Kerana kita tahu projek PPR Kecil Pengerang Kota Tinggi ini membabitkan soal perpindahan penduduk yang terlibat dalam projek di kawasan RAPID.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Serom Jemput.

**YB Tuan Haji Abd. Razak Bin Minhat (Serom) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 11.

Sejauh manakah pencapaian kerajaan negeri terhadap kolaborasi dan hubung kait antara sektor pelancongan dan sektor pertanian yang disebut sektor agro pelancongan di negeri Johor sehingga kini.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Buloh Kasap Jemput.

**YB Puan Hajah Norshida Binti Ibrahim (Buloh Kasap) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 12.

Apakah langkah khusus kerajaan memperhebat eko pelancongan ke taraf antarabangsa?

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Selamat pagi, salam sejahtera, salam Muafakat Johor. .

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, izinkan saya menjawab soalan 11 dan soalan 12 secara serentak.

Yang Berhormat, untuk maklumat Dewan yang mulia ini, selaras dengan perubahan Dasar Pertanian Negara yang memberi penekanan kepada nilai tambah di dalam pengeluaran sektor pertanian, usaha-usaha bagi mempelbagaikan hasil keluaran pertanian ke arah komersial telah dilaksanakan dengan giatnya. Kemudiannya usaha ini dipertingkatkan kepada transformasi pertanian melalui inovasi di mana salah satunya adalah menjadikan pertanian sebagai tarikan pelancongan. Maka dengan itu, kerajaan negeri telah membuat perancangan untuk membangunkan pelancongan berasaskan pertanian yang disebut sebagai Agro-Pelancongan di negeri

ini, kerana negeri Johor kaya dengan hasil pertanian, mempunyai hasil bumi yang subur dan pelbagai.

Agro-Pelancongan atau pelancongan tani ialah gaya atau aktiviti pelancongan yang berasaskan kegiatan pertanian, perikanan dan penternakan. Agro-Pelancongan merupakan salah satu konsep pelancongan yang berkembang pesat ketika ini kerana menawarkan pelbagai aktiviti berkaitan dengan sektor pertanian dan perladangan kepada para pelancong. Antara aktiviti yang mendapat sambutan dalam Agro-Pelancongan ini adalah lawatan ke dusun buah-buahan dan ladang ternakan, penyelidikan, homestay dan sebagainya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, keindahan dan keunikan serta kepelbagaian spesies flora dan fauna yang terdapat di negeri Johor, sememangnya telah menjadi salah satu daya tarikan kepada para pelancong domestik dan antarabangsa untuk datang ke negeri Johor sama ada bagi tujuan riadah ataupun pembelajaran.

Antara produk eko pelancongan negeri Johor yang menjadi tarikan kepada para pelancong domestik dan antarabangsa adalah seperti Taman Negara Endau-Rompin, Taman Negara Selai, Taman Negara Gunung Ledang, Taman Negara Tanjung Piai, Taman Negara Pulau Kukup, Taman Laut Sultan Iskandar dan Hutan Rekreasi.

Manakala destinasi pelancongan berasaskan pertanian yang dibuka kepada pelancong adalah seperti *Desaru Fruit Farm*, *Desaru Restro Farm*, *Kahang Organic Eco-Farm Resort*, *Zenxin Organic Park*, *The Ostrich Showfarm*, *Kulai Star Fix Desofarm* dan *UK Farm*. Oleh kerajaan negeri melalui agensi-agensi berkaitan terutamanya, Perbadanan Taman Negara Johor, Jabatan Perhutanan Negeri Johor, Jabatan Pertanian Johor, Tourism Johor dan Pihak Berkuasa Tempatan dari semasa ke semasa sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan pembangunan produk eko dan agro pelancongan negeri Johor ke tahap yang lebih baik. Antara usaha-usaha tersebut adalah :-

- i. Mempertingkatkan infrastruktur dan kemudahan sokongan di kawasan eko dan agro pelancongan seperti jalan masuk, papan tanda, keselamatan dan sebagainya.
- ii. Memperhebatkan kempen promosi dan pemasaran dengan merangka pelan tindakan yang bersepadu agar lebih berkesan melalui penerbitan risalah eko dan agro pelancongan. Penyertaan di dalam pameran pelancongan dalam program lawatan pengenalan.
- iii. Memperbanyakkan pakej-pakej eko dan agro pelancongan yang lebih kreatif dan menarik dengan mengenal pasti produk-produk sokongan.
- iv. Merangka dan mempelbagaikan aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan termasuk menganjurkan acara-acara berkaitan dengan eko dan agro pelancongan.
- v. Mempertingkatkan mutu perkhidmatan melalui kursus hospitaliti kepada warga kerja di kawasan eko dan agro pelancongan berkenaan.



Usaha-usaha ini akan diteruskan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa untuk menarik lebih ramai para pelancong datang ke negeri Johor, khususnya produk eko dan agro pelancongan. Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput Yang Berhormat Serom.

**YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom):** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Dato' Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan atas jawapan yang diberikan. Melalui soalan pencapaian kerajaan negeri terhadap kolaborasi dan hubung kait dan sewajarnya kita bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana Johor diberi keadaan alam semula jadi yang indah selain dari gunung dan laut. Soalan tambahan saya, selain fakta alam semula jadi ini, yang berkualiti ataupun yang indah, apakah fakta yang mendorong kepada sektor eko pelancongan dan agro pelancongan yang semakin menarik minat kepada sambutan pelancong domestik dan antarabangsa? Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Terima kasih Serom. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sektor eko pelancongan dan agro pelancongan semakin popular mengikut trend pelancongan masa kini kerana semakin ramai pelancong yang melancong ingin menenangkan fikiran dan jiwa. Maka keindahan produk adalah khususnya eko pelancongan dan agro pelancongan membuatkan mereka tenang hati serta menghilangkan tekanan hidup daripada kehidupan harian di kawasan bandar. Selain itu bak pepatah, jauh perjalanan, luas pemandangan. Pelancong lebih gemar untuk menimba pengalaman yang unik dan meninggalkan kenangan yang sukar mereka lupakan apabila mereka menjejakkan kaki mereka ke destinasi-destinasi alam semula jadi yang sememangnya menarik dan lebih panjang umur, sihat. Kerajaan negeri sedar akan kepentingan eko pelancongan dan agro pelancongan, maka menerusi Pembentangan Bajet Johor 2017, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan hasrat kerajaan memantapkan Program *Karavan Park Johor* di kawasan Hutan Lipur dan taman rekreasi seluruh negeri Johor serta peruntukan bagi membangunkan sektor agro pelancongan. Terima kasih.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Yang Berhormat, yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya memohon soalan tambahan.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kami dapati bahawa negeri Johor adalah satu negeri yang sangat unik dan terdapat banyak tempat pelancongan yang sangat unik dan sangat cantik dan sesuai untuk dijadikan sebagai iaitu tempat untuk pusat eko pelancongan. Bagi pandangan saya kerajaan Johor dalam usaha untuk memperhebatkan eko pelancongan ke taraf antarabangsa, apa yang perlu dibuat adalah menjaga dan memastikan destinasi-destinasi eko pelancongan dapat dijaga dengan baik. Sebagai contoh kami dapati di tempat yang berhampiran dengan Taman Negara Tanjung Piai. Satu projek Pusat Petroleum Bersepadu dan Taman Maritime dijalankan dan menurut DEIA yang

didapati, kita dapati dalam DEIA itu, dia menyebut bahawa terdapat pembinaan tangki minyak setinggi 23 meter dan menurut DEIA repot itu dia menyatakan dia akan mendatangkan iaitu efek signifikan *negative impact* dengan iaitu piagai negatif B dan bermakna dia mendatangkan itu impak negatif yang sangat besar. Dan pada pandangan saya, saya meminta Dato' EXCO memberi sedikit pencerahan bagaimana kerajaan dapat menjaga destinasi eko pelancongan tidak terjejas kerana pelancong yang datang untuk eko pelancongan, mereka bukan nak pergi tengok tangki minyak, mereka nak tengok alam sekitar yang begitu unik dan istimewa dan ini tidak dapat digantikan dengan apa-apa cara yang lain. Sekian, terima kasih.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Terima kasih, Pekan Nenas. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada cadangan ADUN Pekan Nenas dan dia bagi saya jawatan baru, juga jaga alam sekitar. Tapi kita banyak pelbagai produk agro pelancongan dan kita mesti mengawal alam semula jadi. Sesuatu projek yang dirangka dan dilakukan mesti ada pakar-pakar yang memberi pandangan dan laporan tak boleh dibuat begitu sahaja, walau pun soalan ini dari jauh lari soalan asas tapi kitalah bersama-sama dan kita anggap apa yang berlaku pembangunan yang berada di negeri kami, kita serah kepada pakar-pakar memberi laporan yang sepenuhnya dan kita laksanakan. Tapi untuk tanggung jawab saya sebagai promosi dan memasarkan dan kita haraplah kita sama-sama jaga alam semula jadi dan membolehkan kita memperhebat, lebih hebat untuk kita mempromosi dan memasarkan produk eko dan agro pelancongan yang berada di negeri kita. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan yang dapat kita kemukakan pada pagi ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam persidangan yang sama.

**Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN 2017 TAHUN 2016.**

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sambungan perbahasan atas rundingan bagi bacaan kali yang kedua Enakmen Perbekalan 2017 Tahun 2016 disambung sekarang, dengan saya mempersilakan Yang Berhormat Tenggaroh.

**YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Terlebih dahulu ingin Tenggaroh ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang berucap dalam rundingan Bajet 2017.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Tenggaroh ingin merafak sembah tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor sempena Hari Ulangtahun Hari Keputeraan Tuanku pada hari ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum saya mulakan ucapan mengenai Bajet 2017, ingin saya menyentuh mengenai ucapan Yang Berhormat Yong Peng dan juga Yang Berhormat Tangkak. Dalam ucapan mereka, mereka mengesyorkan agar kerajaan negeri memberi pengecualian cukai kepada pemilik rumah kos rendah. Itu saya boleh terima, tetapi apa yang saya tidak boleh terima ialah mereka bercadang supaya kerajaan negeri Johor mengikut jejak langkah kerajaan negeri Pulau Pinang. Dekat

Pulau Pinang Yang Berhormat Tan Sri, mana mereka ada bina rumah kos rendah, (Dewan bertepuk). Rumah yang dibina, rumah kos rendah yang ada adalah semasa kerajaan Barisan Nasional. Di negeri Johor kerajaan bercadang nak bina 60,000 rumah kos rendah sebelum tahun 2020. Di negeri Pulau Pinang apakah *target* mereka nak bina rumah kos rendah sebelum 2020? (Dewan bertepuk). Setahu saya tiada. Apa gunanya cakap bagi pengecualian cukai untuk rumah kos rendah apabila kerajaan Pulau Pinang tak bina rumah kos rendah. Saya berharap Yang Berhormat EXCO Perumahan tak payahlah jawab soalan ini. (Dewan ketawa).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sekali lagi Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah berjaya membentangkan satu bajet *surplus*, atau *surplus budget* dengan izin, iaitu RM3.03 juta. Tidak boleh dilupakan juga bahawa rizab kerajaan telah dilipat gandakan kepada RM3.43 bilion yang merupakan jumlah tertinggi yang pernah kerajaan negeri Johor catatkan. Ini jelas menunjukkan kewibawaan Yang Amat Berhormat Dato' Khaled Nordin, menerajui kepimpinan kerajaan negeri Johor. Syabas dan tahniah diucapkan kepada kerajaan negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, salah satu inisiatif kerajaan negeri ialah menjadikan Johor sebagai Hab Kecukupan Makanan. Malaysia hanya memenuhi kecukupan makanan bagi daging ayam, khinzir dan ikan. Ini bermakna pelaburan dalam bidang pertanian dan penternakan sangatlah strategik dan berkepentingan nasional. Oleh yang demikian Tenggaroh menyambut baik idea Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor menjadikan Johor sebagai Hab Kecukupan Makanan. Akan tetapi bukan hanya kerajaan negeri Johor perlu sahaja berusaha untuk menjadikan Johor sebagai Hab kecukupan Makanan, tetapi FELDA yang mempunyai *land bank*, dengan izin, yang tinggi pun boleh membantu.

Di Johor terdapat banyak rancangan-rancangan FELDA yang dipecahkan dalam 2 wilayah, iaitu Wilayah Johor Bahru dan Wilayah Segamat. Mungkin 2 wilayah ini dapat memfokuskan rancangan-rancangan FELDA di bawah mereka untuk pengeluaran satu jenis makanan yang tidak cukup di Malaysia. Ini sedikit sebanyak akan mengurangkan beban FELDA dengan harga minyak sawit yang tidak menentu dan juga dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada generasi-generasi kedua yang berada di dalam rancangan FELDA.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti yang sedia maklum, Mersing telah menghadapi masalah air selama berbulan-bulan. Antara punca utama masalah air ialah kerana kekurangan air mentah di Empangan Congok. Banyak tindakan dan rayuan telah dibuat kepada kerajaan persekutuan terutamanya oleh Yang Berhormat ADUN Endau. Ini saya kena *mention*, Tan Sri kalau tidak nanti Yang Berhormat Skudai cakap apa yang mereka mintak aja kerajaan buat, macam ADUN dekat Barisan Nasional semua tak mintak. So, Kita kena beritahu, sekarang, kita kena *clear* sekarang, kita ada mohon. (Dewan bertepuk). MB buat apabila kita mohon. Ini macam ADUN Endau mohon.

Namun demikian masih saya ingat kata-kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, Dato' Khaled Nordin, tidak guna kerajaan negeri menunjukkan *surplus budget* dan juga rizab yang tinggi jika masalah utama rakyat tidak dapat diselesaikan. Kata-kata itu telah dikotakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan pengumuman bajet RM65 juta untuk melaksanakan projek pemindahan air mentah

dari Sungai Lenggong ke Empangan Congok dengan peruntukan RM65 juta. Kalau Yang Amat Berhormat Menteri Besar nak tunjukkan *Bajet Surplus* yang tinggi iaitu sebanyak RM66 juta dia boleh, tapi kerajaan negeri Johor adalah kerajaan rakyat, masalah rakyat mesti diselesaikan dahulu. Itu prinsip kerajaan negeri Johor.

Oleh yang demikian terima kasih ingin saya mengucapkan yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat, Dato' Khaled Nordin daripada seluruh rakyat Mersing kerana telah menyelesaikan masalah air di Mersing. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat ADUN Endau yang telah bertungkus lumus untuk mendapatkan penyelesaian untuk masalah air ini. Hanya sekarang pihak berkuasa perlu memastikan agar tidak ada sebarang aktiviti-aktiviti haram yang dapat menjejaskan air Sungai Lenggong. Kalau ini berlaku, masalah air boleh berlaku semula dan hanya akan menjejaskan kawasan yang lebih luas di Mersing yang akan menyebabkan lebih ramai penduduk akan terjejas dengan masalah air. Susulan ini, Tenggaroh juga menyambut baik inisiatif kerajaan negeri bagi meningkatkan hasil penguatkuasaan lesen jeti dan penambahan laut yang akan dilakukan oleh Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ) menggunakan beberapa cara, antaranya dalam dengan menguatkuasakan secara lebih tegas dan berkesan undang-undang terhadap pencemaran air seperti peruntukan dalam Enakmen Air 1921 (Pindaan 2014). Dan meningkatkan hasil negeri seperti melesenkan abstraksi sumber air, jeti dan penambahan laut melalui enakmen yang sama.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti dalam ucapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, jalan raya yang terbaik di luar bandar adalah sangat penting untuk melonjakkan kualiti hidup masyarakat kita. Melaluinya hasil pertanian dapat segera dipasarkan dan akses ke hospital semasa kecemasan dapat dipercepatkan. Malah, ia membolehkan ekonomi kawasan luar bandar bertumbuh dengan lebih cerdas. Oleh yang demikian, Tenggaroh menyambut baik peruntukan kerajaan negeri sebanyak RM79.2 juta yang diperuntukkan bagi tujuan pembinaan pelbagai jalan dan jambatan negeri.

Di Mersing, terdapat satu jambatan utama yang bukan sahaja menghubungkan bandar Mersing ke Endau tetapi negeri Johor dengan negeri Pahang. Setiap kali musim perayaan atau pada hujung minggu, kesesakan lalu lintas akan berlaku disebabkan oleh kesempitan jambatan ini. Banyak permohonan telah dibuat kepada kerajaan persekutuan untuk melebarkan jambatan ini kerana hanya terletak di jalan persekutuan. Mula-mula cakap nak buat jalan alternatif atau *bypass* lepas itu cakap nak besarkan jambatan tetapi sampai sekarang jawapan yang positif belum diterima. Oleh yang demikian, Tenggaroh mengharapkan agar kerajaan negeri seperti dalam isu air dapat mengeluarkan bajet dulu untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di jambatan Mersing ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, apabila kita cakap pasal jalan, di setiap ucapan Tenggaroh dalam perundingan bajet sebelum ini, saya telah berucap mengenai keadaan jalan dari Kota Tinggi ke Mersing hampir setiap minggu ada kemalangan di jalan tersebut. Bukan sahaja sekadar kemalangan tetapi banyak nyawa telah kehilangan dalam kemalangan yang berlaku di antara Jalan Kota Tinggi ke Mersing. Malah dalam satu artikel surat khabar *The Star* telah mengatakan bahawa Jalan Kota Tinggi ke Mersing adalah jalan yang paling merbahaya di Johor. Setiap tahun kita merayu tetapi macam isu jambatan di Mersing sampai sekarang tiada jawapan yang

positif telah diberikan. Untuk kali ini, kalau tak dapat jalan sekurangnya-kurangnya bagilah ambulans untuk klinik kesihatan di pekan Jemaluang yang berada di antara Kota Tinggi dan Mersing. Ini adalah kerana, apabila berlaku kemalangan ambulans perlu datang daripada Hospital Mersing, masa perjalanan dari Mersing mengambil lebih kurang setengah jam dan jika nak pulang ke hospital setengah jam lagi. Dalam satu jam ini banyak nyawa boleh kehilangan, oleh yang demikian Tenggaroh dengan besar harapan mengharapkan satu jawapan yang positif daripada EXCO Kesihatan yang baik dan prihatin orangnya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sukan dikatakan berupaya untuk memupuk perasaan perpaduan sesama rakyat yang berbilang bangsa, interaksi sesama individu akan berlaku kerana sukan memerlukan setiap ahli untuk bekerjasama melaksanakan aktiviti tersebut. Maka perpaduan antara kaum boleh dicapai menerusi penglibatan setiap ahli masyarakat kita dalam acara sukan yang begitu mudah lagi menarik itu. Tambahan pula, sukan juga berupaya untuk menjana perkembangan ekonomi negara ini menerusi pembinaan lebih banyak kemudahan sukan seperti stadium. Kos yang tinggi memang diperlukan untuk pembinaan stadium tetapi pembinaan ini juga boleh menjadikan aktiviti ekonomi sampingan berkembang bersama-sama peluang pekerjaan.

Sesungguhnya, ekonomi negeri yang akan menjadi lebih rancak pertumbuhannya kerana masyarakat kita begitu meminati sukan itu. Imej negeri akan bertambah baik apabila sukan menjadi kegilaan penduduk tempatan. Masyarakat luar menganggap negeri yang berjaya dalam sebarang acara sukan memiliki satu keunikan yang tersendiri pula. Jadi kita hendaklah melakukan acara sukan ini supaya ada atlit negeri kita mencapai pula kejayaan dalam pertandingan antarabangsa yang meninggikan imej penduduk negara dan negeri kita. Oleh yang demikian, Tenggaroh menyokong kerajaan negeri memberi peruntukan sebanyak RM32.16 juta untuk sektor sukan yang antaranya akan digunakan untuk Program Johor Gemilang 2020. Tenggaroh juga menyokong pembinaan Kompleks Sukan Lee Chong Wei International Sport City di atas tanah pajakan milik kerajaan berkeluasan 11.18 ekar di Bandar Seri Alam yang akan menempatkan Johor sebagai salah satu destinasi akademi latihan badminton bertaraf antarabangsa di peta dunia.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada tahun 2014, RM4 juta; pada tahun 2016, RM6 juta dan pada tahun ini, RM7 juta diperuntukkan untuk program inklusif masyarakat India. Peranan ini dipertanggungjawabkan kepada Yayasan Sultanah Rogayah dengan peruntukan sebanyak RM6 juta. Peruntukan ini akan dipecahkan untuk membiayai ikhtiar-ikhtiar berikut, keusahawanan RM2.5 juta; pendidikan RM1.5 juta dan kebajikan RM2 juta. Selain itu, kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi tujuan baik pulih Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Ini jelas menunjukkan Yang Amat Berhormat Dato' Khaled Nordin memberi keprihatinan penting kepada isu-isu atau masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum India di negeri Johor.

Selain itu, masalah tapak khairat kematian Hindu di Johor Bahru yang sekian lama membelenggu masyarakat India di Johor Bahru juga telah diselesaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Untuk ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat DUN Gambir dan DUN Kahang kerana telah bertungkus lumus untuk memohon untuk menyelesaikan masalah khairat. (Dewan bertepuk). Sekarang kita kena mention Tan Sri Speaker, kalau tidak orang lain ambil kredit. (Dewan ketawa).

Oleh yang demikian, sebagai salah seorang wakil kaum India di Dewan yang mulia ini, ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor daripada seluruh masyarakat India Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pelancongan dapat menyumbang pendapatan negeri, hai ini disebabkan pelancongan menjadi penggerak utama tukaran wang asing. Melalui kedatangan pelancongan asing, dapatlah sesebuah negara memperolehi kadar pulangan tukaran wang asing dengan mudah dan banyak. Setiap pelancong membawa mata wang asing untuk berbelanja serta membayar kos penginapannya selama menetap di sesuatu destinasi. Pelancong juga akan menggunakan kemudahan awam, membeli cenderamata, makanan, minuman dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti sebegini dapat menambahkan pendapatan negara seterusnya wang yang diperolehi oleh kerajaan dapat digunakan untuk pembangunan ekonomi, kemudahan-kemudahan pelancongan dan pembangunan fizikal negeri.

**YB Speaker :** Tenggaroh, sila gulung.

**YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy (Tenggaroh) :** Sekejap saja, Tan Sri. Selain itu, pelancong juga membuka peluang yang lebih luas dalam sektor tersebut. Pelancongan merupakan antara satu industri yang memerlukan ramai tenaga kerja seperti pekerja hotel, pemandu pelancongan, pekerja kedai cenderamata, pekerja kedai kraf tangan. Perkembangan industri pelancongan yang menggalakkan di negeri kita ini meningkatkan permintaan tenaga kerja yang terlatih dan berpengalaman dalam industri ini pada peringkat pengurusan dan penyeliaan dan golongan pekerja mahir dan separa mahir.

Selain itu, industri pelancongan memberikan peluang perniagaan yang berangkai kepada rakyat. Perkembangan industri ini menjadikan nadi kepada perkembangan pelbagai sektor lain seperti sektor pengangkutan makanan dan minuman, bunga-bunga, kraf tangan, pertanian dan penternakan. Hal ini mampu mengurangkan kadar pengangguran di negeri kita, pada masa yang sama taraf hidup rakyat juga akan meningkat. Oleh yang demikian, Tenggaroh menyokong langkah kerajaan negeri bagi memperuntukkan sebanyak RM17.15 juta secara keseluruhannya bagi menjadikan Johor tempat pelancongan yang lebih menarik pada tahun hadapan. Moga-moga dengan peruntukkan ini, jumlah pelancongan ke negeri Johor dapat mencecah angka 10 juta pada tahun hadapan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, salah satu dasar kerajaan negeri yang akan dibangunkan di Mersing adalah sektor perikanan. Ini memang padan dengan kedudukan daerah Mersing yang berada di kawasan persisiran pantai. Antara jeti nelayan yang berada di Tenggaroh ialah Jeti Tanjung Leman. Jeti ini berada dalam tanah kepunyaan Johor Corporation, tetapi yang sedihnya jeti ini berada dalam keadaan yang begitu usang. Perbincangan telah dibuat dengan Johor Corp. untuk membaiki pulih jeti nelayan ini, tetapi sampai sekarang belum ada tindakan untuk membaiki pulih jeti. Memang tidak dapat dinafikan, Johor Corp. melakukan banyak program CSR untuk rakyat negeri Johor, tetapi dengan besar harapan nelayan di Jeti Tanjung Leman, menunggu agar Johor Corp. dapat membaiki pulih jeti nelayan di Tanjung Leman. Harap-harap pihak Johor Corp. dapat memberikan satu jawapan

yang baik secepat mungkin. Selain itu, jeti-jeti nelayan yang naik yang usang di Mersing juga diharapkan dapat di baik pulih oleh kerajaan negeri selaras dengan Mersing sebagai Bandar Perikanan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, secara kesimpulannya Bajet 2017 merupakan salah satu bajet yang terperinci yang telah menyentuh segala lapisan masyarakat negeri Johor. Bajet 2017 telah mewujudkan kemakmuran *material*, telah menjaga kesejahteraan sosial dan telah memperkasa insan. Bajet 2017 adalah bajet bangsa Johor, saya mohon menyokong rundingan yang dibawa oleh Rengit.

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan persidangan ini selama 20 minit.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11:00 pagi.**

**Persidangan disambung semula pada jam 11:20 pagi.**

**YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Timbalan speaker :** Assalamuataikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Jemput Semerah.

**YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) :** Bismillahirrahmanirrahim, assalamuataikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Semerah sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato Speaker, terima kasih kerana memberi ruang Semerah untuk berucap pada pagi ini. Pertamanya, mewakili seluruh bangsa Johor dalam DUN Semerah, Semerah merakap sembah tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena ulang tahun hari keputeraan Tuanku pada hari ini. Semoga Allah lanjutkan usia Tuanku.

Yang Berhormat Dato Speaker, Semerah ingin mengucapkan rasa syukur ke hadirat Allah kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat Semerah turut serta dalam membahaskan Ucapan Pembentangan Bajet Johor 2017 yang telah dibentangkan oleh pemimpin yang kita kasihi, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 17 November yang lalu. Selepas hampir empat tahun menggalas tanggungjawab sebagai Ketua Eksekutif Negeri Johor, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah membuktikan titik pandang Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor yang tepat dalam memilih orang yang layak memacu negeri ini. Dan meletakkan negeri ini bersaing dalam era globalisasi yang serba pantas dan sangat mencabar. Dunia pembangunan kini semakin rancak dan semestinya memerlukan seorang teraju yang begitu tangkas dan berfikiran jauh dalam merencana dan mengolah segala kemungkinan. Bukan sahaja empat tahun berterusan lebih bajet, seterusnya mendahului negeri-negeri lain di negara ini terutama dalam menarik pelaburan luar.

Semerah juga ingin merakamkan jutaan terima kasih atas daya usaha serta corak kepimpinan terpuji Yang Amat Berhormat Dato' Mohamad Khaled Bin Nordin, Menteri Besar Johor. Semerah juga percaya dan yakin, rentak prestasi cemerlang ekonomi ini terus kekal dan meningkat cemerlang. Semerah turut sama mendoakan semoga negeri Johor yang tercinta ini pastinya muncul sebagai kuasa ekonomi selatan yang

unggul dan berjaya sebagaimana munculnya kuasa bola sepak negara di bawah pasukan JDT yang sangat-sangat kita banggakan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Terima kasihlah kepada Yong Peng yang bersungguh-sungguh memberikan contoh kecemerlangan negeri dan Negara luar. Selepas itu minta pula Johor mencontohi Pulau Pinang. Tapi tak payahlah supaya mencontohi Pulau Pinang ni sebab Johor ni lebih baik prestasinya berbanding Pulau Pinang. Contohnya dalam bajet yang dibentangkan oleh Pulau Pinang iaitu mengalami bajet defisit atau kekurangan belanjawan berjumlah RM667.1 juta.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau bajet 2016, Yang Amat Berhormat memberikan 119 titik sentuh bagi menterjemahkan inspirasi besar iaitu, Inklusif, Lestari dan Sejahtera Untuk Johor, Bajet 2017 pula mengetengahkan 127 titik sentuh yang mencakupi semua aspek secara holistik. Sebagai usaha menjayakan Gagasan Johor Berkemajuan, Gagasan yang matlamat akhirnya ialah untuk melahirkan masyarakat terbaik untuk dan bukan sekadar negara maju.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita mengucapkan terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang sentiasa memahami denyut nadi rakyat di bawah. Terutama dalam mengurangkan kos sara hidup rakyat walaupun ia di luar bidang kuasa kerajaan negeri. Rakyat di bawah keluh resah kala ini apabila kenaikan harga minyak terutamanya minyak masak tidak bersubsidi. Rakyat mengeluh, di mana saja mereka bercerita. Waima di kedai kopi, mahupun di masjid. Tentang kenaikan harga dan tiadanya bekalan minyak bersubsidi di pasaran.

Kadang-kadang kita hairan, mengapa ini cepat dan pantas sangat menyorok dan menyeludup tanpa rasa bersalah dan bertanggungjawab. Persoalannya, siapa yang kita nak salahkan? Kita ada undang-undang, kita ada penguatkuasaan, kita juga ada mekanisme untuk mengatasinya. Semerah menyokong sebagaimana YB Rengit nyatakan bahawa kita masih lemah dari segi penguatkuasaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penguatkuasaan adalah elemen penting dalam kejayaan kepada kepatuhan dan undang-undang yang telah ditetapkan. Kerajaan hendaklah terus meningkatkan penguatkuasaan kepada penyorok-penyorok dan penyangak-penyangak barangan bersubsidi ini. Jika terbukti bersalah kenakanlah hukuman yang lebih berat termasuklah di penjara atau disebat dan lesen mereka terus ditarik balik. Jika perlu, kerajaan melantik pegawai-pegawai penguatkuasaan ini hendaklah dilantik di kalangan mereka yang benar-benar mampu dari segi mental dan fizikal untuk melaksanakan penguatkuasaan. Contohnya bolehlah dilantik di kalangan-kalangan pesara-pesara tentera yang telah bersara di tahap umur 40-an. Janganlah kita terus bebankan dan biarkan rakyat di kampung-kampung di pinggir bandar mahupun di bandar dihimpit permasalahan yang dicipta oleh mereka yang terus merompak kekayaan yang bukan hak mereka. Semerah mohon juga penjelasan yang terperinci daripada EXCO yang berkenaan berapakah tangkapan yang telah dibuat dan hukuman yang telah dan akan diambil di dalam negeri Johor sehingga kini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Semerah ingin mengucapkan terima kasih atas pembangunan infrastruktur yang telah dilaksanakan di DUN Semerah. Jutaan ringgit telah dikeluarkan. Usaha terpuji kerajaan Barisan Nasional dalam mencukupkan apa yang kurang dan memperelok apa yang sedia ada sangat bertepatan. Dalam



perkara 157 ucapan bajet Yang Amat Berhormat menteri besar, bahawa sebanyak 650 juta diperuntukkan melalui MARRIS. Apa yang hendak Semerah bangkitkan ialah jambatan MTB iaitu *Medium Traffic Bridge* dengan izin ataupun Jambatan Lintasan Sederhana. Di kawasan DUN semerah atau di kawasan-kawasan lain yang telah dibina semasa pelaksanaan perancangan Johor barat tahun 70-an dan 80-an. Di DUN semerah sahaja ada 60 buah jambatan MTB ini yang kelebihannya antara 8 kaki hingga 13 kaki. Ironinya Dato Speaker, apa yang terjadi sekarang bila semua jalan-jalan kampung ini tersebut telah dinaik taraf, program pelebaran telah dibuat, sama ada di bawah peruntukan KKLW, IDJ, MARRIS ataupun kerajaan negeri, akhirnya jalan-jalan tersebut lebuhs besar dari MTB ini. Akibatnya kemalangan sering terjadi. Ada yang masuk dalam parit, terutama apabila sebelah malam bila keadaan gelap.

Justeru itu Yang Berhormat Dato' Speaker, Semerah mencadangkan agar satu dasar dan keputusan bolehlah dibuat di mana-mana peringkat sama ada peringkat persekutuan atau negeri bagi membolehkan jambatan MTB ini diambil kira. Sebagai sebahagian daripada rangkaian jalan yang untuk membolehkan peruntukan MARRIS ini digunakan untuk melebarkan jambatan berkenaan. Inilah mungkin caranya untuk kita menyelesaikan bagaimanakah caranya peruntukan MARRIS nak digunakan. Walaupun telah diajukan beberapa permohonan melalui jabatan-jabatan berkaitan. Kita tidak mahu kerana hanya nak menghabiskan peruntukan MARRIS ini, peruntukan jalan dan lorong ada didapati jalan dan lorong yang masih hitam ini terus dihitamkan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Semerah juga mohon agar kerajaan dapat mempertimbangkan permohonan Semerah sebelum ini iaitu bagi menaik taraf jalan Kampung Parit Kuda kepada jalan negeri. Jalan ini menghubungkan jalan persekutuan kepada jalan negeri yang sedia ada. Sepanjang 3.6 kilometer. Ia dapat, akan dapat memberi faedah penggunaan kepada lebih 5000 sekitarnya.

Selain itu, pembinaan Pusat Kesihatan Besar Lubuk yang telah dikemukakan dan dijanjikan untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dapat dilaksanakan bagi memberi perkhidmatan kesihatan yang mencukupi, selesa dan berkualiti kepada penduduk luar bandar yang sentiasa sayangkan kerajaan yang ada.

Semerah juga mohon kerajaan memperelok dan menaik taraf berbagai kekurangan, kemudahan dan persekitaran di Rumah Pangsa Taman Pantai yang kelihatan usang terutama di persekitarannya. Ini termasuklah juga menyediakan kemudahan bagi dewan tertutup untuk kemudahan penduduk melaksanakan majlis tahill, kenduri dan kendera dan pengurusan jenazah jika ada kematian yang sebelum ini dibuat di dalam rumah untuk 2,3 rumah kongsi bagi pelaksanaan program ini.

Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang meluluskan peruntukan pembinaan masjid di Kampung Bintang Serai yang bernilai RM2.22 juta. Dan, membaik pulih dan menaik taraf Dewan Orang Ramai Semerah demi kesejahteraan dan keselesaan rakyat untuk beribadah dan beriadah.

Selain itu, Semerah juga mohon agar Teluk Wawasan di Kampung Parit Haji Abdul Salam yang terkenal dengan masakan asam pedas dia, dan pernah dikunjungi oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor untuk menikmati masakan asam pedas bagi untuk dinaikkan taraf atau dibangunkan sebagai satu destinasi pelancongan berkonsepkan tradisional.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kawasan DUN Semerah adalah terdiri daripada 70% kawasan pertanian. Majoriti penduduk adalah di kalangan petani dan nelayan. Semerah mengucapkan terima kasih di atas usaha-usaha jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang melaksanakan pelbagai program dan skim bagi meningkatkan pendapatan golongan ini. Sebagaimana Perkara 123 dan 124 ucapan Bajet 2017. Yang Amat Berhormat memperkenalkan satu program iaitu Program Pertanian Rakyat akan dapat mengurangkan kos pengeluaran dan seterusnya meningkatkan pendapatan peserta program ini. Terima kasih Yang Amat Berhormat.

Dalam mensejahterakan rakyat, petani dan nelayan ini setiap tahun peruntukan terus di tambah. Namun begitu, kita lihat usaha yang sama hendaklah juga dimainkan oleh persatuan dan pertubuhan yang mewakili kelompok ini. Tahniah kepada Persatuan Nelayan dan Pertubuhan Peladang yang mewakili golongan ini. Namun begitu, apa yang diharapkan Persatuan Nelayan dan Peladang ini dapat membantu sama usaha-usaha kerajaan secara bersungguh-sungguh untuk mengurangkan jurang pendapatan di kalangan ahli-ahli ini. Amalkanlah sikap, amalkanlah konsep berkoperasi dan berpersatuan secara tulus dan bertanggungjawab dan dalam masa yang sama memastikan peningkatan keuntungan persatuan dan pertubuhan seiring juga dengan peningkatan dan pendapatan setiap individu nelayan dan peladang dalam mereka menghadapi saingan ke arah negara berpendapatan tinggi.

**YB Timbalan Speaker :** Semerah sila gulung.

**YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) :** Dato' Speaker, minta maaf dato' Speaker. Semerah juga mencadangkan supaya kerajaan membangunkan pusat pertubuhan ekonomi nelayan di setiap pengkalan pendaratan ikan yang aktif bagi meningkatkan pendapatan mereka serta memberi nilai tambah kepada tangkapan iaitu di Pengkalan Teluk Wawasan dan Hentian Mahkota. Semerah juga memohon pembinaan jeti nelayan di setiap pengkalan nelayan di setiap pengkalan di dalam DUN Semerah. Selain memudahkan para nelayan untuk melaksanakan kegiatan nelayan ia juga boleh menyumbang kepada kes-kes penyeludupan dan laut yang sering berlaku di perairan Selat Melaka.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rumah kediaman adalah impian setiap mereka berkeluarga terutamanya bagi keluarga baru. Kalau di bandar ada PRIMA, Rumah Mampu Milik, di luar bandar sebelum ini ada Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia. Kemudian atas pelbagai masalah yang telah dibangkitkan dalam Dewan ini, termasuk di DUN Semerah atas keprihatinan pemimpin kepada rakyat Johor Yang Amat Berhormat telah mengumumkan Rumah Mesra Rakyat Johor pada bajet 2016 dan di tambah lagi 200 unit dalam tahun 2017. Harapan Semerah yang mewakili harapan luar bandar agar Yang Amat Berhormat dapat menambah sekali ganda lagi iaitu menjadikan 400 unit. Keuntungan tersebut dapat menghargai kesetiaan penduduk luar bandar yang setia dan terus menyokong kerajaan Barisan Nasional. Dan, menampung permintaan yang begitu tinggi, kalau FELDA, RISDA, FELCRA memperkenalkan rumah BN atau Bina Negara untuk generasi keduanya. Inilah skim rumah untuk generasi kedua bagi penduduk luar bandar. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Semerah juga berharap agar kerajaan dapat membangunkan Rumah Mampu Milik Johor bernilai RM40,000.00 hingga RM150,000.00 di atas tanah kerajaan seluas 20 ekar yang telah dikenal pasti dalam kawasan DUN Semerah bagi memenuhi kemampuan, permintaan dan penempatan generasi kedua dari DUN Semerah. Terima kasih kepada keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas ketidaklayakan pembiayaan peminjam di institusi kewangan yang telah memperkenalkan dan memperuntukkan skim sewa beli bernilai RM20 juta. Ini boleh diibaratkan sudah mati hidup kembali kepada mereka yang terlibat dalam kes tidak layakkan pembiayaan tersebut untuk memiliki rumah.

Sukan ternyata telah menjadi instrumen penting perpaduan yang utuh dan kukuh. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang sentiasa terus memahami dan berjiwa muda dalam mendepani keperluan belia dan orang muda, dalam meruntuhkan peruntukan sebanyak RM32.6 juta dalam bajet kali ini. Kita akan sentiasa bersama kepimpinan bagi menunggangi ke arah Johor Gemilang 2020 dan Juara SUKMA 2020.

Terima kasih juga kepada EXCO Belia, orang muda yang sentiasa bersandarkan bersama setiap program-program keseluruhan, sentiasa melibatkan bersama terus kepada ADUN-ADUN.(Dewan bertepuk). Kita akan terus menyokong usaha mendekati orang muda dan belia di mana 38.4% atau lebih kurang 1.4 juta orang penduduk Johor adalah di kalangan orang muda berumur di antara 15 hingga 40 tahun.

**YB Timbalan Speaker :** Siapa EXCO Pemuda itu?

**YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) :** Bos saya. Yang Berhormat Dato' Speaker, Program *Johor Future Home* yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dilihat merupakan program yang baik dalam memupuk masyarakat kesukarelawan, semangat kesukarelawan dan gotong-royong yang kian hilang di kalangan masyarakat kita sekarang ini. Dengan melibatkan sama Sukarelawan Darul Takzim, Semerah berharap ianya akan terus dilaksanakan dan diperluaskan lagi.

**YB Timbalan Speaker :** Ok Semerah, sila tutup.

**YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan (Semerah) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, akhirnya, Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan meminjam kata-kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar, "biar apa pun ideologi kita, biar apa pun parti kita, biar apa pun pendirian kita, marilah kita untuk kali ini bergerak seiring sebagai bangsa Johor menggembeleng segala kekuatan kita, menjadikan Johor dan masyarakatnya teladan yang terbaik kerana Johor inilah satu-satunya rumah untuk kita semua, rumah untuk anak-anak, cucu kita zaman berzaman".

Terima kasih Dato' Pengerusi, Semerah membawa usul yang dibawa oleh YB Rengit. Wabillahi taufik walhidayah wassalmualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih, Semerah. Persidangan disambung semula. Sila Senggarang.

**YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato'

Speaker, terlebih dahulu Senggarang ingin meratak sembah tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Tuanku pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Specker, sebelum saya meneruskan perbahasan tentang Rundingan Bajet pada hari ini, saya ingin menyatakan atau menidakkan *debunk*, dengan izin, kenyataan yang telah dibuat oleh Skudai seolah-olah pembangkang memainkan peranan bagi menarik FDI di negeri Johor dan memperlekehkan pembangkang BN di Pulau Pinang dan Selangor.

Saya pernah bertugas di Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia. Hari ini ditukar namanya kepada Lembaga Kemajuan Pelaburan Malaysia. Kita tak payahlah bertugas di MIDA sekalipun, kita akan tahu kenapa pelabur memilih Pulau Pinang, Selangor ataupun Johor. Pasti pertamanya, kedudukannya di Pulau Pinang kenapa? Kerana itulah pusat ekonomi di utara Malaysia. Kenapa memilih Selangor? Kerana dekat dengan Ibu kota. Kenapa memilih Johor? Kerana dekat dengan Singapura. Bahkan, kalau kita lihat, kita tengok sepuas-puasnya kedudukan Pulau Pinang, Selangor dan Johor mempunyai infrastruktur yang hebat. Apa dia? Sudah pasti di tempat-tempat ini ada pelabuhan. Apa lagi? Ada lapangan terbang di Bayan Lepas, mahupun di Subang atau di KLIA hari ini dan di Johor bukan setakat di Senai tetapi kita ada juga di Singapura.

Jadi, janganlah begitu mudah sekali seolah-olah nak dapatkan kredit juga FDI datang ke Johor kerana kita tahu hari ini di Pulau Pinang pun FDI nya pun tak sehebat seperti di Johor. (Dewan bertepuk). Jadi, janganlah begitu mudah ya, templak para pembangkang BN seolah-olah tak buat kerja langsung di Pulau Pinang ataupun di Selangor.

Yang Berhormat Dato' Specker, terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada Senggarang untuk bersama membahaskan Ucapan Bajet Negeri Johor Darul Takzim 2017 'Johor Berkemajuan, Rakyat Sejahtera', yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah mengambil masa lebih 2 jam dalam pembentangnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum Senggarang memperkatakan lebih lanjut tentang Bajet 2017, ada 2 perkara yang ingin Senggarang nyatakan iaitu satu isu tragedi tempatan dan satu lagi di luar negara. Semasa kebakaran di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru, isteri saya, Senggarang merupakan salah seorang penghuni di situ akibat serangan angin ahmar yang terpaksa menjalani pembedahan bagi membuang darah beku di kepalanya yang ditempatkan di *High Dependant Unit*. Atas kecekapan para petugas di hospital tersebut, Alhamdulillah, isteri saya telah dipindahkan dengan selamatnya ke blok yang lain. Di sini, Senggarang mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Super EXCO (Dewan bertepuk). EXCO Kesihatan dan Alam Sekitar kerana membantu isteri saya sejak di Hospital Sultanah Nora Ismail lagi sehingga memudahkan urusan pembedahan beliau di Hospital Sultanah Aminah. Tahniah dan terima kasih kepada kesemua petugas Hospital Sultanah Aminah dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Kerana kesungguhan mereka dalam suasana yang begitu kalut dan kelam kabut mampu berusaha menyelamatkan para pesakit. Namun begitu, saya mengucapkan takziah kepada mereka yang maut dalam tragedi tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, cuma Senggarang mengharapkan agar pihak HSA tidak begitu cepat untuk memindahkan pesakit-pesakit yang telah dipindahkan ke wad-wad di blok lain untuk kembali di tempatkan di blok utama yang ditimpa musibah. Apa yang perlu sepatutnya pihak Kementerian Kesihatan berusaha untuk memulihkan bangunan tersebut terlebih dahulu dan memastikan ianya benar-benar selamat, selain mendapatkan peralatan baru sebelum ditempatkan semula para pesakit di situ.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di hari tragedi tersebut dilihat bangsa Johor yang terdiri daripada rakyat berbilang kaum menunjukkan keprihatinan mereka dan bertungkus lumus bekerjasama membantu para pesakit.

Yang Berhormat Dato' Speaker, manakala tragedi di luar negara begitu dekat di hati Senggarang. Walaupun di Timur Tengah, negara-negara Islam bergolak sama ada perang saudara ataupun sengketa yang disebabkan oleh pihak Barat, Senggarang sarankan Malaysia mahupun pihak OIC perlu bertegas mendesak agar negara China atau Tiongkok dan Myanmar menghormati umat Islam di negara-negara tersebut. Sama ada kaum Rohingya yang dinafikan hak kerakyatan mereka di Myanmar mahupun masyarakat pribumi Uyghur di Xinjiang dalam menjalankan kehidupan harian mereka sebagai seorang Muslim tetapi dihalang untuk berpuasa, salat dan seumpamanya. Kerajaan Myanmar dan Tiongkok sepatutnya lebih berperikemanusiaan dan mereka boleh mencontohi Malaysia yang tetap menghormati tradisi budaya dan anutan kaum-kaum yang pelbagai di tanah air ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saban tahun Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor telah menunjukkan keprihatinan beliau dalam mengetengahkan bajet negeri Johor secara surplus masih terus mengekalkan tradisi holistik, komprehensif dan inklusif agar semua sektor ekonomi dapat dikembangkan kapasiti dan potensinya.

Pembangunan ke ekonominya bukan setakat berpusat di kawasan Iskandar, Pengerang dan Pembangunan East Coast Economic Region dengan izin, (ECER), malah dikembangkan ke daerah-daerah lainnya melalui Pelan Pertumbuhan Strategik Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Alhamdulillah dengan pengalaman beliau sebagai Menteri Pusat digunakan semaksimumnya dan Johor amat beruntung mempunyai seorang Menteri Besar yang begitu dedikasi, komited dan cekap. Berperanan bukan hanya sebagai pentadbir malah pengurus seperti seorang *Chief Executive Officer of Johore*. Sesuaiilah beliau dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor dalam bidang pengurusan oleh Universiti Teknologi Malaysia.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada beberapa aspek bajet ini yang akan mempunyai impak yang besar kepada negeri Johor dan boleh memberi contoh kepada negeri-negeri lain.

Pertama, Johor sebagai hab kecemerlangan halal. Tinggalnya pihak kerajaan perlu mendapatkan usahawan kecil Melayu supaya tidak ketinggalan dalam merebut peluang industri halal yang semakin meningkat permintaannya ke seluruh dunia. Mereka patut mencontohi usahawan-usahawan bukan Islam yang bijak melihat

peluang yang terbuka luas ini. Mereka perlu dibimbing kerana sebagai usahawan Muslim, pendekatan mahupun cara dan bahan yang digunakan tidak semestinya berunsurkan Islamik atau halal.

Kedua, pembinaan perumahan oleh GLC sama ada JCorp, KPRJ dan PIJ Holdings amat disokong, malah yang penting kerajaan perlu pastikan rumah yang dibina bukan sekadar rumah mampu tengok malah ianya benar-benar rumah mampu dimiliki dengan harga yang berpatutan khasnya dalam lingkungan RM80,000.00 hingga RM150,000.00 seunit.

Ketiga, nampak benar kali ini pihak kerajaan Johor mempunyai kesungguhan dalam menangani isu masalah air dengan beberapa pendekatan yang akan diambil tanpa perlu Senggarang perlu sebutkan di berapa lokasi seluruh Johor.

Keempat, Senggarang juga berasa bangga kerana budaya sukarelawan tetap menjadi sebahagian daripada agenda Bajet 2017. Seperti *Johor Future Run* dan *Johor Future Home* yang diperkenalkan pada Bajet 2016 dapat digerakkan secara berterusan. Sememangnya budaya sukarelawan ini memang difokuskan kepada golongan belia. Malah NGO-NGO diberikan peruntukan untuk menjalankan kegiatan sukarelawan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Senggarang juga ingin mengambil perhatian buat para EXCO terhadap isu-isu setempat khasnya dalam kawasan DUN Senggarang. Buat Yang Berhormat EXCO Kerja Raya, Senggarang mohon jasa baik pihak Yang Berhormat EXCO supaya isu-isu lampu trafik di pekan Senggarang khasnya di persimpangan jalan persekutuan menghubungkan Jalan Parit Jabar - Parit Permatang dapat dilaksanakan seperti yang telah Senggarang mohon kepada Menteri Kerja Raya. Seperti yang telah dinyatakan oleh Menteri berkenaan, peruntukan bagi melaksanakan kerja tersebut hanyalah lebih kurang RM500,000.00 sahaja. Bukannya banyakkah? Tak sampai 1 million pun, tak sampai sejuta. Malangnya, untuk mendapatkannya seolah-olah menunggu buah tidak gugur, jalan tersebut amat sibuk terutamanya di waktu puncak iaitu sewaktu pelajar-pelajar di dua buah sekolah berdekatan pergi dan pulang sekolah di samping adanya pengguna jalan raya yang lain. Akibat kesibukan lalu lintas berkenaan, kawasan tersebut sering berlakunya kemalangan, tinggal masih belum ada yang mau sahaja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, lanjutan daripada rancangan dengan izin, *Exit Plan*, penternakan ladang-ladang babi di kawasan Senggarang yang mempunyai lebih daripada 17 buah ladang, Senggarang amat tertanti-nanti bilakah *Exit Plan* yang pernah disuarakan oleh Yang Berhormat EXCO Pertanian dalam Dewan yang mulia ini menjadi kenyataan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekali lagi Senggarang tegaskan, pencemaran bau tidak mengenal kaum, bahkan kaum Cina sendiri di kawasan Senggarang ada yang mengadu tentang bau yang berpunca dari ladang-ladang berkenaan. Malah, di ladang ternakan kambing di kawasan DUN saya pun dengan pencemaran baunya telah mengakibatkan masyarakat di sekelilingnya merungut yang kebanyakannya terdiri daripada masyarakat Melayu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berbalik kepada isu tadi, *Exit Plan* yang boleh

dilaksanakan buat permulaannya dicadangkan di kampung saya, Kampung Kelicap, yang mana kandang babi tersebut berhampiran kurang 20 meter dengan penempatan pekerja sebuah kilang berasaskan makanan. Mohon diberikan perhatian yang sewajarnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jalan persekutuan pantai barat menghubungkan jalan persekutuan daerah Muar, Batu Pahat sehingga Pontian. Namun begitu, di laluan tersebut antara Batu Pahat ke Pekan Senggarang beberapa hotspof di situ sering mengalami banjir kilat dan pasti menjejaskan mereka yang ingin bekerja atau melaksanakan aktiviti ekonomi masing-masing. Paling ketara, ianya adalah akibat laluan parit kecil mahupun kedudukannya di kawasan rendah selain aktiviti kuari tanah terletak berdekatan. Mohon pihak Jabatan Kerja Raya memastikan satu tindakan jangka panjang agar perkara sebegini tidak berulang. Kita tak mahu Pegawai Daerah dan Jurutera Daerah JKR silih berganti tapi masalah ini tetap berlanjutan tanpa kesudahannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker,

**YB Timbalan Speaker :** Senggarang, sila gulung.

**YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail (Senggarang) :** Insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon pihak JPS memastikan apa yang dijanjikan oleh mantan Timbalan Perdana Menteri untuk membangunkan semula sistem perparitan utama di Sungai Suluh dapat dilaksanakan seberapa yang segera. Bagi mengelakkan isu banjir berulang lagi, Senggarang difahamkan bahawa peruntukan telah sedia ada tetapi Senggarang rasa kecewa. Ia masih belum menjadi kenyataan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oleh itu Senggarang mohon menyokong Rengit. Saya sudahi dengan wabillahitaufik walhidayah wassalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Timbalan Speaker :** Waalaikumsalam. Persidangan diteruskan, sila Parit Raja.

**YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) :** Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Muafakat Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu dalam kesempatan ini Parit Raja Ingin merafak sembah dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertua Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim. Sempena Hari Keputeraan baginda yang ke 58.

**YB Timbalan Speaker :** Tak payah sebutlah tu.

**YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) :** Pada 22 November 2016 bersamaan 22 Safar 1438H. Semoga Allah melanjutkan usia Tuanku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih lagi sekali kepada Yang Berhormat Dato' Speaker yang telah mengizinkan saya bersama-sama

membahas ucapan pembentangan Bajet Negeri Johor bagi tahun 2017 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Johor dalam Dewan ini pada 17 hari bulan yang lalu.

Saya dah baca, saya dah teliti, saya dah semak bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat pada 17 hari bulan lalu. Sangat-sangat terbaik. Kata orang Indonesia, sukses. (Dewan bertepuk).

**YB Timbalan Speaker :** Kalau dah terbaik tu, cepat-cepatlah sajalah gulung. (Dewan ketawa).

**YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parti Raja) :** Yang Berhormat Dato', saya hilang idea Dato'. Bagi negeri Johor dan Bangsa Johor sebenarnya pembentangan bajet yang telah dibentangkan itu, saya rasa selaku rakyat negeri Johor perlu menyokong 100% apa yang telah disuarakan oleh Yang Amat Berhormat. Bajet yang bertemakan "Johor Berkemajuan, Rakyat Sejahtera". Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato'.

Perkara yang kedua Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga bagi pihak yang akan menerima bonus setengah bulan gaji. Saya ingat, Yang Amat Berhormat nak sebut 1 bulan, tapi setengah bulan pun bersyukur. Kawan-kawan saya di sebelah sana semua senyum. Dia cakap *jempol-jempol*, saya pun gitu-gitulah. Pasal yang sebelah sana pun terima macam mana yang kita terima. Jadi, hati mahu baik, kita berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat, kerajaan negeri Johor yang telah memberikan bonus. (Dewan bertepuk). Ini pengubat hati bagi orang wanita, lalah, minyak masak naik, tapi ini pengubat hati kita. Jadi, suami-suami yang dapat bonus tu jangan lupa kepada isteri-isteri yang masak dekat rumah.

**YB Timbalan Speaker :** Banyak sangat tu, bonus nak beli minyak masak saja.

**YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parti Raja) :** Tak beli minyak, ganti beli cincin jadilah, ataupun gelang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya saya bersetuju yang disuarakan oleh Yang Berhormat Semerah. Sebenarnya rakyat tak marah, subsidi itu dipotong ke dikurangkan, tak marah. Cuma saya berharap, kerajaan potonglah ataupun kurangkanlah sikit-sikit. Jangan menjadi beban kepada rakyat. Rakyat tak marah dan kita sebenarnya dah banyak bajet-bajet yang dipotong. Dah banyak dari dulu. Tak marah. Dan kita pun hidup senang. Tak susah dah tak, sampailah minyak naik harga sampai kita tak boleh masak, kadang-kadang pembangkang ini dia semua cucuk, cucuk, cucuk rakyat supaya rakyat benci kepada kerajaan.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, dan sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, kerajaan Johor telah banyak membantu rakyat terutamanya rakyat negeri Johor, macam-macam. Dari rumahnyalah, dari pinjamannyalah, dari banknyalah, dari bantuan penlagannya, macam-macam kalau saya nak sebut satu hari ni tak habis, tapi, telah dibuktikan bajet yang dibentangkan pada 17 hari bulan memang kerajaan terutamanya khasnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengutamakan rakyat, mementingkan rakyat, mensejahterakan rakyat. Jadi, rakyat dan kita semua di dalam Dewan ini, perlu menyokong kerajaan yang sedia ada ni dalam 100%, dalam pilihan



raya yang akan datang. Kerana kerajaan inilah yang akan berusaha untuk kesejahteraan rakyat, kerajaan yang ada inilah kerajaan yang bertanggungjawab untuk kesejahteraan, kesenangan, kemajuan negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara yang ketiga, saya ambil ringkas-ringkas sahaja. Dalam tajuk pembangunan dan kemudahan sukan bertaraf antarabangsa dunia, YB Kempas cakap, pasal apa Datin nak cakap pasal sukan. Saya dulu Dato' Speaker, saya dulu minat sukan.

**YB Timbalan Speaker :** *Slim.*

**YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) :** Saya dulu minat sukan. Saya minat sukan dan minat seni. Saya dulu kurus, tak macam gini. Dulu saya hebat. (Dewan bertepuk). Jadi, untuk mencapai taraf sukan yang bermutu dan bertaraf dunia, kita perlu mengasuh bakat-bakat baru di negeri ini. Dengan ini, saya mencadangkan agar kerajaan dapat memperbaiki dan menaik taraf prasarana sukan di kawasan-kawasan luar bandar dan pekan-pekan kecil.

Pada masa sekarang, kemudahan seperti gelanggang sepak takraw, selalu sepak takraw di campur dengan badminton. Jadi orang nak main badminton ini terpaksa tunggu sepak takraw main. Jadi itu, futsal, bola keranjangnya, padang bola sepak, setakat ini jumlahnya amat sedikit dan tidak bermutu. Contoh macam DUN Parit Raja, DUN Parit Raja ini besar, tapi gelanggang bola keranjangnya satu itu pun masuk ke sempadan bahagian Semarang, Ayer Hitam. Tapi, untungnya orang-orang saya, anak-anak muda Tiong Hua saya dapat main di situ dan dapat kemudahan itu daripada kerajaan Johor, pasang lampunya, maknanya diberi bantuan, diberi perhatian. Sepak takraw, dekat kampung cuma ada berapa, dalam 3, 4 kampung itu 1, kalau main ikut *que*, ikut giliran, maknanya memang tak ada, jauh lagi bola sepak. Jadi, saya haraplah, kerajaan mengambil perhatian. Padang yang sedia ada di kampung-kampung ini padang sekolah. Sebab itu kawan saya, Datin cakap, minta padang, padang. Padang sekolah ini digunakan aktiviti sekolah. Dekat situ lah sukan olahraga yang lari-lari, dekat situ lah baling cakera, batu itu, dekat situ lah baling lembing, dekat situ lah bola tampar, dekat situ lah perbarisan, dekat situ lah lari anak-anak murid yang salah dihukum lari setengah padang, jadi kadang-kadang padang yang sedia ada tak macam padang sebab itu setengah-setengah sekolah dalam DUN saya, minta bantuan, minta peruntukan untuk membaiki pulih padang. Saya cakap peruntukan tak ada.

Jadi, dengan peruntukan yang ada ini, selain dapat membaiki dekat sekolah-sekolah juga dapat membina padang-padang untuk mencungkil bakat anak-anak muda kita supaya anak-anak muda kita menjadi wakil negeri yang terbagus. Contoh macam dekat Sarawak, memang ada kolam renang, tapi dia ada kolam renang yang asli, terjun kat sungai, terjun kat laut, jadi satu latihan untuk dia. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, saya berharap dengan kemudahan-kemudahan dan peruntukan kita dapat membina padang bola, gelanggang sepak takraw, gelanggang bola keranjang, sekali gus mencungkil bakat anak-anak insya-Allah kita akan dapat ahli-ahli sukan yang bermutu tinggi. Sukan membawa perpaduan, kemesraan, pembangunan dan ekonomi. Contoh, bola sepak JDT. JDT satu kebanggaan pada kita rakyat Johor. Tengok stadiumnya saja hebat. Anak-anak muda minat, tergiat-giat ini. Tengok stadium tertutup berlatih, hebat. Lagi-lagi bila tengok bosnya hebat. Ada kapal

terbang lagi, hebat. Gajinya hebat. Lagi di tambah dengan penyokong-penyokong sorak, hebat. Siapa yang tak berminat? Cuma peluang kerana tak ada padang, bakat anak-anak ini tidak dapat diteruskan. Jadi saya berharap diambil perhatian yang menyeluruh supaya kita dapat menunjukkan bakat-bakat anak muda kita dalam negeri ini sebagai wakil dalam sukan.

Perkara yang keempat. Peruntukan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tahun 2017, tajuknya. Parit Raja, saya dah cakap banyak kali sebuah pekan yang pesat membangun. Ada orang cakap dah macam bandar. Tapi tak macam bandar pasal tak ada hiasan, jauh sekali keceriaan, malah terminal bas pun tak ada. Bus stop tu saya rasa ada 3 saja. Dari hala ke Ayer Hitam ke Batu Pahar dekat bangunan MARA sama klinik. Satu lagi daripada Batu Pahar nak ke Ayer Hitam, satu saja antara klinik tu. Sebab itu bas yang ada perkhidmatan di sepanjang Kluang itu dia berhenti sesuka hati, mana-mana. Berhenti, berhenti, berhenti.

Dan anak-anak muda yang nak balik kampung ke Kelantan ke, ke mana yang nak naik bas KKK, ke apa bas tu berhenti a sepanjang mana bas yang dia hendak berhenti. Jadi, saya harap PBT ataupun lebih tepatnya Majlis Perbandaran Batu Pahat tidak lupa untuk memohon peruntukan ini bagi pekan Parit Raja. Saya bukan nak nafikan Majlis Perbandaran Batu Pahat makna tak bekerja, Majlis Perbandaran Batu Pahat ini perkhidmatannya dah memberikan sumbangan kepada saya dan orang ramai jempol. Petik je sampal, cakap je dapat, minta satu kasi tiga. Maknanya hebat Majlis Perbandaran Batu Pahat ini.

**YB Timbalan Speaker :** Fuh, punya lah sempurna tu ya. *Perfect.*

**YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) :** Ha, sempurna. Dari segi itu bagus. Cuma dari sini jangan lupa untuk memohon bagi pihak pekan Parit Raja supaya lebih nampak lagi ceria dan cantik.

**YB Timbalan Speaker :** Kali ini tak petik pula? Petik saja dapat lah nanti.

**YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) :** Saya dah cakap banyak kali. Agaknya dia tertupa mohon. Jadi, ada peruntukan ini, mohonlah, jangan sampai tertupa pula. Ok.

Perkara yang kelima, Batu Pahat sebagai Pusat Industri Ringan. Selaku ADUN di dalam daerah Batu Pahat, menyambut baik pengumuman Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk menjadikan daerah Batu Pahat sebagai pusat Industri Ringan. Saya amat-amat berharap agar usaha ini betul-betul manfaatnya dapat dirasai oleh peniaga-peniaga kecil dan peniaga-peniaga baru di tiap-tiap kampung dalam daerah Batu Pahat khususnya jangan terlupa di kawasan saya Parit Raja. Kerana DUN Parit Raja memang terkenal dengan pembuatan ataupun perniagaan kerepek. Bantulah ilmu, latihlah sebetul-betulnya supaya peniaga-peniaga ini akan dapat menghasilkan usaha-usahanya dengan lebih bagus. Bantuan bengkel perniagaan mudah-mudahan dapat membuka peluang untuk peniaga-peniaga ini meningkatkan pengeluaran pemasarannya dengan lebih luas dan sekali gus akan meningkatkan pendapatan mereka.

Akhirnya Dato' Speaker, bagi membantu peniaga-peniaga kecil di negeri johor ini, saya berharap Kedai Mampu Milik dapat dibina lebih banyak, terutamanya di pinggir-

pinggir bandar dan kawasan-kawasan luar bandar dengan harga yang tidak melebihi RM200,000.00. Peniaga-peniaga kecil ini tidak mampu untuk sewa atau beli kedai-kedai yang mahal kerana dia baru berniaga. Saya berharap sangat-sangat hasrat kerajaan untuk membantu peniaga-peniaga kecil ini dapat dilaksanakan dengan baik. Dan ini adalah harapan rakyat negeri Johor yang telah mendengar bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya menyokong usul yang dibawa oleh Rengit, saya nak baca sedikit petikan dari ucapan Yang Amat Berhormat dalam bajet yang lepas, "kepada rakan-rakan pemimpin masyarakat dan ahli politik, kepada semua Ahli Dewan yang mulia ini, ketepikanlah segala perbezaan dan persembungan ideologi antara kita. Biar apa pun ideologi kita, biar apa pun parti kita, biar apa pun pendirian kita, marilah kita untuk kali ini bergerak seiring sebagai Bangsa Johor menggembleng segala kekuatan kita menjadikan Johor dan masyarakat teladan masyarakat terbaik. Kepada para penjawat awam, marilah bekerja keras bersama-sama saya. Melaksanakan rancangan yang kita lakarkan hari ini untuk tahun 2017. Tanpa dokongan tuan-tuan dan puan-puan, apa juga yang kita rancang pasti akan sukar dilaksanakan. Marilah kita utamakan keperluan masyarakat. Lunaskan tugas dengan penuh rasa tanggungjawab dan ikhlas. Dan jayakanlah Johor berkemajuan". Sekian, dengan ini saya menyokong usul yang dibawa oleh Rengit. Terima kasih. (Dewan bertepuk).

**YB Timbalan Speaker :** Alhamdulillah, cerah masa depan. Persidangan disambung semula. Sila Stulang.

**YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) :** Terima kasih Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan ini. Tidak lupa juga Stulang ingin merafak sembah tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan sempena ulang tahun keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan hari ini.

Sebelum saya pergi kepada lebih mendalam berkenaan perbahasan saya membawa isu-isu yang penting, terlebih dahulu saya ingin membidas apa yang dikatakan oleh Machap di mana Machap mengatakan bahawa menyedari bahawa kemenangan BN dalam pilihan raya yang lalu sebahagian besar adalah datang daripada pengundi luar bandar. Justeru itu, menghargai jasa penduduk luar bandar kita kena salurkan peruntukan yang lebih. Saya rasa pemikiran politik ini merupakan pemikiran corak pembangunan yang kurang matang. Kerana peruntukan mesti disalurkan atau pembangunan mesti dititikberatkan di tempat-tempat mengikut keperluan.. kalau dia perlu, kita kasi. Kalau mana-mana perlu kita mesti kasi. Bukan berlandaskan sama ada undi dibahagikan atau tidak.. sebagai kerajaan adalah tidak waras untuk menjunjung konsep 'I help you, you help me' dengan izin dalam pentadbiran.

Apa yang Machap maksudkan seolah-olah kalau kita bagikan kepada BN, barulah dapat peruntukan dan pembangunan. Ini adalah tidak tepat. Kalau rakyat tidak undi, mesti ada sebabnya atau ada yang mereka tidak suka atau tidak puas hati. Kita kena lebih terbuka hati melihat apa yang mereka betul-betul nak. Selepas PRU, pasukan kerajaan yang dibentuk perlulah menolong rakyat secara menyeluruh tanpa mengira kaum, tempat atau sama ada memberi undi kepada kerajaan. Kita tidak boleh menggunakan kuasa dalam kerajaan untuk membalas dendam. You tak kasi undi, saya tak tolong. Tapi tak apalah, kalau lain kali kita menang jadi kerajaan, kita

pasti akan tolong semua orang tanpa mengira kaum, baik Cina, Melayu, India. Walaupun dia UMNO, kita juga akan tolong kalau dia perlu. (Dewan bertepuk).

Yang kedua yang saya nak katakan di sini adalah saya setuju dengan kejatuhan nilai wang ringgit Malaysia. Saya tidak setuju dengan apa yang dikatakan oleh rakan Kukuh kita yang mengatakan bahawa penurunan nilai mata wang ini adalah normal yang bersifat sementara. Dalam jangka masa yang panjang ya, berpuluh-puluh tahun ini, wang negara kita turun berbanding dengan negara lain. Berpuluh-puluh negara, kita turun. Jadi, ini bukan sementara. Contohnya, sini banyak sini, saya tak mahu sebut satu persatu. Saya cakap tentu, tahun 75, ok. Yen, kita satu ringgit kita boleh beli 130 Yen. Tapi sekarang kita RM1, kita boleh beli 24 Yen sahaja. Ini puluhan tahun sudah jatuh. US, tahun 75, kita RM2.30. Sekarang USD1 kita kena RM4.40 untuk beli. Singapura pun sama, puluhan tahun yang dulu sejak 75, RM1 dengan SGD1, sekarang RM3.31 pula.

Kita tengok Saudi, Saudi pun sama. Dulu RM1 kita boleh beli Saudi RM1.55. Sekarang RM1 kita boleh beli SAUDI 0.80 sahaja. Untuk China, tahun 95 kita RM1 kita boleh beli dia punya Chinese RMB3.50. Tapi sekarang kita boleh beli dengan, kita boleh dapat RM1.50 sahaja. Jadi, kejatuhan ini bukan kejatuhan jangka pendek. Ia sebenarnya kesinambungan kejatuhan sejak puluhan tahun yang lalu. Ini dahsyat. Walaupun kejatuhan kalau sementara dan pelarasan, yang dilaksanakan di negara sendiri, untuk menurunkan nilai, mempunyai fungsi tertentu dalam jangka masa yang pendek. Tetapi untuk jangka masa yang panjang, kejatuhan nilai wang ringgit ini merupakan sesuatu yang boleh membawa Malaysia ke negara yang gagal. Saya ingat bende ini, semua orang kita nak perhatikan. Tidak logik kalau kita nak maju, kita nak kompetitif, kita nak selesaikan masalah, kita biar duit kita jatuh, tak logik. Duit kita jatuh, kita happy, tak logik langsung, tak ada, tak boleh. Kerana dalam jangka masa yang panjang ia akan meningkatkan kos perniagaan kita, bahan mentah import meningkat, hutang luar pun meningkat kerana dengan currency yang begitu tinggi kalau pakai US Dolar, kita hutang luar kita meningkat. Nak secara dalam masa berpanjangan kos sara hidup kita pun akan meningkat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, isu yang ketiga yang saya nak sentuh ialah berkenaan dengan hartanah. Sejak kebelakangan ini, Johor dilandai dengan pembangunan sektor hartanah seperti Country Garden, RMF Forest City. Selain itu, negeri China juga mengemukakan satu konsep One Belt One Road dalam strategi pembangunan mereka, perhubungan mereka dengan dunia luar. Memang kita menyambut baik konsep ini kerana ia boleh merancakkan perdagangan antarabangsa yang boleh meningkatkan pulangan ekonomi sekiranya kita telah bersedia. Forest City telah memaparkan rancangan pembangunan bandar yang besar dan menarik di pulau-pulau tambakan. Kerisauan kita adalah sejauh manakah projek ini akan dilaksanakan dan dibangunkan kerana ini menelan puluhan tahun kita tidak tahu. Memanglah menjadi lumrah pemaju untuk mempersembahkan rancangan atau pelan induk yang besar, lengkap dan menarik agar hartanah yang ditawarkan sekarang lebih senang dipasarkan dengan harga yang lebih lumayan. Kerisauan juga tidak boleh lari daripada risiko rancangan bandar tersebut akhirnya menjadi alat spekulasi pelaburan, ya. Fenomena ini juga akan mengakibatkan harga rumah di sekelilingnya terutamanya di Johor Bahru menjadi tinggi, di mana sebarang usaha pada masa depan untuk mengawal harga rumah menjadi sukar. Kita juga risau rancangan bandar ini akhirnya kerana unsur spekulatif akan menjadikan bandar ini sebagai satu *phantom city*

sekiranya kurang penduduk menetap di situ di mana fenomena ini telah banyak berlaku di negara luar di mana projek-projek mega dijalankan.

Bandar rancangan perlulah berintegrasi dengan aktiviti ekonomi setempat agar bandar ini akan aktif dan sentiasa penuh dengan penduduk. Dari segi perdagangan atau limpahan ekonomi, rakyat Johor tidak ingin melihat kita sebagai penonton sahaja dalam projek-projek mega ini. Di mana kita menyediakan tanah tetapi gagal mendapatkan limpahan ekonomi yang setimpal. Maknanya, apa yang kita lihat sekarang adalah kebanyakan bahan binaan diimport terus dari negara China, besi ke, paku ke, kaca dan banyak lagi bahan binaan dan pekerja juga dibawa terus. Jadi, apakah peluang kita? Bila siap nanti projek kita, kilang perabot dan syarikat reka bentuk dalaman dan renovasi mereka akan datang dan membekalkan perabot kepada penghuni di situ. Jadi, di manakah peluang kita? Jadi, projek Forest City sebenarnya adalah projek kerjasama dengan – Planet – 88 di mana ia adalah *subsidiary* KPRJ. Takkan kita tak boleh buat sesuatu untuk memberi peluang kepada usahawan tempatan dan peniaga-peniaga tempatan. Jadi ini memberikan satu iktibar kepada kita untuk tingkatkan daya saing kita, usahawan perniagaan tempatan supaya kita tidak kehilangan peluang pekerjaan.

Jadi, kerajaan seharusnya mencari ikhtiar memberi peluang kepada usahawan atau peniaga tempatan supaya kita betul-betul mendapat limpahan. Kita patut menolong agar usahawan baru ada pada landasan betul manakala usahawan sederhana atau besar berdaya saing di pasaran antarabangsa supaya perkara ini tidak akan berulang lagi pada masa depan kelak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin membawa perhatian Dewan yang mulia berkaitan dengan pelbagai isu yang berkaitan dengan pelaksanaan. Jadi, sebenarnya pelaksanaan jauh lebih penting daripada perancangan. Kita tidak mahu lihat sesuatu rancangan hebat diketengahkan untuk menutup kelemahan atau ketidakkeberkesanan atau kegagalan sesuatu rancangan. Di sini saya nak tonjolkan beberapa contoh biarlah yang;

Pertama, jalur lebar. Dalam bajet yang lalu, pernah ketengahkan bahawa nak buat jalur lebar, *free wifi*. Memangnya ada, dalam buku ini pun ada tulis 133 *hotspot wifi* telah diaktifkan di seluruh Johor. Memangnya ok kalau ada buat. Tetapi yang saya dapat maklum balas daripada banyak tempat, yang salah satu di Taman Sri Stulang di mana *wifi* itu tak boleh pakai, lambat, sorok-sorok sikit sahaja, pergi depan sikit sahaja sudah tak boleh pakai. Jadi, ini lambat. Jadi, pelaksanaannya kena ada, pelaksanaannya yang efektif kena ada disalurkan kepada penduduk.

Kedua, saya nak cerita rumah mampu milik. Bajet 2014 cakap sasaran nak 28,000 unit, oklah tu. 2015 cakap sasaran ditingkatkan jadi 37,000 unit, fingskatkan lagi. Nampak hebat, betul-betul. Bajet 2016 cakap menjelang 2019 nak sampai 60,000. Tetapi sekarang yang siap baru 8,766. Ini maknanya, kalau nak bandingkan dengan Bajet 2014, saya rasa usaha sasaran yang bertambah sejak 2014 pun belum tercapai lagi. Dan berlandaskan angka yang diutarakan di sini saya rasa banyak yang perlu diperingkatkan berkenaan dengan pelandasan di mana tengok 2019 sampai 2020 kita nak siapkan 3,000 padahal sekarang kita 1 tahun *average*, purata siapkan 6,000 sahaja.

Jadi, ini yang saya katakan kita kena peningkatkan pelaksanaan dan kualiti. Kemudian, air bersih dalam bajet dulu ada cerita sasaran kerajaan ialah 100% Johor yang menepati bekalan air bersih menjelang tahun 2017. Dan memastikan bekalan air merangkumi kualiti air serta tahap perkhidmatan yang setanding dengan negara maju. Oklah iu. Kalau maksudnya cakap macam ini ok. Tetapi apa yang berlaku sekarang ialah sentiasa mendapat putusnya, berlakunya putusnya bekalan air pun berlaku. Di kawasan saya juga di beberapa kawasan di mana mereka mengadu tekanan rendah. Alasan yang diberikan adalah kerana di sekeliling banyak pembangunan jadi biasalah air tekanan rendah. Tak boleh. Kalau macam ini kita tak setanding dengan negara maju, ada pembangunan di sekeliling sahaja tekanan air di Stulang Darat dan di jalan-jalan yang di mana banyak *government officer* yang dulu duduk sana menghadapi gangguan air yang cukup tinggi.

Satu lagi, kita punya stadium, stadium kita, Stadium Bandaraya sudah tak ada. Kita MBBJ tak ada stadium tertutup. Dalam Bajet 2014 sudah cerita nak bikin stadium tertutup dengan RM60 juta tapi sekarang tak siap lagi. Larkin punya Stadium Tertutup MPJB pun dah tak ada sekarang. Jadi kita tak ada stadium. Kemudian apa, Pasar Kampung Melayu Majidee. Dulu cakap nak siap, tahun dulu bulan 11 nak siap, tak siap. Bulan 4 tahun ini mahu siap. Tapi sampai sekarang tak boleh dipindah lagi sekarang sudah bulan berapa, bulan 11, tak boleh pindah lagi. Jadi, inilah yang saya katakan pelaksanaan lebih penting daripada perancangan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di sini beberapa isu berkenaan isu kawasan yang saya nak sentuh adalah berkenaan dengan Sungai Sengkuang. Di mana Sungai Sengkuang melibatkan ribuan penduduk. Masalah ini perlu diselesaikan dengan cepat kerana di bahagian hulu sungai di mana sungai itu mengalir melalui Taman Sri Tebrau sentiasa mengalami banjir kilat dan di hilir sungai juga di mana sungai itu mengalir melalui Taman Sri Stulang dan perumahan Rakyat Iskandar, bahagian sungai itu sudah cetek, sangat kotor dan air sana sudah menjadi hitam. Jadi, cadangan saya ialah untuk menyeru agar dana yang secukupnya diperuntukkan dalam Bajet 2017 untuk menyelesaikan masalah ini. Cadangan saya adalah satu pam air dibina untuk mengeluarkan air banjir dengan cepat di bahagian hulu sungai tersebut. Dalamkan sungai tersebut di bahagian hilir supaya untuk selesaikan masalah banjir di Taman Iskandar dan bersihkan dasar sungai kerana dasar sungai sudah menjadi hitam. Nampak bertoksik. Kemudian, kalau boleh jadikanlah tepi sungai sebagai taman rekreasi supaya mereka lebih mencintai sungai dan boleh berekreasi di situ. Kemudian, tindakan tegas perlu diambil untuk mereka yang terus membuang sampah di situ.

**YB Timbalan Speaker :** Stulang, sila gulung.

**YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) :** Ok. Jadi, sungai sepatutnya merupakan aset kepada kita kalau berlakunya banjir, kotornya ia sudah menjadi liabiliti kepada kita kerana kesannya adalah penyakit dan busuk. Jadi saya menyeru kepada pihak kerajaan untuk menyelesaikan masalah Sengkuang ini.

Yang isu tempatan yang berkaitan yang satu adalah saya nak sentuh di sini adalah berkenaan premis judi haram mesin. Ramai yang terjebak dalam anasir judi, pecah belah, along mengambil kesempatan, meningkatnya jenayah. Jadi, dalam bajet dulu pun ada cerita. Minta maaf ya. Bajet dulu ada cerita. Kerajaan akan menambah Bajet 2014 dalam 3, 4 tahun dah. 3 tahun lebih dah. Kerajaan akan menambah baik

Enakmen Hiburan untuk mengawal aktiviti lesen hiburan yang didapati telah banyak disalahgunakan dan mengundang masalah sosial terutamanya aktiviti perjudian. Ini akan membolehkan kerajaan negeri memastikan aktiviti yang dijalankan oleh setiap pengusaha pusat hiburan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Pelaksanaan penyeragaman kadar lesen hiburan di semua daerah juga akan dikuatkuasakan dalam tahun 2014. Yang inilah yang saya maksudkan. Cakap memang cantik tapi pelaksanaannya kurang. Sekarang premis judi haram mesin ini masih berlambak-lambak di Johor Bahru dan di seluruh negeri Johor. Jadi, sukar untuk menguatkuasa oleh sebab tidak mempunyai bukti kukuh untuk perjudian bukanlah satu alasan untuk tidak mengambil tindakan. Bolehlah menyamar, menyamar, dan boleh tangkap, ambillah tindakan. Terima kasih. Kemudian, akhirnya satu lagi berkenaan dengan di bandar-bandar besar kita telah pun mata kita dijolok kehadiran gadis-gadis luar negara yang menjolok mata di Johor Bahru. Ini kemunculan mereka seperti...

**YB Timbalan Speaker :** Stulang selalu tengok.

**YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) :** Yalah, saya tengok tapi saya tak tanya apa bikinlah. Saya tahu apa dia bikin. (Dewan ketawa). Kemunculan mereka seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Jadi, saya pun berharap Polis, Kerajaan Tempatan, Imigresen dan Pejabat Daerah boleh bekerjasama menyelesaikan masalah sosial ini kerana mereka yang gagal mengawal hawa nafsu tidak terkawal akhirnya akan terkandas dalam aktiviti maksiat ini. Jadi, dulu saya pernah dengar kalau nak mengambil tindakan terhadap premis judi mereka mahu belajar dulu, menyamar ke, belajar judi untuk mengambil tindakan tapi saya ingat untuk kes ini saya rasa tak payah belajarliah. Tak payah. (Dewan ketawa). Janganlah macam itu, tak payah, boleh saya rasa terus boleh mencari ikhtiar sebagai *government* sebagai kerajaan boleh cari masalah untuk selesaikan masalah judi ini, pelacuran ini dan untuk kesejahteraan rakyat kerana ini akan menonjolkan masalah sosial yang tidak terkawal di mana aktiviti pelacuran di bandar JB telah pun meningkat.

Jadi, beginilah beberapa isu yang saya tonjolkan hari ini yang pertama di mana saya sebagai kerajaan kita mesti adil di mana perlunya peruntukan, kita perlu peruntukan. Yang kedua isu berkenaan nilai mata wang...

**YB Timbalan Speaker :** Eh gulung lagi. Dah ada catif.

**YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) :** Di mana mata wang kita lihat sebagai masalah. Yang ketiga ialah berkenaan pembangunan Forest City dan sebagainya. Dan isu seperti Sungai Sengkuang dan perjudian, pelacuran dan akhirnya pelaksanaan lebih penting daripada rancangan telah pun diutarakan. Diharap kerajaan boleh menitikberatkan isu-isu ini. Sekian, terima kasih.

**YB Timbalan Speaker :** Sila Bentayan.

**YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) :** Salam sejahtera, salam impian Johor. Bentayan merafak sembahkannya kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena Ulang Tahun sempena Ulang tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada hari ini. Bentayan juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker atas keizinan untuk Bentayan turut mengambil bahagian dalam Perbahasan

Belanjawan 2017 pada hari ini. Rakan-rakan Yang Berhormat sekalian, kita semua berada di sini hari ini kerana kita adalah suara bagi rakyat di luar sana. Kita seharusnya bersuara tanpa takut dan tanpa memihak.

Kerap kali kita dengar pihak belah sana yang menekan keperluan untuk membuat polisi yang bermatlamat untuk menambahkan sokongan kepada kerajaan hari ini. Bentayan tertanya-tanya apa yang sebenarnya lebih penting dalam perbahasan Dewan untuk kepentingan parti atau kepentingan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sekali lagi Belanjawan Johor 2017 adalah merupakan belanjawan lebihan satu tawaran konservatif yang bermain pada keadaan selamat apabila sekadar berbelanja mengikut zon selesa. Tetapi adakah kita sudah berusaha secukupnya buat rakyat. Bilakah kita akan mempunyai iltizam, politik dan keberanian untuk membentangkan belanjawan defisit pada keadaan ekonomi yang suram untuk lebih banyak membantu kelompok bawahan untuk menunjukkan kita bersama-sama dengan rakyat melayari kesuraman ekonomi ini. Ia lebih daripada sekadar berkata-kata. Kita memerlukan tindakan dan *policy affirmative* dalam keadaan yang sukar ini. Apakah tidak boleh dikurangkan kadar cukai untuk rumah kos rendah, memotong yuran lesen untuk peniaga kecil, penaja membuat, membantu nelayan dan petani. Belanjawan Pembangunan 2017 telah meningkat daripada RM541 juta pada tahun 2017 kepada RM763 juta. Peningkatan RM222 juta akan tetapi, separuh dari peningkatan adalah peningkatan peruntukan bangunan negeri iaitu sebanyak RM150 juta berbanding tahun 2016 hanya sebanyak RM47 juta masing-masing dalam maksud P.72 dan P.74.

Dalam situasi ekonomi suram adakah ia perbelanjaan yang sesuai berbanding usaha untuk meningkatkan pendapatan rakyat atau kemudahan untuk kesejahteraan rakyat? Kita perlu lebih menekankan perbelanjaan untuk program sosial seperti pendidikan, kesihatan dan program lain yang boleh meningkatkan pendapatan untuk kumpulan, dengan izin, *bottom 60%* iaitu isi rumah berpendapatan RM6,000.00 ke bawah. Jika Menteri Besar ingin, dengan izin, *walk the talk* untuk memberikan kepada mereka yang tidak punya apa-apa, ini adalah kumpulan sasaran kita dan masanya untuk kita menggunakan rizab kita pada matlamat yang baik.

Politik bukanlah tempat untuk meluaskan kuasa semata-mata, apatah lagi untuk menjadi lubuk mencari kekayaan. Politik adalah platform untuk berkhidmat menjaga kesejahteraan semua rakyat melalui dasar dan pelaksanaan yang berhemah. Kerajaan negeri sepatutnya faham kejayaan tidak lagi diukur dengan jumlah wang yang dimiliki tetapi bagaimana wang itu dikongsi oleh sekalian rakyat. Justeru itu, sebagai sebuah kerajaan negeri, seharusnya setiap pembangunan yang ingin dilaksanakan itu perlulah mempunyai etika. Sebagai contoh, pembinaan sekolah-sekolah rendah di Pulau Sibul, Pulau Aur dan pulau-pulau lain, ini adalah contoh bagaimana jutaan peruntukan yang dikeluarkan tetapi tidak mencapai matlamat operasi penggunaan fasiliti yang maksimum. Bangunan setinggi tiga tingkat dibina tetapi populasi hanya sekitar 200 hingga 300 penduduk sahaja. Berapa ramai murid yang boleh kita peroleh daripada populasi sebegini? Adakah wajar kita membina bangunan setinggi tiga tingkat yang hanya menempatkan pelajar kurang daripada 20 orang?

Yang Berhormat Dato' Speaker, sehingga September, 2016 indeks harga pengguna



bagi barang makanan dan minuman tidak beralkohol bagi negeri Johor telah meningkat kepada 3.8%. Ini melebihi kadar peratusan nasional sebanyak 3% dan merupakan yang tertinggi sekali di Malaysia. Antara kumpulan makanan yang mengalami peningkatan tertinggi adalah ikan dan makanan laut sebanyak 4.7% diikuti oleh daging 4.2% dan buah-buahan sebanyak 3.3%. Mengapa harga ikan dan makanan laut meningkat dengan begitu mendadak? Adakah sebenarnya kita berhadapan dengan kekurangan bekalan makanan laut ekoran daripada keterbatasan nelayan untuk menangkap hasil laut ekoran daripada projek-projek pembangunan di persisiran pantai seperti di Forest City, RAPID Pengerang dan Tanjung Piai? Kerajaan negeri memang ada memberikan bantuan sara hidup kepada nelayan yang terjejas setiap tahun. Tetapi, sebenarnya jika kita lihat betul-betul, bantuan tersebut adalah merupakan bayaran pampasan kepada nelayan yang terjejas dengan pembangunan persisiran pantai. Secara tidak langsung, adakah kerajaan negeri sebenarnya mengakui berlakunya perkara-perkara yang menyukarkan nelayan untuk meraih rezeki harian? Harus disedari bayaran sebanyak RM2,000.00 setahun adalah tidak mencukupi untuk nelayan yang telah kehilangan punca pendapatan. Kerajaan negeri sepatutnya mencari jalan alternatif selain daripada bantuan kewangan.

Industri akuakultur yang berimpak rendah terhadap alam sekitar tetapi boleh mendatangkan pulangan lumayan perlu diteroka oleh nelayan-nelayan yang terjejas sumber pendapatan ini. Aktiviti seperti ternakan tiram boleh menjana pendapatan untuk mereka. Muar mempunyai sejarah panjang berkaitan tiram memandangkan ia adalah merupakan kegiatan ekonomi tradisional di Muar semenjak 100 tahun lalu. Mengambil contoh rumah rakit di Muar. Menurut maklumat yang diperolehi selain daripada pelancong-pelancong yang pergi ke rumah rakit tersebut untuk melihat penternakan tiram dan merasai tiram bakar, ada juga peniaga-peniaga daripada Melaka yang membeli tiram sehingga 1,500 ekor tiram setiap minggu. Ini menunjukkan tiram juga mempunyai pasaran yang agak lumayan. Apa yang diperlukan adalah bantuan daripada pihak kerajaan. Kerajaan negeri boleh mencari lokasi-lokasi yang sesuai dan mengumpulkan nelayan-nelayan ini untuk beralih kepada industri akuakultur seperti ternakan tiram. Bantuan ini pula bukan sekadar terbatas kepada bantuan berbentuk kewangan tetapi juga bantuan kepakaran, teknologi dan teknikal. Jabatan Perikanan boleh membantu pengusaha-pengusaha untuk memastikan benih-benih tiram ini boleh membesar dengan sempurna. Memantau keadaan dan kualiti air, memantau penularan bakteria *e-Coli* dan sebagainya. Bantuan sokongan kepakaran dan teknikal ini adalah sangat penting untuk menjamin kualiti dan membendung penularan penyakit dan juga kebolehpasaran tiram-tiram tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Franklin D. Roosevelt pernah menyebutkan dengan izin, "*The nation that destroys its soils, destroys itself.*" Berdasarkan kepada satu laporan dengan izin, *Water Quality Assesment Of Marine Park In Johor* yang dijalankan oleh Jabatan Sains Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia pada tahun 2015, empat sebab utama pencemaran telah dikenal pasti iaitu sisa pepejal, pengawet kayu yang digunakan ke atas bot dan struktur di pulau, aktiviti perkapalan seperti kebocoran minyak dan pencemaran ... yang diakibatkan daripada perubahan iklim global. Analisis ini turut melibatkan pulau-pulau di Taman Laut Sultan Iskandar. Apabila kita berhasrat untuk membangunkan *Caribbean Of The East*, kita sepatutnya terlebih dahulu mengatasi 3 punca pencemaran. Perubahan iklim global mungkin di luar capaian kita tetapi 3 punca lain boleh dikawal. Laporan yang saya sebutkan tadi

telah menyatakan bahawa aktiviti pencemaran yang utama adalah kekurangan pengurusan sisa pepejal dan pembentukan yang berintegrasi telah meningkatkan paras bakteria e-Coli, minyak dan gris dan logam berat dalam air di kawasan tersebut. Maka adalah sangat penting untuk kita memperbetulkan pengurusan sisa pepejal dan pembetungan terlebih dahulu.

Seperkara lagi yang ingin Bentayan bangkitkan adalah adakah kerajaan negeri telah membuat kajian impak alam sekitar sebelum membangunkan *Caribbean Of The East* ini atau akan guna *loophole* dengan izin, seperti sebelum ini? Apabila kita merancang apa juga projek pembangunan adalah tidak wajar jika kita tidak melibatkan kesemua pemegang taruh. Semasa perancangan untuk membangunkan *Caribbean Of The East* adakah kerajaan negeri melibatkan pemegang taruh termasuk nelayan, penduduk tempatan dan operator pelancongan dalam setiap perbincangan dan perancangan? Mereka-mereka ini terlibat secara langsung dalam aktiviti ekonomi kerana mereka mendiami pulau-pulau tersebut. Mereka perlu mendapat sedikit impak daripada pembangunan. Kerajaan negeri perlu mendengar suara rakyat tempatan dahulu sebelum kita membawa orang luar masuk untuk membuat pelaburan. Takkan kita juga mahu .... Johor sepertimana yang berlaku di peringkat persekutuan? Pemuliharaan dan pemeliharaan ini perlu dibuat dengan seimbang di mana hidupan laut boleh terus hidup tanpa terancam.

Penduduk tempatan sebagai pemilik tempat juga boleh mendiami pulau-pulau tersebut dengan harmoni, nelayan dan operator pelancongan juga boleh meneruskan aktiviti ekonomi mereka. Nelayan-nelayan sedia ada di pulau-pulau yang terlibat tidak boleh dikesampingkan. Bentayan juga mencadangkan agar pihak kerajaan negeri melihat kepada bagaimana kita boleh memanfaatkan kemahiran yang dimiliki oleh nelayan ini dan memindahkan mereka kepada industri lain. Sebagai contoh, kemahiran nelayan memandu bot boleh digunakan untuk membantu kerja-kerja pemuliharaan marin, nelayan ini juga boleh diserapkan sebagai penguatkuasa pemuliharaan dan juga untuk aktiviti membenihkan semula karang-karang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sektor kesihatan awam negara kita turut berdepan cabaran dalam iklim ekonomi yang suram ini. Kebakaran di Wad ICU Hospital Sultanah Aminah adalah antara yang terburuk dalam sejarah kesihatan awam negara. Selain itu, terdapat laporan media berkenaan dengan kekurangan peruntukan untuk Jabatan Patologi di sekitar Johor Bahru sehingga mengganggu pelbagai ujian di hospital-hospital awam berikutan kekurangan *reaction* yang sangat kritikal. Ketika ini Malaysia mempunyai nisbah 1.85 katil bagi 1,000 penduduk. Nisbah ini jauh lebih rendah daripada standard nisbah antarabangsa iaitu 2.5 kali katil bagi 1,000 penduduk dan kadar penggunaan katil di Hospital Sultanah Aminah telah mencapai tahap 93%. Menurut Timbalan Menteri Kesihatan, hampir 150 orang doktor pakar meletakkan jawatan di hospital awam setiap tahun semenjak 6 tahun lepas tetapi kita mempunyai 2,600 graduan perubatan yang tidak mendapat tempat untuk *housemanship*. Manakala, dalam isu infrastruktur pula terdapat klinik-klinik kesihatan yang sangat sesak dan tidak kondusif. Waktu menunggu giliran sangat lama manakala bagi yang memerlukan rawatan pakar atau pembedahan ada yang terpaksa meletakkan nama dalam senarai menunggu dahulu.

Dalam keadaan kelembapan ekonomi sekarang ini, ramai rakyat akan memilih untuk mendapatkan rawatan perubatan di hospital-hospital awam ekoran kekangan

kewangan. Tetapi, sektor kesihatan awam kita sedang berdepan dengan masalah dan hampir musnah. Di sinilah peranan yang boleh dimalkan oleh KPJ, Jcorp adalah merupakan pemegang saham majoriti dalam KPJ. Jika kita benar-benar mahu menjaga kesejahteraan anak Johor, kerajaan negeri melalui KPJ sepatutnya merintis usaha untuk memperkenalkan satu skim insurans perubatan KPJ untuk anak-anak Johor. Polisi insurans perubatan ini pula akan menawarkan bayaran premium yang lebih rendah berbanding polisi insurans perubatan lain supaya anak-anak Johor mampu untuk menerima rawatan di Hospital Pakar KPJ. Perkara boleh dilaksanakan jika kita semua mempunyai iltizam politik untuk melaksanakan. Jangan beri alasan. KPJ adalah syarikat senarai awam kerana dananya adalah dari Johor. Sebenarnya perkara ini merupakan alternatif tambahan kepada perkhidmatan kesihatan awam yang tidak mencukupi. Bangsa Johor bukan sahaja mahukan *Bank Of Johor* malah turut mendambakan polisi kesihatan Bangsa Johor. Jikalau Presiden Obama memperkenalkan *Obama Care*, kita juga boleh memperkenalkan *Johor Care* atau kalau kerajaan mahu menamakan *Khalid Care* pun ok. Bentayan tidak kecil hati kerana yang penting adalah rakyat mendapat manfaat kesihatan kepada KPJ.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bentayan menghargai usaha yang dilakukan untuk menurap semula premis di banyak jalan raya dalam daerah Muar termasuklah dalam kawasan Bentayan. Akan tetapi kita juga sepatutnya memelihara dan menambah baik parit-parit dan saliran dari semasa ke semasa bagi mengelakkan masalah banjir kilat apabila berlakunya hujan lebat berpanjangan. Tindakan kerajaan negeri yang hanya menaikan peruntukan Jabatan Pengaliran Dan Saliran kepada hanya RM935,000.00 sahaja pastikan ia akan menghackan usaha untuk menambah baik parit dan saliran sungai seperti Sungai Bentayan dan di Jalan Dato' Haji Hassan, Muar yang telah lama mengalami kerosakan tetapi sehingga kini masih tiada tindakan. Bilakah kerosakan ini akan ...

**YB Timbalan Speaker :** Bentayan, sia gulung.

**YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan) :** Ya, sedikit lagi. Ini akan dibaiki. Ok. Masa masih dalam isu parit, Bentayan juga berharap agar parit di kawasan penempatan seperti di Kampung Ubi dan Lorong Bunga Rose dekat Jalan Daud, Muar dan parit-parit taman perumahan yang telah berusia 30 hingga 40 tahun seperti Taman Bakarlah dan Taman Utama satu Jalan Muar dapat di naik taraf agar penduduk tidak lagi perlu merasa resah dan berjaga-jaga setiap kali hujan lebat turun.

Sebelum Bentayan menamatkan perbahasan, izinkan Bentayan memetik kata-kata Franklin D. Roosevelt sekali lagi dengan izin, "*We must scrupulously guard the civil rights and civil liberties of all our citizens, whatever their background. We must remember that any oppression, any injustice, any hatred, is a wedge designed to attack our civilization.*" Sekian, terima kasih.

**YB Timbalan Speaker :** Persidangan kita tangguhkan sehingga jam 2:30 petang.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari.**

**Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.**

**YB Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat persidangan kita sambung semula. Kita masih dalam agenda membahaskan Rundingan Bagi Bacaan Kali Kedua Enakmen Pembekalan (2017) Tahun 2016. Kita sambung semula dengan saya mempersilakan Yang Berhormat Bekok. Jemput.

**YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) :** Selamat petang, salam sejahtera dan salam impian Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kerana sudi memberi peluang kepada Bekok untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2017. Bekok merakaf sembah tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada hari ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pengangkutan awam yang lengkap amat diperlukan di kawasan Labis. Bukan sesekali Bekok menekankan isu ini dalam Dewan yang amat mulia ini, kerana Bekok amat berharap agar kerajaan dapat mendengar suara semua lapisan masyarakat dan mengambil tindakan untuk mengkaji semula cadangan tentang rancangan dan penyelesaian untuk melengkapkan sistem pengangkutan awam di Labis sehingga memanfaatkan rakyat tempatan.

Bajet 2017 menyatakan bahawa jalan raya terbaik di luar bandar adalah sangat penting untuk melonjakkan kualiti hidup masyarakat kita. Melaluinya, hasil pertanian dapat segera dipasarkan dan akses ke hospital semasa kecemasan dapat dipercepatkan. Malah ia membolehkan ekonomi kawasan luar bandar bertumbuh dengan lebih cerdas. Maka, projek menaiktarafkan Jalan Segamat ke Yong Peng amat digesakan untuk mempercepatkan kerja penaiktarafan dan penyelenggaraan demi kemudahan pengangkutan dan memajukan ekonomi tempatan serta merangsangkan sektor pelancongan di kawasan Labis dan Bekok.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bekok juga berharap supaya Jawatankuasa Pengangkutan Awam Johor yang akan ditubuhkan seperti yang dinyatakan dalam Bajet 2017 dapat memainkan peranan dan berfungsi secara efektif pada masa kelak dan menjadi platform bagi memudahkan dan mempercepatkan proses membuat keputusan mengenai perancangan dan pembangunan pengangkutan awam di Johor. Sebagai contoh, Bekok berharap agar Jawatankuasa Pengangkutan Awam Johor dapat mengkaji semula cadangan untuk membina satu jalan pintas yang baru di Bekok ke Paloh yang merupakan harapan semua lapisan masyarakat sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu. "Jangan di fikir bengkok tebu, bengkok pula manisnya." Bekok berharap supaya cadangan ini dapat diterima oleh kerajaan dan menunaikan hasrat rakyat tempatan serta membawa lebih ramai pelancong yang melawat ke Bekok sehingga mempergiatkan aktiviti ekonomi kawasan persekitaran.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berkaitan dengan cadangan Menteri Besar dalam Belanjawan 2017, untuk menambah peruntukan dalam program Bas Muafakat Johor sebanyak RM 14.5 juta pada tahun hadapan, amat kami alu-alukan. Namun begitu, selain penambahan jarak kawasan liputan bas percuma ini, tidak ada dinyatakan penambahan jumlah bas dan juga kawasan liputan di daerah-daerah yang lain. Oleh yang demikian, Bekok ingin meminta kerajaan negeri untuk tidak hanya memfokus kepada kawasan bandar sahaja, kita sedia maklum mengenai tahap kepadatan pengguna dan juga trafik di bandar-bandar besar seperti Johor Bahru dan Kulai, tetapi program ini seharusnya sudah boleh diperluaskan ke daerah-daerah yang lain seperti

di kawasan Labis yang menghubungkan antara daerah atau pekan kecil seperti Bekok dan banyak lagi pekan-pekan penting di daerah lain.

Kawasan-kawasan ini memerlukan pengangkutan alternatif seperti Bas Muafakat Johor ini. Bekok percaya warga luar bandar juga mempunyai keperluan yang mendesak untuk mendapatkan perkhidmatan ini. Pengguna luar bandar bukan hanya melibatkan golongan yang bekerja sahaja, malah ia amat diperlukan oleh golongan warga emas, wanita dan belia. Kami tidak meminta bas yang banyak, tetapi memadai untuk menyediakan sekurang-kurangnya 2 buah bas bagi setiap daerah dengan sistem masa yang sesuai.

Rancangan ini juga memenuhi tujuan kerajaan dalam Bajet 2017 untuk memperingkatkan dan meluaskan inisiatif pengangkutan awam bagi memudahkan pergerakan rakyat di Johor. Harus diingat, orang kampung pun bayar cukai juga, mereka meneroka tanah, mereka pun bekerja membangunkan daerah dan menyumbang pembangunan negeri Johor, tolong jangan abaikan keperluan mereka. Janganlah tumpuan perkembangan negeri hanyalah pada bandar sahaja. Sila lebih berfikir demi kawasan luar bandar seperti Labis dan Bekok dari segi kemudahan dan kebajikan awam.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berkaitan dengan projek mega bernilai RM 9 bilion untuk trek berkembar dan kereta api laju yang menghubungkan antara Gemas dan Johor Bahru ke *Singapore*. Cita-cita untuk mewujudkan satu sistem pengangkutan yang canggih, sememangnya kami alu-alukan. Tetapi, dalam konteks tempatan, Bekok difahamkan kerajaan negeri belum mempunyai pelan yang melibatkan pembangunan tempatan antara daerah di negeri Johor. Apa guna ada sistem yang hebat, canggih dan mahal tetapi stesen-stesen kecil yang menjadikan nadi pengangkutan antara daerah terabai?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bekok menyentuh hal ini kerana sudah ada rungutan di kalangan pengguna tempatan yang mengeluh tentang jadual masa yang baru Keretapi Tanah Melayu yang menyusahkan pengguna. Sebagai contoh, para penumpang yang berdekatan dengan stesen kecil seperti di Labis dan Bekok, mereka terpaksa naik ke stesen Gemas untuk mengambil perjalanan ke Kuala Lumpur atau Utara. Masalah ini tambah menyusahkan apabila bukan sahaja harga tambang semakin mahal, malah tiada *shuttle bus* atau bas awam disediakan untuk membawa pengguna luar bandar ke stesen Gemas. Kita harus sedar bahawa pengangkutan rel ini berpotensi menjadi pilihan utama penduduk luar bandar untuk ke bandar-bandar besar pada masa hadapan. Sekali lagi ingin Bekok ingatkan bahawa, keperluan pengguna ini meliputi kumpulan yang bekerja, berniaga dan orang muda yang melanjutkan pelajaran di luar. Justeru itu, Bekok meminta agar kerajaan negeri mengambil peluang ini untuk mengkaji dan mewujudkan satu pendekatan yang lebih sesuai agar masalah rakyat ini dapat diselesaikan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam ucapan kali ini, sekali lagi Bekok ingin menekankan isu berkaitan Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan yang mana status kejayaan projek ini masih belum dibentangkan secara komprehensif di Dewan ini. Beberapa persoalan yang Bekok ingin timbulkan ialah, apakah pihak agensi yang terbabit seperti Jabatan Pertanian Negeri telah menyelesaikan beberapa masalah

berkaitan projek tersebut seperti ada laporan mengenai beberapa peserta projek yang dilaporkan menggunakan pekerja asing seperti di TKPM Sekijang.

Sebahagian dari pekerja asing ini merupakan pendatang tanpa izin. Apabila berlaku tangkapan dalam operasi pembersihan, operasi projek TKPM pula tergendala, pergantungan aktiviti pertanian kepada pendatang tanpa izin ini tidak seharusnya berlaku. Malah ia bukan sahaja memberi kesan terhadap aktiviti TKPM dan produktivitinya, malah ia boleh membawa risiko kepada keselamatan awam. Bekok menggesa agensi terbabit untuk menyediakan mekanisme pemantauan berkaitan dengan masalah ini. Malah saya berharap, sesuatu harus dilakukan agar projek TKPM ini mampu menarik minat anak muda untuk menyertainya. Kita tidak perlu bergantung dengan tenaga kerja pendatang asing.

Dalam aspek kesan-kesan GST, kita mendapati kesan terhadap kenaikan harga input harus diberi perhatian. Harga sumber keperluan seperti baja, racun, tali kawat, tali plastik, pembalut buah telah meningkat. Jika berlaku kekurangan terhadap sumber-sumber ini, maka ia akan memberi kesan terhadap hasil pengeluaran TKPM dan pastinya ia menjejaskan pendapatan peserta projek TKPM.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, isu seterusnya berkaitan dengan sistem bayaran pinjaman Bank Pertanian. Terdapat peserta projek TKPM dilaporkan gagal membuat bayaran pada tempoh bulannya. Jika pihak bank mengambil tindakan mahkamah, pasti ianya menjejaskan peserta tersebut. Bekok menyarankan agar masalah ini dapat di atasi oleh Jabatan Pertanian Negeri demi memastikan peserta terus kekal dalam projek ini. Bekok menyeru kerajaan negeri dan Jabatan Pertanian negeri untuk membuka lebih banyak peserta dari pelbagai kaum, baik Melayu, India dan Cina. Bekok yakin, jika ia boleh dilakukan, pasti pengalaman dan kemahiran para peserta dapat disatukan untuk meraih lebih banyak keuntungan dan kejayaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di sini Bekok ingin menyentuh sedikit tentang usaha-usaha pertanian berskala besar yang dibuat oleh agensi dan kerajaan negeri. Menurut perangkaan tahun 2014 oleh Jabatan Pertanian Malaysia, negeri Johor merupakan negeri kedua di semenanjung yang memiliki paling banyak keluasan tanah terbiar iaitu sekitar 17,854 hektar yang dikategorikan sebagai tanah darat. Bekok ingin melontar sedikit pandangan bahawa selain daripada kelapa sawit, TKPM getah atau nenas, mungkin kerajaan negeri atau agensi berkaitan seperti FELCRA juga boleh melihat potensi penanaman pokok kayu Leban bagi tanaman di tanah-tanah terbiar ini.

Dari pemerhatian Bekok, pokok kayu Leban mempunyai nilai komersil yang agak tinggi, malah kos untuk menanamnya tidaklah setinggi kos penanaman pokok kelapa sawit atau getah. Pokok ini mempunyai kayu yang sangat kuat, kukuh dan tahan lama. Ia amat berguna untuk industri pembuatan, perkayuan dan pembangunan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sementara itu, penanaman pokok kelapa matag juga merupakan pilihan dan cadangan yang baik untuk digalakkan ditanam di tanah terbiar ini. Kelapa matag ini mendapat permintaan yang tinggi di kalangan pengusaha kelapa di Malaysia kerana baka ini menghasilkan buah kelapa yang banyak dan cepat berbanding kelapa tinggi Malaya yang sering kali ditanam sebelum ini. Kelapa matag merupakan kelapa jenis baru, dipercayai mampu mengeluarkan sehingga 40,000 biji sehektar setahun. Isi kelapa matag adalah tebal dan kandungan

santan yang tinggi. Bagaimanapun, pengenalan *variety* kelapa matag telah membantu mengekalkan penanaman kelapa di sini kerana permintaan kelapa yang terus meningkat kerana keadaan cuaca iklim di Malaysia yang panas.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tambahan pula, penanaman kelapa sering diintegrasikan dengan tanaman selingan seperti pisang, nanas, tanaman kontan seperti jagung, sayur-sayuran, keledek, keladi dan sebagainya. Kaedah ini akan memastikan petani mendapat pendapatan lebih cepat dan tinggi sementara menunggu pokok kelapa matag berbuah.

Aktiviti penternakan seperti menternak ayam, kambing dan lain-lain yang sesuai juga digalakkan dalam program pemulihan kawasan kelapa oleh kerajaan. Secara keseluruhannya kelapa *variety* mataq memberikan hasil buah kelapa yang tinggi dalam jangka masa panjang. Saiz buah mataq yang besar bukan sahaja memberi kelebihan dari segi kos mengutip dan mengopek kulit, tetapi juga popular di kalangan pengguna.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jika kerajaan dan agensi pertanian dapat membuat inisiatif kajian yang lebih mendalam, mungkin ada cara untuk mengkomersialkan tanaman ini secara lebih berluas dan memaju, memajukan tanah-tanah yang terbiar ini. Bekok mengalu-alukan Johor Corporation membangunkan rangkaian usaha Bumiputera dalam rangkaian halal bagi industri ayam pedaging berskala besar yang melibatkan kos sebanyak RM37.98 juta. Bagi industri ternakan lembu tenusu pula diusahakan oleh pihak swasta yang akan ditentukan kelak. Bekok berharap agar rancangan ini bukan sahaja terhad kepada Bumiputera sahaja, malah kaum yang lain dan pengusaha kecil juga dapat turut menyertai dan memanfaatkan secara langsung. Bekok bercadang agar kerajaan membekalkan baka lembu yang berkualiti kepada pengusaha kecil supaya mereka dapat mengusahakan sendiri dan bukan memberi kepada syarikat swasta yang lebih berkemampuan. Sebagai contoh, ramai pengusaha di Chah tidak mendapat bantuan daripada pihak berkuasa setakat ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di samping itu, menurut statistik utama FAMA 2014, tahap sara diri untuk komoditi susu hanyalah 5.4% daripada keseluruhan pada tahun 2013. Adakah kerajaan ingat inflasi ini adalah memuaskan? Sepatutnya kerajaan harus memperkukuhkan dan memberi lebih tumpuan dalam bidang ini supaya kita betul-betul dapat mencapai tahap sara diri. Maka bagaimanakah kerajaan ingin menambahkan bidang ini. Bekok bercadang untuk membawa pihak berkuasa untuk turun padang, memantau dan memberi cadangan agar kita sama-sama berusaha untuk memajukan bidang ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, adalah sangat digalakkan dan dialu-alukan bahawa kerajaan ingin merangsang pembangunan Segamat sebagai daerah pertanian utama. Satu program khas yang dinamakan pembangunan *agromist fundan* dilaksanakan di Segamat. Program pertanian bersepadu berskala kecil ini pasti akan menjadi projek perintis dalam menyokong pengeluaran produk berasaskan pertanian, penternakan dan juga *agriculture* terutamanya di kawasan Labis dan Bekok. Kerana di sini terdapat sebahagian besar perusahaan, pengusaha pertanian yang merupakan pekebun dan penternak kecil. Bekok berharap agar program ini bukan hanyalah khabar angin dan tiada tindakan yang agresif daripada kerajaan. Sebaliknya kerajaan

harus mempercepatkan program ini dan janganlah menghampakan harapan rakyat setempat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, program pertanian rakyat yang dilancarkan oleh kerajaan negeri menggalakkan rakyat menghasilkan bahan makanan sendiri dengan menyediakan bantuan berbentuk benih, baja dan lain-lain keperluan yang telah memanfaatkan seramai 404 orang peserta. Bekok berharap agar program ini dapat dilanjutkan dan diperluaskan ke kawasan luar bandar seperti Labis dan Bekok yang lebih bersesuaian kerana kebanyakan kawasan perumahan mempunyai kawasan lapang sendiri. Penduduk tempatan adalah lebih baik digalakkan untuk mempergunakan kawasan lapang mereka dan dengan penanaman sendiri untuk sara diri daripada membiarkannya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi meringankan beban dan kos sara hidup yang dihadapi oleh golongan nelayan yang terjejas kerana pelbagai aktiviti pembangunan dan penambahan di selatan Johor, kerajaan negeri dalam belanjawan 2017 mengatakan akan memperuntukkan sebanyak RM3.6 juta bagi meneruskan bantuan kewangan sebanyak RM2,000.00 kepada 1,800 orang nelayan berdaftar dan layak. Sebagai rujukan Ahli Dewan dalam isu projek Forest City pada Julai 2014, kerajaan negeri mengumumkan penubuhan Tabung Pembangunan Nelayan dan menganggarkan kutipan hasil sekitar RM104 juta melalui caj RM0.30 bagi setiap kaki persegi, dari site seluas 3,237.48 hektar dari projek tersebut.

Oleh yang demikian, Bekok meminta kerajaan negeri mengumumkan jumlah terkini hasil kutipan untuk Tabung Pembangunan Nelayan tersebut sejak 2015 hingga kini. Hal ini penting bagi rakyat untuk mengetahui berapakah jumlah hasil tersebut dan bagaimanakah kerajaan negeri membelanjakannya.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Bekok sila gulung.

**YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain daripada itu, Bekok ingin menyentuh kembali persoalan berkaitan pembayaran *ex-gratia* kepada nelayan yang telah diumumkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani pada tahun Mac 2015. Untuk makluman dewan, pembayaran *ex-gratia* ini adalah sebagai pampasan kepada golongan nelayan yang telah terjejas sumber nafkah secara kekal akibat projek pembangunan Tanjung Piai Maritime Industrial Park. Hingga kini, jumlah bayaran tersebut masih belum diumumkan dan persoalan lebih penting yang masih belum terjawab, pihak manakah yang menanggung kos pembayaran ini? Adakah pihak kementerian, kerajaan negeri atau agensi yang berkaitan? Bekok memohon perkara ini di ambil perhatian dan di beri jawapan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sejak bertahun-tahun yang lepas, penduduk di Jalan Kilang, Chaah sering mengadu bahawa terdapat sebuah kilang kelapa sawit yang terdapat berhampiran dengan kawasan perumahan mereka. Selalunya menghasilkan habuk dan mengeluarkan asap hitam yang disyaki akan menjejaskan kesihatan mereka. Walaupun mereka pernah menjalankan dialog dengan pihak kilang dan pernah membuat aduan dengan pihak berkuasa, namun keadaan pencemaran udara yang disebabkan oleh kilang tersebut masih berlaku. Mereka masih tidak dapat sebarang laporan yang saintifik berkenaan dengan kualiti udara di kawasan perumahan mereka. Dan jawapan daripada pihak berkuasa serta tindakan yang



sewajar daripada pihak kilang. Mereka selalu dalam suasana ketakutan kerana asap hitam yang dikeluarkan dari kilang tersebut dan habuk bertaburan di halaman rumah yang disyaki akan menjejaskan kesihatan mereka.

**YB Speaker :** Bekok masa.

**YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) :** Bajet 2017 menyatakan bahawa prestasi ekonomi kita yang memuncak ke langit tidak akan bermakna jika kualiti hidup merudum ke bumi, kemudahan kesihatan harus dalam kelas termaju alam sekitar mesti dipelihara. Adakah keadaan yang dihadapi oleh penduduk Chach memenuhi kenyataan berikut. Apakah pandangan dan tindakan yang akan di ambil oleh kerajaan dan pihak berkuasa terhadap kes ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, misi Bajet 2017 termasuklah mewujudkan kemakmuran material sebuah masyarakat yang terbaik dan ekonomi yang berjaya hanya akan terhasil melalui usaha gigih, mewujudkan kemakmuran material. Rakyat mahu kehidupan yang baik, selesa, bermutu dan bermaruah, sekolah mesti berfungsi, kemudahan asas air, elektrik dan jalur lebar mesti universal. Namun begitu, sejak beberapa tahun yang lalu, penduduk di Taman Sejati dan Taman Maju Jaya, Labis masih tidak disediakan dengan perkhidmatan TM dan masih menunggu-nunggu lagi jawapan dan penyelesaian daripada pihak berkuasa. Mahu seribu daya, tidak mahu seribu dalih. Penduduk di kawasan ini tidak mengharap jalur lebar mesti universal jika disediakan dengan kemudahan dan infrastruktur yang paling asas seperti perkhidmatan telefon talian dan Wifi cukup dah berpuas hati dan berterima kasih. Adakah keadaan seperti ini dapat merapatkan jurang digital antara luar bandar dengan bandar seperti di dalam maksud Bajet 2017 ini? Adakah keadaan merupakan jangkaan dan tuntutan rakyat yang mahukan kemudahan awam terbaik yang sesuai dengan keperluan kehidupan moden? Bolehkah kerajaan tempatan mahupun kerajaan negeri menyediakan prasarana terbaik untuk semua dalam persekitaran Johor yang semakin berubah laras.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kenaikan kadar inflasi kerana kenaikan harga barangan harian seperti minyak masak, petroleum, makanan dan sebagainya sejak kebelakangan amat membebankan rakyat terutamanya lapisan masyarakat menengah yang tidak mendapat bantuan kenaikan kos sara diri memang tidak dapat dielakkan. Katanya kerajaan negeri amat memahami masalah peningkatan kos sara hidup dan mengundang rasa prihatin yang sangat mendalam, maka kerajaan harus memberikan kail lebih baik daripada memberi ikan.

**YB Speaker :** Ok Bekok.

**YB Encik Lim Eng Guan (Bekok) :** Kerajaan harus mencipta peluang kepada rakyat untuk mencari lebih banyak pendapatan dan bukan hanya memberi subsidi atau bantuan khas. Berikut merupakan ucapan Bekok untuk kali ini. Semoga pihak yang berkenaan dapat menyelesaikan masalah yang lama dihadapi oleh rakyat dengan terlebih dahulu sementara melancarkan projek pembangunan negeri. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Bekok. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Paloh.

**YB Encik Teoh Yap Kun (Paloh) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Selamat petang dan salam sejahtera. Paloh mengucapkan terima kasih kerana di beri peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Mesyuarat Ketiga(Bajet 2017) bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor yang Ke-13. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Paloh juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan barisan EXCO nya kerana telah dapat merancang dan menguruskan kewangan kerajaan negeri dengan begitu baik dan cekap sehingga tiga tahun berturut-turut kedudukan kewangan kerajaan negeri telah menunjukkan surplus dengan izin.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum saya meneruskan perbahasan saya, saya tertarik dengan Stulang yang menyatakan akan berlaku adil kepada semua jika pembangkang memerintah termasuk kawasan yang mengundi atau yang tidak mengundi, termasuk UMNO. Lihat di Pulau Pinang, ADUN PKR menangis mohon kepada Ketua Menteri Pulau Pinang untuk dibuat pembangunan di kawasan yang diwakili. Itu contoh layanan Ketua Menteri Pulau Pinang kepada rakan parti gabungan pakatan.

Dalam isu Machap menyarankan peruntukan lebih kepada rakyat luar bandar, memang bertepatan kerana kemakmuran luar bandar membawa kepada pembangunan di bandar. Saya tak pasti sama ada Stulang ada melawat kawasan kampung yang memerlukan jalan-jalan yang berturap, pelebaran jalan bagi memudahkan hubungan dan pengangkutan hasil pertanian, sistem perparitan, lampu jalan dan lain-lain. Seolah-olah Stulang tak pernah masuk ke kawasan luar bandar hingga menolak cadangan peruntukan yang lebih kepada penduduk luar bandar dan tidak memahami masalah rakyat. Ini menunjukkan hanya BN sahaja yang memahami dan membela nasib rakyat luar bandar. (Dewan bertepuk)

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bekok juga menyokong bantuan lebih kepada luar bandar tidak seperti Stulang yang tidak menyokong peruntukan kerajaan lebih kepada luar bandar. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bajet 2017 ini mempunyai tiga misi tersendiri yang menjadi teras penggubalannya. Misi pertama ialah mewujudkan kemakmuran material, misi kedua ialah kesejahteraan sosial dan misi ketiga ialah keperkasaaan insan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, rumah merupakan satu keperluan utama bagi semua orang. Namun, harga rumah pada masa ini rata-rata lebih seratus ribu hingga ada yang beratus-ratus ribu atau lebih. Bagi golongan yang berpendapatan RM3,000.00 ke bawah, kalau mereka ada tanggungan keluarga, tak mampu mereka membeli rumah, apa lagi ramai yang berpendapatan dalam lingkungan RM1,000.00. Jadi, adalah menjadi hasrat kerajaan negeri untuk membina lebih banyak rumah mampu milik yang berharga RM42,000.00, RM80,000.00 dan RM150,000.00 supaya golongan berpendapatan RM3,000.00 ke bawah dapat memilikinya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, daripada aspek perumahan dalam ucapan bajet 2017, Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada melaporkan bahawa daripada sasaran 60,000 unit rumah mampu milik Johor yang akan disiapkan menjelang tahun 2020, sebanyak 8,766 unit rumah telah disiapkan, manakala 11,049 unit lagi sedang dalam pembinaan, baki 40,022 unit akan mula dibina pada tahun hadapan sehingga 2020.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain daripada projek rumah mampu milik Johor di atas, beberapa inisiatif lain juga dilakukan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah perumahan. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Pembangunan semula kawasan setinggan di Desa Perwira sebanyak 32 ekar dengan pembinaan rumah sebanyak 1,030 unit.
2. Pembukaan kawasan perumahan baru di Sungai Papan, Kota Tinggi oleh JCorp seluas 7,900 ekar dengan pembinaan 60,000 unit rumah kediaman dan di Kledang, Kota Tinggi oleh YPJ Holding seluas 1,500 ekar dengan pembinaan 6,000 unit kediaman rumah mampu milik Johor.
3. Pembinaan perumahan pekerja bahagian perladangan Kulim Berhad di Ladang Ren, Kota Tinggi seluas 99 ekar dengan pembinaan 908 unit rumah.
4. Pembinaan Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia PPA1M oleh YPJ Holding sebanyak 2,877 unit di Mersing, Kluang, Tangkak, Muar dan Batu Pahat.
5. Pembinaan perumahan oleh pelbagai GLC.
  - a. Jcorp akan membina 70 unit rumah di Lenga dan 257 rumah di Kongkong. KPRJ akan membina 760 unit rumah teres, rumah mampu milik Johor di Sagil, Tangkak, 813 unit rumah pangsa PKJA di Kampung Hajah Hasnah Johor Bahru dan Kampung Senibong Permas Jaya, dan 170 unit rumah pangsa PKJB di Sungai Luncuh, Plentong.
  - b. Perbadanan Islam Johor Holding, PIJH akan membangunkan 2 buah Taman Perbadanan Islam, pertama di Labis dengan keluasan 20 ekar melibatkan 81 unit rumah PKJA dan PKJB dan 105 unit rumah mampu milik Johor. Kedua di Pagoh dengan keluasan 30 ekar melibatkan 210 unit rumah mampu milik Johor dan 180 unit rumah teres 2 tingkat.
  - c. Dan akhir pihak Perumahan Rakyat 1 Malaysia, PRIMA akan membina 21,540 unit rumah di seluruh negeri Johor bagi menampung keperluan golongan pertengahan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, masalah peningkatan kos sara hidup sudah menjadi satu bebanan besar kepada semua lapisan masyarakat terutama sekali golongan yang berpendapatan rendah. Kerajaan negeri amat memahami masalah ini, ia mengundang rasa prihatin yang sangat mendalam, kerajaan negeri telah mengemukakan beberapa pendekatan dan mekanisme khusus seperti memperbanyakkan penubuhan koperasi Incorp, Program Pertanian Rakyat, bantuan khas kepada nelayan, perkhidmatan bas percuma dan pemberian air percuma.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Paloh menyahut keprihatinan kerajaan negeri dalam usaha mengurangkan kos sara hidup rakyat tetapi ingin menyeru kepada kerajaan negeri agar 25 meter padu air percuma dapat diberi kepada semua pengguna dan bukan terhad kepada penerima dalam senarai e-kasih dan Jabatan Orang Asli sahaja.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perkhidmatan bas muafakat Johor patut juga diperluaskan ke bandar-bandar lain seperti Kluang, Batu Pahat, Muar, Segamat,

Ledang dan lain-lain lagi dan bukan setakat di Johor Bahru dan Kulai sahaja. Perkhidmatan bas yang menghubungi stesen bas dengan tempat-tempat awam dan jabatan-jabatan kerajaan seperti hospital, pejabat Pos, pejabat tanah, Majlis Perbandaran sudah tentu dapat memberi perkhidmatan kepada golongan yang lebih besar.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Paloh ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah memberi peruntukan RM4 juta bagi pembangunan masyarakat Cina, iaitu RM2 juta untuk baik pulih prasarana Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Johor, RM1 juta untuk pendidikan golongan miskin kaum Cina dan RM1 juta skim pinjaman kepada peniaga kecil Cina. Bantuan sebanyak RM500 ribu juga diberi kepada Kolej Universiti Selatan bagi menyokong pendidikan peringkat tinggi masyarakat Tioghua di Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri ada menyediakan khairat kematian sebanyak RM300.00 seorang kepada semua kaum. Ini sekali lagi menunjukkan bahawa kerajaan negeri sangat prihatin terhadap anak-anak buah Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Paloh juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah mengumumkan pemberian insentif setengah bulan gaji semasa kepada semua kakitangan negeri Johor dan Ahli Dewan Undangan Negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Paloh ingin membawa beberapa isu kawasan, yang pertama baru-baru ini Perbadanan Aset Keretapi telah mengeluarkan notis pemberitahuan kepada lebih kurang 15 orang penghuni, penghuni di Jalan Stesen Paloh, iaitu di tepi landasan kereta api, meminta mereka mengosongkan tapak sebelum 31 Disember 2016. Ini kerana projek landasan berkembar elektrik Gemas – Johor Bahru akan bermula pada bulan Januari 2017.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, hampir semua yang terlibat ini merupakan peniaga kecil yang telah lama berniaga di situ. Ada yang sudah berniaga lebih daripada 50 tahun. Itu sudah melalui dua generasi, antaranya ada stesen minyak, kedai motosikal, kedai perabot, kedai makan, kedai jahit, kedai gunting, kedai gunting rambut, kedai elektrik dan kedai-kedai runcit dan juga kedai butik. Mereka berharap pihak kerajaan boleh memberi tapak gantian kepada mereka supaya mereka terus boleh berniaga ataupun memberi pampasan kepada mereka supaya mereka boleh sewa kedai, kedai baru dan teruskan perniagaan mereka.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, isu kedua iaitu permohonan rumah ibadat tokong oleh Persatuan Penganut Hock Ming Keong di Kampung Chamek, atas tanah nombor lot PTD 4536 dan PTD 6400 untuk pengetahuan Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tokong tersebut telah bertapak di situ lebih 30 tahun dan mereka juga telah menghantarkan permohonan mereka sekian lama tetapi hingga hari ini tidak ada apa-apa keputusan daripada kerajaan negeri. Paloh juga pernah membawa isu ini dua kali ke dalam Dewan Yang Mulia ini tetapi hingga hari ini belum dapat apa-apa kelulusan. Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Hock Meng Klong adalah satu-satu rumah ibadat di DUN Paloh yang masih belum dapat kelulusan daripada pihak kerajaan. Maka Paloh sangat-sangat berharap agar permohonan ini dapat diluluskan oleh kerajaan negeri.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, baru-baru ini pekan Paloh telah menyambut Ulang tahun Paloh ke 100, pada 19 dan 20 November 2016. Sempena sambutan ini banyak lukisan mural telah dilukis di dinding-dinding bangunan. Lukisan-lukisan ini juga adalah disumbangkan oleh anak-anak Paloh yang sudah merantau di luar. Sepanjang sambutan ini, berbagai-bagai aktiviti seperti pertandingan bola keranjang, pertandingan bola sepak, pertandingan karaoke, pertandingan mewarna, pertandingan fotografi, pertunjukan tarian, kayuhan basikal dan lain-lain telah diadakan. Bermacam-macam gerai jualan dan pameran juga diadakan semasa karnival ini. Majlis sambutan ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Wee Ka Siong, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, majlis selama dua hari ini telah menarik crowd dengan izin lebih daripada 5,000 orang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pada majlis perasmian hari tersebut, Yang Berhormat Datuk Seri Wee Ka Siong juga telah bermurah hati meluluskan peruntukan sebanyak RM100,000.00 untuk membina satu gerbang mercu tanda Paloh di jalan masuk dari Yong Peng ke Paloh.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam 2 tahun ini, Pekan Bekok juga banyak membuat promosi terutamanya dalam bidang pelancongan. Maka, isu ketiga yang Paloh ingin bawa ialah tentang pembinaan sebatang jalan menyambungkan Pekan Paloh dan Pekan Bekok. Jalan ini bukan sahaja dapat mendekatkan jarak antara kedua-dua pekan ini tetapi juga dapat mengiatkan ekonomi terutamanya dalam sektor pelancongan. Di mana kedua-dua pekan ini pada masa ini sangat giat mempromosikan eko pelancongan. Tambahan pula, Bekok mempunyai sebuah air terjun yang cantik dan menarik. Jika jalan ini dapat dibina ia bukan sahaja dapat menguntungkan orang Paloh dan Bekok, bahkan orang-orang dari Kluang, Chaah, Labis dan juga Segamat akan dapat menikmati kemudahan ini. Maka jalan ini akan menguntungkan banyak pihak. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, isu ini pernah Paloh membawa ke dalam Dewan yang Mulia ini pada persidangan Dewan yang lepas. Kali ini sekali lagi, Paloh membawa isu ini dengan harapan projek ini dapat direalisasikan dalam masa yang terdekat demi kesejahteraan penduduk di DUN Paloh dan DUN Bekok.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Paloh menyokong usul yang dibawa oleh Rengit. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** :Terima kasih Yang Berhormat Paloh, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senai.

**YB Cik Wong Shu Qi (Senai)**: Salam sejahtera, Salam Impian Johor, Salam Bersih. Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

**YB Speaker** :Salam apa Yang Berhormat? Salam bersih?

**YB Cik Wong Shu Qi (Senai)** : Yes, Ye betul, salam bersih. Lebih dahulu Senai ingin merafak sembah tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku hari ini. Yang Berhormat Tan Sri Speaker terima kasih kerana beri saya peluang mengambil bahagian dalam perbahasan bajet negeri Johor 2017. Pertama sekali saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat

Tenggaroh tentang ucapan beliau tadi. Pulau Pinang memang tidak bina rumah kos rendah kerana Pulau Pinang sudah menjenamakan semula perumahan awam itu sebagai Rumah Mampu Milik Jenis A dan Jenis B. Kedua-dua jenis ini, jenis A bernilai RM42,000.00 dan jenis B bernilai RM72.5 ribu. Sama dengan Johor sahaja. Penjenamaan semula ini untuk membuang persepsi negatif terhadap perumahan awam sekali gus menjaga maruah dan cib golongan berpendapatan rendah. (Dewan bertepuk). Yang paling penting sekali untuk makluman Tan Sri Speaker dan juga Yang Berhormat Tenggaroh, dari tahun 2008 hingga kini sudah lebih 20,000 rumah jenis kedua-dua ini siap di bina (Dewan bertepuk). Jenis A, sebanyak 11,487 unit dan jenis B untuk jenis B 9,400 unit sudah di siap di bina. Oleh itu, saya minta Yang Berhormat Tenggaroh kalau nak bahas buat kajian dahulu dan guna fakta lah jangan cerita sahaja.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerana isu ini memang masa singkat iaitu saya bawa 4 isu utama dan saya akan cuba pendekkan. Di sini Senai yang pertama isu adalah desentralisasi. Paling penting sekali kuasa pentadbiran perlu bersama dengan kuasa menjana hasil. Dulu orang kata, "*No Taxation Without Representation*" dengan izin, dalam konteks kita. "*No Decentralisation Without Power To Raise Revenue*" dengan izin. Maksudnya, kita bukan sahaja menuntut lebih banyak bidang kuasa diagih kepada kerajaan negeri. Tetapi juga, lebih banyak hasil diagihkan kerajaan negeri bagi melancarkan pentadbiran. Sudah tiba masanya kita mengkaji semula struktur persekutuan negara kita agar kerajaan menawarkan perkhidmatan yang menepati keperluan rakyat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya sokong desentralisasi kerana ia akan memberi beberapa manfaat kepada rakyat.

Pertama, ia menggalakkan persaingan di antara kerajaan negeri. Persaingan sihat ini akan merangsang kerajaan negeri dan tempat masing-masing menawarkan polisi yang lebih baik. Sejarah negeri kita menjadi saksi kepada perkara ini. Kebijaksanaan Almarhum Sultan Abu Bakar mentadbir ekonomi pada pertengahan abad ke-19 menyebabkan penghijrahan pelabur dan pelaburan dari Singapura yang begitu maju ketika itu ke negeri Johor moden yang baru dibangunkan. Persaingan ini menyebabkan ekonomi Johor berkembang pesat sehingga satu ketika menyebabkan krisis ekonomi di Singapura pada tahun 1864.

Kedua, desentralisasi meningkatkan kecekapan penggunaan sumber. Kerajaan negeri atau PBT lebih memahami keperluan rakyat setempat daripada kerajaan pusat. Justeru, lebih baik sebahagian besar sumber kewangan di beri terus kepada kerajaan negeri atau PBT untuk penggunaan sumber yang lebih cekap. Setiap tahun, setiap tahun pemberian kerajaan pusat kepada semua kerajaan negeri adalah kurang daripada 3% jumlah bajet persekutuan. Malah, pemberian pusat kepada negeri Johor pada tahun 2013 tidak mencecah 1% pun, cuma 0.3%. Jelas sekali di sini, wujud ketidakseimbangan yang begitu besar, justeru Senai dan rakan-rakan YB di sebelah sini, akan menyokong kerajaan negeri bersama-sama negeri lain menuntut sekurang-kurangnya 50% sumber negara diagihkan kepada pihak berkuasa negeri dan bukan cuma 3% seperti sekarang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita tidak boleh menuntut pengiktirafan hak kita tanpa menyentuh isu pokok. Kita berjuang untuk hak negeri Johor kerana kita percaya, anak

Johor mampu mentadbir Johor lebih baik daripada kerajaan pusat. Dalam hal ini, persekutuan bukan pada nama sahaja. Kita bukan negeri naungan, tetapi negeri bersekutu dengan 9 negeri lain di semenanjung serta Sabah dan Sarawak membentuk negara Malaysia.

Justeru, desentralisasi pun mestilah bukan pada nama sahaja. Kalau setakat bermain-main perkataan "Bangsa Johor" tanpa sebarang pengiktirafan praktikal kedaulatan Sultan dan negeri Johor sebagai negeri bersekutu, maka kerajaan negeri sebenarnya tengah mempersendakan konsep "Bangsa Johor" yang menjadi kebanggaan rakyat negeri Johor ini. Justeru, saya harap Ahli-Ahli Dewan Negeri ini boleh bersetuju dengan prinsip ini, untuk ke depan Johor yang lebih maju dan Malaysia yang lebih baik, biar Johor yang memimpin, berunding dengan kerajaan persekutuan. Kita tuntut kuasa dalam bidang pendidikan, pengangkutan, kesihatan, pengurusan sisa pepejal dan sebagainya.

Walaupun saya duduk di barisan pembangkang, namun saya mengiktirafkan pengurusan Hospital KPJ milik kerajaan negeri sebagai rangkaian hospital yang menawarkan penjagaan kesihatan berkualiti. Ini bermaksud, kerajaan negeri sebenarnya mampu menguruskan sektor penjagaan kesihatan. Justeru, tidak mustahil kerajaan negeri mengambil alih pengurusan semua hospital kerajaan di dalam negeri kita.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, senario sekarang pelik. Di satu pihak, kerajaan persekutuan menawarkan perkhidmatan penjagaan kesihatan percuma di hospital awam, di pihak yang lain pada masa yang sama, kerajaan negeri pula mengenakan caj bisnes hospital swasta di hospital kendalian negeri. Apa peranan kerajaan sebenarnya? Kepentingan rakyat atau keuntungan? Kalau kerajaan negeri sanggup buat untung besar dengan bisnes hospital, kenapa tidak pula sanggup menawar perkhidmatan perubatan percuma berkualiti kepada rakyat marhaen?

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, satu lagi "low hanging fruit" dengan izin, untuk kerajaan negeri menuntut desentralisasi ialah dalam sektor pengangkutan. Bayangkan jika kerajaan negeri mempunyai kuasa untuk mengurus perkhidmatan kereta api di negeri Johor. Kita boleh menaik taraf infrastruktur landasan, menambahkan landasan, membina lebih banyak stesen perhentian dan pada masa yang sama, menawarkan konsesi perkhidmatan kereta api antara pekan. Saya yakin Johor boleh melakukan dengan lebih baik berbanding Kementerian Pengangkutan. Dan perkara ini bukan baharu, kerajaan negeri Sabah menguruskan pengangkutan kereta api di negeri sendiri. Jika Sabah boleh, masakan Johor tak boleh. Di samping itu, saya ingin berterima kasih kepada kerajaan negeri kerana telah menerima cadangan saya untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa pengangkutan awam.

Pada hemat saya, jawatankuasa tersebut haruslah diletak di bawah Dewan Negeri dan keanggotaannya terdiri daripada Ahli-Ahli Dewan di kedua-dua belah, pakar-pakar pengangkutan dan pihak berkepentingan. Satu lagi tentang pengangkutan awam, sudah lama kerajaan merancang nak bina sistem BRT. Dan baru-baru ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengumumkan bahawa Johor akan mendapat RM50 juta untuk fasa 1 projek BRT ini. Jumlah ini hanya 5% daripada kos keseluruhan iaitu RM1 billion. Adakah ini bermakna kerajaan negeri perlu mencari dana yang selebihnya? Mohon jawapan daripada pihak kerajaan. Dan, saya juga ingin minta penjelasan

tentang jumlah jarak tiga jajaran Fasa 1 tersebut. Dalam ucapan bajet beliau, Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkata bahawa ada tiga jajaran dengan jarak 51 kilometer, dan 40 stesen melibatkan, pada muka surat 26. Manakala apabila kita menambahkan jarak setiap satu jajaran yang diberikan dalam ucapan yang sama, jumlahnya ialah 62.9 kilometer. Jadi mana satu betul? 51 kilometer ataupun 62.9 kilometer? Perbezaan ini bukan perkara kecil kerana melibatkan perbezaan kos sehingga RM10 juta.

Saya memohon kerajaan agar terbitkan reka bentuk dan pelan BRT, maaf, yang akan dibina secara terperinci, termasuk kos projek sekali. Semua ini perlu dipamerkan kepada orang awam untuk mendapatkan maklum balas terlebih dahulu. Saya juga ingin memberikan peringatan bahawa pembinaan BRT seharusnya lebih murah berbanding sistem pengangkutan awam yang lain. Biasanya, kos BRT cuma 10% daripada kos MRT. Kini kos yang dicadangkan adalah RM1 billion, justeru, kita perlu melihat pelan terperinci untuk menilai kelangsungan projek tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, isu kedua, ialah tentang pembaharuan Dewan Negeri. Saya telah sebut tadi, ini bajet keempat yang kita bahas dalam Penggal Ke-13. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan EXCO-EXCO atas penyediaan pembentangan bajet ini. Kali ini, Yang Amat Berhormat Menteri Besar membentangkan Bajet 2017 bukan sahaja dengan ucapan, tetapi lengkap dengan *powerpoint*. Grafik yang disertakan itu memudahkan pemahaman butiran bajet. Walau bagaimanapun, jauh lebih baik lagi jika kemudahan ini boleh diguna pakai oleh semua Ahli-Ahli Dewan Negeri. Dua skrin besar ini telah pasang hanya digunakan sekali setiap tahun, bermula tahun ini. Ini sudah *under-utilised*, dengan izin. Biarlah semua Ahli-Ahli Dewan Yang Berhormat di sini menggunakan kemudahan ini untuk urusan Dewan ini. Bayangkan, kalau kita boleh guna *powerpoint* dalam soalan lisan atau perbahasan, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya boleh terus menunjukkan reka bentuk sistem BRT dengan grafik, tak perlu cerita panjang lebar susah nak faham untuk semua orang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain daripada itu, saya ingin mencadangkan agar Jawatankuasa Peraturan Tetap dan Perintah-Perintah membuat semakan semula ke atas Peraturan Tetap Dewan bagi tujuan memperbaharui perkara-perkara yang tidak sesuai lagi mengikut konteks hari ini. Contohnya, Peraturan 125 (1), "Ahli-Ahli wanita hendaklah memakai sama ada pakalan kebangsaan, sarung dan blaus berleungan panjang, atau skirt yang sekurang-kurangnya paras lutut dan blaus berleungan panjang." Saya cadangkan pindaan terhadap Peraturan tersebut agar mengizinkan Ahli wanita memakai seluar panjang ke dalam Dewan yang mulia ini. Ini abad ke-21, bukan abad ke-19.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya akan bawa empat isu kawasan saya. Perparitan Taman Aman Senai depan Dewan Serba guna memerlukan naik taraf secepat mungkin. Apabila hujan lebat, penduduk-penduduk sekitar akan jadi mangsa banjir kilat. Aduan telah dipanjangkan ke PBT oleh pejabat Ahli Parlimen Kulai, perkara ini telah pun dilaporkan oleh media, namun, kami langsung tidak menerima sebarang maklum balas tentang isu ini. Senai minta pihak berkenaan bertindak secepat mungkin agar banjir kilat tidak akan berulang lagi.



Isu kedua, ialah tentang perkembangan kawasan perindustrian Jalan Seelong Jaya 2. Walaupun sudah satu tahun yang lepas, pengusaha kilang yang membuat aduan dan pejabat saya ditendang sebagai bola oleh tiga PBT. Akhirnya, kami dimaklumkan bahawa kawasan tersebut sebenarnya terletak di bawah Majlis Perbandaran Kulai. Namun, sama ada, ada rancangan atau tidak untuk menaik taraf Jalan Seelong Jaya 2, Senai tak tahu. Pengusaha membina kilang di sana kerana zon tersebut disenaraikan sebagai kawasan perindustrian. Malangnya, mereka tidak mendapat layanan sama rata dengan kawasan lain.

Isu kawasan ketiga, jalan terbengkalai yang terletak di Jalan Sungai Besut menuju Tenggara. Bahan-bahan pembinaan berselerak walaupun pembinaan sudah pun berhenti pada bulan Jun tahun ini. Saya harap pihak berkenaan semak semula sama ada jalan ini akan dibina. Penduduk-Penduduk Bukit Permai berharap jalan ini boleh di siap secepat mungkin.

Dan isu kawasan keempat, satu satu *u-turn* diperlukan di lebuh raya Senai di bahagian Saleng, dalam masa penduduk, dalam masa penduduk kawasan Kulai masih menantikan satu jalan alternatif dibina, mungkin lebih baik dan juga lebih senang untuk JKR membina satu *u-turn* depan pejabat Lembaga Lebuh raya Malaysia Wilayah Selatan kalau *u-turn* ini dibina pengguna jalan raya akan kurang berjalan 7 kilometer untuk membuat satu *u-turn*.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, isu terakhir dan juga isu yang paling penting, setelah saya meneliti buku bajet ini, saya rasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar memang berusaha bersungguh-sungguh menghasilkan buku tersebut. Bukan sahaja ada gambar cantik, kali ini saya perasan ada format baru dan bila saya check saya mendapati format ini sebenarnya sudah digunakan sejak tahun lalu. Bagi saya yang paling hebat adalah perbelanjaan pembangunan berjaya dinaikkan sehingga 47%. Walau bagaimanapun, selepas meneliti bajet tahun ini dan bajet tahun depan secara terperinci, saya mendapati beberapa perkara yang meragukan tentang perbelanjaan pembangunan. Terlebih dahulu apa maksudnya perbelanjaan pembangunan. Menurut definisi EPU kat website EPU, perbelanjaan pembangunan adalah perbelanjaan, modal dan perbelanjaan tidak terulang serta bukan perbelanjaan penggunaan sebaliknya lebih bersifat pelaburan.

Sebelum format baru bajet 2016, kita ada 14 jabatan yang tersenarai sebagai memerlukan perbelanjaan pembangunan. Dalam format baru ini, bajet pembangunan hanya merangkumi JPS, Pejabat Menteri Besar, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Agama sahaja. Justeru 10 jabatan telah hilang, adakah ini bermakna 10 jabatan ini tidak diperuntukkan perbelanjaan pembangunan untuk tahun 2017. Saya juga mendapati bahawa di bawah maksud perbelanjaan pembangunan ada dua perbelanjaan baru iaitu pertama untuk Pejabat Setiausaha Kerajaan Pembangunan dan kedua untuk Pejabat Setiausaha Kerajaan Pengurusan. Amat pelik sekali, sudah jelas disebut Pejabat Setiausaha Kerajaan Pengurusan, mengapa bajetnya diletakkan di bawah perbelanjaan pembangunan.

Untuk makluman, bajet Pejabat Setiausaha Kerajaan Pengurusan ini adalah RM150 juta. Jika betul jumlah ini sebenarnya patut diletakkan di bawah perbelanjaan mengurus. Maka jumlah perbelanjaan mengurus yang sebenar ialah RM995 juta ataupun 62% daripada jumlah keseluruhan bajet. Dalam kata lain, perbelanjaan

pembangunan sebenarnya hanya 38% sahaja. Ini berbeza dengan pengumuman Menteri Besar bahawa perbelanjaan pembangunan telah mencecah 47%.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ini bukan perkara yang remeh temeh, ini satu perkara yang penting dan saya minta Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjelaskan apa alasan di sebalik memindah-mindahkan perbelanjaan ini sehingga menjadi begitu mengelirukan. Ini urusan wang rakyat berbillon ringgit. Biar kita buat secara jelas. Amalan perakaunan kreatif untuk menurunkan kadar perbelanjaan mengurus seperti yang dilakukan oleh kerajaan negeri tidak selesaikan masalah pokok iaitu perbelanjaan kerajaan yang tidak cekap, amalan perakaunan kreatif ini cuma bergaya dalam publisiti sahaja.

Justeru Senai minta kerajaan negeri, membuat pindaan bagi mencerminkan secara jelas dan jitu bajet mengurus dan bajet pembangunan sebelum meluluskan bajet. Akhir sekali, saya nak kerajaan negeri jawab dan senaraikan secara terperinci bayaran-bayaran Kota Iskandar yang diperuntukan RM34,750,000.00 untuk tahun 2017 dan bajet untuk penyelenggaraan bangunan-bangunan kerajaan negeri yang meningkat mendadak daripada RM4.3 juta kepada RM41 juta. Peningkatan hampir 10 kali ganda. Minta penjelasan apa projek sebenarnya di bawah perkara ini. Sekian terima kasih.

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Senai. Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Persidangan ini selama 20 minit.

**Persidangan di tangguhkan pada jam 3:20 petang.**

**Persidangan di sambung semula pada jam 3:40 petang.**

**YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Timbalan Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli yang Berhormat Persidangan di sambung semula. Jemput Tanjung Surat.

**YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A.Rahman (Tanjung Surat) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Tanjung Surat terlebih dahulu ingin merakam sembah tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor sempena ulang tahun hari keputeraan baginda hari ini. Tanjung Surat ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada Tanjung surat untuk menyertai perbahasan mengenai bajet 2017 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada hari Khamis yang lalu, 17 November 2016.

Bajet yang bertemakan "Johor Berkemajuan Rakyat Sejahtera" memertukan masa 2 jam setengah untuk dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Satu masa yang agak panjang kalau naik kapal terbang hampir daripada Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu hampir nak mendarat lah. Begitulah lamanya, seharusnya ia panjang kerana ia mencakupi segenap aspek kehidupan rakyat negeri Johor. Semua diambil kira oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam menggaris bajet 2017 ini.

Tanjung Surat tertarik dengan 6 strategi yang dinyatakan untuk menjadikan Johor kuasa ekonomi selatan atau dengan izin *Southern Economic Power House*. Dengan masa yang terhad yang diberikan saya ingin menyentuh strategi ketiga iaitu mengujudkan pekerjaan bermutu untuk rakyat Johor. Penekanan diberi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar agar pekerjaan-pekerjaan yang diwujudkan ini kelak adalah untuk rakyat Johor. *Johor Grows Means Job For Johorians* dengan izin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sehubungan dengan itu, saya ingin membawa perkara ini, isu ini dalam konteks pembangunan industri minyak dan gas di Pengerang. Di Pengerang, sedang pesat membangun dengan aktiviti industri minyak dan gas sekarang ini, saya diberitahu setakat ini telah melebihi 46,000 pekerja yang bekerja di Pengerang. Termasuk pekerja asing. Di jangka pertengahan tahun depan akan bertambah sehingga 60,000. Jadi, peluang-peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan khususnya dan seluruh negeri Johor dan juga Malaysia sangat terbuka luas buat masa ini tapi dalam stage ataupun peringkat pembinaan.

Projek yang besar ini dijangka siap sepenuhnya awal 2019. Jadi apa yang saya ingin tekankan di sini supaya kerja, pekerjaan-pekerjaan yang diperlukan pada masa setelah fasa operasi nanti, bila siap projek ini kerana ia, saya diberitahu oleh Petronas sekurang-kurangnya mereka memerlukan 3,500 pekerja untuk mengendalikan loji penapis minyak ini. Apa yang saya minta, supaya 3,500 ini diberi peluang kepada pekerja-pekerja Johor sekurang-kurang 30%, kalau lebih lagi baik. Saya harap pihak Petronas dan pihak-pihak lain yang melabur di Pengerang dapat mengambil tindakan supaya peluang untuk pekerja-pekerja Johor diutamakan.

Saya suka mencadangkan supaya, JPDC atau dengan izin, *Johor Petroleum Development Corporation* menjadi penyelaras bagi memenuhi jawatan-jawatan diperlukan oleh Petronas. Contohnya Pihak Petronas hendaklah memberitahu apakah pekerjaan yang diperlukan bila fasa operasinya nanti, supaya perancangan dapat dibuat, kita ada 2 tahun lebih lagi supaya dapat dibuat perancangan untuk mengisi jawatan-jawatan ini terdiri daripada rakyat tempatan. Kita nak patuhi apa yang disebut atau diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar *Johor Jobs For Johorians* dan kita pastikan ia dilaksanakan. Jadi, saya harap kalau dapat satu jawatankuasa mengurus perkara ini dengan diselaraskan oleh JPDC melibatkan Petronas dan lain-lain pelabur dengan pusat-pusat latihan seperti IKBN, Institut Kemahiran Belia Negara, Kolej Komuniti, ILP, Institut Latihan Perindustrian dan lain agensi ataupun badan yang menganjurkan kursus-kursus yang berkesesuaian dengan keperluan pada masa 2019 nanti. Jadi, kalau sudah tahu berapa satu-satu pekerjaan itu diperlukan mudah untuk buat perancangan. Mungkin seperti Petronas, mungkin dia ada jawatan yang dia telah rancang ataupun telah latih untuk datang ke Pengerang tapi saya percaya tidak semua yang dapat diambil daripada apa yang dia ada sekarang pastilah mereka akan ambil pekerja-pekerja baru. Jadi, saya mengharapkan supaya pekerja-pekerja khususnya dari Pengerang dan amnya dalam negeri Johor diberi keutamaan untuk menjawat jawatan-jawatan atau pekerjaan-pekerjaan di dalam loji penapis minyak Petronas kelak.

Keduanya, saya ingin menarik perhatian supaya, JPDC juga menyelaras kegiatan untuk peluang-peluang perniagaan, pihak Petronas atau lain-lain agensi atau badan pelaburan boleh memberitahu apakah jenis perniagaan yang mereka boleh beri peluang kepada orang-orang Johor menceburi. Jadi, kalau dapat tahu lebih awal,

kita dapat bersedia mungkin melatih ataupun memberi kemahiran kepada mereka-mereka yang ingin mencebur dalam bidang-bidang yang telah kita diberitahu oleh pihak Petronas. Jadi, saya harap agensi-agensi lain yang terbabit dengan keusahawanan seperti MARA, Teraju, SME Corporation dan sebagainya, saya minta turun padang ke Pengerang. Datanglah, tengoklah apa yang boleh mereka mainkan peranan untuk memastikan rakyat tempatan amnya rakyat negeri Johor dapat menyertai projek yang sebesar ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara seterusnya saya ingin menyentuh perumahan, isu perumahan. Dalam bajet 2017, kerajaan memutuskan untuk mengambil tindakan radikal bagi menyusun semula kawasan kediaman dan menambah baik polisi serta pembangunan hartanah di Johor. Pembukaan kawasan baru perumahan telah dinyatakan dalam pembentangan bajet 2017, kedua-duanya dalam DUN Tanjung Surat.

Pertama, pembangunan estet Sungai Papan seluas 7,900 ekar yang boleh menjana 95,000 peluang pekerjaan dan 60,000 unit kediaman. Ini di bawah JCorp. Jadi saya berharap bila pembangunan estet Sungai Papan ini dilaksanakan kelak, JCorp janganlah jual mahal. Janganlah nak buat untung macam orang swasta. Kita nak orang tempatan beli. Mungkin ada yang untuk yang mahal sikit sajalah. Yang pertengahan dan ke bawah ini dibanyakkan, janganlah kenakan harga yang tinggi kerana estet itu murah saja tanahnya. Nilainya, kerana dah puas dah JCorp atau anak syarikatnya Kulim Berhad mendapat pulangan daripada estet itu. Jadi, tiba masanya untuk memberi, bukan subsidi tapi kurangkan untung supaya rakyat berhampiran, rakyat negeri Johor dapat bersama-sama membeli ataupun memiliki hartanah di estet Sungai Papan kelak.

Keduanya, kawasan 1,500 ekar di Kledang, di bawah Rumah Mampu Milik Johor sebanyak 6,000 unit. Kini, baru ini telah dilancarkan fasa pertama yang dirasmikan pecah tanahnya oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, saya cuma nak mencadangkan kepada pemaju tanah ini iaitu YPJ supaya jangan sebut Kledang lagi kerana mengelirukan, walaupun ladang ini 1,500 ekar termasuk di bahagian Kledang ini, berhampiran FELDA Kledang tapi yang sebenarnya dia lebih dekat kepada Kampung Punggai. Jadi saya suka mencadangkan supaya namakan kawasan ini Bandar Baru Punggai.

Di kawasan saya ada PPR, Projek Perumahan Rakyat 300 unit. Di Kampung Punggai juga, pembinaan bertingkat sedang dilaksanakan. *Piling* sedang berlangsung. Kerja-kerja cerucuk sedang jalan. Jadi 300 unit akan menambahkan lagi penduduk di kawasan sekitar, kawasan Kampung Punggai. Tapi bila kita bangun pembangunan seperti ini kadang-kadang kita lupa bahawa sekolah ini sekarang ada sekolah kebangsaan di situ ada 139 orang murid. Sekolah agama ada 100 orang murid, tadika ada 18 orang. Yang saya bimbang, kalau 300 dah duduk di rumah baru ini, sekurang-kurangnya ada seorang anak yang bersekolah, akan bertambah 300 murid di sekolah yang prasarananya untuk tidak lebih 150 murid. Jadi apakah tindakan jabatan pendidikan kerana bila tambah 300 kepada 139 yang sedia ada pastilah persediaan rapi harus di buat daripada sekarang. Projek ini di jangka siap dalam bulan Jun tahun 2019.

Masjid yang ada muat 150 orang Jemaah satu masa. Jadi kalau dah 300 mengambil seorang satu rumah yang pergi sembahyang atau pergi sembahyang Jumaat, 300 nak taruk tempat yang boleh muat 150, yang dah ada 150 dah penuh, jadi saya harap agensi-agensi yang berkaitan tengoklah perkara ini. Kita ada macam-macam projek perumahan selain daripada yang saya sebutkan tadi, perumahan campur rumah-rumah apa itu, Rumah Mesra Rakyat Johor, ada kasi *discount* ataupun subsidi dan saya harap projek ini dapat dijalankan dengan jayanya kerana masalah, mungkin masalah pinjaman bank. Jadi, saya harap bank janganlah begitu keras dengan penduduk-penduduk kampung ini. Walaupun dia tak ada slip gaji setakat RM150.00, RM200.00 dia boleh bayar.

Nelayan saya pergi dua hari ke laut boleh dapat hampir RM150.00. kadang-kadang RM80.00, kurang-kurang pun RM50.00. kadang-kadang dapat banyak, dua tiga hari berehat. Jadi saya mintalah kerjasama bank, walaupun kita ada skim untuk sewa beli boleh digunakan juga untuk mereka-mereka yang tidak berjaya mendapat pinjaman bank.

Saya ingin menyentuh pengajian bahasa Inggeris. Anggaran sejuta telah dinyatakan oleh Exco Pendidikan untuk memperkasakan bahasa Inggeris dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia. Selain daripada itu, dalam ucapan bajet, YPJ akan menganjurkan *English Camp* dengan izin, untuk 200 pelajar dengan pemohon peruntukan RM500,000.00. Jadi saya cadangkan Dato' Speaker kalau RM500,000.00 kasi kat saya ni, saya boleh buat *English Camp* untuk 2,000 orang kerana saya telah buat satu *English Camp* baru-baru ini. Jadi kalau YPJ nak minta saya jadi penasihat, bolehlah. Ini tawaranlah ya.

**YB Timbalan Speaker :** Ada bayaran ke penasihat itu? (Dewan ketawa).

**YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A.Rahman (Tanjung Surat) :** Itu boleh rundinglah. Dato' Speaker, *nothing is free*, dengan izin. Selain daripada itu, saya ingin menyentuh mengenai sedikit Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang yang akan bermula pada 1 Januari tahun depan.

**YB Speaker :** Tanjung Surat sila gulung. *Nothing is free*. (Dewan ketawa)

**YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A.Rahman (Tanjung Surat) :** Kena bayar ke? Dato' Speaker, dengan adanya Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang, saya harap keadaan perancangan, pelaksanaan dan penyelarasan di dalam kawasan Pengerang akan lebih baik. Sekarang ini tiada siapa yang mengawal dengan cara yang berkesan. Jadi kita nampak orang ini beli tanah, dapat tanah, tambak tanah tanpa pedulikan kiri kanan penduduk kampung yang ada. Apabila hujan, banjir. Orang kampung yang tidak pernah banjir, banjir. Kerana apa? Dia tak payah submit pelan. Jadi saya harap, dengan ada hartanah ini, Pihak Berkuasa Tempatan Pengerang ini akan dapat mengatasi perkara-perkara yang seperti ini supaya tidak berlaku.

Akhir sekali, saya minta Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta supaya menengok perkara ini. Ada satu kes di Pengerang baru-baru ini, pengambilan balik tanah untuk membuat jalan, kalau kita dalam projek Pengerang ini kita tahu nama jalan P3. Jalan ini akan di bina, sekarang proses pengambilan balik tanah. Saya diberitahu, ada satu kawasan itu harganya sehingga RM119.00 setiap kaki persegi. Fikir-fikirkan lah. Harga

yang begitu tinggi, saya bimbang akan hilang daya saing kawasan Pengerang dan tidak menarik bagi pelabur untuk melabur di Pengerang. Jadi saya harap, pihak Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta supaya mengkaji semula perkara ini. Saya tak mahu rendah sangat, saya tidak mahu orang kampung ataupun pemilik tanah jadi mangsa kerana murah dan saya tidak mahu tinggi sangat kerana pelabur akan lari, tak akan datang.

Jadi sebelum saya menutup, saya ingin menyebut kata-kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ketahuilah betapa kerajaan negeri yang sedia ada sentiasa percaya bahawa setiap daripada warga Johor harus diberikan ruang untuk berkembang, ruang untuk membangunkan diri dan menyumbang kepada masyarakat. Dengan kata-kata itu, Tanjung Surat mohon menyokong usul yang di bawa oleh Rengit. Sekian, terima kasih.

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih Tanjung Surat. Kita teruskan perbahasan, jemput Pasir Raja.

**YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatu. Salam Muafakat Johor. Dato' Speaker, Pasir Raja tidak mahu ketinggalan ingin merakamkan sembah tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan sempena ulang tahun hari keputeraan Tuanku pada hari ini. Semoga Allah melanjutkan usia Tuanku Sultan. Saya juga mahu menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan di atas ruang dan peluang yang diberikan kepada Pasir Raja untuk turut serta dalam sesi rundingan bajet negeri Johor 2017 dengan mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan Johor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas penyediaan sebuah bajet yang cukup komprehensif dan berpaksikan kepada kebajikan bangsa Johor yang sentiasa dlutamakan. Inilah kerajaan yang bukan hanya sekadar mampu mendengar denyut nadi dan merasai keluh kesah rakyat, tetapi juga layak dan berkemampuan untuk menggalas tanggungjawab bagi menyediakan sebuah kehidupan yang lebih baik kepada bangsa Johor.

Dato' Speaker, sejarah kegemilangan Johor. Marilah kita merenung kembali kepada sejarah kegemilangan kerajaan Johor, pasti kita sebagai anak jati Johor akan kagum dan berbangga dengan melihat pelbagai pencapaian dan kejayaan yang cemerlang yang telah di capai dan diusahakan oleh para pejuang Johor yang telah berkorban segala-galanya demi memastikan tanah bertuah Johor ini sentiasa makmur dan memberikan kebahagiaan kepada sesiapa sahaja yang menumpang di atasnya. Kini, giliran kitalah pula untuk memastikan segala kehebatan Johor dapat diteruskan, di perkasakan dan mampu menjadi dengan izin, *Johor the new southern economic power house*.

Dato' Speaker, saya dapat maklum bahawa sudah dua kali Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita menyebut hal ini iaitu hal berkaitan dengan *the new economic power house*. Pertama pada bajet 2016, pada November 2015 dahulu. Sudah tentu beliau serius tentang perkara ini. Apabila kita bicara mengenai sebuah negeri yang ingin menjadi *the new economic power house*, haruslah jelas difikirkan kita bahawa sesebuah negeri itu mestilah mempunyai sumber produktiviti yang sangat mencukupi sehingga mampu untuk membuat dan juga yang penting mempengaruhi sesuatu keputusan ekonomi seperti penentuan harga dan pengagihan sumber. Kita lihatlah sahaja semasa sesi soal jawab.

**YB Timbalan Speaker :** Pasir Raja sila duduk. (Dewan berhenti seketika bagi menghormati laungan azan).

**YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Terima kasih Dato' Speaker. Saya kembali kepada definisi *the new economic power house*. Apabila kita berbicara mengenai sebuah negeri yang ingin menjadi *the new economic power house* haruslah jelas difikirkan bahawa sebuah negeri itu mestilah mempunyai sumber produktiviti yang sangat mencukupi sehingga mampu untuk membuat dan mempengaruhi sesuatu keputusan ekonomi seperti penentuan harga dan pengagihan sumber. Kita lihatlah sahaja, kita lihatlah semasa sesi soal jawab semalam mengenai ekonomi terkini negeri Johor yang telah di jawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kita dapat menentukan jangkaan ekonomi kerana kerajaan negeri yang stabil dan juga buruh perniagaan serta mempunyai *surplus* bajet beberapa tahun yang telah pun berlalu.

Justeru itu, jika kita lihat negeri Johor ini secara keseluruhan, kita pasti sedar dan yakin bahawa negeri kita mampu untuk mencapai tahap tersebut. Sebutlah apa yang kita tidak ada. Kita memiliki infrastruktur yang sangat lengkap, kita ada Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Tanjung Langsat, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Lebuhraya Utara-Selatan, projek pembangunan baru seperti *Double Rail* dan juga *High Speed Train*, sepertimana yang telah pun diberitahu kemasa bajet yang lepas. Semua ini elemen yang penting dalam menyokong kemajuan negeri Johor pada masa depan.

Cadangan kajian semula ke atas pelaksanaan sistem pengurusan sisa pepejal negeri Johor adalah antara yang saya ingin cadangkan untuk menambah baik infrastruktur negeri Johor. Kerana dalam membina negeri Johor ke arah yang lebih moden kita tidak boleh sesekali lupa kepada elemen kelestarian dalam pelan pembangunan agar kehidupan anak-anak kita, cucu dan cicit kita agar dapat hidup dengan selesa dan sihat.

Oleh yang demikian, dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin mencadangkan agar sistem pelaksanaan pengurusan sisa dan pepejal di seluruh negeri Johor dikaji semula dan dibuat penambahbaikan. Teknologi *incinerator*, sebagai contohnya penggunaan teknologi *incinerator* bagi memproses bahan-bahan buangan pepejal dan industri melalui proses pembakaran dengan suhu yang sangat tinggi. Abu daripada sampah yang telah dibakar akan di kitar semula untuk dijadikan pelbagai produk lain. Teknologi ini juga dapat menjana elektrik sebenarnya. Walaupun begitu, kita mengetahui teknologi sebegini banyak memberi kebaikan tetapi kita juga harus jangan sekali lupa dan alpa bahawa teknologi sebegini perlu disokong dengan kos penyelenggaraan yang tinggi pada masa depan dan perlu ada penjagaan yang kemas. Jika tidak, kesannya yang lebih banyak daripada kebaikan dan memberi kesan yang terus kepada kehidupan rakyat sekitarnya.

Jadi saya ingin menyeru agar semua pihak lebih berhati-hati sekiranya nak memilih teknologi yang ingin digunakan. Merujuk kepada teknologi *incinerator*, negara kita baru ingin mula melaksanakannya. Tetapi negara maju seperti Korea, Jerman, Sweden telah beralk kepada sebenarnya dengan izin RDF ataupun dengan izin, *Refuse Derive Fuel* yang lebih selamat dan lestari. Teknologi RDF ini mampu melaksanakan pengasingan sampah secara sendiri sebelum menjalani proses pembakaran pada

suhu yang sederhana sahaja. Hasil pembakaran tersebut dan dimampatkan menjadi palet-palet yang boleh jual sebagai bahan bakar dengan harga lebih kurang RM300.00 satu tan. Itu jangkaan yang kita tahu.

Di samping itu, teknologi ini juga akan menghasilkan gas biomass iaitu sumber tenaga baru yang diperbaharui dengan izin, *renewable energy source*. Teknologi ini juga tidak memerlukan kawasan pelupusan sampah dan saiz kilangnya hanya kecil dan boleh dibuat dalam bandar. Tidak seperti mana teknologi *incinerator* dan sekiranya kita mahu mengalihkan teknologi *landfill*, *sanitary landfill* kita boleh mengalihkan teknologi tersebut kepada teknologi RDF sebenarnya.

Oleh yang demikian saya ingin cadangkan dalam Dewan yang mulia ini tiada satu kawasan di negeri Johor pun sepatutnya dibenarkan menggunakan teknologi *incinerator* sekiranya ianya berlaku kerana mungkin tiada masalah pada masa ini tapi bagaimana pula jaminan masa hadapan sekiranya kos jangkaan melebihi keuntungan yang diperolehi.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya yakin dan penuh percaya semua Ahli Dewan ini pernah mengadakan lawatan ke luar negara secara rasmi atau peribadi. Kita bandingkan kualiti air luar negara dengan kualiti air yang kita sediakan di setengah tempat. Rata-rata ada juga yang mengatakan bahawa kalau kita boleh terus minum air daripada paip-paip termasuk daripada paip-paip tandas awam. *The Hague*, mereka ada juga menyediakan air yang boleh diminum. Jika dilihat secara keseluruhan masih terdapat di Johor beberapa daerah yang masih menerima gangguan bekalan air walaupun sedikit. Ini mungkin disebabkan oleh sistem perpaipan kita yang lama dan belum di naik taraf.

Oleh yang demikian sidang Dewan ini hendaklah menyokong apa yang telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar terhadap beberapa inisiatif penambahbaikan air Johor dan untuk kita rakyat Johor menerima bekalan air bersih pada setiap masa. Tak perlulah lagi rakyat menanggung kos tambahan kerana dewasa ini pembelian alat penapis air yang bermacam-macam ada di pasaran. Secara purata, rakyat mungkin menggunakan lebih kurang RM100.00 hingga RM300.00 sebulan bagi kaedah membeli sewaan alat penapisan dalam rumah ataupun tempat-tempat bekerja. Dalam kita berusaha meningkat kualiti hidup rakyat kemudahan sistem bekalan air yang sempurna sebenarnya akan memberi kesan sempurna langsung kepada ekonomi negeri dan memberi impak kepada tarikan pelabur ke dalam negeri Johor. Lihat sajalah apa berlaku negeri Selangor, Dato' Speaker, negeri paling kaya di Malaysia, negeri industri tetapi dek kerana sibuk dengan BERSIH seperti Senai kata tadi, rakyat Selangor juga menderita tak dapat menerima bekalan air bersih dan juga ada kawasan yang bukan saja dicatu tapi bekalan air tiada langsung. Macam tak masuk akal, itulah realitinya. Kesannya turut menjejaskan minat bakal pelabur untuk melabur dan juga menimbulkan ketidakpuasan hati kepada pelabur sedia ada. Jika situasi ini tidak dibendung ia memberi impak negatif kepada ekonomi dan ini akan menjejaskan cita-cita kita untuk menjadi Johor sebagai *new power economic, power house*.

Dato' Speaker, saya tidak akan suka hati ataupun tidak gembira sekiranya saya tidak dapat membawa satu perkara yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkenaan dengan usaha memposisikan negeri Johor dalam dunia.



Dan, kita tidak boleh menidakkan kepentingan apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam *paragraph* jenama Johor iaitu *branding Johor*. Kalau kita lihat kepada para 327 hingga 328, Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ada mengatakan usaha kerajaan untuk mengangkat jenama iaitu produk Johor sebagai produk daripada negeri Johor. Sesuatu yang menarik. Patut pun dan sudah sampai masanya, ada jenama negeri Johor diperkenalkan dengan lebih agresif. Berapa jenama yang mungkin orang dah tahu seperti Iskandar Malaysia. Walaupun nama Malaysia tapi dia terletak di Johor, kita boleh faham. Kalau kita kempen ke luar negara nak beritahu orang ramai di luar negara, Iskandar Malaysia *situated in Johor Bahru*.

Yang kedua, Sungai Johor, cara sendiri kita dah boleh cakap Sungai Johor ada banyak tarikan untuk kita jenamakan. Dan yang paling terkini ialah muafakat Johor. Kalau berjaya Dato' Speaker, muafakat Johor ini bukan sahaja sebutan orang-orang ramai tetapi ia merupakan satu usaha untuk menyatupadukan rakyat. Tidak ada satu perkara yang mungkin menjadi titik pertemuan kepada penyatuan rakyat negeri Johor pelbagai kaum sekiranya perkataan muafakat Johor ini kita terus gunakan. Inilah satu perkara yang perlu dilihat oleh kerajaan negeri bagaimana muafakat Johor ini dapat membawa Johor bukan saja dijenamakan di peringkat negara kita, di dunia dan mungkin satu dunia akan menggunakan perkataan muafakat dunia. Ini satu perkataan yang sangat lestari dan juga saya beranggapan ia *sustainable*, ia berlanjutan. Dan...

**YB Timbalan Speaker :** OK, Pasir Raja boleh gulung.

**YB Dato Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Saya gulung sebelum penutup. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita lihat kalau kita tengok jenama yang telah diberikan ada satu lagi, ada dua tiga lagi jenama baju kurung Johor dan teluk belanga. Teluk belanga boleh diperkembangkan kerana ia perlu diperkenalkan sebagai satu identiti dan mungkin samping Johor. Saya..

**YB Timbalan Speaker :** Beriani Johor tak ada?

**YB Dato Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Apa?

**YB Timbalan Speaker :** Beriani Johor.

**YB Dato Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Beriani Johor mungkin boleh diketengahkan. Sebab tu saya sokong inisiatif pihak kerajaan negeri terhadap pembinaan *Johor Local Brand Street* di Taman Setia Eco Cascadia tu supaya ada beriani Johor di situ, dia dipusatkan supaya bila orang datang Johor, dia akan pergi tempat tersebut, beriani Johor, itu cadangan yang baik, Yang Berhormat Dato' Speaker. Samping, di waktu petang yang berbahagia ni, kita tengok samping ni Yang Berhormat Dato Speaker sebenarnya boleh dimuafatkan satu dunia kerana samping ni ada cerita dia. Pertama, samping ini pakai dia 3 cara, Dato Speaker. Pertama, kalau kita tengok orang lelaki tu pakai samping kalau atas lutut, dia menunjukkan dia belum kahwin. Kalau dipakai bawah lutut bermakna dia dah tutup pintu, dia dah kahwin. Tetapi, kalau dia pakai samping paras-paras lutut, itu ada persepsilah maknanya sama ada dia belum kahwin ataupun dia..

**YB Timbalan Speaker :** Dia kahwin lebih. (Dewan ketawa).

**YB Dato Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Saya tengok 2 orang EXCO ni Dato' Speaker dia pakai bawah lutut maknanya itu tanda. Inilah satu jenama kalau kita kembangkan status jenama tu ada motifnya, ini akan menjadi satu dunia pakai samping, Dato' Speaker. Saya rasa satu dunia pakai samping kerana dia nak, tapi mestilah samping tu datang dari Johor kerana kita tahu samping kalau kita pergi Kelantan dia ada batik Kelantan. Kalau dia pergi ke Terengganu, songket Terengganu. Kalau pergi ke Kuantan, Pahang, tenun Pahang. Johor, Dato' Speaker, samping Johor. Ini cadangan kita supaya jenama ini dipakai satu dunia dan dia ada motif dia. Dan, satu lagi Dato' Speaker, kita yakin jenama-jenama ini kalau diperhebatkan, harapan kita menjadi the new economic power house akan menjadi kenyataan.

Dengan itu Dato' Speaker, saya yakin dengan adanya bajet yang begitu berhemah saya beranggapan rakyat Johor sungguh beruntung dan rakyat Johor ni Dato' Speaker selain daripada inisiatif setengah bulan gaji, di Johor ni hidup pun dapat bantuan, mati pun dapat bantuan. Apabila Dato' Speaker, kita diberikan maklumat bahawa dalam Bajet 2017, kerajaan negeri akan memberi bantuan sebanyak RM300.00 kepada badan khairat kematian. Ini kepada semua kaum bukan kaum Islam saja, semua, Cina, India. Bayangkan Dato' Speaker, kalau sampai mati pun kita boleh beri bantuan bermakna Johor memang sebuah negeri yang berkemajuan, Dato' Speaker. (Dewan bertepuk).

**YB Timbalan Speaker :** Ok, tutup terus.

**YB Dato Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Ya, sebelum saya tutup Dato' Speaker, saya ada satu cadangan atau usul kepada Dewan, saya dah bincang dengan beberapa rakan. Boleh tak demi menjaga masa saya cadangkan supaya Dewan ini ada 1 jam atau 2 jam yang diletakkan. Sepanjang saya bersidang Dato' Speaker, susah juga kita nak menentukan jumlah masa kita bercakap. Jadi kalau boleh kita mencadangkan ada 1 buah jam atau 2 boleh diletakkan di dalam Dewan yang mulia.

Dato' Speaker, oleh itu saya menyokong rundingan yang dibawa oleh ADUN Rengit. Terima kasih.

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih Pasir Raja. Kita teruskan kepada Jementah.

**YB Enck Tan Chen Choon (Jementah) :** Selamat petang, salam sejahtera Dato' Speaker, semua Ahli-Ahli Dewan dan penjawat-penjawat awam yang hadir sidang Dewan hari ini.

Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merafak sembah tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli yang Maha Mulia Tuanku pada hari ini. Tan Sri Speaker, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan bajet..

**YB Timbalan Speaker :** Tapi sila patuhi masa juga ya.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Bajet 2017 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar minggu yang lepas yang di mana rakyat Johor nanti-nanti. Tan Sri Speaker, Jementah berpendapat Bajet Johor 2017 ini yang mencatat *surplus* RM1.3 juta dengan jumlah anggaran perbelanjaan RM1.607 billion di mana pecahan anggaran perbelanjaan mengurus sebanyak 52.5% dan anggaran perbelanjaan pembangunan sebanyak 47.5% adalah satu bajet yang agak seimbang. Daripada sudut agihan peruntukan perbelanjaan. Tidak seperti kita nampak di kerajaan pusat, di mana bajetnya perbelanjaan pengurusan lebih kurang 82% dan pembangunan hanya lebih kurang 17%. Ini tak seimbang ini dan saya rasa kali ini Bajet Johor 2017 dia ada satu *point* dia, seimbang. Dan secara keseluruhan, saya Jementah berpendapat bajet kali ini dia pun agak menyeluruh dengan intisari-intisari dan titik-titik sentuhan yang ingin dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam pelbagai aspek seperti menjadikan Johor sebagai kuasa ekonomi selatan, menyempurnakan perkhidmatan asas-asas prasarana seperti, ini isu yang dalam hati rakyat Johor seperti isu air, perumahan, jalan-jalan kampung, jalan-jalan bandar dan pengangkutan awam yang lebih selesa dalam jaringan, dalam menjalinkan bandar-bandar dan kos sara hidup dan usaha-usaha mengukuhkan Johor dalam kita menghadapi suasana ekonomi sedunia yang semakin mencabar dan tidak menentu, di mana kita nampak mungkin akan tahun depan, banyak laporan media telah melaporkan tahun depan kita, dunia, apa ini ekonomi sedunia mungkin akan masuk dalam *recession*, bermaksud kemerosotan ekonomi mungkin akan berlaku pada tahun 2017.

Walau bagaimanapun, Jementah ingin berkongsi sedikit pandangan atau memberi sedikit cadangan kepada pihak kerajaan. Dan saya ingin merujuk kepada para 388 Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkenaan dengan Mantan Presiden Amerika Syarikat, Franklin D. Roosevelt yang mengungkapkan yang saya *quote*, "ujian sebenarnya kemajuan kita bukanlah pada seberapa banyakkah yang kita tambahkan kepada mereka yang sudah berada, tetapi berapa banyakkah yang kita telah berikan kepada mereka yang tidak punya apa-apa". Ini, sebenarnya adalah satu kerja yang utama sebuah pentadbiran kerajaan untuk membantu mereka yang kurang berada. Dan, sebagai sebuah kerajaan yang berkeprihatinan, kerajaan harus menambah nilai kepada golongan-golongan kurang berkemampuan atau kurang berada. Supaya satu objektif yang utama, sangat utama ini dapat merapatkan jurang perbezaan antara golongan yang kaya dan golongan yang kurang berada. Ini satu misi yang penting dalam pengurusan kerajaan. Kita bukan nak katakan *widening the gap* dengan izin. *We have to shorten the gap this is the role of the government*, dengan izin Dato' Speaker.

Untuk menjayakan misi ini, membantu golongan yang kurang berkemampuan dan kerajaan diminta untuk mentadbir mesti berusaha untuk menjamin kesinambungan dan kestabilan politik, kemakmuran, kukuhan dan terutamanya kekuatan daya saingan ekonomi negara, supaya dapat lebih menarik ramai lagi pelabur luar negara atau domestik untuk melabur. Sebab ekonomi ini sangat penting. Kalau kita tak ada ekonomi yang, kelestarian ekonomi yang kukuh, maka kalau kita nak membantu mereka yang kurang berada, susah dicapai.

Tan Sri Speaker, maka saya berpendapat nilai wang ringgit, kalau jatuh terlalu drastik bukan satu kebaikan kepada negara kita. Bukan satu kebaikan kepada ekonomi kita. Dan saya kesallah, ada sesetengah Yang Berhormat yang masih ingat atau masih berpendapat bahawa penurunan wang ringgit adalah satu *advantage* kepada kita,

bukan ia bukan satu *advantage*. Dia tidak apa ni, sebab daya saingan wang itu akan menurun dan dia akan lagi, apa ni, *jeopardize* golongan-golongan yang kurang berada. Pendapatan mereka tak banyak. Sekarang, kalau kita katakan seorang Jurutera, dia kerja gajinya RM3,000, dia masih penerima BRIM tau. Penerima BRIM. Dulu 20 tahun, 30 tahun yang lepas, Jurutera dia *middle class* sekarang sudah penerima BRIM tau. So, ini bukan satu yang satu *solution*, satu jalan penyelesaian yang baik kepada ekonomi negara kita, dengan nilai wang yang rendah. Mungkin 20 tahun, 30 tahun yang lalu kita, negara kita baru membangun, mungkinlah. Sebab kita nak menarik pelaburan, tetapi bukan pada masa ini, kita dalam abad 21 ini. Sudah banyak berbeza, sekarang *globalization*. Kekuatan ekonomi kita bukan lagi berdasarkan kepada nilai wang yang rendah tetapi pengurusan kerajaan yang cekap, beramanah dan berintegriti. Ada pekerja-pekerja yang mahir dan ekonomi kita boleh *transform* daripada *low end industry* kepada *high end industry* dengan izin. Maka saya nampak dalam kerajaan negeri Johor, usaha kerajaan negeri Johor untuk membangunkan negeri kita sebagai satu kuasa ekonomi selatan, khususnya strategi yang kedua. Saya nak katakan strategi yang kedua ini sangat penting. Menggariskan strategi untuk menarik pelaburan sama ada domestik atau luar negara. Sangat penting, supaya ekonomi kita dapat apa ni, bertumbuh seterusnya, berkembang seterusnya. Maka, strategi ini sangat penting. Dia ada 4 strategi dalam...

**YB Timbalan Speaker :** YB dah nak gulung?

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Ya. Strategi kedua itu pemantapan peranan pusat pelaburan negeri Johor. Yang kedua meningkatkan kerjasama dengan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan dua lagi. Dan saya berpendapat kerajaan negeri Johor perlu menubuhkan satu. Saya ingin mencadangkan, menubuhkan satu Jawatankuasa Pelaburan, untuk apa ni, menyelaraskan dan merancang kerja-kerja untuk menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur luar negara untuk berlabur di negeri Johor. Ini yang pertama.

Yang seterusnya saya ingin mengambil sedikit masa untuk berbahas dalam kos sara hidup. Kos sara hidup, dia ada berapa puncunya. Yang pertama ialah kerana wang kita, wang, ringgit yang rendah dan pelaksanaan GST dan ketiga ialah kerana kerajaan pusat menarik balik subsidi-subsidi. Saya berpendapat pada masa ini, bukan masa yang baik untuk menarik balik subsidi-subsidi sebab ekonomi akan *recession* pada tahun yang akan, pada tahun 2 tahun, dalam 2 tahun yang akan datang ini. Maka, ada berapa cadanganlah. Yang pertama saya ingin menyuruh kerajaan negeri untuk mempertimbangkan, untuk menanggung pungutan cukai tanah bagi maksud tempat kediaman pada tahun depan, khususnya di kawasan-kawasan kampung dan Kampung Baru, rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah. Harap kerajaan negeri boleh mempertimbangkan. Yang kedua ialah memberikan lesen perniagaan yang percuma kepada penjaja dan penjaja-penjaja yang bergerak yang berniaga di pasar lambak atau di pasar tani. Sebab mereka ini daripada golongan yang berpendapatan rendah. Mereka yang rasa paling banyak ni. Kalau ekonomi tak baik ni, tak ada perniagaan. Ini yang berkenaan dengan kos sara hidup. Harap kerajaan negeri boleh mempertimbangkan.

Seterusnya Dato' Speaker, saya ingin menyentuh sedikit isu tempatan. Masalah pencemaran udara oleh kilang kelapa sawit di sempadan Kebun Baru dan Jementah. Perkara ini telah, apa ni, berlarutan lebih kurang satu tahun. Pemilik kelapa sawit atau

Tetuan Milik Mestika Sdn. Bhd. yang terletak di kawasan itu di Jementah, yang menjalankan operasi kilang itu, ia mengeluarkan apa ni, bau yang cukup menjijikkan. Orang-orang kampung sudah banyak mengadu. Walaupun ada mengadu melalui Messenger lah, Facebook lah, saya pun ada, Whatsapp pun ada, melalui pusat komuniti saya pun ada. Dan, sehingga kini masih tidak selesai masalah ini, isu tempatan. Dan orang-orang kampung ini perasaan mereka sangat tak tahan lagi lah sebab hari-hari kena apa ni bau yang busuk ni. Saya ingin apa ni, membaca satu maklum balas daripada seorang penduduk yang apa ni, maklum balas saya dalam facebook dan quote "YB, kalau sekadar lawatan saja, ini kerana kita menjemput Pegawai Jabatan Alam Sekitar Putrajaya untuk turun padang, dan saya sebarkan informasi inilah, dalam facebook dan maklum balas dia katakan. "YB, kalau sekadar lawatan saja pun tidak dapat menyelesaikan masalah pencemaran bau tersebut". Ini orang kampung cakap. Kampung Paya Jakas, dekat saja. Lebih kurang dalam lingkungan 800 meter. Lepas tu mereka pun balik ke KL, orang-orang kampung tetap juga bermasalah dan semakin dijeruk masalah, yang pentingnya YB-YB itu datang bermukim, duduklah di kampung yang berdekatan dan rasa sendiri gangguan baunya. Baru mereka itu merasai sendiri pengalaman betapa terganggu keharmonian hidup seharian terperangkap di dalam kitaran udara yang sudah tercemar dan tidak fresh lagi dengan izin, seperti dulu. Inilah perasaan orang kampung.

Maka, saya ingin dengan rendah diri saya ingin meminta bantuanlah daripada Yang Berhormat EXCO Alam Sekitar. Tolonglah orang kampung. Penduduk-penduduk kampung untuk menyelesaikan masalah ini. Harap ada satu jalan penyelesaian.

**YB Timbalan Speaker :** Ok Jementah, sila gulung.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Ya Tan Sri, saya sekarang gulung ini. Tan Sri Speaker, Jementah amat berharap intisari-intisari dan ratusan titik-titik sentuhan dalam Bajet 2017 ini dapat dengan sebaik-baiknya dan penuh bertanggungjawab, bukan sahaja daripada kerajaan tetapi juga kalau kita nak menjayakan perancangan semua ini, seperti yang dikatakan oleh Stulang tadi, pelaksanaannya sangat penting. Maka, penjawat-penjawat awam juga harus memainkan perananlah. Menjalankan rancangan dan dipantau dengan rapi oleh pihak kerajaan. Kerajaan negeri juga harus cuba seberapa yang boleh menjalankan audit. Audit dalaman ini sangat penting. Kita sudah ada audit dalaman. Kalau boleh kita menjalankan audit dalaman untuk setiap projek yang akan dilaksanakan supaya memastikan semua yang dirancang ini dapat berjaya dilaksanakan. Dan mengurangkan ketirisan dan pemborosan, supaya dapat memaksimumkan manfaat bajet ini kepada rakyat Johor.

Akhir sekali, Jementah ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri Johor khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga mengiktirafkan peranan Ahli-Ahli Pembangkang. Hari itu dia sudah cakap, kalau pembangkang nak cakap apa saja boleh cakap. Ha, ini kita tak seperti di Parlimenlah. Nak cuba menyekat Ahli-Ahli Parlimen untuk berucap, untuk menyampaikan idea, untuk menyampaikan pandangan. Ha. Dan, ini peranan kita sebagai Ahli Pembangkang to check and balance apa-apa yang tak betul kita cuba menegur. Kalau boleh, kerajaan dengarlah. Kalau boleh laksanakan, kalau tak boleh apa sebabnya pun mesti maklum pada kita, supaya kita dapat tahu apakah sebenarnya yang akan dilakukan oleh kerajaan negeri untuk memanfaatkan rakyat negeri Johor. Dan, saya ingin

mengucapkan terima kasih juga kepada kerajaan, tidak terlepas pandang memberi bonustah kepada pihak kita di sini.

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasihlah eh.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasihlah. Ini sahaja Dato' Speaker. Harap kita dapat bersama-sama untuk memajukan Johor yang kita cinta ini dan rakyat dapat hidup dalam sejahtera, aman dan tenteram. Ini hasrat sayalah. Terima kasih Dato' Speaker.

**YB Timbalan Speaker :** Amin ya. Kita teruskan. Jemput Pengkalan Rinting.

**YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) :** Ya, terima kasih.

**YB Timbalan Speaker :** Ringkaskan ya. Masa.

**YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) :** Terima kasih Dato' Speaker kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

**YB Timbalan Speaker :** Cakap cepat sikit. (Dewan ketawa).

**YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) :** Pengkalan Rinting merafak sembah fahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Tuanku dan Pengkalan Rinting juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan takziah kepada mangsa Hospital Sultanah Aminah yang dekat dalam kawasan Pengkalan Rinting dan..

**YB Timbalan Speaker :** Pengkalan Rinting ada ziarah atau melawat?

**YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) :** Ada, ada. Dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pegawai-pegawai keselamatan dan perubatan yang terlibat dalam mengendalikan kemalangan tersebut. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, satu bajet yang efektif kena merujuk kepada kadar prestasi pengutipan hasil dan perbelanjaan tersebut dan syabas saya ucapkan kepada kerajaan kerana dapat mencapai kadar prestasi mengutip hasil sebanyak 96% tapi waktu yang sama, saya juga ingin mengetahui kadar prestasi perbelanjaan setakat ini.

Anggaran perbelanjaan mengurus meningkat sebanyak 15% dari Bajet 2015 ke Bajet 2016 dan 13% dari Bajet 16 ke Bajet 2017 dan setiap kali kita bersidang kita kena meluluskan perbekalan tambahan dan untuk tahun ini sahaja ini sudah 3 kali dan jumlah yang kita tambah adalah 10.76% daripada jumlah anggaran perbelanjaan mengurus Bajet 2016 yang diluluskan tahun lepas. Jadi, mengambil iktibar daripada bajet untuk tempoh tahun 2016, saya hairan mengapa jumlah anggaran perbelanjaan bekalan untuk Bajet 2017 yang lebih tinggi tidaklah dimasukkan sekali dalam bajet tahunan. Memandangkan macam kat Bajet 2016 dibentangkan tahun lepas, kena lagi membuat pembentangan pertambahan perbekalan sebanyak 3 kali dan mengapa tidak sekali kita membuat anggaran yang lebih tinggi untuk setahun dan kita guna setahun dan saya rasa Dewan yang mulia ini memang akan luluskan.

Jadi, ini boleh jimat masa pegawai-pegawai yang menyediakan laporan ataupun Enakmen Perbekalan Tambahan tersebut. Jadi, perbelanjaan wang bekalan yang tujuannya adalah aktiviti pentadbiran yang sepatutnya boleh dianggar sebab aktiviti ini memang dah tetap. Contohnya, OT, jawatan baru ke, jawatan apa ke, bekalan dan kalau boleh, kalau efektif itu ikut anggaran dan bagi saya bajet seperti ini saya cuma boleh katakan bajet sebegini kurang efisien, tidak efisien. Ataupun, atau kita lihat balik dengan Bajet 2016 juga merupakan bila dibentangkan merupakan satu bajet surplus tetapi selepas 3 kali kita buat penambahan perbekalan tambahan kita tambah dan ia menjadi satu bajet defisit kalau kita masukkan situ. Jadi, adakah cara yang sama akan digunakan untuk bajet 2012 yang dikatakan surplus ini. Yang surplus saya boleh katakan surplus syok sendiri, bukan bajet yang syok sendiri, tapi surplus itu syok sendiri. Jadi ini sedikit pandangan terhadap bajet surplus dan perbelanjaan tambahan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Menteri Besar pernah mengatakan konsep *agrostay* dan semasa EXCO Pelancongan menjawab soalan beliau juga mengatakan promosi melalui laman sesawang dan aplikasi telefon bimbit dan sini saya ada dua benda saya nak tahu daripada sini.

Satu, adakah pihak kerajaan membantu untuk mempromosikan *agrostay* atau *homestay* dan sebagainya dengan menyelaras bersama dengan laman sesawang yang terkendal *homestay* contohnya, *agoda*, *trivago*, *bnb*, sebab macam Tangkak yang lepas, dia beritahu trend untuk melancong sekarang adalah melalui *free and easy*. Jadi apakah usaha kerajaan dalam bidang, dalam isu ini?

Yang kedua, berkenaan dengan pengusaha *homestay* sendiri. Jadi adakah kerajaan sedia untuk menyediakan satu *one stop centre* dengan izin, untuk membantu pengusaha *homestay* ataupun *agrostay* untuk mengendali masalah urusan-urusan dengan pihak-pihak berkuasa ini?

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga mengalu-alukan tindakan kerajaan untuk menjenamakan semula Jalan Muafakat Bangsa Johor dekat Bandar raya Johor Bahru ini. Sebab memang dekat kawasan Bandar raya Johor Bahru sekitar Bukit Timbalan itu memang ada banyak bangunan yang bersejarah dan identiti yang pelbagai identiti kaum dan itu ialah terbukti pelbagai kaum memajukan Johor Bahru itu masa-masa dulu. Jadi, pejabat saya sendiri sebenarnya ada aktiviti di mana pandu lawat yang dinamakan sebagai *JB Heritage Walk* supaya membantu sedikit sebanyak untuk menghayati sejarah dekat situ dan mungkin ada peluang kita boleh memberi perkhidmatan yang sama kepada Yang Berhormat dalam Dewan ini.

Jadi, saya ada soalan, jadi projek ini, projek Jalan Muafakat ini bernilai RM5 juta tapi sebelum ini saya ingat dalam bajet yang lepas telah pernah menyalurkan RM500,000.00 untuk aktiviti *Heritage Trail* dan saya ingin bertanya apakah hasil daripada peruntukan RM500,000.00 ini dan bila kita lihat info dekat kawasan situ pun dah kabur sampai saya nak cari jalan atas pun kita dah tak nampak. Cuma mungkin kita kena tekalah dekat mana benda tu.

Yang Berhormat Dato' Speaker, permintaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina memanglah tinggi dekat kawasan Perling, Bukit Indah 1, 2, Taman Nusa Bestari 1, 2, 3 dengan Nusa Indah, Nusa Idaman, Taman Selesa Jaya dan Taman Perling dan

kawasan sekitar itu. Dan kapasiti murid SRJK (C) berhampiran seperti dekat SRJK (C) Pei Hwa, Perling, SRJK (C) Meng Sze, Horizon Hills, SRJK (C) Kuo Kuang 2 di Taman Sutera Utama terlampau penuh sehingga ada murid yang tinggal dekat Bukit Indah terpaksa belajar jarak dari rumahnya 10 km di SRJK (C) Ming Terk, Gelang Patah. Jadi, saya difahamkan masih ada lebih 4 tanah lapang untuk tujuan pendidikan di sekitar Taman Bukit Indah ini. Jadi, saya ingin mengetahui sama ada kerajaan negeri ada hasrat untuk memberi tanah, salah satu tanah tersebut untuk membina SRJK (C) baru dekat kawasan situ. Dan lanjutan daripada situ, saya juga ingin mengetahui apakah perkembangan pembinaan sekolah agama yang baru Taman Bukit Indah yang dikatakan akan siap pada Mac yang lalu?

Yang Berhormat Dato' Speaker, menara telekomunikasi masih lagi menjadi satu isu di mana menara tersebut dibina dalam kawasan hijau sekitar Taman Bukit Indah - Taman Perling, kerana beberapa bulan yang lepas ada penduduk membantah pembinaan sebegini. Jadi, pada tahun 2009 pernah berlaku di mana pemaju TELCO ini menggunakan istilah pembinaan lampu limbah pelbagai guna untuk tujuan mengelirukan penduduk dekat Jalan Belibis 15, Taman Perling, dan kali ini pula dekat Bukit Indah, langsung tidak ada papan pemberitahuan, notis pemberitahuan didirikan untuk tujuan pemberitahuan dan tiada mesyuarat ataupun perjumpaan dengan penduduk diadakan walaupun permintaan dibuat. Jadi, pelbagai helah telah digunakan oleh pihak pemaju TELCO untuk mempercepatkan pembinaan TELCO, pembinaan menara telekomunikasi ini dan ini tidak adil kepada penduduk.

Dan nampaknya PBT sendiri pun tak tahu macam mana untuk mengendali. Jadi, dekat sini saya mengambil kesempatan untuk bertanya sama ada adakah peraturan atau perundangan atau penguat kuasa tindakan daripada kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah terutamanya yang saya sebutkan di atas.

**YB Timbalan Speaker :** Pengkalan Rinting, jemput gulung, masa. Panjang lagi?

**YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) :** Banyak lagi.

**YB Timbalan Speaker :** Duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan saya tangguhkan ke jam 9:30 pagi, 23 November 2016.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 5:10 petang.**



HARI KELIMA  
HARI RABU,  
23 NOVEMBER 2016

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT KETIGA (BAJET 2017)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

**HARI KELIMA**

**RABU, 23 NOVEMBER 2016**

**BIL. 13 TAHUN 13**

**HADIR**

YB Speaker,  
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSi., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Penfadbiran, Kewangan dan  
Perancangan Negeri, Johor.  
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., SMIJ., DSPN., PIS.  
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan  
Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.  
Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PJN., KMN., PSI.  
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat Negeri, Johor.  
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.  
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan  
Kepenggunaan Negeri, Johor.  
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI.  
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah Negeri, Johor.  
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.  
Encik Vidyananthan a/i Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.  
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.  
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.  
Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM., DSM., PSI.  
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.  
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.  
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan  
dan Warisan Negeri, Johor.  
Dato' Haji Zuikurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.  
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.  
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.  
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.  
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.  
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon  
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.  
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,  
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PJN.  
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain  
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.  
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim  
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.  
(Machap)

YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.  
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun  
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.  
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar  
(Nusajaya)

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim  
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat  
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.  
(Bukit Nanning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh  
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh  
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.  
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat, DPSM.,  
KMN.  
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminulhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon  
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin  
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh  
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim  
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)

YB Encik Tan Hong Pin  
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan  
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng  
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong  
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi  
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How  
(Pengkalan Rinting)

**TURUT HADIR**

**(MENURUT FASAL 4(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN  
NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

YB Dr. Boo Cheng Hau  
(Skudai)

**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.**

**YB Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. (Bacaan selawat). Salam sejahtera, selamat pagi, salam Muafakat Johor. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini kita sambung semula.

**JURUTULIS : SOALAN-SOALAN LISAN.**

**YB Speaker :** Yang Berhormat Gambir, jemput.

**YB Datuk M. Asojan a/l Munlyandy (Gambir) :** Selamat pagi dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 1.

Pada Februari 2016, kerajaan negeri telah melancarkan Gagasan Johor Berkemajuan yang sarat dengan idealisme dan wawasan bagi Bangsa Johor. Dalam tempoh 9 bulan ini, apakah langkah-langkah khusus yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk memastikan kejayaan gagasan ini?

**YAB Menteri Besar :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin menjawab soalan yang dibangkitkan oleh ADUN Gambir, berhubung dengan langkah-langkah khusus yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk memastikan kejayaan Gagasan Johor Berkemajuan.

Bagi menjayakan Gagasan Johor Berkemajuan, terdapat dua kategori langkah yang kita ambil.

Pertama, pelaksanaan pelbagai program penyampaian bagi menerang dan memahamkan kepada masyarakat akan agenda ini. Sekaligus menarik sokongan dan penyertaan mereka untuk bersama-sama menjayakannya.

Kedua, penggubalan dasar serta inisiatif khusus oleh kerajaan negeri untuk menjayakan Johor Berkemajuan yang mensasarkan kejayaan dari segi impak material dan perolehan fizikal.

Pertama, penyebaran idea dan pengukuhan pemahaman rakyat tentang Gagasan Johor Berkemajuan. Satu pelan komunikasi strategik telah dirancang bagi menjangkau keseluruhan 3.5 juta rakyat negeri Johor. Dan, 4 kumpulan sasar telah dikenal pasti untuk menjadi agen perubahan dan penyampai itu:

1. Penjawat awam dan anggota syarikat berkaitan kerajaan.
2. Para belia dan mahasiswa serta mahasiswi anak Johor.
3. Kumpulan NGO dan;
4. Pemimpin masyarakat.

Kumpulan penyampai sasaran ini didekati dengan pelbagai pendekatan sama ada dalam bentuk kempen pemahaman, mahu pun program-program pembangunan kapasiti melalui kursus kepimpinan serta pendedahan secara latihan. Beberapa siri jelajah dan latihan telah dilakukan sejak Februari 2016 dengan fokus diberikan kepada pemahaman peringkat awal sebelum modul latihan peringkat kedua dijalankan.

Antaranya pertama, Program Bicara Johor yang mendekati mahasiswa Johor di seluruh Malaysia termasuk beberapa universiti di luar negara seperti di United Kingdom, Mesir dan Jordan. Kesemua ini bagi memastikan mereka memahami dengan jelas gagasan ini. Sekali gus menggalakkan mereka pulang untuk berkhidmat dan menyumbang kepada Johor apabila berjaya kelak. Setakat ini program ini telah berjaya mendapatkan penyertaan anak Johor dari 13 buah universiti dan merekodkan pencapaian sejumlah 3,600 orang.

Kedua, Program Jelajah Johor Berkemajuan yang merupakan program mendekati penjawat awam, ketua masyarakat dan penggiat NGO. Program ini dilaksanakan di setiap daerah melalui Pejabat Daerah masing-masing. Sebanyak 8 daripada 10 siri telah berjaya dilaksanakan dan telah mencatat capaian sebanyak hampir 5,000 orang peserta.

Ketiga, Seminar Muafakat Pendidikan iaitu program yang mendekati golongan pendidik di negeri Johor. Sudah sebanyak 6 siri berjaya dilaksanakan dan seminar ini melibatkan sejumlah 5,000 pendidik dari seluruh negeri Johor. Melalui beberapa siri program pemahaman, kerajaan negeri Johor berhasrat memperkukuhkan keberkesanan gagasan ini dengan memastikan rakyat Johor memahaminya dengan jelas dan bersama-sama menyumbang ke arah kejayaan pelaksanaannya.

Kedua, penggubalan dasar dan inisiatif khusus di peringkat kerajaan. Pertama sekali saya harus tegaskan bahawa tidak terdapat inisiatif yang kita labelkan secara khusus atau khas sebagai pelan menjayakan Gagasan Johor Berkemajuan. Ini kerana secara tuntasnya, segala usaha kerajaan negeri selama ini sebenarnya bertujuan dan menjurus ke arah menjayakan Johor Berkemajuan. Maka, tidak akan ada satu pun usaha atau pelan tindakan kerajaan negeri yang tidak berteraskan atau berkisar tentang Johor Berkemajuan. Malah keseluruhan strategi, peruntukan serta inisiatif dalam Bajet Negeri Johor 2017 adalah usaha khusus dan langsung bagi menjayakan Gagasan Johor Berkemajuan. Bajet 2017 ini misalnya didasari oleh 3 teras utama iaitu Kemakmuran Material, Kesejahteraan Sosial serta Keperkasaaan Insan. Inilah yang menjadi intipati keseluruhan Johor Berkemajuan.

Maka, secara logik dan mudahnya, pada tahun 2017 sahaja sudah terdapat sebanyak 126 langkah khusus bagi menjayakan Johor Berkemajuan. Namun, saya juga ingin kongsi juga bahawa terdapat langkah-langkah lain yang juga telah kita ambil dan laksanakan terutamanya sepanjang tahun 2016 ini. Antaranya adalah seperti berikut :

Pertama, pengenalan dan pelaksanaan Pelan Pertumbuhan Strategik Negeri Johor dan Visi Pertumbuhan Johor. Di bawah pelaksanaan Pelan Pertumbuhan Strategik Negeri Johor ini terdapat pelbagai inisiatif yang dirancang bagi mencapai kemakmuran ekonomi dan material yang merupakan salah satu ciri Johor Berkemajuan.



Kedua, pemfokusan kepada 7 aspek penting kehidupan masyarakat Johor yang kita namakan sebagai 7 Agenda Besar Johor. Antaranya Agenda Johor Prihatin yang mana kewujudan sokongan berterusan kepada kerajaan negeri kepada aktiviti anak muda, belia, NGO serta yang berasaskan kesukarelawanan adalah sebahagian langkah khusus yang penting dan berterusan dalam Johor Berkemajuan.

Dan, kedua antara fokus, Agenda Perumahan Johor yang merupakan agenda terbesar kita. Kerana Johor Berkemajuan adalah Johor yang berupaya memastikan setiap daripada warga kita berupaya memiliki kediaman yang selesa, selamat dan berkualiti.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya berharap dengan penerangan ini kita semua dapat menyimpulkan bahawa Gagasan Johor Berkemajuan bukan sekadar slogan atau impian kosong, tetapi gagasan yang akan berjaya kita capai dan jayakan, insya-Allah. Dan, saya ingin sekali lagi menyeru kepada semua untuk sama-sama menjayakan Gagasan Johor Berkemajuan ini.

**YB Speaker :** YB Gambir, jemput.

**YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy (Gambir) :** Terima kasih kepada penjelasan yang detail oleh Yang Amat Berhormat tentang Gagasan Johor Berkemajuan. Dan, saya tertarik kepada 126 langkah-langkah khusus yang telah diambil untuk menjayakan Gagasan Johor Berkemajuan sehingga 9 bulan ini. Soalan saya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sejauh mana langkah-langkah ini telah membawa kepada kerancakan dan pelaburan ekonomi di negeri Johor setakat ini? Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput.

**YAB Menteri Besar :** Tan Sri Speaker, seperti yang telah dinyatakan bahawa Gagasan Johor Berkemajuan ini dan juga ditekankan dalam bajet mempunyai 3 teras utama, yang mana perlu ada keseimbangan antara ketiga-tiga ini dan apabila ada keseimbangan ini maka barulah boleh kita katakan bahawa Johor benar-benar sebagai sebuah negeri yang maju.

Salah satu daripada teras utama itu adalah kemakmuran material. Tanpa kemakmuran material tidak mungkin kita boleh membawa kesejahteraan sosial dan tidak mungkin kita mempunyai kemampuan untuk memperkasakan insan. Dan, kemakmuran material ini antara lain bergantung, selain daripada saya katakan tadi pelan pertumbuhan strategik, ia juga bergantung kepada pelaburan yang dilakukan dalam negeri Johor. Dan, memang ini satu perkara yang penting. Atas sebab itulah semasa saya menjawab Yang Berhormat daripada Buloh Kasap, baru-baru ini saya beritahu mengenai jumlah pencapaian pelaburan di Johor sehingga bulan Jun 2016.

Dan, pada hari semalam, pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri telah pun mengumumkan ataupun menunjukkan dalam maklumat yang dikeluarkan pencapaian sehingga bulan September 2016. Dan, suka saya umumkan dalam Dewan yang mulia ini, mengenai pencapaian negeri Johor untuk pelaburan dalam sektor pembuatan sehingga bulan September 2016, jumlah pelaburan di Johor adalah sebanyak RM17.992 bilion (dewan bertepuk). Dalam bulan Jun, RM5.4 bilion tapi

sehingga bulan September, kita belum akhir tahun lagi, RM17.992 bilion. Pelaburan asing, RM8.56 bilion dan pelaburan daripada dalam negara, *domestic direct investment*, dengan izin RM9.4 bilion. Dengan angka itu, Johor jauh meninggalkan negeri-negeri yang lain.

Negeri yang kedua mendapat pelaburan ialah berjumlah RM3.8 juta berbanding dengan kita RM17.9 bilion, RM3.8 bilion adalah negeri Selangor. Dan, negeri ketiga ialah RM3.7 bilion, negeri Pulau Pinang. Jadi kita jauh tinggalkan. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker :** Rengit, jempit.

**YB Tuan Haji Ayub Bin Jamil (Rengit) :** Terima kasih Tan Sri Speaker dan tahniahlah kepada Yang Amat Berhormat atas penjelasan tentang Gagasan Johor dan penjelasan tentang jumlah pelaburan yang masuk ke Johor sehingga September bernilai RM17.99 bilion. Kita berada di nombor satulah di peringkat nasional. Tahniah, Yang Amat Berhormat.

Tadi disebut dengan jelas, dalam penjelasan Gagasan Johor Berkemajuan, salah satu strateginya ialah disebut Pelan Pertumbuhan Strategik yang merupakan salah satu yang dirancang oleh kerajaan negeri Johor. Kita tak nak dalam usaha kita nak membangun, nak menjayakan Gagasan Johor Berkemajuan ini hanya sebelah selatan saja yang akan dapat kemakmuran. Bagaimana pula perancangannya di peringkat daerah? Jadi, apa yang dirancang oleh kerajaan negeri di bawah Pelan Pertumbuhan Strategik di daerah Batu Pahat, Muar dan daerah-daerah lain supaya dengan adanya kemakmuran bersama ini di setiap daerah, saya yakin Gagasan Johor Berkemajuan ini akan memberi kemakmuran yang melimpah dan Johor akan bertambah makmur pada masa akan datang. Itu soalan saya, Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Rengit. Kerajaan sedar bahawa selama ini ada kebimbangan dan ada pandangan supaya pertumbuhan di Johor ini tidak hanya berpusat di kawasan Iskandar, di selatan negeri Johor. Maka, bagi menangani soal ini atas sebab itulah antara lain kerajaan negeri melahirkan pelan pertumbuhan strategik negeri Johor yang sebenarnya menyediakan inti pati pertumbuhan yang khusus dan berbeza untuk setiap 10 daerah. Berdasarkan kekuatan setiap daerah yang unik dan penyerlahan aktiviti ekonominya. Dengan adanya pelan ini, ia akan membuka ruang untuk setiap daerah membentuk projektor ekonomi mereka yang tersendiri tetapi dalam masa yang sama terus di jajar dengan keseluruhan hala tuju dan keutamaan negeri dan juga negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini semua 10 daerah telah menubuhkan Majlis Pertumbuhan Daerah masing-masing yang diterajui oleh Pegawai Daerah serta yang melibatkan pihak kerajaan termasuk institusi pengajian tinggi, termasuk pihak swasta, pihak peniaga, usahawan, agensi-agensi negeri dan pemimpin-pemimpin masyarakat. Dan, untuk makluman semua di ketika ini kesemua majlis telah pun merangka dan merumuskan dengan jelas bidang pertumbuhan strategi masing-masing bidang tujuhan, *need area* dengan izin, serta juga bidang keberhasilan utama yang perlu diberi tumpuan inisiatif strategi yang perlu digerakkan dan inisiatif berbentuk projek dan program yang dapat dilaksanakan dengan pantas di peringkat daerah.

Dan, kerana yang menanyakan adalah ADUN dalam daerah Batu Pahat, maka izinkan untuk saya menyatakan bagi daerah Batu Pahat kluster ekonomi yang telah ditetapkan ini ditetapkan oleh daerah sendiri bukan kerajaan negeri yang paksa ataupun yang buat dan rangka rancangan itu. Dan, kluster itu berasaskan kekuatan yang ada di Batu Pahat antara lain adalah pembuatan ringan berteknologi tinggi serta pemrosesan makanan moden yang akan memberi manfaat pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana supaya mereka lebih kuat, kukuh, mantap dan seterusnya boleh bertumbuh dan menjana kekuatan ekonomi daerah Batu Pahat, menyumbang kepada kekuatan Johor dan menyumbang kekuatan dan pertumbuhan ekonomi dalam negara Malaysia. Jadi, itu sebenarnya apa yang telah dan sedang berlaku di setlap daerah pada hari ini saya berharap Wakil-Wakil Rakyat semua menyokong usaha-usaha daerah masing-masing. (Dewan ketawa).

**YB Speaker :** Yang Berhormat Rengli Jemput.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 2.

Minta penjelasan jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan oleh Yayasan Pelajaran Johor kepada pelajar IPTA dari tahun 2013 hingga 2015. Berapakah jumlah hutang tertunggak pinjaman YPJ sehingga September 2016?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yayasan Pelajaran Johor merupakan sebuah badan berkanun di bawah kerajaan negeri Johor yang memainkan peranan dalam usaha menyumbang ke arah pendidikan. Ia berperanan memberikan pinjaman serta membantu untuk menampung keperluan pelajar dalam melahirkan kecemerlangan pelajaran selaras dengan Enakmen 8 Tahun 1982.

Pada tahun 2013 Yayasan Pelajaran Johor telah mengeluarkan pinjaman kepada 582 orang pelajar, tahun 2014 seramai 724 orang pelajar dan seterusnya pada tahun 2015 seramai 310 orang pelajar. Jumlah keseluruhan pelajar yang telah ditaja dari tahun 2013 hingga 2015 adalah seramai 1,616 pelajar dengan nilai pinjaman sebanyak RM9.5 juta.

Kalau kita pecahkan mengikut tahun pada tahun 2013 jumlah pinjaman yang dikeluarkan adalah sebanyak RM3.18 juta, tahun 2014 meningkat kepada RM4.48 juta dan seterusnya pada tahun 2015 hanya RM1.84 juta. Pada tahun 2015 jumlah tajaan bagi pelajar institut pengajian tinggi awam adalah berkurangan kerana Yayasan Pelajaran Johor menerima permohonan yang tinggi daripada sekolah swasta yang terpilih iaitu Kolej Yayasan Pelajaran Johor dan juga MARSAH.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam usaha Yayasan Pelajaran Johor membantu pelajar anak Johor membiayai pengajian mereka, kita juga tidak lari daripada masalah dalam mengutip semula pinjaman yang telah diberikan kepada para peminjam. Sehingga September 2016 seramai 7,370 orang peminjam yang mempunyai tunggakan hutang pinjaman Yayasan Pelajaran Johor dengan nilai sebanyak RM19.89 juta.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Rengit Jemput.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Yang Berhormat Tan Sri, terima kasih atas jawapan EXCO dan terima kasih atas usaha-usaha yang dibuat untuk memberikan pinjaman dan juga kutip pinjaman, tadi disebut ada 7,000 pelajar yang meminjam masih lagi tertunggak. Kita tahu sekarang ini keadaan hidup, kos sara hidup meningkat dan ada setengah peminjam ni baru memulakan kerja. Dengan keadaan ekonomi yang agak suram serta kos sara hidup yang meningkat kepada mereka yang bertanggungjawab nak membayar hutang tapi mungkin dalam jumlah yang agak kecil yang bersesuaian dengan pendapatan mereka dengan kos sara hidup mereka, ada tak insentif yang diberikan atau perbincangan perundingan supaya pembayaran mereka dapat dijadualkan semula.

Nanti kalau YPJ tak kutip hutang ni, ada orang tuduh kita tak bertanggungjawab sebab semalam ada Ahli Dewan menyatakan rizab banyak pun salah. Kalau kita tak kutip hutang pun dia kata salah. Jadi, dalam keadaan sekarang sesuai dengan suasana sekarang, jadi apa insentif dan juga langkah-langkah yang diambil untuk mengutip hutang dalam masa yang sama kita dapat meringankan beban peminjam tadi. Terima kasih Tan Sri.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, antara langkah-langkah yang dilakukan oleh Yayasan Pelajaran Johor ialah pada tahun 2015 kita telah beri tawaran diskaun sebanyak 25% kepada peminjam yang membuat pembayaran penuh dan pada tahun 2016 kita juga beri diskaun bayaran balik pada yang bayar penuh sebanyak 20%. Daripada langkah ini pada bagi inisiatif pemberian 20% untuk bayaran penuh sehingga suku ketiga tahun 2016 Yayasan Pelajaran Johor telah berjaya mengutip sebanyak RM2.2 juta daripada 500 peminjam berbanding dengan sasaran awal iaitu RM1.5 juta.

Bagi antara langkah-langkah lain untuk penjadualan semula kita mengambil kira soal yang disebutkan oleh Yang Berhormat Rengit tadi tentang ada setengah menghadapi masalah, apa nama ni, gaji rendah dan sebagainya. So, untuk penjadualan semula kita menawarkan persetujuan kalau dia datang pada kita, sebagai tanda dia, kita nak lepaskan daripada tindakan-tindakan pergi mahkamah dan sebagainya, peminjam bayar RM300.00 maka kita buka fail dan kita apa nama ni, bagi untuk mereka buat penjadualan semula.

Selain daripada itu untuk mempermudah mereka melakukan pembayaran balik Yayasan Pelajaran Johor juga telah mempelbagaikan kaedah pembayaran balik termasuklah perbankan secara *online*, pembayaran di kaunter bank, *jom pay*, pemotongan gaji dan juga pemotongan KWSP. So, kita harapkan dengan usaha-usaha ini akan memberi ruang dan peluang kepada peminjam untuk membayar balik pinjaman mereka.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Maharani jemput.

**YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani)** : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Kalau kita lihat tunggakan sejumlah RM19.89 juta ini, Maharani ingin tahu sejak bilakah tunggakan ini berlaku dan apakah alasan-alasan yang diberikan oleh peminjam yang bertuah ini yang tidak dapat menyelesaikan pinjamannya serta apakah alasan-alasan mereka sebenarnya. Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pinjaman tunggakan ini saya tak dapat data dia yang dilampirkan, tetapi antara alasan yang diberikan peminjam ini kadang-kadang memang tak logik Tan Sri Speaker, Bila kita hubungi antaranya mengatakan dia tak perasan yang Yayasan Pelajaran Johor ini pinjamannya kena perlu bayar balik. Alasan ini memang tak logik, itu antara yang kita dapat hubungi.

Kedua, ramai di kalangan peminjam ini terputus hubungan, sebab bila kita rujuk pada rekod pinjaman alamat ataupun nombor telefon yang ada dalam perjanjian pinjaman itu banyak yang dah berubah, dah pindah, mungkin kerja tempat lain dan sebagainya.

Ketiga, sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Rengit tadi, ada sebilangan mereka memberikan alasan masalah kewangan, ada yang tunjukkan bahawa lepas dia bayar rumah dan sebagainya jumlah gaji yang tinggal tu dah sedikit. Sebab tu dalam penjadualan semula kita bagi yang paling minimum iaitu RM300.00 dibenarkan untuk bayar pinjaman.

So, selain daripada itu ada juga peminjam-peminjam tegar yang kita dapat hubungi dan dia ni degil, pun tak nak bayar, so kumpulan ini kita telah ambil tindakan sama ada melalui tindakan saman, tindakan undang-undang di mahkamah dan juga menyenaraikan hitamkan mereka ini dalam senarai CITOS.

**YB Speaker** : Yang Berhormat Tenang jemput.

**YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang)** : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 3.

Apakah strategi Majlis Sukan Negeri Johor (MSNJ) dan persatuan-persatuan sukan negeri dalam memastikan Johor sebagai sebuah negeri yang boleh memberi saingan terutamanya SUKMA akan datang. Ini berdasarkan prestasi semasa pencapaian atlet Johor dalam segelintir sukan masih jauh ketinggalan?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menjawab soalan. Setelah beberapa hari inilah saya untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat ADUN Tenang. Soalan Yang Berhormat ADUN Tenang iaitu berkenaan bagaimana cara untuk memastikan Johor sebagai negeri yang memberi saingan terutamanya pada SUKMA yang akan datang. Saya melihat bahawa kejohanan SUKMA ini adalah merupakan satu penanda aras pada pencapaian sukan pada atlet-atlet yang di bawah umur 21 tahun.

Jadi, kerajaan negeri Johor melalui Majlis Sukan Negeri Johor pada hari ini telah bersedia untuk kita membuat perancangan dan juga program-program bagi kita mencapai kejayaan cemerlang terutamanya pada tahun 2018 iaitu SUKMA akan berlangsung di Perak dan pada tahun 2020 iaitu semua sedia maklum iaitu negeri Johor telah terpilih sebagai tuan rumah untuk SUKMA. Sebagai tuan rumah untuk tahun 2020 negeri Johor mestinya menjadi negeri yang cemerlang, gemilang dan juga terbilang dan juga perlu menjadi pesaing kuat pada negeri-negeri yang lain.

Untuk itu, Majlis Sukan Negeri Johor telah merancang beberapa perkara yang boleh ditambah baik bersama persatuan-persatuan negeri demi kecemerlangan sukan negeri Johor. Antara perkara utama yang akan dilaksanakan ialah menubuhkan sekretariat SUKMA 2020 yang akan melihat tentang 3 aspek utama iaitu pembangunan atlet, pembangunan infrastruktur dan penganjuran sepanjang kejohanan SUKMA itu sendiri.

Berbalik kepada strategi yang dibangkitkan kita telah merancang 4 strategi utama iaitu antara cadangan-cadangan penambahbaikan persatuan-persatuan sukan negeri:-

Pertama, memantapkan sistem kejurulatihan iaitu jurulatih-jurulatih di bawah persatuan-persatuan sukan. Kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat ada melayari media sosial saya ingat di bawah Majlis Sukan Negeri Johor kita pun telah membuat tawaran kepada sesiapa yang berminat untuk menjadi jurulatih pada acara-acara dalam SUKMA. Perkara ini juga telah dibangkitkan oleh rakan kita iaitu Yang Berhormat Stulang iaitu kalau tak ada aral melintang esok saya akan menjawab. Iaitu kejurulatihan merupakan aspek yang cukup penting yang perlu menjadi fokus utama dalam pembangunan atlet. Kita perlu akui bahawa tahap kejurulatihan kita masih di tahap yang belum mencukupi untuk membawa kejayaan yang lebih cemerlang pada masa akan datang.

Oleh itu pelaburan yang lebih besar kepada pembangunan kejurulatihan perlu dilakukan termasuk mendapatkan kepakaran dari luar negara khususnya dalam acara sukan-sukan yang tertentu. Jurulatih-jurulatih yang berkualiti untuk setiap jenis sukan sedang dikenali pasti lebih awal dan sebahagiannya pun telah dilantik. Lantikan awal ini iaitu dalam tempoh antara 2 atau 4 tahun yang mana amat penting bagi membolehkan kesinambungan latihan kepada para atlet dapat dijalankan dengan lancar dan juga lebih berkesan.

Antara jurulatih berkualiti yang telah dilantik iaitu kebanyakan daripada mereka adalah bekas atlet kebangsaan. Contohnya, seperti Nordin Jadi, M. Ramachandran dan juga Mahadi Mahat bagi sukan olahraga, Yap Kim Hock dalam sukan badminton dan juga Jamil Kadron dalam sukan berbasikal. Selain daripada jurulatih dari dalam negara, negeri Johor juga telah mendapatkan kepakaran jurulatih dari luar negara iaitu dalam sukan angkat berat daripada negara Indonesia, sukan akuatik untuk renang dan terjun daripada negara China; sukan menembak daripada negara Rusia dan sukan wusyu daripada negara China. Mereka yang dilantik awal ini hanya melibatkan sukan-sukan yang boleh membantu negeri Johor bagi menyumbang pingat yang banyak seperti sukan olahraga, memanah, menembak, wusyu, tekwando, akuatik, tenpin bowling dan juga petanque.

Perkara yang kedua, iaitu kita berusaha untuk menambah baik pelaksanaan program latihan atlet. Yang mana sukan negeri Johor kini dibangunkan secara lebih sistematik iaitu melibatkan pembangunan suka di peringkat awal usia melalui strategik lautan biru, dengan kerjasama strategik antara Majlis Sukan Negeri Johor, persatuan-persatuan sukan dan juga Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

Antara program yang dilaksanakan adalah penganjuran sirkuit olahraga negeri Johor sudah dimulakan semenjak tahun 2014 lagi. Saringan dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor untuk mengenal pasti atlet-atlet muda yang berbakat dan mereka akan ditempatkan di Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail dan juga Sekolah Tun Husseln Onn serta di 22 buah pusat latihan daerah iaitu di sekolah-sekolah yang terlibat dengan pembangunan sukan prestasi tinggi seperti Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Gading, Batu Pahat, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Mohamad Yunus Sulaiman di Pontian dan juga Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Kota Puteri di Pasir Gudang. Atlet-atlet dari serata negeri Johor ini kemudiannya akan bertanding dalam sirkuit olahraga dengan tiga kejohanan setahun sebagai pendedahan dan medan menguji prestasi mereka dari masa ke semasa.

Program pembangunan jangka panjang ini akan diperluaskan lagi, melibatkan acara-acara sukan yang lain, yang dikenali sebagai program Johor Gemilang 2020.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, yang telah mengumumkan suntikan dana sebanyak RM505,000.00 dalam pembentangan Bajet Johor pada hari Khamis yang lalu bagi tujuan mencungkil bakat dan pembangunan atlet melalui program Johor Gemilang 2020 ini.

Manakala perkara yang ketiga iaitu kita juga telah merancang untuk membuat pelaburan terhadap peralatan serta kemudahan latihan. Peralatan dan kemudahan latihan merupa dua aspek yang amat penting untuk kita memastikan atlet-atlet kita benar-benar bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran di dalam pertandingan. Di antara faktor-faktor yang menjadi tunjang kepada kejayaan negeri-negeri di Sukan Malaysia ialah keberanian negeri tersebut membuat pelaburan di dalam soal peralatan dan juga kemudahan latihan. Bagi tahun yang tiada penganjuran SUKMA seperti tahun 2017 dan juga tahun 2019, peruntukan kerajaan negeri yang disalurkan kepada Majlis Sukan Negeri Johor akan lebih digunakan untuk membeli peralatan dan juga menyediakan kemudahan latihan.

Terima kasih sekali lagi juga saya ingin mengucapkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah mengumumkan pembinaan kompleks sukan Lee Chong Wei International Sports City dengan pelaburan sebanyak RM100 juta dan juga stadium Sports City di kawasan Mount Austin dengan pelaburan sebanyak RM89 juta. Sudah pasti inisiatif ini akan menyediakan tempat latihan yang lebih selesa kepada atlet-atlet agar mereka beri fokus kepada latihan dan pertandingan untuk kecemerlangan sukan negeri Johor pada masa yang akan datang.

Manakala perkara yang terakhir iaitu mewujudkan sistem pemantauan yang berkesan bagi atlet-atlet yang mewakili negara. Satu konsep dan hubungan khusus perlu dilakukan kepada atlet-atlet di bawah program Majlis Sukan Negara dan juga Sekolah

Sukan Bukit Jalil. Melalui hubungan ini, di harap agar para jurulatih dan atlet juga menetapkan sasaran kemenangan di temasya sukan Malaysia adalah merupakan salah satu sasaran penting mereka. Untuk menjamin atlet Johor ini terus cemerlang, mereka juga telah diberi pelbagai insentif antaranya insentif penyertaan, insentif kemenangan dan juga kecemerlangan tidak kira sama ada mereka mewakili negeri dalam SUKMA, negara dalam sukan SEA, sukan Komanwel mahupun sukan Olimpik.

Pada tahun 2016 sahaja, kerajaan negeri Johor telah memberi insentif kecemerlangan kepada 3 atlet yang mengharumkan negeri Johor dalam acara sukan iaitu yang pertama, kepada Muhamad Farhan bin Mohd Haron yang merupakan bekas atlet SUKMA Johor. Beliau merupakan satu-satunya peninju profesional di Malaysia dan beliau telah berjaya dalam perlawanan merebut tali pinggang *World Boxing Council* (WBC) dalam kategori berat badan bawah 90.91 kilo. Yang kedua kepada Tan Wee Keong, yang mana Tan Wee Keong ini merupakan atlet kelahiran Johor yang telah berjaya mendapat pingat Perak di sukan Olimpik Rio 2016 dalam acara beregu lelaki. Dan yang ketiga kepada Siti Noradiah binti Ismail, yang mana telah mengharumkan nama negara memenangi pingat Gangsa bagi acara lompat jauh P20 seterusnya mencipta rekod baru kejohanan dalam sukan Paralimpik di Rio 2016.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih, yang mungkin antara rakan-rakan Yang Berhormat telah maklum iaitu Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri telah mengumumkan biasiswa kepada 5 atlet yang melanjutkan pelajaran di peringkat pengajian tinggi bernilai RM7,000.00 setahun melalui Yayasan Pelajaran Johor. Ini sebagai penghargaan kepada atlet Johor yang cemerlang dalam sukan untuk melanjutkan pelajaran mereka. Insya-Allah segala yang dilaksanakan ini akan membawa kepada kecemerlangan kontinjen Johor dalam SUKMA terutamanya SUKMA 2020. Terima kasih.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Tenang, jemput.

**YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih atas jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat EXCO Belia dan Sukan Negeri. Kita telah pun melihat secara keseluruhan pencapaian kontinjen Johor dalam SUKMA Sarawak di mana menyumbang sebanyak 19 pingat Emas. Walaupun kita tahu, pencapaian yang dinyatakan ini masih kurang daripada sasaran yang kita tetapkan. Walau bagaimanapun, kita ucapkan syabas dan tahniah kepada persatuan-persatuan atlet-atlet negeri Johor yang telah berjaya membawa harum nama negeri Johor dan juga kita berhasrat menduduki antara tiga tempat terbaik lebih-lebih lagi pada tahun 2020 di mana Johor akan menjadi langsungnya tuan rumah di SUKMA akan datang. Jadi soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah ataupun inisiatif daripada pihak Majlis Sukan Negeri untuk mengesan atau mengasah bakat atlet-atlet muda yang mempunyai potensi yang tinggi untuk kita tonjolkan atau kita ketengahkan di peringkat yang lebih tinggi di negeri Johor? Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat ADUN Tenang. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebenarnya di kejohanan SUKMA kita mempunyai 24 acara iaitu kita akui bahawa pencapaian negeri Johor dalam SUKMA



Sarawak 2016 memang tidak menepati sasaran yang telah ditetapkan. Iaitu kita telah menasaskan 30 pingat emas, tetapi kita telah capai 19 pingat emas. Jadi, di situ kita lihat beberapa kekurangan dan kita telah kenal pasti beberapa kelemahan, kelemahan bukan sahaja daripada segi soal kejurulatihan tetapi kita perlu melihat juga soal atlet-atlet yang berunding dalam SUKMA 2016 yang lepas.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat bahawa hari ini mungkin kita melihat dari segi pencapaian kita hanya memberikan tumpuan kepada atlet SUKMA, iaitu atlet yang normal iaitu sebanyak 24 acara yang mereka sertai. Tetapi kita lihat sebenarnya kita tidak boleh melupakan pencapaian atlet-atlet OKU, atlet kelainan upaya yang mereka sendiri telah mencapai kejayaan yang begitu cemerlang. Mereka menasaskan 20 pingat emas ketika untuk kejohanan sukan Paralimpik Sarawak 2016 dan mereka telah mencapai 30 pingat emas iaitu melebihi sasaran yang telah ditetapkan. Ini merupakan kejayaan bukan sahaja kepada atlet yang normal dan juga kepada OKU sahaja, ini merupakan satu kejayaan kepada negeri Johor. Yang mana negeri Johor melalui kerajaan negeri Johor dan juga yang telah di uruskan oleh Majlis Sukan Negeri Johor, telah melakukan program sukan yang seimbang melibatkan semua jenis apa, kategori untuk orang normal dan juga orang kelainan upaya.

Untuk pengetahuan Ahli-Ahli Yang Berhormat, bahawa dalam peringkat awal ini kita mempunyai masa 4 tahun untuk kita menghadapi SUKMA 2020. Dan kita hari ini, kita mempunyai 47 persatuan sukan. Dan persatuan-persatuan yang terlibat dalam SUKMA hanya 24 persatuan sukan iaitu 19, untuk 19 acara wajib dan 5 untuk acara pilihan. Tetapi saya difahamkan oleh pihak Majlis Sukan Negara dan masih belum diluluskan bahawa untuk SUKMA yang akan datang difahamkan akan membuat tambahan hingga 10 acara. Jadi, untuk peringkat awal, kita telah melihat bahawa perancangan ini perlu disusun secara rapi. Dan seperti yang saya sebut tadi seperti melibatkan kejohanan-kejohanan di peringkat negeri Johor. Yang mana seperti olahraga yang seperti saya sebut tadi iaitu kita telah menganjurkan sirkuit olahraga. Sirkuit olahraga ini sahaja sebenarnya telah mencungkil bakat-bakat daripada peringkat akar umbi, iaitu melibatkan pelajar-pelajar yang berumur 15 tahun ke bawah. Yang mana untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, masa kejohanan Majlis Sukan Sekolah Malaysia sendiri, negeri Johor yang diwakili oleh atlet-atlet daripada Sekolah Sukan Tun Hussein Onn telah mencapai 4 pingat emas. Ini merupakan kejayaan yang luar biasa hasil daripada program, program di peringkat akar umbi yang telah kita laksanakan.

Jadi, kita harap dengan sebahagian daripada program-program ini, kita pun telah, sedang dalam peringkat akhir untuk kita menyiapkan kita punya strategi-strategi bagi kita mencapai bukan sahaja kita sebagai hanya untuk menyertai SUKMA, tetapi kita boleh menjadi 3 tempat yang teratas di dalam SUKMA 2020 pada tahun 2020 nanti.

Jadi, saya harap dengan adanya program-program yang lebih, lebih konsisten daripada setiap persatuan, kerana kita anggap bahawa 24 persatuan yang terlibat dalam kejohanan SUKMA ini merupakan persatuan emas. Kerana merekalah sebenarnya acara-acara yang dipilih untuk kita adakan dalam SUKMA. Jadi, kita insya-Allah kita akan sentiasa memberi, mendengar setiap daripada laporan, daripada persatuan dan juga daripada atlet, untuk kita lihat bahawa keperluan yang kita perlu sediakan pada SUKMA 2020.

Dan untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bahawa untuk kita seperti yang saya sebut tadi, daripada segi peralatan dan juga kemudahan latihan. Sebenarnya tidak dinafikan bahawa daripada segi kos yang kita sediakan kepada persatuan-persatuan sebenarnya amat tinggi. Seperti yang saya sebut iaitu untuk tahun 2017, kita tidak mempunyai kejohanan SUKMA. 2019 kita tidak kejohanan SUKMA tetapi kita telah menyediakan hampir RM4 juta untuk persatuan-persatuan sukan yang ada dalam negeri Johor bagi menyediakan peralatan dan juga kemudahan-kemudahan latihan untuk mereka.

Ini sebenarnya bergantung kepada persatuan-persatuan untuk mereka melihat bagaimana tanggungjawab mereka untuk memastikan bukan sahaja untuk membawa nama persatuan tetapi maruah negeri Johor sebagai untuk kita menunjukkan bahawa kita boleh mencapai pingat emas dalam SUKMA yang akan datang, Insya-Allah.

**YB Speaker :** Jemput. Stulang.

**YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) :** Terima kasih Tan Sri Speaker dan terima kasih dengan jawapan yang diberikan. Sebagaimana yang kita sedia maklum sukan ini salah satu aspek yang penting adalah pendedahan. Selain kita mengimport jurulatih dan mengupah jurulatih yang berkualiti, adakah, apakah inisiatif ataupun inisiatif untuk mendedahkan para-para atlet, ataupun mereka yang masih muda lagi di peringkat awal untuk dihantar ke luar negara ataupun di negeri-negeri lain supaya mereka di dedahkan dengan pertandingan-pertandingan, ataupun pertandingan persahabatan supaya mereka lebih berkeyakinan apabila berdepan dengan temasya-temasya sukan di mana, pada pendapat saya, berhadapan dengan orang cakap, sama ada yakin atau tidak yakin dalam suasana pertandingan adalah sangat penting.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan :** Terima kasih, saya dah beritahu Adun Stulang esok saya jawab. Terima kasih. Tadi saya ada maklumkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat dari segi pendedahan ini, kita bukan sahaja mengharapkan kejohanan yang dianjurkan oleh Majlis Sukan Negeri Johor dan juga Majlis Sukan Negara.

Jadi, kalau Yang Berhormat lihat bahawa daripada segi persiapan kita, untuk kita mencungkil bakat, selain mencungkil bakat kita memberi pendedahan kepada mereka untuk menyertai kejohanan-kejohanan mungkin di peringkat yang tertinggi, kita telah bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Sebab itu saya katakan di mana-mana pun bahawa daripada segi kemampuan Majlis Sukan Negeri Johor dengan kakitangan yang terhad, kita mungkin tidak mampu untuk kita mengadakan program sehingga ke peringkat akar umbi. Jadi, dengan kerjasama pintar antara pihak Majlis Sukan Negeri dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor, kita telah memberikan kerjasama dalam program Majlis Sukan Sekolah Cawangan, Majlis Sukan Sekolah Daerah, Majlis Sukan Sekolah Johor sehingga ke Majlis Sukan Sekolah Malaysia. Kerana penyertaan daripada atlet-atlet adalah bermula daripada peringkat sekolah.

Jadi, di situ kita lihat bahawa dengan kerjasama yang baik ini, dan saya ucap terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan mereka telah memberi kerjasama yang baik. Dan, kita lihat bahawa atlet-atlet di peringkat akar umbi ini, kita boleh cungkil bakat mereka. Jadi, dengan komitmen daripada kerajaan negeri Johor pada mulai tahun 2016, kita pun telah memberi bantuan daripada segi peruntukan kewangan iaitu untuk Majlis Sukan Sekolah Daerah, kita memberi RM5,000.00 untuk setiap daerah, untuk Majlis Sukan Sekolah Negeri Johor kita telah memberi peruntukan RM50,000.00 iaitu atas dasar kerjasama kita antara Majlis Sukan Negeri Johor dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

Dan, juga kejohanan-kejohanan yang disertai adalah bergantung kepada permohonan daripada persatuan-persatuan. Contohnya, untuk acara olahraga, kita pun selalu menerima jemputan daripada negara Thailand iaitu kita menyertai sirkuit olahraga Thailand yang mana kejohanan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada atlet-atlet olahraga yang ada. Dan juga kepada setiap persatuan yang lain, kita sentiasa menerima permohonan dan kita pun memantau dan juga kita menapis setiap kejohanan yang ingin disertai oleh persatuan-persatuan. Kerana kebanyakan kejohanan yang ingin disertai tidak mendapat pengiktirafan daripada Majlis Sukan Negara. Sebab itu, Ahli-Ahli Yang Berhormat, bahawa soal peruntukan, soal kejohanan disertai sebenarnya tidak memainkan peranan yang utama kerana saya ambil contoh untuk persiapan SUKMA. Kalau kita lihat ketika SUKMA 2016 kan, walaupun kita membelanjakan hampir RM8 juta hingga RM9 juta dari segi peralatan, persiapan dan sebagainya, saya lihat bila setengah negeri itu dia belanjakan hanya RM3.5 juta untuk menghadapi SUKMA, tapi mereka mengutip pingat emas yang hampir sama.

Jadi, soal peruntukan, soal kemudahan ini kita mengambil lihat bahawa banyak atlet-atlet yang hebat contohnya dari negara Jamaica, dengan negara yang mempunyai atlet-atlet yang berkualiti, ya Jamaica ya, minta Datuk Ayub, Jamaica. Walaupun dengan kemudahan sukan yang tidak hebat, kemudahan sukan yang mungkin tidak boleh bersaing dengan negara-negara yang maju seperti Amerika, tetapi mereka boleh melahirkan atlet-atlet yang hebat, lari bawah 9.5 saat dalam 100 meter, bukan kata seorang tapi lebih daripada seorang. Tapi ini menunjukkan bahawa setiap kemudahan sukan ni memang dia mempunyai faktor dalam melihat kejayaan seseorang atlet, tetapi jiwa dan juga semangat atlet itu mesti besar. Jadi, itulah yang kita akan tanamkan untuk kita menghadapi SUKMA 2020.

Dan, saya melihat bahawa dengan adanya daripada segi mungkin kita rangkumkan antara kemudahan, perjalanan atlet, insya-Allah kita dalam 2020 nanti tidak mustahil dan sebab itu saya selalu tekankan persiapan negeri Johor selepas SUKMA bukan hanya kepada atlet yang normal. Sebab itu kadang Ahli-Ahli Yang Berhormat dan saya sendiri pun kadang memula terlepas pandang, tetapi sebenarnya mereka juga memainkan peranan utama. Contohnya ketika Olimpik Rio, kita lihat yang kita sasarkan atlet yang normal, tapi akhirnya mereka yang kelainan upaya yang menaikkan imej dan nama negara kita. Termasuk di negeri Johor di Kejohanan Sukan Paralimpiad, daripada 20 sasaran pingat emas dapat 30 dan yang normal daripada 30, kita dapat 19. Itu kita akui dengan kelemahan tapi untuk kita membangunkan atlet ini bukan gunakan masa satu hari. Ibarat kita membina rumah, kita tak boleh siapkan rumah satu hari. Tetapi ini tanggungjawab saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Belia Sukan bahawa apa juga kejayaan, apa juga yang kita perolehi itu akan menjadi

kita punya penyuntik semangat kita pada masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Pasir Raja, jemput.

**YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Terima kasih Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 4.

Mohon pencerahan terhadap isu pekerja asing yang melimpah masuk ke negeri kita dalam industri pembuatan dan perladangan serta nyatakan kebimbangan kita terhadap limpahan ini dan kesan negatifnya.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia :** Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pertama sekali saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini, sepanjang tahun 2015, pendatang, pekerja asing yang sah yang bekerja di negeri Johor statistiknya ialah seramai 124,138 orang, manakala setakat Oktober 2016, seramai 61,630 orang bekerja di negeri Johor.

Secara amnya hasrat kerajaan untuk membenarkan penggajian pekerja asing adalah merupakan langkah sementara sahaja bagi memenuhi keperluan pihak industri terhadap keperluan tenaga kerja yang tidak diisi oleh pekerja tempatan. Walau bagaimanapun, terdapat banyak impak dan kesan terhadap penggajian pekerja asing dan antaranya ialah seperti, pertama sekali ia mengurangkan peluang pekerjaan terhadap pekerja tempatan. Kebanyakan majikan mendakwa bahawa mereka sukar untuk mendapatkan pekerja tempatan bagi mengisi kekosongan jawatan di syarikat mereka. Terdapat juga majikan yang lebih cenderung untuk menggaji pekerja asing kerana berpendapat bahawa pekerja asing ini lebih rajin bekerja dan boleh membuat kerja-kerja lebih masa termasuk pada hari cuti rehat. Ini menyebabkan kurang peluang pekerjaan ditawarkan kepada pekerja tempatan sedangkan pihak majikan perlu sedia maklum bahawa pekerja asing yang bekerja di negara ini tidak sebenarnya mempunyai komitmen seperti keluarga dan sebagainya berbanding dengan pekerja tempatan.

Impak yang kedua ialah dari segi ekonomi. Melalui lambakan penggajian pekerja asing yang menyebabkan pengeluaran mata wang negara yang di hantar ke negara luar dengan banyak dan ia juga memberi impak terhadap ekonomi negara.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, impak seterusnya adalah kadar gaji yang stagnant, dengan izin. Dengan lambakan pekerja asing yang banyak di negara ini, kadar gaji terhadap pekerja tempatan akan menjadi stagnant, dengan izin. Ini kerana pihak majikan mempunyai pilihan sama ada untuk menaikkan kadar gaji pekerja tempatan yang telah bekerja lama dengan mereka atau menggajikan pekerja asing yang baru bekerja yang mempunyai kadar gaji yang lebih rendah.

Seterusnya ialah masalah kesihatan. Kemasukan pekerja asing yang banyak juga menyebabkan wujudnya penyakit yang merbahaya seperti TB dan sebagainya. Setiap pekerja asing yang bekerja secara sah di negara ini akan menjalani pemeriksaan kesihatan oleh FOMEMA. Walau bagaimanapun, bagi pekerja asing yang tidak sah,

yang bekerja di negara ini tidak menjalani pemeriksaan kesihatan tersebut dan selalunya inilah golongan yang sebenarnya membawa penyakit ke negara kita ini.

Dan masalah yang paling ketara dan paling banyak memberi impak kepada kita ialah masalah sosial dan masalah jenayah. Kita tidak boleh lari daripada kenyataan bahawa pekerja-pekerja asing ini banyak terlibat dalam masalah-masalah sosial dan juga masalah-masalah jenayah. Dan, untuk rekod di Dewan yang mulia ini, menurut PDRM Johor sepanjang tahun 2015, profil tangkapan warga asing yang terlibat dalam jenayah di negeri Johor ialah seramai 952 orang manakala setakat Oktober 2016 ialah seramai 729 orang dan ia melibatkan berbagai jenis kes-kes jenayah seperti bunuh, merogol, mencabul kehormatan, kes-kes samun, samun senjata, kes-kes pemerasan, merusuh dan juga kes-kes ragut, mencuri dan juga kes-kes pecah rumah. Terima kasih.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Pasir Raja, Jemput.

**YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Terima kasih Tan Sri Speaker. Terima kasih atas jawapan. Soalan saya yang ajukan ialah berkaitan dengan kesan negatif lambakan pekerja asing dan kita lihat sejarah dan juga rentetan kemasukan pekerja asing dari dulu sampai sekarang macam tidak ada kesudahan.

Tan Sri tengok sendiri, kerana ada lambakan tiba-tiba kita diberitahu negara dah ada sakit TB. Negara ini baru-baru ni malaria pula. Sebenarnya penyakit ini dah lama patut dah ditadakan. Wad TB pun dah tutup dulu. Malaria, baru timbul dalam akhbar, mengatakan ada malaria. Ini tak lain tak bukan datang daripada mereka yang datang tanpa disemak entry ni. Maknanya daripada kemasukan tidak disemak perubatannya, latar belakang. Yang terbaru Tan Sri, penyakit TB ni bukan paru-paru, TB tulang. Ha, tulang ni kalau dah kena TB ni susah nak rawat. Bukan *injection* je boleh, terpaksa masuk kat wad. Nanti kena ada wad TB baru pula. Jadi, Tan Sri, kita kena ambil langkah drastik. Saya setuju dengan jawapan EXCO dan juga saranan Yang Amat Berhormat dalam strategi ke-4 mengurangkan kebergantungan pekerja asing, 4 pelan termasuk Unit Swadaya. Cuma saya nak nyatakan di sini, adakah unit Swadaya ni yang akan kita wujudkan ni, yang telah pun dilancarkan ni mempunyai *authority* untuk mengesan majikan dan juga menganjurkan satu kaedah di mana, pertama mereka mesti ada *database* yang lengkap, majikan mana yang memerlukan yang sebenar untuk pekerja dan mereka yang tidak pernah. Mereka mesti ada satu kaedah di mana, mana yang masuk mesti ada *Do's and Don'ts* dalam negara kita ini. Ada boleh, ada tak boleh. Saya diberitahu dekat kawasan Tan Sri, pendatang asing duduk dekat *divider* setiap hujung minggu. Di Kota Tinggi mereka duduk kat rumah lepas tu mandi kat luar ramai-ramai lepas tu tak pakai pakaian, contoh. Ini semua negatif. Jadi, saya mintalah kalau kerajaan negeri nak buat sesuatu, Unit Swadaya yang dilancarkan ini mesti ada *authority*. Itu saja.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia :** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Raja. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya sebelum ingin menceritakan mengenai peranan Unit Swadaya ini, biarlah saya juga menerangkan bahawa memang dari segi penguatkuasaan seringkali dilaksanakan. Dan juga kita sedar bahawa kita boleh mengawal pekerja asing yang masuk ke negara ini secara sah tetapi seringkali yang menjadi masalah kepada kita ialah pekerja-pekerja asing

yang tidak sah ataupun PATI yang ada di dalam negara kita ini. Walau bagaimanapun, pihak Imigresen terus melaksanakan operasi untuk memastikan bahawa tindakan diambil kepada mereka dan juga keputusan untuk mengusir mereka ke negara asal sering diambil. Dan, bagi tempoh tahun 2016 setakat 31 Oktober, seramai 7,743 orang PATI iaitu seramai 5,741 orang lelaki, 862 wanita dan 137 kanak-kanak telah pun dihantar pulang setelah ditangkap dan menghadapi hukuman masing-masing. Manakala bagi PATI yang telah menyerah diri, Jabatan Imigresen juga ada Program 3+1 iaitu seramai 13,265 orang PATI telah pun menyerah diri secara sukarela dan telah pun dihantar ke negara masing-masing. Jadi, ini menjadi seramai 21,008 orang PATI telah pun kembali ke negara asal melalui pengusiran ataupun serah diri bagi tempoh sehingga 31 Oktober 2016.

Dan, bagi mengatasi permasalahan ini, bukan sahaja permasalahan dari segi mencari, mempunyai tenaga kerja yang mahir di negeri Johor dan juga bagi memastikan rakyat Johor mendapat peluang pekerjaan tetapi tujuan Unit Swadaya ini juga dibentuk ialah untuk mengawal kemasukan dan juga kebergantungan pekerja asing di negeri Johor ini. Dan, saya juga ingin dimaklumkan bahawa sebelum tubuhnya Unit Swadaya Insan ini, kita yang menjaga pembangunan sumber manusia di negeri Johor banyak mengharapkan kepada Kementerian Sumber Manusia itu sendiri, kerana dari segi latihan, dari segi penempatan pekerjaan dan juga pekerja asing, keputusannya ataupun dasarnya ialah dari segi mengharapkan kepada persekutuan menerusi Kementerian Sumber Manusia. Tetapi kita membuat suatu anjakan paradigma dan juga menyedari bahawa kejayaan negeri Johor dari segi ekonomi juga akan membawa kepada lebih banyak peluang pekerjaan, peluang latihan dan juga cabaran dari segi *Human Development Capital*. Sebab itulah kita mengambil keputusan bahawa di negeri Johor kita mesti ada Unit Sumber Manusia yang tersendiri supaya kita dapat membuat keputusan selaras dengan cara Johor dan juga kehendak Johor. Dan, memang kita tidak dapat nafikan bahawa selain daripada Kementerian Sumber Manusia itu sendiri, agensi-agensi di negeri Johor juga banyak mempunyai program-program atau pun rancangan dari segi pembangunan sumber manusia contohnya IRDA, ada program *Human Development Capital* yang tersendiri, JPDC, YPJ dan juga agensi-agensi yang lain.

Jadi, ini seringkali membawa kepada satu keadaan di mana kita tidak ada koordinasi, kita tidak dapat membawa kepada satu hala tuju yang tetap ke mana Johor nak menuju. Jadi untuk memutuskan dan menyelesaikan permasalahan ini, kita memerlukan satu unit di negeri Johor yang akan menjadi *authority* tertinggi dalam isu pembangunan sumber manusia di negeri Johor. Maka terbentuklah Unit Swadaya Insan dan Unit Swadaya Insan ini akan menjadi *authority* tertinggi di mana agensi-agensi lain mestilah mengikut arahan dan haluan seperti mana yang ditetapkan oleh Unit Swadaya Insan ini. Jadi, antara cabaran kita dalam unit ini ialah untuk mengawal kepada kebergantungan pekerja asing yang ada di negeri Johor.

Dan, seperti mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapan bajet telah pun menyatakan antara cabaran-cabaran dan juga perkara yang akan diambil kira Unit Swadaya Insan ini juga seperti saya katakan, memandangkan kita telah pun ada *authority* yang tertinggi, kita juga akan mengadakan lebih banyak kajian. Sebagai permulaan unit ini akan mengadakan program pencambahan fikiran dan juga makmal untuk memanggil semua *stake holders* yang ada di negeri Johor ini untuk mencari penyelesaian. Kerana kita tidak boleh terus melaksanakan satu keputusan

yang boleh membawa impak kepada majikan dan juga pihak-pihak stake holders yang lain. Jadi dan juga kepada Persatuan Manufacturer dan Persatuan Perkilangan dan sebagainya. Jadi untuk mencari suatu *win-win situation*, tetapi kita tetap dengan keputusan kita bahawa kita mesti mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Kerana apa jua pembangunan yang berlaku di negeri Johor ianya adalah untuk manfaat rakyat negeri Johor. *The growth in Johor is for the Johorean*. Jadi, atas konteks tersebut termasuklah kepada peluang-peluang pekerjaan dan juga latihan. Jadi, ini ialah satu isu yang begitu besar, begitu menyeluruh, jadi kita kena juga berbincang dengan banyak agensi-agensi yang berkaitan kerana ianya juga akan membawa kepada impak ekonomi. kerana keputusan yang terburu-buru juga akan menyebabkan industri-industri buat masa ini banyak bergantung kepada pekerja asing mungkin akan mendapat satu halangan kerana kehilangan pekerja dan sebagainya. Jadi, kita mempunyai perancangan jangka panjang dan seperti saya katakan tadi, akhirnya kita nak pastikan bahawa apa jua peluang pekerjaan yang ada yang boleh diisi kita nak pastikan rakyat Johor bersedia untuk menerima peluang-peluang tersebut.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Terima kasih Tan Sri Speaker. Terima kasih jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO. Tan Sri Speaker, memang kita tidak menggalakkan pekerja asing atau mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing tetapi sesetengah bidang atau sektor susah mendapat pekerja-pekerja tempatan dan pemilik-pemilik macam, saya beri satu contoh, sektor pertanian. Pekebun-pekebun kecil, kadang-kadang mereka memerlukan mungkin tiga hingga lima pekerja untuk menjalankan aktiviti-aktiviti pertanian mereka dan mereka pergi jumpa Jabatan Pertanian dan memohon, saya beri satu contoh. Saya pernah menerima aduan ini. Dia memohon lima pekerja daripada Jabatan Pertanian dan ia telah diluluskan tetapi sampai akhirnya dia pergi Imigresen. Dia hanya dapat satu sahaja pekerja asing. Industri itu kerja dia, dia tidak boleh jalankan kerja dia, dia nak hidup juga. Satu pekerja asing, sebab dia nak lima bagi satu. So, ini saya nampak macam ada kurang penyelarasan antara Jabatan Pertanian atau beberapa jabatan yang berkenaan dengan permohonan pekerja asing masuk ke dalam negara kita. So, apakah peranan yang saya harap peranan boleh mainkan oleh Jabatan Tenaga Manusia supaya menyelaraskan, supaya lebih memahami keadaan yang dihadapi pekebun-pekebun kecil ini supaya mereka dapat pekerja-pekerja yang diperlukan untuk menjalankan kerja mereka. Apakah pihak, Jabatan Sumber Manusia boleh menjalankan kerja penyelarasan dengan Imigresen untuk memastikan mengurangkan masalah seperti ini. Terima kasih.

**YB Speaker :** Ok, jempit.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker terima kasih kepada Jementah. Seperti saya katakan tadi Tan Sri Speaker, buat masa ini pengajian pekerja asing hanya dalam lima industri, lima kategori sahaja iaitu pembinaan, pertanian, perladangan, perkilangan dan perkhidmatan. Perkhidmatan juga bukan semua sektor. Seperti tukang masak restoran, pembersihan, pencucian, kedi dan juga pembantu taman tema dan sebagainya sahaja dibenarkan. Dan kita juga sedar bahawa kebanyakan industri ini sering kali keluhan mereka ialah mereka susah untuk mendapat pekerja tempatan untuk mengisi. Dan juga telah dikatakan *mind set* pekerja tempatan, warga tempatan juga pada hari ini mereka kurang gemar untuk bekerja dalam industri-industri seperti ini dan sebagainya sehingga mereka tidak ingin mengambil peluang.

Saya ingin memberi satu contoh di sini Tan Sri Speaker, berdasarkan kepada Jobs Malaysia, statistik Jobs Malaysia, pengangguran bagi tahun 2015 di negeri Johor ialah sebanyak 3.1%. Itu memang kadar yang terendah di negara kita. Iaitu seramai 50,600 orang sahaja. Tetapi pencari kerja, pencari kerja yang aktif yang telah pun mendaftar dan mengambil inisiatif untuk mencari kerja selaras dengan data yang ada dalam Jabatan Tenaga Kerja ialah hanya 27,379 orang. Maknanya kekosongan jawatan ialah sebanyak, orang yang menganggur adalah seramai 50,600 tetapi yang mencari kerja hanya 27,379 orang, manakala kekosongan jawatan yang kita ada ialah sebanyak 43,044 jawatan. Maknanya lebih banyak kerja kosong yang menanti daripada mereka yang memohon. Jadi ini jelas menunjukkan bahawa kebanyakan warga tempatan ialah terlalu memilih, terlalu memilih pada masa yang sama, kebanyakan kerja kosong yang ada ialah kerja yang tidak memerlukan kemahiran yang begitu tinggi, mungkin separa mahir ataupun PMR, SPM dan STPM dan sebagainya. Jadi ini sebenarnya yang menyebabkan adanya gap ataupun kekosongan yang. Kita ada *mismatch*, dengan izin. *Mismatch*. Walau bagaimanapun seperti saya katakan tadi, Unit Swadaya Insan ini peranan pertama kita ialah untuk berjumpa dengan pihak majikan melalui persatuan-persatuan mereka. Kita akan *create database* untuk mengetahui apakah permintaan dan kehendak mereka. Dan juga, unit ini juga akan bekerjasama dengan Jobs Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja, Jabatan Pembangunan Kemahiran dan agensi-agensi yang lain. Supaya apa jua *mismatch* yang kita ada sekarang ini perlu diselaraskan.

Dan, pada masa yang sama juga, jabatan ini juga akan memainkan peranan sebagai agensi yang akan berjumpa dengan pelabur-pelabur yang masuk ke negeri Johor. Apabila satu pelabur baru masuk ke negeri Johor, unit ini akan berjumpa dan jua ingin tahu apakah kehendak pelabur tersebut dari segi peluang-peluang pekerjaan yang akan dibawa ke negeri Johor ini. Dan, apakah jenis kategori pekerja yang diperlukan dan sebagainya dan unit-unit juga akan bertindak untuk mewar-warkan peluang-peluang pekerjaan yang ada di negeri Johor di seluruh di pelosok negeri Johor dan juga akan terus mengadakan program-program penempatan pekerjaan supaya tidak ada *mismatch* dan juga kita memberi peluang kepada semua warga Johor supaya dari segi informasi sampai kepada mereka dan pada masa yang sama juga mengatur peluang-peluang dari segi *interview*, temu duga dan sebagainya di tempat mereka itu sendiri. Jadi dengan cara ini, kita percaya bahawa kebergantungan kepada pekerja asing dapat dikurangkan pada masa yang sama juga warga tempatan akan mendapat lebih banyak peluang pekerjaan.

**YB Speaker:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan yang dapat kita kemukakan pada pagi ini. Soalan-soalan yang lain yang belum dijawab akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

**Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2017) TAHUN 2016.**

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sambungan Perbahasan Atas Rundingan Bagi Bacaan Kali Yang Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2017) Tahun 2016 disambung sekarang dengan saya mempersilakan Yang Berhormat Pengkalan Rinting berbaki 10 minit sahaja. Jangan lebih. Sila.



**YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) :** Terima kasih Tan Sri Speaker, di mana memberi peluang saya berucap selama dua hari. Jadi, saya teruskan ucapan saya. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ucapan Yang Berhormat Menteri Besar juga menyebut pasal membantu menyelesaikan masalah setinggan dekat Johor Bahru ini. Dalam kawasan Pengkalan Rinting juga ada masalah yang sama. Isu Kampung Bakar Batu yang saya bawa dalam sidang lepas kini telah menghadapi tuduhan mahkamah daripada pihak pemaju dan satu lagi isu yang baru yang mana ada penduduk di sebelah surau sementara Kampung Sungai Danga juga diusir dari tanah kerajaan itu sendiri. Jadi, untuk penduduk Kampung Bakar Batu, Bakar Batu yang telah duduk dekat kawasan situ telah lama, puluhan tahun dan pernah mendapat status TOL saya minta pihak kerajaan dapat membantu dalam menjadi orang tengah untuk berunding dengan pemaju. Pemaju dekat situ sekurang-kurangnya penduduk kampung minta boleh mendapat tempat tinggal yang baru dalam kawasan dekat situ juga. Dekat sebelah Kampung Orang Asli Bakar Batu pun boleh. Memandangkan pembangunan yang akan dijalankan di situ akan mendapat untung berbaloi daripada pihak pemaju. Jadi, untuk penduduk dekat Kampung Sungai Danga pula, saya minta supaya kerajaan dapat membantu sekurang-kurangnya adalah pampasan ataupun sedikit, adalah penetapan baru yang sepatutnya kepada penduduk dekat situ.

Jadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, loji najis di Apartment Bukit Saujana masih lagi tidak berfungsi dengan baik. Tinjauan saya baru-baru ini, ada lagi kita nampak najis, ia melimpah keluar terus daripada loji itu ke sistem perparitan berdekatan. Jadi bukan sahaja bau busuk, saya juga bimbang kebersihan dan kesihatan sekitar situ. Kalau serius, saya takut penyakit akan berlaku. Jadi, sebagai bandar raya Johor Bahru yang dikatakan maju, perkara ini tak sepatutnya berlaku, jadi saya ingin tahu bagaimanakah MBBJ mengendali dan menyelaraskan sistem kumbahan dalam kawasan dan untuk loji ini apakah tindakan yang telah diambil oleh MBBJ.

Jadi, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bila kita tanya pasal punca banjir kilat, barang kali jawapan yang kita terima ialah air pasang, hujan lebat. Tapi pada 25 Oktober yang lalu, hari hospital terbakar itu, bukannya musim pasang kering, dan bukannya faktor supermoon. Banjir kilat tetap berlaku dekat Kampung Jalan Susur 1, Jalan Tun Razak dan Jalan Meldrum dekat dengan Sungai Segget selepas hujan lebat. Saya juga mendapati ada takungan air yang serius dekat Jalan Skudai dekat dengan tapak pembinaan Country Garden, selepas sahaja hujan lebat. Lebat sedikit, itu berlaku. Jadi bimbang, saya bimbang juga banjir kilat akan berlaku dekat kawasan situ. Kalau banjir kilat berlaku dekat kawasan situ, Johor Bahru akan *jammed*, *jammed* teruk dekat, dekat bandar raya Johor Bahru. Jadi, saya bimbang benda ini akan berlaku. Jadi, saya ingin mengetahui apakah rancangan kerajaan untuk memastikan banjir kilat itu tidak berlaku lagi dalam bandar raya Johor Bahru. Jadi satu lagi, soalan tambahan, lanjutan itu kita nak tahu selepas banjir kilat ini, ada tak pampasan atau bantuan kepada mangsa banjir kilat. Contohnya, mangsa banjir kilat yang berlaku dekat Kampung Jalan Susur 1 situ, walaupun banjirnya sekejap tapi kerugian penduduk sendiri memanglah besar sampailah ada kereta rosak, ada benda rosak. Ada tidak pampasan khas kepada mereka ini? Dan, lanjutan itu juga sebab saya banjir kilat, hujan besar ini pun di sebabkan oleh perubahan iklim, *climate change*. Jadi, saya ingin tahu apakah tindakan, adakah tindakan atau pun perbincangan daripada pihak kerajaan negeri menangani masalah ini? Sebab, perbincangan sangat hangat dekat dunia pasal *climate change* ini, baru-baru ini sampailah dekat Paris pun ada

perjanjian baru yang dibuat dan apakah tindakan atau pun langkah yang akan dibuat oleh kerajaan negeri sendiri?

Jadi, sebelum saya duduk, saya juga ingin mengambil perhatian Dewan yang mulia ini, bahawa tahun lepas, tahun lepas TMJ pernah bertitah bahawa Johor boleh keluar daripada Malaysia jika ada syarat dalam perjanjian dalam pembentukan Malaysia di langgar. Jadi, selepas tuanku titah ramai bangsa Johor yang menyambut baik titah tuanku ini dan bertanya-tanya kepada saya. Ini pengundi pun tanya. Betul ke?

**YB Speaker :** YB, YB.

**YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) :** Ya.

**YB Speaker :** Tolong ubah kepada tajuk lain lah. Tajuk ini jangan sentuh lah.

**YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) :** Jangan sentuh?

**YB Speaker :** Ubah tajuk lain lah. Yang tajuk yang tadi itu jangan di sentuh.

**YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) :** Ok. Saya teruskan. Jadi, berbalik kepada penyata kewangan. Jadi, bila saya buat pemeriksaan ke atas kertas mesyuarat untuk sidang DUN kali ini, saya mendapati semua penyata kewangan 2015 untuk semua PBT telah dibentangkan kecuali MBBJ. Jadi, penyata kewangan MBBJ 2014 juga baru di bentang pada sidang awal tahun ini, padahal penyata kewangan MBBJ untuk tahun 2013 dan sebelum ini boleh di bentang bersama-sama PBT lain ketika setiap Persidangan Bajet sebelum ini. Jadi, saya ingin minta penjelasan mengapa penyata kewangan MBBJ untuk tahun 2014 dan 2015 lewat di bentang dan saya rasa dengan ini sekian sahaja daripada Pengkalan Rinting. Terima kasih.

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Rinting. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pekan Nenas.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Selamat sejahtera Yang Berhormat Tan Sri Speaker dan rakan-rakan Ahli sekalian. Pekan Nenas ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2017.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, rakyat dihimpit oleh masalah kenaikan kos sara hidup. Harga petrol, minyak masak, elektrik dan air meningkat selepas PRU 13. Oleh itu, Pekan Nenas menyahut baik dengan matlamat bajet negeri Johor 2017 untuk mensejahterakan rakyat dengan fokus menangani kesenjangan dan kos sara hidup untuk kebaikan umum. Saya juga memahami dan bersetuju dengan pandangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa kebanyakan masalah peningkatan kos sara hidup ini di luar bidang kuasa kerajaan negeri. Malah, setakat ini bangsa Johor masih terpaksa menanggung harga tarif air yang paling tinggi di seluruh Malaysia. Dasar penswastaan syarikat air merupakan satu kesilapan terhadap, sehinggalah kerajaan Johor gagal membuat bantahan terhadap kenaikan harga air untuk mengelakkan rakyatnya menderita walaupun SAJ masih mendapat pendapatan lumayan. Ini merupakan bidang kuasa dan tanggungjawab kerajaan negeri untuk meringankan beban rakyat. Saya menyeru kerajaan Johor berusaha mengkaji semula

tarif air dengan SAJ dan SPAN serta menurunkan tarif air di negeri Johor secepat mungkin.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, adakah kerajaan Johor berhasrat menyediakan bekalan air dengan tarif yang paling rendah di Malaysia? Saya mencadangkan kerajaan Johor untuk bervisi jauh dan menetapkan matlamat untuk menyediakan bekalan air kepada bangsa Johor dengan tarif yang paling murah di seluruh Malaysia. Pencapaian ini akan membuktikan kerajaan Johor berjaya dalam pengurusan bekalan air berkualiti dan murah kepada rakyat jika berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Menikmati bekalan air dengan bayaran yang paling murah merupakan impian bangsa Johor, tidak mengira orang Melayu, orang Cina, orang India atau lain-lain. Menyediakan bekalan air dengan harga termurah perlu menjadi impian Johor, tidak mengira mana-mana parti yang mentadbir negeri Johor pada masa yang akan datang. Saya yakin bangsa Johor akan berasa amat bangga dengan prestasi kerajaan Johor jika berpeluang menikmati air yang paling murah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau kita imbas kembali kepada Bajet Negeri Johor 2016, Menteri Besar pernah mengumumkan bahawa Program Air Percuma sebanyak 25 meter padu diperluaskan kepada kira-kira 5,000 penduduk dan melibatkan perbelanjaan RM3 juta. Malah, kita dapati hanya 2,892 orang penerima Program Air Percuma menurut senarai e-Kasih dan Jabatan Kemajuan Orang Asli pada tahun 2016. Target 5,000 penerima Program Air Percuma tidak dicapai pada tahun 2016. Bilangan penerima dan jumlah peruntukan yang sama diulangi dalam Bajet 2017. Pekan Nenas yakin masih ada banyak anak Johor miskin yang memerlukan Program Air Percuma tetapi tidak berpeluang untuk menikmatinya. Saya mencadangkan kerajaan Johor memperluaskan penerima Program Air Percuma kepada penerima Baktumul, JKM dan rakyat miskin yang menduduki rumah kos rendah. Saya yakin kerajaan Johor akan berjaya mencapai target dan memberi manfaat kepada 5,000 penduduk yang memerlukan bantuan Program Air Percuma pada tahun yang akan datang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Pekan Nenas ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan Johor kerana berjaya membina 12,108 buah rumah mampu milik dalam tempoh 2013 sehingga 2016. Menurut jawapan yang diperolehi Dato EXCO Perumahan 21 Oktober, pembinaan rumah mampu milik tersebut meliputi jenis PKJA berharga RM42,000.00 sebanyak 1,598 unit, jenis PKJB berharga RM80,000.00 sebanyak 3,217 unit dan jenis RMMJ berharga RM150,000.00 sebanyak 7,293 unit. Saya dapati jenis PKJA hanya meliputi 13.19% daripada jumlah rumah mampu milik, jenis PKJB meliputi 26.57% manakala RMMJ meliputi 60.23%. Pembinaan rumah mampu milik jenis RMMJ melibatkan kos pembinaan dan penggunaan tanah yang lebih banyak. Dengan menggunakan sumber kewangan dan tanah yang sama, sekiranya nisbah pembinaan PKJA dan PKJB dapat dipertingkatkan, maka lebih banyak unit rumah mampu milik dapat dibina dan lebih banyak penduduk berpeluang menikmati rumah mampu milik. Saya bercadang kerajaan Johor mencari mekanisme untuk meningkatkan nisbah pembinaan PKJA dan PKJB pada masa yang akan datang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, aktiviti-aktiviti mesin kuda telah menimbulkan pelbagai masalah sosial dan keglatan jenayah terhadap orang awam di seluruh Malaysia. Tidak dapat dinafikan bahawa pihak polis dan Pihak Berkuasa Tempatan telah berkali-kali menyerbu premis pusat mesin kuda untuk melumpuhkan kegiatan ini. Malah keraguan masyarakat timbul apabila orang awam mendapati pusat mesin kuda di buka balik

selepas operasi penyerbuan. Situasi ini menimbulkan perasaan prasangka di kalangan masyarakat terhadap pihak berkuasa bahawa mereka bersubahat dengan golongan mesin kuda. Untuk mengelakkan persepsi negatif penduduk tempatan terhadap pihak berkuasa, saya mencadangkan pihak polis melaksanakan beberapa SOP bagi setiap operasi penyerbuan terhadap pusat mesin kuda.

Pertama, pihak polis perlu menguatkuasakan Seksyen 21A, Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dengan sepenuhnya, untuk memastikan bekalan elektrik setiap pusat mesin kuda di potong serta merta dalam setiap tindakan penyerbuan dilaksanakan. Selain itu, pemilik mesin kuda perlu disiasat untuk mendapat maklumat lanjut sama ada dia merupakan pihak yang menguruskan kegiatan mesin kuda ataupun mereka menyewakan premis mereka kepada orang lain. Jika sewa, siapakah penyewa tersebut? Pihak polis perlu memberikan amaran keras kepada pemilik premis yang menyewakan premis mereka menjadi pusat mesin kuda dan mengambil tindakan undang-undang terhadap penyewa yang rupanya pengurus kegiatan mesin kuda.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sekiranya pemilik enggan memberi kerjasama membekalkan maklumat penyewa dan masih membenarkan premis mereka terus digunakan menjadi pusat mesin kuda, maka mereka perlu di dakwa di bawah Seksyen 4 (1) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 dengan hukuman denda RM5,000.00 sehingga RM50,000.00 bagi setiap mesin kuda atau penjara 3 tahun jika sabit kesalahan. Ini merupakan pelaksanaan SOP yang saya cadangkan bagi setiap operasi penyerbuan terhadap pusat mesin kuda. Dan saya juga bercadangkan pelaksanaan SOP ini perlu menjadi KPI bagi penilaian prestasi Ketua Polis Daerah. Selama ini pihak polis menggunakan Seksyen 4B, Akta Rumah Judi Terbuka untuk mengawal masalah kegiatan mesin kuda. Biasanya penjaga pusat mesin kuda yang ditangkap bukan pengusaha yang sebenar dan kadang-kadang mereka terdiri daripada warga asing atau orang yang tidak takut terhadap hukuman penjara. Mungkin apabila mereka dimasukkan ke dalam lokap, mereka masih tetap menerima gaji.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebagai contoh, kalau kita nak tangkap ikan besar, tangkaplah ikan jerung, bukan sekadar ikan bilis. Kalau kita nak hapuskan masalah rasuah, kita kena tangkap *Malaysia Official 1*, bukannya pegawai pangkat rendah. Oleh itu, untuk membanteras kegiatan mesin kuda secara berkesan, kita perlu berusaha mengesan pengusaha sebenar. Siasatan terhadap pemilik premis membolehkan kita mendapat maklumat siapa penyewa. Dan, jika penyewa itu, kalau bukan pengusaha sebenar, saya yakinlah pangkatnya pun tinggi. Dia bukanlah *standard* anak buah yang menjaga pintu, mungkin dia agen pangkat tinggi yang bertaraf Jho Low. Kalau dapat kita boleh dapat Jho Low, senang dapatlah MOI lah. Tindakan ini juga dapat memastikan pemilik premis bertanggungjawab terhadap premisnya.

**YB Speaker :** Ucapan YB ni. YB, ucapan YB ini tidak kena mengena dengan kita punya bajet. (Dewan ketawa)

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Tidak, saya ambil contoh supaya senang faham. Saya nak sambung. Mereka tidak harus menyewakan untuk mendapat pendapatan lumayan dan menimbulkan masalah kepada orang awam. Sekiranya amaran keras, hukuman denda dan penjara terhadap pemilik premis masih tidak

berkesan, hukuman yang lebih berat seperti merampas premis perlu dikaji dengan penggubalan undang-undang baru.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Pekan Nenas juga nak sentuh isu tentang Terminal Sejahtera Pontian. Menurut laporan Ketua Audit Negara 2015, Terminal Sejahtera yang bertujuan meningkatkan prestasi pelajar daripada kalangan isi rumah berpendapatan 40% terendah. Terminal ini mula beroperasi pada April 2012 melalui peruntukan berjumlah RM770,000.00 daripada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan telah dilengkapi dengan pelbagai kelengkapan. Ia terpaksa diberhentikan operasinya pada tahun 2015 kerana tiada peruntukan daripada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

Penutupan Terminal Sejahtera Pontian ini sejak tahun 2015 menyebabkan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan tidak dimanfaatkan sebaiknya. Tindakan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar memohon Pihak Berkuasa Tempatan mencari langkah alternatif bagi menjana pendapatan atau menggunakan peruntukan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menampung kos pengurusan dan operasi Terminal Sejahtera adalah tidak bertanggungjawab.

Pihak kerajaan pusat perlu mempunyai rancangan masa panjang sebelum melancarkan dan melaksanakan sebarang program untuk kebaikan orang ramai. Sepanjang pengetahuan saya Terminal Sejahtera sudah lama tidak ada kelas tuisyen dan digunakan untuk kelas Al-Quran. Dengan perbelanjaan operasi Terminal Sejahtera sebanyak RM732,000.00 daripada April 2012 sehingga Disember 2014, bermakna perbelanjaan operasi Terminal Sejahtera setiap tahun lebih kurang RM300,000.00

Saya meneliti laporan Penyata Kewangan MDP tahun 2015 dan mendapati Majlis Daerah Pontian mendapat lebih pendapatan sebanyak RM13,958,000.00 pada tahun 2015 dan lebih RM2,308,000.00 pada tahun 2014.

**YB Speaker :** Pekan Nenas, sila gulung.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Saya berpandangan bahawa pihak MDP berupaya untuk meneruskan program yang bermakna ini supaya lebih banyak pelajar miskin boleh mendapat manfaat. Saya berharap pihak MDP dapat menyokong program ini dan memohon pencerahan tentang perkembangan mengambil alih pengurusan Terminal Sejahtera tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, keadaan lebuh raya Pontian – Skudai semakin teruk dan membawa risiko kepada pengguna jalan raya. Pihak JKR Pontian telah banyak kali berusaha menampal jalan yang telah rosak dan mendak khasnya di kawasan Batu 27 sehingga Batu 34. Saya berharap peruntukan MARRIS boleh digunakan untuk kerja penurapan semula jalan ini demi menjaga keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pembinaan jalan akses Pontian – Johor Bahru yang diberi keutamaan kelima di negeri Johor amat penting untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Pekan Nenas. Projek ini sudah disenaraikan di dalam Rancangan Malaysia Ke-8 malah sampai hari ini projek ini masih belum direalisasikan. Menurut jawapan bertulis yang dibekalkan EXCO Kerja Raya pada 21 Oktober, saya

dimaklumkan bahawa projek ini masih belum diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 sebab kekurangan peruntukan kerajaan Persekutuan.

Saya faham ini bukan salah Datuk EXCO Kerja Raya. Ini masalah kerajaan Persekutuan kerana tidak ada peruntukan sepanjang tahun sehinggalah pembangunan infrastruktur Johor selalu terbantut. Malah kerajaan Johor masih perlu memainkan peranan mendesak kerajaan Persekutuan untuk merealisasikan semua projek pembangunan infrastruktur yang telah dirancang di negeri Johor.

Pekan Nenas juga berharap pihak kerajaan dapat segerakan pelaksanaan cadangan membina jalan pintas dari Jalan Sawah ke Ulu Choh. Ini merupakan jalan alternatif, melalui pembinaan jalan sepanjang 5.6 kilometer untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Pekan Nenas. Projek ini disenaraikan di dalam projek rancangan Johor 5 tahun dan saya semoga ia boleh direalisasikan secepat mungkin.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, anak Johor memerlukan banyak pembangunan tidak mengira membina jalan raya, membina hospital baru atau pun peningkatan infrastruktur. Tetapi kerajaan Persekutuan tidak dapat memenuhi bangsa Johor akibat ketirisan dan keborosan pentadbiran mereka. Banyak projek pembangunan terbantut dengan alasan kerajaan Persekutuan tidak ada peruntukan. Tiada peruntukan ini hampirlah jawapan standard yang selalu kerajaan Persekutuan bagi.

Demi pembangunan negeri Johor berjalan lancar pengagihan kuasa kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri adalah amat penting. Pembangunan negeri Johor tidak boleh sekali-sekali terjejas akibat projek-projek pembangunan yang dirancang lama tidak dapat direalisasikan akibat kekurangan peruntukan sepanjang tahun.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau kita buat bandingan bajet Johor 2017 melibatkan pendapatan kerajaan Johor sebanyak RM1.6 bilion. Manakala Bajet Malaysia 2017 melibatkan pendapatan kerajaan Persekutuan sebanyak RM225 bilion. Pendapatan kerajaan Johor hanya meliputi 0.7% daripada kerajaan Persekutuan. Nisbah ini tertalu rendah. Kerajaan negeri sebenarnya layak untuk menikmati lebih banyak hasil cukai dan diberi lebih banyak kuasa untuk menentukan perkembangan dan pembangunan infrastruktur kita. Ini adalah sebab kita lebih faham keperluan kita.

**YB Tan Sri Speaker :** YB Pekan Nenas, sila tamatkan. Sila tamatkan ucapan.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Ini juga sebab wang rakyat lebih selamat diagihkan kepada kerajaan negeri berbanding dengan kerajaan *kleptocracy*. Kita amat mengalu-alukan pengagihan sumber dan kuasa yang lebih banyak daripada kerajaan persekutuan, kalau mereka tidak kasi kita perlu bersatu untuk reformasi. Kita perlu bersatu menumbangkan pemerintahan *kleptocracy*. Kita perlu membentuk suatu sistem yang dapat menjamin nasib negara dan masa depan kita.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya akan mengakhiri ucapan saya dengan membuat rumusan terhadap ucapan saya. Pertama, sekali lagi menyatakan bantahan saya terhadap projek Petroleum Bersepadu dan Taman Maritim. Saya dapati ketiga-tiga MOU tidak mengira MOU jual beli tanah, MOU persediaan untuk

infrastruktur air dan elektrik. Ketiga-tiga MOU yang di rancangkan semua tidak berjalan dengan lancar.

**YB Speaker :** YB,

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Yang kedua,

**YB Speaker :** YB,

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Yes.

**YB Speaker :** Sila tamatkan ucapan.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Dan, akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya dan saya berharap,

**YB Speaker :** Akhir ajelah, apa lagi. (Dewan ketawa).

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Sudah, sudah lompat terlalu banyak, sudah tak tahu dan akhir kata saya harap pandangan saya dapat dikaji dan saya berharap tidak kira rakan daripada sebelah sana atau sebelah sini, kita perlu ada matlamat yang sama iaitu berjasa dan bersumbang untuk Bangsa Johor. Dan, saya tidak berniat jahat tetapi saya tahu kita perlu mengubah keadaan dan menumbangkan kerajaan kleptocracy. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Ok. Terima kasih Yang Berhormat Pekan Nenas.

Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Persidangan ini selama 20 minit.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11:00 pagi.**

**Persidangan disambung semula pada 11:20 pagi.**

**YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Timbalan Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Jemput Kempas.

**YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrahid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, pendahulu kafa, Kempas merakamkan ucapan terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam Persidangan ini. Pertama-tamanya Kempas merakamkan sembah tahniah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Al Harith Li Shari'at Illah Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar sempena ulang tahun hari keputeraan baginda pada hari semalam.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kebiasaannya apabila kita sebut pasal mangsa-mangsa mana-mana tragedi jarang kita boleh ingat nama-nama atau siapakah mereka yang kehilangan nyawa. Bayangkanlah bersama di tragedi yang melanda di Hospital Sultanah Aminah. Mangsanya berada di unit ICU, ada yang di dalam

keadaan terbaring tanpa boleh bergerak tetapi mungkin masih boleh mendengar apa yang sedang berlaku di keliling mereka.

Itu adalah suatu tragedi yang paling dahsyat apabila kita tidak boleh bergerak atau bangun tetapi boleh mendengar apa yang sedang berlaku di sekitar kita sambil terpaksa menunggu diri dimakan api. Hanya dengan membayangkan keadaan sedemikian maka barulah kita dapat menginsafi apa yang telah berlaku dan dengan penuh sedih dan ikhlas mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa dan bersyukur di atas pemberian Allah SWT kepada kita semua yang masih berada di sini.

Dengan itu, izinkan Kempas memberikan penghormatan sewajarnya kepada mangsa kemalangan di Hospital Sultanah Aminah dengan merakamkan salam takziah dan belasungkawa kepada semua ahli mangsa keluarga mangsa yang terlibat di dalam tragedi kebakaran yang baru lepas iaitu kepada mendiang C Neeramaldevi, 24 tahun; mendiang K. Logeswaran, 20; alahyarham Yusuf bin Hasan, 53 tahun; mendiang Choo Lin Fong, 37 tahun; mendiang M Kaliaama, 23 tahun dan mendiang Toh Ah Wah, 60. Semoga Allah mengampunkan roh mereka semua, sesungguhnya Allah sahaja yang berhak mutlak menentukan segala-galanya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Kempas juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua kakitangan Hospital Sultanah Aminah, badan-badan beruniform dan pihak-pihak NGO yang telah bertungkus lumus untuk menyelamatkan dan membantu meringankan pihak-pihak yang sedang bertugas pada hari itu. Tidak ketinggalan YB EXCO Kesihatan yang dilihat sentiasa *on the ball*, dengan izin.

Yang Berhormat Datuk Speaker, apa yang hendak Kempas sentuh sedikit di sini adalah untuk meningkatkan lagi proses *Emergency Process Procedure*, dengan izin, atau prosedur tindak balas kecemasan di dalam kesibukan keadaan pada hari kejadian tersebut dan jabatan-jabatan lain jika berlaku di masa hadapan, barang dijumpai Allah. Umum memahami keperluan dan pentingnya orang-orang yang berjawatan tinggi hadir dan menunjukkan muka dan kita bersyukur di atas segala bantuan dan peruntukan yang dapat dihulurkan kepada yang memerlukan. Namun demikian, Kempas dapat perhatikan, terlalu banyak kali pihak tertinggi hospital terpaksa berhenti untuk memberi keterangan kepada terlalu ramai VVIP yang datang, tetapi tidak datang serentak. Ini mungkin mengganggu perjalanan urusan pihak hospital yang sudah tentunya memerlukan kelulusan dari pihak atasan untuk bertindak cepat mengikut kepada tanggungjawab masing-masing. Kasihan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana beliau sendiri terpaksa hadir dua kali pada hari itu untuk mendengar keterangan yang sama. Satu kali, di atas sebab tanggungjawab beliau sebagai Menteri Besar, dan sekali lagi semata-mata mengiringi dari pihak pusat. Sudah tentunya mereka-mereka yang tidak terlibat secara terus-menerus boleh mendapat penjelasan yang lebih terperinci dari menteri yang bertanggungjawab tentang penyebab bencana dan solusi untuk mengatasinya apabila ianya sudah pun boleh disahkan dengan tepat. Perkara ini bukan sahaja diperhatikan oleh Kempas, tetapi dimaklumkan kepada kami oleh beberapa pegawai hospital yang terlibat pada masa itu. Jika kita dapat mewujudkan satu kaedah atau *Standard Operating Procedures for VIP, VVIPs*, masa darurat, dengan izin insya-Allah ianya boleh mengurangkan kemudaratan yang dialami oleh pegawai-pegawai dari mana-mana jabatan yang dilanda musibah.



Namun demikian, satu perkara yang Kempas tidak dapat lupa adalah sifat muafakat bangsa Johor yang datang untuk menghulurkan bantuan secara tertib dan teratur. Betul, kita tidak kira kaum mahu pun ideologi politik di waktu itu. Semuanya hadir untuk satu sebab iaitu, keperibadian dan perikemanusiaan bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar berucap selama dua jam setengah, merangkumi 53 muka surat dan hampir 400 ayat dan fasal di dalamnya. Mana mungkin Kempas boleh menghuraikannya dalam masa 15 atau pun 20 minit yang dibenarkan ini. Hanya apa yang boleh Kempas katakan tentangnya adalah Bajet ini benar-benar untuk kesejahteraan rakyat dalam sebuah negeri yang berkemajuan dan yang merangkumi semua aspek untuk semua kaum. Pendek kata, Yang Berhormat Datuk Speaker, Bajet ini adalah sebenar-benarnya Bajet Bangsa Johor.

Yang Berhormat Datuk Speaker, sukacita Kempas mendengar ucapan Yang Amat Berhormat mengumumkan bahawa sebahagian dari pungutan hasil yang diterima dari VEP atau pun *Road Charge* akan digunakan untuk meluaskan perkhidmatan Bas Muafakat Johor di daerah-daerah lain. Alhamdulillah, setelah dua tahun pengumuman oleh pihak pusat maka akhirnya ternyata juga cadangan yang dibawa oleh Kerajaan Negeri Johor supaya cukai VEP atau RC itu dikenakan ke atas kereta berdaftar Singapura yang mendatangkan hasil kepada Kerajaan Negeri Johor. Dengar cerita pula, Yang Berhormat Datuk Speaker, Singapura akan menaikkan lagi cukai kemasukan kereta berdaftar Malaysia ke sana sebagai tindak balasnya kepada keputusan kita. Ini suatu peluang lagi untuk kita menandingi mereka untuk mendapatkan hasil yang lebih dari rakyat itu, yang kerap masuk ke negara kita sambil menikmati subsidi-subsidi kerajaan yang sepatutnya dikhususkan kepada rakyat tempatan. Mungkin ada yang mengatakan bahawa hanya akan menyusahkan rakyat kita juga yang bekerja di sana. Akan tetapi mereka harus tahu bahawa kerajaan kita sudah berfikir dengan membenarkan mereka dengan memakai pendaftaran Singapura di jalan raya Malaysia sedangkan Singapura mengharamkan rakyatnya sendiri memakai atau memandu kenderaan berdaftar Malaysia. Mereka tolong membangunkan Singapura membayar segala cukai dari pembelian kenderaan ke cukai jalan, tak termasuk lagi cukai pendapatan di sana. Maka membayar sedikit cukai untuk menggunakan jalan raya dan infrastruktur negara asal mereka tidak sepatutnya menjadi suatu asas untuk mereka merungut.

Yang Berhormat Datuk Speaker, rakyat Malaysia boleh bekerja di Singapura tetapi jangan mereka sekali-kali lupa bahawa taat setia mereka adalah wajib untuk negara ini di mana mereka berpayung dan kekal bermastautin. Jika ada pula yang hendak memperjuangkan rakyat Singapura dengan mengatakan ini akan mengurangkan hasil pendapatan kita bila mana mereka mengurangkan kedatangan mereka ke sini, jawabnya, jawapan saya adalah kita mengalu-alukannya kerana kita tidak mahu mereka menyemakkan jalan kita sehingga kita sendiri tersekat di dalam trafik menjejaskan produktiviti rakyat di sini.

Yang Berhormat Datuk Speaker, *the demand to enter Johore is relatively inelastic*, dengan izin. Ini adalah istilah ekonomi, Yang Berhormat Datuk Speaker. Umpamanya *elastic* ini erfinya macam getah, bila kita tarik sepanjang kemudian kita lepaskan dia turun, dia masuk balik. Itu namanya *elastic*. Dan *inelastic*, getah itu kalau kita tarik lama, dia bila kita lepaskan dia tak nak masuk balik, itu namanya *inelastic*. Jadi,

umpamanya hari ini kalau misal kata pen saya ini, harganya RM2.50 pada hari ini, tiba-tiba esok harganya naik jadi RM4.00. Oleh kerana kenaikan yang mendadak seperti itu, saya membuat keputusan untuk tidak membeli pen ini langsung sampai bila-bila sebab ada alternatif. Itu namanya, *demand*, atau pun kehendak untuk pen ini adalah *elastic*. Berbanding pula dengan kotak rokok ini, ok. Rokok ini kita dah tengok harganya naik daripada RM5.50 jadi RM7.00 sehingga hari ini kalau beli di hotel dah jadi RM17.00. RM17.00 bukan sahaja yang mampu milik, tapi yang tak mampu milik pun terus membelinya. Tak kira harga naik macam mana pun dia ni. Itu namanya, *the demand*, atau pun kehendak untuk menghisap rokok ini adalah *inelastic*.

Jadi, datanglah pula kaedah ke dalam Singapura ini. Maka dalam keadaan rakyat Singapura, kalau kita kenakan caj sebanyak RM50.00 ke berapa ringgit pun, in sha-Allah mereka masih akan datang. Mereka akan fikir betul-betul dan berkira berapa kali untuk mereka nak masuk ke Johor dalam seminggu dan akan berbelanja dengan lebih banyak untuk membaloikan pembayaran cukai VEP atau pun *road charge* yang mereka dikenakan. Maka kesudahannya nanti, jalan raya kita akan menjadi kurang sesak tetapi hasil pendapatan sama ada akan tetap, kekal, atau pun bertambah memandangkan sekarang mereka sudah tidak lagi datang semata-mata untuk beli kangkung, makan mee rebus dan balik setiap hari. Jadi apabila dia nak datang, oleh kerana ada VEP dan *road charge* dan sebagai cukai ini, mereka akan fikir betul-betul. Fikir dan akan belanja dengan lebih banyak setiap kali mereka masuk untuk membaloikan eh, pembayaran cukai itu. Mereka bila masuk sini, macam-macam subsidi kerajaan yang ditetapkan oleh kerajaan untuk rakyat tempatan dapat dinikmati oleh mereka.

Jadi Yang Berhormat Datuk Speaker, Kempas juga mengambil peluang di sini untuk Menjunjung Kasih ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan di atas Titah Baginda dalam Majlis Perhimpunan Bangsa Johor yang lalu mengharamkan demonstrasi jalanan. Ini termasuk, kedua-dua pihak sama ada yang menentang mahu pun yang menyokong kerajaan. Kita perlu memelihara kemuafakatan Negeri Johor. Johor adalah negeri yang tertib di dalam pentadbiran mahu pun tingkah laku rakyatnya. Berselisih pendapat itu adalah sihat, namun demikian, maruah dan martabat Negeri Johor harus kita pelihara dengan menggunakan saluran-saluran yang telah pun sedia ada mengikut perlembagaan dan Undang-Undang Tubuh Negeri untuk menyuarakan dengan pandangan-pandangan yang bertentangan.

Yang Berhormat Datuk Speaker, tahniah diucapkan kepada bangsa Johor yang tidak terbawa-bawa budaya orang luar ke bumi kita ini. Isu tempatan pula, memandangkan masa tidak berapa mengizinkan, maka saya dengan pantas mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah menurap sebahagian besar jalanan di kawasan Kempas iaitu di kawasan Denai, Banjaran dan Lurah.

Yang Berhormat Datuk Speaker, apabila kita bincang tentang *The Johor Economic Power House* dengan pelaburan berbilion-bilion ringgit, rasanya janggal untuk Kempas nak membincangkan tentang kes jual leman di musim perayaan dalam perkampungan Kempas ini. Sepatutnya, ianya boleh dirunding di peringkat PBT tetapi gagal, kerana gagal untuk diberi budi bicara dan pertimbangan, perkara ini terpaksa Kempas bawa ke dalam Dewan yang mulia ini dan Kempas harap dapatlah diberi pertimbangan sewajarnya di masa-masa akan datang. Perkara ini sudah pun dibawa ke peringkat atasan tetapi nampaknya pandangan ikhlas atasan untuk dihantar ke

bawah untuk diberi budi bicara tidak diambil endah di kebelakangan ini. Yang Kempas merasa pelik, berniaga lemah untuk dua minggu di musim raya tidak dibenarkan. Malah diangkut pula dengan naik lori. Tetapi aduan Kempas selama dua tahun ke atas sebuah restoran yang mana setiap malam membuka meja di Jalin raya umum dan menjual arak tidak pula diangkut penguatkuasa. Apabila Kempas membuat lawatan di siang hari, terdapat bekas-bekas botol arak terbiar di tepi jalan, di mana meja-meja itu terletak di waktu malam sebelumnya.

Yang Berhormat Datuk Speaker, lebih kurang 18 negeri di dalam Amerika Syarikat mengharamkan minuman arak di khalayak ramai, dan jika terdapat berlaku perkara ini, pihak polis akan memasukkan mereka ke dalam penjara atau pun lokap hingga dibicarakan. Sayangnya di negeri ini, di mana Islam adalah agama rasmi, mereka masih lagi boleh bermaharajalela secara terbuka. Dalam masa yang sama, Kempas ingin pula juga menyanjung tinggi usaha PBT di seluruh negeri dan juga *special mention*, dengan izin, kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat EXCO Kerajaan Tempatan dan juga Pejabat Daerah Johor Bahru di atas tindakan tegas yang diambil ke atas pusat-pusat perjudian yang bertelusage kini. Kempas ingin mencadangkan supaya semua lesen-lesen hiburan keluarga yang bermesin dihapuskan sama sekali.

Yang Berhormat Datuk Speaker, mana ada... mana ada di zaman ini kita lihat mak, bapak, uda, angah atau kak long pergi bersama-sama ke pusat seperti ini. Tak adanya. Jangan membohonglah. Maka istilah keluarga untuk pusat-pusat ini adalah semata-mata untuk menipu kerajaan dan rakyat jelata supaya dapat mereka menjalankan aktiviti perjudian.

Yang Berhormat Datuk Speaker, dalam sepanjang persidangan ini, beberapa kali disebut tentang bakal Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump dan kata-kata pujangga bekas-bekas presiden sebelumnya. Maka di sini, Kempas ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan secara rasmi ucapan tahniah kepada bakal presiden Donald J. Trump di atas kemenangan beliau sebagai Presiden Amerika Syarikat yang ke-45. Tahniah juga kepada GOP, iaitu *Republican Party* yang telah menguasai kedua-kedua cabang Kongres, di *Capital Hill* iaitu *Senate* dan *House Representatives*, dengan izin. Kita, tak perlu sangat berasa takut, ke mana hala tuju President Trump ini, semata-mata di atas retorik kempennya. Setelah saya, kerana saya mengikutinya sepanjang 6 bulan yang lepas.

Setelah memenangi pemilihan sebagai Presiden, beliau sudah mula berundur dari beberapa ketetapan polisi yang beliau buat semasa berkempen. Umpamanya tidak membenarkan umat Islam masuk. Di sini, semua dah huru hara, tak dapatlah pergi Amerika lagi eh. Ini, tidak boleh jadi. Sebab kalau pun beliau nak meletakkan polisi itu, beliau terpaksa membentangkannya di dalam kongres dan benda ini terpaksa diluluskan. Ini bukan hak mutlak dia. Dan, sekarang beliau pun sudah pun tarik balik. Dan, tentang nak membawa balik pekerja-pekerja dan apa, apa ni, ke negeri asalnya iaitu membawa balik *business* ke negara asalnya, ini pun tidak mungkin, kerana zaman dulu apabila kita mempunyai kilang, lebih manusia daripada mesin. Jadi hari ini, lebih mesin daripada manusia. Satu orang tekan satu butfon, dah buat kerja untuk 10 orang. Jadi, dia punya pandangan yang dia nak bawa balik pekerjaan ke rakyat dia, ini tak berapa kita boleh ambil kira sangat. Namun demikian, beliau, saya lebih kurang menyokong juga cara beliau kerana beliau hanya nak menjaga keselamatan negara

dia, bukan campur tangan dalam kerajaan negara luar seperti yang berlaku di Timur Tengah, di bawah pentadbiran Obama dan Clinton sebagai Setiausaha negaranya, yang mana kita lihat Arab Spings dan lain-lain sehingga wujudnya berjuta pelarian Syria yang sedang mencari tempat untuk bermastautin pada hari ini. Jadi, kalau kita lihat diantara kedua-dua *candidate* tu, lebih bahaya Clinton daripada Donald Trump. Dan beliau adalah seorang apa nama ni, ahli pemiagaan. Sudah tentunya beliau tidak mahu lihat dunia, perang dunia ketiga berlaku, kerana kalau itu berlaku maka, hablahlah segala apa nama pelaburan dia di seluruh, satu dunia termasuk di Amerika.

Namun demikian, Kempas mengucapkan tahniah kepada kerajaan Johor dan juga kerajaan pusat, kerana telah pun memandang jauh mengambil keputusan melamar pelabur-pelabur dari China, sebelum lagi Trump dipilih menjadi Presiden, yang menimbulkan tidak tentuan hala tuju kaum dunia. Baru-baru ini, pelaburan sebanyak RM150 bilion dari China, diraih oleh kerajaan pusat dan Johor yang mempunyai *foresight* dengan izin, dengan pelaburan sebanyak RM400 bilion dalam jangkaan 20 tahun yang akan datang. Semalam saja, pihak Bloomberg iaitu agensi berita mengenai bidang kewangan ada melaporkan akan ketakutan pihak serantau atau jiran kita, di atas pelaburan gergasi di Johor ini yang mungkin mengganggu gugat ekonomi mereka, jika usaha sama kita berjaya. Dan, sudah bermacam cara mereka guna untuk cuba menggagalkan usaha sama ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, yang ini saya hendak merakamkan dukacita, bukan dukacita tapi..

**YB Timbalan Speaker :** Boleh gulung Kempas.

**YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) :** Ya, nak gulung. Nak merakamkan perasaan kecil hati beberapa rakan saya daripada...

**YB Timbalan Speaker :** Kira nampak besar aje.

**YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat (Kempas) :** Sebesar-besar pemimpin eh, seperti *Hitler* pun dia mati pun bunuh diri. Itupun kita dapat tahu mungkin kerana dia kecil hati. Yang Berhormat Dato' Speaker, yang kita ada beberapa rakan saya di Barisan Nasional kecil hati dengan rakan-rakan kita yang lain di dalam Barisan Nasional juga, sebab saban kali dalam 3 tahun yang lepas ini, asyik-asyik bila nak berbahasakan pihak pembangkang, mereka gunakan perkataan sebelah sana, yang sebelah sana. Jadi, kita rasa kecil hatilah sebab kita ni sebenarnya bukanlah sebelah sana sebenarnya. Kita ni sebelah situ. (Dewan ketawa). Jadi, dengan rendah diri bagi pihak rakan-rakan kita saya harap eh, Kempas harap, lepas ni kalau nak bahasakan pembangkang, gunakanlah perkataan pembangkang, jangan gunakan sebelah sana. Sebab ini setiap perkataan-perkataan kita adalah doa. 40 kali dilafazkan sebelah sana, takut *nauzubillahiminzalik*, jangan perkara ini berlaku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir kata Kempas merasa seolah-olah segala ayat-ayat dan perkataan puji-pujian yang boleh terdapat dalam segala kamus, telahpun digunakan oleh semua Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk menggambarkan prestasi unggul Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor sehingga Kempas pun sudah tidak tahu bagaimana hendak memuji beliau, di atas pembentangan bajet yang cukup

komprehensif dan bermakna untuk rakyat jelata, khususnya bangsa Johor. Hanya tinggal ini sahaja yang boleh saya kata kepada beliau, "Yang Amat Berhormat "and I know now you watching, you are the best that we have ever had. May God bless you and may God bless the great state of Johor", dengan izin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pulangkan segala puji-pujian kepada Allah SWT dan kepadanya kita semua berserah. Dengan itu, Kempas mohon menyokong. Wabillahitaufikwalhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih Kemas, kita teruskan, Sila Sungai Abong.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih kerana mengizinkan saya untuk berbahas pada kali yang ke-9, tentang Bajet Negeri Johor. Saya ingin merafakkan sembah tahniah kebawah Duli Tuanku di atas ulang tahun keputeraan baginda tempoh hari. Mudah-mudahan Allah panjangkan umur, diberikan kesihatan yang baik dan terus berada dalam ketetapan iman. Dan terima kasih pada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah membentangkan suatu bajet yang sungguh-sungguh menceriakan kita, bukan kata benda yang minta dia bagi, yang kita tak minta, tengah berangan-angan pun dia bagi.

**YB Timbalan Speaker :** Syukur eh. Syukur.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Setengah bulan elaun. Berangan je dia bagi. Tahniahlah, terima kasih. Beribu-ribu tahniah. Orang kampung telefon tanya. YB, YB dapat. Kita yang pencen kakitangan negeri dapat tak? Ha. SS angguk aje. Terima kasih.

Dato' Speaker, dalam keadaan akal gangguan saya masih terganggu lagi ni, tentang bajet pusat tetiba dah terpaksa berbahas bajet negeri. Bagaimanapun, terima kasih. 2 jam setengah seolah kita dihidangkan dengan makanan-makanan yang lazat-lazat, banyak pula tu. Sampai ulam, sambal pun dah dibentangkan untuk rakyat, untuk kita semua. Jadi, saya pada hari ini, sebagai tukang rasa sudahlah. Rasa makanan ini masin ke, tawar ke, manis ke, cukuplah. Saya harap rakyat semua dapat merasai, menjamah, mengecapi hidangan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Saya ingin, tidak bersetuju dengan pandangan Machap. Dia kata kalau kita boleh terima bajet Johor, kenapa kita mencemuh bajet pusat? Saya tak setuju. Saya terganggu, sampai saya terganggu dengan bajet pusat. Johor saya puji. Nampak kejujurannya dalam membentangkan bajet tempoh hari. Nampak jujurnya. Bajet pusat, wallahualamlah, *body language*, dengan gayanya nak meyakinkan rakyat Malaysia tentang bajet terbaik, saya tak nampak. Orang putih katalah *honesty is a very expensive thing*, minta izin. *Honesty* itu, kejujuran itu mahal harganya.

**YB Timbalan Speaker :** Tak cakap Arab?

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Ya?

**YB Timbalan Speaker :** Cakap Arab. Cakap orang putih pulak.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong)** :Saya pun sikit-sikit je ni. Dato', so we cannot expect from cheap people. tak boleh kita nak harap daripada orang yang murah-murah ni tak dapat kejujuran dia. Jadi saya nampak honesty ini pada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, nampak jelas. Yang pusat ini saya tak berapa nampak, minta izin maaf. Dengan keadaan ekonomi, hutang kita RM670 bilion, masih mendabik dada bahawa inilah bajet yang terbaik. Nak buat hutang lagi RM114 bilion. Saya cukup bimbang. Apa perlu kereta api kalau nak membangunkan kawasan-kawasan bukannya kereta api, ianya perlu lebuh raya. Kereta api tak membangunkan kampung-kampung, kawasan-kawasan dan sebagainya, tetapi lebuh raya iya. Kereta api laju Johor ini pun saya rasa tak boleh nak membangunkan sangat, hanya untuk membawa manusia, orang daripada tempat ke tempat, tetapi nak membangunkan sangat kawasan itu, saya rasa tak berapa tepat. Tapi kalau sebab lebuh raya, semua ayat boleh pakai, barang pun kita boleh angkut. Sebab tu saya jelas tak nampak kejujurannya, dan maaf Machap. Johor saya terima, bajet pusat saya kurang terima.

Satu bajet yang nampaknya nak menyelesaikan cabaran-cabaran terkini masa-masa terkini, ya, saya setuju. Tapi bila Yang Berhormat EXCO Perpaduan bentang 2 hari yang lepas tentang, diunjurkan bahawa Forest City sahaja akan menempatkan, menawarkan 220,000 pekerjaan, Iskandar Malaysia diunjurkan menawarkan 800,000 pekerjaan, di mana kita ada hampir 1 juta pekerjaan. Tak masuk keluarga lagi yang bekerja. Kalau satu pekerja, satu orang keluarga, penambahan 2 juta penduduk negara Johor ini, Adakah bajet pada hari ini adalah bajet untuk masa depan? Adakah masalah air kita ni cukup untuk kita menampung hampir penambahan 2 juta ataupun 1 juta lagi? Jadi, saya tak nampak untuk penyelesaian masa kini, ya, bagus, saya setuju. Itu untuk air. Untuk masa depan, 20 tahun akan datang, maka kita kena memikrkan lagi masalah-masalah ini tak habis-habis, Dato' Speaker.

Perumahan, 60,000 untuk yang apa ni, yang rumah mampu milik untuk pendapatan yang RM3,000.00, RM2,000.00 ke bawah. Mungkin boleh selesai itu pun tak boleh selesai. Kita ada 120,000 yang menanti yang kita nak buat 60,000. Tapi, mereka-mereka yang memerlukan rumah hingga RM300,000.00 ke bawah antara RM120,000 hingga RM200,000.00, RM300,000 ke bawah, di mana penyelesaiannya? Kita nak harapkan pemaju-pemaju, mustahil. Jadi, tak habis-habis masalah ini. Saya harap dah ada rumah murah, masalah yang akan timbul adalah kita nak meluluskan permohonan itu. Saya yakin ketelusan, keadilan akan diambil kira. Tapi, saya nak tekankan, nak cadangkan di sini bahawa kita sediakan, jadikannya satu ada kategori-kategori pemilik-pemilik, pemohon-pemohon yang hendak memohon rumah murah ini, mampu milik. Kategorikan yang mesti bagi, yang amat perlu, yang perlu, yang kurang perlu dan sebagainya. Utamakanlah yang mesti bagi dulu. Saya bimbang dia buat undi-undi dan sebagainya. Kalau undi ya, adil, nampak adil, memang adil, telus dan sebagainya. Macam Tabung Haji, sapa mohon dulu dapat pergi, betul adil lah. Bagi orang dah pencen, baru mohon, nak tunggu 70 tahun lagi, 100 tahun umur dia, baru, ini contoh, baru dapat tempat. Jadi, nak adil tu maknanya mesti kita bagi kepada orang yang memerlukannya. Jadi, saya harap sangat, yang mohon tempat saya ni asyik menanya ni, macam mana nak lulus ke nak bagi macam mana ni. Undi, kalau undi, undi nampak macam adil tapi nampak macam kurang adil, saya cadangkan eh, kategorikan, ini sangat-sangat perlu. Ada orang itu dia tak boleh memohon kerana tak mampu, masa dia bekerja ini. Dia hanya boleh memohon bila dah hampir-hampir pencen, jangka dia punya imbuhan dan sebagainya, bonus lagi. Jadi, barulah dia

mohon. Sama macam Tabung Haji. Dia tak boleh nak mohon tadi tak ada simpanan masa kerja ini. Diharapkan pencen, bonus baru dia mohon. Ha, ini contoh. Rasa ini perlu.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, termasuk juga dalam projek-projek rumah-rumah kedai yang mana dibentangkan juga bahawa kerajaan Johor nak membina rumah-rumah kedai yang harga murah. Saya setuju, tapi saya rasa masih kita tidak mampu sepenuhnya. Kalau kita lihat hari ini, kalau di Muar lah, Dato' Speaker, pesat membangun dengan rumah-rumah kedai yang baru-baru ini. Besar-besar pula tu. Beratus-ratus kedai. Kenapa tidak ada syarat-syarat, buat rumah kedai pun mesti ada peruntukan berapa peratus kedai-kedai yang harga murah. Kenapa? Kalau rumah kita boleh adakan syarat ini, kenapa kedai tak ada? Saya harap, selepas ini cuba bincangkan, cuba fikirkan bahawa rumah-rumah kedai pun mesti kita letakkan syarat berapa ratus unit mesti ada kedai-kedai yang berharga murah. Itu pun saya rasa ramai rakyat kita yang tak mampu. Kalau letak harga murah pun ramai tak mampu nak beli. Jadi, saya menyokong penuh walaupun tak mencukupi, memang tak mencukupi, jadi kalau tak cukup, buat kaedah-kaedah lain bagi orang kita untuk berniaga. *Lenient* kan, maknanya janganlah kita meletakkan syarat-syarat yang ketat sangat. Nak berniaga bawah pokok, tepi parit ni, dan kita jangan pandang sebelah matalah, buka dua-dua belah mata, tengok, walaupun tak kena tempatnya, tak ikut syarat dan sebagainya, maka kita kena ambil kira. Oleh kerana sekarang ni kita tak mampu, tak menyediakan mereka ini tempat-tempat untuk berniaga, maka itulah jalannya. Tepi parit, tepi jalan. Nasihat mereka, salah tapi ada kita punya penyelesaiannya. Ada usaha kita untuk membantu mereka-mereka. Nak niaga *burger*, tak apa, kita sediakan gerai. Ha, ini harga gerai kita, *standard*. Bayar, tak bayar selepek pun tak apa, sikit-sikit. Ha, ini cara kita nak membantu orang kita untuk berniaga.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya simpatiliah dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan barisan EXCO ni, kalau tak ada hari-hari yang mereka tak memikirkan tentang masalah rakyat, kesian juga. Kesian. Makna mereka ni usaha sungguh-sungguh, jujur untuk membangunkan negeri kita ini. Terima kasih. Contoh macam apa ni, EXCO Kesihatan. Saya hairan, memang rajin dia. Masalah wabak zika yang tak melanda lagi pun, saya hairan, saya tahu dia ada di Mekah, tapi hari-hari dia keluar dalam surat khabar ni. Macam mana ni. (Dewan ketawa). Prihatinnya. Mungkin contoh, Yang Amat Berhormat Menteri Besar tu dah beri contoh, nak kerja begini, EXCONya. EXCO lain pun begitu juga. Macam dia ada hantu raya, badan dekat Mekah, boleh selesaikan masalah di sini. (Dewan ketawa).

**YB Timbalan Speaker :** Ilmu dia dah menjadi. (Dewan ketawa).

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Lepas tu masalah alam sekitar pun, eh, dia kat Mekah, dia keluar kenyataan juga. Macam *remote control* daripada sana. Ini satu contoh dan saya yakin yang lain-lain pun lebih kurang begitu juga eh. Dato' Speaker, kalau saya bawa isu-isu makin banyak masa saya kena ambil. Saya percayalah masa memang tak banyaklah, rakan-rakan saya daripada BN pun ramai lagi nak berucap tu. Itulah eh. Jadi, saya nak mengakhirkannya..

**YB Timbalan Speaker :** Tutup ajelah.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Mengakhirkan dengan suatu kata-kata pujanggalah, kalau kita membuat bajet ataupun perniagaan, tapi di Johor ni alhamdulillah, ni khusus untuk di pusat ataupun siapa sajalah, *if you buy thing*, dengan izin, *which you do not need*, kalau kita nak beli barang, benda-benda barang kita tak perlu, *soon you will sell the thing that you need*. Lama-lama, kelamaan, benda yang tak perlu pun kita beli, kita belanja, lama-lama benda yang kita perlu pun kita jual. Ini contohnya bukan di sini, di pusat sana. Jual habis. Barang, harta, aset-aset kita. Jana-jana kuasa kita, kita jual habis. Benda kita perlu. Akhirnya apabila belanja benda tak perlu, benda yang kita perlu pun kita jual habis. Ini suatu peringatan ya, pada sesiapa sajalah yang mentadbir, yang menguruskan harta benda negara, perniagaan dan sebagainya. Jadi, saya gulunglah, gulung likar pun boleh. Lepas ni insya-Allah tak ada lagi Sungai Abong. (Dewan ketawa). Akan datang, pilihan raya akan datang. Kalau hari ni *last*, terakhir ni. Lepas tu Sungai Abong dah tak ada lagi. SPR arah. Kenapa diasaknya Sungai Abong.

**YB Timbalan Speaker :** Sungai Abong dah buat wasiat.

**YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Kawasan tu dia ada, nama Sungai Abong tu dia padam, dia hilangkan. Jadi akan datang, Dewan ni tak ada lagi Sungai Abong, Simpang Geram nama dia. Saya rasa baik letak Simpang Geram. Jadi, dengan ini saya menyokong usul dan saya terima bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Terima kasih Dato' Speaker. (Dewan ketawa).

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih Sungai Abong. Simpang Geram ye. Diteruskan. Sila Mengkibol. Jaga masa Mengkibol, macam Sungai Abong.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Selamat sejahtera dan salam impian Johor kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selama ini apabila kami menyertai perbahasan membahaskan bajet ataupun menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan, kita lebih cenderung kepada memberi cadangan ataupun nasihat, kalau ada. Seperti yang selalu rakan kita Yang Berhormat Sedfili, dia tegur, dia kata jangan hentam sangat. Bagi teguran sikit boleh, kalau baik bagi cadangan. Tapi, kali ini, Mengkibol bercadang untuk ubah sikit caranya di mana nampaknya cadangan-cadangan yang kami kemukakan sebelum ini tidak diberi titik berat yang sewajarnya. Ada di kalangan cadangan-cadangan tersebut diperlekehkan lagi. Maka, di sini Mengkibol akan kali ini akan mengemukakan 40 soalan kepada pihak pentadbiran dengan harapan persoalan-persoalan ini dapat penerangan yang lebih terperinci daripada pihak pentadbiran dan isu-isu yang diutarakan ini mendapat perhatian yang sewajarnya daripada kerajaan. Dan, ini sebenarnya juga adalah satu, kita kata ganti rugi daripada masa yang diperuntukkan untuk sesi soal jawab yang terlalu pendek, 1 jam. Macam Mengkibol, dah dua hari berturut-turut. Semalam giliran yang ke-13 tapi berhenti kat soalan yang ke-12. Hari ini, giliran yang ke-8, nampaknya ada peluang tapi berhenti di nombor 5. Maknanya kita tak cukup masa untuk mengemukakan soalan-soalan rakyat, soalan kawasan, maka dengan harapan soalan-soalan apa tu, sesi soal jawab dapat dipanjangkan dan tak perlulah kita menggunakan masa untuk perbahasan ni untuk mengemukakan soalan.



Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah sekali lagi membuat percubaan untuk membentangkan bajet tahunan dengan *surplus* atau lebihan sebanyak RM1,303,000.00. Ini sebenarnya satu usaha yang baik dan Mengkilbol berharap apa yang diperancangkan ini janganlah hanya bagai bertanam tebu di bibir saja. Maka, kami berharap supaya pihak kerajaan, pihak pentadbiran dapat mengikuti apa yang diperancangkan dalam bajet ini secara berhemah dan cekap supaya kita tak perlu membentangkan bajet atau bekalan tambahan dalam Persidangan akan datang.

Satu lagi, perkara yang perlu dibanggakan dalam bajet kali ini adalah nisbah perbelanjaan pembangunan dalam bajet kali ini mencecah 47% daripada keseluruhan bajet iaitu diperuntukkan sebanyak RM763 juta untuk perkara pembangunan dalam di negeri Johor dalam tahun depan. Ini menampakkan satu pertambahan yang perlu diberikan kredit iaitu jika berbanding dengan bajet persekutuan, ini sebenarnya lebih tinggi. Dan, kita banding dengan tahun-tahun lepas sebenarnya nisbah ni pun lebih tinggi iaitu pada tahun 2016, nisbah dia 38%, tahun 2015 nisbahnya 30% dan 2014, nisbah dia 28%.

Namun begitu, Yang Berhormat Dato' Speaker, perkara ini sebenarnya menimbulkan kecurigaan tentang ada kemajuan yang begitu ketara ini. Maka, soalan pertama, adakah kerajaan dapat memberi jaminan dalam Dewan yang mulia ini bahawa pihak kerajaan akan mengikuti dan membelanja mengikut rancangan yang dibuat dalam bajet ini? Dan kedua, adakah kerajaan tidak akan membentangkan sebarang perbekalan tambahan pada tahun hadapan sebagai bukti bahawa Bajet 2017 adalah betul-betul satu bajet lebihan yang sebenar, dan menunjukkan, membuktikan bahawa kecekapan pihak kerajaan mengurus tadbir kewangan negeri Johor? Soalan ketiga, apakah rasionalnya perbelanjaan penyelenggaraan, kerja-kerja baik pulih dimasukkan dalam Maksud Perbelanjaan Pembangunan, tetapi bukan seperti perbelanjaan pengurusan sepertimana yang berlaku untuk bajet-bajet sebelum tahun 2016. Makna, dalam bajet-bajet sebelum ni tahun 2015 dan terdahulu, perbelanjaan ini adalah sebagai perbelanjaan pengurusan. Maka, apakah rasionalnya? Keempat, sebenarnya rakyat tertanya-tanya sama ada kerajaan betul-betul memperuntukkan perbelanjaan yang lebih besar dalam perkara pembangunan ataupun dia hanya menggambarkan perubahan cara perakaunan? Maka kerajaan perlu membuktikan bahawa semua makna kerajaan betul-betul memperuntukkan lebih banyak perbelanjaan dalam perkara pembangunan tetapi ianya bukan satu silap mata dengan angka ataupun cara perakaunan saja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bajet tahun 2017 dengan tema 'Johor Berkemajuan, Rakyat Sejahtera', ini menunjukkan bahawa kerajaan sedar bahawa sesuatu masyarakat yang maju belum tentu akan membawa kesejahteraan hidup kepada anggotanya. Sebagai contoh, kita bangga dengan pencapaian negeri Johor dalam pelbagai bidang yang boleh melayakkan kita digelar sebagai negeri maju. Namun begitu, adakah kita boleh menganggap bahawa penduduk-penduduk di sekitar daerah Mersing, Kota Tinggi, Kluang dan sebahagian Johor Bahru hidup sejahtera apabila mereka mengalami gangguan bekalan air? Maka, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan beberapa projek yang memberangsangkan untuk menangani isu air di negeri Johor.

Bagaimana pun, ada beberapa persoalan perlu ditimbulkan supaya projek-projek ini betul-betul membawa manfaat kepada seluruh rakyat Johor. Iaitu soalan keenam, bilakah pihak kerajaan untuk membuat umumkan pendapat dan Laporan Kajian Sumber Air Negeri Johor atau pun dengan izin, *Johor Water Resource Study 2010 - 2016* untuk pengetahuan awam?

Yang ketujuh, sekarang ini orang awam hanya dapat mengetahui rancangan yang ada untuk menangani isu-isu air melalui Laporan Kajian Sumber Air Negara, atau pun dengan izin, *National Water Resource Study*, tahun 2000 hingga 2050. Adalah kurang sesuai, sekiranya kita hanya bergantung kepada satu sumber sahaja untuk mengkaji sesuatu isu. Maka, bukankah satu itu, satu perkara yang baik untuk supaya kita mempunyai sumber tambahan sekiranya ada, untuk lebih memahami isu-isu krisis air yang kita hadapi sekarang. Apakah masalah yang atau pun halangan yang mengakibatkan pihak kerajaan berasa begitu berat untuk mengumumkan Laporan Kajian Sumber Air Negeri Johor untuk fahaman dan kajian orang awam?

Kesembilan, Mengkibol merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dalam usaha memulakan pembinaan Loji Rawatan Air Kahang yang sebenarnya dinanti-nantikan oleh seluruh warga Kluang dengan peruntukan RM125 juta. Berdasarkan Kajian Sumber Air Negara, tahap pertama, *stage one*, untuk Loji Rawatan Air Kahang dijangkakan siap dibina pada tahun 2014. Bagaimana pun, kita hanya ingin memulakan pembinaan loji rawatan air ini pada tahun 2017, pada tahun hadapan. Maka kerajaan harus menjelaskan kepada seluruh warga Johor sebab-sebab mengapa projek yang pada mulanya dijangka siap dibina pada tahun 2014, hanya dimulakan pembinaannya pada tahun hadapan? Ini telah menyebabkan kita terpaksa mengeluarkan perbelanjaan lebih, lebih RM15 juta untuk menyambung satu paip, untuk menyalurkan air dari Empangan Kahang ke Loji Rawatan Air Sembrong Timur jika perlu pada, sekiranya Empangan Kahang siap dibina pada tahun 2019. Maka sebenarnya, sekiranya loji rawatan air ini dibina mengikut jadualnya, kita tidak perlu berbelanja lebih dan dia sempat beroperasi selaras dengan pembinaan Empangan Kahang. Dan serupanya dengan cadangan-cadangan lain yang dinyatakan dalam Kajian Sumber Air Negara iaitu, ada satu cadangan untuk membina satu *Infiltrable Rail* dengan izin merentasi Sungai Sembrong Kiri yang dirancang siap dibina pada tahun 2011. Tetapi, apakah sebabnya sehingga sekarang projek ini, cadangan ini tidak dilaksanakan? Keadaan ini sebenarnya Dato' Specker, keadaan ini telah menyebabkan SAJ Holdings terpaksa mengeluarkan peruntukan sendiri, perbelanjaan sendiri untuk membina, menambah sedikit daripada di bahagian *intake* sungai tersebut untuk meninggikan sedikit paras air di *intake*. Maka, kalau pihak kerajaan telah membuat pembinaan melaksanakan pembinaan ini mengikut jadual, maksudnya masalah yang kita hadapi tidak akan begitu teruk.

Soalan kesebelas, kita juga mendapati ada pelbagai aktiviti pertanian yang mendatangkan kesan buruk kepada kawasan tadahan air Sungai Sembrong Kiri yang selalu menghadapi masalah penyusutan yang begitu drastik terutamanya dalam musim kemarau. Aktiviti-aktiviti pertanian tersebut dijalankan di sebenarnya di tebing sungai sahaja, jangan kata kawasan tadahan air. Jadi, sebagai satu sumber air yang penting untuk warga Kluang, apakah rancangan pihak kerajaan untuk membaik pulih kawasan tadahan tersebut? Kajian Sumber Air Negara juga telah mengesyorkan supaya Empangan Bekok di naik taraf bagi menampung permintaan yang semakin meningkat di daerah Batu Pahat. Bagaimanakah perkembangan rancangan ini?

Apakah masalah atau pun halangan yang dihadapi kerajaan sehingga projek yang dijangkakan siap pada tahun 2011 mengalami kelewatan? Satu lagi cadangan dalam laporan yang sama adalah membina Baraj Seng Heng untuk menambah pembekalan air mentah sebanyak 53, maaf 530 juta liter sehari. Projek ini dijangkakan siap pada tahun 2012, untuk membekalkan air kepada penduduk di sekitar daerah Johor Bahru. Apakah perkembangan terkini pelaksanaan projek ini? Satu lagi rancangan untuk pembekalan air di daerah Johor Bahru adalah pembinaan Empangan Jengri yang membekalkan air mentah sebanyak 135 juta liter sehari yang dijangka siap pada tahun 2012. Apakah perkembangan projek ini? Adakah kelewatan projek-projek tersebut merupakan salah satu faktor penyumbang kepada krisis air yang berlaku di sekitar daerah Johor Bahru pada tahun lepas?

**YB Timbalan Speaker :** Mengkibol, sila gulung. Masa dah..

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Baru sampai soalan 17, Dato'.

**YB Timbalan Speaker :** Kalau nak begitu, sampai besoklah..

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Ha, hah.. ok, saya cuba cepatkan. Jadi apakah, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk melaksanakan projek-projek ini? Sekiranya ada, apakah punca utama yang menyumbang kepada kelewatan projek ini? Jikanya tidak, mengapa kerajaan membuat keputusan sedemikian? Memandangkan penduduk-penduduk di Mersing mengalami gangguan bekalan air yang berlanjutan lebih daripada 6 bulan, adakah kerajaan begitu yakin bahawa masalah ini dapat diselesaikan dengan projek naik taraf Empangan Chongok? Untuk memastikan kelestarian bekalan air di daerah Mersing, adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk memulakan pembinaan Empangan Mersing dengan lebih awal, supaya projek ini dapat di siap lebih awal atau tepat pada masa seperti yang dijadualkan iaitu tahun 2022 seperti yang disyorkan dalam Kajian Sumber Air Negara?

Makna, selama ini kita bergantung kepada bajet persekutuan untuk pembangunan rancangan air di negeri Johor, tapi apabila kita mengkaji bajet persekutuan, itu satu perkara yang begitu menyedihkan di mana keseluruhan rancangan ini, projek-projek yang terlibat menelan peruntukan sebanyak RM775 juta.. RM775 juta.., tetapi projek ini atau pun bajet tahun ini, hanya diberikan oleh persekutuan RM34 juta. Adakah kita perlu menunggu sebanyak lebih daripada 20 tahun supaya semua projek-projek yang di rancangan dalam bajet-bajet ini dapat diselesaikan atau dijalankan sepenuhnya? Sampai masa itu kita terpaksa berhadapan dengan masalah baru. Maka kerajaan, pihak kerajaan perlu mencari jalan atau pun memberi desakan kepada kerajaan persekutuan supaya isu pembekalan air ini diberikan penekanan yang sewajarnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, projek landasan berkembar dijangkakan bermula tidak lama lagi. Namun begitu, ada beberapa perkara yang masih belum terjawab yang mungkin memberi impak kepada penduduk-penduduk setempat termasuk penduduk di Kluang. Apakah dasar yang menjadi asas kepada pihak kerajaan dalam meluluskan segala projek dari reka bentuk projek ini? Adakah reka bentuk dan rancangan yang dibentangkan lebih daripada lima tahun lalu, masih diguna pakai sekarang tanpa sebarang kaji semula atas rancangan asal? Mengapa tidak kerajaan menubuhkan satu Cocus berkenaan isu projek ini bagi mengumpul pendapat dan maklum balas daripada awam ke atas inisiatif kerajaan negeri Johor supaya

pelaksanaan projek ini memenuhi kehendak perkembangan semasa masyarakat setempat? Apakah salahnya sekiranya ADUN-ADUN Stulang, Senai, Bekok, Jementah dan Mengkibol duduk turut terlibat dalam Cocus ini, dan terus menyumbang pendapat untuk menambah baik dan melancarkan lagi pelaksanaan projek ini? Apakah pendirian pihak kerajaan berkenaan cadangan untuk merobohkan dua buah jejambat yang menghubungkan kedua-dua belah landasan kereta api di pusat bandar Kluang? Kita perlu faham bahawa cadangan untuk merobohkan jejambat-jejambat ini sebenarnya membelahkan bandar Kluang? Dan mendatangkan impak yang besar iaitu menerukkan lagi kesesakan lalu lintas di bandar terutamanya pada waktu puncak. Bagi memastikan projek-projek ini tidak menyulitkan penduduk-penduduk di Kluang bukannya kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan perlu membuat sesuatu untuk memberi cadangan, *feedback* kepada pihak KTM untuk mengubah reka bentuk projek ini?

Yang Berhormat Dato' Speaker, apakah rancangan pihak kerajaan dalam menaik taraf keselamatan lalu lintas di Jalan Batu Pahat – Kluang, terutamanya dalam keadaan di mana kerajaan persekutuan masih belum meluluskan permohonan untuk naik taraf jalan tersebut? Bukankah keselamatan atau pun kesejahteraan rakyat perlu diberikan keutamaan? Dan kita perlu membuat sesuatu untuk sekurang-kurangnya mengurangkan kerugian nyawa dan harta yang dihadapi oleh rakyat, sebelum kerajaan persekutuan yang dikatakan kleptokrasi itu, dapat bertindak sewajarnya.

**YB Timbalan Speaker :** Ok.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Kita perlu bertindak dahulu. Maka..

**YB Timbalan Speaker :** Mengkibol, sila tutup..

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Ada lagi, Ada lagi dua tiga soalan..

**YB Timbalan Speaker :** Kita bagi boleh, kawan-kawan lain untuk berucap.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Ya.. dua minit lagi.

**YB Timbalan Speaker :** Sila duduk.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Dua minit lagi.. saya akan habiskan.. Jadi apakah masalah yang dihadapi oleh kerajaan dalam membina beberapa buah jejantas ataupun kemudahan-kemudahan pejalan-pejalan kaki yang lain, bagi memudahkan pengguna jalan raya dalam melintasi Jalan Mersing yang semakin sibuk. Mengkibol sebenarnya telah membuat permohonan untuk membuat demikian, lebih daripada dua tahun yang lalu, namun sehingga sekarang masih belum ada apa-apa tindakan berita baik daripada kerajaan.

Tahniah kepada Dato' Setiausaha Kerajaan dalam menubuhkan satu *task force* memerangi gejala perjudian haram. Apakah pencapaian *task force* ini? Dan apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mencegah pusat-pusat judi haram ini beroperasi semula dalam masa yang terlalu singkat selepas penguatkuasaan dan operasi dijalankan? Ada yang dibuka semula hari keesokannya. Maka, dengan singkat pihak kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar

haruslah membuktikan kepada seluruh warga Johor bahawa kerajaan negeri Johor bertegas dalam menegakkan prinsip integriti. Maka soalan terakhir daripada Mengkibol adalah adakah pimpinan kerajaan negeri Johor sedar bahawa siapakah MO1 yang dimaksudkan oleh DOJ Amerika Syarikat dan terus memberi sokongan yang tidak belah bahagi kepada beliau dan kerajaan kleptocracy tersebut sehingga PRU 14? Sekian, terima kasih.

**YB Timbalan Speaker :** Sila Bukit Permai.

**YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) :** Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Dato' Speaker, kerana memberi peluang dan laluan kepada Bukit Permai untuk berbahas yang di bawa oleh Rengit. Pertamanya Bukit Permai ingin merafak sembah tahniah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan sempena ulang tahun kelahiran Yang Maha Mulia Tuanku pada hari semalam. Semoga Allah lanjutkan usia Tuanku.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai Ahli Dewan kita perlu bertanggungjawab dalam mengeluarkan sebarang kenyataan. Janganlah kita pada hari ini mengeluarkan kenyataan secara sembrono yang membolehkan memberi persepsi yang mengelirukan kepada rakyat di luar sana. Pada kesempatan ini, yang awal ini saya ingin merujuk kepada beberapa Ahli Dewan daripada pembangkang yang mempertikaikan belanjawan negeri Johor dengan mempersoalkan tentang peruntukan tambahan. Mereka asyik berulang-ulang kali terutama Pengkalan Rinting dan juga tadi daripada Mengkibol turut menyatakan tentang peruntukan tambahan. Mereka sentiasa memberi persepsi kepada rakyat daripada satu sudut. Tetapi mereka tidak pernah melihat daripada sudut yang lain. Mereka hanya menceritakan tentang tambahan peruntukan tetapi kenapa mereka tidak bercakap tentang tambahan hasil.

Apabila mereka melihat dari satu sudut maka mereka nampak jawapan yang salah. Bagi saya Ahli Dewan Pengkalan Rinting, dia tidur, dia tidak mengikuti sidang Dewan ini dengan tepat, kerana apa Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi di luar Dewan, saya melihat dan saya merakamkan gambar yang Berhormat Pengkalan Rinting mengeluarkan artikel bahan bercetak yang mengelirukan rakyat. Di mana menurut laporan audit yang telah dibentangkan di Parlimen dan dibawa ke Dewan ini pada bulan April 2016, secara jelas laporan audit ini mengatakan bahawa negeri Johor mencatat lebih untuk belanjawan 2014 lebih sebanyak 359 juta. Tetapi bahan bercetak yang disarkan di luar Dewan oleh Pengkalan Rinting mengatakan bahawa kita mempunyai defisit 129 juta, ini pemalsuan dokumen audit yang telah dibentangkan di dalam Dewan ini. Jadi, saya menyeru supaya kita melalui Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kita ambil tindakan terhadap Pengkalan Rinting yang memalsukan dokumen audit yang telah dibentangkan di dalam Dewan. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, tidak habis dengan itu Pengkalan Rinting juga ada mengeluarkan kenyataan berbentuk *play hard* ini, kita defisit 200 juta pada 2015, sebab ada peruntukan tambahan, sedangkan jabatan audit negara telah mengeluarkan kenyataan bahawa menurut Laporan Audit Negara untuk 2015 yang ini belum bentang di Parlimen tetapi Jabatan Audit Negara telah pun membuat kenyataan kumpulan wang disatukan bagi negeri Johor meningkat sebanyak RM317.6 juta iaitu meningkat RM2.3 billion pada 2014 kepada RM2.6 billion pada 2015. Kerajaan

negeri mencatat lebih sebanyak 153.83 juta menjadikan hasil pada 31 Disember 2015 berbaki 998 juta. Ini kenyataan daripada Jabatan Audit Negara. Macam mana Pengkalan Rinting boleh kata kerajaan negeri mengalami defisit sebanyak 200 juta. Ini malangnya rakyat kalau menerima satu Ahli Dewan yang menipu yang memalsukan dokumen-dokumen rasmi kerajaan. Ini mengelirukan rakyat, ini palsu yang ditunjuk peruntukan tambahan hasil tambahan kenapa tak tunjuk. Sebab itu, jadi Ahli Dewan ini perlu bertanggungjawab. Kemudian, ada pulak yang mengatakan kononnya semalam kita dengar semua orang seronok sebab yang bercakap tu perempuan. Dewan ini, perempuan tak ramai, apabila perempuan bangun bercakap wah semua seronok.

Saya tengok Dato' Speaker pun semalam boleh tahan juga, tengok Senai semalam cakap, Senai cakap amalan perakaunan kreatif iaitu creative accounting practise. Bahasanya halus, tapi dia boleh menimbulkan persepsi buruk kepada rakyat di luar sana. Ini tidak baik. Kerana apa, kerana mendakwa kononnya kita meletakkan urusan pengurusan ini, belanja pengurusan di bawah tajuk pembangunan. Cuba lah tengok betul-betul muka surat 84, buku ni ha. Semua Ahli Dewan dapat ni. Bawah Maksud Pembangunan 72, mana ada kata kod 72006 daripada 4.3 juta meningkat kepada.. mana ada kata itu duit penyelenggaraan. Dia tak cakap itu duit penyelenggaraan pun. Tapi Senai cakap, ni verbatim ni ada kat saya. Kenapa penyelenggaraan bangunan meningkat, mendadak ke 4.3 dari 4.1 juta. Ini tak betul ni. Dekat buku ni tak cakap pun penyelenggaraan. Kerana bawah SUK Pengurusan ni banyak jabatan. Banyak jabatan, UPEN, BAKAJ, macam-macam jabatan bawah SUK Pengurusan. UPEN pun nak bangunan baru. BAKAJ pun nak bangunan baru. Kemudian, di bawah Maksud 72 Pembangunan ini dia ada sebut bukan penyelenggaraan saja, naik taraf, naik taraf, naik taraf. Bila sebut naik taraf maknanya ada kerja-kerja fizikal yang berlaku. Pecah bumbung ke, pecah tangga ke, ini pembangunanlah ni. Takkan nak sebut ini sebagai emolument. Ini pembangunan. Bila dia sebut mengamalkan perakaunan kreatif, saya tak boleh terima. Saya bidas kenyataan semalam dengan sekeras-kerasnya, bahawa ini bajet yang jujur, ikhlas.

Terima kasih Sungai Abong. Sungai Abong boleh pindah duduk sana. Sebab dah ganti dengan Jorak. Saya duduk sini Dato' Speaker bau. Dulu tak ada bau, sekarang bau bunga. Bunga raya. Bunga raya. Tetapi saya nampak mutu perbincangan pembangkang dari segi bahasa Malaysianya masih belum baik lagi. Jadi, saya harap kesempatan yang ada sementara Jorak ada di sini, Jorak ni merupakan pejuang bahasa kebangsaan. Jadi, kita rasa kehilanganlah bila Jorak ini pejuang bahasa ini hilang. Tapi saya harap ahli-ahli pembangkang ambil kesempatan sementara Jorak duduk sini. Ambil kesempatan untuk perbaiki bahasa kebangsaan, sebelum dia balik ke sana semula. (Dewan ketawa). Ha, itu kena. Eh?. Saya ingatkan baik-baik.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita ni jadi manusia, kita nak membangkang, membangkanglah. Tapi janganlah menipu rakyat. Jangan menipu rakyat! Saya harap kita akan buat usul esok. Kita siasat Pengkalan Rinting kerana memalsukan dokumen jabatan Audit negara ini. Beliau membuat bahan bercetak dan diedarkan kepada wartawan. Ini tak betul.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya baru nak mulalah. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana pada tahun ini telah menyediakan bajet yang sangat inklusif yang telah menyentuh semua aspek dan segenap lapisan masyarakat Bangsa

Johor. Bajet bernilai RM1.6 bilion ini yang mana RM700 juta diperuntukkan untuk pembangunan, yang meliputi 47% jumlah keseluruhan hasil adalah sangat menarik. Bayangkan hasil yang kerajaan kutip sebanyak RM1.6 juta ini, separuh daripada duit yang kerajaan kutip hasil ini kita pulangkan balik kepada rakyat dalam bentuk pembangunan. Inilah betapa murninya hati budi pemimpin Johor pada masa ini.

Dan, lebih manis lagi Dato' Speaker apabila sebanyak 9 kali daerah Kulai disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semasa berucap membentangkan bajet Johor 2017. Yang pertama berkenaan dengan rancangan tebatan banjir di Kampung Melayu Sengkang bernilai RM2 juta. Sebenarnya tahun 2016 projek tebatan banjir melalui JPS ini telah kita terima. JPS Kulai telah terima RM900,00.00. Tapi dalam bajet 2017 ada lagi RM2 juta. Terima kasih. Kemudian rancangan saluran bandar di Kulai iaitu sebahagian daripada RM13.5 juta. Kemudian, jambatan di sungai Gunung Pulai, Kulai iaitu sebahagian peruntukan daripada jumlah sebenar RM79 juta. Keempat berkenaan kumiaan hak milik tanah 195 pemohon bagi tanah seluas 364 ekar di Kampung Rahmat Kulai, Kampung Sungai Besoi, Kampung Pengkalan Indah, DUN Bukit Permai ini semua ni. Terima kasih.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, sepanjang tahun ini 1500 fail tanah tertunggak telah diproses oleh Pejabat Tanah Kulai. 800 dah selesai 5A, 200 bulan Januari 5A, baki bulan Mac 2017 selesai 1500 fail tanah tertunggak. Saya nak ambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini, tahniah, terima kasih kerajaan, PTD Kulai dan PTG kerana begitu lancar buat kerja demi kesejahteraan rakyat. Kelima, naik taraf hutan bandar Kulai. Ini pun dalam DUN Bukit Permai, RM2 juta. Perkara keenam, membina Dewan Raya Taman Scientex Kulai RM250,000.00 juga disebut dalam bajet. Ini belakang saja pejabat Pusat Khidmat DUN Bukit Permai. Perkara ketujuh, membuat kawasan caravan di Gunung Pulai, Kulai RM200,000.00. Dan yang menarik sekali Dato' Speaker, berkenaan dengan pembinaan sekolah agama iaitu Kulai akan dapat 6 buah sekolah agama pada tahun 2017.

Apabila sebut fasal sekolah agama, saya nak sebut tentang Sekolah Agama Bandar Putra. Saya pernah perjuangkan dalam Dewan ini. Kita mohon RM2.5 juta pada tahun 2013, 2014 cakup, RM2.5 juta untuk 10 bilik darjah je. Tapi apa yang menariknya pihak selepas KPRJ ambil alih sekolah agama bandar putera ini dapat RM8.7 juta yang merangkumi 32 buah bilik darjah, bangunan Tadika Agama Johor, dewan berbumbung serta surau dan pusat sumber. Terima kasih banyak-banyak Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan KPRJ. Kita minta sikit, dia bagi banyak dan sangat menguntungkan penduduk Bandar Putra.

**YB Timbalan Speaker :** Kalau dah dapat banyak tu, gulung aje lah YB.

**YB Tuan Haji Ali Mazal bin Salleh (Bukit Permai) :** Saya akan gulung. Sembilan, yang terakhir, perkara yang disebut. Perkara yang disebut dalam bajet, Masjid Al-Mukminin Jalan Cengal sebanyak RM2.6 juta. Yang ini saya minta sambil bergurau aja. Waktu majlis buka puasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar datang, bisik-bisik dah dapat RM2.6 juta.

Dato' Speaker, tahniah kepada KPRJ ya, kerana begitu pantas dan proses pembinaan sekolah agama tu pun dah melebihi jadual progress di tapak. Bagi rakyat DUN Bukit Permai, tak manis dan tak patut kalau saya tak bawa soal pembangunan di Bukit

Permai. Bajet pembangunan ini RM700 juta, saya harap limpahan dia dapat kepada rakyat di DUN Bukit Permai. Jadi, saya nak kaitkan bajet ini dengan Pelan Pertumbuhan Strategik Johor, khusus untuk kawasan Bukit Permai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya minta perkara ini pihak UPEN, pihak KKLW, pihak FELDA, tolong beri perhatian. Kulai ni, kalau kita ambil Bandar Kulai iaitu Bandar Kulai Lama tu sebagai *Center of Reference*, Kulai ni ada 3 koridor. Yang pertama ialah Kulai ke Senai, itu satu koridor. Kemudian Kulai ke Bukit Batu, 1 koridor dan ada 1 koridor lagi tempat Dato' Speaker selalu ulang alik iaitu Kulai-Sedenak-Kota Tinggi. Ini 1 koridor. Ada 3 koridor di Kulai. Tetapi, kalau kita lihat dari segi pembangunan, koridor Kulai-Senai ini sangat membangun. Kulai-Senai sangat membangun kerana tanah-tanah ini milik swasta. Milik pemaju. Tanah ini bernilai tinggi. Dia kerajaan tak payah buat apa-apa pun, dia akan *develop by it self* memang pemaju akan majukan. Kerajaan tak payah buat apa-apa. Dia akan bagi sendiri.

Kemudian, koridor Kulai ke Bukit Batu, yang ini IRDA dah ambil alih. IRDA buat projek mikrosoft, ICT untuk teknologi maklumat, pusat pengumpulan data sebab bawah IRDA. Tetapi ada lagi 1 lagi koridor, Kulai-Sedenak-Kota Tinggi, koridor ini koridor orang Melayu. Kampung-kampung tradisi FELDA inilah semua koridor ini. Koridor ini belum ada apa-apa. Kebanyakannya di luar kawasan IRDA. Yang ini saya harap UPEN, FELDA dan KKLW tolong tengok. Kerana apa, kita hari ini yang duduk dalam Dewan ini, yang bertugas memegang jawatan, kita bertanggungjawab. Saya sebagai ADUN Bukit Permai, saya tak rela, 20 tahun lagi orang Melayu di Kulai duduk terpinggir. Kerana pembangunan di Senai tak seimbang dengan koridor Kulai-Senai dan Kulai-Kota Tinggi, pembangunan dia tak seimbang. Saya nak kitalah sebagai anggota kerajaan, bantu orang-orang Melayu ni, bangunkan tempat tu. Kita wujudkan kawasan pertumbuhan baru, kerana apa, tempat itu mampu dijadikan kawasan pertumbuhan Melayu yang baru. Kerana apa, kerana di situ, saya nak cerita dengan Dato' Speaker, di situ semua kawasan yang saya sebut tadi, Kulai-Sedenak-Kota Tinggi, ada lebih kurang 9 FELDA. 9 FELDA merangkumi 1,500 rumah. Kalau dia ada anak 4, maksudnya ada lebih kurang 6 orang satu rumah. 1,500 kali 6 ada 9,000 *population equivalent* dengan izin. Kalau 9,000 populasi ini membelanjakan RM1,000.00 satu bulan, koridor itu ada kecairan wang sebanyak RM9 juta satu bulan. Sekarang duit ini cairnya ke mana? Tulah ke Senai, ke Kulai, ke Indahpura, ke Bandar Putera. Kenapa tidak kita bawa pembangunan baru yang dipelopori oleh bumiputera supaya kecairan wang RM9 juta sebulan itu boleh ditumpukan di kawasan itu. Untuk kita bangunkan satu bandar baru. Ini perjuangan. Kalau nak cerita ini jihad. Kitalah yang merencana bagaimana kita nak membentuk satu kawasan rantaian bumiputera ataupun *Malay Belt*. Kita tak boleh biarkan pembangunan itu berlaku macam tu sana, kita tengok sana, akhirnya 20 tahun lagi, Melayu Kulai terpinggir. Kulai, Senai terus membangun, yang duduk kampung-kampung FELDA macam gitu ajelah. Sedangkan duit yang memakmurkan ekonomi di Senai, di Kulai-Kulai, duit orang FELDA, duit orang kampung. Jadi, kita kena bawa, ini jihad ekonomi.

Jadi, saya menyeru kepada agensi kerajaan JCorp, KRPJ, PIJ, Agensi Federal, KKLW, FELDA, marilah bersama-sama saya kita jalankan jihad ekonomi untuk kita membentuk satu perkampungan penempatan perbandaran baru orang Melayu di Kulai supaya melayu Kulai tidak terpinggir untuk tempoh puluhan tahun akan datang.

**YB Timbalan Speaker : Ok**



**YB Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih banyak-banyak kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Barisan EXCO kerana telah meletakkan Kulai antara tajuk-tajuk utama dalam bajet tahun ini. Daun selasih daun mengkudu, terima kasih, *thank you*. Bukit Permai menyokong rundingan yang dibawa oleh Rengit. Terima kasih.

**YB Timbalan Speaker :** Orang *engineer* bina pantun macam tu eh? Pemanis.

**YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) :** Terima kasih. Terima kasih Dato' Speaker dan Ahli Dewan yang saya sanjungi sekalian. Pasti Johor No. 1, Pemanis amat teruja dengan matlamat dan hala tuju pembangunan negeri Johor. Sebagaimana yang di gariskan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu melahirkan masyarakat terbaik yang bukan sekadar negeri maju. Telah tiba masa Johor lepas daripada sindrom dan tahap Malaysia Boleh, iaitu bukan lagi sekadar buat apa yang orang lain buat. Itu mediokratik.

**YB Timbalan Speaker :** Pemanis sila rehat sekejap.

**YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) :** Terima kasih.

(Dewan berhenti seketika bagi menghormati laungan azan).

**YB Timbalan Speaker :** Sila Pemanis, sambung.

**YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya teruskan, saya teringat sesuatu perkara di mana kadang kala kita berusaha begitu gigih dan kuat, kerajaan, pihak Wakil Rakyat Barisan Nasional, di Dewan ini, kita mempersembahkan hasil usaha kita tapi bila kadang kala balik kawasan di luar sana, gambaran awam terhadap prestasi kerajaan lain. Kononnya saya rasa, bergantung kepada bagaimana media melaporkan, jadi saya dah lama kita nak meminta kerajaan khasnya pihak EXCO untuk meneliti *Press Statement* daripada pembangkang dan juga isi yang mereka persembahkan khasnya di luar Dewan ini, supaya satu gambaran yang lebih jelas, yang menyeluruh. Kalau tidak setiap kali balik kawasan, kita rasa hampa kerana mereka dapat gambaran yang amat lain sekali ya. Dengan apa yang kita melalui di Dewan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, justeru marilah bersama-sama menyahut visi Yang Amat Berhormat Menteri Johor dan menjadikan Johor terbaik, No. 1. Dalam semua bidang aspirasi ini tidak perlu terhad dengan membuat hanya perbandingan antara kita di Johor ini dengan negeri lain atau putera kebangsaan. Ia seharusnya berada dalam kelompok perbandingan antarabangsa atau kumpulan serantau.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam usaha kita untuk memacukan tenaga bagi menjadikan Johor yang lebih produktif dan progresif, ada 2 perkara yang perlu dijadikan agenda utama. Pertama, perolehan bakat. Kita mesti berusaha memperolehi dan mendapatkan bakat berkemahiran tinggi khasnya dalam bidang teknologi dan pendidikan. Johor sedang bersaing dengan Singapura, Lembah Klang dan Putrajaya khasnya untuk sumber manusia yang boleh memimpin dan menambah nilai sebagai bidang sama ada dalam pelbagai bidang dan sama dalam sektor

swasta atau pentadbiran awam. Sebagai permulaan, kita seharusnya mengelak daripada mengulang usaha-usaha yang dilakukan pada peringkat nasional seperti *TalentCorp* yang memanjakan mereka dari luar negara dan memberi insentif yang bukan-bukan. Kita telah melihat usaha ini akhirnya tidak mencapai objektif yang diharapkan. Apa yang penting adalah membangunkan satu keadaan di mana mereka yang berpakat dan berpotensi dengan relanya, berkhidmat di negeri Johor, mari kita sediakan ruang dan peluang untuk mereka menyatakan aspirasi kerjaya dan agenda ini pada pendapat Pemanis, merupakan agenda kepada, merupakan ibu kepada semua agenda untuk memajukan negeri Johor.

Kedua, pentadbiran berintegrasi...

**YB Dato' Timbalan Speaker** : Pemanis, panjang lagi?

**YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis)** : Agak panjang juga.

**YB Dato' Timbalan Speaker** : Sila Duduk

**YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis)** : Terima kasih.

**YB Dato' Timbalan Speaker** : Ok sila duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan Majlis Agama Islam Negeri Johor telah membuka cawangan kaunter taksiran dan bayaran zakat harta, bayaran saham Wakaf Johor dan fidyah di Aras 1, Bangunan Sultan Ismail, Kota Iskandar. Sapa-sapa yang berminat bolehlah berurusan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan ke jam 2:30 petang.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 tengah hari.**

**Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.**

**YB Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita masih dalam urusan Perbahasan Atas Rundingan Bacaan Kali Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2017) Tahun 2016. Perbahasan ini disambung semula, saya persilakan Yang Berhormat Pemanis untuk menyambung sedikit lagi ucapan. Jemput.

**YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis)** : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Dalam sesi tadi, saya sebut ada beberapa perkara yang perlu kita jayakan untuk menjayakan Gagasan Johor Berkemajuan. Perkara pertama ialah Perolehan Bakat dan kedua Pentadbiran Berintegriti yang perlu kita sentiasa mempertingkatkan kualiti pentadbiran integriti. Kita mesti mensasarkan penjawat awam kita adalah terbaik di Malaysia dan rantau ini. Kecekapan dalam pengurusan dan pengurusan-pengurusan dan ketelusan kewangan dan agensi-agensi kerajaan boleh kita ukur dengan mendapat penarafan bintang penuh daripada Jabatan Audit Muar bagi semua jabatan. Dengan pencapaian dan harapan kita, kita juga harus memastikan semua penjawat awam kita mendapat ganjaran yang setimpal dengan usaha dan prestasi mereka.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, marilah kita seluruh Bangsa Johor mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri Johor yang Berjaya menyimpan rizab yang kukuh. Perbelanjaan berhemah Yang Amat Berhormat Menteri dan usaha kerajaan Negeri Johor memungkinan kita mencapai rizab simpanan lebih RM3 bilion. Rizab yang tinggi ini boleh dianggap tong emas pertama untuk Johor sepertimana untuk individu. Ia merupakan satu paras simpanan yang boleh memberi kita keyakinan dalam menggariskan senario masa depan dan dapat melipatgandakan tambah nilai kekayaan melalui peningkatan kuasa tawar-menawar. Ini sesuatu yang wajar diraihkan, namun suka Pemanis cadangkan kita berusaha lagi untuk mengatur langkah menuju ke matlamat kita untuk mencapai rizab RM10 bilion. Usaha hendaklah diteruskan bagi mensasarkan rizab simpanan yang tinggi tanpa mengabaikan sokongan kebajikan minima untuk rakyat. Sumber untuk pembangunan dan pengurusan Johor dan Malaysia, yang dinikmati kita semua di Dewan ini dan juga dengan generasi sebelum kita, selama ini lebih berasaskan bumi. Hasil bumi merupakan sesuatu yang makin kurang bekalan dan makin mahal perolehannya. Jadi, rizab ini wajar disimpan baik-baik walaupun dah dengar banyak pihak rasa ini kekayaan bersama dan desak kerajaan untuk agih-agihkan kepada semua rakyat secara terus atau melalui program.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Pemanis ingin menekankan bahawa wajar kita anggap rizab ini adalah rizab untuk anak dan cucu kita.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, satu bentuk rizab yang sama penting ialah ilmu dan kemahiran yang dimiliki oleh watan Johor. Pendidikan harus diutamakan. Untuk menghasilkan Bangsa Johor yang berkualiti dan produktif, Pemanis mencadang supaya satu Tabung Pembangunan Pendidikan Negeri Johor di tubuhkan dengan asas dan tujuan berikut

1. Mencungkil dan membina rizab atau simpanan bakat dan kemahiran menerusi pemberian biasiswa.
2. Menubuhkan institut pengajian pendidikan dan pembangunan insan bagi mengkaji keadaan pendidikan formal dan tidak formal termasuk pendidikan yang diterapkan ke dalam institusi keluarga warga Johor. Membangunkan tenaga pembangunan pendidikan dan pengurusan pendidikan setempat termasuk penglibatan kualiti dan keupayaan PIBG, NGO dan komuniti yang menyumbang kepada peranan pendidikan.
3. Tabung ini perlu mengisi kekurangan dan sebagai pelengkap kepada sistem pendidikan kebangsaan contohnya sokongan pentadbiran dan pembangunan, bahan pengajaran dan pembelajaran di dalam pelaksanaan sistem PBS. Ini juga menepati anjakan ke 6 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 sampai 2015 di mana kita perlu mengupayakan Jabatan Pendidikan pada peringkat negeri dan daerah serta sekolah untuk membangunkan bahan pengajaran berdasarkan keperluan.
4. *Johor school*, Sekolah Johor kita boleh membangunkan kaedah pelajaran dan persekolahan yang baharu mengambil kira unsur di dalam sistem kebangsaan, sistem sekolah antarabangsa dan sistem pendidikan negara maju seperti Finland. Sebagai permulaan kita boleh melaksanakan berasaskan sistem

modular program atau *summer camp* pada hujung minggu dan cuti sekolah. Murid daripada latar belakang etnik, sosio dan geografi yang berlainan boleh belajar bersama-sama bahkan kita juga boleh menjemput murid dari rantau ASEAN bagi beri pendedahan antarabangsa kepada pelajar kita.

Yang Berhormat Dato' speaker,

5. Pemanis percaya kita perlu memberi peluang sama rata kepada semua pelajar tidak kira tahap pencapaian mereka. Sudah masanya kita kaji semula, adalah perlu dan adil bagi kita untuk mengasingkan murid mengikut pencapaian awal ke sekolah khas dan terpilih. Ini menjadikan mereka yang mendapat pencapaian baik pada awalnya akan terus mendapat faedah dan yang lemah, besar kemungkinan akan tetap lemah. Matlamat ini akan membawa makna bahawa semua sekolah harus memiliki kualiti dan kemudahan yang sama. Apa yang membezakan adalah intervensi dan program khas bagi menangani mereka yang lemah dan pencapaian luar biasa. Dan Tabung Pendidikan Johor ini diharapkan dapat bantu membina peluang pendidikan sama rata ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

6. mempertingkatkan kualiti keibubapaan, *parenting*, kita mesti ada usaha khas melalui pendidikan, aktiviti dan panduan keibubapaan dan sebagainya dalam usaha kita menjana minda dan tabiat yang baik di kalangan rakyat Johor. Kita harus sedar bahawa prestasi pembelajaran bergantung kepada latar belakang sosio ekonomi sesebuah keluarga dan komuniti sekeliling. Jadi kita sering memandang ringan tanggungjawab keibubapaan ia nampak remeh tetapi memberikan kesan besar kepada banyak perkara. Malah negara ini tidak kira berapa tinggi ilmu kita, berapa darjat iman kita, berapa besar rasa patriotisme kita kepada negara bangsa, jika kita tidak menjalankan tanggungjawab keibubapaan dengan cara yang berkesan kita tidak dapat membina sebuah tamadun negeri yang kukuh dan baik. Masalah generasi kita banyak berpunca daripada ibu bapa. Inilah membezakan antara negara yang maju dan negara yang kurang maju. Untuk usaha dalam masa terdekat, Johor boleh juga menuntut untuk mempercepatkan pelaksanaan anjakan ke 8 *blue print* pendidikan bagi mendapatkan dan menurunkan lebih pegawai dalam pentadbiran atas ke peringkat negeri dan daerah. Dengan ini kita akan dapat bergerak dengan lebih cepat, berkesan dan progresif. Kemahiran, pengalaman dan ilmu yang dimiliki oleh pegawai-pegawai pendidikan ini akan menjadi pemangkin dalam usaha kita untuk memajukan dalam segenap pelosok negeri dan daerah di Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, aspirasi kita sebagai bangsa Johor hendaklah berasaskan Johor utamakan pendidikan. Pendidikan jadi utama dan pilihan utama dalam perancangan kita. Keistimewaan sebagai anak bangsa Johor hendaklah berteraskan pendidikan terbaik untuk mereka dari segi sumber, sokongan, kemudahan dan peluang membina masa hadapan yang cerah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dengan ini saya turut menyokong usul Rengit. Terima kasih.

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Pemanis. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tanjung Puteri

**YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh (selawat). Salam hormat, salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Tanjung Puteri juga ingin merakamkan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada hari semalam. Tanjung Puteri juga mendoakan semoga Duli Yang Maha Mulia diberi kesihatan dan dipanjangkan umur. Insya-Aillah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Tanjung Puteri berterima kasih kepada Tan Sri Speaker kerana memberi peluang untuk turut serta bagi sesi perbahasan Bajet 2017 pada hari ini. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah membentangkan bajet bagi 2017 pada 17 November yang lalu yang bertemakan "Johor Berkemajuan Rakyat Sejahtera". Bajet yang dibentangkan rata-rata, rakan-rakan sudah mengatakan yang lainnya begitu komprehensif, inklusif bahkan pada saya lainnya begitu prihatin dan juga berani. Tanjung Puteri akan menyentuh perkara-perkara keberanian yang disampaikan oleh yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam pembentangan beliau. Mungkin ada ahli politik tidak menyukainya baik dari pihak pembangkang mahupun pihak penyokong kerajaan. Tapi sebelum Tanjung Puteri menyentuh perkara-perkara tersebut, Tanjung Puteri ingin membawa isu-isu setempat di dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Tanjung Puteri sendiri.

Terutamanya, mengenai projek *rail* berskala besar. Sebagaimana kita ketahui memang dah digembar-gemburkan pembinaan landasan berkembar dari Gemas ke Johor Bahru yang berharga lebih kurang RM9 bilion dan dengan peruntukan daripada kerajaan pusat sebanyak RM400 juta dan akan dimulakan pada tahun 2017. Tanjung Puteri cuma inginkan memohon agar didahulukan kerja-kerja pelebaran jalan dan juga naik taraf jambatan jalan raya yang melintasi rel kereta api tersebut yang berada dalam DUN Tanjung Puteri. Pertama, di Jalan Larkin Perdana masuk kepada Jalan Kampung Melayu. Keduanya di Jalan Kebun Teh dan juga di Jalan Abad.

Kalau kita lihat di Larkin Perdana ini waktu puncaknya, pagi dan juga petang lainnya begitu sesak dengan kenderaan hinggalah ada pihak-pihak pembangkang mengambil kesempatan. Mereka mengatakan yang ADUN di dalam kawasan tak menjalankan tugas tak dapat memberi sumbangan kepada rakyat kerana lainnya berkenaan dengan kesesakan jalan raya yang melibatkan jambatan kereta api. Jadi, Tanjung Puteri telah bawa ini saya rasa begitu lama. Dalam penggal pertama dah habis 5 tahun, penggal ke-2 dah habis 3 tahun, masih lagi belum dapat dijayakan, cuma untuk melebarkan dan untuk memanjangkan jambatan tersebut. Tetapi kali ini, tahun 2017 apabila lainnya akan dimulakan Tanjung Puteri sekali lagi mengingatkan, meminta agar jambatan yang pertama tu yang di Larkin Perdana tu dibuat dulu-dulu. Agar pertamanya, memberi impak yang besar, yang projek-projek kerajaan cadangan yang dijalankan ini memberi segala manfaat kepada rakyat dan juga tak naklah sampai ada orang yang ambil kesempatan kerana kita dah mengutarakan di dalam Dewan berapa kali barulah kerajaan buat. Ini biasa kita dengarlah daripada pembangkang kata macam tu tetapi Tanjung Puteri tak nak *claim* apa-apa asal benda ni dijalankan dibuat cepat dan akhirnya manfaat bagi rakyat, Alhamdulillah.

Keduanya, projek tren berkelajuan tinggi yang akan menghubungkan Kuala Lumpur dengan Singapura. Kalau ianya siap nanti daripada Singapura ke Kuala Lumpur cuma 2 jam. Kalau kita bersidang nanti mungkin malam nanti nak ada dinner orang kerja kahwin di Kuala Lumpur, kita dah boleh pergi kerana pukul 11, 12 malam kita dah boleh balik dan esok sambung sidang negeri lagi. Tetapi dalam perkara ini saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana berani dengan menubuhkan JPAW iaitu Jawatankuasa Pengangkutan Awam Johor agar segala apa kehendak rakyat akan dilihat dan juga boleh diketengahkan kepada Jawatankuasa Ini dan akhirnya Jawatankuasa ini akan menentukan, berbincang dan seterusnya memberi idea yang baik dan nasihat yang baik kepada pihak persekutuan yang akan melaksanakan projek ini di mana akhirnya akan mendapat keputusan yang baik. Jadi bagi DUN Tanjung Puteri kita cuma mintalah jangan daripada Kuala Lumpur terus ke Singapura. Di Johor Bahru sekurang-kurangnya di kawasan Iskandar Puteri ni mesti ada hentian kereta api ini. Ini yang paling penting so, kita boleh daripada Dewan ini boleh terus pergi Kuala Lumpur nanti dengan ambil masa 2 jam saja.

Seterusnya ketiga, projek RMMJ dalam kawasan DUN Tanjung Puteri. Sekali lagi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana di dalam DUN Tanjung Puteri dah ada 4 rumah RMMJ ini yang akan dibina. Pertamanya, sekarang ni sedang dibuat dan sudah lebih kurang 90% siap tetapi ada 3 lagi projek yang kita dapat lihat seperti di Jalan Merak Larkin, di Jalan Susur Tun Razak kawasan Tasek Utara dan juga di Jalan Stulang Baru Taman Baru yang akan dibina satunya daripada oleh KPRJ dan dua lagi akan dibina oleh PIJB. Yang sudah dilaksanakan majlis pecah tanahnya oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada tahun 2015 dan juga awal tahun 2016. Maka, Tanjung Puteri berharap projek ini memang akan dilakukan tetapi mohon disegerakan dan pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti Pejabat Tanah Daerah, seperti Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Majlis Bandaraya Johor Bahru dan juga semua yang terlibat kepada pembinaan ini agar cepat-cepat buat kerja. Jangan sampai orang ramai mengutarakan masalah ini dan akhirnya Wakil Rakyat juga yang akan terpaksa menjawab ni.

Dan Tanjung Puteri juga memuji akan tindakan agar apa yang diperkenalkan iaitu 10% kuota untuk belia ni memang menerima banyak *feedback* daripada orang-orang muda yang mana mereka akan tertunggu-tunggu perkara penglibatan perumahan RMMJ ini di dalam kawasan, sudah datang kepada saya untuk meminta sokongan agar mereka dapat bersama-sama membeli rumah ini dan akhirnya mereka dapat lepas tanggungan daripada ibu bapa mereka dan mempunyai rumah sendiri. Dan juga 10% keutamaan kepada OKU, ini pun saya rasa memang penting kerana mungkin EXCO Perumahan banyak terima surat daripada saya kerana sayalah yang banyak memberi sokongan agar orang-orang OKU ini apabila dapat rumah, mereka hendak rumah yang bawah. Jadi Alhamdulillah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengar tapi saya tak payahlah nak cakap yang saya nak *claim* nanti kalau saya tak cakap dulu tak berlaku benda ni. Tapi kalau benda ni dah berlaku macam ni Alhamdulillah lah kita suarakan akhirnya kerajaan dengar Yang Amat Berhormat cakapkan dalam ucapan bajetnya akan dilaksanakan, insya-Allah.

Seterusnya Skim Sewa Beli, Skim Sewa Beli ini pada 2017, bajet nanti ada RM20 juta peruntukan membeli RMMJ yang berharga RM42,000.00 maka kita dapat lihat memang, memang masalah orang di bawah ataupun *grass root* kita ini memang mereka ini bukan semuanya orang bekerja dengan kerajaan, ataupun mereka ni

bekerja di syarikat-syarikat yang boleh keluarkan *pay slip* mereka. Tapi mereka ni banyak berniaga sendiri apatah lagi sekarang ini, dengan ada ekonomi, *independent economy* ni, *indonomic*, dia panggil. Orang-orang muda ni kebanyakan, saya boleh katakan lebih daripada 2 hingga 3,000 orang sudah berniaga kecil-kecilan, walaupun mereka mempunyai kerja hakiki mereka. Mereka boleh berniaga melalui internet dan sebagainya. Maka ada antara mereka ini yang tidak ada *pay slip* jadi nak dapat pinjaman daripada bank ni menjadi satu masalah besar bagi mereka. Jadi, Tanjung Puteri berharap agar RM20 juta ini memang patutnyalah digunakan oleh kerajaan negeri untuk membeli RMMJ, rumah RMMJ ni dan akhirnya kita sewakan kepada mereka-mereka yang layak ini. Agar satu hari nanti selepas mungkin 5-10 tahun mereka membayar balik ansuran ataupun sewaan mereka ini di *convert* kan menjadi bayaran ansuran dan akhirnya mereka boleh mempunyai rumah ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya saya juga membawa masalah pemandu-pemandu teksi dan juga pengguna-pengguna kereta kenderaan yang menggunakan NGV ini. Kalau kita lihat pada masa ini, mungkin kita tak sedar mereka yang menggunakan NGV ini untuk mengisi gas dia ni mereka terpaksa beratur 2 jam baru dapat mengisi NGV dia. Ini kerana, dalam bandar raya Johor Bahru ni, sampai ke Senai cuma ada 2 aje setakat ini. Tetapi saya baru dapat tahu, itu hari saya dah buat laporan saya minta KPDNKK lihat-lihatkan, maka dah ada balik stesen-stesen minyak yang mempunyai penjualan NGV ni dah boleh berniaga semula. Kerana, pada kes kemalangan maut yang melibatkan letupan kebakaran di stesen NGV di Mount Austin dulu. Oleh kerana itulah kerajaan menghentikan untuk penyelenggaraan stesen-stesen minyak yang mempunyai NGV ni untuk menjaga keselamatan lebih ketat kepada stesen-stesen ini. Tapi dalam masa yang sama saya juga memohon agar kerajaan mempunyai satu badan khusus untuk melihat ataupun mempunyai satu rangkaian agar penjualan NGV ini mestilah sendiri. Tak payahlah mereka bergabung dalam satu stesen minyak dan sebagainya. Oleh kerana mereka ini, perkara-perkara ataupun apa yang mereka lakukan apabila hendak mengisi NGV ni terlalu...

**YB Speaker :** Sila gulung Yang Berhormat.

**YB Datuk Haji Adam bin Sumiru (Tanjung Puteri) :** Jadi terima kasih Tan Sri Speaker, saya akan gulungkannya kerana selain daripada tu saya juga sikit lagi nak kata tentang bajet. Bajet yang saya kata tadi keberanian Yang Amat Berhormat Menteri Besar utarakan di dalam bajet kali ini. Kalau kita lihat pertamanya menaik taraf Majlis Bandaraya Johor Bahru kepada Dewan Bandaraya Johor Bahru. Kalau kita nak menaikkan taraf daripada Majlis kepada Dewan, mungkin Ahli Majlis yang ada pada kali ini, pada masa ini sekarang ini dipilih oleh parti dan tidak mengira latar belakang mereka yang bagaimana. Tetapi sekiranya Dewan Bandaraya nanti maka kerajaan akan memilih mereka-mereka yang benar-benar layak, benar-benar profesional untuk menjadi Ahli Majlis di dalam Dewan Bandaraya itu sendiri.

Jadi, apa yang saya nak katakan adalah saya teruja dengan apa Yang Amat Berhormat Menteri Besar berani buat kerana Dewan Bandaraya ni kalau ianya sudah terbentuk di Johor Bahru nanti mungkin apa hasrat bandar raya Johor Bahru inginkan adalah satu bandar yang *international* jadi bila *international*, Ahli Majlis tersebut sepatutnya memang mempunyai integriti yang tinggi dan juga berkelayakan yang penuh. Mungkin kalangan *lawyer* mesti ada, kalangan *engineer*, *civil engineer*, arkitek, akauntan ha semua ni jadi Ahli Majlis. Tetapi dalam masa yang sama nanti kita selaku

ahli parti tak ada peluanglah orang-orang kita untuk menduduki sebagai Ahli Majlis di dalam Dewan Bandaraya tersebut.

Jadi, akhir kata saya sekali lagi mengatakan yang Bajet 2017 yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini memang begitu komprehensif, memang begitu inklusif dan juga berani. Saya tak sempat nak kata, nak sampaikan apa juga perkara-perkara yang prihatin yang beliau katakan. Jadi, akhir kata Tanjung Puteri menyokong Rengit atas pembentangan tersebut. Sekian wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum.

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Puteri, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Bukit Naning.

**YB Dato' Haji Salpalbahari bin Haji Suib (Bukit Naning) :** Bismillahirrahmanirrahim, segala puji tertentu bagi Allah, selawat dan salam ke atas Junjungan besar Nabi Muhammad SAW, semulia-mulia rasul, para keluarga dan para sahabat sahabatnya. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, salam muafakat Johor. Pertama dan selama-lamanya, Bukit Naning merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana Bukit Naning dapat berada di Dewan yang mulia ini. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tan Sri kerana mengizinkan Bukit Naning turut serta dalam Sesi Ucapan Bajet 2017 bagi Negeri Johor Bagi Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Ke-13.

Yang Berhormat Tan Sri, Bukit Naning merakamkan merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih dan tahniah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, semoga Allah lanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan negeri Johor akan terus makmur, aman di bawah naungan pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Yang Berhormat Tan Sri, di dalam keadaan kegawatan ekonomi global, kejatuhan harga petroleum, fenomena penurunan harga CPO, penurunan nilai ringgit, kekukuhan ekonomi di Eropah dan China. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah berjaya merangka pelan kewangan negeri Johor dengan penuh berhemah dan membolehkan 4 tahun berturut-turut bajet negeri bajet surplus tahniah dan syabas Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Bukanlah semudah mata memandang, inilah kejayaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar hasil muafakat, kesungguhan, keikhlasan, amanah dan bertanggungjawab bersama-sama Yang Berhormat EXCO-EXCO serta seluruh pegawai kerajaan negeri dan pusat sehingga kejayaan ini dapat dicapai, demi kepentingan rakyat Johor. Tahniah sekali lagi dan Bukit Naning tabik spring lah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Yang Berhormat Tan Sri, untuk isu-isu tempatan, Bukit Naning ingin mengutarakan sekali lagi untuk memohon sekali lagi supaya permohonan Bukit Naning sebelum ini dapat dipertimbangkan sewajarnya :

1. Jalan pintas dari Bakri, Batu 8 ke pekan Pagoh dapat dibina;
2. Jalan pintas Kampung Kelantan Batu 19 Ayer Hitam ke Kampung Tanah Merah dapat diteruskan baki 500 meter, yang melalui Rizab Hutan Simpan Ayer Hitam;



3. Pembinaan Tangki Air DUN Bukit Naning yang tapak dan bajetnya telah selesai dapat disegerakan;
4. Jalan Bakri, Parit Sulong sepanjang batu di Batu 13 hingga Batu 19 yang mendap akhir-akhir ini dapat dibaik pulih walaupun sebelum ini telah dibaiki;
5. Jalan dari Simpang Batu 18 Ayer Hitam hingga ke Kampung Parit Tengah dapat diturap semula kerana mendap dan bergelombang dan pembentungan jalan yang timbul;
6. Pemasangan lampu kuning di sepanjang Jalan Bakri di Batu 10 hingga Batu 12, Ayer Hitam kerana sepanjang jalan ini selalu berlaku kemalangan;
7. Disegerakan proses meroboh dan membina semula Surau Parit Karim;
8. Menambah baik Padang Bola Sepak Kampung Parit Tengah;
9. Membina semula Padang Permainan Kampung Parit Haji Nuar; dan
10. Pemasangan lampu isyarat di simpang empat Batu 18, Ayer Hitam.

Yang Berhormat Tan Sri, atas matlamat ke arah negeri Johor berkemajuan, rakyat sejahtera, bukan secara zahir semata mata, keperluan pembangunan kerohanian perlu diberikan tumpuan agar urusan duniawi dan ukhrawi ini dapat diseimbangkan. Maka adalah sukacita dicadangkan dalam perbahasan Bajet 2017 ini, beberapa isu pembangunan kerohanian bagi meneruskan agenda penghayatan al-Quran. Antaranya Bukit Naning ingin mencadangkan:

1. Untuk mengimarahkan masjid dan surau, elaun pengajar al-Quran kepada guru-guru al-Quran di masjid dan surau dapat ditambah daripada RM350.00 kepada RM750.00;
2. Menambah elaun khas kepada panel penilai penghafaz al-Quran JDT kepada RM1000.00;
3. Menambah elaun guru bertaraf tahfiz terutama yang menjadi imam masjid dan surau agar mereka kekal dalam jawatan imam masjid dan tidak berstatus miskin;
4. Mohon gred jawatan S19 untuk guru TAJ, gred jawatan sekarang adalah DB17, jawatan jumul dan sementara;
5. Mohon kenaikan elaun mengajar Darjah Khas dari RM60.00 sekali pertemuan kepada RM100.00 dan kenaikan terakhir adalah pada 2007 iaitu RM40.00 kepada RM60.00;
6. DUN Naning ingin mencadangkan juga, supaya dapat mewujudkan bahagian Tasawuf dan Tarikat di Jabatan Mufti Negeri Johor untuk pemantauan dan kawalan terhadap pembimbing dan pengamal tarikat dari ancaman fahaman kesesatan agama dan mewujudkan Enakmen Tarikat Johor;
7. Memberi elaun kepada para naqib, pembimbing majlis zikir sebanyak RM800.00 sebulan. Sudah sampai masanya kerajaan negeri menghargai jasa mereka yang secara tidak langsung dapat membentuk iklim kesejahteraan, muafakat melalui zikrullah, pemikiran wasatiyah dan menyelamatkan umat dari fitrah dunia akhir zaman, dari fenomena daripada fahaman dan amalan sesat ekstremis melampau dan terkeluar dari daerah akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah; dan
8. Memberi elaun khas RM1,500.00 sebulan kepada individu lelaki dan wanita atau johan menunggu lelaki dan wanita yang mewakili JDT dan menjadi Johan Perujian Al-Quran Peringkat Kebangsaan.

Yang Berhormat Tan Sri, barakah kelangsungan dari Program Membudayakan Al-Quran Johor, pada 1996 di Muar Bandar DiRaja hingga kini, lebih 20 tahun, di negeri

Johor kini memiliki satu pendidikan tahfiz Al-Quran di bawah kendalian Maahad Johor, dibiayai oleh Majlis Agama Islam Johor dan memiliki pelajar lebih kurang 150 pelajar berusia 12 hingga 15 tahun. Manakala, Sekolah Madrasah Maahad Tahfiz swasta, yang berdaftar adalah sebanyak 86 buah dan masih tidak atau pun tidak dalam proses berdaftar sebanyak lebih kurang 15 buah. Keseluruhan pelajar adalah sekitar 6,000 hingga 7,000 pelajar berumur 10 hingga 17 tahun. Ini bermakna golongan ibu bapa sanggup membayar sejumlah dana pembiayaan RM400.00 hingga RM600.00 sebulan bagi setiap pelajar. Kesungguhan mereka melahirkan anak-anak tahfiz dan berpendidikan al-quran dan agama adalah sesuatu yang memberangsangkan dan harus dipuji demi membantu kerajaan Johor membangunkan modal insan Qurani di Johor.

Yang Berhormat Tan Sri, Bukit Naning mohon mencadangkan supaya diwujudkan sebuah Internasional Darul Quran Johor ataupun singkatan IDQ JDT di bawah pentadbiran kerajaan. Ia berfokus pada hasrat melahirkan duta-duta Allah SWT yang akan mengurus tadbir negeri ini pada masa akan datang, adalah mereka-mereka yang mempunyai penghayatan al-quran yang baik sebagai khalifah Allah SWT. Oleh yang demikian, sudah sampai masanya dicadangkan kerajaan JDT memiliki sebuah IDQ JDT yang bertaraf Kolej atau pun Universiti. Pelajar-pelajar dari Madrasah dan Maahad yang ada ini, pasti akan melanjutkan pelajaran di peringkat tinggi sama ada diploma ataupun ijazah. Maka, justifikasi inilah, IDQ JDT perlu diwujudkan. Johor yang sangat strategik di selatan negara dan berhampiran dengan Singapura, Brunei dan Indonesia dan Thailand, akan dapat membantu Johor sebagai hab pendidikan al-quran di peringkat Asia Tenggara, disamping mempunyai hubungan antarabangsa dengan Universiti Islam Timur Tengah seperti Yaman, Mesir dan juga Jordan.

Yang Berhormat Tan Sri, pepatah melayu ada menyatakan, biar seperti mata lebah, suka melihat yang baik-baik, muntahnya memberi kemanisan dan tidak merosakkan yang lain. Jangan seperti mata langau, suka melihat bangkai, najis dan yang tidak baik-baik. Yang kedua, biar seperti buah durian, luamya tajam tapi dalamnya manis dan lembut. Jangan seperti buah kedondong, luamya licin, dalamnya berserabut. Yang ketiga, biar seperti buah jagung, lebih banyak biji lagi disembunyikan, jangan seperti buah gajus, buah sebijik diluar, riuh sekampung. Yang keempat, biar seperti buah manggis, lagi hitam, lagi dipandang manis seperti YB Ghandi. Apa diluar, sama di dalam. Yang kelima, biar seperti jarum Tan Sri, menyucuk memanglah sakit, tetapi ia menyatukan. Jangan seperti gunting, memotong memanglah lurus, tapi ia memisahkan. Ayuh Bangsa Johor, marilah kita muafakat. Muafakat membawa berkat, muafakat membawa rahmat, muafakat itu selamat.

Yang Berhormat Tan Sri, akhirnya, Serangkap pantun untuk Yang Berhormat Tan Sri dan juga Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kalau ada jarum yang patah, jangan dipatah-patahkan yang lain, kalau ada siap dan salah, tolonglah jangan bagi tahu orang lain.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, akhirnya Bukit Naning menyokong rundingan yang dibawa oleh ADUN Rengit. Sekian wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Naning, yang penuh dengan falsafah eh ucapan. Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Serom.

**YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor. Terutama sekali Serom merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerana memberi ruang dan peluang untuk Serom turut serta dalam perbahasan rundingan ini. Terlebih dahulu saya mewakili rakyat Serom, ingin merafak sembah, menjunjung kasih, setinggi tinggi kasih dan tahniah sempena ulangtahun hari keputeraan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Semoga Allah melanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan negeri Johor terus aman makmur di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Serom juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang kita sayangi ini, yang telah membentangkan kertas rancangan dan peruntukan perbelanjaan kerajaan bagi pengurusan dan pembangunan negeri Johor pada tahun 2017.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bajet Negeri Johor tahun 2017 ini, melalui pengamatan Serom, ia meliputi, mencakupi, merangkumi visi, misi dan litizam yang penuh dengan sifat jujur, ikhlas, amanah dan penuh istiqamah. Izinkan Serom merakamkan sebutan atau kata-kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Saya percaya dalam merencana, membentangkan Bajet 2017, ia berasal dengan kata-kata Yang Berhormat sendiri, iaitu "apabila saya mengusulkan Gagasan Johor Berkemajuan ini, apa yang saya maksudkan, saya mengusulkan agar dilakukan satu anjakan sosial ke arah mewujudkan pemikiran, budaya dan sikap yang berkemajuan, yang akan menjadi sandaran baharu dan mendarah daging dalam nilai pegangan, pemikiran dan sistem kehidupan masyarakat kita di Johor. Masyarakat yang dibaluti dengan perwatakan maju dan adil, yang akhirnya mampu menterjemahkan kesejahteraan, kemakmuran dan peradaban yang unggul pada tahap yang layak dinikmati oleh semua, melalui Buku Mensejahterakan Rakyat". Serom mengamati pada dingin pagi buku ini, dan tak sedar berlinang air mata, bahawa kita mempunyai pemimpin sebagai seorang Menteri Besar yang ke-15 di negeri Johor yang sangat bertuah ini, telah meliputi urusan bajet ini dan soal pembangunan kemakmuran material, mewujudkan kesejahteraan sosial, dan memperkasakan potensi insan dan menuju wawasan Gagasan Johor Berkemajuan dan akhirnya, dan seterusnya melahirkan masyarakat yang terbaik.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Serom mengamati bahawa 3 asas wawasan ini, berdasarkan kedudukan pencapaian semasa, ekonomi kita, iaitu berdasarkan asas yang realistik, yang berpijak di bumi nyata dan kelangsungan itu Bajet 2017 ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita telah menyeru dan mengajak kita bermuafakat dan bersatu, terus kukuh, bertanggungjawab dan menumpukan rekod cemerlang dalam pelbagai unjuran dan petunjuk berlandaskan pencapaian.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Serom juga melihat bahawa pencapaian statistik-statistik yang telah diberikan, dan ada kekeliruan daripada pihak pembangkang yang selalu lihat bahawa apa jua yang kita bentangkan, kadang-kadang suatu perkara yang agak umum iaitu berkaitan dengan pertanyaan soalan: Mengapa setiap kali ada bajet, pembentangan bajet, ada tambahan bekalan. Saya rasa, sesuatu perkara yang umum, semua tahu bahawa dalam mengurus bajet ini setiap negara, setiap organisasi, setiap institusi menguruskan bajet ini berlandaskan kepada aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dan jelasnya Yang Berhormat Speaker, kalaulah diizinkan bahawa saya

menerangkan, dalam menyediakan bajet ini, pastilah ada peruntukan yang digariskan kepada 2 baris atau 3 baris. Yang pertama adalah baris yang menyatakan bahawa fokus kita. Yang kedua, bajet kita. Dan perbezaan bajet dan fokus. Ada kekurangan dan ada kelebihan dalam kes ini saya lihat bahawa perkara yang sangat munasabah kerana pertambahan itu adalah pertambahan yang biasa untuk mendapatkan pendapatan hasilnya. Jadi, saya tak perlulah ulas, mungkin rakan saya yang akhir nanti akan mengulas perkara ini. Gifulah rupanya yang terbaik pun, yang terbaik pun kita buat pun, biasa dilihat dari sudut yang negatif.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Serom juga tersentuh dari segi soal perpaduan. Iaitu, soal perpaduan ini kalau kita lihat bahawa program SRS, sukarela, ronda, sukarela, Skim Ronda Sukarela, minta maaf Yang Berhormat atau KRT. Saya, Serom berpendapatan bahawa Skim Ronda Sukarela ni atau SRS kalau boleh dilihat semula dan disebut sebagai SRW, Skim Ronda Wajib, kerana saya lihat bahawa melalui pengalaman Serom, kalau kita pergi tengok kumpulan ataupun pasukan SRS, hampir orang yang sama, sedangkan masyarakat atau taman tu, sesuatu taman tu ada 1,000 orang contohnya, tetapi hampir orang yang sama dalam sekitar 20, 30 orang sahaja yang terlibat dalam SRS. Kerana, Serom melihat bahawa Skim Rondaan Sukarela ini bukan sahaja menjaga keselamatan ataupun kesejahteraan rakyat itu, tapi Skim Ronda Sukarelawan ini boleh dimanfaatkan dalam hubungan sosial, dalam hubungan perpaduan, umpamanya di kawasan Tanjung Agas, di kawasan bandar, di taman-taman. Kerana kita ada, etnik yang berbeza-beza. Ada orang Cina, ada orang India, ada orang Melayu. Kesempatan ni kalau diaturkan, Serom berpendapat bahawa inilah peluang kita, mereka dapat berinteraksi, mereka dapat berbincang dan mereka dapat bersama-sama menjaga keselamatan mereka. Jadi, saya mencadangkan di Dewan yang mulia ini, agar kajian dibuat semula terhadap program SRS dan KRT ni.

Mengenai pekerja asing Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Serom ingin mencadangkan agar agensi-agensi kerajaan ataupun boleh disebut sebagai FELDA dan FECRA, ataupun anak-anak syarikat negeri Johor yang juga tertumpu kepada urusan perladangan, boleh menjadikan peneraju untuk kita mempraktikkan pekerja asing ini dikurangkan. Kerana saya ingin mengambil satu pandangan bahawa pekerja-pekerja asing ini di kilang Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mereka ni bekerja, disediakan tempat tinggal. Kemudian sudah pastilah bekalan air, elektrik disediakan. Malah kemudahan-kemudahan lain disediakan. Pendapatan gaji mereka RM1,000.00 dan pekerja-pekerja tempatan juga punya pendapatan RM1,000.00. Tetapi lepas kerja, pekerja-pekerja ni balik ke rumah masing-masing dan mereka yang rakyat kita ni kena bayar bil api, bil air dan sebagainya. Dan saya rasa kita harus menyemak semula perbezaan gaji pekerja asing dengan pekerja tempatan, mungkin pekerja asing ini, pihak majikan boleh membayar dengan gaji RM1,000.00 tetapi pekerja tempatan diberi gaji yang lebih kerana pihak majikan tidak terlibat ataupun tidak bertanggungjawab untuk membayar kemudahan-kemudahan yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya nak balik kepada Serom. Menyentuh berkaitan dengan Jabatan Bekalan Pengaliran dan Saliran iaitu projek tebatan banjir di Serom, di mana projek tebatan banjir ini, melalui Rancangan Malaysia Ke-11, Serom ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih yang tidak terhingga kepada kerajaan pusat dan kerajaan negeri, kerana dengan projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kesang dan juga Rancangan Tebatan Banjir Sungai Muar, yang melibatkan perbelanjaan

untuk Sungai Muar sahaja RM213.7 juta dan untuk RTB Sungai Kesang melibatkan peruntukan RM106 juta iaitu melibatkan pintasan dan pintu air, jambatan arch, pam mekanikal menaik taraf Sungai Kesang yang mana sejak tahun 2006 yang lalu atau 2007 yang lalu kawasan ini masih dalam pembangunan rancangan RTB ini tetapi sekarang ini dalam bulan November dan Disember, Alhamdulillah selamat dan saya difahamkan bahawa rakyat terutama di Kundang Teluk Rimba, di Kesang Tasik, di Parit Kepong, di Pengkalan Besar dan juga kawasan-kawasan bersekitar dengannya, selamat Alhamdulillah dan sekarang ini mereka kebetulan dalam bulan November, Disember ini sedang mengubah padi dan padi mereka selamat dan mereka merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan kepada kerajaan kerana projek-projek sebegitu rupa yang telah pun dilaksanakan di Serom.

Dan, saya juga ingin berkongsi di dalam Dewan yang mulia ini kejayaan COMBI, program COMBI di daerah Tangkak merupakan johan yang mewakili negeri Johor dan johan di peringkat kebangsaan pada tahun ni. Saya rasa yang ni Yang Berhormat EXCO kesihatan yang memahami dan mengetahui perkara ini dan sebenarnya Serom bangga kerana kumpulan COMBI ini datang daripada kawasan Serom iaitu Tanjung Agas. Apa yang Serom ingin berkongsi bahawa kejayaan projek inovatif ini yang menang di peringkat Malaysia sehingga ke hari ini pada petang semalam rakyat daripada Klang, daripada Sabah datang berkunjung ke Tanjung Agas melihat bagaimana program COMBI yang disebutkan berjaya. Sebenarnya untuk makluman Dewan yang mulia ini, projek COMBI ini atau *Communication for Behavioral Impact* ini kita menggunakan tanaman dipanggil *Lan Tana Kamara*, dengan izin, *Lan Tana Kamara* atau pun dalam bahasanya Bunga Tahi Ayam, Tan Sri Speaker. Jadi, rupanya dengan Bunga Tahi Ayam ni kita dapat mengelakkan nyamuk Aedes. Jadi, kalaulah kita Yang Berhormat EXCO Kesihatan mungkin dapat menggunakan program ni sebatang pokok RM6.00 saja dan sekarang dijual di Batu Pahat dengan banyaknya.

Jadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Serom juga menyampaikan perkara berkaitan dengan Pejabat Belia Dan Sukan Daerah Muar dan Tangkak di mana kita menghadapi masalah Kompleks Sukan Pulau Penarik di mana Kompleks Sukan Pulau Penarik ini terletak di betul-betul di kawasan tengah Serom tetapi dimiliki oleh Kompleks Belia Dan Sukan Daerah Muar. Jadi dalam perkara ini, pihak urus tadbir, Daerah Tangkak memohon supaya kompleks sukan itu diserahkan kepada Majlis Daerah Tangkak dan perkara ini dalam pertimbangan kerajaan negeri dan saya mengharapkan perkara ini dapat diselesaikan segera kerana ini adalah urusan tadbir urus melibatkan Kementerian dan kita faham tapi walau bagaimanapun, perkara ini tidak boleh dilepaskan begitu sahaja.

Dan juga, ada juga permintaan-permintaan seumpamanya yang disebut di sini iaitu permintaan tapak futsal di Serom Panggung. Dan juga dicadangkan agar keceriaan-keceriaan sungai dapat dipertambah baikkan di antara sempadan Sungai Muar ini hingga ke jambatan baru dan jambatan lama daripada Sungai Belemang dapat diceriakan dan ini juga akan dapat meningkatkan sebenarnya adalah berkaitan dengan soal pelancongan dan sebenarnya daerah Tangkak, Yang Berhormat Tan Sri Speaker seperti Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor jelaskan bahawa daerah Tangkak tertumpu kepada pelancongan dan kita sedar sumber-sumber aslinya adalah daripada pelancongan iaitu Gunung Ledang yang mendatar tinggi sebanyak 1276 meter ataupun dikenali sebagai Mount Ophir dan dia turun kepada Kesang dan Kesang juga mempunyai produk-produk pelancongan yang menceriakan Sungai iaitu

Sungai Kesang dan Sungai Muar tadi dan umpamanya produk-produk itu seperti kelulut, ikan industri kecil sederhana dan kelapa mataq, kelapa mataq sangat banyak di Kesang. Ikan segar, rusa dan terdapat 2 farm stay, *The Tawar Farm Stay*, kalau boleh saya sebut dan Dato' Han Seng Stay dan ini juga adalah tidak lain tidak bukan bahawa pelancongan di daerah Tangkak ini di DUN Serom turut terlibat dan insya-Allah akan terus menambahkan lagi produk-produk terutama dalam bidang pemakanan.

**YB Speaker :** Sila gulung.

**YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) :** Jadi, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya merangkumkan bahawa dalam pembentangan bajet ini iaitu 120 agenda gagasan Johor Berkemajuan dengan agenda 7 besar Johor dan juga dengan anjakan sosial yang disebutkan tadi menjadikan sandaran baru dan seperti mendarah daging dalam bidang pegangan pemikiran dan sistem kehidupan masyarakat kita Johor, insya-Allah, Johor akan terus maju jaya dan insya-Allah Serom akan terus memastikan rakyat mereka sejahtera dan Serom percaya kesejahteraan rakyat ini bukan saja dapat dilaksanakan tanpa kerjasama yang sangat erat terutama sekali daripada Pejabat Daerah, Majlis Daerah Tangkak, Jabatan Parit Dan Saliran, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Kesihatan dan berbagai-bagai jabatan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan semua ini dapat membantu kalau mereka dapat bekerjasama dan Serom rasa kerjasama yang diberikan sangat cemerlang dan Serom harap agar kerjasama ini dapat diteruskan terutama sekali Indah, IDJ yang mana infrastruktur-infrastruktur Serom diperbaiki, di naik taraf. Bezanya lambat atau cepat. Jadi Serom ingin merangkumkan bahawa projek daripada persekutuan, projek kerajaan negeri kita dapat dan projek-projek dari agensi-agensi kerajaan kita dapat dan insya-Allah agar Serom dapat terus menikmati kesejahteraan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor. Serom menyokong rundingan daripada Rengit.

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Serom. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tiram.

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) :** Bismillahirrahmanirrahim. Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam muafakat Johor. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tan Sri Speaker di atas peluang untuk saya turut serta dalam perbahasan Ucapan Bajet 2017 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tempoh hari

Dan, saya juga ingin merafak sembah merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah ke atas Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sempena dengan Hari Keputeraan baginda semalam. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga seperti rakan-rakan yang lain ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pembentangan Bajet 2017 yang jelas hala tujunya dengan 127 sentuhan yang digarap sebegitu baik dan ini bukanlah suatu perkara yang mudah untuk di fikir dan direncanakan.

Dan, pada kali ini sebenarnya saya turut merasa begitu bangga dan berbesar hati kerana bajet pada kali ini bukan hanya dipuji oleh barisan daripada ADUN Barisan Nasional tapi juga daripada sebahagian pembangkang ataupun yang berada di

sebelah sana. Bila sebut berada di sebelah sana itu saya harap Kempas tak berkecil hati. Kempas tak ada tapi dia mungkin dengar di luar. Bila kita maksudkan di sebelah sana tu sebenarnya sampai Jorak aje, ataupun ada ketikanya sampai Jementah aje. Daripada Puteri Wangsa ke sana ada ketikanya tak masuk sebelah sana agaknya. Jadi, Sungai Abong Puteri Wangsa malah ketua pembangkang saya rasa begitu jujur memuji bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kecuali saya tengok ada satu dualah, puji tapi berkait, puji dengan amaran tapi ada juga macam Pekan Nenas saya tak nampak pulak dia puji kerana kalau kita kata Menteri Besar hari-hari dia fikirkan soal rakyat, Pekan Nenas ni hari-hari dia fikirkan macam mana nak cari salah kerajaan agaknya.

Jadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga cukup bangga dengan Jorak. Jorak tadi ada berkata Jorak ni sekarang dia mewakili PPBM. Dia tak ada tapi tak pa dia boleh baca verbatim nanti. Dia, walaupun Jorak tak bersama kita kerana Jorak merasakan dia perlu memilih jalan sendiri untuk meneruskan perjuangannya Jorak tetap mengiktiraf Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai seorang yang berintegriti dan beramanah dalam menjalankan pentadbiran negeri Johor. Malah Jorak juga memuji bajet kali ini mantap, komprehensif dan inklusif. Jadi, kalau begitulah pandangan Jorak terhadap pemimpin dan kerajaan Johor maka sebagai Setiausaha Agung PPBM saya amat berharap esok Jorak bacalah verbatim ini. Saya amat berharap agar Jorak pastikan PPBM tak meletakkan calon bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Johor ni. Dan saya yakinlah agaknya Tan Sri Speaker, Jorak ni dan mereka yang menyertai PPBM ni kat Johor ni rata-ratanya berpandangan seperti Jorak. Badan PPBM tapi hati dia tak tau lah hati dia. Badan PPBM tapi hati wallahualam. Badan bersama dengan pembangkang tapi hati wallahualam. Mungkin dengan kita lagi kot.

Jadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bila dah berucap penghujung ni mungkin kali tak banyak sangailah saya nak sentuh tapi hari tu saya tertarik dengan beberapa ucapan daripada rakan sebelah sana. Pertama saya nak rujuk kepada ucapan Bukit Batu yang saya rasa berniat salah lah nak merendahkan pandangan sahabat saya daripada Kukup. Di mana Bukit Batu kata seolah-olah Kukup rasakan bila nak selesaikan masalah pekerja asing kena junamkan dult ringgit. Jadi saya rasa macam tak berapa kenal Bukit Batu ni dia kata bazir orang ni tak jadi EXCO, bazir orang ni tak jadi menteri, Tan Sri Speaker, dia cakap begitulah dalam verbatim ni tapi sebenarnya saya rasa Bukit Batu ni dia tak faham apa yang nak disampaikan oleh Kukup ni. Kukup cuma memberi pandangan bahawa bila berlaku kejatuhan ringgit dan sebagainya ada *pro and con* dan ada juga yang menerima manfaatnya. Maknanya dia pun tak menafikan kesan di sebalik dia. Jadi, itu yang cuba disampaikan oleh Kukup yang tak dapat difahami oleh Bukit Batu dan juga mungkin oleh Stulang. Jadi saya sebenarnya, pada sayalah, kalau dah ini pun Bukit Batu tak boleh faham, saya rasa bukan Kukup yang sepatutnya dimaksudkan oleh Bukit Batu tapi saya rasa kalau begini pun Bukit Batu tak faham, sepatutnya Bukit Batu lah tak layak jadi EXCO ataupun tak layak jadi menteri. Jadi, dia jadi Bukit Batu aje agaknya. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga mendengar ucapan daripada Johor Jaya, Johor Jaya ada mencadangkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan selama ni kita dengar daripada Penang lah yang sibuk nak pilihan raya PBT ni. Cuma, saya pun tak tahu sama ada Johor Jaya dah buat kajian ataupun tidak. Memanglah seronok pilihan

raya ni berkempen dan sebagainya tetapi di Selangor, kerajaan campuran Pakatan Harapan dengan PAS pun tak sibuk sangat dengan pilihan raya PBT ini, kerana mungkin dia dah nilai buruk baik pilihan raya PBT ni. Jadi kalau kita buat pilihan raya PBT ni saya rasalah 20-30% hasil PBT habis ke pilihan raya. Dan banyak masa dihabiskan untuk memilih Ahli Majlis dan juga memilih YDP, jadi kalau lah Majlis Daerah seperti Mersing, Yong Peng, Kota Tinggi dan Majlis-majlis Daerah kecil ini. Kalau buat pilihan raya, saya rasa habis duit cukai digunakan untuk buat pilihan raya, jadi tak dapat nak bayar gaji pun mungkin tak dapat Yang Berhormat Speaker.

Jadi, katanya tujuan dia supaya dapat pilih Ahli Majlis yang dipilih oleh rakyat dan saya rasa Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sistem yang ada pada hari ini dah cukup baik dah, kerana tak semestinya yang dipilih oleh rakyat itu yang terbaik, kerana tak ada keperluan di situ. Lainlah kalau di peringkat kerajaan negeri dan juga kerajaan pusat kita memilih wakil-wakil rakyat dan saya yakin walaupun Johor Jaya kata Ahli Majlis kena ada KPI dan sebagainya tapi setahu sayalah, setiap Ahli Majlis ni dia ada laporan prestasi dia, jadi laporan prestasi ni memang dinilai dan ada syarat-syarat yang telah pun ditetapkan. Syarat-syarat minimum yang kita tetapkan untuk menjadi Ahli Majlis dan saya yakin bahawa semua Ahli Majlis yang dilantik oleh kerajaan negeri telah pun cuba menjalankan tugas dengan sebaik mungkin.

Cuma bila ada cadangan KPI untuk Ahli Majlis ini, saya pun ada cadangan Tan Sri Speaker dengan rakan-rakan sebelah sana lah. Sebelah sana tu mungkin sampai Jementah ke tak tahulah sampai mana. Cadangan saya ni Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ialah kita di peringkat ADUN-ADUN Barisan Nasional ni kita ada benchmark kita, kita diberi garis panduan dan sebagainya. Tugas dan tanggungjawab kita sebagai Wakil Rakyat. Jadi kita kena turun padang kita kena berusaha walaupun kadang-kadang kita lama berusaha untuk selesaikan masalah kita tapi tiba-tiba sekali dibangkitkan oleh pembangkang perkara itu selesai, dia dapat *political mileage*. Itu tak apalah tapi saya juga nak cadangkan supaya Johor Jaya dan rakan-rakannya tengok dan semak juga pada diri masing-masing. Kerana apabila kita dipilih sebagai wakil Rakyat ni, kita ada tanggungjawab kita kepada rakyat tak kiralah sama ada Ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Negeri. Saya ada aduan daripada rakan-rakan saya yang tinggal di Gelang Patah. Dia kata, YB dalam setahun dia kata dia nak jumpa wakil rakyat dia pun susah dia kata. Lepas menang pilihan raya, hilang duduk Kuala Lumpur. Jadi adakah ini Wakil Rakyat yang patut kita pilih? Agaknya orang Gelang Patah dah tersalah pilihlah Wakil Rakyat ni (Dewan bertepuk). Yang sedapnya Tan Sri Speaker, saya tak tahu saya pun lupa nama Wakil Rakyat itu yang Parlimen entah apa nama. Yang sedapnya dia tanya saya, saya cari siang-siang tak jumpa dia cakap saya cari siang-siang tak jumpa, dia kata, apa lagi cari malam. Jadi, kalau cari siang pun tak jumpa, cari malam lagi tak jumpa. Jadi nama Wakil Rakyat tu nama dia pun saya tak tahu apa, tapi itulah lebih kurang gitu Tan Sri Speaker. Jadi sebab itulah saya rasa dalam pilihan raya akan datang ini kena pilih betul-betullah calon supaya rakyat tak rugi memilih calon tersebut.

Tak cukup sebenarnya sebagai Wakil Rakyat ni kita hanya sibuk bercakap dalam Dewan Undangan Negeri tetapi kita tak mendekati rakyat, tak buat kerja untuk rakyat. Memanglah kalau kita tengok surat khabar sekali-sekali bila Dewan Undangan Negeri, memang hebat masing-masing tapi kalau dinilai keseluruhan di sebaliknya, saya rasa banyak yang hebat bercakap tetapi tak hebat dari segi kerjanya sebagai Wakil Rakyat.



Jadi Tan Sri Speaker, saya juga nak merujuk kepada rakan-rakan sebelah sana lah ada beberapa orang ni yang saya rasa mempunyai kecenderungan untuk mengelirukan rakyat. Dengan cerminan bahawa mereka ni seolah-olah tak bersama dengan kita untuk berpakat dan bermuafakat nak membangunkan Johor ini ataupun nak menyatupadukan rakyat negeri Johor. Saya mempunyai tanggapan demikian Tan Sri Speaker, kerana mereka ini seolah-olah tidak mengiktiraf salam permuafakatan yang diumumkan oleh orang Johor. Kita sebut salam muafakat Johor, selalu kita sebut merata-rata salam muafakat Johor. Dia ada salam lain pula, salam impianlah, salam apalah, salam bersihlah dan sebagainya. Jadi saya nak ingatkan kepada rakan-rakan sebelah sana bahawa ungkapan salam muafakat Johor ni dia terhasil daripada perkataan tujuan politik. Ungkapan salam muafakat Johor ni dia terhasil daripada perkataan 'Muafakat Itu Berkat', betul tak? Ia terhasil daripada perkataan 'Muafakat Itu Berkat' yang sering kali diungkapkan terutamanya oleh Almarhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Iskandar. Itulah sebenarnya hasil daripada salam ataupun wujudnya salam muafakat Johor supaya dengan salam muafakat Johor inilah kita boleh dapat berpakat sesama bangsa Johor untuk memajukan Johor, walaupun mungkin kita ini bertlainan pandangan dari sudut yang lain.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, masuk kepada perkara yang saya dah bangkitkan dalam Dewan ini, dalam titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam satu dua majlis, Tuanku ada menyebut mengenai dengan Sistem Pendidikan Sekolah Rendah yang seharusnya dia jadi asas awal bagi memperkukuhkan semangat perpaduan kaum di kalangan bangsa Johor. Saya ingin menyarankanlah kepada pihak Jabatan Pelajaran dan kementerian agar mengambil langkah sewajarnya menyediakan guru-guru yang terlatih dalam mata pelajaran Tamil dan juga mata pelajaran Cina supaya dapat kita tempatkan di semua sekolah rendah dalam negeri dan juga negara kita. Kerana pada masa ini hanya sekolah rendah tertentu aje yang mempunyai kelas bahasa Tamil dan juga bahasa Cina yang diberi nama POL ataupun *pupils own language* dan kelas ini boleh dibuka dengan permintaan 15 ibu bapa. Tapi apa yang kita mahukan ialah sekolah ini, kelas ini diadakan di setiap sekolah supaya anak-anak kita dan rakan-rakan kita daripada bangsa Cina dan juga bangsa India dapat belajar bahasa ibu mereka masing-masing di sekolah rendah. Jadi dengan cara demikianlah mungkin kita boleh dapat tarik lebih ramai murid-murid Cina dan murid-murid India ke sekolah rendah. Jadi, bukan itu sahaja, mungkin kalau katalah tahun depan masih ada lagi UPSR dan sebagainya mungkin kita boleh pastikan bahawa mereka boleh ambil kedua-dua bahasa ini, bahasa Cina, bahasa Tamil ke, di peringkat UPSR di sekolah rendah, jadi dekat situ kita boleh galakkan supaya mereka berada di sekolah rendah dan kita perkasakan hubungan antara masyarakat berbilang kaum ini semenjak mereka kecil lagi, semenjak mereka berumur 6, 7 tahun lagi...

**YB Speaker :** Sila gulung.

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, hanya sedikit lagi saya mohon izin daripada Yang Berhormat Tan Sri Speaker untuk membawa 1, 2 perkara lagi. Yang pertamanya saya baru jalan di Sungai Segget cantik dah, dah hampir siap dah cuma saya minta pihak PBT tengok balik kedai-kedai yang ada di kiri kanan yang ada di Sungai Segget. Kedai-kedai lama yang mungkin terpaksa kita berbuat sesuatu dengan tuan punya tanah supaya dapat kita upgrade ataupun di buat cadang pembangunan baru supaya selaras dengan pembangunan yang

berlaku di Sungai Segget. Nampak uzur sangat kedai tu dan tak melambangkan kemajuan yang ada di Johor Bahru.

Dan yang keduanya, saya mohon kepada pihak PBT supaya membuat pemantauan yang sentiasa bergerak dalam keadaan musim hujan ni kerana mungkin banyak jalan berlubang. Baru-baru ni di Mount Austin saya tengok peritukan 4, 5 hari untuk ditampal jalan tersebut dah ada *complain* kereta rosak dan sebagainya. Jadi saya minta supaya di hujung tahun ini dalam musim hujan ini dapat buat pemantauan berkala. Dan saya setuju dan malah kita dah bangkitkan banyak kali, perkara yang dibangkitkan oleh Puteri Wangsa mengenai dengan jalan ke Felda Ulu Tebrau ini. Jadi jalan ni tak lah panjang mana yang kita bangkitkan di Mesyuarat Tindakan Daerah melalui Ahli Majlis supaya dapat diturap semula jalan yang rosak sahaja. Ini dia *patching* sana sini, tampal sana sini, menyebabkan kereta lalu pun memang teruklah. Kalau mungkin kita nak ke sana jalan tu tak betul tak berapa selesa. Jadi bukanlah keseluruhan, kalau ada peruntukkan mungkin keseluruhan jadi buat masa ni carilah sedikit peruntukan untuk turap balik kawasan yang terus sahaja mungkin dalam 100 hingga 200 meter sahaja yang memerlukan turapan seberapa segera.

Dan satu lagi status saya nak tahu, mungkin Dewan ini dapat mengesahkan tentang status permohonan bekalan air di Kampung Sungai Penderam di mana sebenarnya statusnya sekarang. Dan yang terakhir sekali ialah mengenai dengan permohonan Jambatan Kampung Perigi Aceh yang roboh tak berapa lama dahulu. Jadi, di manakah kedudukan dia? Adakah permohonan tersebut telah pun dibawa ke peringkat yang lebih tinggi? Jadi Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebagai penutup Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada berkata sewaktu pembentangan bajet yang berbunyi 'ketahuilah bahawa tidak ada satu hari pun yang berlalu tanpa kami semua memikirkan bagaimana hidup kalian, hidup keluarga dan anak-anak kalian perlu menjadi lebih baik dan berkesejahteraan'. Maka saya menyeru masyarakat di luar sana bantulah, sokonglah dan terjemahkanlah sokongan rakyat di luar sana kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita yang disayangi oleh kawan dan lawan dengan memberi undi kepada Barisan Nasional dalam pilihan raya yang akan datang ini (Dewan bertepuk). Sekian wabillahitaufilwalhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat Tiram, Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan persidangan ini selama 20 minit.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 3:30 petang**

**Persidangan disambung semula jam 3:50 petang**

**YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Timbalan Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Jemput, Sedili.

**YB Tuan Haji Rasman bin Ithnin (Sedili) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam muafakat Johor, Yang Berhormat Dato' Speaker, Sedili ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan Bajet Negeri Johor 2017 yang telah

dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di Dewan yang mulia ini pada 17 November 2016 yang lepas.

Sebelum itu Sedili juga ingin merafak sembah tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada hari semalam, Sedili mendoakan semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku diberikan kesihatan dan diberikan panjangkan umur, insya-Allah.

Yang Berhormat Dato Speaker, Sedili ingin mengucapkan tahniah teramat sangat kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah berjaya membentangkan bajet dengan misi membangun kemakmuran material mewujudkan kesejahteraan sosial dan memperkasa potensi insan. Sedili amat berbangga dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor bersama Kerajaan Johor yang berjaya menerajui Johor. Saya yakin dan percaya sekiranya negeri Johor ini dipimpin oleh pihak di sebelah situ maka musnahlah Bangsa Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya Sedili tak ada niat untuk nak bercakap panjang kerana Sedili banyak dapat daripada limpahan bajet 2017 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan saya beranggapan inilah antara bajet yang terbaik setakat ini di negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Sedili ingin cuma mengulas sebelum-sebelum ini berkaitan permintaan dan permohonan-permohonan yang telah dan sedang dan permohonan-permohonan baru, khas di kawasan Sedili kerana Sedili mempunyai kawasan yang begitu besar ianya melibatkan 9 buah FELDA, 5 buah estet, 26 kampung tradisi, sebuah kampung orang asli dan FELCRA.

Untuk pengetahuan, saya ingin ulaskan yakni di kawasan luar bandar, nak beritahu kepada Yang Berhormat Dato' Speaker keseluruhan kawasan Sedili adalah kawasan luar bandar yang tidak, mereka tidak terfikir dan tidak mahu bas 2 tingkat. Sedili tidak mahu LRT, Sedili tidak mahu padang golf. Sedili cuma mahukan yang pertama di kawasan FELDA, yang mana pelebaran jalan dari Mawai ke Gugusan Lok Heng dan garisan putih yang begitu sempit dan amat menyulitkan telah berlaku banyak kemalangan. Ianya melibatkan 8 buah FELDA termasuk di kawasan FELDA Apeng Timur, Apeng Barat, Gugusan Lok Heng, Gugusan Waha yang mana kawasan ini agak padat dan perlunya, dan masanya untuk melebarkan jalan tersebut.

Yang kedua, berkenaan dengan FELDA juga yang mana, memohon supaya Kerajaan Negeri mempercepatkan hak milik tanah khasnya di kawasan peringkat dua, di kawasan-kawasan FELDA yang telah pun menjelaskan hutang mereka dan pihak FELDA telah pun membayar premium kepada Kerajaan Negeri Johor seperti di Gugusan Lok Heng yang melibatkan Lok Heng Barat dan Selatan, Gugusan Waha melibatkan Bukit Waha, Simpang Waha, Bukit Ester dan sedikit di kawasan Apeng Barat.

Yang ketiga, masalah perparitan di kawasan Lok Heng Selatan selalu berlakunya banjir sehinggalah dapat, tidak dapat mengeluarkan hasil. Alhamdulillah, Yang Amat Berhormat telah bersetuju untuk memberi peruntukan sebanyak RM300,000.00. Terima kasih Yang Amat Berhormat.

Yang keempat, berkenaan dengan gajah yang sering kali saya bawa hari ini Gajah bukan sahaja masuk di kawasan kampung tradisional, dah masuk di kawasan bandar, bandar berani dah, dan dah masuk pula di kawasan FELDA, di kawasan kedai-kedai di kawasan bandar. Saya yakin dan percaya yang mana pihak EXCO telah memberitahu kepada saya bahawa kerja-kerja tender akan dilakukan dalam masa terdekat. Terima kasih EXCO.

Yang kelima, isu FELDA juga, yakni isu agak besar sikit berkenaan daripada penempatan generasi kedua FELDA, yang mana sebelum ini pihak FELDA telah membina rumah-rumah generasi kedua di kawasan FELDA dan tidak boleh dijual kerana rumah-rumah tersebut tidak ada kelulusan daripada Kerajaan Negeri. Saya rasa dan percaya bahawa FELDA gagal untuk membina rumah-rumah Generasi Kedua di kawasan FELDA, saya mengharapkan supaya Kerajaan Negeri Johor untuk mengambil alih bagi pembinaan rumah-rumah mampu milik di kawasan FELDA khas untuk generasi kedua FELDA.

Yang keenam juga, saya mohon kepada kerajaan negeri melalui EXCO Agama supaya di kawasan-kawasan FELDA, boleh ditempatkan membina rumah-rumah ibu-ibu tunggal, ibu-ibu tunggal, ibu yang ada anak tapi tak ada bapa dan ibu-ibu yang miskin. Selama ini dengan status DSA, FELDA tidak boleh membenarkan membina rumah kepada anak-anak peneroka di tanah atau belakang rumah ibu bapa mereka. Dia mesti nak bina rumah tu bumbung bercantum. Kita minta supaya khasnya kawasan-kawasan FELDA ini melibatkan ribuan peneroka yang anak-anak dia tak dapat membina rumah di belakang rumah kerana atas faktor status tanah tu tanah DSA. Dan saya minta juga supaya benda ini diambil berat kerana Majlis Agama Islam tak boleh membantu kepada generasi kedua yang nak buat rumah di belakang rumah ibu bapa dia. Saya rasa dah tiba masanya Yang Berhormat Dato' Speaker supaya perkara ini dapat di atasi.

Yang ketujuh, berkenaan dengan FELDA yakni bekalan api dan air yang sering terputus. DUN Sedili setiap kali pagi raya belum pergi sembahyang baru pakai sampung, isteri saya nak pakaikan sampung dah dapat telefon, dah marah dah air tak ada. YB, air tak ada. Saya kata mandilah kat laut, dia kata pedih kata dia. Jadi saya mohon supaya bekalan-bekalan air di kawasan Gugusan Waha dan Gugusan Lok Heng, termasuk api, harap minta dipercepatkan atau dipulihkan.

Yang kedua, Yang Berhormat Dato' Speaker saya nak berkaitan berkenaan dengan kampung tradisional. Yang mana kampung tradisional melibatkan 26 kampung tradisional, yang mana Sedili kawasan persisiran pantai yang salah satu kawasan pantai yang cantik. Kalau kita lihat di kawasan Pengerang, kawasan pantai sudah, sudah digunakan untuk pembangunan RAPID dan di Desaru, pantai Desaru dah melibatkan taraf antarabangsa, 5 bintang, 6 bintang. Tapi di kawasan Sedili, kawasan-kawasan pantai yang boleh dihadiri atau didatangi semua golongan, tapi kawasan pantai itu tidak dapat dibangunkan. Saya bermohon dan mencadangkan supaya EXCO Pelancongan nak ambil berat kerana kawasan itu adalah kawasan yang cantik dan tak makan nyawa. Kalau di kawasan ada satu tempat tu banyak nyawa, ini tak ada nyawa pasal landai dia punya pantai dia. Dan dikunjungi oleh berbagai-bagai orang, free. Bila free ini memang ramai orang.

Dan yang keduanya, Yang Berhormat Dato' Speaker, di pantai Sedili ini ada kawasan kampung Sedili, Sedili Dalam. Sedili Dalam ini, depan dia ini ada satu pulau kecil. Bila musim bulan November maka air surut dia orang ini cara aler, kalau kita ini lala. Orang Sedili kata aler. Aler ini yang datang daripada Pontian, Kluang ada daripada Mersing dan ada juga daripada Selangor, kalau musim dia tu semua orang kampung akan berkumpul. Itu kalau air pasang mengejut tu beribu yang mati. Kawasan itu dia akan menyeberangi satu pulau tu dan dia akan cari aler tu. Ini dah mula permintaan yang tinggi. Pada saya ini satu produk pelancongan yang baru, satu produk pelancongan yang baru saya rasa kalau kata lah nak datang saya boleh bawa, makan disediakan, tempat tinggal disediakan, ditanggung oleh DUN Sedili kerana kawasan, Yang Berhormat Dato' Speaker, ini yang tidak ada di kawasan-kawasan lain. Dalam negeri Johor inilah satu-satunya, rugi kalau kita tak membangunkan, kalau ini sebagai satu produk pelancongan. Saya mengharaplah supaya yang terlibat, apa ni, supaya tahu dan datang sendiri tengok apa pembangunan baru yang boleh dianggap produk-produk baru.

Yang ketiga, Pekan Sedili perlu dibangunkan dengan pembinaan *bus stand*, kawasan Sedili ini tak ada *bus stand* Yang Berhormat Dato' Speaker. Yang Berhormat Dato' Speaker pernah bekerja di Kota Tinggi daripada Yang Berhormat Dato' Speaker bersih lagi teruna sampai dah dot dot dot dot. Itulah Sedili. Tak ada *bus stand*, saya merayu.

**YB Timbalan Speaker :** Apa dot dot tu?

**YB Tuan Haji Rasman bin Ithnin (Sedili) :** Tambah, tambah dua. Saya, saya, saya mengharaplah supaya kawasan itu dibangunkan kerana itu kawasan-kawasan pelancongan. Banyak daripada Penawar yang ada sekolah asrama, ada bandar baru, dia orang nak pergi melancong tak ada dia pergi ke Sedili. Bila pergi Sedili, dia memakan masa lebih kurang 15 minit dan 20 minit melalui jalan persisiran pantai. Jadi saya mengharaplah supaya adakan *bus stand*.

Yang keempat, berkenaan dengan kampung tradisional saya mohonlah, kerana di kawasan Pekan Sedili tidak di bawah Majlis Daerah. Untuk pengetahuan, Yang Berhormat Dato' Speaker, yang seramai banyak kampung tu tadi yang terlibat dengan Majlis Daerah hanya di Sedili Besar. Tapi di Pekan Sedili ni bukan di bawah Majlis Daerah. Jadi saya mengharaplah supaya Kerajaan Tempatan dapat membina pintu gerbang ataupun satu identiti berkenaan dengan kapal, kita dah hantar kertas kerja tu kepada Majlis Daerah supaya buatkan satu kapal separuh besar ke apa, kerana Sedili adalah salah satu pengeluar ikan terbesar di negeri Johor.

Yang kelima, yakni mohon baik pulih jalan antara Tanjung Sedili ke Sedili Kecil. Ianya amat teruk, bertampal-tampal, ini kalau kita dekat, apa tu, kalau kita demam tu, dekat tepi tu dia pasang koyok. Saya rasa koyok tu dah lebih tebal daripada muka kita. Pasal dia tampal bertindih-tindih. Tapi itu jalan persekutuan. Saya mengharaplah supaya dapatlah dibangunkan terus menuju ke kawasan Desaru.

Yang ketiga berkenaan FELCRA Sungai Ara. FELCRA Sungai Ara Yang Berhormat Dato' Speaker, bahawa FELCRA Sungai Ara terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor telah mendapat hak milik yang selama ini beliau berkorban, penduduk-penduduk berkorban untuk mendapatkan hak milik. Alhamdulillah, Cuma masih ada kekosongan lot-lot tanah, lebih kurang 300 lot, kita mohon supaya.

**YB Timbalan Speaker :** Sedili, sila duduk. (Dewan berhenti seketika bagi menghormati laungan azan.) Sambung.

**YB Tuan Haji Rasman bin Ithnin (Sedili) :** Yang ketiga tadi, FELCRA Sungai Ara. Penempatan Generai Kedua. Anak-anak peserta FELCRA di anggarkan 300 lot yang sedia ada untuk diberi penempatan tambahan pula kerajaan Barisan Nasional sekarang telah memberi peruntukan untuk membina rumah-rumah RISDA dan rumah-rumah FELCRA. Tapi isunya ialah berkenaan tanah, saya mohon lah supaya Kerajaan Negeri dapat memperimbangkannya dan dapat dibangunkan dengan kadar segera.

Yang keduanya di FELCRA Sungai Ara ni, bersebelahan FELCRA Sungai Ara ini ada beberapa estet yang kawasan itu agak jauh daripada bandar Kota Tinggi dan tiba masanya untuk dilantik satu Ketua Kampung. Pada dasarnya, Alhamdulillah, surat daripada Pejabat Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah membalas untuk bersetuju untuk nak wujudkan kampung, ketua kampung di situ. Saya rasa dah tiba masanya cuma saya mohon untuk dipercepatkan.

Yang keempat, berkenaan dengan kampung Orang Asli, yakni Kampung Selangi. Saya jadi Wakil Rakyat daripada 2008 sehingga ke hari ini, hampir dekat 8 tahun saya berucap tak pernah-pernah putus saya bercakap berkenaan dengan kaum Kanak yang satu-satunya ada di dunia. Banyak kali saya cakap dah. Di dunia, ini bukan di kawasan daerah Kota Tinggi. Ini di dunia ada tinggal 24 keluarga yang masih wujud. Dato' SS pernah jadi DO Kota Tinggi. Tahu dia. Nak menguatkan. Kaum Kanak ni orangnya kecil-kecil. Ni ketua Tok Batin dah meninggal, Tok Batin baru lagi dah meninggal. Kesihatan, Auzubillah lah. Saya tak nampak, ni bukan EXCO Datuk Ayub, nak bantu Datuk Ayub tidak, ni daerah punya. Datuk Ayub. Kesihatan jarang, gigi dia Yang Berhormat nak tengok pun tak selera, lagikan kalau nak dot dot, memang tak selera. Ini realiti, saya cakap daripada hati pasal apa dia pun manusia. Saya nak cerita lagi, dia pendapatan daripada FELCRA dia ada kebun kerajaan negeri bagi kebun, tapi FELDA bagi sara hidup dia RM300.00, dia masuk hutan. Kalau sebelah petang nak pergi nanti kat kawasan Kampung Selangi tu daripada bapak, bini, isteri, isteri bukan is-one, is-two, isteri lepas tu yang anak yang tua berderet bawa pancing, bawa pancing bukan pakai spanar tu bukan dia pakai kayu jek, beratur jek untuk nak cari ikan keli nak cari apa.

Ada satu kali tu, YB, saya kena kejar dengan harimau kata dia, pasal nak cari barang-barang dekat hutan kerana saya minta maaf kerana FELCRA dah tiba masanya untuk mengubah dasar kerana tanah yang dibagi tu tak setimpal dengan pulangan, dengan sara hidup RM300.00 setiap bulan. Saya mintalah, supaya benda ini dibangunkan, pihak pelancongan hendaklah pantau, saya bercakap ini satu-satunya Kaum Kannak di dunia, orang daripada luar negara datang, Yang Berhormat Dato' Speaker, datang, buat, tengok apa semua, dan kita dah latih dia untuk buat rotan pakai itu tapi separuh jalan, kita buat kelas untuk membaca, hari ini Kaum Kannak dua orang dah boleh main dekat facebook. Dua orang Kaum Kannak dan boleh baca dekat facebook. Kalau buat kelas itu sebijik cerita macam P. Ramlee, "A.Y.A.M. unta." Kata dia. Saya ada dekat situ. Saya masukkan dalam facebook, ada buat kelas sampai dia boleh membaca, dua orang yang boleh membaca sampai dia pergi kelas dia menyusukan anak, saya kata, "Tutup, tutup." - Saya pantang nampak benda-

benda macam itu. Tutup, tutup tapi kerana dia hendak ubah nasib dan masa depan dia, dia pun manusia walaupun dia dianggap Orang Asli tapi mana...

**YB Timbalan Speaker :** Sama dengan yang selalu YB tengok tu?

**YB Tuan Haji Rasman bin Ithnin (Sedili) :** Tak sama. (Dewan ketawa). Yang selalu saya tengok kelas 'A'. Saya beritahu, sebab itu saya kata, ini bukan soal kita nak tempat untuk nak mengaibkan seseorang, ini tempatnya untuk kita dibagi kepercayaan supaya kita bawa dan utarakan dalam Dewan ini. Ambil tindakan Kaum Kannak satu-satunya dalam dunia. Saya tak tahu nak cakap bahasa apa lagi supaya jelas.

**YB Timbalan Speaker :** Pengerusi Pelancongan dah ambil nota.

**YB Tuan Haji Rasman bin Ithnin (Sedili) :** Lepas itu juga dia tulis...

**YB Timbalan Speaker :** Sedili sila gulung.

**YB Tuan Haji Rasman bin Ithnin (Sedili) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, tadi FELDA dan sebut, FELCRA dah sebut, kampung ..., Orang Asli pun dah sebut.

**YB Timbalan Speaker :** Habis dah tu.

**YB Tuan Haji Rasman bin Ithnin (Sedili) :** Lain-lain perkara, sikit sahaja. Ini masalah kemalangan. Saya ingat EXCO Kerajaan Tempatan dia lalu, antara Kota Tinggi ke Mersing, yang berhadapan dengan LDN, yang selalu kemalangan. Selalu melibatkan nyawa, dah berpuluh nyawa dibawa perkara ini daripada Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Johor jadi D.O sendiri bawa, tapi sampai sekarang, itu belum lagi banjir, hujan saja sikit banjir tak boleh lalu, pelancong nak pergi ke Mersing dah tak boleh pergi lagi dah. Bot dah booking dah. Ini melibatkan ratusan kenderaan. Jadi, ambil tindakan pasal saya tak boleh mengata EXCO ini, pasal ini pun duit federal, itu jalan-jalan federal. Jadi, saya mintalah supaya ambil serius perkara ini, jadi bawak tempat lain, dah tak ada tempat lain lagi saya nak bawa, inilah satu-satunya. Dan, seterusnya kawasan ini juga rendah, saya sudah cakap tadi rendah pasal banjir.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya nak akhiri ini, walaupun banyak yang saya mohon tapi banyak juga perkara-perkara yang telah selesai khasnya baru-baru ini Yang Amat Berhormat, berkenaan dengan isu air, alhamdulillah, air di kawasan Sedili saya harap bertenang, rakyat Sedili kerana Yang Amat Berhormat telah meluluskan lebih kurang hampir dekat RM25 juta dan saya terima kasih kepada pihak JND yang baru-baru ini atas arahan EXCO untuk gali telaga tiub. Dan, akan buat lagi di kawasan lain dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Bajet tambah lagi RM1 juta untuk buat 2 tiub lagi, akan datang seandainya musim kemarau bermakna kita ada bekalan air bawah tanah yang saya tengok sendiri dikorek dalam 120 kaki, alhamdulillah, memancut air dia, Yang Berhormat Dato' Speaker, laju betul air dia, terima kasih EXCO yang berkenaan.

Seterusnya sebelum saya nak gulung Yang Berhormat Dato' Speaker, saya sebetulnya cakap tak selesa sebab saya bingung. Sampai sekarang saya bingung. Baru-baru ini sejak dah 5 hari dekat sini saya bingung. Pasal saya bingung jiran saya, Jorak duduk sebelah saya. Jorak itu betul-betul sebelah saya. Kalau Jorak dekat sebelah situ,

bukan sebelah sana, sebelah situ, kalau dia cakap pasal GST, dia cuit saya, saya tengah menggigil nak buat teks ucapan, dia cuit saya, apasal bongok sangat, apasal bongok sangat, dia yang cakap, Jorak cakap bukan / cakap, dia cakap, yang kat situ tu bongok sangat kata dia, pasal GST tak faham-faham. Bukan saya cakap. Itu ada pun, tadi tak ada, sebelah saya, pasal dia cuit saya, saya tak tenteram, sikit cuit, apa yang sebelah situ cakap dia cuit, bongok sangat itu kenapa tu, bangang sangat. Ni bukan saya cakap. Orang situ juga yang cakap, jadi, itu yang saya kadang-kadang jam, bila cerita pasal buat bantahan itu, buat bantahan ini, dia bantai saya, saya kadang diam saja, sebab apa takut Speaker tengok saya, dia ambil tindakan, dia yang kecoh, sikit-sikit cuit saya, saya tak boleh buat kerja. Tapi, hari ini dia menyalahkan GST pula. Jadi saya bingung. Saya tak tahu nak cakap macam mana. Saya kalau cerita dengan anak saya pun, anak saya terbahak-bahak ketawa. Pasal apa, itu hari cakupnya lain, hari ini cakupnya lain. Memang itulah budaya orang sebelah sana. Itulah budaya dia. Sebelah situ, minta maaf di sebelah sana. Sebelah sana saya minta maaf, di sebelah situ memang feelnya macam itulah.

Apa sahaja kita buat macam contohnya Pekan Nenas, EXCO dah arahkan untuk berkenaan dengan kawasan perjudian, hari-hari dekat facebook beritahu ini hari buat dekat mana, dia kata TNB tak betul, kalau tak ada TNB saya tak tahulah orang yang sebelah situ ada anak atau tidak. Tak tahulah tak ada *aircond*, tak ada kipas angin, hormati orang lain bekerja. Siang malam bekerja, berhadapan risiko yang tinggi, dia boleh cakap dia kata itu dekat Pekan Nenas mesti ada, saya pun tak fahamlah, nak cerita, nak burukkan di sebelah situ memang feel dia macam itu. Nak cerita baik tak boleh. Tak boleh buat kawan, memang tak boleh buat kawan. Pasal sikap dan cara dia itulah dia.

**YB Timbalan Speaker :** Hisap rokok sama-sama, boleh.

**YB Tuan Haji Rasman bin Ithnin (Sedili) :** Hisap rokok sama-sama boleh. Pasal durian kahwin dia boleh cerita, pasal itu pasal ini dia boleh cerita, lepas itu dekat dalam Dewan dia cerita lain. Memang tak boleh dipercayai. (Dewan ketawa). Orang-orang yang seperti ini tak boleh dipercayai, kesian Bangsa Johor. Kalau Bangsa Johor dipimpin orang di sebelah situ. Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya...

**YB Timbalan Speaker :** Oklah tutup, mengata banyak sangat berdosa. (Dewan ketawa).

**YB Tuan Haji Rasman bin Ithnin (Sedili) :** Dengan ini Sedili menyokong usul yang dibawa oleh Renglit.

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih Sedili. Akhirnya terus Semarang.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

**YB Timbalan Speaker :** Waalaikumsalam.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Salam Muafakat, salam 1 Malaysia. Yang dihormati, Yang Berhormat Dato' Speaker, Semarang mengucapkan jutaan terima kasih dan syukur pada Allah SWT di atas nikmat kesempatan yang diberikan



untuk bersama-sama dalam perbahasan yang sedang berjalan ini. Semarang juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih dan tahniah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Semoga Allah melanjutkan usia Tuanku. Insyaa-Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Semarang juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi jutaan terima kasih dan tahniah serta syabas khususnya kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar selaku pemimpin negeri di atas kejayaannya mengetengahkan satu Bajet yang telah pun rafa-rata Ahli dalam Dewan ini menyatakan puas hatinya. Malahan, saya ucapkan juga terima kasih di atas kesopanan Ketua Pembangkang menghargai Bajet 2017 Johor Darul Ta'zim ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebenarnya tidak ada banyak yang nak diceritakan. Di hadapan kita ini adalah satu cerita kejayaan. Satu *success story* dengan izin. Satu pembentangan *report book* bersama dengan perancangan dan jangkaan yang realistik oleh pihak kerajaan negeri. Saya bersetuju bahawa ianya bukannya satu perkara yang bulat datang bergolek, yang pipih datang melayang. Tetapi, ianya adalah hasil komitmen, integriti, amanah dan juga kerja sungguh-sungguh Yang Amat Berhormat bersama dengan barisan EXCO dan pegawai-pegawai tinggi kerajaan dalam negeri Johor Darul Ta'zim ini. Ianya adalah satu yang membanggakan. Nak cerita apa lagi? 1001 cerita pun untuk menidakkannya, realitinya masyarakat di luar sana bukan sahaja melihat, membaca dan mendengar tetapi merasai keberkesanan bajet-bajet yang lalu dan mudah-mudahan bajet yang akan datang juga.

Sorotan pencapaian Bajet 2013, 2014 hingga 2015. Kepada saya adalah satu keberanian Yang Amat Berhormat untuk menyatakan bahawa inilah yang kita usahakan. Dan, inilah dia janji-janji yang telah kita laksanakan. Dan, inilah sebenarnya nikmat daripada Barisan Nasional kerajaan yang diberi kepercayaan. Justeru itu Yang Berhormat Dato' Speaker, nak cerita apa lagi. Bukan sahaja kita menyatakan bahawa kita berjaya, tetapi pihak luar juga mengakui bahawa kita berjaya. Ianya disokong dengan angka-angka, statistik dan data-data. Kita dapat melihat bagaimana suara hati Johor itu diterjemahkan. Bagaimana ianya diterjemahkan tentang pelaksanaan. Dipendekkan cerita, kerajaan ini *futuristik* dan pada masa yang sama berorientasikan perkhidmatan yang dapat di rasa kehadirannya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, syukur alhamdulillah, dalam Dewan hari ini kita sama-sama mengucapkan terima kasih, bersyukur kepada Allah kerana tidak ada insiden-insiden yang memalukan untuk negeri Johor sebelum ini. Mari kita selusuri, apa yang berlaku dalam negeri Johor sepanjang 2015, 14 dan 13. Alhamdulillah, kejayaan demi kejayaan tidak ada pemimpin ketua kerajaan kita diseret oleh SPRM, tak ada. Tidak ada konflik, benda-benda yang kontroversi, tentang berbillion pelaburan yang ada dalam negara, negeri ini. Ini semua adalah sebenarnya nikmat-nikmat yang tersembunyi di atas nikmat-nikmat yang kita dapat lihat, dan kita rasai dalam negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ianya juga adalah kepada saya, suatu hasil di atas usaha yang fokus oleh pihak kerajaan untuk memastikan Johor ini maju ke hadapan. Pada masa yang sama, Yang Berhormat Dato' Speaker, terserah kepada kita untuk berlaku adil pada diri kita. Apakah itu maknanya adil meletakkan sesuatu pada tempatnya. Kalau betul, kata betul, kalau salah, kata salah. Kalau ada satu organisasi

atau institusi ada 10 perkara yang tidak baik, tetapi ada 11 perkara yang baik daripadanya sewajarnya kita harus menyatakan bahawa 11 ini harus dipilih untuk mengetuai institusi dan organisasi ini. Itulah terletaknya keadilan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, inilah bajet ucapan Bajet 2017. Perancangan dan projek pendapatan walaupun ada kita melihat di pihak pembangkang yang mengucapkan terima kasih, pujian daripada masa yang sama secara sinis memperkecilkan. Yang Berhormat Dato' Speaker, harus diingat, *fail* dengan izin, *fail to plan is plan to fail*. Kegagalan untuk merancang adalah merancang untuk kegagalan. Sebab itu, apa pun yang kita buat ia dimulakan dengan perancangan. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya insaf, dengan Ayat Quran yang dibaca oleh Parit Yaani, ayat As-Saf nombor 2 dan nombor 3, tetapi saya ingin mengingatkan diri saya dan semua Ahli Dewan ini, bahawa ucapan ini bukanlah sekadar untuk orang sebelah sini sahaja. Tetapi, ianya juga adalah tertuju kepada tuan yang membaca ayat ini. Ayat As-Saf nombor 2, nombor 3, "Wahai orang-orang yang beriman, mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya?" Ayat nombor 3 pula, "Amat besar kebencian di sisi Allah, kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya." Ianya bukan sahaja untuk mereka yang mendengar, tetapi pada mereka yang membacakannya. Dan, ia seharusnya dibaca pada untuk ayat yang keempat pula. Iaitu, "Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agamanya dalam barisan yang teratur rapi seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh." (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebab itulah, "Tepuk Dada Tanya Selera". Apakah kita benar-benar melakukan seperti mana yang kita cakap, saya percaya, terletak kepada individu yang terlibat tapi Insya-Allah ini menjadi satu ingatan kepada kita semua kerana ingatan ini baik. Mudah-mudahan ianya memberi iktibar kepada semua pihak.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya hairan ada pihak yang menyatakan bahawa majunya sebuah negeri itu adalah kerana kehebatan pembangkang. Analoginya satu pasukan yang kalah menyatakan bahawa pasukan itu menang kerana kehebatannya. Kecemerlangan sebuah negeri itu adalah kerana kecemerlangan pembangkang, sejauh mana benarnya, begitu aneh untuk didengar apatah lagi untuk dipercayai. Apa saja kejayaan pihak pembangkang, pakatan pembangkang ini. Konvensyennya tidak menjadi, untuk mewujudkan satu simbol untuk pakatan pun mereka gagal. Apatah lagi untuk meletakkan satu calon, satu lawan dalam pilihan raya. Sama-sama kita lihat, sama-sama kita buktikan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Allah takdirkan Pulau Pinang bersama dengan pembangkang, Selangor bersama pembangkang, apa yang boleh dihebatkan, kali ini nampaknya kurang, Alhamdulillah. Ahli Dewan Undangan Negeri Johor menjadikan Penang dengan Selangor menjadi contoh. Apa contoh yang dia boleh dibuat, nak pilihan raya Majlis di Penang dan Selangor pun tidak buat. Bermakna mereka menyatakan untuk satu perkara yang memang tidak boleh dilakukan, asal cakap. Jangan jadi pembangkang asal bangkang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kerana pandai sangat lah Pulau Pinang, 7 tahun berturut negeri Pulau Pinang itu bajetnya, bajet defisit Yang Berhormat Dato' Speaker.(Dewan Bertepuk). Dan kerana tidak pandai Johor lah 7 tahun berturut-turut

surplus bajetnya. Inilah maksudnya. Sebab itu Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin, terperanjat apabila Stulang menyatakan bahawa Forest City, mempertikaikan kolaborasi syarikat-syarikat kerajaan dan syarikat luar negara membangunkan Forest City yang menyatakan secara prejudisnya bahawa ini adalah satu perancangan belum tahu lagi dilaksanakan. Ya Allah. Datanglah ke Forest City. Dah 300 ekar tanah telah dibangunkan. Hotel 4 bintang di bangun dalam masa 10 bulan. Dah 10,000 lebih unit telah dijual. Dah 1,000 sekurang-kurangnya setiap hari 1,000 pelawat daripada Tanah Besar Negeri China datang ke negeri Johor, melawat Forest City. Limpahannya, hotel-hotel yang penuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, Stulang terlalu jauh dengan Forest City dan jangan terperanjat mudah-mudahan Mckenzie meramalkan dia memberi pulangan RM3 bilion setahun kepada PBT yang berkenaan. Mudah-mudahan ia menjadi kenyataan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ini semua adalah gambaran bahawa pihak pembangkang dalam *Syndrome Of Denial*, dalam sindrom penafian sepanjang masa yang serius. Sebab itu dalam hal ini, ayuh, kita di Johor, realitinya kita bersidang di Dewan, Dewan Negeri Johor menceritakan harus dalam berkenaan dengan Johor. Kalau menceritakan tentang perkara-perkara yang di luar relevan daripada negeri Johor, yang tak boleh di jawab, bukan kerana tak nak jawab pun, maka saya mencadangkan rasanya mereka layak untuk berunding Parlimen dalam penggal yang akan datang.

Yang Berhormat Dato' Speaker, secara tulus Yang Amat Berhormat mengingatkan Johor ini adalah satu-satunya rumah kita semua. Dalam ketegasan dia menegaskan dengan cara yang begitu lembut mengingatkan semua kita bahawa ini adalah rumah kita. Johor rumah kita. Rumah kita dah lengkap. Bilik bujang ada, bilik anak dah kahwin ada, bilik suami isteri ada, dapur elok, tempat halaman luas, tempat rehat ada, namun kalau patah lantainya tukarlah lantai, kalau senget tangganya betulkan lah tangganya. Itu lah falsafahnya. Jangan kerana gambar di dinding senget, di robohkan rumah dan kita duduk tepi kalam, tepi pokok. Ini tidak bijak namanya. Sebab itu Yang Berhormat Dato' sebagai mengaku sebagai rakyat Johor warga Johor, bangsa Johor, kita harus ambil inisiatif, ambil inisiatif untuk menjaga rumah kita ini dengan baik. Siapa ketua rumah kita, keluarga kita, ketua keluarga kita, ketua kita adalah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Sebab itu, tak dapat bantu tak apa, sekurang-kurangnya kita mendoakan yang baik. Tetapi jangan pula kita menjadi liabiliti yang membuka rumah kepada pencuri, membuka tingkap kepada penceroboh dan merosakkan rumah ini daripada dalam. Sedangkan kita tahu, ini adalah rumah kita. Yang Berhormat Dato', ayuh berlaku adil lah, betul kata betul, salah kata salah. Kepada saya, kita tak salahkan pembangkang kerana membangkang, untuk menegur Ahli-Ahli Yang Berhormat kita menegur kerajaan dengan terbuka tidak ada soal, Yes Man di sini, mereka boleh menyatakan dan menganjurkan apa yang untuk kebaikan bersama. Tetapi sehingga saat ini belum lagi ada keperluan kerajaan ditukar kepada kerajaan yang lain Yang Berhormat Dato' Speaker. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, Stulang, Skudai jangan gembira sangat dengan kehadiran Jorak di sebelah situ. Jorak ke situ kerana kehendak dia, bukan kehendak rakyat dan DUN kawasan Jorak. Dan saya pasti wakil Jorak yang akan datang pasti akan berada di sebelah kerajaan Barisan Nasional yang ada ini, Insya-Allah. Yang

Berhormat Dato' Speaker, saya nak ucapkan tahniah kepada Jabatan Pendidikan Negeri Johor Darul Takzim, jangan tak tahu, kita juara bola sepak, kita juara dalam pembangunan tetapi baru-baru ini saya nak maklumkan Dewan yang bertuah ini bahawa 5 PPD dalam negeri Johor ini mencatat keputusan yang terbaik daripada 10 PPD, 135 dalam Malaysia yang ada. Ini adalah satu kejayaan. (Dewan bertepuk). Kita harus beri kredit kepada Johor Bahru nombor ketiga, Muar nombor keenam, Kluang nombor ketujuh, Segamat nombor kelapan, Batu Pahat nombor ke sepuluh, 5 daripada 10, 5 daripada 135 PPD dalam negara ini, Yang Berhormat Dato' Speaker. Ini adalah berkat pendidikan yang ampuh, pendidikan yang baik, prasarana yang cukup oleh kerajaan yang sedia ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bukan itu sahaja, kita ada *Perfect Score*, *Perfect Score* dengan izin yang kedua dalam Malaysia. Sebab itu, ianya adalah satu kejayaan. Satu lagi yang Berhormat Dato' Speaker, ini adalah *success story*, cerita kejayaan tentang inisiatif Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dengan mengadakan kelas *lqra'* untuk Tadika Islam. Hebat. Anak umur 6 tahun di Tadika Islam di tadika kita, Tadika Kemas kita yang dulu dia kata Tadika Kemas ini adalah tadika makan-makan, nyanyi-nyanyi sekarang ini mereka boleh menghafaz surah An-Naba' sepenuhnya. Dan pada masa yang sama, dia juga boleh menghafal Asmaul Husna. Saya mencadangkan kerajaan negeri dengan apa cara sekalipun memperkasakan dalam Parlimen Ayer Hitam kita ada 6, tahun depan ada satu lagi tambah jadi 7, kita mahu kelas *lqra'* ini ditambah daripada pada ke semasa Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam hal bekalan air, syukur Alhamdulillah kita tidak mengalami keburukan, masalah air seperti di tempat-tempat yang lain tetapi kita pada masa yang sama mengambil inisiatif yang positif untuk memperbaiki daripada masa ke semasa. Johor realitinya bergantung sangat kepada air sungai untuk bekalan air terawat. 95% menggunakan air sungai. Untuk kegunaan domestik dan industri. Sungai di Johor ini pula kebanyakannya pendek dan jumlah luahannya adalah terhad. Keadaannya diburukkan dengan risiko pencemaran air sama ada dari punca titik ataupun *point sources* seperti dari kilang ataupun titik *non point sources* seperti daripada aktiviti pertanian ataupun tapak pembinaan dan lain-lain. Alhamdulillah, Johor telah mengorak langkah, tetapi Johor bukan ada, kerajaan kita bukan ada *magic lamp*, lampu ajaib, gosok boleh jadi. Harus sabar. Ia memerlukan perancangan dan ia juga harus ada kerjasama dengan kerajaan pusat. Kita faham yang itu, tetapi yang penting inisiatifnya. Johor telah mengorak langkah mencari sumber air alternatif iaitu air bumi. Tahniah kepada kerajaan negeri Johor. *Underground water* dengan izin. Potensi air bumi adalah terbaik. Cuma kita nak mencadangkan agar kerja pemetaan yang terperinci untuk mengetahui lokasi *aquifer* ataupun penggunaan air bumi pada skala besar boleh dimulakan. Yang Berhormat Dato' Speaker, ia haruslah disegerakan sebagai langkah awal untuk menghadapi risiko di masa yang akan datang. Dan kita mahu tingkatkan daripada 10.1% kepada 20% penggunaan air bumi ini kerana penggunaan air bumi tidak melibatkan risiko cuaca yang ada.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Speaker, kita hebat, RAPIDnya, IRDanya, ECRnya, FDnya, kadar ekonominya, tetapi pada masa yang sama Yang Berhormat Dato' Speaker, Johor ini ada 27 pantai daripada sempadan Muar hinggalah Tanjung Piai, Tanjung Pengelih hinggalah kepada Tanjung Gemok, ada 27 pantai. Dua per tiga sempadan kita adalah laut. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, satu tindakan

drasik harus dibuat untuk memastikan bahawa Johor jangan disebut sebagai pusat telobosan, telobosan ini bahasa Jawa ye Dato' ye, tempat di mana keluar masuk PATI tanpa izin.

**YB Timbalan Speaker :** Di izin.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Dengan izin, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita mencari pekerjaan jangan sampai jadi hab segala aktiviti, jangan pula jadi hab laluan tikus keluar dan masuk pendatang asing dalam negara kita. Kita ada APMM, kita ada *Marine* kita ada askar kita pastikan bahawa sempadan ini tidak diterobosi oleh mereka Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mesti membawa perkara ini, terima kasih di atas tindakan kerajaan sekadar untuk di rakamkan prioritinya dalam Dewan ini. Berkenaan dengan jalan FT50 Air Hitam – Batu Pahat, Yang Berhormat Dato' Speaker, tiba masanya harus ditanya, nyawa orang-orang Parlimen Air Hitam adalah sama harganya dengan nyawa-nyawa di tempat yang lain. Saya nak nyatakan, Yang Berhormat Dato' Speaker, daripada statistik 2015 hingga 30.10.2016, 2015 ada 1,391 kemalangan. Sehingga bulan 10 tahun ini, ada 1,164. Tahun ini ada 27 kemalangan maut Yang Berhormat Dato' Speaker. Antara Air Hitam pula sampai ke Parit Raja, 15 maut, 55.5% kemalangan maut berlaku antara Air Hitam dengan Parit Raja dan ada 304 kemalangan antara Air Hitam dengan Parit Raja. Saya catat Yang Berhormat Dato' Speaker. Dan ini, antara faktor yang besar adalah kerana keadaan jalan yang gelap tanpa berlampu, tiada median walaupun ianya telah pun pada satu ketika tersenaral sebagai jalan yang utama tetapi kerana kita tidak ada lampu ajalb dia hilang Yang Berhormat Dato' Speaker. Sebab itu Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tekankan telah dibawa ke semua pihak, perkara ini harus ditekankan. Yang Berhormat Dato' Speaker, kita menghadapi...

**YB Timbalan Speaker :** Semarang, sila gulung.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, kesan perbandaran. Kita seronok dengan kesan *urbanization* dalam negeri Johor. Kadar kawasan pekan menjadi bandar semakin bertambah, kampung menjadi pekan semakin banyak semakin hari. Saya memohon agar syarat pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar ini dalam pembangunan haruslah dimasukkan urusan dengan Pejabat Tanah. Kerana kita tidak mahu tambakkan pembangunan yang ada di luar bandar ini menyebabkan banjir kepada pihak-pihak yang lain, ataupun jiran-jiran. Apa pun pembangunan mestilah dirujuk kepada Pejabat Daerah selain daripada PBT yang berkenaan agar ada sumber keluar air daripada pembangunan kawasan yang dilingini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga berharap, kita menjadi juara bola sepak bukan sahaja dalam negeri, dalam liga tempatan tetapi liga luar. Tiba masanya, kita mempunyai entiti yang hebat sekarang ini. JCorp harus bermain dalam padang yang lebih hebat, di peringkat antarabangsa mewakili negeri Darul Ta'zim dan menggunakan sepenuhnya kelebihannya sebagai entiti kerajaan untuk terlibat dalam perniagaan baik antara Johor dengan negeri-negeri yang lain dalam Malaysia ini dan juga negara-negara persekitaran ASEAN mahupun di luar, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga nak ambil kesempatan di sini Yang Berhormat Dato' Speaker, mohon pihak kerajaan melihat apa harus dibuat dengan tapak lama Balai Polis Ayer Hitam di sebelah *traffic light*? Ahli-Ahli Yang Berhormat lalu-lalang terpaksa berhenti 92 saat di *traffic light* dan dia akan toleh sebelah kanan, ianya adalah satu yang menyakitkan dan ramai orang tanya, kenapa YB tak majukan saja? Kerana mereka tidak faham kerana itu adalah tanah kepunyaan KDN, Kementerian Dalam Negeri. Saya ingin mencadangkan ianya dibangunkan walaupun hanya menaikkan satu bendera besar, sama ada negeri Johor ataupun bendera daerah Batu Pahat, ianya dijadikan dataran warisan dan memperelokkan warisan balai Polis lama yang dulu kita panggil Rumah Pasung Air Hitam.

Yang Berhormat Dato' Speaker saya juga ingin mengetengahkan tentang perkara-perkara yang lain. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga mengharapkan dalam Dewan ini yang dihadiri oleh ramai pihak, untuk memastikan semua bas-bas ekspress..

**YB Timbalan Speaker :** Cepatkan sikit Air Hitam, masa

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Masuk ke bas terminal Ayer Hitam. Selama ini bas hanya berhenti di pondok bas tepi jalan siang malam pagi dan petang.

Yang Berhormat Dato' Speaker saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan ini dan nikmat kesempatan yang diberikan kepada saya dan saya dengan ini ingin sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat dan seluruh jentera kerajaan, mengakui sebagai warga Johor, ayuh kita bersama-sama pastikan *delivery system*, dengan izin, menjalankan kerja-kerja mengikut sepertimana yang disarankan agar segala visi dan misi ini dapat tercapai. Yang Berhormat Dato' Speaker, Semarang menyokong usul yang dibawa oleh Rengit. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih Semarang. Alhamdulillah selesai sudah perbahasan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat pada petang ini. Esok Yang Berhormat Pengerusi-Pengerusi akan mula membuat penggulungan bagi menjawab isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sepanjang 4 hari perbahasan atas Rundingan Bacaan Kali Yang Kedua Rang Undang-Undang Perbekalan 2017 tahun 2016. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan saya tangguhkan sehingga jam 9:30 pagi esok.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 5:00 petang.**

HARI KEENAM  
HARI KHAMIS,  
24 NOVEMBER 2016

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT KETIGA (BAJET 2017)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

**HARI KEENAM**

**KHAMIS, 24 NOVEMBER 2016**

**BIL. 13 TAHUN 13**

**HADIR**

YB Speaker,  
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan  
Perancangan Negeri, Johor.  
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., SMIJ., DSPN., PIS.  
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan  
Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.  
Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PJN., KMN., PSI.  
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat Negeri, Johor.  
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.  
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan  
Kepenggunaan Negeri, Johor.  
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI.  
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah Negeri, Johor.  
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.  
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.  
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.  
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.  
Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM., DSM., PSI.  
(Endau)



YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.  
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.  
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan  
dan Warisan Negeri, Johor.  
Dato' Haji Zuikurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.  
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.  
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.  
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.  
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.  
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon  
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.  
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,  
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PJN.  
(Jarak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain  
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.  
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azhar bin Ibrahim  
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.  
(Machap)

YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.  
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun  
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.  
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar  
(Nusajaya)

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim  
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat  
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Sulb, DIMP., AMN., KMN., JMN.  
(Bukit Nanning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh  
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh  
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.  
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat, DPSM.,  
KMN.

(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon  
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin  
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh  
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim  
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau  
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin  
(Mengkilol)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan  
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng  
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong  
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi  
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How  
(Pengkalan Rinting)

**TURUT HADIR**

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN  
NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., DMIJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.

**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.**

**YB Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahir rahmannir rahim. (Bacaan Selawat). Salam Muafakat Johor, selamat pagi, salam sejahtera.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini kita teruskan. Jemput.

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.**

**YB Speaker :** Yang Berhormat Serom, jemput.

**YB Tuan Haji Abd. Razak Bin Minhat (Serom) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 1.

Apakah kemajuan serta hala tuju yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh portfolio pelancongan bagi memastikan negeri Johor dapat terus kekal dalam kelompok terbaik di Malaysia.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Senggarang jemput.

**YB Tuan Haji A. Aziz Bin Ismail (Senggarang) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 2.

Apakah pendekatan baru yang akan dilaksanakan oleh Tourism Johor dalam memperkasakan sektor pelancongan di negeri Johor.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selamat pagi, selamat sejahtera, salam Muafakat Johor. Izinkan saya menjawab soalan 1 dan soalan 2 secara serentak.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Terdapat pelbagai pendekatan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Tourism Johor dalam memperkasakan sektor pelancongan negeri Johor.

Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor telah dijadikan sebagai hala tuju pembangunan sektor pelancongan Johor ke arah menjadi negeri Johor sebuah destinasi pelancongan bernilai tinggi pada tahun 2023.

Kerajaan negeri telah melakukan penjenamaan semula nama, logo dan slogan Jabatan Pelancongan Negeri Johor kepada Tourism Johor. Ini dilihat bertepatan pada masanya di dalam usaha kerajaan negeri untuk memperhebatkan promosi dan pemasaran pelancongan di dalam serta di luar negara.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan negeri juga sedar bahawa untuk membangunkan industri pelancongan negeri Johor penglibatan pihak swasta khususnya penggerak-penggerak industri pelancongan adalah amat penting. Justeru itu, kerajaan negeri telah merejuvenasi Persatuan Pelancongan Negeri Johor di mana semua badan-badan bukan kerajaan berkaitan pelancongan diletakkan di bawah satu bumbung dengan tujuan membantu kerajaan negeri memperkukuhkan hubungan kerjasama dengan pihak swasta.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, promosi dan pemasaran secara atas talian pada masa kini dilihat memainkan peranan yang penting kerana ia dapat disampaikan dengan mudah, cepat dan berkesan. Justeru itu, kerajaan negeri telah melancarkan laman sesawang Tourism Johor yang baru pada 11 Januari 2016 yang lalu dan juga telah mengaktifkan penggunaan media sosial Tourism Johor iaitu *facebook*, *instagram*, *twitter* dengan izin, sebagai salah satu medium promosi, pemasaran dan mendapatkan maklum balas tentang pelancongan negeri Johor.

Pada 15 Jun 2016 yang lalu, kerajaan negeri buat julung-julung kalinya memperkenalkan Buletin Xplore Johor yang merupakan pendekatan terbaru kerajaan negeri dalam usaha untuk menyalurkan maklumat berkenaan program pelancongan yang telah dan akan dijalankan di seluruh negeri Johor kepada Bangsa Johor serta pelancong khususnya.

Bagi memperhebatkan promosi dan pemasaran pelancongan negeri Johor, kerajaan negeri akan memperbanyakkan program lawatan pengenalan atau *farm trip* dengan izin. Bagi tempoh Januari hingga November 2016 sebanyak 9 lawatan pengenalan telah dianjurkan yang melibatkan peserta dari dalam negara dan luar negara seperti Vietnam, Hong Kong, Jerman, India. Para peserta adalah terdiri daripada agen pelancongan, media massa, penulis blog dan penulis pengembaraan *travel writers* dengan izin.

Penganjuran acara pelancongan sama ada bertaraf antarabangsa atau nasional merupakan salah satu usaha berterusan kerajaan negeri untuk menarik kedatangan pelancong ke negeri Johor. Kerajaan negeri juga sedang di dalam rangka mewujudkan *signature event* dengan izin, di setiap daerah bagi menggalakkan pelancongan daerah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun ini kerajaan negeri telah menggiatkan usaha untuk mempromosi dan memasarkan produk serta perkhidmatan pelancongan negeri Johor melalui program Misi Pelancongan Xplore Johor. Melalui program ini, kerajaan negeri akan membawa bersama penggerak-penggerak industri pelancongan negeri Johor dan mengadakan pertemuan dengan agensi kerajaan serta penggerak-penggerak industri pelancongan di negara berkenaan bagi mewujudkan rangkaian kerjasama di antara mereka.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri juga masih meneruskan usaha-usaha untuk memperkukuhkan pembangunan produk pelancongan negeri Johor dan salah satu usaha tersebut adalah dengan mengenal pasti produk pelancongan baru di setiap daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan. Untuk makluman, pada tahun ini saya telah mengadakan lawatan kerja ke daerah Kota Tinggi, Muar, Segamat dan Kulai. Di mana saya mendapati terdapat beberapa produk pelancongan baru yang berpotensi untuk dibangunkan. Selain itu saya juga mendapati banyak usaha-usaha sedang dilakukan oleh agensi peringkat daerah terutama Pejabat Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mempertingkatkan infrastruktur serta kemudahan sokongan di kawasan pelancongan, sebagai contoh mewujudkan Pusat Informasi Pelancongan di setiap daerah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perkara-perkara yang saya nyatakan sebentar tadi adalah merupakan usaha berterusan dan pendekatan baru yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri dengan kerjasama pelbagai pihak untuk memastikan industri pelancongan negeri Johor terus berkembang maju. Saya juga mengalu-alukan sebarang pandangan, cadangan dan ulasan yang membina dari Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, untuk bersama-sama dengan saya memajukan industri pelancongan negeri Johor. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Serom jemput.

**YB Tuan Haji Abd. Razak Bin Minhat (Serom) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih kepada YB EXCO yang memberikan jawapan dan inti pati jawapan itu berkaitan dengan promosi dan pemasaran. Dan, saya yakin insya-Allah negeri Johor akan dapat terus kekal dalam kelompok yang terbaik di Malaysia.

Soalan tambahan saya adalah adakah Tourism Johor akan memperkenalkan produk-produk baru yang lebih jelas lagi? Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Terima kasih Yang Berhormat Serom atas soalan tambahan yang dikemukakan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, dari semasa ke semasa, kerajaan negeri menerusi Tourism Johor akan cuba memperkenalkan produk-produk pelancongan agar sentiasa relevan dengan permintaan semasa.

Kerajaan negeri telah membuat inovasi produk pelancongan, homestay dengan memperkenalkan program *desa stay* yang secara rasmi dilancarkan pada 30 Julai 2016 yang lalu bertempat di Kampung Parit Tengah, Batu Pahat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Pada 4 Ogos 2016, kerajaan negeri telah melancarkan *Caravan Park Johor* di Bio-Desaru, Kota Tinggi bagi mewujudkan kepelbagaian pilihan kepada para pelancong yang sememangnya mempunyai cita rasa berbeza-beza.

Pada 4 Oktober 2016, Pusat Ole-Ole Johor dibuka secara rasmi kepada orang ramai dan para pelancong untuk memberi peluang kepada orang ramai atau pelancong

mendapatkan barang cenderamata negeri Johor untuk dibawa pulang sebagai kenang-kenangan. Terima kasih.

**YB Speaker :** YB jemput. YB ya ... belakang, belakang.

**YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) :** Ok. Terima kasih Tan Sri Speaker.

**YB Speaker :** Pengkalan Rinting ...

**YB Encik Cheo Yee How (Pengkalan Rinting) :** Terima kasih juga YB EXCO yang memberi penerangan terhadap pelancongan ini. Cuma gini, selama ini saya pun tertanya-tanya pasal promosi melalui laman sesawang ataupun *mobile* aplikasi. Cuma gini, dekat laman sesawang *facebook* sekarang, ramai pengguna *facebook* dia telah melabelkan contohnya 10 tempat yang patut kita lawati dekat Johor, 10 cenderamata yang patut dibawa selepas kamu melawat Johor, 10 makanan yang sepatutnya kita meng'*enjoy*' dengan izin, dekat Johor Bahru. Jadi, ada tak interaksi terutama antara *Tourim Johor* dengan *website-website* sebegini? Sebab saya rasa *free and easy* di mana kita mendapat maklumat sebegini sebelum kita pergi ke sesuatu tempat. Jarang kita lihat dengan adanya maklumat yang sebegini sebenarnya ramai dia boleh buat daripada pengunjung luar negara pun ataupun pengunjung daripada dalam negeri, dia pun dapat mengaturkan pelancongan dia dekat negeri Johor ini. Jadi, saya mohon penjelasan daripada Pengerusi EXCO.

**YB Speaker :** Ok. Jemput YB.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Rinting atas cadangan dan pandangan. Dan ini memang betul, saya lebih *detail*, saya akan jawab semasa penggulungan nanti pada petang. Tapi boleh tambah juga 10 pemimpin mesti ditemui di negeri Johor. Dan inilah satu (ketawa), kerana industri pelancongan adalah satu industri yang sentiasa mempunyai mengadakan kreatif dan inovatif produk-produk kita walaupun sudah sedia ada di tempat kita. Tapi macam mana kita dipakejkan dengan penjenamaan yang lebih menarik dan itulah memang satu tarikan. Terima kasih.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Serom jemput. Yang Berhormat Serom.

**YB Tuan Haji Abd. Razak Bin Minhat (Serom) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 3.

Apakah usaha-usaha kerajaan negeri dalam melahirkan pendidikan berkualiti dan pembangunan swadaya insan yang dikatakan mampu memastikan nusa pertiwi terus maju mengatur derapnya sebagai satu harapan kepada anak-anak bangsa Johor.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Muafakat Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita sedia maklum bahawa negeri Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar berhasrat ingin menjadikan negeri ini



negeri maju dan masyarakatnya juga maju selaras dengan Gagasan Negeri Johor Berkemajuan. Ukuran masyarakat maju bukan hanya kepada keterbukaan peluang pekerjaan ataupun lingkaran lebuhraya yang bertingkat atau gedung membeli-belah yang bersaiz mega. Kesemuanya itu hanyalah ciri luaran, tetapi apa yang ditekankan ialah masyarakat maju adalah mereka juga yang maju dalam pemikiran dan juga budayanya. Tanpa pemikiran dan budaya yang maju, cita-cita menjadi negeri maju pasti gagal untuk direalisasikan. Untuk itu, usaha-usaha ke arah menghasilkan pendidikan berkualiti sentiasa diberikan penekanan oleh kerajaan negeri seiring dengan perubahan dan keperluan semasa pada hari ini.

Bermula daripada peringkat sekolah menengah, kerajaan negeri menyokong inisiatif yang telah dilakukan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor dalam melaksanakan apa yang disebut sebagai Pembelajaran Abad 21. Pembelajaran ini merupakan inisiatif di peringkat awal yang memberi penekanan kaedah pembelajaran cara moden yang interaktif untuk dilaksanakan di sekolah-sekolah bagi melahirkan modal insan yang memenuhi keperluan abad 21.

Program ini telah bermula pada tahun 2015 dan dirancang sejajar dengan gelombang kedua yang terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025, yang mana Pembelajaran Abad 21 memberikan penekanan kepada penerapan 4K iaitu komunikasi, kolaborasi, kritis dan juga kreatif. Dengan menggunakan sumber, prasarana serta teknologi sedia ada, murid-murid diberi peluang yang luas untuk mencuba, meneroka dan membuat penilaian berdasarkan kepada maklumat dan pengalaman mereka dalam melaksanakan serta menyelesaikan tugas ataupun projek yang diberikan kepada mereka. So, pendekatan yang berpusatkan pelajar ini memberi peluang untuk pelajar berinteraksi dan berkolaborasi secara berkesan sama ada dengan guru ataupun sesama mereka ke arah membentuk pelajar-pelajar yang berfikir kritis serta kreatif dalam melaksanakan tugas yang diberikan kepada mereka.

Dan sebagai langkah permulaan, sejumlah 110 buah sekolah di seluruh negeri Johor iaitu 55 sekolah rendah dan 55 sekolah menengah dari setiap daerah yang mewakili setiap daerah iaitu 1 daerah 5 sekolah rendah dan 5 sekolah menengah telah terpilih sebagai sekolah rintis bagi pelaksanaan kaedah Pembelajaran Abad 21. Sekolah Rintis ini akan dibimbing agar mereka menjadi pemangkin kepada pelaksanaan Pembelajaran Abad 21 di daerah masing-masing.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, selain inisiatif yang dilakukan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor kerajaan negeri melalui Yayasan Pelajaran Johor juga telah berkolaborasi dengan Universiti Teknologi Malaysia telah memperkasakan dalam penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar sebagaimana yang telah saya terangkan semasa menjawab soalan pada sidang Dewan pada hari ahad yang lalu.

Program penghayatan bahasa Inggeris ini tidak lain dan tidak bukan adalah untuk melihat pelajar-pelajar, anak Johor ini mampu bertutur dan menguasai bahasa Inggeris semasa mereka menuntut ilmu sama ada peringkat rendah sehinggalah peringkat tertinggi dan apabila mereka menceburi bidang pekerjaan pada satu hari nanti.

Selain daripada itu Yang Berhormat Tan Sri Speaker sejajar dengan hala tuju kerajaan negeri Johor untuk menjadi sebuah negeri yang dikenali sebagai Johor berkemahiran, pembinaan hab kemahiran atau pun yang disebut sebagai *SKILLS Johor* dengan izin

yang menilai RM100 juta dengan keluasan kira-kira 100 ekar di jalan KM 6 Kota Tinggi merupakan usaha kerajaan negeri untuk merealisasikan hasrat Johor berkemahiran ini.

Pembinaan hub kemahiran ataupun *SKILLS Johor* yang bakal mempunyai kapasiti untuk menampung sehingga 20,000 pelatih bakal menyediakan satu dimensi baru, bagi pembelajaran kemahiran pada pelajar-pelajar lepasan sekolah dan juga tenaga kerja yang ingin meningkatkan keupayaan diri mereka dalam bidang-bidang tertentu. So, antara objektif pembinaan hub kemahiran ataupun *SKILLS Johor* ini:

1. Memberikan ataupun menyediakan kursus-kursus kemahiran kepada belia-belia lepasan sekolah yang dah dapat masuk ke institut pengajian tinggi.
2. Menyediakan kursus kemahiran kepada mereka yang telah mempunyai diploma atau pun ijazah di peringkat tinggi, tapi ingin mendapatkan kemahiran bagi meningkatkan nilai tambah kepada diri mereka.
3. Memberikan persijilan kepada mereka yang mempunyai pengalaman tertentu. Mungkin orang itu dia ada pengalaman dalam satu bidang 10 atau 15 tahun, tapi dia tak ada pihak yang memberikan sijil, maka *SKILLS Johor* juga boleh main peranan ke arah ini.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Serom, jemput.

**YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat (Serom) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih kepada YB EXCO atas jawapan diberikan dan sebenarnya saya tertarik apabila YB EXCO berkata tentang hub *SKILLS* ataupun kemahiran Johor. Di mana saya maklum dia adalah platform sediakala kerajaan negeri kepada golongan lepasan sekolah dan belia untuk meningkatkan kemahiran seterusnya menjadi nilai tambah pada diri mereka. Jadi soalan tambahan saya, apakah fokus dan perancangan kerajaan negeri dalam membangunkan tenaga kerja mahir di negeri Johor melalui hub *SKILLS* ataupun kemahiran Johor ini. Dan apakah kursus-kursus yang ditawarkan di *SKILLS* atau kemahiran Johor? Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, *SKILLS Johor* ini memfokuskan kepada beberapa bidang kemahiran terutama sebab pada masa ini dalam bidang minyak dan gas, logistik, bio teknologi, hospitaliti dan pelancongan, penjagaan kesihatan dan peruncitan serta beberapa khidmat sokongan dalam bidang kejuruteraan elektrik dan elektronik, teknologi maklumat. *SKILLS Johor* juga sedang bekerjasama dengan pemain-pemain industri tempatan khususnya negeri Johor seperti Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Johor, J-Biotech, *Johor Petroleum Development Corporation* dengan izin ataupun JPDC bagi menggerakkan program-program ini.

Selain daripada itu, *SKILLS Johor* juga bakal menawarkan program untuk meningkatkan kemahiran ke tahap yang lebih tinggi kepada pekerja-pekerja yang mungkin dia bakal diberhentikan kerja daripada satu majikan mungkin nak dapat kemahiran supaya mereka boleh dapat kerja di tempat baru khususnya dalam bidang-bidang seperti minyak dan gas, pelancongan dan juga hospitaliti. *SKILLS Johor* juga akan menawarkan kursus-kursus latihan jangka pendek iaitu 1 hingga 6 bulan dan juga kursus sepenuh masa bagi program pensijilan yang dikeluarkan oleh Penyelia Latihan

Vokasional Bertaraf Antarabangsa. Antaranya daripada Australia iaitu *The Australian Skills Quality Authority* dengan izin ataupun TASQA. *SKILLS Johor* juga bekerjasama secara strategik dengan *Malaysia Board Of Technologies (MBOT)* dengan izin, untuk memberi laluan pelatih-pelatih lulusan yang keluar daripada *SKILLS Johor* ini, untuk apa nama ni melanjutkan di peringkat diploma ataupun ijazah dalam bidang T-Vat daripada institusi awam dan juga institusi luar negara. Buat masa ini kita sedang berkolaborasi dengan T-Vat daripada Jerman, United Kingdom, Korea selain daripada Australia yang sedang kita nak jalankan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, *SKILLS Johor* juga merupakan agensi pertama yang telah diberikan pentauliah sebagai pentadbir induk hab kemahiran melalui Sijil Kemahiran Malaysia menerusi Sijil Kemahiran Malaysia yang di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya suka nak *highlight* bahawa untuk memberikan galakan kepada anak-anak muda untuk mendapatkan kemahiran ini seperti mana yang diumumkan dalam Bajet baru-baru ini, kerajaan negeri melalui Yayasan Pelajaran Johor juga telah memperkenalkan apa dia sebut sebagai Tabung Latihan Kemahiran Johor yang mana sasaran untuk 2017, kita sasarkan 2,500 pelatih dengan peruntukan sebanyak RM5 juta dan mereka yang layak ini adalah mereka yang dapat pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

Mana-mana yang dapat PTPK ini kerajaan negeri akan bagi RM2,000.00 dalam bentuk geran. Sebab PTPK ini pinjaman, kalau dia dapat pinjaman dalam contohnya RM6,000.00 so Tabung Latihan Kemahiran Johor akan bagi RM2,000.00 sebagai geran, jadi dia pinjam PTPK cuma RM4,000.00. Ini usaha kerajaan negeri nak menggalakkan anak Johor supaya dapat kemahiran.

**YB Speaker : Skudai.**

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Terima kasih Tan Sri Speaker. Nampaknya program *SKILLS Johor* ini memang satu inisiatif yang amat baik untuk pembangunan negeri Johor. Apa yang merisaukan saya adalah kadar keciciran pelajar daripada sekolah menengah agak tinggi khususnya bagi kalangan Cina dan India dikatakan sebanyak 30% yang dah habis sekolah menengah tahap SPM. Adakah hab *SKILLS Johor* ini mempertimbangkan kelayakan yang paling rendah iaitu PMR untuk mereka yang nak masuk program ini dan juga diberikan perhatian yang tertumpu kepada pelajar yang sebenarnya mereka perlukan panduan khas dalam bahasa Malaysia dan juga menggalakkan mereka menceburi dalam program-program ini. Sebab kalau kita biarkan mereka keluar dari sekolah tak ada kemahiran, besar kemungkinan kadar jenayah itu akan meningkat.

Mereka akan terlibat dalam geng-geng haram, itu yang merisaukan kita sebab pemuda-pemuda ini perlukan perhatian yang lebih daripada masyarakat biasa dan mereka juga dari keluarga miskin. Saya harap mungkin di negeri Johor kita pembangunan Iskandar Malaysia ini juga menggalakkan latihan kemahiran. Kita perlukan semua bakat dan adakah kelayakan untuk masuk program ini boleh direndahkan, boleh diberikan tahap yang terendah tapi berikan panduan selepas mereka memasuki seperti yang dilakukan di negeri maju lain. Kita bahasa Inggeris tak

pandai, kita masuk program itu kalau ada bakat lain kita masuk program itu, nanti dia bagi kelas-kelas tambahan.

Dan juga mempertimbangkan, adakah kerajaan negeri akan macam program francais di mana untuk katanya masyarakat India atau Cina yang sebahagian itu kita francais kepada persatuan-persatuan NGO yang tertentu yang bertauliah, yang juga dibuktikan ada kemampuan untuk menjalankan latihan program kemahiran ini dan berikan garis panduan yang tertentu dan juga peruntukan untuk menjayakan program ini.

**YB Speaker :** Ok Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Skudai. Di peringkat pelaksanaan kita tahu bahawa kemahiran, dia bermula daripada lepas tingkatan 3. Mana-mana yang tidak dapat masuk ke tingkatan 4 dalam aliran biasa, dia boleh masuk di peringkat Kolej Vokasional untuk dapat kemahiran SPM 1, 2 dan sebagainya. Dekat situ pun kita boleh sampai ke tahap diploma kalau dia sampai tambah 2 tahun. So, di peringkat SKILLS Johor ini Tan Sri Speaker, kita adalah negeri yang pertama di Malaysia yang mewujudkan pusat kemahiran di peringkat negeri, negeri lain tak ada.

So, ini memang saya katakan tadi kesungguhan kerajaan negeri untuk apa nama ni melatih anak-anak Johor ini supaya ada kemahiran dan dapat kerja. So, dalam konteks ini, setiap kursus ataupun bidang kemahiran yang kita nak jalankan di sekitar Johor ini kita akan collaborate syarikat-syarikat yang boleh memberikan peluang pekerjaan, macam dalam bidang minyak dan gas umpamanya, dalam bidang kimpalan. Jadi, mereka yang dilatih ini kita harap akan dijamin peluang pekerjaan. Kita harap dijamin peluang pekerjaan di syarikat yang tersebut. Sebab itu buat masa ni kita dah ada perancangan untuk francais program ini kita collaborate terus dengan pemain industri. Dan di segi taraf kemasukan ini, saya percaya bidang kemahiran ini kita tak tumpukan soal pencapaian dalam SPM dan sebagainya, as long dia dengan izin dia minat dalam bidang kemahiran dan spesifik kita akan pertimbangkan untuk masuk ke situ, walaupun mungkin umur dia agak rendah sapa pun kita harapkan SKILLS Johor akan dapat bantu Johor dalam dapat kemahiran dan mengisi peluang-peluang pekerjaan di Johor ini bukan hanya di Iskandar Malaysia termasuk di daerah-daerah lain. Kalau kita tengok pelan strategi Johor Tan Sri Speaker, daerah-daerah lain pun dibangunkan mengikut kemampuan daerah. Contoh macam di Muar dan di Kluang sebagai pusat permohonan perabot, itu pun sebahagian kita akan berikan kemahiran juga.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Parit Raja, jemput.

**YB Puan Sri Azizah binti Zakaria (Parit Raja) :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 4.

Boleh dikatakan di setiap daerah dalam negeri Johor terdapat pusat perjudian. Berapa banyakkah pusat-pusat perjudian yang telah ditutup seluruh negeri Johor khasnya dalam DUN Parit Raja?

**YB Speaker** : Yang Berhormat Semarang, jemput.

**YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali (Semarang)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 5.

Berapa banyakkann premis perjudian haram yang telah ditutup dalam negeri Johor sehingga kini dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil untuk memastikan agar premis dan pihak yang sama tidak akan beroperasi kembali?

**YB Speaker** : Yang Berhormat Tangkak, jemput.

**YB Encik Ee Chin Li (Tangkak)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 6.

Sila nyatakan jumlah pusat judi yang telah diserbu sejak tahun 2013 sehingga sekarang mengikut daerah dan apakah tindakan susulan yang telah diambil?

**YB Speaker** : Yang Berhormat Stulang, jemput.

**YB Encik Chen Kah Eng (Stulang)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 7.

Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengambil tindakan terhadap pusat hiburan keluarga yang menyalahgunakan lesen mereka untuk menjalankan aktiviti judi haram, memandangkan banyak premis judi di Johor Bahru masih aktif?

**YB Speaker** : Yang Berhormat Machap, jemput.

**YB Tuan Haji Abd. Talb bin Abu Bakar (Machap)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 8.

Apakah bentuk tindakan yang telah dibuat bagi memastikan pusat-pusat hiburan atau permainan bebas dari unsur perjudian haram.

**YB Speaker** : Yang Berhormat Bukit Batu, jemput.

**YB Encik Jimmy Puah Wee Tse (Bukit Batu)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 9.

Mengapa sampai sekarang masih terdapat banyak kedai judi atas talian atau kedai kuda di kawasan Kulai dan merata-rata tempat di Johor? Adakah undang-undang yang sedia ada tidak mencukupi atau ada kekurangan dari segi penguatkuasaan?

**YB Speaker** : Yang Berhormat Pekan Nenas, jemput.

**YB Encik Yeo Tung Slong (Pekan Nenas)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 10.

Nyatakan bilangan operasi penyerbuan terhadap premis mesin kuda yang dijalankan oleh pihak polis dan Pihak Berkuasa Tempatan serta jumlah premis yang dipotong bekalan elektrik selepas operasi penyerbuan dibuat mengikut daerah?

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam muafakat Johor, salam sejahtera. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, izinkan saya untuk menjawab semua soalan ini secara bersekali.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman sidang Dewan, kerajaan negeri sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah perjudian. Bagi memastikan premis-premis tersebut bebas dari unsur perjudian dan tidak lagi beroperasi semula, pihak kerajaan negeri telah mengambil langkah pro aktif melalui penubuhan Jawatankuasa Task Force Perjudian di peringkat negeri dan di peringkat daerah pada bulan April 2016. Ini disebabkan oleh, bila pekeliling kita keluarkan membekukan pusat perjudian tetapi masih perkara-perkara ini berlaku.

Jawatankuasa Task Force yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri dan dipantau oleh saya secara langsung serta diselaraskan di setiap daerah, yang diketuai oleh Pegawai-Pegawai Daerah, yang bertujuan bagi memerangi dan membanteras habis-habisan aktiviti perjudian negeri Johor secara berkesan. Jawatankuasa ini turut disertai oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor, Polis Diraja Malaysia, Kastam, Imigresen, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Air Johor, Jabatan Kebajikan Masyarakat, RELA, Pejabat Agama Negeri Johor dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, *Standard*, dengan izin, *Standard of Procedure*, ataupun *SOP*, tindakan penguatkuasaan melalui operasi bersepadu ke atas premis dan pemilik lesen hiburan yang berunsurkan perjudian dilakukan secara agresif dan berterusan. Memandangkan YB Stulang membangkitkan mengenai penambahbaikan operasi dan penguatkuasaan dalam perbahasan 2 hari lepas, saya ingin menjelaskan dalam jawapan pagi ini, bahawa operasi dan penguatkuasaan sebenarnya dilaksanakan secara menyeluruh dan tersusun. Ia bermula dengan mengambil kira sumber-sumber maklumat melalui Jawatankuasa Task Force Perjudian. Selain itu, sebelum operasi dijalankan pemantauan dan risikan dilaksanakan secara berterusan oleh semua agensi berkaitan dengan kerjasama semua pihak termasuklah masyarakat dan orang awam. Seterusnya, tindakan serbuan serta merta akan dijalankan sekiranya terdapat mana-mana premis perjudian haram yang cuba untuk beroperasi semula.

Tindakan tegas akan diambil terutamanya kepada penganjur dan pemain serta merampas semua peralatan mesin perjudian. Operasi dan penguatkuasaan ini termasuklah membatalkan lesen dan pemotongan bekalan elektrik dan bekalan air ke atas premis yang didapati menjalankan kegiatan mesin perjudian, jadi Pekan Nenas kata, mencadangkan, kita dah buat pun. Melalui operasi ini juga, pemilik-pemilik premis yang didapati bersalah, sama ada menjalankan aktiviti perjudian haram mahupun menyewakan premis tersebut kepada orang lain atas tujuan sama akan disenaraihitamkan dan penggunaan lesen premis tersebut akan disekat serta merta.

Selain dari itu, kita juga akan menyemak jika akan berlaku permohonan lesen premis untuk bangunan tersebut pada masa akan datang. Tindakan tegas ini selaras dengan peruntukan yang dijelaskan di bawah Akta Pencegahan Jenayah, POCA 1999 Seksyen 3(1) dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan, AMLATFAR 2001.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, menjawab soalan yang dibangkitkan oleh YB Tangkak, jumlah pusat-pusat judi yang diserbu pada tempoh 2013 hingga 2016 di seluruh negeri Johor dan pecahan mengikut daerah adalah berikut:- Bagi IPD Johor Bahru Selatan, 3,934 jumlah pusat judi telah diserbu sepanjang tahun 2013 hingga 2016. Bagi IPD Seri Alam, 5,775 jumlah pusat judi telah diserbu sepanjang tahun 2013 hingga 2016. Bagi IPD Johor Bahru Utara, 2,744 jumlah pusat judi telah diserbu sepanjang tahun 2013 hingga 2016. Bagi IPD Iskandar Puteri, 4,204 jumlah pusat judi telah diserbu sepanjang 2013 hingga 2016. Bagi IPD Kulai, 1,159 jumlah pusat judi telah diserbu sepanjang 2013 hingga 2016. Bagi IPD Kluang, 694 jumlah pusat judi telah diserbu sepanjang 2013 hingga 2016. Bagi IPD Batu Pahat, 1,041 jumlah pusat judi telah diserbu sepanjang tahun 2013 hingga 2016. Bagi IPD Muar, 216 jumlah pusat judi telah diserbu sepanjang 2013 hingga 2016. Bagi IPD Tangkak, 56 jumlah pusat judi telah diserbu sepanjang tahun 2013 hingga 2016. Bagi IPD Segamat, 98 jumlah pusat judi telah diserbu sepanjang 2013 hingga 2016. Bagi IPD Pontian, 139 jumlah pusat judi telah diserbu sepanjang tahun 2013 hingga 2016. Bagi IPD Kota Tinggi, 133 jumlah pusat judi telah diserbu sepanjang tahun 2013 hingga 2016. Bagi IPD Mersing, 65 jumlah pusat judi telah diserbu sepanjang 2013 hingga 2016. Dan, bagi Ibu Pejabat Kontinjen Johor (IPK), 516 jumlah pusat judi telah diserbu sepanjang 2013 hingga 2016. Ini menjadikan jumlah keseluruhan serbuan seluruh negeri Johor, pada tahun 2013 ialah 8,520 serbuan; pada tahun 2014, 7,310 serbuan; pada tahun 2015, 3,188 serbuan dan pada tahun 2016 sebanyak 1,740 serbuan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi menjawab soalan diajukan oleh YB Semarang, daripada April 2016 sehingga 7 November 2016, melalui Ops Dadu Bersepadu, yang diketuai oleh Pegawai Daerah dan disertai oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Polis DiRaja Malaysia, telah menjalankan sebanyak 168 operasi bersepadu. Ia merupakan operasi melibatkan 277 premis hiburan seluruh negeri Johor.

Khusus bagi kawasan Parit Raja pula, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Raja, rekod bagi Majlis Perbandaran Batu Pahat menunjukkan sebanyak 56 operasi dilakukan, yang melibatkan 56 premis di dalam daerah Batu Pahat telah pun ditutup. Daripada jumlah keseluruhan 56 premis tersebut, 5 premis didapati melakukan kesalahan aktiviti judi haram di kawasan DUN Parit Raja. 5 premis berkenaan ialah Jalan Rugayah, Batu Pahat; Taman Evergreen Height, Batu Pahat; Taman Soga, Batu Pahat dan 2 lagi premis di Taman Bukit Perdana, Batu Pahat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya saya ingin menjelaskan persoalan yang dibangkitkan oleh YB Pekan Nenas, mengenai pemotongan bekalan elektrik dan air ke atas premis-premis yang menjalankan aktiviti perjudian. Pemotongan bekalan elektrik bagi premis-premis perjudian oleh TNB adalah mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990 (1A), setelah menerima surat arahan permohonan daripada PDRM. Pihak TNB akan turut serta dalam Task Force Perjudian, yang akan membuat pemotongan bekalan elektrik.

Ketegasan ini dalam membendung penyambungan semula bekalan elektrik ke premis perjudian adalah mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990, 38(2A) seperti berikut.

Walau apa pun, Subseksyen (2), jika bekalan elektrik telah dipotong di bawah Seksyen 1A, bekalan itu tidak boleh disambung semula tanpa keizinan bertulis seorang pegawai Polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Penolong Penguasa. Bilangan operasi penyerbuan terhadap premis mesin judi yang dijalankan melalui operasi bersepadu oleh pihak Polis Diraja Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor yang melibatkan pemotongan bekalan elektrik dan air ke atas premis-premis yang didapati menjalankan aktiviti perjudian adalah seperti berikut:-

Bagi IPD Johor Bahru Selatan, daripada 437 bilangan premis diserbu, sebanyak 5 premis didapati bersalah, yang dipotong bekalan elektrik dan airnya. Bagi IPD Seri Alam, daripada 179 bilangan premis yang diserbu, sebanyak 25 premis didapati bersalah, yang dipotong bekalan elektrik dan airnya. Bagi IPD Johor Bahru, daripada 136 bilangan premis yang diserbu, sebanyak 21 premis didapati bersalah, yang dipotong bekalan elektrik dan airnya. Bagi IPD Iskandar Puteri, daripada 154 bilangan premis yang diserbu, sebanyak 15 premis didapati bersalah, yang dipotong bekalan elektrik dan airnya. Bagi IPD Kulai, daripada 88 bilangan premis yang diserbu, sebanyak 4 premis didapati bersalah, yang dipotong bekalan elektrik dan airnya. Bagi IPD Kluang, daripada 217 bilangan premis yang diserbu, sebanyak 27 premis didapati bersalah, yang dipotong bekalan elektrik dan airnya.

Bagi IPD Batu Pahat, daripada 187 bilangan premis yang diserbu, sebanyak 9 premis didapati bersalah, yang dipotong bekalan elektrik dan airnya. Bagi IPD Muar, 22 bilangan premis diserbu, tiada premis didapati bersalah, yang dipotong bekalan elektrik dan airnya. Bagi IPD Tangkak daripada 27 bilangan premis yang diserbu, sebanyak 2 premis didapati bersalah, yang dipotong bekalan elektrik dan airnya. Bagi IPD Segamat, daripada 32 bilangan premis yang diserbu, sebanyak 8 premis didapati bersalah, yang dipotong bekalan elektrik dan airnya. Bagi IPD Pontian, daripada 31 bilangan premis yang diserbu, tiada premis didapati bersalah dan tiada bekalan elektrik dan airnya yang dipotong. Bagi IPD Kota Tinggi, daripada 29 bilangan premis yang diserbu, tiada premis yang didapati bersalah, yang dipotong bekalan elektrik, airnya. Bagi IPD Mersing, daripada 7 bilangan premis yang diserbu, tiada pemotongan bekalan elektrik dan didapati tiada bersalah. Dan, bagi IPK Negeri Johor, daripada 164 bilangan premis yang diserbu, tiada premis didapati bersalah, yang dipotong bekalan elektrik dan airnya. Ini menjadikan jumlah premis yang diserbu adalah 1,740 dan sejumlah 116 premis didapati bersalah, yang dipotong bekalan elektrik dan airnya bagi seluruh negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di sini juga saya ingin menjelaskan bahawa usaha-usaha untuk mencegah premis yang didapati bersalah dan cuba beroperasi semula dilaksanakan secara berterusan. Ini bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh YB Stulang dan YB Machap. Selain daripada memotong bekalan elektrik dan air bagi premis yang didapati melakukan aktiviti perjudian, kerajaan negeri Johor, telah membuat keputusan untuk menghentikan pengeluaran dan permohonan lesen Pusat Hiburan Keluarga. Pembaharuan lesen PHK hanya diberikan kepada Pusat Hiburan Keluarga *AEON Fantasy*, *Legoland*, *Angry Bird* dan *Hello Kitty*. Sehingga November 2016, terdapat sebanyak 33 buah premis PHK berlesen di seluruh PBT Negeri Johor, iaitu 12 buah premis di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru, 18 premis di Majlis



Perbandaran Johor Bahru Tengah dan 1 premis PHK masing-masing di kawasan Majlis Perbandaran Kluang, Majlis Perbandaran Pasir Gudang dan Lembaga Perbandaran Johor Tenggara.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, PBT sentiasa memantau dan menjalankan operasi penguatkuasaan secara terancang dan berterusan terhadap premis-premis yang menjalankan aktiviti Pusat Hiburan Keluarga. Tindakan penguatkuasaan yang tegas akan dikenakan kepada mana-mana premis yang didapati beroperasi tanpa lesen dan menjalankan aktiviti berunsurkan perjudian. Di bawah Undang-Undang Kecil Perlesenan Trade, Perniagaan dan Perindustrian, PBT mempunyai kuasa menyita, menutup dan melupuskan barang sitaan bagi premis tersebut, sebagaimana diperuntukkan di bawah UUK 3, Undang-Undang Kecil Perlesenan Trade, Perniagaan dan Perindustrian, yang diguna pakai oleh PBT, tiada seslapa di dalam kawasan pentadbiran PBT boleh menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah daripada PBT. PBT hanya diperuntukkan kuasa untuk menawarkan tawaran kompaun sebanyak RM500.00, kepada peniaga sekiranya mana-mana orang melakukan kesalahan di bawah UUK, UUK tersebut.

Selain itu, di bawah UUK 6, PBT juga mengambil tindakan pendakwaan di Mahkamah, dengan denda sehingga RM2,000.00 atau penjara tidak melebihi setahun serta RM200.00 sehari bagi kesalahan yang berterusan selepas hukuman dijatuhkan. Tindakan untuk menyenarai hitam premis yang menjalankan aktiviti judi hanya boleh dilaksanakan dan dipraktikkan secara pentadbiran yang berada di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tindakan melupus mesin perjudian juga telah kita laksanakan bagi membendung usaha-usaha operasi semula perjudian di kawasan yang lain. Sehingga November 2016, rampasan dan pelupusan mesin-mesin kuda seluruh negeri Johor adalah sebanyak 2,233 buah mesin telah kita lupuskan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, yang terakhir bagi menjelaskan persoalan yang dibangkitkan oleh YB Bukit Batu, usaha-usaha untuk membendung dan mengawal jenayah siber sama ada atas talian atau sebaliknya merupakan satu cabaran kerana ia boleh datang daripada pelbagai sumber. Selain dari kaedah perundangan, pihak kerajaan mengambil pendekatan yang lebih harmoni iaitu kawal sendiri agar ia dapat diterima oleh masyarakat.

Namun begitu, bagi kesalahan jenayah judi dalam talian atau dalam premis adalah lebih menjurus kepada kaedah perundangan melalui penguatkuasaan undang-undang di bawah akta-akta dibenarkan oleh pihak berwajib. Bagi kes perjudian dalam talian dan perjudian di premis, adalah satu kesalahan di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953. Bagi tindakan penguatkuasaan bagi Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (Akta 289) adalah di bawah bidang kuasa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) boleh mengambil tindakan berbentuk penyekatan laman web dan talian telefon yang menyalahi atau cuba menyalahi undang-undang negara berdasarkan permohonan pihak PDRM dari semasa ke semasa di bawah Seksyen 263 (2), Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 558).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, akhirnya saya ingin merayu kepada semua Ahli Dewan supaya bersama-sama menyemai kesedaran khususnya buat masyarakat di luar sana supaya bersama-sama dengan semua pihak dan agensi-agensi yang terlibat dalam membendung segala gejala yang tidak sihat ini. Sesungguhnya perjudian haram tentulah akan mengakibatkan kemudaratan kepada diri, keluarga, masyarakat dan negeri kita. Justeru itu, semua rakyat harus mempunyai kesedaran yang jelas mengenai keburukan berjudi dan bersama-sama memberikan maklumat supaya penguatkuasaan akan lebih berkesan. Percayalah kerajaan negeri sememangnya serius dan tegas dalam membendung aktiviti perjudian haram ini. Malahan setiap minggu laporan operasi mingguan akan dibentangkan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Inilah bukti komitmen kita untuk memastikan negeri Johor bebas daripada judi. Terima kasih.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Semarang jemput.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, judi adalah penyakit. Kita harus memerangi sepertimana kita memerangi denggi, zika dan yang lain-lain.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tahniah kepada kerajaan negeri 1,740 premis telah dilawati, 116 telah ditutup. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, baru-baru ini pihak Kementerian Dalam Negeri telah mengumumkan untuk melantik lebih ramai pakar-pakar judi, untuk membanteras aktiviti perjudian. Jadi saya nak tahu, ops-ops bersepadu ini dalam negeri Johor untuk mengenal pasti elemen-elemen perjudian ini, berapa ramaiakah pakar-pakar judi yang ada dalam KDN dalam negeri Johor Darul Ta'zim?

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, jawapannya terlalu spesifik kepada jumlah. Dia pakar-pakar ops judi ini memang diletakkan di bawah PDRM dan dia terlibat dalam bentuk risikan. Sebab itulah satu-satu serbuan itu, kalau SOP itu kita kena, pihak Polis akan risik melalui pakar-pakar judi. Dan daripada pakar-pakar judi sini barulah kita mengenal pasti satu-persatu mana pusat-pusat judi yang akan kita buat tindakan secara bersama. Jadi, untuk jumlah yang diminta oleh Datuk, yang diminta oleh YB Semarang, saya akan beritahu kemudiannya jumlahnya. Kerana ini, jumlah ini saya akan minta pada pihak Polis jumlah sebenar secara bertulis.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Stulang jemput.

**YB Encik Chen Kah Eng (Stulang) :** Terima kasih. Ya saya terima kasih Datuk EXCO dan Tan Sri Speaker. Sebagaimana yang kita sedia maklum, memanglah banyak serbuan telah dilakukan dan kita pun nampak ada serbuan dilakukan dan bahkan juga ada keluar surat khabar bahawa serbuan dengan nampak rangka-rangka mesin itu dirampas. Saya nak tanya sama ada bila kita merampas mesin tersebut, ada tak kerana rangka itu murah, yang paling penting isi dia adalah jantung dia, adalah chips dia dan mother board dia, di mana adakah itu betul-betul dikeluarkan dan

dimusnahkan? Kerana kalau dimusnahkan rangka sahaja, itu *chips* dan *mother board* dia ambil balik, kemudian dia buka tempat lain, murah. Jadi, minta penjelasan dan perhatian pihak polis dan sebagainya untuk memusnahkan *chips* dan *mother board* untuk gudang mesin tersebut.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Terima kasih. Tan Sri Speaker, ADUN Stulang ini dia fahamlah ada *chips*, saya pun tak tahu. (Dewan ketawa). Maknanya dia pernah tengoklah benda itu macam mana, macam mana main dia. Jadi, dia bukan itulah maknanya dia faham eh...

Sebenarnya kita kerajaan negeri, kita memang dapat laporan sebegini. Dan di dalam mesyuarat findakan, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, kita telah memaklumkan setiap serbuan *chip-chip* itu dijadikan sebagai bahan bukti dan kita akan lupuskan. Dan, perkara itu telah berlaku pun. Dan, sebab itulah dalam kita menangani masalah perjudian ini, satu peringkat kerajaan negeri sendiri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri mempengerusikan dalam setiap laporan, *task force* perjudian peringkat negeri. Jadi, tindakan kita ini memang secara agresif, memang bukan kita main-main, kita dah buat tindakan secara membatalkan lesen, selepas itu masih lagi operasi, dan kita buat tindakan lagi dengan memotong bekalan elektrik. Dan, ada juga degil-degil yang beroperasi ni dia menyambung balik dengan kabel itu disambung, dicuri daripada tempat lain. Ah ni kalau dah berjudi, kalau penjenayah, dia tetap lakukan jenayah. Eh, kita potong sampai 3, 4 kali, sampai kabel pun dah tak ada dekat dinding, jadi yang mangsanya adalah pemilik premis bangunan tersebut.

Dan, akhirnya pemilik premis bangunan akan merasai kepahitan kalau nak menyewakan kepada orang lain. Ah ini tindakan tegas yang kita buat eh. Cuma apa yang kita nak maklumkan kat sini seperti yang saya sebutkan tadi, dia memerlukan satu kerjasama daripada semua orang, daripada masyarakat, daripada Wakil Rakyat untuk kita gerak secara bersama. Kalau kita nak jadi Johor Negeri Johor Berkemajuan, kalau masyarakatnya masih berjudi, kita menjadikan pendekatan pendapatan, akhirnya dihabiskan dalam meja judi, jadi inilah yang menjadi merosakkan gejala sosial yang menjadi keruntuhan moral kepada masyarakat.

Jadi, sebenarnya gerakan ini bukan kepada pihak Polis, kepada pihak Pejabat Daerah, kepada pihak PBT tetapi sebenarnya kalau benda ini berlaku, adalah tanggungjawab kita secara bersama, yang perlu kita hadapi secara masyarakat untuk kita sedari bahawa keperluan untuk kita hapuskan judi ini gerakan secara bersama sama ada komuniti Wakil Rakyat kena terlibat untuk menyedarkan masyarakat keseluruhannya sama ada orang ramai begitu juga peniaga-peniaga.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Rengil jemput.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya rasa soalan ini nak soalan tambahan lagi kerana terlalu banyak orang tanya. Sebab itu saya minta satu lagi soalan tambahan, terima kasih.

**YB Speaker :** Yang Berhormat...

**YB Tuan Haji Ayub Bin Jamil (Rengit)** : Peraturan Yang Berhormat. Pekan Nenas tiada soalan...

**YB Speaker** : Saya daripada awal Persidangan ini ada dua soalan tambahan. Itu sebab saya bagi dua soalan tambahan. Jadi supaya membolehkan banyak soalan boleh dijawab. Jemput Yang Berhormat Rengit.

**YB Tuan Haji Ayub Bin Jamil (Rengit)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 11.

Minta penjelasan berapakah bilangan kilang minyak sawit di negeri Johor. Nyatakan mengikut daerah. Jelaskan juga kapasiti pengeluaran setiap kilang minyak sawit setiap bulan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan daripada Rengit adalah meminta penjelasan berapakah bilangan kilang minyak sawit di negeri Johor. Nyatakan mengikut daerah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah bilangan kilang kelapa sawit di negeri Johor adalah sebanyak 64 buah dengan jumlah kapasiti memproses buah kelapa sawit yang diluluskan adalah 16,617,400 metrik tan setahun. Pecahan kilang mengikut daerah adalah seperti berikut :-

1. Daerah Batu Pahat – 6 kilang kapasiti memproses buah kelapa sawit 1,878,000 metrik tan.
2. Daerah Johor Bahru – 3 buah kapasiti memproses buah kelapa sawit 870,000 metrik tan.
3. Daerah Kluang -18 buah kapasiti memproses buah kelapa sawit 4,907,400 tan metrik.
4. Daerah Kota Tinggi – 13 buah kapasiti memproses buah kelapa sawit 3,020,000 tan metrik.
5. Daerah Kulai – 5 buah kapasiti memproses buah kelapa sawit 1,159,200 tan metrik.
6. Daerah Mersing – 2 buah kapasiti memproses buah kelapa sawit 396,000 tan metrik.
7. Daerah Muar – 3 buah kapasiti memproses buah kelapa sawit 1,020,000 tan metrik.
8. Daerah Pontian – 2 buah kapasiti memproses buah kelapa sawit 460,000 tan metrik.
9. Daerah Segamat – 12 buah kapasiti memproses buah kelapa sawit 2,906,800 tan metrik.

Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput Rengit.

**YB Tuan Haji Ayub Bin Jamil (Rengit)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO. Kalau kita dengar tadi, kilang sawit di Johor ini banyak dan mengeluarkan beribu-ribu minyak sawit. Sejak kebelakangan ini, kita dengar kisah harga minyak masak naik dan menjadi berfta

hangatlah di seluruh negara sebab orang Malaysia ini halran dekat setiap sudut tanah di Malaysia ini tanam sawit. Jadi, tiba-tiba harga minyak sawit naik, katanya di bawah Pelan Rasionalisasi Subsidi Bersasar, jadi minyak ini diapungkan supaya, kepada kumpulan sasar yang sepatutnya yang dapatlah.

Saya difahamkan dimaklumkan hampir 100 juta sebulan subsidi minyak sawit ini dan setahun lebih kurang 1.2 bilion. Cuma saya nak dapatkan penjelasan seperti yang saya ucapkan dalam ucapan awal perbahasan, ada penjelasan yang dikatakan bahawa minyak sawit ini di seludup ke Thailand. Itu salah satu katanya kenapa harga minyak sawit ini, subsidi minyak sawit itu ditarik balik. Jadi, jawapan itu saya rasa tak berapa tepatlah untuk menyelesaikan isu kenaikan harga minyak sawit ini. Jadi, yang saya nak jelaskan, nak tanya sikit, ialah berapa banyak kilang-kilang minyak sawit yang GLC negeri punya? Satu, boleh tak kilang ini dia boleh jual terus, *raw material*, *refined*, paket ke, lepas tu terus kepada pengguna? Boleh difikirkan tak supaya harga minyak sawit ini lebih murah dan since kita merupakan, sawit ini merupakan komoditi utama tanaman kita, jadi layaklah orang Malaysia ini dapat harga yang lebih murah, melalui mekanisme itu yang mungkin boleh difikirkan. Itu soalan saya Tan Sri Speaker.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada Rengit. Dan, saya juga berkongsi kesedihan dan kekecewaan di atas kenaikan harga minyak baru-baru ini kerana saya rasakan ini memanglah terlibat dengan semua rakyat khususnya dalam negeri Johor. Inilah kadang-kadang sesuatu keputusan itu sebelum dibuat jika tidak dikaji lebih awal dan khususnya daripada segi penguatkuasaan dan sebagainya.

Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sebenarnya telah memberi subsidi sebanyak RM60 juta sebulan kepada apa ni... khususnya subsidi kepada minyak masak inilah. Walau bagaimanapun kita lihat berlaku ketirisan terhadap minyak masak yang diberi subsidi iaitu sebelum ini diberi 5 kilo, sekarang ini kita telah tetapkan dibungkus sekilo-sekilo untuk menikmati subsidi. Walau bagaimanapun, kita harap dari segi penguatkuasaan khususnya daripada KPDNKK, seharusnya menjalankan tanggungjawab sebelum sesuatu keputusan itu dibuat, mereka seharusnya melakukan penguatkuasaan. Kerana kita lihat memanglah harga minyak telah diwar-warkan akan naik, kita perlu memastikan tidak berlaku ketirisan sebegini.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita tidak boleh menjual terus minyak masak ini kepada pengguna melalui pengilang kerana pengilang yang memproses buah kelapa sawit ini mereka hanya mengeluarkan minyak mentah. Dan, minyak mentah ini perlu diproses sekali lagi untuk buat penapisan dan akhirnya ada yang dibuat pembungkusan untuk dijual kepada pemborong dan ada yang perlu dihantar ke pengusaha yang membuat pembungkusan yang lebih besar lagi secara pukal. Jadi memanglah rantai yang agak panjang, ini yang menyebabkan sesuatu harga barang itu boleh meningkat.

Keduanya harga minyak ni sebenarnya minyak sawit ditentukan oleh pasaran. Apabila berlaku kenaikan atau pun berlaku harga apa pertukaran wang di dagangan dalam dolar apabila berlaku kadar pertukaran mata wang dan juga berlaku permintaan yang tinggi menyebabkan harga minyak di pasaran antarabangsa menjadi mahal.

Itulah yang menyebabkan harga minyak masak kita terlibat samalah. Memanglah ada pihak akan meraih keuntungan dari segi kenaikan harga minyak tetapi apa pun kerajaan yang bertanggungjawab sebagai kerajaan bertanggungjawab kita masih bagi subsidi juga kepada minyak masak ini. Terima kasih.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Terima kasih Tan Sri Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya hanya satu soalan sahaja, *straight forward* lah. Saya ingin tahu adakah apa sebarang syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa untuk khususnya keluasan tanah atau keluasan *plantation* kelapa sawit tersebut untuk membolehkan apa itu pemilik mendirikan kilang minyak sawit. Apakah ada syarat-syarat yang telah ditetapkan, keluasan tanah. Contohnya 50 hektar, 100 hektar baru boleh bina satu kilang minyak sawit, adakah syarat-syarat yang ada telah ditetapkan. Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk membina kilang kelapa sawit di sesuatu tempat memanglah keluasan tanah atau pun keluasan pengeluaran kelapa sawit di ambil kira, contohnya kita lihat sendiri di Kota Tinggi mempunyai banyak kilang kerana di kawasan berkenaan kita lihat di kawasan daerah berkenaan mempunyai penanaman kelapa sawit yang cukup besar. Jadi, syarat-syarat untuk keluasan yang sebenar saya kena merujuk kepada MPOB untuk kita beri jawapan bertulis kepada Yang Berhormat nanti. Tapi itu adalah syarat utama sebelum dibina kilang kelapa sawit di suatu tempat.

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, demikianlah sahaja yang dapat kita kemukakan dalam soalan-soalan bertulis yang soalan jawab lisan pada pagi ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

**Jurutulis : SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2017) TAHUN 2016.**

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sambungan perbahasan atas rundingan bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2017) Tahun 2016 disambung sekarang dengan saya mempersilakan penggulungan oleh Pengerusi Jawatankuasa-Jawatankuasa dengan dimulakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor, dipersilakan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, alhamdulillah terlebih dahulu izinkan saya memanjatkan rasa syukur terhadap Illahi yang masih memberikan saya ruang waktu kesihatan dan keupayaan terus memberikan khidmat kepada negeri dan Bangsa Johor. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker yang memberikan saya peluang di dalam sesi penggulungan mesyuarat ketiga bajet 2017 Bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Undangan Negeri Ke-13.

Awal bicara ini saya ingin mengambil kesempatan merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan jutaan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di

atas Bajet yang telah pun dibentangkan bertemakan Johor Berkemajuan Rakyat Sejahtera. Ia adalah merupakan satu hadiah baik kerajaan negeri Johor bagi Bangsa Johor sama ada ia terdiri daripada konglomerat, usahawan kecil dan sederhana, pentadbir, pengurus kolar putih, golongan asnaf, OKU, orang Asli, malahan Ahli-Ahli Wakil Rakyat di dalam Dewan ini.

Sesungguhnya ia menggambarkan sebuah kerajaan dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Barisan Nasional secara berterusan menunaikan janji dengan memateri impian menjulang cita-cita, memahat harapan dengan penuh rasa kasih dan cinta, memenuhi tuntutan dan kehendak dan keperluan isi rumah bangsa Johor yang merdeka.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sejarah membuktikan di mana sahaja pelosok dunia kejayaan sebuah empayar memerlukan pengorbanan dan kesetiaan. Semakin kita meniti kejayaan semakin tinggi tuntutan yang perlu dipenuhi. Tiada jalan singkat untuk melakar kecemerlangan, memahat kegemilangan untuk kesejahteraan Bangsa Johor. Hanya para pemimpin yang tegas, jujur dan istiqamah sahaja yang mampu membawa kejayaan pembangunan untuk diterjemahkan ke dalam bentuk pelaksanaan untuk terus menjadikan negeri Johor Ta'zim ini negeri yang moden dan mendapat kerediaan Allah SWT.

Sesungguhnya kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, yang cekal hati dan ikhlas jiwa memimpin negeri melalui asas permuafakatan dengan gagasan Johor berkemajuan bertunjangkan pegangan agama yang kukuh dan nilai akhlak yang bersesuaian dengan konsep kepimpinan yang berwibawa. Di dalam Islam selalu saya sebutkan bahawa kepimpinan bermaksud disebutkan sebagai AlQiyadhah. Qiyadhah berwibawa bercirikan kepada kesanggupan untuk mengabdikan diri melaksanakan amanah, bagi kesejahteraan rakyat dan sentiasa kukuh ketakwaan kepada Allah SWT. Dalam konteks ini Qiyadhah dilihat sebagai satu taklif iaitu beban tanggungjawab bukan satu tashrif iaitu singgah sana kemegahan.

Ini kerana kepimpinan satu pelayaran yang menjadikan kebenaran sebagai sahnya dan keadilan sebagai muara pelabuhannya. Kepimpinan yang berwarnakan kebenaran dan keadilan terus mandat daripada sesiapa. Firman Allah SWT dalam surah Al-Ambiya ayat yang ke 21:73 bermaksud, "Kami telah menjadikan mereka itu pemimpin yang memberi pefunjuk dengan perintah kami dan telah kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebalikan. Mendirikan sembahyang, menunaikan zakat dan hanya kepada kami mereka selalu menyembah".

Orang bijak pandai dahulu kala pernah berkata, rela berkorban membela kawan, rela dipijak membela yang hak, rela mati membalas budi, rela berlehas kerana tugas, rela berbagi untung rugi, rela beralah dalam menang, rela berpenat menegakkan adat, rela terkebat membela umat, rela binasa membela bangsa. Ikhlas menolong tak harap sanjung, ikhlas berbudi tak harap puji, ikhlas berkorban tak harap imbalan, ikhlas bekerja tak harap upah, ikhlas memberi tak harap ganti, ikhlas mengajar tak harap ganjar, ikhlas memerintah tak harap sembah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperti Sungai Balang, Kempas, Sungai Abong, Senggarang yang memuji akan usaha-usaha yang telah pun saya lakukan. Sebenarnya sebagai manusia biasa

kita sedar sebagai seorang Islam puji-pujian itu hanyalah untuk Allah SWT. Pujian-pujian hanyalah untuk Allah SWT tetapi bagi masa yang sama sebagai insan biasa kami juga tidak memerlukan makan atau hinaan. Saya juga Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya nak tanya Tan Sri Speaker, hadiah yang Skudai yang nak bagi kat saya dah sampai ke belum.

**YB Speaker :** Saya macam tak masuk campur hal tu. (Dewan ketawa).

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Tak, sebab Skudai ada sebut, eh Skudai you cakap. I tak bangun tau, dia kata nak bagi pada Speaker. Saya tanya Speaker dah hantar ke belum?

**YB Speaker :** Sehingga kini tak ada apa-apa. Tapi kalau Skudai nak bagi lebih baik bagi Speaker ajelah.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Kalau Tan Sri Speaker ada *office*, saya hantar esok.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Saya, duduklah. Kita tak *gentleman* langsunglah, dia cakap dia bebasah kita diam aje. Kita cakap dengarah. Kita tunggu juga hadiah, hadiah yang dikatakan nak bagi *boot* mungkin kata *second hand*. Sebenarnya di Selangor dulu ada pemimpin dia bagi penyapu, kat sini DAP nak bagi saya sepatu, *boot*. Orang Melayu kata ini jenis kenyataan yang kurang ajar kepada adat orang Melayu. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker :** YB berhati-hati sikit.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Saya pun nak tengok juga *boot* tu.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Tan Sri Speaker Peraturan Tetap 45 (xiii).

**YB Speaker :** Skudai, Skudai saya sudah...

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Saya mintak Yang Berhormat EXCO tarik balik.

**YB Speaker :** Skudai,

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Saya tak bagi ...

**YB Speaker :** Skudai.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Duduk, duduk.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Sebab itu dengan hasrat yang baik.

**YB Speaker :** Cukuplah.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Dia pernah buat tuduhan dalam surat khabar kata saya tak tahu itu sungai air Sungai Skudai tercemar.



**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Duduk, duduk, saya jawab, saya jawab.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Nampaknya dah 2 tahun dia tak buat kerja.

**YB Speaker :** Skudai duduklah.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Dia selalu yang kat dalam Dewan ni, dia kadang-kadang kita kat dalam Dewan tak berapa nak cakap. Tapi dengan press semua dia cakap, press semua dia cakap. Saya ada kat sini, kat Sinar ada keluar ini Sungai Skudai, Bukit Batu agaknya pergi kat Sungai Skudai. Dia kata Sungai Skudai dia punya kualiti air, kualiti air kalau dekat situ surat khabar Cina sebut kelas 3, kat sini dia kata atas daripada kelas 2, maknanya bawah daripada kelas 2.

Saya sebenarnya dalam Dewan ni saya dah sebut 3 tahun dulu, 3 tahun dulu dah jawab soalan daripada Renglit, di manakah sungai-sungai yang tercemar? Saya dah sebut Sungai Skudai 3 tahun dulu bahawa kelasnya kelas 3. Baru hari itu dia pergi Sungai Skudai kemudian dia beritahu bahawa ini adalah merupakan kelas 2. 3 tahun dulu saya dah cakap pun. Masa saya cakap pun dia ada dekat dalam Dewan ni. Dia tak dengar kot. Kemudian kita dah cakap, kemudian yang tentang kasut tu, saya nak tengok kasut tu bersih ke kotor, kalau kotor nak hantar kat Kimia, sama ada kalau ada selut lumpur saya nak check, sama ada lumpur tu di Sungai Skudai atau kat ...

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Tan Sri Speaker, Peraturan 45, nak bagi penjelasan. Sebenarnya nak bagi dia boot, bukan bagi boat, sampan. Ni boat berenjir punya

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Tapi dalam hansard dia tulis boat... Dah duduk.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Yang Berhormat EXCO boleh naik...itu sungai.

**YB Speaker :** Skudai, Skudai, cukup, cukup. Ok.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Dia salah faham.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Dia sendiri cakap di sana di bilik DUN nak bagi second hand punya boot, bukan boat, saya tahu eja macam mana, bunyi dan sebagainya. Dah, duduklah, nanti you cakaplah kat luar.

**YB Speaker :** Yang Berhormat, perkataan lu tu tak boleh. Yang Berhormat ya dalam Dewan ni.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Ok saya tarik balik, awak.

**YB Speaker :** Awak pun tak boleh Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Habis tu?

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Tak apalah Dato' Speaker, itu bahasa dia.

**YB Speaker** : Dalam Dewan ni Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Kalau dia,

**YB Speaker** : Duduk, duduk Yang Berhormat.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : ... secara peribadi lebih baik Yang Berhormat EXCO, sila letak jawatan.

**YB Speaker** : Skudai, YB Skudai duduk, terus.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar** : Saya Sungai Skudai saya dah pergi lebih daripada 4 kali. Tapi saya tak tengoklah surat khabar Melayu tak ada sebut YB Skudai pernah pergi situ. Ini agaknya kali pertama agaknya dia pergi kat situ. Sebab dah 3 tahun dulu saya sebut bahawa kawasan tersebut adalah merupakan sungai yang tercemar tetapi baru hari itu dia sebut bahawa itu merupakan sungai tercemar dengan kelas 3, saya dan sebut 3 tahun dulu.

Jadi, kita nak tengok sapa bekerja, saya tahulah ini adalah merupakan EXCO yang bekerja. Kemudian mungkin Skudai bekerja, itulah sebabnya ketua pembangkang dah tukar kedudukan. (Dewan bertepuk). Maka Sungai Skudai apabila dilihat yang lepas apabila ia adalah merupakan sungai yang tercemar dan di situ ada loji rawatan air Sultan Ismail yang sebenarnya beroperasi 10% sahaja daripada kapasiti 50 million gelen per day.

Antara yang menyebabkan masalah tersebut adalah disebabkan oleh masalah asid amonia, pencemaran sungai dan sebagainya. Maka kerajaan negeri telah pun mengusulkan Sungai Skudai *Water Blueprint* pada tahun 2012 hingga 2015. Saya ambil alih pada tahun 2013 dan ianya telah pun berlangsung, di dalam blue print Sungai Skudai tersebut ada 170 tindakan dan kita telah pun melaksanakan hampir 56% daripada tindakan tersebut.

Dan, apabila ianya telah berakhir maka kita telah pun *restructure* balik Sungai Skudai *Water Blueprint* untuk memastikan bahawa setiap tindakan bakinya dan juga inisiatif-inisiatif baru ini dapat dikemukakan untuk memastikan bahawa loji rawatan air Sultan Ismail itu akan beroperasi dan juga dapat memenuhi kehendak masyarakat yang ada di negeri Johor.

Ini usaha yang dilakukan oleh kerajaan. Kalau kita tengok ke Sungai Skudai, ia adalah merupakan satu sungai yang kotor, kandungannya dengan *polisterine*, dengan kafil, plastik dan sebagainya. Dan ia telah pun berlanjutan lama dan sepatutnya sebagai Wakil Rakyat yang ada di situ kita berusaha untuk menyedarkan masyarakat yang ada, penduduk yang ada di situ untuk mengubah cara kehidupan mereka agar jangan membuang sampah ke parit. Jangan membuang sampah ke sungai. Pastikan

bahawa premis, kilang-kilang dan sebagainya hanya mengikut peraturan-peraturan yang tertentu. Jadi mudah untuk kita menunding jari kepada kerajaan yang kononnya kerajaan tidak bertindak untuk memastikan bahawa sungai ini tercemar, sungai ini dibersihkan dan sebagainya. Tanggungjawab ini adalah merupakan tanggungjawab kita bersama.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Skudal juga ada membangkitkan berkaitan tentang jumlah katil. Sebelum itu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Bentayan dan Senai ada sebutkan tentang *Obama Care*, Bentayan. Sekarang pun *Obama* dah tak ada lagi sebagai Presiden lepas ni. Dan kita tak tahu hayat *Obama Care* itu ada lagi ke tidak. Kalau *Kempas* mungkin dia akan tukar *Obama Care* kepada *Trump Care*. Jadi mungkin tak lama hayat *Obama Care*.

Kemudian yang berkaitan tentang Senai, dia sebutkan tentang kenapa negeri Johor ada hospital awam dan pada masa yang sama kenapa ada KPJ? Hospital awam bagi untuk perkhidmatan kepada rakyat tapi pada masa yang sama membuat keuntungan daripada operasi tersebut. Saya di Selangor pun saya nak tanya, di Selangor kenapa kerajaan negeri terlibat dalam *Highway Bestraya*, *Sprint* dan sebagainya? Kenapa di Selangor tak bagi free orang-orang Selangor lalu *highway*? Sebab itu kepunyaan sebahagiannya oleh kerajaan negeri, bagilah free di Selangor. Di Penang di Bukit Bendera tu kereta api kepunyaan kerajaan negeri. Bagilah free orang masuk atau pun naik Bukit Bendera, kenapa dikenakan caj?

Maka kita harus membezakan di antara menyediakan perkhidmatan alternatif yang boleh memenuhi kehendak mereka yang mampu membayar dengan tanggungjawab sosial oleh kerajaan. Kerana KPJ adalah merupakan GLC yang ditubuhkan untuk memenuhi kehendak pasaran yang mempunyai segmentasi tersebut. Dan keuntungan tersebut akhirnya akan diberi kembali kepada kerajaan dan duit tersebut akan dipulangkan kepada rakyat dalam pelbagai bentuk terutamanya dari segi pembangunan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kos untuk mengurus hospital dan juga kesihatan negeri Johor setiap tahun berjumlah RM1.8 bilion. Ini adalah merupakan kos pengurusan, bagi kos pembangunan berjumlah RM5.5 juta setahun. Bermaksud apabila kita campurkan pengurusan dan juga pembangunan lebih kurang RM2.5 bilion setahun yang perlu ada untuk menguruskan sektor perkhidmatan klinik dan hospital setiap tahun di negeri Johor. Jadi kita kena lihat tentang perkara tersebut bukan kita sekadar bercakap dan sebagainya.

Di Johor kita mempunyai katil sebanyak 5,185 dengan 185 wad. Mulai 2016, Hospital Sultanah Aminah telah diluluskan kenaikan katil dari 898 buah kepada 1,028 buah iaitu peningkatan sebanyak 217 katil yakni peningkatan 22%. Secara keseluruhan hospital kerajaan negeri Johor masih mampu menampung pesakit dalam keadaan yang terkawal. Kadar penggunaan katil masih rendah di Hospital Tangkak dan Hospital Kota Tinggi. Hospital-hospital lain dalam keadaan sederhana penggunaannya kecuali Hospital Enche Besar Hajah Kalsom Kluang, di mana BOR melebihi 95%.

Perancangan untuk melengkapkan wad tambahan dengan 28 katil sedang diusahakan. Untuk makluman Dewan juga, Hospital Permai telah memberikan sebanyak 136 katil bagi menampung pesakit daripada HSA tempoh hari. Sehingga kini

masih terdapat 99 katil kosong untuk menampung pesakit. Ini penyakit biasa bukan pesakit mental ya. Sebab Kementerian 2 hari lepas dia kemukakan laporan, 1 daripada 3 orang adalah mereka-mereka yang mungkin mengalami masalah mental. 1 daripada 3, dalam Dewan ni BN berapa, berapa peratus ya kerusinya? Kerusinya dua pertiga kan? Satu per tiga tu letak kat mana? Kan, satu per tiga tapi bukanlah nak kata, tak ada kata satu per tiga aje. Sebab Barisan Nasional masih lagi dua pertiga. Maknanya kita masih waras lagi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Jementah dan juga Buloh Kasap membangkitkan tentang kilang yang beroperasi. Sebenarnya Buloh Kasap dah beritahu saya awal. Sayalah antara orang yang pertama pergi lawat di tapak tersebut dan lebih kurang setahun setengah lepas, bagi peringkat Jabatan Alam Sekitar Negeri bagi penilaian awal tapak, Jabatan Alam Sekitar negeri tidak menyokong, tidak menyokong bagi kilang sawit di sempadan Jementah.

Dan jabatan-jabatan yang berkaitan seperti Majlis Daerah Tangkak juga tidak menyokong dan juga pejabat-pejabat yang berkaitan. Namun begitu pihak syarikat telah pun merayu ke peringkat ibu pejabat Jabatan Alam Sekitar Kuala Lumpur dan mereka telah pun diberikan kebenaran. Maka kalau tuan-tuan tengok, dalam facebook ke mana ke, MP Kluang, dia telah pun berjumpa dalam Persidangan Kamar Khas Parlimen pada 14 November 2016, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan telah berjumpa dengan Timbalan Menteri. Timbalan Menteri ni adalah merupakan Ahli Parlimen Ledang. Kilang tersebut terletak di Ledang cuma MP Kluang tulis, dua kilang di Segamat, tak. Kilang kelapa sawit tu terletak di Tangkak bukan letak di Segamat. Macam mana tempat pun tersilap kan? Maka dia telah pun diterangkan kepada MP Kluang dan juga dalam Persidangan, Persidangan Kamar Khas Parlimen pada 14 November 2016. Maka, Jementah bolehlah rujuk kepada MP Kluang ya. Kemudian kerana kerajaan negeri Johor melalui JAS kita tak menyokong, dan kelulusan itu dibuat oleh pihak federal dan kita tidak mempunyai kuasa lagi tentang perkara tersebut.

Bagi kilang di Buloh Kasap yang selalu dibangkitkan oleh Buloh Kasap, sebenarnya kita telah pun membangkitkan dan juga membuat pemeriksaan secara berterusan kepada kilang tersebut dan telah meminta supaya ianya mengikut kehendak apa yang diperlu, mengikut kehendak Jabatan Alam Sekitar dan tindakan penguatkuasaan sedang diambil kepada pihak premis tersebut untuk memastikan bahawa kerja-kerja pengubahsuaian dan pembaikan boleh dilakukan dan juga kalau ianya tidak dilakukan, kita boleh mengambil tindakan untuk menggantung lesen operasi.

Bagi tindakan kilang sawit di Ulu Remis, kertas siasatan untuk tindakan Mahkamah di bawah Seksyen 16 (1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kerana kegagalan mematuhi syarat-syarat lesen telah disediakan. Ketetapan berhubung kertas siasatan telah pun dirujuk kepada Bahagian Pendakwaan. Sekarang terpulangnya kepada Bahagian Pendakwaan untuk meneruskan tindakan. Tindakan segera penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah diambil di mana premis tersebut telah digantung lesen beroperasi dari 14 Julai sehingga 26 Julai. Dalam masa yang sama notis arahan di bawah Seksyen 31 Akta Kualiti Alam Sekitar, Sekeliling 1974 juga telah dikeluarkan pada 14 Julai untuk pihak premis melaksanakan kerja-kerja pembetulan dan pencegahan...

**YB Speaker :** Panjang lagi Yang Berhormat?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Ya,

**YB Speaker :** Panjang lagi?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar** Ada sikit.

**YB Speaker :** Sila duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Persidangan ini 20 minit.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11:00 pagi.**

**Persidangan disambung semula pada jam 11:20 pagi.**

**YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Timbalan Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, berkaitan tentang apa yang dibangkitkan oleh Gambir yang melibatkan monyet yang menziarah kampung-kampung di Gambir. Berdasarkan rekod Jabatan sehingga 31 Mac 2016, pihak Jabatan tidak menerima sebarang aduan gangguan hidupan liar seperti kera dan babi hutan di kawasan Bukit Gambir dan sekitarnya. Pada tahun 2015, 4 operasi membasmi musuh tanaman telah dilakukan di kawasan Bukit Gambir dengan hasil operasi berjaya melupuskan sebanyak 5 ekor babi hutan dan 135 ekor kera. Tindakan ini diteruskan pada tahun 2016, di mana sejumlah 77 ekor kera yang menjadi pencetus konflik di kawasan Gambir telah pun dilupuskan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, oh Gambir tak ada. Sepatutnya setiap Wakil Rakyat membuat inisiatif sendiri. Sebenarnya di Sungai Balang, pada tahun lepas Sungai Balang membuat inisiatif sendiri dengan menggunakan peruntukan yang ada pada setiap Wakil Rakyat untuk membuat perangkap dan sebagainya dan sepatutnya Gambir juga boleh melakukan perkara yang sama. Kosnya antara RM5,000.00 hingga RM10,000.00 maka sebagai EXCO yang bertanggungjawab di bawah PERHILITAN sebagai menghargai jasa yang telah pun dibuat oleh pihak Sungai Abong maka saya sebagai EXCO, peruntukan EXCO saya bagi RM10,000.00 lah sebagai penghargaan kepada Sungai Abong. (Dewan bertepuk).

**YB Timbalan Speaker :** Sungai Abong ke Sungai Balang?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Eh, Sungai Balang. (Dewan ketawa). Sungai Balang. Nasib baik tak ada. Sungai Balang. Kita nak bagi Gambir, Gambir pun tak ada, jadi, pakai gunakan peruntukan dia sendiri lah.

Untuk maklumat Rengit, Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyenaraikan permohonan pembinaan Klinik Kesihatan Rengit di dalam senarai keutamaan projek *Rolling Plan* pertama dan *Rolling Plan* yang kedua Rancangan Malaysia Ke-11. Walau bagaimana pun, Jabatan Kesihatan Negeri masih

lagi menunggu kelulusan daripada IPU dan sama-sama kita berdoa agar IPU dapat mempercepatkan dan meluluskan permohonan kita dan pada yang sama mintak juga Rengit mandi bungalow supaya proses itu dapat dicepatkan dan juga tolak bala. Rengit pun tak ada.

Untuk Tenggara, macam mana nak sebut berita baik untuk Tenggara, dia pun tak masuk lagi? Untuk Tenggara, kerajaan, Jabatan Kesihatan Negeri telah pun mendapat kelulusan sebanyak 25 buah ambulans. Dan saya akan pastikan bahawa 1 daripada 25 buah ambulans itu akan diberikan kepada Tenggara.

Bagi Senggarang, yang membangkitkan berkaitan tentang Sg. Suloh, ingin saya maklumkan bahawa insya-Allah pada tahun hadapan JPS telah pun meluluskan peruntukan sebanyak RM10 juta (Dewan bertepuk).

Dia seorang sahaja ketuk kuat. RM10 juta (Dewan ketawa).

**YB Speaker :** Jangan kuat sangat, pecah.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Dah tahun depan dalam proses reka bentuk bagi mengatasi masalah banjir di kawasan tersebut. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, melalui Bajet 2016 melaksanakan Pelan Pertumbuhan Ekonomi Johor secara besar-besaran. Saya akan memfokuskan kepada beberapa daerah yang melibatkan portfolio saya bagi memastikan kerancakan ekonomi di daerah tersebut akan turut memberi impak kepada bangsa Johor. Bagi daerah Johor Bahru, Kulai, Pontian, pembentangan Pelan Induk Hab Kesihatan dan Hospitaliti Negeri Johor yang dijangka siap sepenuhnya pada bulan Mac 2017 akan dilaksanakan dengan skala besar bagi memastikan Johor muncul sebagai pusat perubatan terbaik di rantau ini. Pelan Induk Hab Ini akan menjadikan Johor :-

1. Pusat Perkhidmatan Kesihatan dan Eco-Medical,
2. Perkhidmatan Sokongan Hospitaliti
3. Rumah Penjagaan Orang-Orang Tua
4. Pembangunan Sumber Manusia
5. Bidang Pembuatan dan R&D

Selain daripada itu, Pelan Tindakan Masyarakat Rendah Karbon juga yang diterajui oleh lima buah PBT di dalam Iskandar Malaysia akan melaksanakan 12 pelan tindakan bagi memastikan pengurangan pelepasan karbon dapat dikurangkan kepada 45% pada tahun 2030 berbanding 2005 seperti janji Malaysia di dalam Conference Of Parties (COP) ke 21 di Paris. Pelepasan gas rumah hijau ialah penjejakan prestasi di mana ia menggunakan Standard Pengiktirafan Antarabangsa, *The Global Protocol For Community Scale Green House Gas Emissions Inventory (GPC)*. Untuk pengiraan pelepasan GHG, Green House Gas didalam sempadannya. Inventori GHG ini merangkumi pengumpulan data yang komprehensif dan proses penglibatan pihak berkepentingan secara meluas. Inventori ni telah membuat pengiraan pelepasan GHG dan telah mengenal pasti sejumlah 15.47 juta tan karbon dioksida setara untuk tahun 2015. 66% daripada jumlah pelepasan adalah daripada sektor tenaga *Stationary Energy*. 29% daripada sektor pengangkutan, dan 5% daripada sektor sisa buangan. *Intensity* pelepasan GHG dalam Keluaran Dalam Negara Kasar pada tahun 2015 adalah 0.27 kilo tan karbon dioksida bagi setiap juta Ringgit Malaysia, iaitu 7%

pengurangan jika dibandingkan dengan intensiti pelepasan GHG tahun 2010 iaitu 0.29 kilo tan karbon dioksida bagi setiap juta Ringgit Malaysia.

Bagi daerah Kota Tinggi, Tangkak, Kluang, Mersing saya akan memberikan tumpuan terutamanya sedaya upaya mengenai pembinaan Pusat Santuari Gajah Johor yang dari segi, ini dalam proses kerja ukur pelan binaan dan infrastruktur telah pun disiapkan dan selalu dibangkitkan oleh Sedili dan Jabatan Pengairan Saliran Malaysia akan mengeluarkan tender pembinaan pada bulan Disember 2016. Insya-Allah jika siap sepenuhnya Pusat Santuari Gajah ini mampu untuk mengurangkan gajah manusia selain menjadi daya tarikan eko pelancongan di negeri Johor pada masa akan datang. Selain daripada itu, dugong di Pulau Sibul telah siap sepenuhnya dan telah menjadi daya tarikan pelancongan dan insya-Allah jika diizinkan maka pewartaan kawasan pengairan Santuari Dugong dapat dilaksanakan pada bulan Jun 2017.

Di bawah prasarana terbaik untuk semua air pengurusan banjir di dalam Bajet 2016, kerajaan negeri Johor telah memperuntukkan, telah memberi peruntukan bagi menyilapkan kajian Pelan Tindakan Banjir Negeri Johor untuk menangani masalah banjir di negeri Johor. Hari ini saya ingin mengumumkan hasil draf laporan akhir Pelan Tindakan Banjir Negeri Johor mendapati 130 kawasan berisiko untuk mengalami banjir monsun ataupun kilat yang mana kawasan tersebut meliputi daerah Tangkak, Muar, Segamat dan Johor Bahru yang mempunyai Indeks severity tertinggi berbanding kawasan yang lain.

Bagi agenda besar, Agenda Johor Lestari melestarikan alam sekitar dengan terbaik. Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk tidak mengetepikan kepentingan alam sekitar. Walaupun menghadapi arus pembangunan yang pesat, melalui Rangka Tindakan Dan Pelan Hala Tuju biorosot dan bio kompos Johor yang akan dilaksanakan mulai 2016 hingga 2020. Pada tahun 2017 sebanyak RM250,000.00 peruntukan awal yang diberikan untuk memulakan *road map*, dari jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM1.455 juta. Buat masa ini kajian mendapati bahawa sisa pepejal di Johor adalah 1,800 tan sehari dan 360 tan adalah terdiri daripada sisa plastik dan polisterin manakala kos pengurusan sisa pepejal sebanyak RM360 juta setahun. Perbadanan Biotech dan Biodiversiti Negeri Johor akan dipertanggungjawabkan sebagai peneraju utama untuk melibatkan secara langsung dengan pengenalan dan pengedaran bahan alternatif polisterin menerusi syarikat usaha sama, menggalakkan penglibatan aktif pihak berkepentingan seperti pengilang, pemborong, peruncit dan pengguna dalam membina ekosistem dan rantaian bekalan bahan alternatif polisterin yang akan membolehkan ekonomi, alam sekitar dan masyarakat serta melaksanakan program kesedaran promosi dan galakan. Rangka tindakan ini akan menjadi garis panduan semua pemegang taruh dan menjadi titik tolak perubahan positif serta mendukung inisiatif dan aspirasi negeri Johor.

Menginsafi hakikat dan memusatkan matlamat, kerajaan negeri Johor akan memperkenalkan program *Community in River* yang akan menumpukan aspek kesukarelawan gaya baru mendidik dan membimbing masyarakat mengenai kepentingan air yang bersih. JPS Johor akan bersama Majlis Belia Negeri Johor yang mempunyai 22 badan gabungan dari seluruh negeri Johor melalui Aspirasi Nyalarasa Generasi Anak Muda Muafakat ataupun NGAM akan menggerakkan lebih 1500 penduduk yang tinggal di sekitar sungai serta 50 industri dan sekolah. Kita juga akan memastikan kerjasama Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Tanah Daerah, Jabatan

Pendidikan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan ke arah merealisasikan pemikiran dan minda masyarakat kelas pertama kepada bangsa Johor secara keseluruhan.

Perbadanan Taman Negara adalah agensi kerajaan negeri yang diberi kuasa untuk menjaga dan menguruskan semua taman negara yang menjadi milik negeri. Mendepani cabaran dan keberlangsungan kepesatan ekonomi, Perbadanan Taman Negara masih lagi mampu memberikan perkhidmatan terbaik untuk semua usaha pemeliharaan dan pemuliharaan flora dan fauna warisan generasi akan datang supaya ia lebih terjamin dan kekal menjadi hadiah yang tidak mampu dinilai dengan apa-apa jua ukuran. Sebagai perbandingan, Taman Negara di negeri Johor amat jarang menghadapi masalah pencerobohan, masalah penyakit tikus, masalah kesan negatif alam sekitar kerana komitmen dan azam seluruh warga kerja Taman Negara yang meletakkan kepentingan alam sekitar lebih dari segala.

Pada tahun hadapan setelah melalui proses ekspedisi, penyelidikan, kajian pelan pengurusan dan ukur halus, pewartaan Taman Negara yang baru di kawasan Bukit Tukau, Bukit Belading dan Reban Kambing seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam bajet di dalam daerah Tangkak adalah penambahan sebuah lagi Taman Negara negeri Johor. Begitu istimewanya kerana di kawasan tersebut ada satu tumbuhan yang satu-satunya tumbuhan purba yang masih kekal iaitu *cycs cantafonia* ataupun Pakis Berlagu.

Jika tahun lalu Kampung Kuala Masai, Kampung Pasir Gudang dan Kampung Bahagia, FELDA Taib Andak diberikan peruntukan untuk menjadikan masyarakat rendah karbon. Mulai tahun hadapan, melalui Kumpulan Wang Projek Sosial, kita akan memperluaskan lagi beberapa program seperti *Partnership For Interdisciplinary Studies of Shoreline Eco-Systems* atau PESISIR di Mukim Tanjung Kupang dan kawasan Gelang Patah. Kajian kebolehpayaan koridor menghubungkan Sungai Pulai dan Tanjung Piai, Tabung Amanah Alam Sekitar untuk Iskandar Malaysia dan memperkasakan BEMRS, CASBEE dan GAIA di peringkat Iskandar Malaysia.

Agenda Prihatin Program Kesedaran. Di dalam mendepani kepesatan pembangunan ekonomi negeri Johor ada beberapa perkara yang boleh menjadi penghalang kepada proses kemajuan tersebut. Salah satunya, adalah berkaitan tentang penyalahgunaan dadah. Saya yakin dan percaya di dalam Dewan yang mulia ini ada yang tersenyum sinis bila saya menyebut mengenai masalah ini. Namun sebagai orang yang diberi tanggungjawab terhadap perkara ini, saya cukup menginsafi perkara ini tanpa kita sedar dadah juga sama seperti diri kita, negeri dan juga negara kita. Semakin maju sebuah negara, semakin maju teknologi dan kemandirian dadah itu sendiri. Jika dahulu kita mengetahui nama dadah itu melalui kokain, candu, ganja, marijuana dan ini semua dalam bentuk dadah tradisional yang mudah untuk kita ketahui kerana menggunakan peralatan yang mudah dikesan. Namun pada hari ini, dadah sintetik yang telah menguasai hampir 70% pasaran dunia yang mungkin juga di Malaysia dan juga Johor. Percayalah, hari ini bukan sahaja semua hadirin yang ada dalam Dewan yang mulia ini, malah saya sendiri tidak akan mengetahui perkara ini jika kita tidak insaf mengenai permasalahan ini.

Melalui kerjasama AADK dan PEMADAM, kita telah menjalankan kerja lapangan selama 6 bulan yang lepas untuk benar-benar mengenal pasti masalah dadah sintetik. Istilah-istilah seperti ubat, cham, pop, biji, paan, pood, som, goyang, dugem, kopi



goyang, K, panas, kuning, batu, ice, ketul dan banyak lagi istilah dadah sintetik yang digunakan oleh penagih dan penggemar di kalangan mereka. Mereka tidak menggunakan dadah sintetik ini secara terang-terangan di tempat yang terbuka tetapi di tempat-tempat yang tertentu. Maka inilah yang harus kita lakukan untuk memastikan bahawa kita dapat menggerakkan segala usaha untuk mengurangkan masalah tersebut.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai penutupnya, Saidina Abu Bakar As-Siddiq menyatakan "Kuatnya umat bukan kerana ramainya tetapi kerana kukuhnya ikatan dan satu matlamat". Beliau juga menambah, "kalian akan dapat dikalahkan walaupun mempunyai jumlah yang ramai melebihi jumlah musuh kamu jika kalian terbabit dalam maklat dan dosa yang dilarang Allah". Allah berjanji dalam firmanNya bermaksud "Wahai orang-orang yang beriman kalau kamu membela agama Allah, nescaya Allah membela kamu untuk mencapai kemenangan dan meneguhkan tapak pendirian kamu". Ini surah Muhammad ayat yang ketujuh.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

**YB Timbalan Speaker** :Terima kasih Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan. Ahli Yang Berhormat, untuk makluman kita ada pemerhati daripada kawasan Pasir Raja seramai 8 orang dalam Dewan ini. Persidangan diteruskan, jemput Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan. Harap diringkaskan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana diberi ruang untuk sama-sama mengambil bahagian dalam sesi penggulungan perbahasan Persidangan Dewan Negeri Johor di Dewan yang mulia ini. Saya ingin mengambil masa yang seberapa ringkaslah kerana tadi sahabat saya, saya ingat lebih satu jam. Jadi, tahniah terutama sekali saya ingin ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang telah membentangkan Bajet Negeri Johor tahun 2017 dengan penuh yakin, tenang dan cukup lancar. Dua jam setengah yang cukup sarat dengan agenda membantu rakyat.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyentuh pelbagai aspek segenap keperluan kehidupan masyarakat bagi memacu ke arah sebuah negara maju yang seimbang dan yang paling membanggakan, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sentiasa memberi penekanan kepada soal pembangunan belia sukan, kebudayaan dan juga warisan. Maka saya tidak berasa hairan kerana bajet ini telah mendapat sambutan yang baik daripada segenap lapisan masyarakat. Kalau kita lihat dalam akhbar-akhbar utama termasuk dalam media sosial dan yang paling saya rasa terharu bila mendapat penghargaan daripada rakan-rakan barisan pembangkang sendiri. Selagi kita manusia, kita tidak mampu untuk terus menjadi sempurna, sudah pasti akan ada cacat celanya. Tetapi dengan usaha yang baik berterusan sebegini, saya percaya sokongan dan keyakinan rakyat akan terus utuh kepada kerajaan Barisan Nasional di negeri Johor.

Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas kepercayaan kepada portfolio saya untuk terus menyumbang bakti demi kesejahteraan rakyat dengan

memperuntukkan RM32.16 juta untuk sektor sukan; RM4.46 juta untuk belia di bawah Tabung Johor Prihatin; RM7.95 juta untuk program pembangunan, pemuliharaan dan promosi warisan dan juga budaya. Serta diteruskan peruntukan sebanyak RM2 juta melalui Perbadanan Islam Johor bagi membela usahawan belia Islam. Pohon cemara dahannya rendang, tumpang berteduh si anak dara; Bajet Johor inklusif dan seimbang, maju negeri rakyat sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Speaker, enam soalan lisan dan lima soalan bertulis di bawah portfolio Belia Sukan dan Warisan telah saya terima untuk sesi perbahasan pada kali ini. Tinggal satu sahaja yang masih saya belum jawab. Insya-Allah kalau ada kesempatan pada hari Ahad, saya akan menjawab soalan tersebut. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada semua yang bertanya. Dan saya tidak akan menghampakan Ahli-Ahli Yang Berhormat semua. Soalan yang tidak sempat dijawab secara lisan dalam Dewan yang mulia ini, saya telah sertakan jawapan secara bertulis seperti yang telah dikehendaki. Memang tidak banyak yang disentuh berkenaan portfolio, insya-Allah penggulungan kali ini saya cuba secara ringkas bagi memberi laluan kepada rakan-rakan yang lain. Yang memerlukan masa yang mungkin lebih panjang daripada saya. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya amat tertarik dengan perbahasan oleh Yang Berhormat ADUN Rengit yang membacakan satu persatu setiap bait-bait dalam lagu Muafakat Johor, lengkap dari awal hingga akhir, lengkap menyatakan jumlah perkataan Muafakat Johor, yang disebut 10 kali katanya. Itulah keistimewaan kita di Johor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, kita bina jati diri dengan pelbagai cara melalui pendidikan, aktiviti kemasyarakatan, sukan dan seni budaya.

Lagu Muafakat Johor contohnya, merupakan salah satu kaedah atau cara kita di Johor ini dalam memberi kefahaman berkenaan agenda yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri Johor seterusnya meningkatkan jati diri di kalangan anak-anak muda. Alhamdulillah, bukan sahaja generasi muda sahaja yang tertarik dengan seni kata dan irama lagu ini tetapi generasi lama juga turut tertarik sama. Sebab itu, hari ini kita perlu berani untuk melakukan sesuatu yang lebih kreatif dan cara dengan pelbagai usaha mendekati generasi muda untuk mengajak mereka bersama-sama untuk memajukan negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, antara yang telah dilaksanakan iaitu program yang mendapat impak yang cukup besar iaitu Anugerah Lagu Johor, yang mana mungkin rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat ada menyaksikan sendiri, telah disiarkan secara langsung melalui Astro Ria. Program yang memberi ruang kepada anak muda untuk berkarya, mencipta lagu patriotik dengan melodi yang segar seiring trend masa kini. Johor merupakan satu-satunya negeri di dalam Malaysia yang melaksanakan program sebegini. Oleh itu, saya mengharapkan kerjasama daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat semua untuk memperdengarkan lagu-lagu ini dalam program-program yang dijalankan. Insya-Allah, pihak Yayasan Warisan Johor akan sentiasa memberi kerjasama kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat sekalian.

Banyak lagi inisiatif yang kerajaan negeri Johor telah laksanakan yang tidak ada dalam negeri-negeri lain. Jika ada pun Johor tetap menjadi pendahulu kemudian menjadi ikutan kepada negeri-negeri lain. Antaranya, yang boleh saya sebut satu persatu iaitu:-

1. Festival Permainan Tradisional yang melibatkan penyertaan pelbagai kaum yang dilaksanakan di peringkat zon, daerah dan juga negeri bagi sekolah-sekolah di seluruh negeri Johor.
2. Festival Seni Muafakat Johor.
3. Anugerah Lensa Johor.
4. Lestari Seni Muafakat Johor.
5. Jom Melawat Muzium.
6. Pentas Teater Karya yang memberi ruang kepada aktivis teater berkarya dengan 9 pementasan teater untuk tahun 2016 sahaja.

Program ini telah dimulakan pada tahun 2015, Alhamdulillah insya-Allah pada tahun 2017, kita akan meneruskan program Pentas Teater Karya ini. Seterusnya yang ketujuh, Festival Kesenian Islam, yang kelapan, Sukan Johor, yang kesembilan, Sirkuit Olahraga yang melibatkan sekolah-sekolah dalam negeri Johor, yang kesembilan, Sukan Muafakat Johor dan banyak lagi yang telah kita laksanakan semenjak 3 tahun yang lalu. Saya ingin mengambil kesempatan di sini ingin mengucapkan terima kasih kepada jabatan-jabatan utama di bawah Portfolio saya iaitu Yayasan Warisan Johor, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor, Majlis Sukan Negeri Johor, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Johor.

Kesemua program ini untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat Dato' Speaker, telah melibatkan ratusan ribu rakyat Johor di peringkat akar umbi. Insya-Allah, dengan adanya kerjasama daripada semua pihak program-program ini akan kita teruskan pada tahun 2017.

Terima kasih juga kepada rakan saya, Yang Berhormat ADUN Semerah, dia tak ada dalam Dewan, yang memuji berkenaan program *Johor Future 2016*, yang dilaksanakan di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri, iaitu program ini antara lain bertujuan untuk memupuk belia-belia untuk bersama dalam aktiviti kemasyarakatan secara sukarela. Saya lihat dalam Facebook Ahli-Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional, alhamdulillah semua telah menunjukkan komitmen yang cukup tinggi dan telah rajin turun bersama sukarelawan untuk membantu golongan yang memerlukan termasuk Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri telah turun ke kawasan DUN Yang Amat Berhormat sendiri. Itulah yang disebut kepimpinan melalui teladan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, bahawa pendaftaran yang telah menjadi Rakan Sukarelawan Darul Ta'zim sehingga kini telah mencecah hampir 19,000 orang yang berdaftar. Dan kita pasti, insya-Allah dalam tahun 2017, Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun telah umumkan iaitu ketika pembentangan bajet yang lepas dalam 2017, sebanyak 56 buah sekolah yang telah dikenal pasti sebagai permulaan untuk dijadikan sekolah perintis bagi mewujudkan skuad, Skwad SDT iaitu Sukarelawan Darul Ta'zim sebagai salah satu aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Program Jambori Sukarelawan iaitu dengan peruntukan RM2 juta untuk Program Gerakan Sivil, Program YWJ, Summer Camp dan juga Program Permata Warisan Jauhar yang diumumkan semuanya menjurus kepada pengupayaan masyarakat terutamanya kepada anak muda yang memerlukan semangat sukarela. Ini juga merekodkan bahawa negeri Johor merupakan satu-

satunya negeri yang mengadakan perhimpunan 2 tahun sekali melibatkan para sukarelawan yang kita namakan Program Jambori Sukarelawan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sifat kesukarelawan ini perlu dipupuk lebih awal iaitu semenjak di bangku sekolah lagi agar apabila mereka tidak lagi bersekolah mereka mempunyai kesedaran yang tinggi kepada masyarakat, melaksanakan tanggungjawab membantu masyarakat, bekerjasama dan bergaul dengan masyarakat. Kesemua program-program yang kita laksanakan ini bersifat Bangsa Johor, sama ada kita bergerak ke depan, kita bergerak ke belakang, ke tepi atau ke mana-mana, kita seiringan sebagai Bangsa Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Gambir iaitu supaya minta saya lihatkan permohonan pembinaan Kompleks Sukan di Kampung Parit Jarum Darat, yang telah dimohon semenjak 8 tahun yang lalu. Saya ingat dah lama dah permohonan tersebut dan saya pada ketika itu pun belum ADUN dan juga EXCO. Saya mengambil kira pandangan dan juga permohonan Yang Berhormat ADUN Gambir dan insya-Allah saya pun akan lihat di mana status, status permohonan ini dan saya berharap agar Yang Berhormat ADUN Gambir dapat memberi perincian kepada saya, untuk saya semak. Dan, jika hanya sesuai untuk dibangunkan, insya-Allah saya akan bantu semampu dengan kapasiti yang ada, sama ada hanya boleh dilaksanakan oleh kerajaan negeri atau kerajaan persekutuan.

Begitu juga dengan masalah-masalah yang dibangkitkan seperti padang, gelanggang, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Parit Raja. Insya-Allah, saya juga akan memberi perhatian berkenaan perkara ini untuk dimajukan kepada Kementerian-Kementerian mahupun agensi-agensi yang berkaitan dengan kerajaan terutamanya jika kawasan yang dimohon itu di dalam pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan saya akan cuba bantu. Kerana apa yang saya lihat di sini, suka saya mencadangkan kepada rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, untuk kita memperuntukkan, mungkin melalui peruntukan yang diberi kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, 5 gelanggang, kalau kita *allocate*kan untuk 5 gelanggang dalam setiap kali peruntukan, insya-Allah dalam masa 5 tahun saya rasa banyak yang boleh dibina. Saya ingat, kalau gelanggang terbuka, kalau kita bina mungkin tidak memerlukan peruntukan yang besar. Ini bergantunglah, ini hanya cadangan daripada saya sebagai EXCO ini bergantung kepada kebijaksanaan. Dan, Ahli-Ahli Yang Berhormat cukup bijaksana untuk menyusun peruntukan yang mereka perolehi.

Mengenai prasarana sukan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Tengah dan juga Yang Berhormat ADUN Tenggara terutamanya sebagai persediaan menganjurkan sukan SUKMA 2020. Sebenarnya, pihak UPENJ iaitu Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor bersama Majlis Sukan Negeri Johor sudah mengenal pasti venue setiap acara sukan yang akan dilaksanakan dan hanya akan dibangunkan secara berperingkat. Untuk maklumat setiap penganjur SUKMA secara tradisinya akan menerima peruntukan khas daripada kerajaan persekutuan biasanya, pada kebiasaannya iaitu 2 tahun sebelum temasya itu berlangsung. Dan kita mengambil kira pengalaman daripada penganjur yang lalu contohnya seperti di Perlis pada tahun 2014 dan juga tahun 2016 iaitu negeri Sarawak. Namun begitu, kita tidak boleh sentiasa menunggu dan terlalu berharap, sebaliknya kita juga mempunyai cara kita sendiri untuk menyiapkan setiap prasarana yang diperlukan kerana setiap

penganjuran kejohanan SUKMA merupakan maruah kepada Kerajaan Barisan Nasional pada hari ini.

Antaranya, seperti yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar iaitu pembinaan Kompleks Sukan Lee Chong Wei yang bernilai RM100 juta untuk sukan badminton dan juga Stadium Sport City di Mount Austin bernilai RM89 juta yang akan dijadikan sebagai stadium utama untuk acara perasmian, penutupan serta tempat berlangsungnya acara padang dan juga balapan.

Saya juga tidak ketinggalan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Stulang, yang mengingatkan berkenaan stadium tertutup bernilai RM60 juta, yang masih belum disiapkan. Sebenarnya, stadium tertutup ini ialah sebahagian daripada komponen yang terdapat dalam projek pembangunan Larkin Arena iaitu selain daripada menaik taraf stadium bola sepak, menaik taraf Pusat Akuatik MBBJ yang dilaksanakan secara penswastaaan oleh Johor Corporation, insya-Allah jika tiada aral melintang pada 5 hari bulan 12 ini akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita semua telah maklum bahawa stadium bola sepak iaitu Stadium Tan Sri Dato' Haji Hassan Yunus di Larkin telah siap di naik taraf dan kini telah menjadi kebanggaan kepada Bangsa Johor dan peminat bola sepak JDT. Kolam Renang MBBJ juga pula sudah ditutup kepada kegunaan awam kerana kerja-kerja naik taraf sedang berlangsung.

Komponen terakhir iaitu stadium tertutup pula akan dilaksanakan dalam masa terdekat yang mana pelancarannya akan dilaksanakan seperti yang saya dimaklumkan tadi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini menunjukkan bahawa kerajaan negeri Johor pada hari ini tidak retorik. Kita akan laksanakan apa yang dikata. Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah umumkan dan ia akan bergerak seperti yang dirancang dan kita sama-sama doa insya-Allah, sebelum berlangsungnya SUKMA 2020, apa yang kita rancang akan menjadi kenyataan.

Pembangunan prasarana ini disokong pula dengan pengisian melalui suntikan dana RM505,000.00, bagi tujuan mencungkil dan membangunkan bakat atlet muda di samping Program Johor Gemilang 2020 yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya optimis inisiatif ini akan membantu Majlis Sukan Negeri Johor serta persatuan-persatuan sukan negeri untuk memperbaiki kelemahan yang ada dan menjadi pencabar terkuat dalam Temasya SUKMA 2020, yang diharapkan oleh Yang Berhormat ADUN Tenang dan juga Yang Berhormat ADUN Tenggara.

Berkenaan sukan permotoran dan ekstrem, sebenarnya Litar Pagoh telah siap dibina pada 3 Julai tahun 2016. Kini, nama barunya iaitu *Tangkak Racing Track* dan sekarang dalam proses penyerahan daripada Jabatan Kerja Raya kepada Kementerian Belia dan Sukan. Komponen yang ada buat masa ini ialah Litar Go Kart, Litar Pocket Bike, Litar Drag, Litar Motorcross, bilik kuliah serta kemudahan-kemudahan lain untuk keselesaan pengunjung.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seperti yang saya janjikan sebelum saya mulakan penggulungan tadi, untuk agar saya tidak berbasah panjang jadi perkara terakhir dalam penggulungan saya pada hari ini berkisar kepada soal identiti, jati diri seperti

yang disentuh oleh Yang Berhormat ADUN Pasir Raja atau dengan perkataan lain yang digunakan *Johor Branding* atau Jenama Johor. Antara yang disebutkan iaitu nasi beriani dan cara pemakaian sampung. Saya tidak pertulah untuk mengulas dengan cara pemakaian sampung sama ada atas lutut, paras lutut atau bawah lutut sebab Yang Berhormat ADUN Pasir Raja sudah terangkan, terima kasih Yang Berhormat. Cuma saya ingin maklumkan bahawa Johor juga sudah mempunyai Tenun Johor, yang mempunyai identiti kita sendiri yang sesuai dipakai sebagai sampung. Ia untuk saya tambah sedikit, iaitu ia sebenarnya mempunyai 10 corak dan motif yang berbeza, yang telah dipatenkan di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia iaitu Songket Johor Jauhar, Songket Johor Maharani, Songket Johor Medini, Songket Johor Tunku Mahkota Johor, Songket Johor Tanjung Puteri, Tenun Johor Mayang Selidah, Tenun Johor Tanjung Plai dan Tenun Johor bercorak Muar berbunga renik.

Bengkel Tenunan Johor ini terletak di Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar yang dulu kita kendali sebagai Kompleks Mawar dan sekarang sedang dipersiapkan Galeri Tenun Johor di bawah tanggung jawab Yayasan Warisan Johor. Bangunannya pun telah siap sekarang dalam proses untuk menyiapkan hiasan dalaman dan pengisiannya sahaja. Saya sentiasa terbuka untuk mengundang Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk bersama-sama boleh untuk hadir dan melawat ke Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar.

**YB Timbalan Speaker :** Mahal tak kain tenun tu?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan :** Harga yang ditetapkan kita tetapkan pada peringkat awal ni dalam anggaran RM1,500.00 hingga RM2,500.00. Tapi itu belum, masih kita, masih dalam proses untuk penilaian. Insya-Allah, kalau, jika kita lihat daripada pasaran, pasaran tempatan mungkin harga itu tinggi dan kita mungkin beri pertimbanganlah untuk kita turunkan harga insya-Allah, dan itu pun setelah kita akan bawa dalam Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor.

Dan, kalau Yang Berhormat Dato' Speaker lihat, dalam program-program kebelakangan ini sebenarnya Songket Tenun Johor ini kita telah gunakan sebagai cenderahati kepada pembesar-pembesar negara yang datang ke negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yayasan Warisan Johor juga dalam proses mempatenkan Baju Kurung Teluk Belanga dan Baju Kurung Cekak Sejari sebagai busana warisan negeri Johor. Mengenai makanan pula, Yayasan Warisan Johor telah mengambil insentif, mengambil inisiatif menyediakan Restoran Dapur Warisan. Ini pun terletak dalam Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar. Untuk membolehkan orang ramai mendapatkan makanan Johor serta makanan tradisi antaranya Laksa Johor, Asam Pedas Johor, kalau orang Jawa, satu lagi panggil Nasi Ambeng, mungkin Dato' Speaker tahulah. Beriani, ulam-ulaman dan sebagainya. Ini semua kita boleh dapat di dapat makanan ini kita boleh perolehi di Dapur Warisan yang terletak di Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar.

Sebagai penutup Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin memberi *respond* dengan cadangan Yang Berhormat ADUN Puteri Wangsa, agar di kumandang azan maghrib dan isyak di stadium-stadium. Sebenarnya ini bukanlah merupakan perkara yang baru atau cadangan dan idea ini telah pun dilaksanakan lebih 3 tahun yang lalu, sama ada di Stadium Larkin mahupun di Stadium Pasir Gudang. Terpulang kepada masing-masing, dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat ADUN Puteri Wangsa, surau

telah disediakan eh. Tinggal kita sendiri yang tahu untuk tanggungjawab kita pada Allah SWT. Saya sebagai EXCO dan juga mungkin Presiden PBNJ pun ada, kita selamah-lemah iman. Kita daripada perbuatan, daripada kita percakapan, inilah dalam hati saja. Apa yang kita sediakan untuk kegunaan Muslim tu dah ada. Sama ada perlu atau tidak tanggungjawab dan macam mana kita nak menunaikan tanggungjawab kita kepada Allah SWT, Insya-Allah. Yang penting Alhaqkumirrobbika walatakum mindaltuntarin, kebenaran itu dari Tuhan dan kita jangan ragu-ragu, insya-Allah. Kerana kita jangan baca soal hati eh siapa dia, hati siapa, kerana kalau kita hanya menilai seseorang itu daripada mata kasar kita, mungkin eh, akan melihat kepada keburukan semua orang. Jadi, insya-Allah dengan pandangan daripada Ahli Yang Berhormat Puteri Wangsa, insya-Allah kita akan sentiasa, kita apa, melihat keperluan yang ada pada kaum Muslim yang menonton bola. Insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, begitu juga dengan semua dan kita semua sebagai seorang pemimpin yang telah dipilih oleh rakyat, ini merupakan ibadah, amanah dan tanggungjawab. Kita mempunyai pilihan sama ada kita mahu terus berbakti kepada rakyat, demi kesejahteraan rakyat ataupun kita hanya mengambil jalan mudah untuk terus menerus mencari salah dan menyalahkan pihak yang lain. Kami telah berusaha yang terbaik. Dan juga di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, kita sentiasa melakukan yang terbaik untuk rakyat daripada soal belia, sukan, kebudayaan dan warisan dan akhirnya apa yang kita lakukan, kita serah kepada

**YB Timbalan Speaker :** Tadi nampak dah nak landing..

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan Dan Warisan :** Nak landing dah ni. Dah nak habis dah. Saya pasal Ustaz Mutalib tadi mengganggu saya punya tempoh ucapan.

**YB Timbalan Speaker :** Tukar portfolio ke?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan Dan Warisan :** Akhirnya kita serah pada Allah SWT. Insya-Allah. Jadi Yang Berhormat Dato' Speaker, demikianlah tadi penjelasan saya ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan Negeri di Dewan yang mulia ini sepanjang segmen perbahasan. Saya mohon maaf sekiranya ada perkara-perkara saya terlepas pandang. Terima kasih atas pandangan kawan-kawan, rakan-rakan daripada barisan pembangkang dan juga barisan rakan-rakan daripada kerajaan, yang memberi sokongan selama ini kepada saya sebagai EXCO Belia Sukan dan Warisan. Insya-Allah, saya akan melakukan yang terbaik. Sekian wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Speaker, Saya mohon menyokong.

**YB Timbalan Speaker :** Terima kasih. Kita teruskan perbahasan. Sila Pengerusi Jawatankuasa Pertanian.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Dan Industri Asas Tani :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kerana telah diberi ruang dan kesempatan untuk sama-sama mengambil bahagian dalam sesi penggulungan Bajet 2017 negeri Johor. Saya ingin mengambil kesempatan ini, merakamkan sembah merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah ke atas Duli Yang Maha Mulia Sultan

Johor, bersempena dengan hari keputeraan baginda pada 22 November 2016 yang lalu.

Seterusnya juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, di atas pembentangan Bajet 2017 serta terima kasih di atas pengumuman beberapa inisiatif khusus kepada pembangunan sektor pertanian dan industri asas tani negeri Johor.

Satu istilah dan idea yang mencabar bagi saya, yang diungkapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor semasa pembentangan Bajet 2017 ini iaitu menjadikan Johor sebagai hab kecukupan makanan. Selepas ini, sebelum ini kita menjayakan Johor sebagai gedung makanan negara. Dan di bawah KPI EXCO, memastikan Johor kekal sebagai pengeluar makanan utama. Melalui program yang telah dilaksanakan di dalam negeri kita, usaha-usaha berterusan dari jabatan dan agensi yang terlibat, penyertaan syarikat-syarikat swasta, GLC kerajaan, serta rakyat Johor untuk menjadikan Johor sebagai hab kecukupan makanan, kita yakin boleh dicapai. Keyakinan ini berasaskan program-program yang sedang giat dijalankan di negeri Johor, sepertimana seperti berikut: pertama, Projek Pertanian Moden di Ayer Hitam yang melibatkan keluasan lebih 9,000 ekar. Projek Bio-Desaru yang telah diusahakan seluas 6,900 ekar dari berbagai syarikat dan juga aktiviti. Ketiga, program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) untuk pertanian seluas 1,386 hektar dan untuk ternakan seluas 2,516 hektar. Daerah Segamat sebagai hab pertanian dan industri asas tani dan Daerah Mersing sebagai hab perikanan. Kelima, pembangunan nelayan di Johor Selatan, dengan penggunaan teknologi *smartline* untuk ternakan kupang. Keenam program tanah terbiar, program galakkan usahawan. Ketujuh, memperkasakan perubuhan dan koperasi yang berasaskan pertanian seperti Pertubuhan Peladang Negeri Johor, Unit Peladang, IMCorp dan sebagainya. Kelapan, menjayakan program agro dan juga eko pelancongan untuk menambah nilai pendapatan pengusaha. Kesembilan, program pertanian rakyat, program penternakan rakyat dan sebagainya. Sepuluh, program khas pelaburan makanan di Kulaijaya, Kluang dan juga Kota Tinggi, Segamat, Mersing serta Muar dengan keluasan 5,784 hektar. Kesebelas, program zon tanaman makanan di Kota Tinggi, Mersing dan Muar dengan keluasan 2,346 hektar dan juga 28 PPK di negeri Johor, PPNJ, di sembilan zon di Chempelak, Bukit Mambai, Kahang, Sedili Kecil, Tenglu, Perdang Timur, Sedili Besar, Jemaluang dan Parit Jawa dengan keluasan 3,234 hektar.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Alhamdulillah, hasil daripada kerja keras daripada semua pihak, negeri Johor telah menjadi salah satu penyumbang terbesar bagi pengeluaran tanaman makanan di Malaysia. Berdasarkan buku perangkaan agro makanan 2014, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Johor mengeluarkan 526,064 metrik tan buah-buahan iaitu 33% daripada keseluruhan makanan di Malaysia. 326,804 metrik tan sayur-sayuran iaitu 23% daripada Malaysia. 57,364 metrik tan tanaman kontan iaitu 24% daripada Malaysia, serta 147,109 metrik tan nenas iaitu 97 daripada keluaran Malaysia.

Pada pembentangan bajet kali ini, program baru yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar antaranya adalah pertama, mengujudkan pelan induk DNA Bioekonomi Negeri Johor bagi memperkasakan industri bio teknologi secara inklusif dan inovatif iaitu sebanyak RM7,000.00. Kedua, pembangunan rangkaian usahawan bumiputera dalam rangkaian halal bagi industri ayam pedaging berskala besar iaitu RM37.98 juta. Ketiga, pembangunan Agro Mix Farm (kebun nucleus) di Segamat.



melibatkan perbelanjaan RM1.25 juta. Keempat projek tanaman Fertigasi sebanyak RM700,000.00 yang mana RM80,000.00 diperuntukkan khusus kepada golongan Orang Kelainan Upaya untuk memberi dorongan, latihan dan semangat agar mereka terlibat dalam sektor pertanian. Keluasan program pertanian rakyat melibatkan 37 buah sekolah, 3 universiti, 37 taman perumahan yang melibatkan RM400,000.00. Keenam, keluasan konsep Agro Stay sebagai salah satu tarikan pelancong dalam negeri Johor, melibatkan RM1.86 juta.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sokongan, pandangan serta teguran khususnya dalam hal yang berkaitan dengan pertanian sepanjang perbahasan dijalankan. Ada yang bertanyakan kepada saya iaini yakni program dan peruntukan yang sebelum ini. Kita masih meneruskan, kita masih meneruskan, program yang dilaksanakan sebelum ini. Penerusan program yang memberi manfaat kepada masyarakat dan penambahbaikan untuk kebaikan bersama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, antara program di bawah Jabatan Pertanian yang akan diteruskan adalah seperti berikut: Program Pertanian Rakyat. Program pertanian rakyat kebiasaannya dibuat dalam kawasan lapang komuniti seperti taman-taman perumahan, masjid, balai raya, kawasan-kawasan PBT dan juga di perkarangan rumah untuk memupuk minat dan cintakan pertanian di samping dapat menghasilkan barang-barang keperluan makanan untuk kegunaan komuniti tersebut. Ia juga dapat memberikan pendapatan sampingan kepada para peserta. Di dalam program ini, bantuan diberikan dalam bentuk imput seperti peralatan penanaman yang sesuai untuk kawasan sempit dan terhad seperti set *Fertikit* ataupun mini *Fertigasi* benih sayuran, buah-buahan, herba, ulam-ulaman dan rempah ratus. Baja, dan racun, baja dan media penanaman, polibag dan lain-lain peralatan yang berkaitan. Jadi, tidak timbulah isu yang ruang yang sempit seperti yang dibangkit oleh Yang Berhormat dari Tangkak. Maksudnya, kita manfaatkan ruang-ruang yang ada. Bagi menjayakan program ini, sebanyak RM400,000.00 akan diperuntukkan sepertimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Program Pengembangan. Selain itu di bawah Program Pengembangan Jabatan Pertanian, kita juga akan mempertingkatkan lagi usaha untuk memperbanyakkan lagi penanaman berbagai jenis pokok buah-buahan dan lain-lain tanaman. Kebelakangan ini kita dapati, orang ramai begitu berminat untuk mendapatkan tanaman seperti benih kelapa matang, pandan, durian serta pokok-pokok herba untuk ditanam sama ada di kebun atau di halaman rumah. Untuk tahun 2017, Jabatan Pertanian akan mengagihkan benih-benih ini, benih-benih pokok ini melalui program bersama masyarakat secara percuma.

Program Galakkan Usahawan. Untuk makluman sidang Dewan yang mulia ini, bagi tahun 2017, Program Galakkan Usahawan (PGU), masih meneruskan projek-projek mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan. Projek Industri Kecil (PIK), Projek Pembangunan Pertanian (PPP), Projek Tanaman Fertigasi (PTF), namun pada tahun 2017 ini, golongan sasar yang akan menerima bantuan akan ditambah dan diperluaskan. Untuk itu kerajaan negeri telah memperuntukkan kira-kira RM1.5 juta bagi PIK, RM0.7 juta untuk PTF, RM0.4 juta untuk program PPP dan RM0.4 juta untuk kursus dan juga program pemimpin bersama rakyat. Daripada jumlah tersebut, bagi program Projek Industri Kecil dianggarkan seramai 155 orang usahawan PGU (minimum) akan menerima manfaat daripada pemberian bantuan mesin dan

kelengkapan bengkel oleh kerajaan negeri. Selain mesin, cadangan berkaitan pemberian berupa mini gerai kepada golongan penjaja kecil, khususnya peniaga yang berniaga di tepi jalan akan saya bawa kepada kerajaan negeri. Hal ini adalah berikutan terdapat banyak permohonan yang diajukan kepada saya, namun tidak dapat dijalankan kerana kekangan dari segi garis panduan. Kita akan lihat baik prosedur insya-Allah kalau dapat kelulusan dari MMK, kita akan cuba bantu peniaga-peniaga tepi jalan untuk gerai mereka.

Untuk Program Pembangunan Pertanian (PPP), perlu pula urus setia menganggarkan seramai 13 orang usahawan tani mendapat manfaat daripada jumlah yang diperuntukkan oleh urus setia. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 5.2 hektar, jumlah keluasan tanah terbiar di negeri Johor akan dibangunkan dengan tanaman kontan seperti pisang, input benih, pembersihan kawasan seperti pengaliran saliran, pagar, pagar bagi mengelakkan tanaman diserang musuh tanaman.

Projek Tanaman Fertigasi seramai 23 orang, minimum usahawan tani yang akan menerima manfaat bantuan mengikut pakej yang digariskan oleh garis panduan PGU. Bagi memperluaskan dan mempromosikan sistem tanaman fertigasi ini, pemberian set tanaman fertigasi secara *neutropot* akan disampaikan kepada seluruh Pusat Pemulihan Dalam komuniti di seluruh Johor dan Sekolah Pendidikan Khas terpilih bagi menyediakan dan melatih golongan kurang upaya ke arah menjadikan usahawan tani di masa akan datang. Di jangka sebanyak 64 PDK dan 60 buah Sekolah Pendidikan Khas akan menerima manfaat daripada usaha kerajaan negeri ini. Saya berharap dengan pemberian ini dapat membantu mereka mendalami ilmu berkenaan pertanian moden dan seterusnya melahirkan usahawan tani daripada golongan ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pendidikan pertanian bagi menghasilkan baja organik akan diperluaskan melalui penggunaan bahan terbuang. Produk-produk berasaskan pertanian meningkat harganya disebabkan dengan harga baja yang melambung tinggi. Kerajaan negeri menyedari kebimbangan terhadap kenaikan harga baja dan input-input ini telah meningkat, kesan daripada kejatuhan nilai ringgit dan kenaikan harga minyak akhir-akhir ini di peringkat global dan juga di dalam negara. Jabatan Pertanian akan terus mempergiatkan promosi dan penyampaian maklumat mengenai teknologi *effective microorganismes* ataupun mikro berfaedah kepada pekebun-pekebun sedia ada yang menggunakan baja kimia beralih kepada pembangunan pertanian secara organik. Penggunaan teknologi mikro merupakan salah satu aspek penting dalam mengurangkan penggunaan baja dan juga racun kimia dalam aktiviti pertanian sekaligus dapat memelihara alam sekitar pada masa kini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Program Karnival Agro Johor. Untuk tahun 2017, kita juga akan menganjurkan Karnival Muafakat Tani Johor di DUN-DUN yang terpilih dengan matlamat untuk mempromosikan produk-produk yang diusahakan oleh pengusaha-pengusaha IAT dan IKS. Di samping untuk memberi pendedahan dan serta pengetahuan kepada orang ramai berkaitan dengan aktiviti pertanian, penternakan dan juga perikanan negeri Johor oleh Jabatan-jabatan dan juga agensi-agensis yang berkenaan. Selain itu, program Karnival Muafakat Tani ini diwujudkan adalah bagi menyokong program yang telah sedia ada iaitu Program Mini Agro Johor dan juga Ekspo Agro Johor yang telah diperkenalkan sejak tahun 2013. Memandangkan program ini telah mempunyai pengunjung tetapnya sendiri, maka adalah amat dialu-alukan sekiranya ada mana-mana pihak yang berminat untuk turut serta bersama-

sama di dalam program ini. Untuk makluman sidang Dewan ini juga, negeri Johor telah dicadangkan sebagai tuan rumah bagi sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat kebangsaan 2017. Dan, sudah semestinya negeri kita akan menjadi tumpuan pemamer-pemamer serta pengunjung-pengunjung dari negeri lain dan kesempatan ini harus dimanfaatkan sebaik-baiknya, khususnya di kalangan pengusaha-pengusaha IAT dan IKS itu sendiri dan juga orang awam yang berminat dalam bidang pertanian.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya berkenaan dengan Program Johor Agro Stay. Untuk tahun 2017, sebanyak RM1.8 juta akan diperuntukkan bagi menaik taraf serta menambahbaik lokasi-lokasi agrostay yang telah dikenal pasti. Antaranya, bangunan IKS dan juga pelancongan Kampung Gunung Pulai, Pusat Pertanian Kongkong Masai, Dataran Pulau Penarik, Bengkel Produk IAT FELDA Semenchu, Bengkel Kraf tangan FELDA Tenang, Kampung Pelancongan Bandar Penawar, Perusahaan Landak Kampung Tenang, Labis; Jeti Pelancongan Bukit Kepong; Medan Selera Ikan Baung, Taman Pelangi, Segamat; Medan Selera Ikan Bakar, Pasir Gudang Baru; Jeti Pelancongan Nelayan Bandar Muar; Jeti Pelancongan Nelayan DUN Sungai Balang. Diharap dengan bantuan yang diperuntukkan oleh kerajaan negeri ini akan dapat membantu pengusaha untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik serta keselesaan kepada pengunjung-pengunjung yang datang. Secara tidak langsung juga, dengan peningkatan bilangan pengunjung ini akan membantu meningkatkan pendapatan pengusaha-pengusaha yang terlibat sehingga 20% hingga 30%.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita tidak dapat menafikan bahawa akibat daripada keadaan cuaca yang tidak menentu dan gangguan makhluk perosak tanaman, akan menjejaskan prestasi pengeluaran tanaman yang dihasilkan oleh pengusaha pertanian. Untuk itu, di bawah Program Bantuan Bencana, Jabatan Pertanian sebanyak RM100,000.00 akan diperuntukkan untuk tujuan tersebut. Ini termasuklah kerjasama dengan Jabatan PERHILITAN dalam usaha untuk menangani isu kacau ganggu tanaman pertanian.

Yang Berhormat dari Bekok ada membangkitkan beberapa isu dalam soal pendatang asing. Jabatan telah mengambil tindakan dengan membuat perjanjian antara Jabatan dan peserta yang mana di dalam perjanjian tersebut telah dimasukkan klausa iaitu "7.1 Kerajaan mempunyai hak mutlak untuk menamatkan sewaan ini dan mengambil milik semula mana-mana lot tanah tersebut dalam mana-mana kesemua keadaan berikut : b) Peserta melakukan perkara yang menyalahi undang-undang negara atau membenarkan sesiapa menjalankan kegiatan yang menyalahi undang-undang negara di dalam kawasan projek". Ini termasuklah dengan menggunakan pekerja asing tanpa permit. Sekiranya terdapat sepertimana yang dinyatakan oleh YB Bekok, tindakan boleh dikenakan kepada peserta.

Penstrukturan semula TKPM Sekijang dibuat berikutan terdapat lot-lot peserta yang berhampiran dengan tebing sungai mula terhakis dan mula mengurangkan keluasan sebenar peserta. Peserta didapati tidak berpuashati dengan bayaran yang dikenakan kerana lot mereka semakin mengecil. Sehubungan dengan itu, pengukuran semula telah dibuat dengan menggunakan Juru Ukur Berdaftar untuk mengukur semula keluasan yang boleh diusahakan oleh peserta. Selain daripada itu, struktur ini juga dibuat dengan mengambil kira teguran Audit Negara pada tahun 2012 yang lebih dikaitkan dengan prestasi peserta.

Untuk makluman, maklumat mengenai tanah terbiar daripada peringkat Jabatan Pertanian bukanlah tanah kerajaan. Sebaliknya ia adalah tanah individu yang tidak diusahakan. Walaupun jumlahnya besar tapi keluasan setiap tanah tersebut adalah kecil dan terpulanglah kepada individu tersebut sama ada hendak mengusahakan ataupun tidak. Pihak Jabatan hanya boleh memberikan bimbingan dan khidmat nasihat berhubung kesesuaian penggunaan tanah tersebut dan mengadakan penemuan rundingan di antara pemilik dan usahawan yang berminat untuk mengusahakannya. Namun begitu, keputusan untuk menjayakan tanah tersebut tetap dibuat oleh pemilik tanah dan Jabatan tidak berhak untuk campur tangan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, seterusnya adalah berkaitan dengan Industri ternakan. Dari statistik perangkaan yang dikeluarkan oleh Putrajaya tahun 2014, 2015, negeri Johor merupakan pengeluar utama daging ayam, daging kambing dan daging puyuh. Negeri Johor juga merupakan negeri yang kedua dalam pengeluaran daging lembu selepas Pahang, daging biri-biri, daging ilik dan susu lembu. Kini negeri Johor muncul sebagai pengeluar puyuh utama dalam negara dengan kapasiti populasi melebihi 1.27 juta ekor. Pada tahun 2015, data statistik Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor telah mengeluarkan sebanyak 5,760 tan metrik daging lembu dan kerbau dengan nilai RM126 juta. Bagi daging kambing biri-biri sebanyak 146 tan metrik dengan nilai RM4.39 juta. Kerajaan Johor telah mengeksport ke Singapura, ayam hidup sebanyak 92,552 tan metrik dengan nilai RM462,000 juta. Manakala telur ayam sebanyak 41,070 tan metrik dengan nilai RM205 juta. Pihak Jabatan sedang berusaha untuk meningkatkan pengeluaran susu di dalam negeri Johor dengan mewujudkan 10 usahawan tenusu di TKPM daerah Kluang. Sehingga kini jabatan mempunyai 35 TKPM di 7 daerah dengan keluasan yang dibangunkan sebanyak 2,516 hektar dengan bilangan peserta seramai 224 orang.

Pada tahun 2015, TKPM negeri Johor telah mengeluarkan sebanyak 5,185 ekor lembu dengan nilai RM12,962,500.00 iaitu 445 ekor lembu tenusu dengan nilai RM245,000.00; 180 ekor lembu dengan nilai RM504,000.00 dan 670 ekor kambing dengan nilai RM403,000.00. Untuk itu bagi tahun 2017, kerajaan negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan meneruskan program Skim Bantuan Penternakan Rakyat. Skim bantuan ini meliputi ternakan seperti lembu, lembu tenusu, kambing tenusu, bebiri, ayam kampung dan juga puyuh telur. Sebanyak RM1.9 juta akan diperuntukkan di bawah skim bantuan bagi tahun 2017. Dalam pada itu, kita juga akan menumpukan usaha untuk menangani isu ternakan lembu yang dibiarkan berkeliaran khususnya di kawasan pusat pelancongan di Mersing. Buat permulaan Jabatan Veterinar akan membina dua buah bangunan ternakan lembu sasar feedlot, ternakan berkelompok di kawasan yang telah dikenal pasti untuk menempatkan lembu-lembu yang berkeliaran ini.

Di samping itu juga, Jabatan akan memperhalusi kaedah yang bersesuaian untuk menjaga kepentingan penternak yang terlibat dengan pihak anchor yang akan menguruskan lembu-lembu tersebut. Sebanyak RM5,000.00 diperuntukkan bagi membina pusat pengumpulan ternakan ini di daerah Mersing:

Lanjutan daripada berlakunya kemalangan jalan raya yang melibatkan lembu di jalan Muar-Labis berhampiran FELDA Chempelak sepertimana yang dibangkitkan oleh YB dari Tenang, beberapa perbincangan telah diadakan di antara Jabatan

Perkhidmatan Veterinar, Pengurusan FELDA Chempelak, Majlis Daerah Labis dan penternak-penternak lembu di FELDA Chempelak. Penternak-penternak yang terlibat telah diarahkan untuk mengawal dan memasang tanda pengenalan pada lembu-lembu ternakan masing-masing serta menjual atau memindahkan ternakan yang tidak boleh dikawal. Jabatan Perkhidmatan Veterinar sedang giat membantu penternak memasang tanda pengenalan kepada lembu yang terdapat di kawasan FELDA Chempelak bagi membantu pengurusan FELDA mengatasi masalah yang berlaku di kawasan tanah seliaan FELDA yang menggunakan undang-undang di bawah FELDA.

Jabatan juga bersedia untuk membantu dari segi logistik dan khidmat kepakaran mengendali lembu kepada Majlis Daerah Tangkak untuk mengambil tindakan undang-undang, menggunakan undang-undang seliaan di bawah Majlis Daerah Labis iaitu Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau sekiranya terdapat lembu di atas jalan raya atau mana-mana kawasan di bawah Majlis Daerah Labis.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Senggarang, terdapat 12 ladang khinzir di kawasan Senggarang. Berkenaan dengan *exit plan* untuk ladang-ladang penternakan khinzir, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar masih meneruskan usaha serta mencari penyelesaian terhadap perkara tersebut. Bagi ternakan khinzir ianya masih belum mendapat keputusan muktamad dari segi lokasi dan kaedah-kaedah yang bersesuaian. Pengusaha ladang juga telah dicadangkan untuk mewujudkan konsortium perniagaan untuk mengusahakan perusahaan ini di bawah satu pengurusan dan satu lokasi. Kaedah teknologi terkini seharusnya diguna pakai. Pihak Jabatan juga telah mengenal pasti pihak pelabur dan juga pengusaha daripada luar yang menggunakan teknologi yang terkini yang sesuai diguna pakai. Yang ini kita akan mengadakan perundingan dengan persatuan pengusaha untuk membantu mereka menggunakan kaedah satu bumbung dan juga satu lokasi.

Oleh yang demikian, bagi mengatasi masalah pencemaran yang berulang dari ladang khinzir ini, penyelesaian jangka panjang adalah dengan kelulusan dan pelaksanaan *Modern Pig Farming*, dengan izin, seperti yang telah diputuskan oleh Jemaah Menteri pada 25 Julai 2007 dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

*Modern Pig Farming* merupakan menetapkan 4 kriteria yang perlu dipatuhi :

1. Kandang tertutup.
2. Sistem pengurusan kumbahan sifar.
3. Mempunyai zon penampakan.
4. Mengamalkan amalan ladang ternakan yang baik.

Siasatan di lapangan mendapati hampir separuh daripada ladang-ladang di negeri Johor tidak menepati kriteria yang telah ditetapkan dan boleh ditutup dan disyorkan *exit plan* yang bersesuaian, disyorkan *exit plan* yang bersesuaian. Bagi mengatasi masalah bau ladang kambing di kawasan Senggarang, Pejabat Veterinar telah melakukan siasatan dan telah memberi khidmat nasihat dan surat penambahbaikan ladang seperti arahan pemasangan zink di sekeliling ladang, pemasangan *netting* di bawah kandang, penggunaan EM dan juga menjaga kebersihan ladang. Pemantauan secara berkala juga dilakukan oleh Pejabat Veterinar daerah bagi memastikan pematuhan arahan oleh penternak.

Kita sedar, Yang Berhormat Dato' Speaker, kita sedar, projek pembangunan sedang rancak dibangunkan di Johor selatan. Sebahagian daripada nelayan telah diberi bimbingan untuk menjayakan program eko pelancongan dan apabila pembangunan-pembangunan ini siap, mereka boleh berperanan untuk terlibat sama menjayakan sektor ini. Untuk itu, pemberian Bantuan Sara Hidup bukannya pampasan seperti mana yang diistilahkan oleh pihak pembangkang, kepada nelayan terlibat dengan pembangunan di kawasan pengairan Johor selatan akan diteruskan seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Selain itu, di bawah sektor pertanian kita juga akan memberikan tumpuan kepada usaha-usaha membaik pulih serta menaik taraf jeti nelayan dan stor penyimpanan. Usaha ini akan membantu nelayan-nelayan untuk meningkatkan lagi aktiviti tangkapan mereka kerana terdapatnya kemudahan asas untuk mendaratkan hasil tangkapan. Pihak Jabatan yang berkaitan akan mengenal pasti jeti serta stor yang perlu diberi keutamaan. Sebanyak RM500,000 diperuntukkan untuk program ini. Pada tahun 2017 juga, Jabatan Perikanan akan menumpukan usaha-usaha transformasi nelayan dengan mempelbagaikan sumber pendapatan khusus untuk kelompok nelayan di kawasan Sungai Melayu dan pangkalan nelayan di Tanjung Piai. Di samping itu, Jabatan juga akan menyediakan skim bantuan peralatan untuk nelayan berdaftar. Program pemeliharaan penyu serta pembinaan tukun di Mersing juga projek ternakan ikan baung di Segamat.

Yang Berhormat dari Semerah, di Semerah mencadangkan pusat pertumbuhan ekonomi nelayan bergantung kepada kesesuaian aktiviti berdasarkan jumlah kepadatan penduduk di kawasan sekitar. Semangat kerukunan ahli, kuantiti ikan yang didaratkan, kebolehdapatan serta kesesuaian tanah dan potensi aktiviti ekonomi sedia ada untuk dikembangkan. Pihak LKIM dari masa ke semasa sentiasa melihat keperluan untuk membina, menaik taraf dan membaik pulih jeti-jeti dan pangkalan nelayan bergantung kepada keutamaan dan juga peruntukan.

Berhubung cadangan YB dari Bentayan, agar nelayan menceburi aktiviti ternakan tiram, pihak Jabatan Perikanan tidak ada masalah untuk menjayakan projek ternakan tiram di negeri Johor. Antara kawasan yang telah dikenal pasti sesuai seperti Sungai Johor, Teluk Sengat dan Muar. Pengusaha yang berminat boleh menghubungi dengan Jabatan untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung dengan bantuan dan juga khidmat nasihat yang disediakan. Selain itu, untuk program pemantauan keadaan dan kualiti tiram, terdapat program kesihatan awam di bawah Jabatan Perikanan Malaysia. Program di bawah kesihatan awam adalah untuk memastikan ikan akuakultur dan juga ikan tangkapan adalah bebas dari penyakit.

Yang Berhormat dari Bekok telah, untuk makluman yang Berhormat dari Bekok, pembayaran *ex-gratia* telah pun dilakukan bermula tahun 2015 dengan jumlah penerima 1,509 orang yang melibatkan peruntukan RM1,509,000.00 dengan jumlah penerima sebanyak RM1,000.00 wang saraan. Jumlah pembayaran ini telah ditingkatkan RM2,000.00 pada tahun lepas dan juga pada 2017 juga Yang Amat Berhormat telah memberikan juga peruntukan setiap seorang nelayan RM2,000.00.

Pihak kerajaan telah bersetuju menggunakan wang daripada Tabung Perumahan terlebih dahulu sebanyak RM1 juta untuk tujuan pembayaran *ex-gratia* kepada nelayan terlibat sementara kutipan ke atas pemaju sedang dibuat. Wang yang telah

dipinjam daripada Tabung Perumahan akan di pulang semula apabila kutipan daripada pemaju telah diterima.

Sehingga November 2016, jumlah semasa Tabung Pembangunan Nelayan adalah sebanyak RM3,764,091.00. Yang Berhormat Dato' Speaker saya nak ucap terima kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan perbahasan kali ini, saya mohon maaf sekiranya ada perkara yang terlepas pandang daripada penjelasan saya. Sekian, saya akhiri ucapan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

**YB Timbalan Speaker :** Perbahasan diteruskan, sila Pengerusi Jawatankuasa Perumahan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi warabarakatuh salam muafakat Johor, salam sejahtera. (Selawat). Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menzahirkan rasa syukur ke atas kesempatan dan peluang serta ruang yang diberikan kepada saya untuk menggulung perbahasan pada hari ini. Ternyata kita amat bersyukur atas segala pencapaian dan momentum kerajaan negeri di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Mohd. Khaled bin Nordin, Menteri Besar Johor yang sentiasa fokus ke arah menjadikan Johor sebagai negeri yang berkemajuan.

Dalam pembentangan Bajet 2017, kerajaan negeri dilihat secara konsisten menjadikan Johor sebagai kuasa ekonomi, menjadi kuasa ekonomi selatan dan seterusnya memacu kemajuan negara secara menyeluruh. Pelaksanaan strategi yang tersusun dan teras yang menyentuh segala aspek ekonomi menampakkan kesejahteraan rakyat Johor terus menjadi keutamaan. Yang penting hanya di negeri Johor pembangkangnya mengakui bahawa bajet yang di bentang sangat baik untuk rakyat, tahniah Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan persoalan dan permasalahan sepanjang sesi ini berlangsung. Saya terima dengan terbuka segala pandangan, cadangan dan reaksi Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tentulah pendekatan saya akan memastikan kesemua perkara yang telah dibangkitkan telah diteliti oleh semua ketua jabatan di bawah portfolio saya untuk diambil tindakan sewajarnya bagi menjamin kesejahteraan rakyat yang akan selamanya menjadi keutamaan bersama.

Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi sektor perumahan, manifesto kerajaan Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 yang lalu telah menjanjikan untuk membina hanya 6,000 unit rumah kos rendah dan mampu milik berjumlah 6,000 unit akan disiapkan sekiranya memenangi pilihan raya pada tahun 2017. Alhamdulillah, kerajaan Barisan Nasional telah mendapat mandat daripada rakyat untuk mentadbir kerajaan negeri Johor.

Di antara langkah pertama yang di ambil oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, sejourus beliau dilantik untuk mengetuai kerajaan negeri adalah dengan mewujudkan Jawatankuasa Task Force Perumahan Negeri Johor yang di pengerusi sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Antara tujuan utama Jawatankuasa

Task Force Perumahan Negeri Johor adalah untuk mencari jalan penyelesaian pembinaan rumah mampu milik dan rumah kos rendah bagi golongan pertengahan dan ke bawah.

Hasil dapatan tinjauan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan maklum balas yang diperolehi daripada Jawatankuasa ini terdapat 180,000 unit kos rumah rendah yang sepatutnya dibina telah gagal dimajukan oleh pihak-pihak pemaju. Atas sebab itulah Jawatankuasa Task Force ini, kita telah memanggil pemaju-pemaju terlibat untuk meneruskan aku janji pembangunan rumah kos rendah sepertimana yang telah diluluskan dalam Kebebaran Merancang ke seluruh negeri Johor. Hasilnya, kita telah mengubah dasar kepada dasar Rumah Mampu Milik Negeri Johor dan sejumlah 28,000 pada tahun 2013 dijangka siap pada 2018.

Walaupun bagaimanapun, jumlah ini terus meningkat berdasarkan komitmen yang dijanjikan berdasarkan perubahan syarat telah kita tetapkan dan luluskan maka ianya terus meningkat saban hari. Dan akhirnya, Yang Berhormat telah mengumumkan dalam Bajet pada 2016 sasaran buat kerajaan negeri Johor adalah sebanyak 60,000 unit menjelang tahun 2020. Bermakna ianya berperingkat-peringkat mengikut pemaju yang hadir pada Mesyuarat Task Force yang saya pengerusikan sendiri.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berdasarkan rekod yang berdaftar dengan SUK Perumahan daripada tahun 2013 hingga 2016, sebanyak 12,108 unit Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) yang telah siap dibina. Daripada jumlah ini sebanyak 1,598 unit PKJA 3,217; PKJB dan 7,293 unit RMMJ telah berjaya disiapkan. Saya ada mendengar pihak sebelah sana membangkitkan seolah-olah kerajaan negeri gagal mencapai sasaran pembinaan RMMJ. Dia kata dulu janji 28,000, kita janji 28,000 pada 2018. Dan dia terus meningkat dan janji kita bertambah-tambah menjadikan 60,000. Bermakna apa yang kita lakukan ini telah mendapat mencapai sasarannya. Dan jumlah 12,108 ini adalah *progress* yang terkini dan ini terus akan meningkatkan berdasarkan janji untuk tahun hadapan akan dilaksanakan sebanyak 7,500 unit.

Hakikatnya, semakan pembangunan RMMJ ini dijalankan oleh setiap Pihak Berkuasa Tempatan terhadap kemajuan pelaksanaan oleh pemaju-pemaju secara kerap. Di mana mesyuarat Task Force Perumahan peringkat daerah diadakan setiap bulan. Laporan-laporan kemajuan pelaksanaan ini seterusnya diserahkan kepada pihak SUK Perumahan untuk pemantauan secara berkala. Melalui pendekatan ini, SUK Perumahan dapat merekodkan jumlah sasaran yang relevan berdasarkan peratusan kemajuan pembinaan. Dalam masa yang sama, segala butiran perincian pembangunan dapat di perolehi bagi memastikan setiap pembangunan disiapkan dalam tempoh 2 hingga 3 tahun pembinaan daripada tarikh kelulusan Pelembagaan Bangunan. Dengan kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas idea-idea baru bagi memperkemas pemilikan RMMJ. Antaranya pengenalan kuota kepada golongan bera dan golongan kurang upaya sebanyak 10%.

Yang Berhormat Dato' Speaker, YB ADUN Semerah ada membangkitkan mengenai isu menaik taraf kemudahan di rumah Taman Pantai Batu Pahat pihak SUK Perumahan akan mempertimbangkan aktiviti-aktiviti menaik taraf yang bersesuaian sepertimana yang dibangkitkan oleh YB Parit Semerah. Perkara ini akan diperhalusi dan akan dijalankan pada tahun hadapan. Sekiranya ada bajet berdasarkan peruntukan pembangunan yang diluluskan oleh kerajaan negeri dalam tahun 2017. Adalah



diharapkan agar manfaat kemudahan yang akan di naik taraf itu nanti dapat digunakan sebaik mungkin oleh penduduk rumah pangsa ini demi kesihatan dan keselesaan mereka untuk beribadah dan beriadah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, YB ADUN Gambir membangkitkan tentang kerakusan pihak pemaju yang lebih gemar menyediakan rumah lebih mewah dan mahal berbanding rumah mampu milik. Terdapat segelintir pemaju-pemaju projek perumahan khususnya di daerah kecil yang mengambil peluang untuk tidak membina rumah mampu milik disebabkan permohonan yang berskala kecil iaitu kurang 3 ekar. Adalah didapati setengah pemaju memang sengaja membuat pecah kecil tanah yang ingin dibangunkan untuk tidak membina Rumah Mampu Milik Johor di kawasan perumahan yang ingin dibangunkan. Pihak kerajaan negeri akan mengkaji cadangan yang diajukan oleh Yang Berhormat ADUN Gambir, iaitu mensyaratkan sebarang pemajuan pembangunan perumahan kurang atau lebih 3 ekar tertakluk kepada kewajipan untuk membina rumah mampu milik di kawasan yang ingin dimajukan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, YB ADUN Parit Yaani ada membangkitkan mengenai mekanisme pemantauan pembinaan RMMJ. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri telah mewujudkan platform Mesyuarat Jawatankuasa Task Force Perumahan Negeri Johor yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor.

Tujuan Mesyuarat Jawatankuasa Task Force Perumahan Negeri Johor tidak lain tidak bukan adalah memastikan pemantauan secara berkesan terhadap setiap komitmen pelaksanaan dan pembangunan Rumah Mampu Milik Johor. Mesyuarat ini diketuai oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor. Pihak UPEN Johor, SUK Bahagian Perumahan Johor, Pejabat Tanah Johor, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Johor, Pegawai-Pegawai Daerah dan beberapa agensi kerajaan lain yang terlibat dalam pembangunan perumahan. Pelaksanaan mengikut jadual dipantau secara terus oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Task Force Perumahan Negeri Johor serta Jawatankuasa Task Force Perumahan peringkat daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai-Pegawai Daerah. Berdasarkan Dasar Perumahan Rakyat Johor, kerajaan negeri mempunyai mekanisme pemantauan projek perumahan seperti berikut :-

Antaranya setiap pembangunan 20% pemajuan perumahan selain Dasar Perumahan Rakyat Johor perlulah mula membina komponen Dasar Perumahan Rakyat Johor. Setiap permohonan 40% pemajuan perumahan selain Dasar Perumahan Rakyat Johor perlulah membina sekurang-kurangnya 50% komponen Dasar Perumahan Rakyat Johor. Setiap pembangunan 60% pemajuan perumahan selain Dasar Perumahan Rakyat Johor perlulah menyiapkan 50% pemajuan dan memberi sijil siap dan dimajukan kepada SUK Perumahan untuk dijual. Setiap pembangunan 80% pemajuan perumahan selain Dasar Perumahan Rakyat Johor perlulah memulakan baki 50% komponen Dasar Perumahan Rakyat Johor. 100% pemajuan perumahan yakni mendapat CFO dan CCC perlulah sekurang-kurangnya memperolehi CCC bagi baki 50% komponen Dasar Perumahan Rakyat Johor. Setiap pembangunan 60% kemajuan perumahan, selain dasar Perumahan Rakyat Johor, perlulah menyiapkan 50% kemajuan dan mempunyai sijil siap dan dimajukan kepada SUK Perumahan untuk dijual. Setiap bangunan 80% kemajuan perumahan, selain dasar Perumahan Rakyat Johor, perlulah memulakan baki 50% komponen dasar Perumahan Rakyat Johor. 1%

kemajuan perumahan yang laini mendapat CFO dan CCC perlulah sekurang-kurangnya memperolehi CCC baki 50% komponen dasar Perumahan Rakyat Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Parit Yaani juga ada mencadangkan pemansuhan bayaran penalti ke atas pengecualian pembinaan komponen PKJ A dan PKJ B. Kerajaan negeri kekal fokus untuk menyediakan komponen Mampu Milik Johor, bagi keperluan rakyat negeri Johor. Di dalam dasar Perumahan Rakyat Johor, kerajaan negeri telah menetapkan syarat untuk pemaju membina 40% komponen Rumah Mampu Milik daripada keseluruhan pembangunan. Bagi pembangunan PKJ A dan PKJ B, pemaju mempunyai pilihan untuk menukar komponen kepada RMMJ dengan membayar gantian bagi setiap unit PKJ A yang tidak dibina.

Malahan bagi kes-kes tertentu, pemaju terpaksa menyerahkan tanah kepada kerajaan sebagai ganti unit PKJ A yang tidak dibina, selain daripada denda yang kita kenakan. Khususnya, bagi pembangunan yang bersaiz lebih daripada 30 ekar. Pilihan yang diberikan oleh pemaju ini, adalah sebagai insentif dan peluang untuk pemaju kekal bertanggungjawab membangunkan unit PKJ A dan PKJ B. Ini kerana, pemaju akhirnya akan bertindak untuk kekal membangunkan unit-unit yang menjadi syarat untuk dibina.

Manakala, pemaju-pemaju yang memohon untuk mendapatkan pengecualian dan penukaran, mereka akan membayar penalti sebagai gantian menyerahkan tanah mereka. Bayaran penalti yang dikenakan dan tanah yang diserahkan ini, akhirnya digunakan untuk membangunkan projek-projek Rumah Mampu Milik Johor berdasarkan keperluan dan permintaan semasa yang direkodkan di Pejabat SUK Perumahan. Selama beberapa tahun ini pun, telah dijadikan amalan di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, tanah-tanah, tapak RMMJ dan dibangunkan oleh GLC-GLC negeri seperti JCorp, KRPJ, PIJ, YPJ dan lain-lain. Inisiatif ini telah menunjukkan peningkatan yang besar dari sudut projek-projek yang telah mula dalam pembinaan oleh pihak-pihak agensi negeri Johor, projek Taman Perbadanan Islam oleh PIJ Holdings di Rengit, Muar dan di Segamat termasuklah di Lenga, Muar oleh Johor Corporation.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Tangkak membahaskan isu Skim Sewa Beli, memperuntukan sebanyak RM20 juta. Kerajaan negeri amat komited dalam menyediakan kediaman kepada rakyat negeri Johor. Inilah bukti melalui jumlah sasaran pembinaan yang kian meningkat dari tahun ke tahun. Pengenalan beberapa skim bagi memudahkan rakyat negeri Johor untuk mendapat pembiayaan juga, mendapat perhatian oleh kerajaan negeri. Skim Sewa Beli merupakan salah satu penyelesaian kepada permasalahan pembeli-pembeli rumah bagi mendapat pembiayaan dari institusi kewangan di luar sana. Ini dapat dilihat oleh maklum balas yang dijalankan. Dan, lanya mendapat isu perumahan tidak hanya berkisar tentang jumlah yang fidak mencukupi sahaja. Akan tetapi ia turut melibatkan isu mendapatkan pinjaman dan pembiayaan. Sepertimana yang telah dibentangkan dalam bajet yang lalu, sebanyak 5,000 unit rumah akan dijadikan Skim Sewa Beli yang telah pun dilaksanakan secara berperingkat.

Untuk makluman Skim Sewa Beli ini telah pun dilaksanakan di negeri Johor setiap tahun 1990 ini lagi. Skim Sewa Beli ini telah diperluaskan pada waktu itu di seluruh daerah di Johor, yang mana melibatkan projek-projek rumah awam kos rendah. Jumlah keseluruhan unit-unit yang telah ditawarkan untuk Skim Sewa Beli sejak tahun 1990-an ini adalah sebanyak 6,264 unit rumah, yang melibatkan 40 buah projek perumahan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kerajaan negeri terus menerus memberikan kemudahan Skim Sewa Beli ini kepada rakyat melalui berapa projek perumahan di bawah kerajaan negeri untuk dijadikan Skim Sewa Beli sejak tahun 2014. Diantaranya, projek-projek perumahan tersebut ialah Rumah Pangsa Kangkar Pulai, Rumah Pangsa Taman Cendana, Projek Perumahan EDL dan terbaru ialah di Rumah Pangsa Bandar Bandar Seri Alam.

Kerajaan negeri melalui Pejabat SUK Bahagian Perumahan, akan menawarkan Skim Sewa Beli ini khusus kepada projek-projek perumahan yang dibiayai oleh kerajaan negeri. Jumlah pembeli terkini, yang ditawarkan skim ini berjumlah 3,200 orang. Jumlah ini dijangka akan terus meningkat oleh kerana tawaran-tawaran baru kepada bakal pembeli yang akan dibuat secara berperingkat. Di atas keprihatinan kerajaan negeri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dalam bajet, ada menyatakan bahawa peruntukan sebanyak RM20 juta akan disalurkan bagi tujuan membeli rumah yang berharga RM42,000.00 PKJ A dan RM80,000.00 PKJ B yang akan seterusnya ditawarkan kepada mereka yang layak melalui Skim Sewa Beli.

Inisiatif ini akan diperluaskan ke seluruh negeri Johor, bagi memberi peluang kepada bakal-bakal pembeli berkecukupan untuk membeli rumah kediaman mereka melalui Skim Sewa Beli. Jika dilihat peruntukan sebanyak RM20 juta ini, tidak dapat menampung permintaan Skim Sewa Beli yang semakin meningkat. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri akan mempertimbangkan bagi menambah peruntukan ini dari masa ke semasa bagi memenuhi permintaan rakyat di negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Pekan Nenas ada membangkitkan isu nisbah pembinaan PKJ A dan PKJ B sehingga 30 September 2016. Jumlah permintaan dan permohonan RMMJ di seluruh Johor adalah sebanyak 133,988 permohonan. Jumlah ini direkodkan berdasarkan permohonan yang dihantar secara atas talian, melalui portal Sistem Perumahan Johor. YB ADUN Pekan Nenas membangkitkan cadangan untuk meningkatkan nisbah pembinaan PKJ A dan PKJ B untuk masa akan datang. Perkara ini menjadi perhatian kerajaan negeri Johor disetiap komponen di dalam Dasar Perumahan Rakyat Johor, perlulah dibina oleh pemaju di dalam setiap pembangunan yang melebihi saiz lebih 3 ekar ke atas.

Walaupun bagaimanapun, setiap perancangan perlulah bersandarkan data dan fakta bagi menterjemahkan keperluan semasa rakyat Johor setiap lokaiti dan kawasan pembangunan. Maksud saya, selain merekodkan permohonan RMMJ, sistem e-Johor juga bertujuan untuk membantu perancangan pelaksanaan rumah Mampu Milik Johor berdasarkan permintaan semasa. Jika kita lihat keseluruhan permohonan PKJ B, mempunyai permintaan mencecah 35% daripada keseluruhan permintaan yang direkodkan, manakala rumah Mampu Milik Johor. Dan, PKJ A masing-masing mencatatkan permintaan 30%. Jika permintaan PKJA dan B di sesuatu kawasan adalah tinggi, maka perancangan pembangunan akan tertumpu kepada kumpulan ini. Untuk keperluan, RMMJ pula, adalah didapati berdasarkan rekod semasa. Permintaan RMMJ biasanya adalah lebih tinggi dan tertumpu di kawasan bandar ataupun di kawasan yang lebih banyak kegiatan ekonomi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, YB ADUN Puteri Wangsa ada membahaskan isu projek terbelangkal. Mengenai projek perumahan Taman Setia Indah. Projek ini dibuat secara berfasa iaitu Fasa 1, 212 unit rumah dengan harga RM110,000.00 seunit. Fasa 2 sebanyak 113 unit dan Fasa 3 sebanyak 291 unit. Ketiga-tiga fasa projek ini telah

disambung semua kerja pembinaannya, di mana pemaju iaitu YMN Properties Sdn. Bhd. telah melantik kontraktor baru untuk menghabiskan kerja-kerja pembinaan. Fasa 1 dijangka siap pada akhir tahun ini, manakala fasa 2 dijangka siap pada pertengahan tahun 2017. Fasa 3 dijangka siap pada tahun hujung tahun 2017.

Bagi projek Taman Mount Austin pula, yang dilaksanakan oleh Kong Sun Sdn. Bhd. adalah dimaklumkan projek perumahan Rumah Taman Mount Austin ini telah disiarkan terbelangkal pada 16 Mac 2012. Diharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menerusi Jawatankuasa Perumahan Negara telah merangka Pelan Pemulihan Projek bagi projek ini. Kerajaan negeri telah bersetuju untuk menyumbang dana sebanyak RM5.5 juta untuk membantu Jabatan Perumahan Negara, bagi membolehkan projek tersebut. Walau bagaimanapun, pada Ogos 2013 pemaju asal iaitu Kong Sun Enterprise Sdn. Bhd. telah berjaya mengenyahkan arahan penggulangan yang dikenakan terhadapnya sekali gus menyebabkan Pelan Pemulihan masih belum dapat dilaksanakan. Pihak pemaju akur untuk menyediakan satu pelan tindakan bagi membolehkan projek terbelangkalai tersebut. Daripada sejumlah 911 unit yang merangkumi 10 blok yang sepatutnya dibina, sebanyak 126 blok yang telah siap dibina pada 3.6.2010 dan 100% telah didiami oleh pembeli. Selain itu, sebanyak 73 unit blok 9, telah siap pada 12.4.2016. Manakala, 92 unit blok 8 pada 28.1.2016. Bagi blok 6 terdiri daripada 110 unit telah menunjukkan progress sebanyak 85%. Menurut pemaju blok 6 ini akan disiapkan pada awal tahun 2017. Bagi blok 4, 70% siap daripada 70 unit akan siap sebelum Februari 2017. Manakala, bagi blok 2 dan 1, 57% siap iaitu 90 unit dan 13 unit dijangka siap pada Disember 2017. Untuk makluman tambahan, company ni masih dalam senarai *black list* kita, walaupun mereka ini adalah pemaju yang mempunyai potensi tanah di tempat lain, oleh kerana pemaju ini masih bermasalah, kita membekukan proses-proses permohonan tanah mereka untuk dimajukan, selagi projek yang mereka perlu laksanakan disiapkan untuk projek yang berada di Taman Daya ini disiapkan sepenuhnya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, jika tadi saya menyentuh berkenaan agenda perumahan, kini saya beralih pula kepada agenda seterusnya kepada perkara-perkara yang melibatkan Kerajaan Tempatan. Bagi menjayakan Gagasan Johor Berkemajuan, pihak Berkuasa Tempatan juga memerlukan satu anjakan paradigma dalam memenuhi inspirasi gagasan ini. Maka, telah dibangunkan satu pelan yang mampu merubah imej Pihak Berkuasa Tempatan ke satu tahap yang lebih baik, iaitu Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan. Pelan Transformasi Pihak Berkuasa Tempatan ini adalah satu gerak kerja strategik yang dibangunkan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan PBT dalam semua aspek, dan mewujudkan suasana persekitaran hidup yang lebih kondusif, lestari dan memberikan kesejahteraan kepada rakyat setempat. Terdapat 6 teras dalam pelan tersebut iaitu:-

1. Pembangunan modal insan.
2. Kecekapan perkhidmatan.
3. Pengukuhan kewangan.
4. Kesejahteraan rakyat.
5. Penglibatan rakyat dan;
6. Komunikasi yang berkesan.

Seterusnya saya ingin menjelaskan persoalan-persoalan yang dibangkitkan berkaitan Kerajaan Tempatan. Merujuk kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Puteri Wangsa, mengenai lesen khas penjaja di tepi jalan, Majlis Bandaraya Johor Bahru sedang dalam usaha untuk mengenal pasti kawasan-kawasan lapang yang sesuai bagi diwujudkan kawasan dataran penjaja. Peniaga-peniaga yang ditempatkan di kawasan daerah ini, adalah terdiri daripada peniaga tepi jalan yang menggunakan khidmat mudah alih, ataupun peniaga *Food Truck* dan lain yang bersesuaian. Sehubungan dengan itu, dataran niaga yang diwujudkan akan mengambil kira daripada aspek utiliti peniaga-peniaga ini agar mereka dapat menjalankan perniagaan dengan baik. Kewujudan kawasan ini akan berpandukan kesesuaian lokasi dan aspek logistik niaga serta pembeli, bagi membolehkan penjaja-penjaja memperolehi pendapatan yang baik.

Pihak MBBJ telah mengenal pasti beberapa tapak yang sesuai untuk menjalankan perniagaan *Food Truck* antaranya di Taman Pelangi Indah yang boleh menempatkan 40 peniaga begitu juga di lokasi-lokasi seperti di Taman Molek dan juga di Taman Desa Jaya.

Yang Berhormat Puteri Wangsa juga membangkitkan mengenai status permohonan mengusakan tanah rizab kerajaan di kaki Gunung Pulai. Untuk makluman, Majlis Perbandaran Kulai ada menerima surat aduan atas permohonan tanah kerajaan daripada Pertubuhan Pribumi Perkasa Negara (PERKASA) Parlimen Pontian, berkaitan dengan tanah kelapa sawit yang telah diusahakan oleh beberapa individu di atas PTD 71387 iaitu 80607 dan 80608, yang mendakwa Pihak MPKU telah menceroboh tanah terbabit tanpa sebarang perundingan atau sebarang perjanjian bertulis mahupun sebarang ganti rugi. Walau bagaimanapun, hasil semakan mendapati bahawa, kawasan berkenaan telah dirizabkan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara untuk tapak rekreasi, yang mana tapak tersebut telah diwartakan di dalam Warta Kerajaan Negeri Johor dan dirizabkan bagi maksud awam tapak rekreasi sebagaimana No. Warta 10967 bertarikh 24.10.2011. Dan, surat ini telah dimajukan kepada Pejabat Tanah Daerah Kulai bertarikh 16 November 2016 bagi tujuan tindakan selanjutnya oleh Pejabat Tanah Daerah Kulai.

Yang Berhormat Dato' Speaker, berkenaan persoalan yang dibangkitkan oleh YB Buloh Kasap mengenai pintu gerbang dan landskap pelan Buloh Kasap, Majlis Daerah Segamat menyambut baik cadangan Yang Berhormat. Mengenai pengindahan kawasan sempadan masuk ke Segamat. Walau bagaimanapun buat masa ini, pihak Majlis Daerah Segamat belum mempunyai kemampuan untuk melaksanakan pembinaan pintu gerbang berserta keriaan landskap dengan kos sebanyak RM2-juta. Lokasi awal yang dicadangkan untuk pintu gerbang di sempadan Gemas, di sebelah ini juga terlibat dalam perancangan pihak KTMB untuk membuat jejambatan menyeberangi landasan berkembar untuk ke Gemas Baru.

Walaupun bagaimanapun, pihak Majlis Daerah Segamat tiada halangan untuk melaksanakannya jika mendapat peruntukan dari kerajaan negeri ataupun kerajaan persekutuan. Bagi pekan Buloh Kasap sebanyak RM500,000.00 diperlukan bagi menaik taraf landskap di jambatan tersebut. Keunikan jambatan putus berserta sejarahnya perlu ditonjolkan bagi menambah tarikan pekan Buloh Kasap kepada pengunjung. Sebanyak RM700,000.00 lagi diperlukan bagi menaik taraf landskap di kawasan pekan Buloh Kasap termasuk pembinaan sebuah taman rekreasi berhadapan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Buloh Kasap.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Yong Peng membangkitkan mengenai pemasangan CCTV di setiap pintu masuk kampung dan taman. Pihak MDYP mengambil maklum akan keperluan pemasangan CCTV ini bagi mengurangkan kadar jenayah di kawasan pentadbiran Majlis Daerah Yong Peng. Pihak Majlis Daerah Yong Peng berharap agar peruntukan perbekalan pemasangan CCTV di perluas di kawasan PBT bertaraf daerah oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui inisiatif Bandar Selamat. Ini disebabkan ...

**YB Timbalan Speaker :** Yang Berhormat sila duduk, Persidangan ini ditangguhkan sehingga jam 2:30 petang.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 1:00 tengahari.**

**Persidangan disambung semula pada jam 2:30 petang.**

**YB Speaker mengetuai Persidangan.**

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan disambung semula. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita masih lagi berada di perbahasan Rang Undang-Undang Bacaan Kali Kedua Bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2017, 2016. Jawapan daripada Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa dengan ini saya persilakan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor untuk menyambung sedikit lagi. Dijemput. Seberapa yang ringkas yang bolehlah Yang Berhormat, kalau dah pernah dijawab dalam hari-hari yang lalu, tak payah diulang lagi.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pihak Majlis Daerah Yong Peng berharap agar peruntukan perbekalan pemasangan CCTV diperluas di kawasan PBT bertaraf Majlis Daerah oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui inisiatif Bandar Selamat. Ini disebabkan kos pemasangan, pengendalian dan penyelenggaraan CCTV tersebut memakan kos yang tinggi di mana jika tidak dirancang sebaiknya akan membebankan Pihak Berkuasa Tempatan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berkenaan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Johor Jaya mengenai perantikan kontraktor melalui tender terbuka, saya ingin menjelaskan semua kontraktor yang menjalankan kerja dengan Pihak Berkuasa Tempatan adalah disyaratkan berdaftar dengan CIDB untuk melayakkan kontraktor berdaftar dengan CIDB, mereka perlu menjalani beberapa kursus dan ujian kelayakan. Ini bertujuan untuk memastikan setiap kontraktor yang menjalankan kerja dalam industri pembinaan di negara kita mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kelayakan yang baik. Selain daripada itu, di peringkat pemilihan kontraktor dalam sesuatu tender atau sebut harga, beberapa kriteria yang disyaratkan kepada kontraktor seperti pengalaman kerja, kecukupan modal serta rekod kerja yang baik. Kawalan kualiti kerja juga dibuat semasa kerja dijalankan iaitu melalui pematuhan spesifikasi kerja, kualiti bahan, pematuhan tempoh pembinaan dan syarat-syarat lain yang dinyatakan dalam kontrak.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, merujuk persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Johor Jaya mengenai memperluaskan pemasangan CCTV, kerajaan negeri

dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi-agensi yang terlibat di dalam Program Bandar Selamat sememangnya terdapat perancangan bagi menambah dan meluaskan pemasangan CCTV terutama di kawasan-kawasan strategik berdasarkan data lokasi kejadian jenayah oleh pihak PDRM. Pihak Iskandar Malaysia juga di dalam perancangan bagi mendapatkan peruntukan daripada kerajaan persekutuan bagi menambah bilangan CCTV secara berperingkat di kawasan Iskandar Malaysia. Untuk makluman sidang Dewan, sebagai contohnya pihak MBBJ sehingga kini mempunyai 64 unit CCTV yang telah dipasang bagi tujuan memantau dan membanteras kegiatan jenayah dalam mewujudkan persekitaran yang selamat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi menjawab persoalan yang diutarakan oleh YB Stulang mengenai pembinaan stadium tertutup. Untuk makluman, kerajaan negeri telah membuat keputusan pembinaan stadium tertutup yang baru bersebelahan Stadium Larkin. Ia melibatkan tanah berkeluasan 4.8 ekar dengan kos sebanyak RM81.88 juta. Pembinaan stadium ini adalah sejajar dengan persediaan negeri Johor selaku tuan rumah SUKMA 2020. Pihak Johor Corporation telah diberi tanggungjawab merancang pembinaan stadium ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berkenaan status Pasar Kampung Melayu pula, cadangan pembangunan Pasar Kampung Melayu ini adalah merupakan cadangan pembangunan semula pasar awam, bazar, gerai dan pusat penjaja sedia ada Kampung Melayu Majidee, Johor Bahru. Cadangan pembangunan ini dicadangkan agar dapat memberikan satu imej baru kepada penduduk setempat khususnya dan Johor Bahru amnya. Membangunkan semula pasar awam, bazar, gerai dan pusat penjaja Kampung Melayu Majidee sebagai satu pusat komuniti setempat dengan kemudahan-kemudahan awam yang lengkap. Pelaksana projek iaitu Bintang Kencana Sdn. Bhd. telah memulakan projek pada 19.12.2013 dan dijangka siap pada tahun 2015.

Walaupun bagaimanapun, projek ini mengalami beberapa masalah teknikal yang menyumbang kelewatan projek sehingga November 2016. Kemajuan semasa projek ialah 95% siap bagi skop bangunan. Setakat ini kerja-kerja tertanggung lebih kepada keperluan infra dan kehendak-kehendak agensi teknikal lain seperti TNB, IWK, dan SAJ. Memandangkan projek ini telah lewat, pihak Majlis akan memantau dengan lebih komprehensif bagi kelancaran projek ini.

YB Stulang juga membangkitkan mengenai Sungai Sengkuang. Untuk makluman, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menjalankan beberapa langkah bagi mengatasi masalah banjir di Taman Sri Tebrau. Ini telah dinyatakan sebagaimana dalam Perancangan Strategik MBBJ 2016-2020 bagi pelaksanaan pemasangan pam bagi mengepam air dari Taman Sri Tebrau ke Sungai Sengkuang dijangka dilaksanakan pada 2017. Pihak Majlis juga mempunyai kontraktor penyelenggaraan pembersihan berkala bagi Sungai Sengkuang di mana kerja pembersihan berkala secara bulanan dijalankan termasuklah mendalamkan dan membersihkan mendakan yang juga dijangka dilaksanakan pada tahun 2017.

Kawasan rekreasi sedia ada di Sungai Sengkuang adalah Taman Sentosa "Skatepark" di tepi Sungai Sengkuang, Jalan Batik, Taman Sentosa dan landskap di sepanjang sungai bersebelahan Perumahan Rakyat Seri Iskandar dan Lebuh Persisir Pantai Timur

Johor Bahru. Sungai Sengkuang merupakan anak Sungai Tebrau sepanjang 6.2 kilometer menyusuri beberapa kawasan perumahan padat penduduk dari Taman Abad, Taman Sri Tebrau, Taman Sentosa sehingga Perumahan Rakyat Taman Sri Stulang. Ia adalah penyumbang kepada sampah yang dibersihkan oleh pihak JPS di perangkap sampah Perumahan Seri Iskandar setiap hari, di mana mengikut rekod mencecah 3 tan sampah dibersihkan sebulan. Pihak MBBJ juga telah menjalankan beberapa program kesedaran menjaga kebersihan sungai, sebagai contoh yang terbaru program Laman Muafakat Johor di Persisiran Sungai Serangganon di Taman Sri Intan yang dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Johor pada 7 November 2016 bagi mengajak penduduk bersama menjaga persisiran sungai.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, merujuk kepada YB Pengkalan Rinting yang membangkitkan mengenai pembinaan menara telekomunikasi, pihak TELCO yang terlibat bagi permohonan mendirikan struktur menara pemancar kepada PBT ialah *Authorised Person Submitting Person (APSP)*, dengan izin, yang telah dilantik oleh kerajaan bagi seluruh negeri Johor termasuk MPJBT. Kawasan cadangan yang terlibat bagi pembinaan menara pemancar kebiasaannya akan diletakkan berhampiran dengan kawasan pengguna iaitu di kawasan kediaman ataupun komersil bagi memastikan perkhidmatan telekomunikasi tersebut dapat dicapai mengikut liputan yang sepatutnya. Sebelum sebarang kelulusan dikeluarkan, pihak Majlis akan merujuk permohonan kepada agensi teknikal yang terlibat seperti SKMM iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Bomba, TNB dan DCA iaitu Jabatan Penerbangan Awam Malaysia termasuk Jabatan Teknikal Dalam Majlis.

Antara syarat yang ditetapkan oleh APSP ialah perlu meletakkan papan tanda pemberitahuan kepada orang awam sebelum kerja-kerja pembinaan dilaksanakan. Bagi isu lokasi yang dinyatakan di Taman Bukit Indah, pihak APSP telah menjalankan kerja-kerja pembinaan tersebut tanpa kebenaran pihak Majlis. Walau bagaimanapun, pihak Majlis telah mengeluarkan notis dan menyita komponen menara pemancar tersebut bagi memberhentikan operasi telekomunikasi pada 13 Ogos 2016. Dimaklumkan sehingga kini menara pemancar tersebut masih belum beroperasi. Manakala bagi pembinaan menara pemancar di Jalan Bellbis, Taman Perling telah mendapat kelulusan pada Mesyuarat OSC Bilangan 7/2008 (2) bertarikh 23 Julai 2008, mengikut syarat-syarat teknikal yang telah ditetapkan oleh Majlis. Berhubung dengan pembinaan lampu limpah pelbagai guna, Majlis berpandangan ia akan memberi faedah kepada kawasan sekitar bagi pencahayaan di mana pencahayaan ini adalah keperluan dan elemen yang diterapkan dalam Program Bandar Selamat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh YB Pengkalan Rinting mengenai loji Apartmen Saujana yang tidak berfungsi, pihak MBBJ diamanahkan oleh pihak Perbadanan Setiausaha Kerajaan, (SSI) untuk melaksana kerja-kerja pembaikan pada Mei 2016. Jumlah sebanyak RM1.5 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan negeri bagi melantik kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan. Kerja telah dimulakan pada 19 November 2016 dan dijangka siap sepenuhnya pada Mac 2017. Skop kerja merangkumi pembaikan peralatan Mekanikal & Elektrikal, kerja-kerja mengujilari M & E, kerja-kerja membawa keluar enap cemar.

Mengenai masalah banjir kilat di bandar raya pula, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menjalankan beberapa langkah bagi mengatasi masalah banjir di kawasan bandar



raya Johor Bahru dan telah dinyatakan sebagaimana dalam perancangan strategik MBBJ 2016-2020. Majlis Bandaraya Johor Bahru telah mengenal pasti punca banjir ini berlaku dan mengambil langkah-langkah mengatasinya. Ini termasuklah bekerjasama dengan agensi kerajaan yang lain dan pemaju. Sebagai contohnya projek tebatan banjir Sungai Segget bersama pihak IRDA dan projek pembinaan sistem perparitan di Persiaran Abu Bakar bersama pihak pemaju Iskandar Waterfront Holding.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berkenaan penyata kewangan MBBJ pula, saya ingin menjelaskan penyata kewangan Majlis disediakan pada setiap tahun kewangan berakhir 31 Disember. Penyata kewangan yang telah siap perlu dihantar pada juruaudit yang dilantik oleh Jabatan Audit Negara selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya bagi tujuan pengauditan. Penyata kewangan MBBJ bagi tahun berakhir 31 Disember 2014, telah dihantar ke pihak juruaudit pada 31 Mac 2015 untuk diaudit. Walau bagaimanapun, terdapat perkara-perkara berbangkit yang memerlukan masa untuk membuat semakan terperinci. MBBJ telah memperolehi Sijil Bersih pada 31 Disember 2015 setelah Jabatan Audit Negara berpuas hati dengan tindakan yang dibuat. Penyata Kewangan berkenaan telah pun dibentang ke dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada 17 April 2016.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, YB Tiram mengutarakan persoalan mengenai pembangunan baru di Jalan Segget. Untuk makluman, melalui Ibrahim International Business District ataupun IIBD, MBBJ telah menyediakan Pelan Induk Pembangunan di kawasan pusat bandar yang merangkumi keluasan sebanyak 250 ekar di dalam pusat bandar. Di antara komponen termasuklah pemuliharaan bangunan yang berunsur sejarah serta pembangunan di kawasan berpotensi untuk dimajukan. Sebagai contoh pembangunan di kawasan Jalan Trus, Jalan Abdullah telah mula dibangunkan oleh pemaju Arab Asia dengan kerjasama JCorp, manakala kawasan-kawasan lain termasuk rumah kedai di kawasan pusat bandar akan dibaik pulih dan akan dibangunkan secara berperingkat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan. Saya ingin memohon maaf sekiranya ada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat pada persidangan kali ini tidak dapat saya memberikan maklum balas, maka isu-isu berkenaan akan dijawab secara bertulis.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, inisiatif yang berterusan dalam agenda perumahan menjadi bukti bahawa bajet yang dibentangkan adalah berorientasikan kepentingan rakyat. Semua lapisan masyarakat mendapat manfaat melalui pelbagai program dan pelaksanaan. Antaranya seperti memperkemaskan kuota pemilikan Rumah Mampu Milik Johor untuk golongan belia, peruntukan sebanyak RM20 juta bagi menjayakan skim sewa beli, menaikkan sasaran pembinaan Rumah Mesra Rakyat Johor, pembinaan Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia, serta bersama-sama dengan GLC untuk membina rumah melalui program di negeri Johor. Tambahan kepada agenda perumahan kita lengkapkan dengan memantapkan sistem pengangkutan di negeri ini. Perluasan perkhidmatan Bas Muafakat Johor, pengenalan IMBRT dan penubuhan Jawatankuasa Pengangkutan Awam Negeri Johor menjadi bukti kita sentiasa peka terhadap pembangunan pengangkutan awam di negeri Johor. Ini semua menampakkan bahawa kita tidak pernah hilang idea. Dan kesungguhan untuk menjayakan agenda perumahan dan agenda di pihak berkuasa tempatan. Ini juga

membuktikan yang kerajaan negeri Johor merupakan kerajaan yang komited dalam memastikan agenda perumahan terus dekat di hati rakyat. PBT juga di hati rakyat. Kita bukan hanya tahu melemparkan kebencian dan perbandingan yang tidak masuk akal. Tetapi kita adalah kerajaan yang akan sentiasa merencana penyelesaian kepada rakyat.

Saya ingin mengajak semua Ahli Dewan pada hari ini untuk terus bersama kerajaan negeri dalam memenuhi cita-cita murni dan tinggi. Marilah kita bersama-sama menjaga negeri ini walaupun kita berbeza ideologi. Sama-sama kita sahut kata-kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu bersama-sama setiap masa memikirkan bagaimana memberikan penyelesaian kepada rakyat. Sebelum saya mengakhiri, ada 3 rangkap pantun yang ingin saya baca. "Beras segantang sudah di sukut, lalu disimpan di atas para, andai seluruh rakyat muafakat, negeri damai Johor sejahtera". "Harum sungguh bunga melati, hiasan sanggul amat memikat, berkat bersama-sama hormat-menghormati, mengukuh perpaduan ikatan muafakat". "Indah sungguh warna pelangi, tidak luput hingga senja, Bangsa Johor bangsa berani, usaha bersama kita berjaya". Semoga Allah berkati Johor. Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri Johor. Dipersilakan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam Muafakat Johor. Bismillahirrahmanirrahim. Bagi memberkati lagi sesi Dewan yang mulia ini, sukalah saya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, memulakan ucapan penggulungan Mesyuarat Ketiga pada kali ini dengan menjunjung tinggi ayat-ayat suci al-Quran nur karim yang dipetik dari surah Al-Baqarah ayat 172. (Bacaan ayat al-Quran). Yang bermaksud, "Wahai orang-orang yang beriman, makanlah di antara rezeki yang baik-baik yang kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah jika kamu benar-benar, padaNya kamu menyembah".

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Tan Sri kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan penggulungan pada kali ini. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pertamanya saya menjunjung kasih dan ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim dan dengan rendah hatinya sukalah saya merakamkan ucapan merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih sempena ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Dan saya berdoa semoga Allah SWT melanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan negeri Johor Darul Takzim akan sentiasa makmur, aman dan sentosa selama mana hanya berada di bawah naungan pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Syukur saya juga ke hadrat Allah SWT, Tuhan sekalian alam kerana memberi nikmat Islam, iman dan kesihatan untuk saya menyampaikan ucapan penggulungan bagi mesyuarat pada kali ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di atas Bajet 2017 yang boleh dikatakan sebagai bajet yang berjaya, yang mana ia merupakan bajet lebihan atau pun surplus dengan izin. Sebanyak RM1.303 bilion dengan bertemakan "Johor Berkemajuan, Rakyat Sejahtera" di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat

Menteri Besar Johor. Saya amat yakin dan pasti Johor akan terus maju serta terus menjaga kebajikan dan keperluan rakyatnya dari segenap lapisan masyarakat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk menjawab pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Yaani, melalui 22 skim bantuan yang disediakan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor dengan peruntukan wang zakat sehingga Oktober 2016 seramai 148,156 orang, 148,156 orang, telah pun menerima bantuan zakat dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM109,879,395.47 di mana skim bantuan ini meliputi 5 kategori utama bantuan iaitu bantuan kebajikan, seperti sara hidup bulanan, bantuan perubatan, bantuan pelajaran, bantuan perumahan dan bantuan berdikari yang bertujuan untuk meningkatkan ekonomi asnaf. Bagi bantuan sara hidup bulanan bantuan yang ditetapkan ialah di antara RM300.00 minima sehingga RM750.00 maksima sebulan. Dan bantuan ini akan dinilai semula setiap tahun bagi memastikan penerima bantuan masih memerlukan dari segi tambahan atau telah tidak memerlukan lagi. Kajian semula ini juga meliputi pendapatan isi keluarga penerima, tanggungan keluarga dan juga beban terhadap tanggungan yang melibatkan pendidikan, pakaian, pengangkutan, kediaman, kesihatan dan makan minum.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi menjawab soalan yang Berhormat Parit Yaani juga tentang apakah bantuan yang disalurkan oleh kerajaan. Bagi pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor bagi membantu meringankan beban keluarga yang telah kehilangan ketua keluarga. Pada kebiasaannya apabila sesebuah keluarga kehilangan tempat bergantung sehingga hilang punca pendapatan dan tiada siapa yang menanggungnya, maka Majlis Agama Islam Negeri Johor akan mempertimbangkan bantuan sara hidup bulanan sebagai saraan dan juga bantuan lain yang berkaitan seperti bantuan pakaian sekolah dan juga yuran sekolah untuk anak-anak yang masih bersekolah. Selain daripada itu, bagi mereka yang masih produktif adalah sangat digalakkan untuk mereka berdikari dengan menceburi bidang-bidang keusahawanan kecil-kecilan melalui bantuan peningkatkan ekonomi yang disediakan supaya tidak bergantung terus kepada bantuan bulanan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk makluman Yang Berhormat Tenang, berkenaan apakah perancangan Majlis Agama Islam Negeri Johor terhadap pembangunan Tanah Wakaf, tanah-tanah Milik Majlis Agama Islam Negeri Johor dikategorikan mengikut 5 jenis hujah. Yang pertama iaitu hujah untuk masjid dan surau, sekolah agama, perkuburan dan juga kebajikan am. Mengikut hujah tanah di Bukit Mambai yang diutarakan telah pun di wakafkan bagi tujuan hujah sekolah menengah agama. Namun begitu pada masa kini tiada keperluan semasa untuk membangunkan sekolah menengah agama di atas tapak tersebut. Walau bagaimanapun, Majlis Agama Islam Negeri Johor sentiasa berusaha untuk membangunkan tanah tersebut selagi keperluan hujah masih belum dipenuhi mengikut hujah wakaf. Majlis Agama Islam Negeri Johor telah memberi kebenaran dan peluang kepada pengusaha yang terdiri daripada agensi kerajaan, swasta, individu, koperasi dan sebagainya untuk mengusahakan tanah-tanah wakaf di seluruh negeri Johor. Bagi pewakaf yang telah mewakafkan bangunan atau rumah kediaman mereka, Majlis Agama Islam Negeri Johor telah menyewakan premis kediaman tersebut pada masyarakat awam dengan kadar sewa yang telah dipersetujui oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor dan hasil sewaan yang diperolehi itu akan dikembalikan untuk tujuan pembangunan mengikut hujah wakaf yang telah pun ditetapkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebagaimana di atas tapak Bukit, di atas tapak tanah wakaf Bukit Mambai di DUN Tenang, yang berkeluasan 39.7 ekar ini memandangkan masih belum ada keperluan masa untuk dibangunkan, Tidak ada keperluan semasa untuk dibangunkan sekolah menengah agama, maka pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor telah memberikan kebenaran kepada sebuah syarikat bumiputera untuk mengusahakan tanaman kelapa sawit.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Gambir ada membangkitkan isu mengenai tanah 6 ekar di kawasan Parit Kasan, di Kampung Parit Kasan untuk pembinaan Sekolah Agama Integrasi Johor. Untuk makluman Yang Berhormat berhubung tapak tanah 6 ekar yang dicadangkan untuk dijadikan sekolah agama integrasi. Bahagian Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Negeri Johor belum berhasrat untuk meneruskan penubuhan sekolah tersebut, ini disebabkan kerana tiada keperluan buat masa ini. Selain itu, Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Negeri Johor juga menghadapi masalah tenaga pengajar dalam bidang akademik yang terlatih untuk berkhidmat di sekolah tersebut di samping kekurangan tenaga pengajar yang sedia ada sekarang. Sehubungan itu, pihak pewakaf telah pun bersetuju supaya tapak tersebut ditukar dari wakaf sekolah agama integrasi kepada wakaf Sekolah Agama Parit Kasan 2.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seperti yang saya katakan pada hari Selasa bertarikh 22 November 2016 yang lalu, bahawa saya akan *detail* kan, saya akan perincikan sejauh mana keberkesanan sesi kaunseling yang telah disediakan oleh Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Negeri Johor dalam menangani kes-kes penceraian seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Semarang. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Agama Islam Negeri Johor melalui Bahagian Pembangunan Keluarga telah pun mengadakan program kekeluargaan dan menjalankan sesi khidmat nasihat kepada masyarakat di negeri Johor.

Aduan rumah tangga yang berdaftar dari bulan Januari hingga Oktober 2015 sejumlah 3,602 dan aduan tanpa fail atau daftar atau tanpa daftar yakni *walk in* dengan izin berjumlah 3,115 aduan. Jumlah keseluruhan aduan ialah 6,717 aduan di negeri Johor. Pihak Bahagian Pembangunan Keluarga di ibu pejabat dan 10 daerah Pejabat Kadi telah berusaha membantu *client* dengan izin menangani masalah rumah tangga yang dihadapi. Jumlah aduan berdaftar sebanyak 3,602 aduan dan jumlah, daripada jumlah tersebut sebanyak 3,425 aduan yakni 97% telah pun selesai dan pecahannya adalah sebagaimana berikut.

Jumlah aduan yang dirujuk ke Mahkamah Syariah sebanyak 891 aduan iaitu sebanyak 25%. Jumlah aduan damai, jumlah aduan damai sebanyak 669 aduan iaitu sebanyak 19%. Jumlah aduan tutup atas sebab permintaan *client* dengan izin ataupun *client* tidak memberikan kerjasama atau tidak hadir adalah sebanyak 1,892 kes aduan iaitu sebanyak 53%. Manakala aduan tanpa fail, ataupun tanpa daftar yakni *walk in* dengan izin sebanyak 3,115 telah dapat diselesaikan melalui sesi khidmat nasihat pada hari yang sama dengan *client* dengan izin yang hadir di pejabat.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di sini juga saya ingin sertakan klasifikasi aduan yang tertinggi diterima. Yang pertama permohonan cerai sebanyak 1,376 aduan iaitu sebanyak 38%. Yang kedua pengabaian tanggungjawab sebanyak 436 aduan iaitu

sebanyak 12.1%. Yang ketiga, isteri keluar rumah sebanyak 309 aduan iaitu sebanyak 8.5%. Yang keempat, campur tangan daripada ibu bapa, ibu bapa mertua, ahli keluarga dan kecurangan sebanyak 266 aduan iaitu sebanyak 7.4% dan yang kelima, tidak memberi nafkah sebanyak 265 aduan iaitu sebanyak 7.3%.

Walau bagaimanapun, Bahagian Pembangunan Keluarga Jabatan Agama Islam Negeri Johor mengambil inisiatif akan mengadakan program dan seminar yang akan fokus pada masalah kekeluargaan menjelang tahun 2017. Di antara program-program ini. Yang pertama, program bagi menjelaskan dan menangani isu tanggungjawab suami memberi nafkah dalam rumah tangga. Yang kedua, menjelaskan tanggungjawab dan peranan orang tua dalam urusan rumah tangga anak dan menantu. Yang ketiga, mengadakan program untuk mengukuhkan dan memantapkan Institusi keluarga yang harmoni dan sejahtera di negeri Johor. Yang keempat, mengadakan program kekeluargaan di peringkat sekolah menengah, institusi pengajian tinggi dan agensi kerajaan di 56 DUN negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Pengkalan Rinting ada membangkitkan isu berkenaan status pembinaan sekolah agama yang baru di Taman Bukit Indah yang dikatakan akan siap pada Mac yang lalu. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Pengkalan Rinting, Sekolah Agama Bukit Indah Johor Bahru telah siap dan telah pun disahkan melalui perakuan CPC, iaitu perakuan siap kerja daripada Tetuan Azman Bilang Architect dan sekolah ini telah pun disemak dan disahkan dan boleh diduduki oleh pengurusan projek PMC yang telah dilantik oleh kerajaan negeri iaitu ARH Juru ukur Bahan Sdn. Bhd. Dan sekolah ini juga dijangka akan digunakan sepenuhnya pada Januari tahun depan iaitu 2017.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berdasarkan komitmen asal KPRJ, Kumpulan Prasarana Rakyat Johor kepada pihak kerajaan, KPRJ akan menyiapkan dan menyerahkan 40 Sekolah Agama Kerajaan Johor sehingga penghujung 2016. Walau bagaimanapun, KPRJ akan berusaha untuk menyerahkan sehingga 60 Sekolah Agama Kerajaan Johor pada tahun tersebut. Sehingga penghujung November 2016, KPRJ telah berjaya menyiapkan 45 buah Sekolah Agama Kerajaan Johor berserta dengan pengesyoran CPC termasuk 38 Sekolah Agama Kerajaan Johor yang telah pun diserahkan kunci kepada Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Manakala baki sebanyak 15 Sekolah Agama Kerajaan Johor lagi akan disiapkan sehingga hujung Disember nanti. Beberapa sekolah daripada 15 Sekolah Agama Kerajaan Johor tersebut, telah pun disiapkan secara fizikal tetapi masih menunggu mendapat bekalan api dan air daripada pihak TNB dan Syarikat Air Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sasaran kemajuan yang cuba dicapai pada pertengahan Disember 2016 ini adalah seperti berikut, sebagaimana yang dirancang iaitu sebanyak 64.16%, pencapaian sebenar sebanyak 76.72% maknanya projek ini adalah lebih cepat daripada yang dirancangan sebanyak 12.56%.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya telah berusaha untuk memberi jawapan yang terbaik berdasarkan soalan yang dibangkitkan dan cuba menerima teguran dan mempertimbangkan segala cadangan yang diberi dan mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tingginya penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sentiasa prihatin di atas permasalahan yang ada. Dan jika ada sekiranya perkara-perkara yang terlepas pandang saya akan beri perhatian dan mengambil tindakan

susulan di atas perkara tersebut dari semasa ke semasa. Maaf diucapkan sekiranya ada kekurangan dalam menyampaikan maklumat. Yang baik datang dari Allah, yang buruk juga datang dari Allah manakala kelemahan saya adalah datangnya daripada diri saya. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini. Saya ingin mengucapkan tahniah sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dengan hasil usaha gigih beliau, berjaya mengurus kewangan negeri Johor dan menyediakan bajet-bajet negeri Johor yang lestari, inklusif, sejahtera dan berkemajuan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sekian wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya memohon untuk menyokong.

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Dan Sumber Manusia Negeri Johor, dipersilakan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia :** Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di kesempatan ini saya ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada kerajaan negeri yang telah diterajui oleh kerajaan Barisan Nasional, di atas kebijaksanaan kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas pembentangan Bajet 2017 yang berteraskan, "Johor Berkemajuan, Rakyat Sejahtera". Meneliti kepada ucapan bajet yang telah dibentangkan, jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan negeri yang lebih mikro yang menjurus untuk melihat kesejahteraan rakyat Johor selimbang dengan kemajuan yang ingin dicapai oleh negeri ini. Ini adalah sesuatu yang amat menyentuh jiwa apabila kepimpinan tertinggi negeri sendiri menyatakan bahawa, "tidak ada sehari pun berlalu tanpa memikirkan hidup keluarga dan anak-anak rakyat Johor supaya menjadi lebih baik dan berkesejahteraan".

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Dewan yang mulia ini telah menerima pelbagai maklum balas sama ada dalam bentuk soalan, cadangan, sokongan mahupun teguran yang ada kaitannya dengan pihak saya yang mengetuai Jawatankuasa Perpaduan Dan Sumber Manusia Negeri Johor. Saya mengambil setiap maklum balas yang diberikan dengan bertampang dada dan menilai setiap satunya supaya dapat diberi perhatian demi mencapai matlamat ke arah Johor berkemajuan dan rakyat yang berkesejahteraan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Machap telah menyentuh berkenaan dengan peluang pekerjaan yang berkemahiran tinggi. Sebagaimana yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, tentang pencapaian semasa ekonomi Johor bahawa pelaburan di negeri ini telah mencatatkan jumlah tertinggi untuk sektor pembuatan iaitu RM5.4 bilion atau 27.6% daripada jumlah keseluruhan pelaburan di Malaysia. Di mana RM5.2 bilion adalah daripada pelabur asing terutama dari negara China, Korea dan Jepun yang mana kepakaran dan kecanggihan mereka dalam bidang teknologi dan automasi tidak dapat disangkal dan dinafikan. Hal ini sekali gus telah membuka peluang-peluang pekerjaan yang berkemahiran tinggi seperti jurutera dan pakar teknologi. Di mana peluang untuk memperkembangkan bakat kemahiran dapat dipertingkatkan apabila bekerja dengan syarikat bertaraf antarabangsa. Bukan sahaja sektor pembuatan yang dapat menyajikan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi tetapi kepesatan pembangunan di negeri Johor juga telah membuka sektor aliran global yang memerlukan kemahiran

serta tahap profesionalism yang tinggi. Ini dibuktikan apabila kemasukan sektor minyak dan gas selain sektor kreatif dan pelancongan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, peluang-peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dapat diwujudkan seperti jurutera projek, jurutera *offshore*, juruteknik *electrical* dan mekanikal serta pegawai keselamatan dan kesihatan pekerjaan sehingga kepada jawatan operator dan juru kimpal yang akan diisi oleh rakyat tempatan yang berkemahiran. Pelbagai inisiatif kerajaan di adakan bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran, bermula dari peringkat pendidikan sehingga kepada program latihan semula dan peningkatan kemahiran bagi mengukuhkan kemahiran sedia ada, seterusnya dapat menampung keperluan industri yang memerlukan pekerja mahir dan separa mahir. Usaha-usaha berterusan ini adalah sebagai gerak kerja bagi menghasilkan pasaran buruh yang dinamik dan berkemahiran yang dapat merealisasikan Johor berkemajuan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebagaimana Ucapan Bajet Johor 2017, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah mengumumkan di bawah strategi keempat untuk mengurangkan kebergantungan pekerja asing di negeri Johor. Dengan menggariskan 4 inisiatif utama, isu pekerja asing juga merupakan isu yang hangat dibahaskan di dalam sidang Dewan kali ini. Yang mana saya rekodkan Ahli-Ahli Berhormat seperti Pasir Raja, Machap, Rengit, Bukit Batu, Tanjung Surat, Penggaram, Serom, Tiram, Maharani telah menyentuh tentang tenaga kerja asing yang bekerja di bumi Johor ini. Maklumat dan statistik berkenaan pekerja asing ini juga telah saya kupas dalam soalan dari Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelum ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita akui bahawa kebanjiran pekerja asing bakal memberi impak yang negatif kepada peluang pekerja tempatan, masalah sosial, kesihatan dan sebagainya. Namun, keperluan tenaga kerja oleh industri juga perlu diambil kira. Justeru, sebagai sebuah kerajaan yang prihatin, isu ini perlu ditangani secara berhemah, ibarat menarik rambut dalam tepung, rambut tak putus, tepung tak berselerak. Memandangkan ia juga merupakan agenda di peringkat nasional. Kerajaan akan melaksanakan kajian menyeluruh di kalangan pelabur dan industri di negeri Johor bagi mengetahui keperluan sebenar pekerja asing dari aspek jantina, jangka masa, jenis pekerjaan, negara sumber dan semua maklumat dengan lebih terperinci. Berdasarkan maklumat tersebut, satu pelan tindakan akan dibangunkan dalam usaha untuk meningkatkan penggunaan teknologi automasi dan memberi tumpuan kepada industri yang mempunyai nilai pelaburan yang bukan hanya tinggi tetapi tidak berteraskan tenaga kerja, ataupun dengan *labour oriented industry*. Secara langsung kita akan dapat menafikan keperluan pekerja asing secara berperingkat dan akhirnya wajah pekerja asing hanya dapat dilihat dalam bidang pekerjaan yang benar-benar tidak dapat diisi oleh pekerja tempatan sahaja. Bagi menggalakkan pengambilan pekerja tempatan juga, kerajaan akan mengkaji dan melaksanakan satu insentif selayaknya kepada syarikat yang mempunyai kesediaan untuk memastikan pekerja tempatan adalah pilihan yang utama, baik dari segi gaji, jawatan mahupun bidang tugas. Kerajaan komited untuk terus mengurangkan kebergantungan pekerja asing dan akan bekerjasama erat dengan kerajaan persekutuan melalui Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia dalam aspek memperkasakan penguatkuasaan terhadap pendatang asing tanpa izin di negeri Johor ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menerima maklum balas daripada Yang Berhormat Rengit berkenaan penglibatan tenaga kerja asing dalam kerja-kerja seperti mencuci bangunan, melakukan kerja landskap serta kerja di kantin-kantin pejabat kerajaan. Saya amat berterima kasih di atas maklum balas ini, yang membolehkan pihak saya untuk mencari jalan sewajarnya bagi menangani isu ini seterusnya menyaksikan Johor berkemajuan akan dapat dinikmati oleh rakyat Johor secara menyeluruh.

Penggunaan tenaga kerja tempatan secara optimum perluingkatkan dengan penglibatan wanita dan dengan izin *majornalize group* seperti Orang Korang Upaya, Orang Asli, pelajar kecliran, termasuk bekas banduan mahupun bekas penagih dadah. Jabatan Tenaga Kerja saban tahun melalui *Jobs Malaysia* sering mengadakan program karnival golongan khas untuk membantu golongan *majornalize group*, dengan izin, dalam mendapatkan perkerjaan dan agensi agensi yang menjaga kebajikan seperti Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan Jabatan Penjara turut sama membantu menjayakan hasrat ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Penggaram berkenaan dengan pengangguran di negeri Johor. Dalam mencapai misi Bajet 2017, kali ini salah satunya ialah untuk memperkasakan potensi insan. Setiap rakyat Johor yang telah bersedia untuk berada dalam pasaran pekerjaan tidak akan sekali-kali dipandang ringan. Jika dilihat kepada pembangunan negeri Johor, bila mana pelbagai sektor industri berkembang dan membuka banyak peluang pekerjaan dari peringkat yang paling rendah sehingga ke peringkat pengurusan tertinggi apa yang boleh saya katakan bahawa perkara tiada peluang pekerjaan atau bahasa pasar yang blasa digunakan tak ada kerja kosong bukanlah isu yang perlu dirisaukan lagi. Malahan, saban hari ada saja kekosongan jawatan diiklankan melalui pelbagai medium seperti surat khabar mahupun portal kekosongan jawatan seperti *Jobs Malaysia*, *Jobs Street*, *Jobs SDB* dan facebook dan sebagainya.

Untuk rekod, kekosongan jawatan yang berdaftar dengan portal *Jobs Malaysia* di bawah Kementerian Sumber Manusia setakat petang semalam ialah sebanyak 43,044 kerja kosong masih lagi ada di negeri Johor. Perkara yang sebenarnya perlu diberi perhatian dengan lebih dekat dan rapat ialah *miss match* atau jurang ketidakpadanan yang menyebabkan kekosongan pekerjaan yang ada tidak diisi oleh mereka yang masih menganggur. *Miss match* ini bukan sahaja dari segi kelayakan akademik, pengalaman atau pendidikan, tetapi apa yang lebih meragukan ialah *miss match* dari sikap, pembawakan diri, kemahiran insaniah, *soft skill*, dengan izin. Pelbagai alasan sering kali kedengaran yang diberi oleh rakyat tempatan apabila usaha menempatkan pekerjaan dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Contohnya alasan yang biasa diberikan seperti tidak boleh bekerja jauh dari rumah, kerja terlalu berat, gaji terlalu kecil, ingin bekerja hanya di pejabat berhawa dingin dan sebagainya. Pihak industri pula pada masa yang sama menghendaki calon pekerja yang baik dari segi komunikasi berfikiran matang dan mempunyai daya ketahanan diri yang tinggi.

Oleh yang demikian, kerajaan negeri Johor melalui Unit Swadaya Insan dalam mengurangkan *miss match*, baik dari segi teknikal iaitu kelayakan dan pengalaman mahupun dari segi kemahiran insaniah, *soft skill*. Tan Sri Speaker, saya percaya jika isu ini dapat ditangani sudah semestinya kita dapat mengoptimumkan lagi pengambilan pekerja tempatan dalam meningkatkan kualiti pencari kerja di negeri Johor.



Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dalam menjawab soalan-soalan, daripada Ahli Yang Berhormat, saya banyak menyentuh tentang peranan dan fungsi Unit Swadaya Insan yang telah ditubuhkan pada kali ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar atas perhatian beliau di dalam memastikan tertubuhnya unit ini. Usaha membangunkan Swadaya Insan mengurangkan kebergantungan pekerja asing, mewujudkan pekerjaan bermutu untuk rakyat Johor adalah usaha yang perlu digembleng dan diintegrasikan secara bersepadu oleh semua pihak. Agensi kerajaan seperti jabatan-jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia, IRDA, JPDC, institusi-institusi kemahiran, Institusi pengajian tinggi, *Skills Johor*, YPJ, GLC, NGO, pelabur-pelabur industri dan sebagainya, Unit Swadaya Insan selaku *authority* tertinggi dalam menangani isu modal insan negeri Johor akan menyelaraskan bukan sahaja peranan setiap pihak malah aktiviti dan program berhubung pembangunan modal insan negeri Johor adalah menjadi salah satu *priority*. Jadi kita sangat mengharapkan supaya setiap pihak yang berkepentingan yang telah saya sebutkan tadi dapat memberi kerjasama erat demi melestarikan pembangunan modal insan ke arah Johor berkemajuan.

Ini penting kerana dari awal lagi malah turut diingatkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semasa saya membentangkan tentang keperluan penubuhan unit ini, Unit Swadaya Insan tidak akan menjadi pesaing kepada agensi-agensi berkepentingan yang lain tetapi ia merupakan penghubung, penyelaras dan pemudah cara dalam negeri Johor mempunyai satu hala tuju polisi dan juga dalam usaha untuk memperkasakan pembangunan modal insan yang jelas.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tindakan komprehensif akan dilaksanakan oleh unit ini dalam menjayakan semua agenda kerajaan negeri yang telah digariskan di dalam Bajet 2017 dan sesi Persidangan Dewan Negeri kali ini termasuk menyediakan modal insan yang berkemahiran dan berketerampilan dalam menjayakan pelan pertumbuhan strategik negeri Johor di 10 daerah. Tindakan-tindakan tersebut seperti mengadakan bengkel (lab) bersepadu dengan pihak-pihak yang telah saya sebutkan tadi, melaksanakan kajian yang melibatkan keperluan dan pembangunan swadaya insan, menggariskan dasar dan polisi berkesesuaian untuk kepentingan semua pihak dan akhirnya mewujudkan satu eko-sistem pengurusan dan pembangunan swadaya insan yang efisien, tepat dan padu.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Maharani juga telah membangkitkan isu berkenaan dengan pendatang asing yang dibenarkan berniaga seperti menjual ais krim, menjual karpet dari rumah ke rumah dan juga boleh berniaga secara bebas sedangkan kemasukan pendatang asing mempunyai syarat yang telah ditetapkan. Isu ini pun telah dibahaskan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain. Syarat dan kriteria pengambilan pekerja asing adalah seperti berikut:

1. Tempoh pengajian yang dibenarkan adalah 5 tahun campur 5 tahun, bagi sektor formal.
2. Had umur pengajian yang dibenarkan adalah 18 tahun hingga 45 tahun. Umur ini merujuk kepada umur kali pertama kemasukan pekerja asing.
3. Lulus pemeriksaan kesihatan dari negara asal dan FOMEMA; dan
4. Tidak dibenarkan membawa masuk keluarga.

Sektor-sektor pekerjaan yang dibenarkan bekerja sebagaimana berikut:

1. Perkitangan,
2. Pembinaan,
3. Pertanian,
4. Perladangan dan
5. Perkhidmatan.

Serta bagi sub-sektor yang dibenarkan adalah tukang masak, pencuci dan pembersihan dan sektor pulau peranginan.

Pekerja asing yang bekerja di kedai-kedai runcit, restoran dan sebagainya merupakan pekerja asing yang telah diluluskan pas lawatan kerja sementara dalam sektor perkhidmatan. Namun begitu, jabatan tidak menafikan bahawa terdapat juga pekerja asing atau warga negara asing yang tidak mempunyai permit kerja yang sah, bekerja di kawasan-kawasan yang dinyatakan. Manakala, penjualan dari rumah ke rumah oleh pekerja asing adalah bukan daripada sektor atau sub-sektor yang dibenarkan bekerja. Berdasarkan operasi dan siasatan yang telah dijalankan oleh jabatan sebelum ini, pekerja asing yang menjalankan aktiviti ini merupakan pekerja asing yang sebenarnya telah melanggar syarat pas yang telah dikeluarkan terhadap mereka melalui majikan. Oleh yang demikian, operasi penguatkuasaan akan terus dilaksanakan bagi membanteras kes-kes seperti ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Stulang telah pun membangkitkan kehadiran gadis-gadis luar negara yang menjolok mata. Beliau memaklumkan bahawa masalah ini akan membawa masalah sosial khususnya di daerah Johor Bahru serta seluruh negeri Johor. Saya berharap Yang Berhormat Stulang akan memperbanyakkan lagi keimanannya supaya beliau tidak menjadi mangsa kepada gadis-gadis yang ada di kawasan beliau ini.

Jabatan sentiasa menjalankan operasi bagi membanteras gejala sosial di kalangan warganegara asing. Beberapa siri operasi telah dijalankan melalui program "Ops Gegar" bagi membantu kerajaan mengatasi masalah sosial tersebut. Perangkaan tangkapan melalui operasi di pusat-pusat hiburan, rumah urut, pusat perjudian, hotel dan rumah tumpangan bagi tahun 2015, ialah 572 orang, bagi tahun 2016 setakat Oktober, 386 orang. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, statistik serbuan pusat hiburan bagi daerah Johor Bahru Selatan iaitu kawasan Yang Berhormat Stulang bagi tahun 2016 adalah 311 manakala statistik tangkapan "Ops Noda" iaitu "Ops Noda" inilah melibatkan kes-kes pelacuran bagi daerah Johor Bahru Selatan bagi tahun 2016 ialah 923 orang. Jadi, Yang Berhormat Stulang, seramai 923 orang telah pun ditangkap, jangan risau.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya ADUN Johor Jaya telah pun membangkitkan isu berkenaan dengan masalah jenayah. Memaklumkan bahawa masalah jenayah merupakan satu isu penting di mana masalah jenayah mempengaruhi kehidupan rakyat, sektor pelancongan ekonomi sesebuah negeri. Pihak PDRM mengumumkan bahawa kadar jenayah di Johor telah pun menurun sebanyak 4% mulai Januari sehingga Oktober 2016. Tidak dapat dinafikan bahawa setiap kali pihak PDRM telah mengumumkan bahawa kadar jenayah menurun, namun,

sentimen rakyat terhadap masalah jenayah masih tinggi. Jenayah kekerasan yang direkodkan di kawasan Johor Jaya, memandangkan Yang Berhormat Johor Jaya membawa isu ini, di kawasan Johor Jaya bagi tempoh Januari hingga Oktober 2015 mencatat 71 kes manakala bagi Januari hingga Oktober 2016 mencatat 51 kes yang menunjukkan penurunan sebanyak 20 kes manakala bagi jenayah harta benda pula, bagi 2015, 317 kes, bagi 2016, 247 kes sahaja. Ini juga menunjukkan penurunan sebanyak 70 kes bagi tempoh yang sama pada bagi tahun 2016. Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2015 dan 2016 menunjukkan jenayah indeks di kawasan Johor Jaya mengalami penurunan sebanyak 23.20%. Jadi Yang Berhormat Johor Jaya, anda tetap selamat, jangan risau.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, akhir sekali saya membawa isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Penggaram, di bawah portfolio Perpaduan, yang menyentuh berkaitan dengan aspek agenda sosial dan keselamatan berfokus kepada peruntukan sebanyak RM500,000.00 yang telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam Bajet yang akan disalurkan kepada rukun tetangga. Suka saya diperjelaskan di sini bahawa peruntukan yang diberikan ini bukanlah peruntukan yang tidak berulang, *one-off*, dengan izin, kerana ianya melibatkan kepada satu perancangan yang teliti serta dianalisis secara menyeluruh berdasarkan impak dan *outcome* dari setahun ke setahun daripada Skim Rondaan Sukarela yang dijalankan di kawasan rukun tetangga bagi mengurangkan indeks kadar jenayah yang berlaku di kawasan komuniti *locality* di kawasan rukun tetangga.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa sehingga November 2016 kita telah menubuhkan sebanyak 600 SRS atau Skim Rondaan Sukarela dan turut menerima peruntukan sebanyak tidak kurang RM4 juta daripada kerajaan persekutuan dalam memantapkan pengoperasian Skim Rondaan Sukarela. Sehubungan dengan itu, saya ingin membentangkan kes-kes yang ditangani oleh pasukan-pasukan SRS di negeri Johor sehingga Oktober 2016. Pihak SRS telah pun membantu dalam mengurangkan jenayah-jenayah seperti kes pembunuhan, kes samun, kes curi kenderaan, curi harta benda, pecah rumah, pengedaran dadah, pemilikan dadah, pertengkaran, lepak, vandalisme, khalwat, pergaduhan, pendatang tanpa izin, lumba haram, penagihan dadah, masalah rumah tangga, ponteng, buang bayi dan juga lain-lain kes dan sebanyak 510 kes telah pun diselesaikan dengan bantuan SRS.

Kes-kes yang ditangani oleh pasukan-pasukan SRS Johor adalah dilaksanakan dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia, Jabatan Agama Negeri Johor, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga Jabatan Imigresen.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, berdasarkan kepada kemajuan pelaporan di atas cukup jelas memperlihatkan bahawa skim SRS berjaya memberi kerjasama yang baik dengan agensi-agensinya yang berkaitan mengikut bidang kuasa masing-masing dalam membanteras jenayah di peringkat komuniti khususnya di kawasan rukun tetangga yang diwartakan.

Berhubungan dengan perkara yang diusulkan dalam perbahasan bajet 2017 berkaitan mewujudkan *task force* adalah tidak perlu, kerana apa yang seharusnya diberi tumpuan adalah memantapkan lagi mekanisme yang sedia ada seperti program-program NBOS, *National Blue Ocean Strategy*, dengan izin, dengan pihak-pihak seperti rondaan dengan bersama pihak Polis dan Angkatan Tentera melalui program RAPAT

dan juga dengan program Bandar Selamat bersama Pihak Berkuasa Tempatan dan peningkatan penyertaan dalam kawasan Rukun Tetangga. Jadi, kita tidak pertukan satu task force untuk melihat kepada perkara ini. Peranan yang dimainkan oleh SRS cukup dan memadai.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya telah pun ke penghujung. Jadi di kesempatan ini memohon maaf atas sebarang kesilapan dan mana-mana soalan yang dicadangkan, yang tidak dapat dijawab dalam Persidangan kali ini. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat perkara-perkara yang terlepas pandang, tindakan susulan akan diambil oleh ketua-ketua jabatan saya. Bunga dedap di atas para, anak dusun pasang pelita, kalau tersilap tutur bicara, jemari disusun, maaf dipinta. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor, dipersilakan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Muafakat Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terlebih dahulu marilah kita mengungkapkan setinggi-tinggi rasa syukur atas keizinanNya jua maka Persidangan Dewan Negeri Johor pada kali ini dapat kita mulakan dengan Pembentangan Bajet oleh YAB Dato Menteri Besar, yang dengan jelas membawa tema 'Johor Berkemajuan, Rakyat Sejahtera'.

Di sepanjang perbahasan, pelbagai isu dan cabaran dapat sama-sama kita ketengahkan dan kita utarakan demi menjaga kepentingan rakyat di negeri Johor. Saya ucapkan ribuan terima kasih atas segala teguran dan cadangan yang berkaitan dengan portfolio saya. Maka izinkan saya untuk mengambil kesempatan ini untuk membuat penjelasan serta menjawab persoalan yang telah berbangkit dari perbahasan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berjalan selama 4 hari dalam Dewan yang mulia ini bermula dengan menjelaskan isu-isu berkaitan air. Kenapa air? Kerana elok kita banyakkkan minum air malah kita bangun pagi pun terus minum segelas air.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pembinaan infrastruktur air. Kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar amat memandang serius dan begitu komited dalam menyelesaikan masalah air di negeri Johor dengan sebaik-baiknya. Ini dapat dilihat dengan ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan mengumumkan 14 inisiatif di bawah Pembinaan Infrastruktur Air dengan jumlah peruntukan RM79.7 juta.

Bergerak dari Forum Air Johor 2015, begitu juga dengan Pindaan Enakmen Air dan Kajian Sumber Air Johor 2010-2060, serta kajian-kajian lain telah membolehkan kerajaan negeri merancang dan memperkukuhkan pembangunan dan pengurusan sumber air secara menyeluruh.—Kini BAKAJ juga telah diperluaskan dan diperkukuhkan dari segi fungsi dan perannya.

Pindaan Enakmen Air juga telah membolehkan kerajaan negeri memperkasakan lagi dari segi pemantauan dan penguatkuasaan di kawasan-kawasan yang melibatkan

sumber air. Di samping itu juga Pindaan Enakmen ini membolehkan kerajaan negeri meningkatkan hasil daripada penguatkuasaan enakmen tersebut.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terdapat sembilan (9) empangan di seluruh negeri Johor yang diurus tadbir oleh Syarikat Air Johor, digunakan sebagai bekalan air minum yang sekali gus bertindak sebagai simpanan bekalan air. Sebanyak 45 loji beroperasi merawat sumber air terbabit dengan purata terkini pengeluaran harian adalah sebanyak 1.793 juta liter sehari.

Gangguan bekalan air di negeri ini banyak kaitannya dengan isu kualiti mahupun kuantiti bekalan air mentah. Pemantauan terhadap kualiti dan kuantiti air mentah ini sememangnya adalah aktiviti berterusan oleh agensi berkaitan. Perlanggaran kualiti air mentah boleh disebabkan oleh kecuaihan manusia, namun peningkatan dalam konteks penguatkuasaan diperlukan supaya pesalah-pesalah ini dapat terus dihadapkan ke muka pengadilan.

Bagi melindungi sungai dan empangan terbabit, maka kerajaan juga telah mewartakan kawasan-kawasan terlibat sebagai kawasan-kawasan tadahan air dan kawasan larangan. Dalam kawasan ini, aktiviti manusia dikawal bagi mengelakkan berlakunya pencemaran air. Sehingga kini terdapat 13 buah empangan air yang telah diwartakan. Dan ini adalah salah satu cara kerajaan negeri melalui pihak BAKAJ untuk mengawal kawasan empangan air daripada terus di ceroboh dan diterokai.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, cuma kawasan tadahan air sahaja yang masih lagi kita wartakan secara berperingkat-peringkat oleh kerana proses-proses yang perlu kita lalui.

Sungguhpun kita mempunyai banyak sumber air, namun pengurusannya membabitkan banyak usaha-usaha koordinasi yang menuju matlamat kelestarian sumber bekalan air. Resolusi Forum Air Johor 2015, jelas cuba meleraikan isu-isu bekalan air yang berlaku kebelakangan ini. Pemerkasaan BAKAJ sebagai pengawal selia di negeri ini antara pelan tindakan yang sedang berlangsung.

Fenomena alam sekitar seperti *El-Nino* dan *La-Nina* bukan sahaja merubah pola cuaca di negara ini malah ia juga merubah pola hidrologi sehingga kadang kala berlaku di luar perkiraan kejuruteraan. Maka hari ini, izinkan saya merangkumkan krisis-krisis yang berlaku itu. Di Kluang, apabila Sembrong mengalami masalah kualiti air dan mengakibatkan air terbabit tidak dapat dirawat secukupnya dan apabila Sungai Sembrong Kiri pula kerap berhadapan dengan ketidakstabilan paras airnya akibat hujan tidak mencukupi, maka bekalan air berjadual terpaksa dilaksanakan. Sebagai penyelesaian jangka panjang, antara projek yang telah diluluskan di daerah Kluang untuk pengurusan bekalan air di masa akan datang ialah pembinaan Empangan Kahang yang mampu membekalkan sumber air mentah sebanyak 100 juta liter sehari bagi daerah Kluang. Ia dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2017.

Di atas keprihatinan tersebut, maka kerajaan Johor melalui BAKAJ dan SAJ Holdings telah mencadangkan agar pihak PAAB, Perbadanan Aset Air Berhad dapat membina paip penyaluran air mentah dari Empangan Kahang ke Loji Rawatan Air Sembrong Timur, sementara Loji Rawatan Air Kahang dapat disiapkan. Dan proses tender bagi

pelaksanaan Loji Kahang di jangka akan dilaksanakan pada bulan Disember juga tahun ini. Dengan adanya pemindahan air mentah dari Empangan Kahang ke Loji Sembrong Timur dan Loji Rawatan Air Kahang akan dapat menyelesaikan bekalan air di daerah Kluang. Di samping itu juga, aspek pewartaan Empangan Kahang dan serta kawasan tadahannya sedang dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat Mengkibol, kerja-kerja pemindahan air daripada Empangan Kahang sementara menunggu loji siap tidak membazir, kerana sistem tersebut adalah sebahagian daripada kerja-kerja dalam kontrak yang akan datang.

Mengenai cadangan pembinaan sebuah *inflatable rubber weir* di Sungai Sembrong Kiri bagi sumber air mentah Loji Rawatan Air Sembrong Timur bukanlah semudah yang dijangka. *Inflatable rubber weir* telah dilaksanakan di Sungai Mersing bagi membekalkan air mentah kepada Loji Sungai Mersing dan juga Loji Air Panas di Labis. Dan memerlukan kos perbelanjaan yang agak tinggi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di Mersing cuaca panas dan kering telah menyebabkan Empangan Congok dan Sungai Mersing merosot dari hari ke hari. Keadaan berterusan ini turut menyebabkan loji di air, loji air di Tenglu dan loji di Sungai Mersing tidak dapat merawat air dan sungai, tidak dapat merawat air pada kapasiti yang normal. Kebiasaannya kedua-dua loji ini saling bergantung, namun pada situasi semasa ketika itu loji Sungai Mersing khususnya tidak dapat menampung keseluruhan liputan kawasan Tenglu. Pelaksanaan bekalan air berjadual turut dilaksanakan sehingga 6 bulan. Kerajaan melihat penyelesaian jangka panjang dengan melaksanakan Projek Pembangunan Sumber Air untuk meninggikan paras simpanan air di Empangan Congok dari 5.3 meter kepada 6 meter. Bertujuan untuk meningkatkan kapasiti takungannya yang telah pun diluluskan dan akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat.

Projek ini dalam pelantikan kontraktor oleh Kementerian KETHA dan tender untuk pelantikan kontraktor telah dikeluarkan, projek pemindahan air bersih dari Loji Rawatan Air Nitar Yang mempunyai lebih juga telah dirancang untuk menyalur tambahan 1.5 juta liter sehari. Kerja-kerja yang lain pula dilaksanakan adalah kerja-kerja pemasangan paip lebih kurang 6 kilometer termasuk pembinaan *booster pump*, kerajaan negeri juga telah membuat perancangan projek pemindahan air mentah yang sedang berjalan pada waktu ini Yang Berhormat Tan Sri Speaker daripada Sungai Lenggoh ke Empangan Congok dengan jarak dianggarkan 25 kilometer bertujuan untuk menambah kapasiti bekalan air mentah di Empangan Congok. Pada penghujung tahun 2015, itu adalah untuk daerah Mersing.

Pada tahun 2015, daerah Johor Bahru, Pasir Gudang dan sebahagian Masai terbabit dengan pelan bekalan air berjadual apabila paras air di Empangan Layang merosok akibat tiada aliran air masuk ke empangan. Walau bagaimanapun, tindakan jangka pendek kerajaan negeri adalah dengan program-program pemindahan air yang berupaya sebanyak 15 juta liter sehari. Manakala projek pemindahan air mentah yang bernilai RM100 juta yang diklasifikasikan sebagai *immediate work* dengan izin, merupakan satu pelan jangka panjang. Dan kerja-kerjanya sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada kunjungan ke negeri Johor pada 6 Mac yang lalu telah membolehkan kerja-kerja pemindahan air mentah dari Empangan Seluyur ke Empangan Layang dimulakan. Dan dijangkakan projek yang bermula pada 1 April 2016 akan siap pada Mac tahun depan bagi manfaat dan

memastikan bekalan air dapat disalurkan kepada penduduk daerah Johor Bahru, Pasir Gudang dan sebahagian Masai.

Di Kota Tinggi pula kekurangan hujan pada tahun 2015 menyebabkan Empangan Sungai Lebam yang membekalkan air mentah kepada Loji Sungai Lebam terus menunjukkan kemerosotan melepasi paras kritikal. Pihak kerajaan negeri juga telah mengambil usaha bagi memindahkan air mentah daripada Sungai Papan ke Empangan Sungai Lebam. Dengan keupayaan 15 juta liter sehari, Empangan Lebam apabila usaha tersebut dilaksanakan, ianya berjaya meningkatkan paras air dan seterusnya dapat menamatkan bekalan air berjadual daripada kawasan terbabit. Namun demikian, penyaluran air mentah dari Sungai Papan telah dihentikan oleh kerana projek RAPID atau projek PAMER di RAPID yang beroperasi secara mengepam air daripada Empangan Seluyut dengan keupayaan sebanyak 30 juta liter sehari dapat membantu meningkatkan paras air di empangan terbabit.

Pelaksanaan projek pembinaan Loji Buloh Kasap pula baru sahaja di luluskan oleh PAAP, masih lagi dalam pelantikan kontraktor. Projek terbabit merangkumi pembinaan loji dan muka sauk baru, rangkaian paip dan penambah baik sistem bekalan air. Projek ini apabila siap kelak mendatangkan manfaat kepada kira-kira 51,000 pengguna bekalan air sekitar kawasan Buloh Kasap hingga kawasan Gemas Baru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Buloh Kasap dan Yang Berhormat Parit Yaani, penggunaan air yang direkodkan bagi tahun 2015 adalah sebanyak 211 liter per kapita sehari seorang. Seharusnya dikurangkan kepada penggunaan air secara, pada paras yang di kurang, per kapita sehari seorang seharusnya dikurangkan kerana penggunaan air secara berlebihan merupakan salah satu faktor mempercepatkan penyusutan air mentah di muka sauk.

Sehingga kini pihak SAJ selaku operator pembekalan air juga telah melaksanakan pelbagai program penjimatan air. Sejak tahun 2012 hingga kini, walaupun masih belum berjaya lagi. Maksudnya kita masih menggunakan air yang banyak. Ini merupakan satu-satunya program yang dibuat secara berterusan yang berpaksikan sekolah-sekolah di negeri Johor dan dijangka akan diperluaskan kepada sekolah-sekolah di pelbagai peringkat agar budaya penggunaan air berhemah dapat diperkukuhkan. Selain daripada itu, di bawah strategi khusus mengurangkan kos sara hidup, kerajaan negeri telah mengumumkan untuk meneruskan dan memperluaskan lagi Program Air Percuma yang dapat memberi manfaat kepada 5,000 penduduk.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker dalam isu tarif air pula ingin ditegaskan bahawa kerajaan sentiasa memastikan tarif air bukanlah satu tarif yang membebankan kerana struktur tarif yang ada sekarang jelas menggalakkan penjimatan dan mengekang pembaziran. Air tak ada, tapi dalam kepala berair Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

**YB Speaker :** Haa.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Baiklah, mari kita lihat hal-hal berkaitan jalan pula. Penat dah cerita air ni. Kita cerita pasal jalan pula. Kerajaan negeri melalui Bajet 2017 telah memperuntukkan RM79.2 juta bagi tujuan pembinaan jalan dan jambatan negeri berdasarkan keperluan dan keutamaan bagi kemudahan dan keselesaan pengguna.

Berdasarkan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat projek terbengkalai jalan dari Bandar Tenggara ke Sungai Besut merupakan jalan yang dibina oleh Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) dan perkara ini akan dimajukan kepada KEJORA untuk tindakan selanjutnya.

Kesesakan lalu lintas yang berlaku di Jalan Skudai ke Pontian yang terdapat banyak lampu isyarat sukacita dimaklumkan bahawa sebahagian jalan tersebut telah di naik taraf oleh pemaju perumahan sebagai langkah jangka panjang. Kerajaan negeri juga telah memohon peruntukan untuk naik taraf Jalan Skudai – Pontian di bawah Rancangan Malaysia Ke-11. Untuk jangka masa pendek, pihak JKR akan melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan persimpangan lampu isyarat Taman Pulau Perdana pada tahun 2017 yang menjadi punca utama kesesakan dan akan menambah laluan dari 2 lorong kepada 3 lorong setiap hala dan menambahbaik sistem lampu isyarat di 3 persimpangan utama di bawah selenggaraan JKR dan 2 lagi lampu isyarat masih belum disediakan oleh JKR.

Pihak Jabatan Kerja Raya telah mengambil maklum mengenai kecacatan projek naik taraf Jalan Pasir Gudang Fasa 1 di mana masih terdapat RM1.8 juta bayaran kemajuan yang terpaksa ditahan oleh JKR sehingga kontraktor melaksanakan kerja-kerja yang mengalami kerosakan dan melaksanakan kerja-kerja pembersihan. Wang jaminan pelaksanaan dan projek tersebut juga masih belum dipulangkan kepada kontraktor. Jadi Yang Berhormat Senai, Yang Berhormat Nusajaya, Yang Berhormat Johor Jaya, jangan risau kita akan bersihkan kawasan-kawasan tersebut.

Pihak JKR juga telah memasang lampu isyarat di persimpangan Jalan Bindu ke Tongkang Pecah bagi mengatasi kesesakan lalu lintas. Kerja-kerja menaik taraf jalan tersebut akan dimulakan pada tahun 2017 dengan kos RM5 juta, Yang Berhormat Parit Yaani. Permohonan bagi pusingan "U" di Lebuhraya Senai berhadapan Pejabat Lebuhraya, Lembaga Lebuhraya Malaysia telah dimajukan kepada Kementerian Kerja Raya dan juga jalan pintas dari Bekok ke Paloh telah dimajukan kepada Kementerian Luar Bandar dan Wilayah.

Di samping itu, pihak JKR telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta untuk memperbaiki jalan-jalan rosak di Kampung Pendas, Gelang Patah dan dijangka siap pada hujung tahun ini, untuk makluman Yang Berhormat Nusajaya, Yang Berhormat Senai dan Yang Berhormat Bekok.

Pada tahun 2017 ini, kerajaan akan memberi tumpuan pada kerja-kerja penyelenggaraan jalan-jalan di bawah tanggungjawab kerajaan negeri menggunakan peruntukan MARRIS iaitu sebanyak RM650 juta. Peruntukan MARRIS yang diterima oleh kerajaan dianggarkan sebanyak RM500 juta dan baki, dan setahun dan tambahan peruntukan sebanyak RM150 juta adalah menggunakan baki peruntukan yang masih berada dalam Tabung Wang Amanah MARRIS. Kerajaan akan memberi tumpuan yang lebih kepada usaha menyelenggara jalan-jalan kampung di seluruh negeri Johor pada tahun 2017 ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, setelah kita bina jalan-jalan termasuk jalan di luar bandar sebagaimana perkara prasarana terbaik untuk semua dalam bajet 2017, kerajaan johor memandang serius kepada menyediakan prasarana dan kemudahan yang terbaik dalam melonjakkan kualiti hidup masyarakat khusus di luar bandar.



Peruntukan MARRIS harus diingatkan hanya boleh digunakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan tetapi tidak untuk kerja-kerja menaik taraf. Maka, buat waktu ini mengikut dasar asal, peruntukan MARRIS yang disediakan adalah untuk kerja-kerja penyelenggaraan sahaja dan melibatkan jalan, bahu jalan, pemotongan rumput, longkang, pembetung serta perabot jalan. Jalan pun dah elok, tak cukup itu kita cuba tengok Yang Berhormat Tan Sri Speaker, lampu di jalan kampung pula.

Kementerian Luar Bandar Dan Wilayah telah pun mendapat mandat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi melaksanakan Projek Lampu Jalan Kampung 2017, bermula daripada Januari. Dan projek ini merangkumi, Projek Jalan Kampung Fasa 8. Untuk negeri Johor, kuota lampu jalan kampung yang telah diperuntukkan adalah berjumlah 10,186 unit dan proses penyelarasan akan dilaksanakan bersama pejabat-pejabat daerah bagi memastikan setiap keperluan lampu jalan kampung dapat dipenuhi. Itu pada fasa 8 bermula pada Januari tahun hadapan. Fasa 5 hingga 7 dah siap sebanyak 16,480 unit lampu jalan kampung telah pun siap dipasang.

Jalan dah elok, kemudian kita dah terangkan, tak cukup itu Yang Berhormat Tan Sri Speaker, apa kata kita pasang pulak wifi percuma. Kita perluaskan daripada bandar, kita pergi ke luar bandar...

**YB Speaker :** Ya.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Kemudahan wifi, jalur lebar dan jaringan telekomunikasi merupakan kelompok isu utama yang dibangkitkan oleh responden melalui soalan terbuka di dalam Kajian Suara Hati Johor. Untuk tahun 2017, kerajaan negeri Johor telah melaksanakan kemudahan Johor wifi di 135 hot spot di kawasan-kawasan PBT dan kawasan Projek Perumahan Rakyat. Sebagai langkah program kesedaran, kerajaan negeri juga telah melancarkan juga 3 iklan dan satu animasi Johor wifi bagi tujuan promosi yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, purata pengguna berdaftar bagi suku ketiga tahun 2017 adalah berjumlah 197,000 orang, manakala sesi pengguna adalah 443,000 orang. Berdasarkan inisiatif Johor Berkemajuan, berdasarkan agenda Johor Inovatif Dan Digital, maka kerajaan negeri melalui Bajet 2017 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan memperluaskan lagi Johor wifi di luar bandar dengan kemudahan 50 hotspot di daerah-daerah dengan tambahan 20 hotspot baru di kawasan PBT yang sedia ada. Kerajaan negeri melalui Unit Sains, Teknologi dan ICT telah pun selesai mengadakan lawatan tapak di lokasi cadangan bagi 8 daerah hingga kini.

Bertindak daripada maklum balas dan komen daripada pengguna juga, kerajaan negeri akan turut menaik taraf kapasiti kelajuan talian di semua lokasi sedia ada dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM4.31 juta.

Kita dah ada jalan, kita dah terangkan dan kita dah letak wifi Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Apa kata kontraktor-kontraktor yang buat kerja-kerja itu? Pihak UPEN telah menjalankan kajian Pelan Induk Pembangunan Kontraktor Negeri Johor untuk meneliti situasi sektor pembinaan serata isu-isu yang dihadapi, maka 6,901 kontraktor ini akan bergabung tenaga untuk bersama-sama membangunkan satu Pusat Pembangunan

Kapasiti Kontraktor yang akan melaksanakan program-program yang dicadangkan oleh kajian Pelan Induk Pembangunan Kontraktor dengan perbelanjaan sebanyak RM2.575 juta pada peringkat awal, menggunakan wang CSR Kumpulan Prasarana Rakyat Johor, dan ini akan kita jalankan pada tahun hadapan. Untuk makluman Yang Berhormat Parit Yaani juga.

Dan seterusnya, melalui dapatan Kajian Pelan Induk Pembangunan Kontraktor juga, mendapati perlunya keperluan dalam mengukuhkan agenda kebolehsaingan Melayu dan bumiputera khususnya dalam sektor pembinaan. Maka, satu Program Kontraktor Patuh Syariah akan dijalankan bagi melatih 500 kontraktor melalui kursus, peperiksaan dan persijilan dengan peruntukan berjumlah RM1.625 juta.

Kontraktor dah buat jalan tapi kita jaga juga Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita tubuhkan Unit Inspektor Jalan, bukan Polis sahaja ada, jalan pun ada inspektornya. Yang Berhormat Senggarang, bagi memperkasakan lagi kaedah penyelenggaraan jalan, Unit Inspektorat Jalan telah diperkukuhkan dari segi peranan dan fungsinya. Buat julung kalinya dalam negara, JKR Johor pertama kali telah menubuhkan JKR Ronda yang berperanan untuk membuat rondaan ke semua jalan-jalan negeri dengan anggaran 100 kilometer setiap hari, pasukan ini membuat tinjauan bagi setiap pasukan. Ia juga berperanan untuk menyediakan laporan kerosakan jalan dan perabot jalan.

Pelaksanaan Program *Zero Port Hole* dengan izin, merupakan usaha menggerakkan pasukan audit bagi memantau keadaan jalan dan mengarahkan konsesi yang bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dengan segera di setiap lokasi yang telah dikenal pasti.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bila jalan dah elok kita kena tengok juga tentang soal keselamatan jalan raya ni. Faktor kecuailan pemandu adalah penyumbang terbesar berlakunya kemalangan jalan raya yang boleh mencederakan dan boleh membawa maut. Setiap tahun jumlah kemalangan jalan raya terus meningkat, walaupun pada hakikatnya memang tidak dinafikan ia turut disumbangkan oleh penambahan pengguna jalan raya dari sehari ke sehari. Tetapi apa yang pasti, bahawa hampir keseluruhan punca kemalangan jalan raya adalah disebabkan oleh kecuailan pemandu itu sendiri.

Selain daripada itu, ada juga sebilangan pemandu yang memandu dengan laju tanpa mengikut had laju yang telah ditetapkan, walau di selekoh yang berbahaya, tidak mahu berhenti ketika lampu merah, menggunakan telefon bimbit ketika memandu, mengekori kenderaan lain terlalu dekat, memotong dalam keadaan tidak selamat, terdapat juga mereka yang memasuki persimpangan jalan mengguna isyarat dan pelbagai lagi masalah lalu lintas yang lain. Malangnya, walaupun pelbagai usaha advokasi dan penerangan telah dijalankan, kemalangan jiwa turut bertambah. Bagi negeri Johor, bagi tahun 2015 jumlah kes kemalangan ialah sebanyak 67,112 dengan jumlah kematian 1,040. Daerah Batu Pahat merupakan antara penyumbang tertinggi kepada angka ini dengan jumlah kemalangan sebanyak 7,698 dan kematian sebanyak 197 pada tahun 2015. Sementara pada tahun 2015, 197, daerah Batu Pahat dilaporkan daerah yang mencatatkan kadar kematian yang tertinggi dalam kemalangan jalan raya selama dua tahun berturut-turut. Pada tahun lalu, 197 nyawa

terkorban berbanding 165 tahun 2014. Penunggang dan pembonceng motosikal mencatatkan senarai mangsa tertinggi dengan rekod 63%.

Nak tahu lagi Yang Berhormat? Jalan FT50 Yang Berhormat daripada Batu Pahat ke Kluang, KM5 hingga KM24 jalan Muar dari Batu Pahat ke Semerah dan KM76 ke KM80 lebuhraya PLUS dikenal pasti sebagai laluan yang sering berlaku nahas jalan raya. Malah, laluan FT50 turut dilabelkan sebagai jalan maut di negara ini.

Kita perlu kurangkan kemalangan, kerana kita hendak berjumpa dengan sedara mara kita di FELCRA dan FELDA. Aduhai, bila kita sampai...

**YB Speaker :** Panjang lagi?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Kawasan FELDA, Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

**YB Speaker :** YB, panjang lagi?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Saya ringkas sikit aje lagi, dah nak habis ni. Dekat FELDA kita nak buat semua sekali 680 rumah generasi muda. FELCRA nak bina 150 rumah untuk generasi kedua. Jadi saya harap kepada Yang Berhormat daripada Buluh Kasab, YB Tenang dan juga YB Puteri Wangsa bolehlah berhubung dengan pejabat saya untuk mendapatkan maklumat-maklumat terperinci berkaitan dengan perumahan kedua FELDA.

Sebelum saya akhiri Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk Yang Berhormat Bukit Batu, kutipan VEP dan RC ataupun caj jalan adalah dua perkara yang berbeza. Keputusan untuk melaksanakan caj jalan telah dibuat pada 29 Mac tahun 2006. Apabila Jemaah Menteri memutuskan supaya satu kadar surcaj dikenakan ke atas persendirian asing yang memasuki Malaysia sama ada dari negara Singapura dan Thailand. Kadar levi yang dicadangkan adalah RM20 bagi setiap kenderaan pendaftaran asing. Pelaksanaan pada ketika itu terpaksa ditangguhkan beberapa kali atas permohonan daripada Kementerian Pelancongan yang pada ketika itu mengadakan kempen Tahun Melawat Malaysia.

Selaras dengan itu, Jemaah Menteri pada bulan Julai 2014 memutuskan supaya Kementerian Pengangkutan membentangkan memorandum berhubung dengan cadangan pelaksanaan kutipan caj kenderaan asing pada Mesyuarat Majlis-Ekonomi dan berdasarkan konsep timbal balas dengan negara-negara yang berkenaan. Maka selanjutnya pada 27 Mac 2015, keputusan mesyuarat adalah kutipan caj jalan bagi kenderaan persendirian pendaftaran asing ditetapkan pada kadar RM20 setiap kali masuk.

Platform Touch N Go digunakan untuk melaksanakan kutipan caj jalan, kenderaan-kenderaan pendaftaran-asing, kerajaan-bagi-urusan-rasmi, kenderaan-diplomat, kenderaan barangan, kenderaan perkhidmatan awam dan motosikal dikecualikan dari caj jalan.

Kerajaan persekutuan melalui Kementerian Kewangan akan menyalurkan sebanyak RM5 bagi setiap kutipan kepada kerajaan negeri Johor. Selaras dengan keputusan

mesyuarat ekonomi tersebut. Pelaksanaan projek terbahagi kepada 3 fasa, fasa pertama *Road Charges*, fasa kedua *VEP, Vehical Entry Permit* dan fasa ketiga penguatkuasaan. Jadi kita dah mulakan fasa satu dan juga fasa dua sedang berjalan.

Oleh yang demikian, merujuk kepada jumlah purata kemasukan kenderaan asing dianggarkan kerajaan negeri akan menerima hasil daripada kerajaan persekutuan lebih kurang RM23 juta hingga RM25 juta setahun. Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri akan menggunakan sebahagian daripada pendapatan tersebut bagi meningkatkan sistem pengangkutan dan kemudahan awam di seluruh negeri Johor.

Pada akhirnya Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Projek Landasan Kereta Api Berkembar Gemas - Johor Bahru akan dimulakan pada tahun hadapan, 1 Disember. Surat kelulusan setuju terima telah dikeluarkan pada 28 Oktober 2016 dan dijangka pemilikan tapak ialah pada 1 Disember 2016 ini. Dan, dengan itu kerajaan negeri telah pun mengadakan perbincangan dengan pihak kementerian supaya kontraktor turut diberi peluang dalam projek landasan berkembar tersebut. Hasil daripada pertanyaan tersebut, pihak kerajaan persekutuan melalui Kementerian Pengangkutan telah bersetuju agar 50% diberikan kepada kontraktor tempatan negeri Johor, manakala 50% lagi melalui syarikat konsortium daripada negara China yang terdiri daripada CRCC, CREC dan CCC.

Begitulah Yang Berhormat, agak letih juga jawapan yang dapat disampaikan seperti mana perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Moga jawapan ini dapat meningkatkan keyakinan kita terhadap kerajaan yang secara berterusan akan memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Sekiranya ada jawapan yang tidak dapat saya sampaikan petang ini, maka ianya akan diserahkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat secara bertulis. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri.

**YB Speaker :** Terima kasih Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Persidangan ini selama 20 minit.

**Persidangan ditangguhkan jam 3:50 petang.**

**Persidangan di sambung semula pada jam 4:10 petang.**

**YB Timbalan Speaker mengetuai Persidangan.**

**Dato' Timbalan Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatu Yang Berhormat. Tangguh dulu. Ahli Yang Berhormat, persidangan di sambung semula. Jemput Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan. Sila ringkaskan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Yang Berhormat Dato' Speaker, salam sejahtera dan salam muafakat Johor. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesempatan dan peluang kepada saya untuk bersama-sama turut serta mengambil bahagian dalam penggulungan perbahasan bagi Sesi Bajet Negeri Johor bagi Tahun 2017. Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor

kerana telah Berjaya membentangkan bajet 2017 yang bertemakan "Johor Berkemajuan, Rakyat Sejahtera" dalam dewan yang mulia ini.

Pentadbiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar selama tiga tahun setengah ini telah membuktikan kewibawaan beliau dalam mewujudkan sebuah kerajaan negeri yang berorientasikan tindakan atau *action-orientated* dengan izin dan berasaskan pencapaian. Pentadbiran Johor adalah berbeza dengan pentadbiran kerajaan negeri yang diterajui oleh pihak sebelah sana di mana Pembangunan Pro-Rakyat berasaskan konsep Muafakat dijadikan pegangan kita tapi bukan pentadbiran atas agenda politik semata-mata. Di Johor, usaha kita faka da retorik, tiada omongan politik dan tiada pembangunan cakap kosong. Saya juga ingin mengambil peluang pada kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang sudi mengemukakan beberapa perkara yang berhubung kait dengan portfolio Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan Negeri Johor.

Sepanjang perbahasan beberapa hari ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai sektor pelancongan di negeri Johor dalam dewan yang mulia ini. Setentunya, sektor pelancongan telah merupakan satu bidang ekonomi penting dan berpotensi untuk dibangunkan di negeri Johor. Sesungguhnya senario industri pelancongan di peringkat global amat mempengaruhi perkembangan industri pelancongan negara dan negeri Johor secara amnya. Adalah penting kita memahami trend global sektor ini agar dapat membantu kita dalam merangka strategi yang lebih tepat bagi membangunkan industri pelancongan di negeri Johor.

Pada tahun 2015, *United Nation World Tourism Organisation* (UNWTO) melaporkan sebanyak 1.18 *billion* pelancong yang menyumbang sebanyak USD1.26 trilion kepada ekonomi dunia. Di rantau Asia Pasifik, jumlah ketibaan pelancong asing menjangkau 279 juta orang, dengan perbelanjaan sebanyak USD418 juta dalam pelbagai aktiviti pelancongan mereka. Jumlah pelancong di Asia Pasifik adalah kedua tertinggi di dunia selepas Eropah iaitu sebanyak 608 juta orang, dengan perbelanjaan sebanyak USD451 billion.

Berdasarkan senario dan jangkaan di atas, adalah jelas industri pelancongan merupakan satu industri yang masih mengalami pertumbuhan positif di seluruh dunia. Menurut jangkaan UNWTO, rantau Asia Pasifik akan mengalami pertumbuhan kadar ketibaan pelancong secara purata 5.3% setahun di antara tahun 2010 hingga 2020. Perkembangan yang sihat ini dijangka akan terus merancakkan lagi industri pelancongan serantau, seterusnya Malaysia dan Johor secara tidak langsung. Pada tahun 2015, Malaysia menerima sebanyak 25 juta pelancong daripada pelbagai Negara. Berdasarkan data *Tourism Malaysia*, Johor telah mencatatkan peningkatan jumlah pelancong yang positif setiap tahun daripada 3.9 juta orang pada tahun 2012 kepada 6.95 juta orang pada tahun 2015, iaitu peningkatan sebanyak 3 juta pelancong dalam tempoh tiga tahun.

Lonjakan ini adalah berdasarkan komitmen dan hasil kerjasama semua pihak termasuk jabatan dan agensi kerajaan, mahupun Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pihak pengusaha industri. Di samping itu, pada yang tidak boleh dinafikan bahawa produk pelancongan yang bertaraf antarabangsa semakin banyak dibangunkan di Johor beberapa tahun ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Pengkalan Rinting telah menyentuh tentang Persiaran Muafakat Bangsa Johor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, projek bagi produk pelancongan yang dinamakan Persiaran Muafakat Bangsa Johor yang berada di bawah seliaan dan pemantauan pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru ini mempunyai lima buah produk pelancongan utama iaitu Masjid India, Kuil Sri Raja Mariamman, Gurdwara Sahib, Tokong Kuno Cina, Gereja Katholik dan Masjid Al-Attas yang terletak di Pusat Bandaraya Johor Bahru.

Hasil daripada peruntukan sebanyak RM5 juta tersebut mengambil masa selama 12 bulan yang merangkumi kerja penyediaan pelan induk dan mengumpul data serta kerja-kerja pelaksanaan di tapak. Oleh yang demikian, skop-skop kerja menerusi peruntukan tersebut ialah menyediakan *cultural mapping*, dengan izin merangkumi bahan-bahan percetakan, aktiviti dan pengisian yang bersesuaian. Selain pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru, pihak-pihak yang terlibat bersama di dalam projek ini adalah pihak *Think City* di bawah Khazanah Nasional, Yayasan Warisan Johor dan *Tourism Johor*.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Tangkak telah memberi cadangan kepada kerajaan negeri untuk mengambil pemandu teksi sebagai pemandu pelancong. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, peranan seorang pemandu teksi secara tidak langsung juga memberi kesan kepada pembangunan industri pelancongan di sesebuah Negara. Ini kerana di dalam industri pelancongan, pemandu teksi merupakan pekerja barisan hadapan atau *frontliners* dengan izin, di mana mereka ini adalah antara orang yang pertama yang akan berurusan dengan para pelancong.

Justeru itu, usaha-usaha untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan pemandu teksi telah dilaksanakan oleh kerajaan melalui pelbagai agensi seperti *Tourism Johor*, Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Johor, IRDA dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Johor, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat, pusat membeli-belah dan Persatuan Pemandu Teksi Negeri Johor sebelum ini melalui kursus seperti Kursus Kesedaran Pelancongan Pemandu Teksi, Kursus Mesra Malaysia, Kursus *We Are The Host*, dengan izin dan Kempen Senyum.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Tangkak juga telah menyentuh mengenai isu Caravan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sepertimana kita sedia maklum bahawa semasa pembentangan bajet 2017 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor pada 17 November 2016 yang lalu telah mengumumkan sebanyak RM200,000.00 akan diperuntukkan bagi pembukaan 14 buah lokasi *Caravan Park* dengan izin yang akan dilaksanakan secara berperingkat.

Cadangan pembangunan *Caravan Park* dengan izin merupakan inisiatif baru kerajaan negeri di dalam usaha untuk mempelbagaikan tarikan pelancongan negeri Johor bagi memenuhi cita rasa pelancong yang berbeza. Cadangan ini masih di peringkat awal dan masih banyak perkara yang perlu dilakukan oleh kerajaan negeri bagi merealisasikan cadangan tersebut. Justeru itu, kerajaan negeri menyambut baik dan akan mengambil perhatian tentang pandangan, teguran dan keprihatinan Yang Berhormat terhadap perkara ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Yong Peng telah menyentuh mengenai infrastruktur kawasan pelancongan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, usaha-usaha untuk memperingkatkan infrastruktur dan kemudahan sokongan khususnya bagi memudahkan pelancong sampai ke destinasi yang di tuju sememangnya telah menjadi salah satu agenda utama di dalam pembangunan pelancongan negeri Johor. Justeru itu, kerajaan negeri telah meminta kerjasama dari semua pihak khususnya pejabat daerah dan pihak berkuasa tempatan negeri Johor supaya memasukkan perkara-perkara berkaitan pembangunan infrastruktur dan kemudahan sokongan pelancongan di dalam pelan pembangunan masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Pengkalan Rinting telah menyentuh mengenai satu *one stop centre* dengan izin untuk mengendalikan urusan pengusaha *homestay* dan *agrostay* dengan pihak-pihak berkuasa. Pada masa kini, terdapat banyak persatuan yang berkaitan pelancongan telah ditubuhkan di negeri Johor yang mempunyai peranan dan fungsi masing-masing termasuk mengukuhkan rangkaian perhubungan di samping berkongsi kepakaran yang merangkumi pelbagai aspek berhubung pelancongan. Pada 11 Julai 2016 yang lalu, rejuvenasi Persatuan Pelancongan Johor di lihat tepat pada masanya kerana menggabungkan semua persatuan tersebut di bawah satu payung. Persatuan ini juga merupakan ahli tetap Jawatankuasa Pelancongan Negeri Johor yang memainkan peranan sebagai platform berkomunikasi bagi pihak-pihak berkuasa dan penggerak-penggerak industri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Bajet 2017 menyaksikan sektor pelancongan menerima peruntukan sebanyak RM17 juta daripada kerajaan negeri. Jumlah ini merupakan bajet terbesar yang pernah diperuntukkan oleh kerajaan negeri bagi sektor ini. Saya berasa amat berbesar hati dan ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang memberikan penekanan besar terhadap sektor pelancongan.

Pada tahun 2017, beberapa strategi bakal dilaksanakan oleh kerajaan negeri menerusi *Tourism Johor*. Pertamanya, adalah memperkasa Jawatankuasa Pelancongan Daerah. Pelancongan merupakan satu industri yang mempunyai persaingan yang sengit dalam kalangan negara-negara di dunia dan kini telah berkembang ke peringkat bandar-bandar di dalam negara. Jikalau pada beberapa dekad yang lalu, kita melihat promosi yang rancak dilakukan oleh badan promosi pelancongan negara-negara, trend terkini industri pelancongan menyaksikan negeri-negeri dan bandar-bandar utama dunia telah melakukan promosi secara agresif bagi menarik pelancong ke bandar mereka.

Menyedari hakikat bahawa terdapat permintaan yang menjadikan industri pelancongan lebih bersifat mikro, untuk makluman Dewan yang mulia ini khasnya Yang Berhormat Tenang, *Tourism Johor* berhasrat untuk menggalakkan daerah-daerah di negeri Johor turut aktif dalam membangunkan industri pelancongan mereka, dengan menarik pelancong dari dalam dan luar negara.

Kekuatan sesebuah negeri itu adalah kekuatan daerah-daerahnya. Saya yakin setiap daerah mempunyai kelebihan masing-masing. Kita juga amat mengalu-alukan cadangan produk baru daripada semua pihak seperti Gunung Daik dan Gunung Besar oleh Yang Berhormat Tenang dan Pantai Sedili, kaum Kannak oleh Yang Berhormat

Sedili. Nampaknya mereka benar-benar faham potensi pelancongan yang ada di kawasan mereka. Perkongsian idea seperti ini patut kita galakkan. Saya berharap, semua daerah dapat melahirkan semangat kerjasama antara pihak kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, swasta dan NGO semi memajukan industri pelancongan di daerah masing-masing seterusnya negeri Johor.

Kedua, adalah melaksanakan kolaborasi dengan pihak Go Asean bagi tujuan pemasaran berimpak tinggi sebagaimana semua sedia maklum, pemasaran adalah kunci kepada industri pelancongan. Tanpa pemasaran yang aktif dan berterusan, kita bahkan ketinggalan dalam sektor yang amat kompetitif ini. Kita tidak boleh lagi kekal dalam *comfort zone* dengan izan, dengan hanya menjalankan program-program promosi yang biasa dilakukan sebelum ini. Oleh yang demikian, tahun 2017 bakal menyaksikan kolaborasi antara GoAsean dan *Tourism Johor* bagi membangunkan pengisian digital atau *digital content* dengan izin, dengan berimpak tinggi termasuk dalam perbincangan untuk membangunkan sebuah siri penggambaran di negeri Johor, yang boleh ditonton di siaran 737 Astro, di samping mempunyai potensi untuk dipasarkan siri ini ke lebih 57 buah negara.

Selain itu untuk makluman Dewan yang mulia ini, khasnya kepada Yang Berhormat Tangkak dan Yang Berhormat Pengkalan Rinting, *Websife Tourism Johor* juga bakal menjalani perubahan wajah dan pengisian yang ketara pada tahun 2017. *Tourism Johor* juga bercadang untuk menggalakkan penyertaan rakyat negeri Johor dalam membantu meningkatkan pengisian pelancongan dalam pengisian digital atas talian. Dilihat penting dan paling efisien, dalam menarik lebih ramai pelancong ke negeri Johor.

Ketiga, adalah pengenalan *portal Johor.Travel* dengan izin bagi tujuan penjualan pakej pelancongan atas talian. Pada ketika ini, 87% pelancong menggunakan Internet untuk merancang percutian dan perjalanan mereka. Penyediaan sebuah portal seperti *Johor.Travel* akan membolehkan agensi-agensi pelancongan menjual pakej-pakej mereka di atas talian. *Tourism Johor* bercadang menggabungkan *website* yang bakal dibangunkan oleh GoAsean dengan portal ini. Strategi ini membolehkan pengguna terus membuat tempahan pakej setelah melayari pengisian digital berkualiti tinggi di *website* yang sama.

Keempat adalah menggalakkan penyertaan pihak swasta dalam pembangunan produk pelancongan melalui pengeluaran *Request for Proposal* dengan izin. Beberapa inisiatif yang sedang dan bakal dilaksanakan oleh *Tourism Johor* akan menjalani proses *Request for Proposal* dengan izin, yang melibatkan pihak swasta memberi input dan cadangan, kolaborasi yang lebih realistik untuk menghasilkan pulangan yang lebih baik. Antaranya Inisiatif Ole-Ole Johor. Walaupun pada peringkat awal, ianya boleh dianggap berjaya bagi jangka masa panjang, *Tourism Johor* berpendapat agar perlunya pihak swasta menerajui pembangunan Ole-Ole Johor ini. Inisiatif lain seperti *Caravan Park* dengan izin, dan perkhidmatan bas pelancongan *Hop On Hop Off* dengan izin, juga boleh diberikan nafas baru melalui kolaborasi dengan pihak swasta.

Kelima, adalah penekanan terhadap *Emerging Market* dengan izin, atau pasaran yang semakin berkembang. Sebagaimana yang sering sering dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini, pelancong-pelancong mempunyai cita rasa yang berbeza-beza. Walaupun negeri Johor mempunyai pelbagai produk pelancongan, secara



realitinya kita tidak mampu untuk memenuhi cita rasa semua pihak. Maka, adalah penting untuk kita merangka strategi berdasarkan *imerging market* dengan izin, atau pasaran yang semakin berkembang. Sebagai contoh, *youth tourism* dengan izin, yang berumur 15 hingga 29 tahun, merangkumi 27% daripada ketibaan antarabangsa di seluruh dunia pada tahun 2015. Oleh yang demikian, kerajaan negeri melalui *Tourism Johor*, akan melaksanakan strategi-strategi yang relevan pada masa depan bagi menarik minat golongan ini, penekanan promosi menerusi atas talian dan pemantapan, pengisian digital adalah antara usaha-usaha relevan dengan *trend* ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagaimana yang dibentangkan dalam Bajet 2017, untuk menjadikan Johor sebagai sebuah kuasa ekonomi baru, Malaysia dan rantau Asia Tenggara. Seluruh pentadbiran kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, telah menggariskan 6 strategi utama, bagi merealisasikan misi ini. Menyentuh tentang hujah daripada beberapa Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Rengit dan Yang Berhormat Tenang, sememangnya Johor telah mencatatkan jumlah nilai pelaburan tertinggi bagi sektor pembuatan. Ini merupakan suatu pencapaian yang cukup membanggakan kita semua. Johor telah menduduki tangga nombor 1, dalam pelaburan sektor pembuatan, bukan tahun ini sahaja. Malah, sejak tahun 2013 lagi. Tahun 2013 mencatatkan RM14.4 bilion, nombor 1. Tahun 2014 mencatatkan RM21.1 bilion, nombor 1; Tahun 2015 mencatatkan RM31.1 bilion, nombor 1.

Dan, sepertimana hujah daripada Yang Berhormat Rengit, telah menyatakan Johor mencatatkan nilai pelaburan sebenar RM5.4 bilion, atau 27% daripada jumlah keseluruhan pelaburan sektor pembuatan di Malaysia, sehingga suku kedua tahun ini. Juga, nombor 1. Namun, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada 2 hari yang lepas, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah mengumumkan pencapaian pelaburan sektor pembuatan ini sehingga bulan Ogos dan statistik menunjukkan bahawa Johor telah menerima jumlah pelaburan yang diluluskan berjumlah RM17.99 bilion atau 50.1% daripada keseluruhan pelaburan di Malaysia. Tahnik kepada Johor kerana sekali lagi menduduki tangga nombor 1. Angka nilai ini jauh lebih besar jika berbanding dengan negeri kedua, Selangor. Sejumlah RM3.82 bilion dan negeri ketiga, Pulau Pinang sejumlah RM3.76 bilion.

Di sini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, penjawat awam kerajaan negeri dan kerajaan pusat, badan-badan bukan kerajaan dan seluruh Bangsa Johor, yang berganding bahu, berusaha kuat dan berkomitmen bagi membantu mewujudkan suasana mesra pelabur dan *pro-business* dengan izin di negeri ini. Pada masa yang sama, kerajaan negeri mempunyai hala tuju yang jelas, gagasan yang berpandangan jauh, visi yang inklusif, politik yang stabil, sumber tenaga berkemahiran, infrastruktur logistik yang canggih dan faktor yang lain, menjadi Johor kekal sebagai destinasi pelaburan utama.

Apa yang saya ingin sampaikan di sini, bahawa sesebuah kerajaan yang berjaya dalam meyakinkan pelabur untuk datang melabur, bukan sekadar bergantung kepada cara menggunakan mulut dan mengeluarkan kenyataan media oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana. Jika cara ini berkesan, kenapa Juara pelaburan ini tidak jatuh di negeri Selangor dan Pulau Pinang pada hari ini. (Dewan bertepuk). Kalau kita lihat negeri-negeri yang diperintah oleh kerajaan Ahli-Ahli Yang Berhormat sebelah sana, jumlah gabungan nilai pelaburan bagi ketiga-tiga negeri, Selangor, Pulau Pinang

dan Kelantan, sebanyak RM8 bilion pun tidak sampai separuh lagi jumlah di Johor sejumlah RM17.99 bilion, setakat Ogos tahun ini. Sekiranya cadangan dan pandangan Yang Berhormat Skudai tidak diterima oleh pemimpin-pemimpin mereka, maka saya mengalu-alukan Yang Berhormat Skudai untuk duduk di sebelah sini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, menangani kadar inflasi pengguna adalah digalakkan untuk menjadi smart consumer dengan izin seperti berbelanja secara bijak membuat perbandingan harga, berhemah dalam membuat perbelanjaan barangan kemewahan serta boikot peniaga yang menjual barangan yang harga tidak berpatutan. Selain itu kita perlu memberi barangan buatan tempatan dan barangan berjenama *in house* dengan izin.

Di kesempatan ini, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, KPDNKK dengan kerjasama kerajaan negeri, akan mengadakan Karnival Jualan Mega 2016 bertempat di Dataran Angsana, Johor Bahru...

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** YB Dato' Speaker, Peraturan 45 (xiii) sebab tadi Yang Berhormat Pengerusi sebut nama saya, jemput saya duduk sebelah sana. Saya rasa...

**YB Timbalan Speaker :** Kalau nak, kalau taknak sudahlah. Ni remeh temeh je.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Dato' saya janji satu hari bukan saya seorang yang duduk sana satu hari kita bukan ramai-ramai duduk sana jadi kerajaan.

**YB Timbalan Speaker :** Ha, ok,ok.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Karnival ini akan berlangsung selama 5 hari bermula pada 23 hingga 27 November 2016, bermula jam 10 pagi hingga 10 malam. Karnival Jualan Mega 2016 ini merupakan sebuah karnival berbentuk pameran dan jualan yang julung-julung kali diadakan secara bersepadu melalui penggabungan beberapa program berimpak tinggi di bawah KPDNKK seperti Kempen Beli Barangan Malaysia, Sambutan Hari Penjaja Kebangsaan, Sambutan Hari Pengguna Kebangsaan, Sambutan Hari Francais Kebangsaan, Program Citarasa Malaysia, dan kempen *back to school*. Ia bermatlamat untuk mengetengahkan karnival jualan besar-besaran sebagai pilihan kepada masyarakat untuk berbelanja pada harga yang berpatutan. Di samping meningkatkan kesedaran pengguna tentang produk-produk buatan tempatan dan barangan berjenama *in house* dengan izin, pada masa yang sama merencanakan kegiatan ekonomi domestik serta menggalakkan pembangunan industri tempatan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, demikianlah beberapa perkara yang dapat saya jelaskan pada hari ini, dan saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu-isu bawah portfolio saya dalam sesi perbincangan di Dewan yang mulia ini. Kalau ada perkara yang terlepas pandang, mohon tindakan susulan daripada jabatan-jabatan di bawah portfolio saya. Sepanjang persidangan Dewan yang berlangsung sehingga hari ini, saya memohon maaf, sekiranya ada salah dan silap serta terlanjur kata. Akhir kata, dengan Bajet 2017 ini mudah-mudahan Johor akan menuju ke arah Johor Berkemajuan, Rakyat Sejahtera. Terima kasih.

**YB Timbalan Speaker :** Sila, Jawatankuasa, Pengerusi Jawatankuasa Wanita.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih di atas peluang telah diberikan kepada saya untuk turut serta dalam penggulungan perbahasan atas rundingan bacaan kali yang kedua, bagi Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2017) Tahun 2016. Tahniah dan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang sentiasa memberikan perhatian dan tumpuan kepada golongan sasaran dalam portfolio Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat. Golongan wanita, warga emas, ibu tunggal, Orang Asli, kanak-kanak malahan OKU tidak terlepas dalam pandangan dan perhatian Yang Amat Berhormat Menteri Besar, selaku peneraju kerajaan negeri. Peruntukan yang diberikan kepada golongan tersebut diteruskan pada tahun 2017, sebagaimana yang telah dibentangkan dalam Bajet Negeri Johor 2017. Tepatlah dengan tema Bajet 2017, Johor Berkemajuan Rakyat Sejahtera. Dalam mengejar kemajuan negeri, mensejahterakan rakyat tetap menjadi keutamaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di kesempatan ini saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, yang telah mengemukakan cadangan serta pandangan tentang perkara-perkara yang berhubung kait dengan jabatan-jabatan di bawah portfolio Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN Nusajaya dan ADUN Semarang telah pun menyafakan mengenai dengan program IQFA di tabika-tabika KEMAS di seluruh negeri Johor. Program IQFA adalah akronim dari Iqra dan Fardhu Ain yang mula diperkenalkan sejak tahun 2014 atas cetusan idea Yang Amat Berhormat Dato' Haji Mohamed Khaled Bin Nordin, Menteri Besar Johor. Program Iqra dan Fardhu Ain dilaksanakan secara NBOS antara kerajaan negeri Johor dan Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Johor ataupun KEMAS bagi memastikan kanak-kanak seawal usia 4 tahun dapat menguasai Pendidikan Agama Islam dalam Iqra' dan Fardhu Ain sebelum melangkah ke sistem pendidikan yang lebih formal.

Ia adalah antara inisiatif kerajaan negeri Johor di bawah Pelan Suara Hati Johor yang menyokong salah satu dari 7 fokus utama iaitu memartabatkan Agama Islam. Jabatan Kemajuan Masyarakat Negeri Johor, KEMAS dipertanggungjawabkan membentuk modul yang menepati kehendak masyarakat kini dan boleh diguna pakai secara meluas.

Secara asasnya, KEMAS menggunakan Silibus Standard Prasekolah Kebangsaan ataupun KSPK, Kementerian Pelajaran Malaysia, di dalam pengajaran dan pembelajaran di tabika-tabika. KSPK dilaksanakan bagi memastikan kurikulum yang holistik, tidak terlalu akademik dan tidak terlalu membebankan mengikut semasa serta ada kesinambungan dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah. Terdapat 2 modul utama iaitu Modul Teras Asas dan juga Modul Bertema. Di dalam Modul Teras Asas, subjek yang diajar meliputi Pendidikan Islam ataupun Moral, Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan Aktiviti Luar, *outdoor activities*. Namun begitu, KEMAS juga berhadapan dengan cabaran dari persekitaran pembelajaran yang semakin kompetitif dan harapan tinggi masyarakat terutama dari ibu bapa kanak-kanak

Tabika. Antaranya adalah berkaitan dengan keupayaan kanak-kanak di dalam menguasai kemahiran yang berkaitan dengan Pendidikan Islam.

Sehubungan itu, sememangnya tepat pada masa dan ketikanya Program IQFA diwujudkan bagi memastikan golongan berpendapatan rendah mendapat manfaat sepertimana golongan berkemampuan menghantar anak-anak ke tadika swasta yang kos bayaran sebulan bersamaan dengan kos yuran di Tadika KEMAS selama setahun. Program IQFA ini objektifnya adalah bagi kanak-kanak yang berusia 4 hingga 6 tahun, dapat menguasai Pendidikan Islam yang meliputi subjek berkaitan Iqra dan asas fardu ain. Kanak-kanak dapat menghafal dan membaca dengan baik surah Al-Fatihah, surah lazim dan juga bacaan doa-doa harian. Kanak-kanak dapat menggunakan ilmu dan kemahiran Pendidikan Islam dalam kehidupan seharian mereka sama ada di tabika mahupun juga di rumah. Dan yang penting Yang Berhormat Dato' Speaker, memastikan bahawa Tabika KEMAS tidak lagi dilabelkan sebagai tabika yang tidak menekankan Pendidikan Islam.

Kaedah pelaksanaannya adalah selepas waktu kelas di dalam modul kokurikulum. Program ini akan menggunakan khidmat tenaga pengajar luar secara *outsourcing* yang mahir dalam bidang Iqra dan fardu ain. Masa yang diperuntukkan adalah selama 4 jam seminggu dengan 1 sesi adalah dalam durasi 1 jam selepas waktu kelas. Sejak tahun 2014 hingga 2016, kerajaan negeri Johor telah memperuntukkan sebanyak RM1,704,040.00 dengan penerima manfaat sebanyak 5,251 orang kanak-kanak. Ianya bermula pada tahun 2014 dengan peruntukan RM148,200.00 dengan penglibatan 589 orang kanak-kanak dan sehinggalah pada tahun 2016 kita telah memperuntukkan RM1,098,240.00 ke atas 156 Tabika KEMAS di seluruh negeri Johor. Dan penglibatan kanak-kanak kita target kan pada tahun 2017 adalah seramai 3,500 orang. Program IQFA ini turut dinilai dalam petunjuk Prestasi Utama portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sejak tahun 2014 sehingga kini dengan pencapaian kanak-kanak melebihi 90% secara puratanya mencapai band 4 dan juga 5 di mana ia menandakan tahap pencapaian kanak-kanak tersebut adalah amat baik.

Pelaksanaan program dan aktiviti berkaitan Pendidikan Agama Islam wajar diterapkan semenjak dari usia kanak-kanak kecil lagi. Kanak-kanak perlu didedahkan dengan asas-asas agama agar jiwa mereka sentiasa dekat dengan tuntutan agama seawal mungkin agar mampu menjadi generasi rabbani yang bukan sekadar cemerlang dari aspek akademik malah gemilang dari aspek rohani dan juga *spiritual*. Ini penting kerana kanak-kanak ini sedang dan akan terus menghadapi gelombang modenisasi dan globalisasi yang semakin mencabar. Tanpa asas yang kukuh dan kuat kanak-kanak ini sudah tentu akan mudah terpengaruh dengan anasir luar yang merosakkan jiwa dan pemikiran.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN Machap membangkitkan juga mengenai dengan masalah golongan OKU dan juga peluang pekerjaan yang terhad disebabkan keterbatasan. Kerajaan negeri Johor amat prihatin kepada kebajikan golongan OKU terutama dalam meningkatkan taraf hidup mereka melalui peluang-peluang pekerjaan sama ada di sektor swasta ataupun kerajaan. Melalui Unit Penempatan Pekerjaan OKU di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim, kerajaan negeri yang memfokuskan bantuan kepada golongan sasaran OKU bagi memastikan peningkatan bilangan OKU di dalam sektor pekerjaan di Johor. Selain itu, ianya sebagai usaha untuk mengatasi kebergantungan golongan OKU terhadap

kerajaan bagi meningkatkan purata pendapatan serta diberi peluang sama rata untuk hidup berdikari.

Pelbagai pendekatan yang telah dijalankan bagi membantu golongan OKU untuk meningkatkan ekonomi antaranya adalah pelaksanaan Program Sukarelawan Job Coach 2016. Dan sehingga Oktober 2016, seramai 14 OKU telah berjaya ditempatkan bekerja di bawah sukarelawan tersebut, manakala bantuan penempatan kerja di bawah Yayasan adalah seramai 106 orang OKU yang menjadikan jumlah keseluruhan dari tahun 2011 sehingga 2016 adalah seramai 120 orang OKU yang bekerja.

Selain itu, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim dalam meningkatkan peluang pekerjaan OKU turut membuat kajian Keberkesanan Penempatan Pekerjaan OKU selama 6 bulan mulai September 2016 hinggalah Februari 2017. Melalui kajian ini juga pihak pengkaji dari Universiti Utara Malaysia dan wakil-wakil daripada kerajaan negeri Johor, kita telah mengadakan lawatan kerja ke Tokyo dan juga Osaka, Jepun. Antaranya lawatan tersebut adalah ke Company OMRON di Tokyo, yang mana ia ditubuhkan pada tahun 1972, maaf saya, di Osaka, dan sehingga kini 80% dari pekerjaannya adalah golongan Orang Kurang Upaya. OKU yang menyertai Omron akan meningkatkan taraf kehidupan dan memberi sumbangan kepada masyarakat akhirnya.

Namun begitu, di Johor sendiri, kita sebenarnya telah mempunyai Bengkel Sampul Surat Batu Pahat sebagai contoh yang sepenuhnya mengambil pekerja OKU berusia antara 18 hingga 60 tahun bagi melaksanakan operasinya di dalam bengkel yang menghasilkan pelbagai jenis sampul surat. Bengkel Sampul Surat merupakan bengkel terlindung yang diuruskan Majlis Pusat Kebajikan Se-Malaysia dan diselia Jabatan Kebajikan Masyarakat yang beroperasi di sebidang tanah seluas dua hektar yang kini menempatkan seramai 50 orang OKU yang melakukan kerja-kerja melipat dan menampal sampul surat sejak tahun 1978. Bengkel Sampul Surat ini juga turut menyediakan penginapan kepada OKU bagi memudahkan OKU untuk datang ke tempat kerja. Pekerja OKU yang bekerja akan melalui tempoh percubaan selama tiga bulan sebelum diambil untuk meneruskan kerja menghasilkan sampul surat dan dengan bekerja di sini golongan OKU tersebut akan dapat memperoleh pendapatan RM900.00 sebulan di samping Elaun Pekerja Cacat yang diterima sebanyak RM350.00 sebulan, maknanya dia mendapat setiap bulan RM1,250.00.

Usaha membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada OKU ini turut disambut baik oleh kerajaan negeri Johor dengan pengumuman Bajet tahun 2017 yang telah pun memperuntukkan RM200,000.00 dan ini adalah memberi penambahan peluang pekerjaan kepada 50 orang lagi OKU bekerja dan menjadikan keseluruhannya seramai 100 orang insya-Allah pada tahun 2017.

Selain daripada itu, kerajaan negeri Johor juga turut memberikan perhatian kepada 2,371 pelatih OKU di 72 Pusat Pemulihan Dalam Komuniti. Adalah menjadi harapan agar golongan OKU di Johor akan dapat bersama-sama meningkatkan kemahiran dan berdikari seterusnya menjana pendapatan ke arah kehidupan yang lebih positif.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ADUN Penggaram menyatakan tentang tenaga buruh dan juga pekerjaan kepada golongan wanita. Sebenarnya kita di negeri Johor ini Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi mendaya upayakan wanita di Johor

khususnya ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah, kerajaan negeri Johor dan juga kerajaan persekutuan menyediakan pelbagai bentuk melalui jabatan-jabatan khususnya di bawah portfolio Pembangunan Wanita, keluarga Dan Masyarakat. Terdapat 4 jabatan yang bertanggungjawab bagi membantu golongan ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah meningkatkan pendapatan dengan pembahagian 2 kategori iaitu bantuan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga dari segi bentuk kewangan dan juga Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim dalam bentuk memberikan mesin dan sebagainya apabila wanita tersebut telah pun mahir. Daripada tahun 2010 hingga April 2016, seramai 562 orang ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah telah menerima bantuan tersebut. Dan bagi Geran Pelancaran JKM, seramai 402 orang telah pun menerima Geran Pelancaran tersebut. Dan kita juga mempunyai dari segi kemahiran di bawah Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim di bawah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, LPPKN, di bawah Jabatan Pembangunan Wanita. Semua itu adalah bertanggungjawab terhadap wanita berpendapatan rendah dan juga wanita-wanita dikategorikan sebagai ibu tunggal.

Menerusi pelaksanaan program-program kemahiran dan keusahawanan ini, Yang Berhormat Dato' Speaker, Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Johor dapat membantu wanita, yang saya katakan tadi yang berpendapatan rendah menjana pendapatan mereka. Dan selain itu, kerajaan negeri Johor, Yang Berhormat Dato' Speaker, turut menganjurkan *Women Netpreneur Programme* sebagai salah satu inisiatif di bawah Pelan Pertumbuhan Strategik Negeri Johor kepada usahawan wanita berpendapatan rendah untuk menjalankan urus niaga secara *online* dengan tenaga pengajar dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Seramai 200 orang wanita telah dan akan dilatih pada tahun 2016 bagi meningkatkan pendapatan mereka walaupun mereka berada di rumah. Ini bertepatan dengan konsep jabatan-jabatan di bawah portfolio saya yang turut menjadikan *home base* sebagai asas dalam melatih wanita bekerja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat ADUN Maharani menyatakan dan menyentuh mengenai dengan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jabatan Kebajikan Masyarakat mengambil maklum isu kenaikan kos dan harga barangan yang berlaku pada ketika ini dan semua rakyat termasuk golongan miskin dan asnaf terpaksa berdepan dengan isu ini. Dan pada ketika ini kadar bantuan yang kita diberikan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat masih kekal terutamanya kita memberikan bantuan kepada orang-orang tua sebanyak RM300.00 pada setiap bulan ataupun RM3,600.00 seorang penerima bagi setahun.

Dan untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, bilangan penerima Bantuan Orang Tua bagi negeri Johor sehingga Oktober 2016 adalah seramai 13,418 orang melibatkan implikasi perbelanjaan sebanyak RM4.025 juta sebulan dan lebih kurang RM48.3 juta setahun. Dan jumlah tersebut sebenarnya Yang Berhormat, masih tinggi jika dibandingkan dengan bantuan BRIM yang diberikan hanya setahun sekali. Dan, kadar bantuan yang disalurkan melalui JKM kepada mereka yang bekerja atau tidak bekerja terutamanya OKU sebenarnya telah pun kita naikkan daripada RM300.00 kepada RM350.00 masa itu pada Bajet 2015, kita bagi kepada OKU yang bekerja dan dia naikkan juga daripada nilai RM750.00 kepada RM1,200.00 sekiranya diberikan oleh majikan kita boleh menambah RM350.00 dan juga kepada yang tidak bekerja daripada RM150.00 kepada RM200.00 sebulan. Kadar bantuan sedia ada dan

kenaikan kadar yang dibuat adalah berdasarkan kepada perkiraan semasa dan telah ditetapkan mengambil kira kecukupan peruntukan perbelanjaan optimum terhadap kewangan kerajaan serta keberkesanan dalam pelaksanaan bantuan kewangan kepada mereka yang benar-benar layak. Bantuan kewangan kebajikan bukanlah satu bentuk bantuan yang menyeluruh tetapi ianya sekadar untuk meringankan beban dan bersifat sementara.

Masalah kelewatan bayaran yang berlaku pada suku tahun keempat pada tahun ini adalah berpunca daripada pertambahan bilangan kes-kes baru dan penamatan kes-kes sedia ada. Bagi mengatasi masalah ini, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor perlu menyediakan anggaran unjuran perbelanjaan pada suku tahun keempat ini serta perlu mengemukakan kepada pihak tertinggi untuk menampung pertambahan kes-kes baru.

Menjawab persoalan mengenai dengan ADUN Yong Peng mengenai dengan TASKA. Yang Berhormat Dato' Speaker, bagi memastikan golongan wanita bekerja dan menggalakkan ibu bapa menghantar anak ke TASKA, Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan Kanak-kanak TASKA telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2016 pada 23 Oktober 2015. Objektif utama inisiatif ini adalah untuk kita meringankan beban ibu bapa yang berpendapatan rendah untuk menampung kos yuran pengasuhan anak serta meningkatkan *enrollment* kanak-kanak di TASKA yang berdaftar dengan JKM. Pemberian subsidi kepada ibu bapa yang menepati syarat ini memberi peluang untuk kanak-kanak mendapat asuhan dan didikan awal di TASKA dengan lebih baik dan sekali gus dapat membangunkan modal insan yang berkualiti, sihat dan juga seimbang.

Kadar subsidi yuran pengasuhan adalah sebanyak RM250.00 sebulan bagi seorang kanak-kanak. Subsidi ini diberi mengikut kadar yuran sebenar yang di bayar oleh ibu bapa atau penjaga bagi seorang kanak-kanak di TASKA, tetapi tidak melebihi nilai maksimum yang ditetapkan. Subsidi yuran pengusahaan kanak-kanak adalah di bayar secara *one off* bagi tempoh pengasuhan kanak-kanak dari bulan Januari hingga Disember, iaitu 12 bulan dalam tahun semasa. Dan sehingga kini, seramai 112 kanak-kanak di 21 TASKA menerima manfaat dan Johor telah diperuntukkan sebanyak RM98,590.00 bagi tahun 2016.

JKM sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, sentiasa komited dalam memberi perkhidmatan dan sentiasa memberi sokongan padu dan usaha penubuhan Taman Asuhan Kanak-kanak ataupun TASKA terutamanya TASKA di tempat kerja. Dan penubuhan taska seumpama ini dapat memberi sokongan kepada ibu bapa bekerja dengan lebih komited dan seterusnya menghasilkan produktiviti yang baik dalam perkhidmatan mereka.

Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif bagi menggalakkan penubuhan taska di tempat kerja dan masih dilaksanakan sehingga kini, antaranya:

- i. Pengecualian cukai 10% selama 10 tahun bagi ubah suai dan penyelenggaraan dan pemilikan bangunan untuk Pusat Asuhan Kanak-kanak bagi majikan sektor swasta.

- ii. Potongan cukai dua kali ganda ke atas majikan yang menyediakan elaun ataupun subsidi kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan TASKA dan Pusat Jagaan Kanak-kanak, ia telah diumumkan pada masa Bajet 2013 yang lalu.
- iii. Pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh lima tahun dan elaun bangunan industri pada kadar 10% setahun diberi kepada pengusaha TASKA, Pusat Jagaan Kanak-kanak dan juga pra sekolah swasta, ia telah diumumkan pada masa Bajet 2013 yang lalu.

Sehingga Ogos 2016, sebanyak 12 buah TASKA, (7 awam dan 5 swasta) TASKA di tempat kerja manakala tahun 2015 pula mencatatkan 8 buah taska di tempat kerja, (5 awam, 3 swasta)

Kerajaan negeri Johor melalui Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim sebagai contoh telah menyediakan TASKA di tempat kerja di TASKA Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim di bangunan Wisma Persekutuan. Pihak kerajaan negeri juga telah meluluskan pembinaan sebuah TASKA In-sya-Allah di Kota Iskandar ini yang di jangka siap pada Disember 2017 tahun depan, tak lama lagi Yang Berhormat, serta akan bermula operasinya pada tahun 2018.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya akhiri penggulungan saya dengan sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan, pendapat dan persoalan yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang dan tanggungjawab saya. Saya mengharapkan Ahli-Ahli Yang Berhormat akan terus memberi sokongan, pandangan dan juga teguran yang membina terhadap perjalanan jabatan-jabatan di bawah portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat demi kemajuan pembangunan negeri Johor. Teguh berdiri pohon cemara, kalis santunan gegak gempita, andai tersasar kata bicara, jemari di susun maaf di pinta. Sekian wabillahitaufik dan Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YB Timbalan Speaker :** Di jemput Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat petang, salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker.

**YB Timbalan Speaker :** Laju sikit.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Saya ni orang yang paling malang sekali, dapat ruang di saat-saat kecederaan. Nak kata potong dah potong banyak. Dato' Speaker nak saya cakap laju lagi jadi huru-hara saya. Apa pun Yang Berhormat Dato' Speaker, terima kasih diberikan kesempatan juga untuk saya memberikan penggulungan bagi pihak kerajaan seterusnya yang berkaitan dengan portfolio saya Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Saya ingin mulakan penggulungan ini dengan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor di atas pembentangan Bajet 2017 yang sangat inklusif, lestari dan sejahtera untuk segenap lapisan masyarakat di negeri Johor ini.



Bajet ini merupakan satu anggaran perbelanjaan negeri yang tidak boleh di sangkal kebaikannya dan pasti tak boleh dinafikan manfaatnya. Dengan bertemakan "Johor Berkemajuan, Rakyat Sejahtera", berserta 126 titik sentuhan, saya percaya secara peribadi dan amat mengharapkan semua pihak tidak kira lah sama ada agensi kerajaan, swasta, pihak pimpinan tertinggi sehinggalah peringkat kepimpinan di akar umbi agar dapat melaksanakan semua ini dengan jayanya. Kerana saya percaya suatu dasar yang baik itu jika tidak di sokong dan dilaksanakan oleh semua pihak dengan baik, nikmatnya tidak akan dapat dirasai.

Pentadbiran kerajaan negeri melalui kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang sentiasa menekankan konsep permuafakatan bagi memastikan anak-anak Johor mempunyai jati diri dan semangat yang tinggi. Ungkapan yang sering diperkatakan seperti muafakat Johor, cara Johor dan lain-lain itu tidak lain dan tidak bukan bertujuan mengetengahkan identiti Johor di samping memupuk permuafakatan sesama rakyat, sesama bangsa Johor, permuafakatan antara pemimpin, kerajaan dan rakyat supaya ia menjadi satu tradisi dan budaya Johor yang sentiasa diperkasakan.

Janganlah kita memutarbelikan fakta, yang baik, katalah baik dan sama-samalah kita jayakan. Bukan belum di laksana tapi telah kita persoalkan dengan pelbagai persoalan-persoalan. Adakah boleh, di bajet ini boleh di belanja mengikut perancangan? Apakah tidak akan ada bajet tambahan dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Speaker, di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah terbukti melalui Bajet 2014, 2015 dan 2016 walaupun ada sedikit sebanyak tambahan peruntukkan yang di bawa ke Dewan ini, namun ia tidak menyebabkan kewangan kita defisit, malah terbukti dari segi rizab kita telah dapat naikkan melebihi RM3 bilion, yang merupakan satu rekod yang sangat baik dari segi pentadbiran di negeri Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, syukurilah dengan bajet yang seimbang ini, bukan bajet yang retorik yang diutarakan oleh sesefengah pihak, sanggup buat bajet defisit semata-mata untuk kononnya menunjukkan mereka itu membela rakyat dan sebagainya. Malah kita di sini, kita ada lebih pun kita bagi bonus bukan kita sahaja, kita share juga dengan orang yang di hadapan itu. Bila laju macam ini lah. (Dewan bertepuk)

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak yang berkaitan dengan portfolio saya. Yang Berhormat Sungai Balang menyatakan pandangan kepada kerajaan supaya menubuhkan akademi dan agro tourism di mana teras pendidikan yang berasaskan pada agro tourism ini agan dapat dilaksanakan di kawasan beliau.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam sektor pertanian ini sebenarnya, Kumpulan Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor, KPYPJ telah ada yang kita sebut sebagai Kolej Kemahiran dan Teknikal Johor yang menawarkan dua program Sijil Kemahiran Malaysia dalam bidang pertanian dan juga landskap yang ada di Kota Tinggi iaitu di Kilometer 16, Jalan Mersing. Kolej ini mengendalikan program Sijil Kemahiran Malaysia dan mempunyai kokurikulum berstruktur di iktiraf oleh kerajaan dan mempunyai penajaan. Program ini juga dilaksanakan oleh perkongsian persefahaman dengan pihak industri. Namun begitu, Yang Berhormat Sungai Balang jangan bimbang kerana

daerah Muar akan dibangunkan menjadi hab pembangunan industri perabot. Hab pembangunan ini akan dibangunkan melalui anak syarikat Johor corporation dengan sokongan daripada Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia ataupun MTIB mengikut road map pembangunan industri perabot kayu negeri Johor yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebelum ini.

Pusat ataupun hab pembangunan industri perabot ini selain daripada di bina kilang-kilang perabot secara tersusun bagi menempatkan kilang-kilang sedia ada termasuklah kilang-kilang haram yang berada di Muar kerana Muar merupakan penyumbang terbesar lebih kurang 56% daripada eksport perabot Malaysia. Ia juga akan diwujudkan pusat R&D perabot dengan kerjasama beberapa institut pengajian awam dan juga Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia dan buat masa ini MTIB dengan kerjasama Persatuan Perabot Muar melalui Skim Usahawan Perabot Bumiputera, mereka sedang melatih 10 bakal usahawan perabot Bumiputera untuk menjadi sub-vendor kepada pengilang utama perabot di Muar dan saya mengalu-alukan Yang Berhormat Sungai Balang.

**YB Timbalan Speaker : Sungai Balang**

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Untuk sama-sama menjayakan apa nama ni, usahawan-usahawan ataupun mereka-mereka yang berminat untuk terlibat dalam usahawan perabot ini.

Yang Berhormat Tanjung Surat ada menyatakan hasrat untuk jadi penasihat kepada pelaksanaan *English Language Camp* dengan izin sebagaimana yang diumumkan peruntukan dalam Bajet 2017 kerana Yang Berhormat Tanjung Surat mengatakan bahawa RM500,000.00 untuk melatih melibatkan 200 orang pelajar tak begitu memberi manfaat kepada ramai orang. Sebenarnya Yang Berhormat Dato' Speaker, RM500,000.00 ini bukan hanya untuk camp, tetapi juga melibatkan untuk menjayakan program-program lain termasuklah program 5 Bintang UPSR dan SPM, Program Debat Bahasa Inggeris... dan sebagainya, dan lain-lain, di mana program ini merupakan program kesinambungan daripada program pengkayaan Bahasa Inggeris yang telah dijalankan pada tahun-tahun yang lalu. Dan kita mengalu-alukan Yang Berhormat Tanjung Surat, kalau nak jadi penasihat kepada program-program ini, nanti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Penawar ada menyatakan agar koperasi yang membekalkan IMCoop ini dapat meneliti dan mengambil perhatian terhadap barang-barang yang ada di setiap outlet nya. Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Speaker, barang-barang dalam outlet setiap outlet kedai IMCoop ini, sebenarnya IMCoop ada 7,000 SKU ataupun *Stock Keeping Unit Product* yang daftar di IMCoop tapi yang aktif lebih kurang 4,000, apa nama ni, SKU makna ada lebih kurang 4,000 barang dalam kedai IMCoop ini yang meliputi keperluan isi rumah sama ada barang makanan, masakan dan sebagainya. Dan dalam masa yang sama, kita memberi jaminan bahawa IMCoop akan menawarkan harga yang lebih murah daripada outlet lain dalam radius jaraknya 6 kilometer radius. Saya juga nak highlight kan tentang peruntukan daripada Bajet 2017 yang memperuntukkan RM2-juta untuk menggalakkan koperasi-koperasi membuka outlet IMCoop ini yang mana sasaran kita ialah kita nak menggalakkan, nak menubuhkan kedai sebanyak 20 outlet yang baru pada tahun 2017 dengan setiap koperasi yang buka akan dapat geran RM100,000.00 dan juga tambahan RM100,000.00 pinjaman daripada Tabung Suruhanjaya Koperasi

Malaysia dan juga kalau koperasi itu nak buka outlet yang harganya RM300,000.00 maka koperasi hanya keluar modal RM100,000.00 sahaja. Inilah Yang Berhormat Dato' Speaker, bersungguh-sungguhnya kerajaan negeri ingin membantu rakyat bagi menangani kos sara hidup.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Parit Raja ada membangkitkan soal cadangan dan juga keprihatinan terhadap usahawan-usahawan PKS yang ada di sana kerana kita sedia maklum bahawa Pusat Pembangunan Usahawan Negeri Johor ataupun *Entrepreneur Development Centre*, EDC, banyak program-program yang ditawarkan. Jadi untuk dapatkan program-program yang ditawarkan lebih detail boleh melayari website EDC yang mana boleh dikatakan setiap minggu program-program bimbingan dan pembangunan dilaksanakan.

Selain daripada itu, untuk usahawan-usahawan yang ataupun untuk mereka-mereka yang baru nak menceburi bidang keusahawanan, kita boleh mohon dengan di bawah Program Galakan Usahawan, PGU untuk dapatkan peralatan-peralatan bagi kita membuat kuih dan sebagainya. Bila dah mula jadi usahawan, dah ada produk yang dihasilkan, nak kan modal, kalau secara kecil-kecilan, ibu-ibu tunggal dan sebagainya boleh mohon di bawah Program Amanah Ikhtiar ataupun nak modal lebih sikit, boleh mohon dengan TEKUN dan seterusnya di pelbagai agensi di MARA dan lain-lain untuk mendapatkan bantuan ataupun pembiayaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Pasir Raja juga menunjukkan keprihatinan terhadap perkembangan dan prestasi usahawan-usahawan negeri Johor yang mempunyai jenama dan identiti Johor itu sendiri.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berdasarkan data yang dikemukakan oleh pihak MATRADE, negeri Johor mempunyai 1,684 syarikat yang berdaftar sebagai pengeksport produk dan 276 daripadanya merupakan syarikat-syarikat bumiputera. Antara produk-produk IKS negeri Johor yang selain bumiputera yang telah dapat menembusi pasaran antarabangsa melalui MATRADE ini antaranya produk seperti tepung goreng serba guna Pak Lah, minuman berenaga Drive, M7, Choco Damia, produk-produk sos daripada Bumi Hijau, beras dan rempah Faiza, makanan sejuk beku Mak Jah, ubat minyak geliga, kopi Premix Mahkota Dewa, kicap Jalen dan lain-lain. Antara negara yang mengimport produk ini adalah Vietnam, Indonesia, China, Brunei, Singapura, Australia dan juga New Zealand.

Yang Berhormat Gambir ada membangkitkan cadangan untuk mengkaji semula berkaitan dengan pendidikan moral dan penekanan berkaitan dengan pendidikan agama bermula daripada sekolah rendah. Ini merupakan, soal pendidikan ini kita tertakluk kepada dasar-dasar yang dikeluarkan oleh kerajaan persekutuan khususnya di bawah Kementerian Pendidikan, maka saya tidak dapat nak memberikan jawapan secara tepat tapi apa yang dicadangkan itu akan kita panjangkan kepada pihak Kementerian untuk dikaji.

Yang Berhormat Pemanis ada mencadangkan tentang penubuhan Tabung Pembangunan Pendidikan negeri Johor, *Johor School* dan lain-lain. Pandangan ini akan kita perhalusi dan mana yang boleh kita laksanakan, insya-Allah kita akan pertimbangkan demi kebaikan anak-anak kita di Johor ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, ada sebahagian daripada dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat telah saya terangkan melalui jawapan lisan untuk beberapa hari yang lalu. Oleh itu, sekiranya ada juga di antara perkara yang dibangkitkan belum dapat saya jawab, saya harap Ahli Yang Berhormat berkaitan boleh berurusan terus dengan pejabat saya untuk dapatkan jawapan secara bertulis.

Inilah saja Yang Berhormat Dato' Speaker, penggulungan yang dapat saya sampaikan pada petang ini. Marilah sama-sama kita berdoa, mudah-mudahan Bajet 2017 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan dapat dilaksanakan dengan baik, nikmatnya akan dapat dirasai oleh segenap lapisan masyarakat dan akan dapat memaju Johor Berkemajuan. Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.

**YB Timbalan Speaker :** Semakin lama semakin lemah dan slow. Ahli-Ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Persidangan kita hingga hari Ahad, 27 November 2016, jam 9:30 pagi.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 5:30 petang.**

HARI KETUJUH  
HARI ISNIN,  
27 NOVEMBER 2016

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT KETIGA (BAJET 2017)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

**HARI KETUJUH**

**AHAD, 27 NOVEMBER 2016**

**BIL. 13 TAHUN 13**

**HADIR**

YB Speaker,  
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN., PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan  
Perancangan Negeri, Johor.  
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., SMIJ., DSPN., PIS.  
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan  
Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.  
Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PJN., KMN., PSI.  
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat Negeri, Johor.  
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.  
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan  
Kepenggunaan Negeri, Johor.  
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI.  
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah Negeri, Johor.  
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.  
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.  
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.  
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.  
Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM., DSM., PSI.  
(Endau)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.  
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.  
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan  
dan Warisan Negeri, Johor.  
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.  
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.  
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.  
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.  
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.  
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon  
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

YB Dato' Dr. Adham bin Baba, SIMP., DMSM.  
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,  
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PJN.  
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain  
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.  
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim  
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.  
(Machap)

YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.  
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun  
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.  
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar  
(Nusajaya)

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim  
(Buluh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat  
(Serom)

YB Dato' Haji Saipolbahari bin Haji Suib, DIMP., AMN., KMN., JMN.  
(Bukit Naring)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh  
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh  
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.  
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat, DPSM.,  
KMN.  
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)



YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon  
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin  
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh  
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim  
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau  
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin  
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan  
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng  
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong  
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi  
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How  
(Pengkalan Rinting)

**TURUT HADIR**

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN  
NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Dato' Haji Ismail bin Karim, DPMJ., DMJJ., PIS.

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.

**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.**

**YB Speaker :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahirrahmannirrahim. (Bacaan selawat). Salam Sejahtera, selamat pagi, salam Muafakat Johor.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, alhamdulillah hari ini ialah hari terakhir persidangan kita bagi tahun 2016. Dan, dalam persidangan ini kita juga akan dapat Insya-Allah mendengar penggulungan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Penggulungan atas Bajet 2017, 2016 ini untuk menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan pemerintahan negeri Johor dan juga apa-apa yang telah pun disampaikan oleh Yang Berhormat dalam perbahasan kita.

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN**

**YB Speaker :** Yang Berhormat Tanjung Surat jemput.

**YB Dato' Ir Syed Sis bin Syed Abd. Rahman (Tanjung Surat) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 1.

Saya difahamkan kerajaan akan mencari sumber-sumber air mentah lain selain daripada sungai. Apakah perkembangan mengenai hasil pencarian setakat hari ini?

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam sejahtera. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat ADUN Tanjung Surat bertanyakan mengenai usaha kerajaan untuk mencari sumber-sumber air yang selain daripada air permukaan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, untuk sekian lama Johor sangat bergantung kepada air permukaan untuk bekalan air domestik dan industri iaitu kira-kira 99% dari jumlah bekalan. Selebihnya 1% adalah dari air bumi atau air tanah. Sumber air permukaan semakin terhad terutama semasa kemarau disebabkan kebanyakan sungai adalah pendek dan tadahannya adalah kecil. Ini diburukkan lagi dengan isu pencemaran. Sudah tiba masanya untuk negeri Johor meneroka sumber-sumber lain seperti air tanah dan peneuaian air hujan pada skala besar. Selain daripada itu, kerajaan negeri juga sedang menimbangkan teknologi disimilasi terutamanya untuk kawasan yang jauh dari rangkaian bekalan air yang sedia ada.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kajian sumber air bawah bermula daripada resolusi penganjuran Forum Air Johor yang telah diadakan pada 17 November 2015 meliputi pembentangan 6 kertas kerja. Hasil daripada penganjuran Forum Air Johor, 4 resolusi telah dikemukakan untuk diangkat kepada kerajaan negeri untuk pelaksanaan bagi

kelestarian sumber air negeri Johor. Salah satu resolusi yang telah dikemukakan adalah untuk meneroka sumber air alternatif termasuk air tanah 'ground water' dengan izin dan penuaian air hujan 'rain harvesting' berskala besar.

Untuk mendapatkan asas yang kukuh dalam pembangunan infrastruktur seperti operasi air, tanah, pihak kerajaan negeri telah bersetuju rujukan perlu dibuat terhadap negara yang telah menguatkuasakan serta mempraktikkan air tanah secara mampat. Sehubungan itu, satu lawatan teknikal ke wilayah Fukuoka dan Kumamoto, Jepun yang diketuai oleh pihak BAKAJ telah dilaksanakan pada 2 hingga 5 Ogos 2016. Bertujuan untuk membuat pemerhatian, mempelajari dan membuat perbandingan tentang perkembangan pembangunan sumber air alternatif untuk dijadikan model pembangunan sumber air terutamanya sistem air tanah dan disimilasi. Penggunaan air tanah mempunyai potensi yang besar jika kajian dijalankan secara komprehensif dan menyeluruh. Ia boleh menjadi sumber air mentah yang baru kepada negeri Johor.

Di bandar Kumamoto, dengan penduduk seramai 780,000 orang, dibekalkan dengan penggunaan air bawah tanah sepenuhnya. Maka, kerajaan Johor dengan kerjasama pakar-pakar air dan juga pihak Japan Water Forum akan melaksanakan kajian menyeluruh mengenai kebolehpayaan penggunaan sumber air tanah sebagai sumber air yang baru. Untuk tujuan ini, pemetaan terperinci potensi air bumi perlu bagi merancang pembangunan sumber air jangka panjang. Kerajaan negeri sedang meneliti cadangan dari UTM dengan kerjasama syarikat tempatan dan pakar dari Kumamoto, Jepun untuk menentukan lokasi *aquifer* dan menyediakan *master plan* penggunaan air bumi atau air tanah negeri Johor sehingga tahun 2050.

Teknologi yang dipilih ini mampu memetakan dengan tepat kedudukan *aquifer* sehingga kedalaman 200 meter, menentukan kawasan *recharge* dengan izin dan memodel pergerakan pencemaran jika ada. Bagi memastikan sumber air tanah yang mencukupi, selamat dan tidak menjejaskan alam sekitar. Di Kumamoto, Jepun telah dijadikan sumber air tanah sebagai sumber bekalan air bersih yang telah berjalan lebih 20 tahun. Mereka juga tidak mengetahui berapa banyak air bawah tanah. Oleh itu kerajaan negeri akan menjalinkan kajian untuk mengenal pasti potensi sumber air tanah dan berdasarkan kepada tinjauan secara asas yang dijalankan di beberapa lokasi seperti di Gunung Pulai, di kawasan di Universiti Teknologi Malaysia dan juga di kawasan Tebrau di Johor Bahru, mendapati negeri Johor mempunyai potensi yang begitu luas tentang sumber air tanah ini.

Peningkatan permintaan air disebabkan pembangunan baru serta pencemaran sungai turut meningkatkan keperluan bagi meneroka sumber air alternatif, termasuklah air tanah dan juga penuaian air hujan secara berskala besar. Kualiti air lebih bersih, penggunaan air tanah boleh mengurangkan kemungkinan krisis air di masa hadapan yang disebabkan kemarau berpanjangan dan perubahan iklim.

Disimilasi merupakan teknologi yang sesuai untuk membekalkan air bersih kepada kawasan pembangunan baru di sepanjang pantai dan yang jauh dari kemudahan bekalan air yang sedia ada. Dengan kemajuan teknologi disimilasi, kos pengeluaran dijangka akan berkurangan di masa hadapan. Sektor industri merupakan pengguna utama air dan permintaan air untuk kegunaan industri dijangka akan terus meningkat.

Bagi kawasan pembangunan yang sangat jauh dari punca sumber air seperti pembangunan *Forest City*, kerajaan negeri telah mencadangkan dibangunkan usaha sama bagi membina loji penyulingan air laut, *desalination plan*. Sekiranya projek ini berjaya dilaksanakan, ianya merupakan loji penyulingan air laut yang terbesar di Malaysia. Dengan itu adalah tepat untuk menggesa pihak industri untuk menjadi lebih inovatif di dalam menguruskan permintaan air dengan melabur untuk teknologi kitar semula dan teknologi penggunaan semula sumber-sumber air. Komitmen kerajaan negeri ini juga telah mendapat bantuan pakar-pakar dari UTM, UTHM dan juga kerjasama daripada Japan Water Forum khususnya Profesor Takimura bagi mengenal pasti kawasan yang mengandungi sumber air tanah di negeri Johor dengan peruntukan RM1 juta bagi pelaksanaannya pada tahun 2017.

Melalui Ucapan Bajet 2017, kerajaan negeri telah memperuntukkan RM79.7 juta dan ianya merangkumi 14 inisiatif termasuk untuk membina 2 buah telaga air tanah di daerah Kota Tinggi sebagai salah satu sumber alternatif bekalan air. Pada Oktober 2016, kerajaan Johor juga melalui Jabatan Mineral dan Geosains telah membangunkan telaga air bawah tanah di Kampung Gembut dengan luahan sebanyak 6,000 gelen sehari. Pembinaan telaga ini akan dapat mengurangkan kebergantungan SAJ kepada Sungai Gembut. Sekiranya berlaku kemarau, bekalan air telaga tersebut akan disalurkan terus ke loji SAJ. Terima kasih.

**YB Speaker :** YB Tanjung Surat Jemput.

**YB Datu' Ir Syed Sis Bin Syed Abd. Rahman (Tanjung Surat) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih kepada YB EXCO yang... di atas jawapan yang diberi. Soalan saya... soalan tambahan saya sementara menunggu hasil dari sumber baru seperti air bawah tanah tadi dan lain-lainnya, apakah tindakan kerajaan untuk memastikan kelestarian sumber yang ada?

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, salah satu daripada punca untuk kita mempercepatkan usaha mengenal pasti sumber alternatif ini adalah oleh kerana iklim yang begitu mencabar terhadap sumber air yang ada, maka untuk menentukan kelestarian sumber yang ada sebelum kita menemui sumber alternatif ini, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan adalah dengan:

Pertama, mewartakan kawasan-kawasan empangan yang ada supaya ianya terkawal daripada sebarang bentuk ancaman terhadap sumber. Ini termasuklah perbuatan manusia itu sendiri termasuklah aktiviti-aktiviti yang boleh menggugat kawasan-kawasan empangan daripada sumber air. Daripada 15 empangan yang ada, kita telah mewartakan sebahagian besar daripada kawasan empangan tersebut. Cuma hanya beberapa sahaja lagi empangan sebaik sahaja beberapa syarat-syarat asas dipenuhi, saya percaya kesemua empangan di Johor ini akan dapat diwartakan. Selain daripada kawasan empangan, kawasan tadahan juga turut menjadi kawasan yang perlu dikawal. Dan, salah satu daripada kawalan terhadap kawasan tadahan adalah dengan mewartakan juga kawasan tersebut. Cuma kawasan tadahan ini ianya merupakan kawasan ataupun adalah satu kawasan yang amat luas, maka pewartaan itu mengambil sedikit masa. Kadangkala kawasan-

kawasan tadahan ada keadaannya di mana telah pun diwartakan di kawasan hutan sebagai contoh, jadi perlulah pembatalan warta dibuat dan sebagainya sebelum kawasan tersebut diwartakan sebagai kawasan tadahan.

Kedua, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri juga telah mengambil langkah untuk membekukan lesen-lesen atau kebenaran untuk kerja-kerja melombong pasir sebagai contoh. Salah satu aktiviti yang boleh menggugat kawasan sumber air seperti sungai-sungai. Maka itu, sungai-sungai utama akan... sekiranya terdapat sebarang aktiviti perlombongan pasir ini, kerajaan negeri tidak akan melanjutkan kebenaran aktiviti tersebut dan juga tidak akan meluluskan sebarang permohonan baru. Ini adalah beberapa langkah untuk memastikan sumber untuk membekalkan 1,700 juta liter sehari air yang diperlukan oleh negeri Johor, kita mempunyai sumber air mentah yang mencukupi. Terima kasih.

**YB Speaker :** Mengkibol.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih ke atas jawapan daripada Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sekarang dalam isu bekalan air, 2 masalah yang besar yang sering kita hadapi antaranya adalah pencemaran sumber air dan juga kedua penyusutan paras air yang berlaku di luar jangkaan, terlalu drastik berlaku. Untuk masalah yang kedua adalah berkenaan dengan kawasan tadahan air.

Untuk masalah yang pertama, iaitu pencemaran sumber air, adakah perkara ini sebenarnya boleh ditangani dengan meningkatkan lagi teknologi penapisan yang ataupun teknologi rawatan air yang kita gunakan sekarang. Tadi, Yang Berhormat Datuk Pengerusi, ada sebut tentang kaedah penyulingan? Mungkin, adakah kerajaan ada rancangan untuk menaik taraf atau menukarkan teknologi yang kita gunakan sedia ada sekarang ini kepada teknologi yang lebih tinggi, mungkin sebagai cadangan menggantikan dengan Teknologi Reverse Osmosis, dengan izin.

Dan kedua, sekarang ni, kita, daripada jawapan tadi, kita dapati bahawa kerajaan memberi tumpuan ke air tanah. Namun, ada perkara-perkara ataupun ada pengalaman yang tidak begitu elok daripada negara lain. Mana, sekiranya, khasnya, apabila pengambilan air bawah tanah tu di luar kawalan akan memberikan impak negatif yang besar kepada alam sekitar. Adakah kerajaan juga memberikan penekanan ataupun pencarian yang lain, sebagai contoh, tadi ada disebut penuaian air hujan. Maka, daripada kajian yang dibuat oleh Forum Air Johor ni, sekadar sejauh manakah penuaian air hujan ni boleh membantu meningkatkan lagi sumber air di negeri Johor? Adakah sekiranya dibuat dalam skala besar adakah dia cukup dan kita tak perlu mengambil risiko untuk mengambil air bawah tanah?

**YB Speaker :** Ok, sila YB.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Mengkibol. Tidak dinafikan bahawa jalan penyelesaian kepada isu air ni, bukan hanya terletak kepada satu pihak sahaja. Walau apa pun yang dibuat oleh kerajaan sekiranya tidak ada kerjasama daripada orang ramai, usaha-usaha yang dibuat oleh kerajaan itu tidak

akan memberikan atau tidak akan membuahkan hasil yang diharapkan. Sebab itu, kita selalu memperkatakan tentang soal kita perlu berhempah dalam menggunakan sumber air.

Pertama, saya ingin menegaskan bahawa cabaran yang kita hadapi bahawa pada tahun 2015, kita hanya menerima separuh daripada jumlah hujan yang kita terima tahun-tahun sebelumnya. Itu cabaran yang pertama, menjadikan kita perlu meningkatkan usaha untuk menjaga sumber yang ada, yang amat sedikit jumlah airnya. Maka itu, kerajaan telah mengambil keputusan, BAKAJ perlu kita perkukuhkan. Sebab itu, BAKAJ tidak lagi hanya mempunyai tidak lebih daripada 10 orang kakitangan. Hari ini, kerajaan telah meluluskan penambahan kakitangan, anggota untuk memastikan penguatkuasaan di kawasan-kawasan tadahan dapat dilaksanakan, itu pertama. Supaya apa yang kita ada, kita jaga, kita pertahankan.

Yang kedua, kerajaan berbelanja hampir RM500 juta untuk memastikan Johor terus menjadi negeri yang akan dapat membekalkan air terawat yang secukupnya. Dengan program-program pemindahan air daripada sumber-sumber yang ada untuk dipindahkan ke kawasan-kawasan tadahan daripada Sungai Seluyut dipindahkan air ke Empangan Layang. Daripada Sungai Lenggong di Mersing dipindahkan air ke Empangan Congok. Daripada beberapa sumber lain, Sungai Papan, Sungai Tiram dan sebagainya untuk memastikan kawasan-kawasan tadahan kita ini mempunyai cukup sumber air mentahnya untuk dirawat, itu kedua yang kita lakukan.

Ketiga, saya bersetuju dengan Yang Berhormat, bahawa kita perlu memberi tumpuan kepada teknologi untuk memastikan supaya kita dapat memaksimumkan dari segi aspek kos pengeluaran, dari segi aspek penjagaan sumber. Sebagai contoh, sekiranya kerajaan ingin meneroka sumber air tanah, tentulah kerajaan perlu memastikan kesan kepada alam sekitar. Sebab itu, saya katakan tadi, RM1 juta yang dibelanjakan oleh kerajaan adalah untuk melantik perunding daripada UTM dan dengan kerjasama daripada pakar daripada Jepun, supaya mereka melihat semua aspek ini, aspek kelestarian, aspek impak kepada alam sekitar. Betul, maknanya apa air yang dikeluarkan dari tanah dan air yang akan masuk untuk menampung semula setiap jumlah air yang dikeluarkan itu perlulah seimbang supaya ianya tidak menimbulkan sebarang bentuk kesan kepada alam sekitar.

Kedua, Syarikat Air Johor adalah merupakan *Single Water Operator*, dengan izin Tan Sri Speaker, yang telah menerima banyak anugerah daripada badan-badan yang terlibat dalam pembangunan sumber air. Ini bererti bahawa Syarikat Air Johor telah memainkan peranan mereka dalam sama ada penggunaan teknologi, sama ada dari segi pengurangan kos untuk menyediakan air terawat. Jadi, pengiktirafan-pengiktirafan yang di perolehi oleh SAJ itu menjadi ukuran kepada kerajaan negeri bahawa Syarikat Water Operator kita ini, telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya.

Dan yang akhirnya, pertimbangan kerajaan negeri ialah kepada soal tarif. Apa juga kita nak buat, yang pentingnya tarif air terkawal. Tarif air tidak membebankan rakyat itu adalah penting. Sebab itu, kita ingin memastikan bahawa pembangunan-pembangunan mega di Johor ni sebagai contoh *Forest City* dan sebagainya, apa juga pelaburan yang nak dibuat oleh kerajaan untuk membekalkan air bersih tidak akan menjejaskan tarif. Maka disyorkan kepada, oleh kerajaan kepada Syarikat *Forest City*

ini ialah supaya dibangunkan loji disimilasi mereka sendiri menggunakan sumber-sumber air baru untuk membekalkan air terawat. Jadi, dengan itu ianya akan mengurangkan kemungkinan usaha itu menjejaskan tarif air. Jadi dengan ini, rakyat, masyarakat di luar bandar, di mana juga di Johor ni tidak akan terbeban oleh kerana adanya pembangunan-pembangunan besar. Terima kasih.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Soalan tambahan, Tan Sri Speaker.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Pasir Raja, Jemput.

**YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 2.

Apakah tumpuan untuk mencegah penularan denggi yang dilakukan di peringkat kerajaan serta masyarakat membuah hasil. Jika tidak, apakah langkah seterusnya untuk diambil.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat sejahtera, salam Muafakat Johor.

Tan Sri Speaker, pada tahun 2015, jumlah kes denggi di seluruh negeri Johor sehingga minggu Epid yang ke-44, 2015, adalah sebanyak 13,353 kes jika dibandingkan pada tempoh yang sama pada tahun 2016. Jumlah keseluruhan kes menurun sebanyak 26% iaitu hanya 9,880 kes dicatatkan sehingga minggu Epid yang sama tahun ini. Jumlah kematian juga dilihat menurun 50% berbanding tahun sebelumnya iaitu 40 kematian. Trend ini menunjukkan bahawa strategi yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah berhasil dalam membendung penularan kes denggi di negeri Johor.

Tumpuan utama yang mendatangkan keberkesanan dan impak kepada penurunan kes di negeri ini adalah pendekatan penyelesaian masalah denggi dengan lebih berfokus, bersepadu secara *inter* agensi dan pelaksanaan yang lebih persistent, *consistent* dan memaksimumkan *human resource* dan aset serta memperkasakan penglibatan masyarakat dengan memberikan galakan psikologi dan insentif kepada sukarelawan denggi serta NGO yang mahu bersama-sama kerajaan menangani masalah denggi. Melalui tindakan *multiangle approach* ini, negeri Johor dapat mengekalkan purata jumlah kes kurang daripada 150 kes seminggu iaitu satu kes yang boleh diuruskan. Setiap lapisan masyarakat daripada atas hingga ke bawah perlu meneruskan usaha-usaha yang telah dilaksanakan dan tindakan pencegahan serta *proactiveness* terhadap isu denggi.

Kepimpinan yang baik serta terbuka kepada pelbagai cadangan dan pendekatan untuk mengatasi masalah denggi adalah kunci kepada kejayaan negeri Johor khususnya dan juga masyarakat secara amnya. Perubahan tingkah laku setengah penduduk di beberapa lokaliti telah dikenal pasti adalah cabaran kepada usaha ini tetapi ia adalah bukanlah satu yang mustahil untuk kita perbaiki.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Pasir Raja, Jemput.



**YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih. Dalam jawapan yang diberikan oleh EXCO, saya jangkakan tiada penurunan tetapi ada penurunan, Alhamdulillah. Dan, dalam Dewan yang mulia ini, saya nak pujilah Jabatan Kesihatan ni, kerana setiap kali Mesyuarat Tindakan Daerah mesti ada agenda denggi ni dibentangkan dan sebagai wakil kepada masyarakat kita tengok kadang-kadang tempat tu ada yang dah kurang tetapi yang saya nak bangkitkan dalam isu pencegahan ni, Tan Sri Speaker ialah *repeated case*, di tempat yang sama tu ataupun jalan yang berbeza, dia berulang lagi. Bermakna ada sesuatu yang tak kena di tempat tersebut. Saya tak nak beritahu tempatnyalah. Tetapi, dalam kita melihat kepada pencegahan yang sebenar, realitinya ada tak pihak kerajaan terutama sekali Kementerian Kesihatan ke Jabatan Kesihatan, melaksanakan satu hasrat untuk memperkenalkan teknologi-teknologi baru dalam mencegah penularan denggi ini. Contoh, nyamuk yang boleh mengatasi nyamuk aedes ini contoh ataupun vektor lain yang boleh digunakan untuk digunakan mencegah denggi. Maksudnya, ada juga lapisan masyarakat yang tak turun untuk bergotong royong bersih kawasan, Tan Sri Speaker, kerana apa, berlaku *repeated case*, yang buat kerja, saya terus terang cakap ialah agensi kerajaan. Kalau buat gotong royong, yang datang DO, Pejabat Tanah, agensi kerajaan, masyarakat tempat tersebut tak keluar. Yang ni, saya minta kalau ada, kita ubah kepada teknologi yang mungkin dihadapkan, untuk kita tengok. Minta jawapan daripada EXCO.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Terima kasih kepada Pasir Raja dan ucapan terima kasih di atas keprihatinan, dan juga cadangan yang baik yang telah pun diberikan. Untuk pengetahuan Dewan, pada tahun 2016, sebanyak 156 *hotspot* telah dikenal pasti pada awal tahun. Tetapi, alhamdulillah dengan usaha yang telah dilakukan sehingga kini hanya satu sahaja *hotspot* iaitu di kawasan Pasir Raja. Dan, pada tahun ini juga, di Pasir Raja pula, Pasir Putih. (Ketawa).

**YB Speaker :** Yang Berhormat, di mana YB, sebenarnya, sebenarnya di mana?

**YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Speaker, minta tarik balik.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Dah tarik, dah betulkan, dah betulkan.

**YB Speaker :** Di mana sebenarnya YB?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Ya, di Kampung Pasir, Johor Bahru, yang masih lagi mengekalkan *hotspot*. Bagi kawasan lokaliti, ada 240 lokaliti yang merupakan wabak yang berulang iaitu yang melibatkan daerah Mersing, Kota Tinggi, Johor Bahru dan Kulai. Lokaliti seperti Kejjiran 9, Kampung Dato' Sulaiman Menteri dan Kampung Melayu Pandan mengalami 5 episod wabak pada tahun 2016.

Dan, kita mengambil, mengambil pandangan yang dikemukakan oleh Pasir Raja tadi, terutamanya yang berkaitan dengan penggunaan teknologi dan apabila berlaku kes denggi yang banyak ni, maka banyak syarikat-syarikat datang mengemukakan cadangan dan sebagainya. Antara yang dilakukan adalah berkaitan tentang ubahsuaian cat yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat cat seperti JOTUN dan

sebagainya yang menggunakan teknologi baru dan juga menghasilkan komponen cat yang boleh digunakan di rumah-rumah dan ianya boleh dapat menghalang dari segi nyamuk tersebut.

Dan yang kedua, berkaitan tentang penggunaan barang-barang ataupun tumbuhan-tumbuhan semula jadi, yang kalau ianya di tanam di taman-taman dan sebagainya ianya boleh menghindarkan nyamuk seperti yang telah pun dilakukan sebelum ini.

Seperti Serom beritahu sebelum ini atas uji kaji yang telah pun dilakukan oleh pasukan COMBI bahawa pokok tahi ayam tu pun, boleh membantu untuk menghindarkan nyamuk daripada masuk ke rumah dan sebagainya dan ini adalah merupakan di antara pendekatan baru. Dan kita akui, bahawa selama ini pun apabila dilakukan gotong royong dan sebagainya, memang kebanyakannya terdiri daripada penjawat-penjawat awam seperti Majlis Daerah, kakitangan Klinik Kesihatan itu sendiri, pemimpin-pemimpin masyarakat, doktor dan sebagainya kerana sambutan yang kurang terutamanya di kalangan masyarakat, walaupun kawasan tersebut kawasan yang mengalami masalah wabak. Saya selalu sebutkan bahawa antara faktornya adalah sikap masyarakat yang sepatutnya kita ubah bersama-sama untuk memerangi. Kerana kita tak boleh bebankan untuk selesaikan masalah ini pada satu pihak sahaja. Maka, masyarakat secara keseluruhan harus bersama. Dan, di peringkat Jabatan Kesihatan kita telah pun melebar luaskan penubuhan COMBI-COMBI ini yang melibatkan ketua kampung, Ahli Majlis, kejranaan-kejranaan tertentu untuk memastikan bahawa mereka sendiri dapat membentuk tingkah laku mereka bagi memastikan bahawa nyamuk ini, nyamuk aedes, penyakit denggi ini dapat dikawal.

**YB Speaker :** Jemput, Maharani.

**YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim (Maharani) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Kalau kita lihat masalah denggi ini adalah masalah yang berlarutan seperti yang disebut tadi sentiasa di bawa ke Mesyuarat Majlis Tindakan Daerah dan juga di dalam mesyuarat, dalam Persidangan ini itu adalah soalan-soalan cepu emas. Jadi, saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat EXCO dan juga pihak kerajaan yang berusaha bersungguh-sungguh untuk membanteras penyakit ini. Walau bagaimanapun, soalan tambahan saya, kalau kita lihat, pembawa penyakit denggi ini juga membawa penyakit zika. Jadi ini, saya ingin tahu adakah dalam proses pencegahan ini tentang kesan zika ini juga diterangkan bersama kerana ia kesan yang menyedihkan kepada ibu yang mengandung? Terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Terima kasih kepada Maharani. Ha ni yang macam, saya ucap terima kasih kepada Maharani sebab masa saya nak pergi haji hari tu Maharani ada *text* saya, *text* sayalah dia kata nak tanya pasal zika. Saya kata saya pergi haji. Jadi, saya kata, *next*lah. Tapi ada pula kat sini bangkitkan, siap suruh telefon saya balik untuk jawab tentang zika. Sebenarnya memang, ia adalah merupakan daripada nyamuk yang sama iaitu nyamuk aedes tetapi bagi nyamuk aedes yang *aegypti* ini yang menyebabkan penyakit zika. *Aedes aegypti* ini selalunya berada di luar rumah. Tetapi bagi aedes *albopictus* ini adalah merupakan virus denggi dan ia selalu hinggap di kawasan luar rumah dan apabila zika itu berlaku, maka di negeri Johor kita syaki ada 108, yang kita syaki tetapi setelah kita

buat uji kaji dan sebagainya, hanya 2 orang sahaja yang terlibat jika di negeri Johor. Dan, kita telah pun lakukan yang terbaik walaupun kadang-kadang tindakan yang kita lakukan di kawasan-kawasan sempadan antara Johor dan juga Singapura, tindakan-tindakan remeh yang dikatakan oleh orang lain itu sebenarnya telah pun memberikan banyak manfaat kepada negeri Johor apabila kita dapat membendung penyakit zika daripada masuk.

Memang kita akui bahawa sindrom *microcefali* adalah merupakan satu sindrom yang akan memberikan kesan kepada kandungan kerana apabila ianya nanti dilahirkan ia akan memberikan kesan kepada bentuk, rupa bentuk kepala menjadi kecil. Dan, ini adalah merupakan antara kesan jangka panjang akibat daripada zika dan ia akan memberikan kesan kepada generasi.

Dua minggu lepas WHO telah pun menarik balik dari segi larangan ataupun larangan yang mengatakan bahawa Malaysia dan juga beberapa negara di rantau Asia Tenggara sebagai kawasan yang berpotensi teruk. Dia telah tarik balik amaran tersebut tetapi masih mengekalkan amaran tersebut di Brazil dan juga di kawasan-kawasan Amerika Selatan. Jadi, Alhamdulillah kita telah melakukan yang terbaik dan kita harapkanlah bahawa sekarang kalau dulu kita kata nyamuk aedes ini hanya menjurus kepada denggi dan sekarang kita pun dah mula tahu bahawa nyamuk aedes ini bukan sahaja membawa denggi tetapi juga dia akan membawa kepada penyakit lain iaitu zika. Marilah kita sama-sama Wakil Rakyat, masyarakat dan sebagainya untuk kita jadikan nyamuk aedes ini sebagai musuh kita dan juga kita bangkitkan semangat di kalangan masyarakat untuk bersama-sama menjaga persekitaran.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Johor Jaya, jemput.

**YB Cik Liew Cai Tung (Johor Jaya) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan 3.

Jelaskan kos dan prestasi perniagaan bagi setiap Kedai Harga Patut Muafakat Johor.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat pagi, salam sejahtera, salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Kedai Harga Patut Muafakat Johor yang dilaksanakan melalui kaedah koperasi iaitu Koperasi Iskandar Malaysia Berhad pada hari ini telah ada 9 buah kedai ataupun 9 outlet atas nama IMCoop. Satu outlet di I-park Indahpura iaitu di gudang yang mana telah dibuka pada 25 November 2015. Outlet ini merupakan outlet simulator yang digunakan sebagai tempat latihan pekerja di mana ia terletak di gudang IMCoop dan telah mencatatkan jualan dari tarikh pembukaan hingga Oktober 2016 dengan jumlah jualan RM598,853.39 iaitu dengan kadar jualan purata sehari RM1,800.00 hingga RM2,000.00.

Outlet yang kedua iaitu di Kebayan, Jalan Nenas, Kota Masai, Pasir Gudang yang dibuka pada 28 November 2015. Sehingga Oktober 2016, outlet ini telah mencatatkan jualan sebanyak RM2.08 juta dengan kadar purata jualan hariannya antara RM5,000.00 hingga RM6,300.00. Kos bagi membuka outlet ini adalah sebanyak RM675,331.19.

Outlet yang ketiga iaitu di Paloh. Outlet di Paloh ini diuruskan oleh pemiliknya iaitu Koperasi FELCRA Batu 3 ½ Paloh, Kluang Berhad dibuka pada 28 Disember 2015, sehingga hari ini catatan jualannya ialah RM2.25 juta dengan kadar purata jualan hariannya antara RM6,000.00 ke RM7,500.00. Outlet ini dibuka dengan kos sebanyak RM560,000.00.

Outlet yang keempat iaitu di Larkin Idaman, dibuka pada 5 Februari 2016. Sehingga hari ini, outlet ini mencatat jualan sebanyak RM1.7 juta dengan purata jualan hariannya antara RM5,000.00 hingga RM6,300.00. Outlet ini dibuka dengan kos sebanyak RM551,265.24.

Outlet yang kelima di Setia Tropika, Kempas, dibuka pada 11 Februari 2016. Jualan sehingga hari ini mencatat RM2.3 juta dengan kadar purata sehariannya, jualan hariannya, RM7,000.00 hingga RM8,500.00. Kos untuk membuka outlet ini adalah sebanyak RM554,573.24.

Outlet yang keenam dan yang ketujuh dibuka di Negeri Sembilan iaitu pada 14 Mac 2016 di Paroi dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, di Masjid At-Taqwa Paroi di Negeri Sembilan. Sehingga hari ini, dibuka pada 14 Mac 2016, sehingga hari ini mencatatkan jualan RM632,693.10 dengan kadar purata jualan RM2,000.00 hingga RM3,000.00. Kos pembukaan outlet ini adalah sebanyak RM553,316.44.

Satu lagi outlet yang dibuka pada 14 Mac 2016 di Masjid Panchor, Negeri Sembilan juga dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Sehingga hari ini mencatat jualan sebanyak RM274,709.67 dengan kadar purata jualan harian RM1,000.00 hingga RM2,000.00. Outlet ini dibuka dengan kos sebanyak RM362,407.47.

Outlet yang kelapan telah dibuka di FELDA Tenggaroh 3 pada 24 Jun 2016. Outlet ini sehingga Oktober 2016, mencatat jualan sebanyak RM366,852.05 dengan kadar jualan harian RM3,000.00 hingga RM4,000.00. Kos buka outlet ini adalah sebanyak RM150,222.14.

Dan outlet yang terakhir, yang baru dibuka di Pengerang, pada 25 Oktober 2016 baru mencatat jualan sebanyak RM25,498.00 dengan kadar jualan hariannya sebanyak RM3,500.00 hingga RM4,000.00. Kos membuka outlet ini adalah sebanyak RM125,347.80. Itulah antara prestasi perniagaan Kedai Harga Patut Muafakat Johor (IMCoop), Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Johor Jaya, jemput.

**YB Cik Llow Cai Tung (Johor Jaya) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya, harga barang di kedai-kedai kadang kala ditentukan oleh kuantiti barang itu. Maksud saya, kalau sumber barang itu, sumber itu murah, kos dia murah. Oleh itu, mereka dapat jual dengan harga yang murah. Oleh itu, hypermarket sentiasa menawarkan barang dengan harga yang murah, sebab mereka ambil dalam kuantiti yang banyaklah. Sebagai contoh, saya telah melawat Kedai Harga Patut Muafakat Johor, harga minyak masak bagi jenama Helang, 5kg; harganya RM23.70 berbanding dengan TESCO, harganya RM23.00 iaitu lebih mahal RM0.70. Tetapi bagi Maggi Mee kari, 5 pek; harganya di Kedai Muafakat Johor, Kedai Harga Patut Muafakat Johor iaitu

RM3.79 dan di TESCO ia adalah RM3.89, lebih murah RM0.10. So, apa maksud harga patut dan adakah semua barang yang dijual di Kedai Harga Patut Muafakat Johor adalah lebih murah daripada kedai yang lain dan bagaimana kerajaan negeri Johor dapat memastikan Kedai Harga Patut dapat bersaing dengan *hypermarket* atau *mini market* dan kedai runcit yang lain?

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, mungkin Yang Berhormat Johor Jaya dia tengok harga minyak, lepas harga minyak naik agaknya.

Untuk makluman Yang Berhormat Tan Sri Speaker, cara kita menentukan harga jualan di IMCoop ini, dia tak semua harga, tak semua barang itu dijual dengan harga yang murah. Ada sesetengah barang mungkin mahal RM0.10, mungkin mahal RM0.20, tapi ada sesetengah barang dia murah sampai RM2.00. umpamanya kalau tengok harga milo. Tadi, dia cakap harga minyak, saya cakap harga milo. Harga milo sekilo tak silap saya murah lebih kurang RM2.00. harga sabun cuci Dala pun lebih kurang beza RM2.00. Jadi, ada sesetengah barang mungkin dia mahal sikit tapi ada barang yang lain harga jauh lebih murah. Kaedah kita mengawal harga, semua harga barang di IMCoop ditentukan melalui sistem makna *centre*, jadi semua harga barang di semua IMCOOP sama, walaupun *outlet* itu dipunyai oleh pemilik macam di Paloh oleh Koperasi FELCRA Batu 3 ½ Paloh, walaupun *outlet* dia punya tetapi harga barang kita tentukan. Pemilik kedai cuma *punch*kan harga ya... iu cara kita memilih barang. Dan, kerajaan akan bagi jaminan bahawa secara apa nama ini, perbandingan, saya percaya kalau kita berbelanja dalam sejumlah, dalam satu jumlah umpamanya mungkin kita belanja RM200.00 di *hypermarket* dengan RM200.00 di IMCOOP, saya percaya jumlah barang yang kita beli akan lebih banyak berbanding dengan tempat-tempat lain sebab dalam apa nama ni, matlamat kita ialah IMCOOP ini sepatutnya menawarkan harga lebih murah, lebih ekonomi dalam radius 6 kilometer berbanding dengan peniaga-peniaga lain.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Penawar jemput.

**YB Puan Hamimah Binti Mansor (Penawar) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 4.

Adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk membina Stadium Negeri yang baru untuk digunakan oleh pelbagai sukan memandangkan Stadium Tan Sri Hassan Yunus, Larkin kini telah diambil alih oleh Kelab JDT?

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan :** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Speaker, terima kasih juga kepada Penawar kerana mengajukan soalan. Iaitu terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih dan juga berkaitan apa yang dibangkitkan iaitu berkaitan cadangan membina sebuah stadium negeri yang baru bagi menggantikan Stadium Larkin.

Kita bersyukur ke hadirat Allah SWT kerana apa yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Mohd Khaled ketika pembentangan Bajet dan juga Yang Amat

Berhormat Menteri Besar mengambil berat dalam pembangunan sukan dalam negeri Johor. Beliau juga sentiasa memikirkan cara dan pelaksanaan untuk menjadikan negeri Johor ini sebagai salah satu hub sukan di dalam negara kita.

Untuk makluman Penawar, negeri Johor telah diberi amanah dan tanggungjawab untuk menganjurkan SUKMA tahun 2020. Maka stadium baru untuk menggantikan Stadium Larkin adalah sebagai satu kemestian.

Atas keprihatinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor, stadium negeri yang baru telah dirancang seperti yang telah diumumkan dalam pembentangan bajet tempoh hari iaitu peruntukan sebanyak RM89 juta iaitu untuk membangunkan Sports City di kawasan Mount Austin, Johor Bahru seperti yang telah diumumkan. Stadium tersebut akan dilengkapi dengan kemudahan yang –

1. Trek balapan dan padang
2. Padang bola sepak
3. Padang ragbi
4. Gimnasium
5. Asrama

Stadium ini juga akan menjadi lokasi bagi majlis perasmian, penutup dan berlangsung acara padang dan balapan bagi temasya Sukan Malaysia Ke-20 pada tahun 2020. Diharapkan agar pembinaan stadium baru ini akan mewujudkan budaya sukan di kalangan masyarakat khususnya di negeri Johor. Insya-Allah stadium negeri yang baru ini akan dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2019.

**YB Speaker :** Jemput Skudai.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Soalan saya berkenaan dengan fakta bahawa walaupun kita ada rancangan untuk membina stadium-stadium baru yang besar, tapi bagaimana kita membiarkan sesetengah padang futsal contohnya yang sebenarnya diuruskan oleh Jabatan Belia dan Sukan. Di mana satu komuniti diberikan satu padang futsal diuruskan oleh Persatuan Belia tetapi lepas tu mereka tak mampu nak bayar bil elektrik pun, lepas tu padang itu dibiarkan begitu saja sebab tak ada lampu pada waktu malam dan juga telah dirosakkan. Soalan saya adalah adakah lebih penting kalau kita menumpukan pembangunan sukan di setiap komuniti dengan bekerjasama lebih erat dengan PBT di mana program-program untuk melatih sukare... olahragawan atau bermain bola sepak di komuniti melalui kerjasama dengan PBT? Sebab saya rasa kemudahan-kemudahan awam yang lebih, yang lebih meluas tapi secara kecil-kecilan diuruskan oleh Jabatan Belia bersama dengan PBT lebih berkesan untuk kita melatih olahragawan Olimpik pada masa kelak.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan dan Warisan :** Terima kasih kepada Skudai kerana mengajukan soalan tambahan. Sebenarnya untuk maklumat DUN Skudai bahawa pembinaan gelanggang futsal yang kita lihat pada 3 atau 4 tahun yang lalu dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan, yang telah diberi kerjasama oleh kerajaan negeri, yang mana di negeri Johor sahaja, untuk data yang

tepat saya tak, tak dapat nak nyatakan tapi lebih daripada 200 gelanggang futsal yang ada dalam negeri Johor.

Jadi, di sini kita lihat bahawa ketika penyerahan setelah siap gelanggang futsal tersebut, kita telah mengenal pasti pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti Persatuan-Persatuan Belia, JKKK dan juga NGO yang boleh untuk menyelenggara dan juga bertanggungjawab atas padang futsal tersebut. Tetapi malangnya kita akui bahawa setiap gelanggang futsal, saya ingat tak lebih daripada 60% mengalami kerosakan. Kerajaan negeri sebenarnya telah mengambil inisiatif untuk kita membaiki dan juga menaik taraf padang futsal yang rosak.

Dan, kita pun telah membuat data, mencari data terkini bagaimana kita perlu melihat semula dan juga berbincang dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk kita memperbaiki setiap padang futsal yang ada. Dan, saya lihat bahawa untuk kerjasama bersama PBT, sebenarnya program ini telah kita laksanakan melalui kerajaan negeri bersama PBT, yang mana di setiap PBT mengikut kepada PBT yang mempunyai pendapatan yang besar, kita telah melaksanakan 2 atau 3 padang futsal. Dan, juga untuk PBT yang mungkin mempunyai pendapatan yang kecil, kita mewajibkan untuk melaksanakan 1 atau 2 contohnya di Majlis Daerah Yong Peng, kita melaksanakan 2 padang futsal, di Majlis Perbandaran Batu Pahat 4 padang futsal. Ini sebenarnya seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Skudai bahawa kerjasama antara kerajaan negeri dan PBT telah kita jalankan. Cuma daripada segi apa yang telah disediakan oleh Kementerian Belia dan Sukan, kita akui memang terdapat kelemahan. Dan kerajaan negeri sehingga hari ini pun, kita telah mengambil inisiatif untuk kita memperbaiki dan memberi peruntukan kepada mereka untuk mereka baiki kalau ada sebarang kerosakan yang kecil. Dan, saya yang saya ingin katakan di sini bahawa apa yang kita lihat iaitu daripada segi tanggungjawab, dan kita pun telah memberi tanggungjawab kepada sesetengah persatuan belia, JKKK dan juga NGO tetapi malangnya mereka tidak melaksanakan tanggungjawab yang telah diberikan dan kita pun telah melihat bahawa perlunya Jabatan Belia dan Sukan hari ini di bawah Kementerian Belia dan Sukan, dan kita telah menyiapkan laporan untuk mereka menamatkan setiap perjanjian dengan NGO atau persatuan yang tidak bertanggungjawab untuk membaiki pulih kerana diberi kebenaran untuk mengutip bayaran ketika penggunaan futsal tersebut dan mereka harus menggunakan apa yang dikutip itu untuk kerja-kerja pembaikan kecil contohnya kerosakan lampu, gelanggang, kerosakan gelanggang dan juga mungkin pagar yang perlu diperbaiki. Terima kasih.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Buloh Kasap Jemput.

**YB Puan Hajah Norshida Binti Ibrahim (Buloh Kasap) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 5.

Adakah kerajaan negeri menetapkan polisi pembinaan bangunan persendirian yang mesra-OKU?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Bismillahir rahmannir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, salam muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bagi menjawab persoalan yang diutarakan, untuk menjawab persoalan yang diutarakan, untuk makluman garis

panduan dan piawaian perancangan kemudahan golongan kurang upaya telah diluluskan sejak 22 Ogos 2002 oleh Jawatankuasa Perancang Negeri. Tujuan garis panduan dan piawaian ini adalah untuk membantu pihak berkuasa negeri, pihak berkuasa tempatan dan agensi pelaksana di dalam merancang dan menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh golongan yang kurang upaya dalam sesuatu kawasan pembangunan.

Antara perkara yang perlu dicapai dalam garis panduan dan piawaian ini adalah:

1. Memperbaiki kemudahan, pendidikan, kesihatan dan perumahan yang mencukupi.
2. Menyediakan kemudahan yang selamat di kawasan perumahan, rekreasi, pusat perniagaan, sistem pengangkutan dan kawasan awam.
3. Menentukan ruang-ruang untuk golongan kurang upaya di dalam sesuatu kawasan pembangunan.
4. Menentukan lokasi kemudahan, ruang-ruang kemudahan untuk keselesaan dan keselamatan.
5. Menggariskan piawaian perancangan untuk kelulusan kebenaran merancang sesuatu kawasan pembangunan.

Garis panduan ini merangkumi kawasan-kawasan yang dikategorikan sebagai kawasan perniagaan, pembangunan institusi awam seperti hospital, sekolah, masjid, pusat kebajikan, terminal pengangkutan awam, perumahan bertingkat dan kawasan rekreasi.

Selain daripada itu, JPBD Negeri Johor juga telah mengambil kira mengenai penyediaan kemudahan awam untuk golongan kurang upaya di dalam manual garis panduan dan piawaian perancangan negeri Johor yang diluluskan oleh JPN sejak tahun 2014.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di peringkat PBT pula setelah merujuk kepada garis panduan dan piawaian yang disediakan, keperluan menyediakan kemudahan orang kurang upaya (OKU) dilaksanakan dengan rujukan di bawah Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (Pindaan) 1954 dalam UUK(34)(a) dan telah diguna pakai dalam negeri Johor sejak tahun 7 Mei 1992 lagi.

Semua pembangunan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang kecil kecuali bangunan kediaman keluarga persendirian. Keperluan dalam kemudahan bagi orang kurang upaya seperti tandas, ram dengan izin lif, *railing*, tempat letak kereta, laluan dan papan tanda perlu mematuhi garis panduan Malaysia standardnya yang ditetapkan seperti berikut:

1. MS 1184:1991 *code operative for access for disable person for public buildings.*
2. MS 1183:1991 *code operative of main for access for disable person.*



3. MS 1131:1993 code operative of access for disable person outside buildings.
4. MS 2015:41206 public toilet part 1 minimum design criteria dengan izin.

Keperluan dan kemudahan OKU ini telah disyaratkan dan perlu dinyatakan dalam pelan pembangunan dan dibina sebelum sijil kelayakan menduduki (CFO) dan sijil perakuan siap dan mengetahui sisi... dan pematuhan sisi dikeluarkan. Seperti di kebanyakan PBT contohnya, projek-projek seperti pembinaan kilang, kedai, pejabat dan bangunan-bangunan komersil telah disyaratkan untuk pembinaan kemudahan OKU sebelum pelan boleh diperakukan.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Buloh Kasap jemput.

**YB Puan Hajah Norshida Binti Ibrahim (Buloh Kasap) :** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Menurut daripada penjelasan tersebut, apakah jenis-jenis kemudahan OKU yang spesifik yang mana disediakan terutamanya bagi kawasan-kawasan perumahan?

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, merujuk garis panduan piawain perancangan kemudahan golongan kurang upaya dan di bawah Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Pindaan 194 UUK (34)(a) di mana bagi perumahan bertingkat, bagi perumahan, kita mengambil kriteria berdasarkan 3 perkara dalam kita menyediakan kemudahan untuk kurang upaya seperti aspek seperti:

1. Aksesibiliti
2. Ruang
3. Kemudahan sokongan

Di mana untuk bangunan bertingkat, kita tetapkan seperti kemudahan OKU perlu kita sediakan termasuk yang saya sebutkan tadi *ram*, *handrail*, laluan pejalan kaki, laluan berstruktur... berstruktur, tangga mesra OKU, lintasan untuk jejambat, anjung masuk bangunan. Dan untuk ruang di kawasan perumahan bertingkat, kita juga menetapkan tempat letak kereta perlu disediakan mengikut nisbah jumlah tempat letak kereta keseluruhan yang telah kita bina.

Dan kemudahan sokongan yang perlu kita disediakan di kawasan perumahan, papan tanda kenyataan, tanda tunjuk arah, papan tanda khas, bangku atau tempat duduk, pondok telefon, peti surat, tong sampah, pagar, tiang lampu dan tempat melintas untuk Golongan Kurang Upaya.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Parit Yaani, jemput.

**YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani) :** Soalan nombor 6 Yang Berhormat Tan Sri Speaker.

Berapa keperluan air (mgd) bersih untuk seluruh negeri Johor bagi setiap hari dan berapa (mgd) air yang disalurkan ke Singapura setiap hari dari tahun 2010 hingga 2016?

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kita cukup bertuah dengan pembangunan yang sedang rancak dilaksanakan di negeri Johor terutamanya di Wilayah Iskandar Johor. Banyak projek berimpak tinggi sedang dilaksanakan termasuk perumahan dan komersil bagi menampung permintaan. Dalam masa yang sama kepentingan permintaan tempatan juga tidak dilupakan. Berdasarkan data-data sedia ada, keperluan bekalan air bersih di negeri Johor sentiasa meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 2010, keperluan bekalan air adalah berjumlah 215.5 juta gelen sehari. Pada tahun 2011, meningkat kepada 265.4 juta gelen sehari. Pada tahun 2012, berkurangan sedikit kepada 236.7 juta gelen sehari. Pada tahun 2013, adalah sebanyak 242.9 juta gelen. Dan pada tahun 2015, 372.15 juta gelen sehari. Peningkatan yang mendadak. Pada tahun 2016 sehingga hujung bulan November ini, atau Oktober ini ialah sebanyak 389.8 juta gelen sehari.

Berdasarkan Perjanjian Air 1961 antara negeri Johor dan Singapura, Singapura dibenarkan untuk mengabstrak air sehingga 250 juta gelen sehari. Bekalan air ke Singapura pada tahun 2010 adalah sebanyak 238 juta gelen sehari. Pada tahun 2011, 225 juta gelen sehari. Tahun 2012 sebanyak 238 juta gelen sehari. Tahun 2013, sebanyak 241.8 juta gelen sehari. 2014, 222 juta gelen sehari. Tahun 2015, adalah sebanyak 209 juta gelen sehari. Dan pada tahun 2016 sehingga akhir Oktober ialah sebanyak 237 juta gelen sehari. Jadi ianya tidak pernah melebihi 250 juta gelen sehari yang kita bekalkan sebagaimana Perjanjian 1961.

Oleh yang demikian, abstraksi bekalan air mentah yang dilakukan oleh pihak PUB Singapura di Loji Rawatan Air Lok Heng masih mematuhi Perjanjian 1962 yang ditandatangani di antara kedua belah pihak.

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan yang dapat kita kemukakan pada pagi ini. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

#### **Jurutulis : SOALAN-SOALAN BERTULIS**

**Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.**

#### **SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2017) TAHUN 2016.**

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perbahasan Atas Rundingan Bagi Bacaan Kali Yang Kedua-Enakmen-Perbekalan 2017-Tahun-2016 disambung-sekarang.-Yang-Amat-Berhormat-Dato' dipersilakan.

**YAB Menteri Besar :** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Muafakat Johor. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pertama sekali saya ingin mengucapkan

tahniah dan syabas kepada seluruh Ahli-Ahli Yang Berhormat atas penyertaan membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa saya dan juga atas kualiti perbahasan yang semakin baik dan berfokus sepanjang Mesyuarat Ketiga Bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ke-13. Lebih-lebih lagi kepada kebanyakan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang menyambut baik dan menyokong pelbagai inisiatif yang dianjurkan dalam Bajet 2017. Yang jelas, Bajet 2017 yang telah kita bentangkan membuktikan bahawa Johor tidak berhadapan dengan krisis dalam pengurusan ekonominya. Ia berhemah dalam perbelanjaannya. Ia seimbang dalam pengagihan pembangunan dan pengurusannya. Ia tidak melaksanakan apa-apa jua langkah *austerity* malah ia melakarkan pelbagai langkah radikal untuk melonjakkan pertumbuhan, melestarikan pembangunan dan mensejahterakan rakyat. Banyak saranan bermutu telah diutarakan untuk memastikan pelaksanaan bajet ini menjadi lebih berkesan. Semua ini adalah manifestasi bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat sangat mengambil berat kebajikan rakyat Johor dan yang lebih utama Yang Berhormat-Yang Berhormat semua mahukan Johor terus fokus dengan agenda pertumbuhan dan pembangunannya. Agar akhirnya akan terjelma sebuah masyarakat terbaik di negeri Johor ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya izinkan saya menjawab dan mengulas beberapa isu dan persoalan yang telah dibangkitkan. Pertama, saya merujuk cadangan penambahan bilangan Sekolah Agama Kerajaan Johor dan pemberian peruntukan khusus kepada Madrasah Tahfiz oleh kerajaan negeri yang disuarakan oleh Yang Berhormat dari Maharani. Pertama, adalah menjadi dasar kerajaan negeri untuk mengukuh dan memajukan kualiti pendidikan agama di Johor. Malah kerajaan negeri bertekad menjadikannya sistem pelengkap yang akan memperkasakan potensi insan di Johor. Sistem sekolah agama merupakan antara sistem pendidikan agama moden yang paling lama dan paling tersusun di rantau ini. Ia akan berusia 100 tahun menjelang tahun 2018. Insya-Allah, Sekolah Agama Kerajaan Johor akan menjadi sebahagian daripada identiti warisan dan kebanggaan masyarakat Johor.

Kedua, Sekolah Agama Kerajaan Johor adalah sistem pendidikan yang menyediakan pengetahuan asas agama. Atau perkara-perkara yang bersifat fardu ain. Yang wajib dipelajari dan mesti dikuasai oleh setiap pelajar Islam. Ini penting kerana sistem persekolahan nasional tidak berupaya melakukan tugas ini kerana fokusnya bertlainan. Hal ini berbeza dengan madrasah tahfiz. Pertama, kebanyakan madrasah tahfiz adalah milik persendirian. Kedua, menjadi *khufas* bukanlah satu kewajipan sebaliknya satu pilihan. Oleh itu, kerajaan negeri mesti memberikan perhatian kepada perkara yang lebih bersifat keperluan atau kewajipan berbanding yang bersifat pilihan. Sumber kerajaan negeri juga adalah terhad. Dan transformasi pendidikan Sekolah Agama Kerajaan Johor memerlukan dana yang luar biasa banyaknya. Sekalipun begitu, ini sama sekali tidak bermakna bahawa sistem madrasah atau yang sepertinya tidak penting dan tidak perlu disokong oleh kerajaan negeri, cuma kerajaan negeri berpendirian bahawa institusi sebegini harus menggunakan kaedah pembiayaan sosial seperti wakaf bagi melestarikan dan membangunkannya. Ia harus dimajukan oleh masyarakat sebagai sebahagian dari amal soleh mereka untuk kebaikan umum. Ia adalah tanggungjawab kita semua umat Islam secara bersama. Walau bagaimanapun, sekalipun tanpa dasar dan peruntukan yang khusus, kerajaan negeri bersedia memperfimbangkan bantuan dan imbuhan khusus kepada madrasah-madrasah tahfiz ini dari masa ke semasa mengikut permintaan dan keperluan mereka.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, isu kedua berkenaan dengan status dan perkembangan Pelan Rejuvini Desa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rengit. Saya mengucapkan terima kasih atas tawaran untuk menjadikan Rengit Model Desa Panduan di bawah pelan ini. Insya-Allah kita akan mempertimbangkan dengan serius tawaran ini. (Dewan bertepuk).

Pastinya banyak rancangan dan pelan pembangunan kerajaan negeri akan berjalan dengan lancar dan cemerlang sekiranya semua pihak bersikap prihatin dan sentiasa menyokong penuh usaha kita seperti yang ditunjukkan oleh Rengit. (Dewan bertepuk).

Saya yakin Rengit telah membuktikan bahawa mutu kehidupan di desa boleh sefanding dengan tempat lain. Apabila Kampung Sungai Jambi dan Kampung Parit Tengah di Rengit pernah meraih Anugerah Desa Cemerlang di peringkat kebangsaan. Jadi fahniah kepada Rengit. (Dewan bertepuk).

Berhubung dengan status Pelan Rejuvini Desa yang sedang kita usahakan bersama-sama dengan pihak Bait Al-Amanah dan Universiti Teknologi Malaysia, ia kini berada dalam peringkat akhir penyediaannya. Hala tuju pelan ini akan melakarkan dengan jelas beberapa strategi penting. Ia merangkumi beberapa aspek seperti sistem Governance Desa Terbaik untuk Johor. Kelestarian lingkungan, kehidupan dan budaya, membangun ekonomi desa yang kompetitif, membangun swadaya insan yang ideal untuk kawasan luar bandar, memajukan keterhubungan semua desa Johor dengan pelbagai kawasan bandar dan menghakupaya penduduk luar bandar. Ini termasuk mencari naratif baru bagi menangani pelbagai cabaran antaranya yang dihadapi oleh kawasan penempatan FELDA dalam memastikan kelangsungannya. Apabila siap kelak, kita merancang untuk melihat bagaimana pelan ini turut boleh dimanfaatkan kepada penduduk-penduduk FELDA dalam negeri Johor. Untuk itu saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Tenang, Buloh Kasap, Sedili dan Tenggara dapat membantu mengaturkan pertemuan antara saya dengan wakil masyarakat FELDA bagi kita sama-sama mendalami perkara ini.

Secara keseluruhan, Pelan Rejuvini Desa ini bertujuan untuk memajukan kehidupan dan ekonomi desa dan bukannya membandarkan desa. Di dalamnya juga akan terangkum beberapa kajian kes dan model terbaik yang boleh diadaptasi dan dilaksanakan di negeri Johor. Sekiranya tiada aral, kajian ini dijangka siap menjelang Mac 2017 dan insya-Allah kita akan berusaha untuk melancarkannya pada suku ketiga pada tahun hadapan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, ketiga masih lagi tentang pelan dan hala tuju, saya merujuk kepada saranan oleh Yang Berhormat Semarang yang mencadangkan supaya Johor Corporation meluaskan sayapnya dengan meneroka bidang dan pelbagai pasaran baru yang bertaraf global. Hala tuju dan pelan perniagaan terkini Johor Corporation telah disediakan di dalam bentuk Rancangan Strategik 2017 sehingga 2022 yang meliputi agenda pengembangan perniagaan sedia ada serta perancangan menceburi bidang-bidang baru. Fokus pengembangan JCorp ini diteruskan dalam setiap sektor *business* teras seperti berikut, pertama, perladangan diterajui Kulim Berhad, JCorp mensasarkan peningkatan semula perniagaan menerusi pengembangan operasi di Indonesia. Dengan sasaran keluasan bertanam sekurang-kurangnya 75,000 hektar menjelang tahun 2022. Malah JCorp akan berperanan aktif

dalam membantu Program Sekuriti Makanan menerusi Program Penternakan Lembu Integrasi dan feedlot dan Pengembangan Penanaman Nenas MD2.

Kedua, Prishatin dengan diterajui KPJ Healthcare Berhad. JCorp mensasarkan peningkatan jumlah hospital pakar kepada sekurang-kurangnya 33 buah menjelang 2020. Di samping meninjau peluang-peluang *business* baru, ini termasuklah menembusi negara baru selain memantapkan operasi luar negara sedia ada, di Indonesia, Thailand dan Bangladesh. Berusaha meningkatkan pendapatan dari *Health Tourism*, dengan izin, mengembangkan aktiviti dalam *business* sokongan kepada operasi hospital seperti farmasi dan melakukan kerjasama strategik dengan kepakaran luar negara seperti Korea Selatan.

Ketiga, makanan dan perkhidmatan restoran dengan diterajui oleh QSR Holdings Berhad. Pengembangan *business* restoran akan diteruskan di bawah jenama KFC dan Pizza Hut dengan operasi di Malaysia, Singapura, Brunei dan Kemboja. Selain itu, fokus juga diberikan kepada *business* hulu atau *upstream* bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran ayam bagi tujuan pasaran luar selain untuk kegunaan restoran-restoran dalam kumpulan.

Keempat, pembangunan industri diterajui oleh TPM Teknopark Sdn. Bhd. dan TLP Terminal Sdn. Bhd. Perancangan bagi pembangunan sehingga 3,700 ekar kawasan baru di Muar, Pengerang, Sedenak dan pengembangan kawasan industri Tanjung Langsat dengan pelaburan modal sehingga RM3 bilion dijangka mewujudkan sehingga 25,000 peluang pekerjaan baru dan sasaran FDI, RM25 bilion.

Kelima, hartanah iaitu untuk kediaman dan komersial diterajui Johor Land Berhad dan Damansara Asset Sdn. Bhd. Kita mensasarkan pembangunan perumahan berjumlah 12,412 unit termasuk kos rendah dan mampu milik dan ruang niaga bagi usahawan Bumiputera untuk 2,700 peniaga pada tahun 2020. Juga menguruskan 2 dana pelaburan REIT iaitu Al-Akar REIT dan Al-Salam REIT.

Selain itu, JCorp juga sedang giat menyelidiki peluang-peluang di dalam sektor baru terutama yang berteraskan digital ekonomi menerusi program kesinambungan *business* nya mengguna pakai model *business* yang baru. Lima buah projek yang menggabungkan kekuatan *business* sedia ada JCorp dalam bidang *retail*, prishatin dan pembangunan usahawan, dengan potensi ekonomi digital sedang dalam proses pembangunan dan dirancang untuk dilancarkan secara berperingkat-peringkat dalam tempoh 3 tahun akan datang.

Selain itu, JCorp bersama-sama Majlis Agama Islam Johor sedang dalam proses menyebarkan peranan institusi wakaf menerusi Program Wakaf Larkin Sentral yang dijangka dilancarkan pada tahun 2017. Pada akhir 2022, menerusi Pelan Strategik, Perancangan Strategik 2017-2022 ini, JCorp dan kumpulannya disasarkan berada dalam kedudukan kewangan dengan *business* yang lebih kukuh dengan indikator sasaran utama seperti pendapatan JCorp sebanyak RM2 bilion dengan keuntungan sebelum cukai mencecah RM800 juta. Di peringkat kumpulan pula, disasarkan bahawa pendapatan kumpulan JCorp akan mencecah RM20.3 bilion dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM2.5 bilion. Kita harap, pelan dan hala tuju ini akan berjaya dilaksanakan sekalipun melonjakkan JCorp bukan sahaja sebagai GLC

paling berjaya, malah menjadi identiti kebanggaan serta aspirasi buat seluruh bangsa Johor. (Dewan bertepuk).

Tan Sri Speaker, keempat, saya menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puteri Wangsa berhubung dengan pencerobohan ke atas tanah-tanah kerajaan. Pengurusan tanah yang cekap dan berkesan adalah tanggungjawab dan amanah besar kerajaan negeri. Ia mestilah di takbir secara komprehensif dan bertanggungjawab. Bukan sahaja dari aspek kepenguatkuasaan undang-undang, bahkan pentadbiran keseluruhannya terutama sekali rancangan pembangunan tanah tersebut. Dasar kita jelas, tanah kerajaan tidak boleh didiami atau digunakan secara sewenang-wenangnya biar apa pun alasannya. Paling penting, penggunaannya mestilah mendapat kebenaran dan kelulusan kerajaan negeri. Pencerobohan atau pendudukan secara tidak sah di atas mana-mana tanah kerajaan merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 425, Kanun Tanah Negara 1965. Berdasarkan peruntukan ini, mana-mana orang yang tanpa kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri dikatakan melakukan kesalahan apabila :

- a. Menduduki atau membina apa-apa bangunan di atas mana-mana tanah kerajaan, tanah rizab atau tanah pertombongan; atau
- b. Membersih, membajak, menggali, mengepungi atau menanami mana-mana tanah sedemikian atau sebahagian darinya; atau
- c. Memotong atau memindah apa-apa kayu atau hasil atas, atau dari tanah sedemikian.

Mereka yang disabitkan melakukan kesalahan ini boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000.00 atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi 1 tahun. Lebih penting, pencerobohan ke atas tanah kerajaan sering kali menyebabkan kerugian besar dan kerosakan yang teruk. Khususnya dalam beberapa aspek, misalnya aspek *material* apabila terdapat hasil yang tidak dipungut seperti premium dan cukai tanah yang boleh digunakan untuk pembangunan dan program kesejahteraan rakyat ataupun aspek pembaziran guna tanah apabila terdapat perancangan pembangunan yang terhalang dan mengalami kelewatan akibat aktiviti pencerobohan. Dan, dari segi aspek moral, yakni penggalakan aktiviti pencerobohan, pelanggaran undang-undang, pencemaran dan kerosakan alam sekitar yang boleh menjadi punca kepada masalah sosial dan jenayah.

Walau bagaimanapun, bagi tanah-tanah kerajaan yang telah diduduki sejak sekian lama, bagi tujuan penempatan mahupun pertanian, kerajaan negeri mempunyai budi bicara. Undang-undang di tangan kanan, ihsan di tangan kiri. (Dewan bertepuk). Kita adalah kerajaan bertanggungjawab dan mentadbir dengan ihsan dan nurani kemanusiaan. Setiap kes sebegini akan diperhalusi sekiranya bersesuaian dan layak untuk dikurniakan, para pemohon akan diberikan hak milik. Terutamanya jika ia tidak melibatkan apa-apa perancangan pembangunan daripada kerajaan pada masa hadapan. Bagi mengelakkan pencerobohan ke atas tanah-tanah kerajaan berterusan dan berleluasa, kita telah melakukan pemantapan langkah pencegahan :

1. Memperlingkatkan penguatkuasaan khususnya di kawasan-kawasan yang berpotensi diceroboh.
2. Meningkatkan kelengkapan pemantauan misalnya pada tahun 2016, kita memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta untuk membeli kenderaan pacuan 4

roda, motosikal jenis *scrambler*, *drone* dan peralatan-peralatan penguatkuasaan yang lain.

Tan Sri Speaker, seterusnya isu kelima yang dibangkitkan oleh Nusajaya, berhubung keperluan kerajaan negeri memastikan yang pembangunan di Iskandar Malaysia tidak menjejaskan kampung-kampung tradisional khususnya termasuklah dalam Mukim Tanjung Kupang. Perkara tersebut sememangnya menjadi dasar kerajaan negeri dan pihak IRDA. Setakat ini, di bawah Pelan Pembangunan Komprehensif 2, *Big Move 1*, dengan izin, iaitu *Inclusive Iskandar Malaysia, Village Improvement District*, Kawan Iskandar Malaysia dan *Village Enhancement Programme* iaitu di bawah program-program *Big Move 1*, sebanyak 17 kampung tradisional telah dikenal pasti oleh pihak IRDA untuk dipelihara dan dibangunkan melalui pelbagai inisiatif khusus. Antara kampung tradisional tersebut termasuklah FELDA Bukit Batu, FELDA Bukit Permai, FELDA Taib Andak, Kampung Cahaya Baru, Kampung Tanjung Langsat, Kampung Pasir Putih, Kampung Simpang Empat, Kampung Terapung, Kukup dan Kampung Ulu Choh. Selepas pelaksanaan beberapa inisiatif khusus ini di beberapa kampung yang telah dikenal pasti sebelum ini, beberapa perubahan positif sudah kelihatan. Antaranya :

1. Peningkatan pendapatan bulanan penduduk sebanyak 25% hingga 60% di sesetengah kampung, hasil program pembangunan sosioekonomi yang diperkenalkan di sana.
2. Peningkatan penyertaan dan sambutan baik penduduk kampung terhadap program Kawan Iskandar Malaysia.
3. Pelaksanaan pelbagai penambahbaikan infrastruktur seperti yang dilakukan di Kampung Pasir Gudang Baru dan Kampung Kuala Masai.

Secara kesimpulannya, saya ingin meyakinkan Nusajaya malah seluruh perwakilan Dewan bahawa kerajaan negeri tidak akan membiarkan kampung-kampung tradisional ini termasuklah yang berada di Mukim Tanjung Kupang khususnya Kampung Ladang Hujung yang disebutkan oleh Yang Berhormat Nusajaya, terjejas kerana pembangunan dan kerancakan aktiviti ekonomi di Iskandar Malaysia. Malah ia akan dilestarikan sebagai sebahagian dari identiti penting Iskandar Malaysia.

Tan Sri Speaker, isu keenam adalah tentang cadangan pengenalan Enakmen Kebebasan Maklumat oleh Yang Berhormat Penggaram yang mahukan Johor mengikut langkah Selangor dan Pulau Pinang yang didakwa telah memperkenalkan Enakmen Kebebasan Maklumat mereka sendiri khusus bagi memberikan akses kepada rakyat untuk mendapatkan pelbagai maklumat berhubung gerak kerja kerajaan negeri. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pertama, kita bukan pengikut Pulau Pinang ataupun Selangor. (Dewan bertepuk).

Kita memimpin dengan cara kita sendiri. Berdasarkan keperluan, berdasarkan pandangan terbaik rakyat dan berdasarkan amalan sesuai dengan cara Johor. Dan, kalau kita rujuk peruntukan dalam Enakmen Kebebasan Maklumat, Pulau Pinang 2010, ia juga mempunyai pelbagai had dan sekatan di dalamnya. Misalnya Seksyen 8 (1)(a) yang menyatakan bahawa permohonan maklumat boleh ditolak oleh Pegawai Maklumat jika pemohon tidak berhak ke atas maklumat yang diminta. Manakala Seksyen 10(2)(a) pula menegaskan bahawa permohonan mendapatkan maklumat boleh turut ditolak jika ia dianggap mengganggu operasi jabatan. Dalam kedua-dua

peruntukan ini jelas bahawa dengan kewujudan Enakmen Kebebasan Maklumat ini sekalipun ia masih tertakluk dan terbatas dalam pelbagai sekatan. (Dewan bertepuk).

Kedua, kita hidup dalam era *big data*. Cabaran sebenar kita ialah menganalisa semua *big data* ini bukan mendedahkannya. Di persada maya telah tersedia pelbagai data yang luar biasa banyaknya dan memerlukan kita menyediakan enjin khusus untuk memberi makna kepada semua data tersebut.

Ketiga, data dan maklumat untuk Johor, masyarakatnya serta pelbagai data lain boleh diakses dengan bebas dan mudah tanpa sekatan dan had. Pelbagai agensi kerajaan sentiasa bersedia untuk memberikan kerjasama jika tujuan keperluan maklumat tersebut adalah objektif. Malah, Yang Berhormat-Yang Berhormat semua bebas untuk mengajukan soalan dan meminta penjelasan di dalam Dewan ini berhubung sebarang data yang pendedahannya difikirkan perlu dan penting. Cuma harus diingatkan, pastinya terdapat sesetengah data yang kita rahsiakan terutamanya berhubung perkara-perkara yang pada pandangan kerajaan menyentuh kepentingan dan keselamatan negeri dan negara. Saya juga menegaskan bahawa mempertingkatkan ketelusan bukan hanya dengan satu cara iaitu memperkenalkan Enakmen Ketelusan. Ada pelbagai cara lain untuk memastikan ketelusan adalah satu kelaziman. Buat masa ini, kerajaan negeri berpandangan bahawa segala pertanyaan yang memerlukan maklumat khas dalam milik kerajaan memadaikan untuk dikemukakan di Dewan yang mulia ini sahaja.

Tan Sri Speaker, untuk perkara ketujuh, saya merujuk kepada permintaan Yang Berhormat dari Tangkak, yang ingin mengetahui status dan jumlah permohonan yang telah diterima, yang diluluskan oleh kerajaan negeri bagi penghapusan cukai tunggakan dan kelulusan permohonan mendapatkan kadar cukai tanah nominal kepada sekolah bantuan modal. Kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan sentiasa prihatin dan secara konsisten membantu perkembangan sekolah-sekolah bantuan modal yang meliputi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Sehubungan dengan itu, kerajaan pada tahun 2006, telah mengambil beberapa keputusan iaitu *remittance* cukai tanah bagi tapak sekolah bantuan modal diberi dengan kadar cukai tanah yang sedia ada kepada kadar cukai RM1.00 bagi setiap satu hak milik seperti yang diputuskan oleh Majlis Tanah Negara melalui Seksyen 14(A) Kaedah Tanah Johor Pindaan No. 2, 2004.

Pemilik sekolah hendaklah memohon bagi mendapatkan *remittance* dengan surat perakuan dan pengesahan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Johor sebagai sekolah bantuan modal. Dan, tanah sekolah bantuan modal hendaklah berdaftar atas nama Lembaga Pengurusan Sekolah. Manakala melalui keputusan pada tahun 2009, kerajaan negeri Johor juga bersetuju memberikan kadar nominal RM1.00 kepada semua sekolah menengah persendirian dengan syarat tanah-tanah tersebut telah diubah syarat kepada institusi pendidikan bukan komersial terlebih dahulu.

Dan, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sepanjang tahun 2016, sebanyak 23 hak milik tanah bagi sekolah bantuan modal dan institusi pendidikan bukan komersial yang memohon telah diluluskan kadar cukai nominal RM1.00. Ini meliputi 13 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina antaranya Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Sun Ming, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Aik Ming dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Sun Mong di Muar, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Pei Chun Semerah, Batu Pahat, SJK(C) Woon Hua,



Kangkar Pulai, Johor Bahru dan SJK(C) Kasap, Segamat. Satu Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil iaitu SJK(T) Jalan Parit Ibrahim di Pontian. 7 buah sekolah di bawah Malaysian Catholic Education Counsel termasuklah Sekolah Menengah Kebangsaan Saint Andrew Jalan Hashim dan Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Muar dan Sekolah Menengah Convent Batu Pahat dan Sekolah Menengah Convent Johor Bahru. Dan, satu sekolah agama bantuan kerajaan iaitu Madrasah Al-Attas Al Arabiah di Ulu Tiram.

Pihak kerajaan akan terus meneliti permohonan-permohonan oleh pihak sekolah bantuan modal dan akan memastikan pihak-pihak yang layak dibantu dengan mengenakan cukai yang nominal jika mereka mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan negeri.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sepanjang sesi perbincangan kali ini, Dewan yang mulia ini, tidak ketinggalan daripada menyaksikan beberapa tindakan yang mempamerkan ketidakyakinan pembangkang kepada kerajaan negeri. Misalnya, Stulang yang membangkitkan tentang penyelarasan dasar dan pelaksanaannya.

Saya suka mengingatkan kembali pada bahagian awal pembentangan Bajet 2017 yang lalu, saya telah membuat satu penegasan bahawa bajet ini adalah satu perancangan yang disusun dengan sangat rapi, berhati-hati dan realistik. Ia bukanlah satu angan-angan yang kita reka cipta secara suka-suka atau sekadar menjadikannya satu pelan untuk meniru segala apa yang orang lain lakukan. Sebaliknya Bajet 2017, mengambil kira dengan terperinci keupayaan kerajaan negeri untuk melaksanakan segala perancangan yang dibuat dengan lancar dan berkesan. Kita adalah kerajaan yang bertanggungjawab. Lihat sahaja semua pencapaian semenjak 3 tahun lepas, yang telah saya bentangkan tempoh hari. Ia adalah pencapaian terbaik dalam sejarah pembangunan Johor. (Dewan bertepuk).

Justeru dasar yang baik, perbelanjaan berhemah dan kecekapan pelaksanaan adalah norma dan budaya bagi pentadbiran saya. Memandangkan isu-isu spesifik seperti Johor WiFi dan pembinaan RMMJ, telah pun dijawab oleh Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa yang berkaitan, maka hari ini saya ingin menjelaskan hanya satu isu penting dalam konteks ini iaitu bagaimana kita memastikan pelaksanaan pelbagai projek dapat dipantau keberkesananannya demi kepentingan umum dan ketelusan kerajaan.

Sejak mula menjadi Menteri Besar, saya telah memperkenalkan pelbagai dasar yang progresif dan inklusif semuanya menjurus kepada usaha memaju dan mencipta masa depan yang baik untuk Johor dan masyarakatnya. Saya usahakan agar semua perancangan ini kita jayakan secara radikal dan bersungguh-sungguh dengan pelbagai model baru dan pendekatan luar kelaziman. Kerajaan negeri melibatkan bukan sahaja jentera biasa kerajaan negeri tetapi juga pelbagai agensi dan syarikat berkaitan kerajaan serta NGO.

Saya kukuhkan kerjasama dengan kerajaan pusat kerana kita tahu bantuan kerajaan pusat amat penting untuk Johor yang berkemajuan. Tetapi, saya juga menyedari bahawa membangunkan negeri dan masyarakatnya adalah perjalanan yang sukar dan jauh. Ia proses panjang dan sangat mencabar. Semua ini menuntut kebijaksanaan dan pemikiran di luar kotak serta pelbagai penyelesaian inovatif dan bukanlah semata-mata retorik politik. Jadi, bagi memastikan kelancaran pelaksanaan

segala perancangan yang kita lakukan ini, kerajaan negeri telah melakukan penetapan dan fokus bagi setiap jabatan dan mewujudkan sistem pemantauan dan pelaporan yang aktif dan berkesan. Dalam tempoh 3 tahun yang lepas, antara perubahan tata kelola ataupun *governance reform* yang telah diperkenalkan adalah:-

1. Setiap portfolio Pengerusi Jawatankuasa Negeri kini mempunyai Petunjuk Prestasi Utama atau KPI tahunan masing-masing. Setiap EXCO bertanggung jawab ke atas sasaran yang ditetapkan dan ini menuntut para pelaksana di peringkat jabatan bersama-sama memastikan sasaran tersebut dicapai.
2. Memperkenalkan pendekatan 5 langkah di bawah agenda kepimpinan prestasi. Langkah ke-4, agenda ini adalah pemantauan dan pelaporan yang mewajibkan setiap EXCO melaporkan pencapaian KPI masing-masing setiap suku tahun dan sesi ini melibatkan Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri.
3. Pada setiap awal tahun, kita mengadakan sesi pembentangan pencapaian KPI tahun sebelum dan semasa, yang kita panggil sebagai EXCO Away Day.
4. Bagi perkara-perkara khusus yang menjadi keutamaan kerajaan negeri, kita telah mewujudkan Jawatankuasa Khas seperti Task Force Perumahan dan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Negeri Johor dan *Johor Corporation* yang diadakan secara berterusan.
5. Jentera kerajaan negeri sentiasa memastikan kita akan turun padang untuk memantau dan memastikan kelancaran pelaksanaan segala projek dan inisiatif kerajaan.

Kesan positif daripada pengenalan KPI dan sistem pemantauan ini amat ketara. Setakat Jun 2016, Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya mencatatkan pencapaian KPI yang cemerlang. (Dewan bertepuk). Sebanyak 98% iaitu 82 daripada 84 Aku Janji Kerajaan Barisan Nasional (dewan bertepuk) telah lengkap atau sedang dalam fasa pelaksanaan yang mengikut jadualnya. Maka, jelas kerajaan negeri Johor amat mementingkan pencapaian dan prestasi. Semua dasar kita adalah realistik dan bukan sekadar gula-gula sandiwara politik. Kesemuanya dilaksanakan dengan pelbagai strategi terbaik dan dipantau rapi pelaksanaannya. Malah, kita menilai keberkesanan semua tindakan ini serta melaporkan dengan telus segala pencapaian ini. Hanya Stulang yang tidak pernah melaporkan prestasinya sebagai Wakil Rakyat kepada umum. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, perkara kesembilan, yang ingin saya sentuh adalah dakwaan Senai yang kononnya mengatakan bahawa peruntukan pembangunan kepada jabatan-jabatan tertentu dikurangkan. Malah, Senai melakukan tuduhan berat bahawa kerajaan negeri sengaja memindah-mindahkan peruntukan pengurusan semata-mata mahu mencantikkan dan meninggikan peratusan peruntukan pembangunan. Menurut Senai, tanpa penyelewengan dan perakaunan kreatif yang mengelirukan di pihak kerajaan negeri, peratusan perbelanjaan dalam pembangunan Bajet 2017, Johor sebanyak hanyalah 38% dan bukannya 48% seperti yang telah diumumkan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, segala perubahan tersebut berlaku bukan kerana pengurangan peruntukan pembangunan tetapi aspek-aspek teknikal yang sebenarnya gagal difahami oleh Senai. (Dewan bertepuk).

Pertama, tafsiran belanja pembangunan, tafsiran Berbanding kerajaan persekutuan, yang mengketaskan segala peruntukan berjumlah RM100 juta dan ke atas sebagai belanja pembangunan. Secara amalnya di peringkat negeri Johor jumlahnya adalah RM100,000.00 ke atas. Ini bermakna segala peruntukan dan perbelanjaan yang berjumlah RM100,000.00 ke atas yang berkepentingan awam akan dikira sebagai peruntukan pembangunan. Ia bukan sahaja selari dengan definisi yang dikemukakan oleh kerajaan persekutuan malah telah turut dinyatakan secara jelas menerusi Pekeliling Am Kerajaan Johor Bilangan 2 Tahun 2015 bertarikh 9 September 2015.

Kedua, perubahan format adalah susulan Rancangan Malaysia yang ke-11. Susulan pengenalan RMK-11, satu penyesuaian telah diberikan dalam keutamaan projek dan pemantapan tadbir urus pelaksanaan projek oleh kerajaan. Ini termasuk takrifan perbelanjaan pembangunan dan pengurusan yang diperkemas supaya tidak berlakunya keciciran atau perindihan projek yang dilaksanakan. Ini semua demi meningkatkan tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada masyarakat awam. Maka, bermula dengan Bajet 2016 hingga 2020, iaitu sepanjang tempoh Rancangan Malaysia yang Ke-11, peruntukan pembangunan telah di struktur semula sepenuhnya dan tidak lagi menggunakan format sebelumnya. Ini termasuklah mengalihkan sebahagian peruntukan pembangunan, dulu di bawah Jabatan Kerja Raya dan sekarang ini diletakkan di bawah Pejabat SUK Pengurusan. Semuanya bertujuan mengelak permasalahan birokrasi yang melambatkan proses pelaksanaan selain memperkemas kelancaran sesuatu projek. Rentetan itu, Rancangan Johor 5 tahun 2016 hingga 2020, ataupun RJ5T diperkenalkan bermula tahun 2016. Jadi, peralihan ini adalah kerana kita mengikut perubahan format di peringkat persekutuan dan bukanlah diubah-ubah secara sesuka hati oleh kerajaan negeri menggunakan pendekatan perakaunan kreatif seperti yang didakwa oleh Senai.

Ketiga, perbelanjaan-perbelanjaan ini adalah bagi projek-projek yang sememangnya bersifat pembangunan. Sekalipun kita mengtepekikan aspek teknikal dari segi definisi dan format ini, bila kita meneliti satu persatu projek tersebut sememangnya ia bertujuan untuk pembangunan. Misalnya peruntukan sebanyak RM30.45 juta di bawah kod 72001, ianya bertujuan bagi menaik taraf dan membaik pulih pelbagai kuarters kerajaan, bangunan Pejabat Daerah dan bangunan Pejabat Pentadbir Tanah di semua daerah di seluruh negeri Johor. Peruntukan sebanyak RM23.6 juta di bawah Kod 72003 pula adalah perbelanjaan pembangunan yang melibatkan antaranya pembinaan pagar di Pusat Pentadbiran Kerajaan Kota Iskandar, kerja pengubahsuaian pejabat Unit Swadaya Insan yang baru ditubuhkan iaitu pejabat baru, mengubah suai pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri, mengubah suai pejabat Unit Integriti yang baru diwujudkan, pejabat BAKAJ yang baru, menyediakan laluan orang kurang upaya di Kota Iskandar dan pelbagai lagi projek pembangunan.

Manakala sebanyak RM40.98 juta yang diperuntukkan di bawah Kod 72006, adalah perbelanjaan pembangunan yang melibatkan pembinaan fasa blok tambahan UPEN. Membina permulaan perancangan untuk membina pejabat PTG di Kota Iskandar, membina tadika YPK di Nusajaya, membina baru Kuarters Penghulu Pagoh dan membina Pejabat Pertanian Daerah Batu Pahat. Kesemua ini dari segi definisi kesan

serta keperluannya merupakan satu bentuk perbelanjaan pembangunan. Manakala bayaran di bawah Kota Iskandar di bawah kod 72005, sebanyak RM34.75 juta yang turut dipetik oleh Senai adalah bayaran muktamad kerja-kerja tambahan Kota Iskandar ataupun *variation order*, dengan izin, dan bayaran *annuity* bagi pembinaan Pusat Pentadbiran Kerajaan Kota Iskandar. Bayaran *annuity* ini adalah berjumlah RM15 juta dan telah mula kita bayar sejak 2006 dan akan langcai pada tahun 2019.

Berdasarkan penerangan ini jelaslah bahawa dakwaan daripada Senai itu tidak tepat dan tidak berasas kerana tidak ada pengurangan peruntukan pembangunan kepada jabatan-jabatan terlibat. Tidak ada kesilapan dalam mengira peratusan peruntukan pembangunan dalam Bajet 2017. Tidak ada perakaunan kreatif, tidak ada cubaan di pihak kerajaan negeri untuk mengelirukan sesiapa. (Dewan bertepuk). Yang ada hanyalah perubahan tajuk definisi dan format yang mengikut langkah kerajaan persekutuan. Yang ada hanyalah longgokan data-data, rekod dan pelbagai maklumat yang lengkap dan tepat tetapi tidak disemak secara kreatif oleh Senai. (Dewan bertepuk).

Kesemua ini menyerlahkan sikap dan usaha berterusan pembangkang untuk mengelirukan rakyat dan membina persepsi yang tidak baik kepada kerajaan. (Dewan bertepuk). Ketahuilah, bahawa sikap syak wasangka dan prejudis yang menebal seperti ini hanya akan menghalang kita daripada bersikap objektif dan terus bekerja keras untuk membangunkan Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, bercakap tentang kerja keras dan hasil baiknya kepada Johor, saya suka untuk menjelaskan kepada Yang Berhormat Parit Yaani dan juga Yang Berhormat Tangkak tentang kaedah dan pengiraan kadar kemiskinan bagi menjawab keraguan mereka bahawa sebenarnya Johor mencatatkan rekod kemiskinan sifar. Terlebih dahulu saya tegaskan bahawa, secara teknikalnya terdapat banyak kaedah dalam mengukur kemiskinan. Dan tidak ada satu pun kaedah yang boleh diangkat sebagai yang paling tuntas dan terbaik. Setiap satu kaedah yang digunakan untuk mengukur kadar atau garis kemiskinan ini pastinya mempunyai kelebihan dan juga kelemahannya yang tersendiri dan ia amat bergantung kepada objektif dan konteks sesebuah masyarakat antaranya; pertama, kaedah pendapatan relatif garis kemiskinan, yang mengira purata atau median pendapatan isi rumah. Kelemahannya kaedah ini tidak mengambil kira faktor-faktor lain selain pendapatan. Seperti pendidikan dan tempoh masa kemiskinan.

Kaedah kedua, kaedah catuan makanan yang mengira kemiskinan berdasarkan kos dan harga barang serta perkhidmatan. Namun, ia tidak mempunyai ukuran atau unit yang standard kerana perbezaan yang ketara antara harga dan kos barang global.

Ketiga, indeks kemiskinan PBB yang menggabungkan perkiraan jangka masa hidup, kadar pengangguran, dan kecelikan ilmu sebagai satu unit ukuran. Namun, ia mempunyai definisi hubung kait antara ilmu dan kemiskinan yang kabur.

Keempat, *UNISEF Report Card On Child Well Being*, dengan izin, iaitu kaedah yang menggabungkan petunjuk hak milik material, kesihatan malah hubungan sesama keluarga dan rakan serta sikap komuniti. Sekalipun kedengaran konklusif, akan tetapi kaedah ini terlalu idealistik dan tidak praktikal. Terutamanya untuk digunakan dalam konteks masyarakat yang mempunyai perbezaan budaya dan norma.

Maka, berdasarkan segala jenis indikator yang ada ini, kita boleh menyimpulkan bahawa tidak ada kaedah yang boleh diangkat sebagai yang paling baik dalam mengukur kemiskinan. Namun, kita mestilah berupaya memberi justifikasi mengapakah sesuatu kaedah itu kita pilih dan gunakan. Dalam konteks negeri Johor, kadar kemiskinan yang saya rujuk dan gunakan dalam pembentangan Bajet 2017 beberapa hari yang lepas adalah yang berdasarkan median pendapatan isi rumah yang merekodkan peningkatan negeri Johor yang nyata lebih baik dari kadar nasional. Kita memilih untuk menggunakan indikator ini atas beberapa alasan. Pertama, ia mengukur pendapatan secara objektif dan tidak melibatkan aspek-aspek abstrak yang tidak mempunyai definisi yang jelas, seperti sikap, perangai dan kualiti hubungan dalam keluarga.

Kedua, ia adalah indikator yang digunakan secara seragam di seluruh Malaysia. Maka ia adalah indikator yang paling sesuai untuk digunakan jika kita ingin membandingkan kedudukan kita dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Ketiga, kita menggunakan rekod dan laporan yang dikeluarkan oleh kerajaan persekutuan. Ini adalah lebih baik kerana tidak berlaku konflik kepentingan dalam proses pengiraan tersebut.

Keempat, bukankah tidak molek jika untuk mengukur pencapaian kita, kita menggunakan pengiraan sendiri, kaedah sendiri dan angka sendiri dan tidak membandingkan dengan orang lain.

Kelima dan terakhir, sekali pun kita berpegang kepada rekod kemiskinan sifar yang dilaporkan oleh kerajaan pusat ini, ia tidak sesekali bermakna bahawa program-program bantuan khas kepada mereka yang memerlukan, kita hentikan. Malah, semakin kita naikkan kerana kita menyedari ada orang yang dalam kesusahan walaupun mereka bukan miskin.

Untuk itu, kepada mereka yang masih lagi dibelenggu rasa tidak percaya, saya menegaskan sekali lagi bahawa sememangnya dengan menggunakan kaedah yang dipakai di seluruh negara, kadar kemiskinan di Johor pada masa kini adalah sifar. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya juga ingin menggunakan kesempatan ini untuk memperfahankan bahawa Bajet Negeri Johor sememangnya mencatatkan lebih atau surplus sejak saya menjadi Menteri Besar. (Dewan bertepuk). Dalam hal ini, Yang Berhormat Pengkalan Rinting telah mempertikai dan menuduh bajet surplus negeri Johor daripada tahun 2014 kononnya adalah bajet syok sendiri, kerana sebenarnya merekodkan defisit selepas ditambah dengan jumlah bajet tambahan.

Sebagai penjelasan suka saya nyatakan, pertama, fakta bahawa kita membuat pembentangan bajet tambahan belum membuktikan secara automatik bahawa kita telah berbelanja melebihi apa yang dirancang atau melebihi hasil sebenar yang dikutip. Ini kerana, sepanjang tahun kewangan tersebut, tidak mustahil yang hasil kutipan kita melebihi jangkaan atau sasaran awal. Misalnya bagi tahun 2014, kita berjaya memperolehi hasil 45.01% melebihi sasaran. Maka walaupun dengan tambahan perbelanjaan sebanyak 11.47% berbanding anggaran dalam perbelanjaan

asal, akaun kerajaan negeri bukan sahaja kekal berlebihan seperti yang dibentangkan, tetapi mencatatkan lebihan yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM359,411,936.07. Jadi jumlah ini lebih tinggi berbanding sasaran asal lebihan dalam anggaran bajet iaitu RM2,024,000.00. (Dewan bertepuk).

Kedua, wujud keadaan di mana peruntukan tambahan dibuat bukan kerana terlebih berbelanja, sebaliknya adalah untuk menggunakan peruntukan asal kepada sesetengah jabatan yang dijangka tidak akan habis membelanja, maka diberikan kepada jabatan-jabatan yang lain yang dilihat memerlukan peruntukan tambahan. Dalam situasi ini sekali lagi, walaupun wujud pembentangan bajet tambahan, ia masih tidak melebihi jumlah kutipan hasil. Sekali gus mengekalkan keseluruhan perbelanjaan kerajaan sebagai *surplus*.

Ketiga, dan yang ini adalah yang paling mudah. Untuk menentu sah sama ada bajet kita defisit atau lebihan, semak dan lihat sahajalah laporan oleh Ketua Audit Negara. (Dewan Bertepuk). Dan jika dibandingkan kalau tak suka kita pun, antara Laporan Rasmi Ketua Audit Negara dan pengiraan sendiri oleh Pengkalan Rinting, wujud perbezaan yang jelas.

Pada tahun 2014, Pengkalan Rinting mendakwa kita mempunyai defisit sebanyak RM129,407.00 sedangkan Laporan Ketua Audit Negara memperakui Johor mempunyai lebihan baki sebanyak RM359,411,936.07. Pada tahun 2015 pula, Pengkalan Rinting mendakwa kita mempunyai defisit sebanyak RM200,719.00 sedangkan Laporan Ketua Audit Negara memperakui Johor mempunyai lebihan baki sebanyak RM153,833,122.41. (Dewan bertepuk).

Jadi, berpeganglah kepada Laporan Ketua Audit Negara. Pastinya, ini merupakan rekod rasmi yang sah dan diperakui. Melainkan Pengkalan Rinting beranggapan Ketua Audit Negara juga bersekongkol dengan kerajaan negeri untuk memutar belitkan Laporan Audit Negara. Inilah masalahnya apabila kita terlalu yakin menggunakan teori sendiri, cara sendiri dan pengiraan sendiri sehingga mengetepikan segala rekod dan laporan rasmi negara. Maka hasil yang kita perolehi pastinya akan salah. Dan kalau itulah pendekatan yang digunakan oleh Pengkalan Rinting itu baru namanya syok sendiri. (Dewan bertepuk).

Jadi, saya tegaskan kembali bahawa bajet *surplus* yang diumumkan oleh negeri Johor adalah sah, tepat dan rasmi. (Dewan bertepuk). Namun saya ingin tegaskan *surplus* atau defisit bajet kita tidak pernah menjadi isu atau fokus utama dalam perancangan bajet negeri. Sebaliknya, bajet kita sentiasa disusun dengan mengutamakan dan mengambil kira keperluan rakyat dan yang inilah yang sebenarnya kita lebih pentingkan.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya saya terpanggil untuk menjawab secara sekali gus segala isu dan cadangan berhubung perkhidmatan kesihatan di Johor yang dikemukakan oleh Senai, Penggaram dan Bentayan, yang sekali lagi menjadi bukti ketaksabaran mereka terhadap Selangor dan Pulau Pinang. Ada 2 isu utama yang mereka laungkan:

1. Mengapa kita tidak ikut Selangor yang baru sahaja memperkenalkan Program Skim Peduli Sihat kepada 250,000 keluarga daripada kalangan B40?

2. Mengapa kerajaan negeri tidak memberikan perkhidmatan kesihatan yang percuma kepada rakyat Johor termasuklah memperkenalkan skim seperti *Obama Care* versi Johor iaitu sama ada *Johor Care* ataupun *Khaled Care*, terima kasihlah.

Apabila saya mengagaskan Johor Berkemajuan, Johor Prihatin, Muafakat Johor menggalakkan wakaf dan pelbagai lagi idea besar pembangunan yang progresif dan kolektif saya sebenarnya memulakan usaha membuang kebergantungan yang teramat kepada kerajaan. Kita mesti menjadi bangsa yang berdikari, yang membantu antara satu sama lain dan tidak hanya mengharapkan sentuhan bantuan pemerintah. Kita ingin menjadikan Johor ini *society driven*, dengan izin. Semua orang bertumbal-mal melakikan kebaikan dan agar tertanam dalam pemikiran kita, sikap dan budaya menyumbang dan memberi kepada negeri. Tanggungjawab kita ialah menyediakan peluang dan ruang dan bukan sekadar kebajikan dengan izin, *we provide opportunities not charity*. (Dewan bertepuk).

Sikap populis dan kecenderungan pembangkang yang terlalu suka meminta-minta dan mengharapkan segala-galanya secara percuma daripada kerajaan bukan sahaja tidak progresif dan bertentangan dengan agenda Johor Berkemajuan malah ia anti akal dan tidak boleh bertahan lama. Bangsa yang maju, bukan bangsa yang meminta-minta. Bangsa maju dan masyarakat terbaik adalah masyarakat berkeyakinan yang berupaya menggunakan peluang untuk berjaya, bukan tongkat untuk menapak. Saya tidak bersetuju dan menolak cadangan dan saranan tersebut yang saya anggap ia hanyalah modal politik yang tidak pun bersandarkan kepentingan rakyat yang sebenar.

Kita percaya, kita yakin bahawa perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh kerajaan pusat adalah yang terbaik di kalangan negara membangun. Ia bukan sahaja menyeluruh, berkualiti tetapi sangat tidak membebankan, RM1.00 sahaja. Dan biar saya nyatakan latar keadaan dan keterdesakan yang meruntun Selangor untuk memperkenalkan Program Kesihatan Percuma tersebut. Pertama, berbanding Johor, Selangor adalah negeri kaya tetapi tidak pun mempunyai hospital sendiri. Sehingga hari ini tak ada satu pun. Kerana mereka tahu betapa mahalinya menguruskan sebuah hospital. Maka kebergantungan mereka terhadap perkhidmatan kerajaan pusat tidak boleh disangkal dan dinafikan.

Kedua, keadaan diburukkan dengan sikap Selangor dan rakan-rakan Parti mereka yang menjadi pembangkang di Johor, yang sering menyelar dan mengkritik kecekapan dan kepakaran hospital dan klinik awam kerajaan.

Maka pastinya, mereka sudah tidak tergamak untuk kembali kepada hospital dan klinik kerajaan yang mereka kutuk untuk mendapatkan perkhidmatan kerana tindakan sebegitu ibarat menjilat ludah sendiri. Lalu apa pilihan, apa pilihan yang tinggal untuk Selangor bagi menunjukkan yang mereka prihatin terhadap rakyat mereka dalam aspek kesihatan. Terpaksalah mereka membelanjakan kira-kira RM125 juta bagi memperkenalkan subsidi melalui kad perubatan bernilai hanya RM500.00 setahun kepada 250,000 keluarga golongan B40 dan menagih khidmat dan ihsan klinik-klinik swasta. Perkara ini nampak besar dan menarik. Namun, cuba kita analisa dengan

lebih terperinci adakah ia benar-benar menjadi solusi, penyelesaian yang pragmatik atau sekadar modal politik yang berlapik.

Mari kita bandingkan Program Skim Peduli Sihat Selangor dengan keadaan semasa kita di Johor. Pertama, di bawah Skim yang diperkenalkan oleh Selangor setiap penerima hanya boleh menggunakan kad tersebut tidak melebihi nilai syiling RM500.00 setahun. Malah ia juga tertakluk dengan had caj sebanyak RM50.00 sahaja bagi setiap lawatan untuk mendapatkan rawatan asas. Sebarang caj yang melebihi nilai tersebut terpaksa dibayar kepada klinik swasta yang terlibat menggunakan wang dari poket pesakit sendiri. Maknanya, jika caj perkhidmatannya adalah RM120.00, maka pesakit perlu mengeluarkan tambahan RM70.00 dari poket sendiri. Maka yang sakit itu bertambah-tambahlah sakitnya. (Dewan bertepuk). Sedangkan perkhidmatan di Klinik 1Malaysia cajnya hanyalah RM1.00 dan caj Klinik Waqaf yang dikelolakan oleh Johor Corporation pula adalah serendah RM5.00 dan tidak mempunyai had syiling. Ini bermakna, rakyat di Johor boleh pergi ke Klinik 1Malaysia RM1.00 ataupun rakyat boleh pergi ke Klinik Waqaf Johor, 365 kali setahun dengan syarat, mereka bayar hanya RM5.00 setiap kali rawatan. Malah, kalau pesakit mengunjungi pusat Rawatan Waqaf di Johor yang dikelolakan oleh Johor Corporation mereka turut berpeluang dirawat oleh para pakar yang bertauliah, yang berkhidmat di sana. Maknanya, mereka dapat perkhidmatan daripada pakar-pakar, daripada *specialist*. Dan jika memerlukan rawatan susulan di hospital kerajaan sudah tentulah kosnya adalah sangat tidak membebankan.

Kedua, Program Peduli Sihat Selangor ini hanya diberikan kepada warga Selangor sedangkan kita di Johor lebih terbuka dan berperikemanusiaan. Dengan menawarkan perkhidmatan kita kepada sesiapa sahaja yang memerlukan. (Dewan bertepuk).

Ketiga, klinik-klinik swasta yang menerima manfaat daripada sistem Selangor ini tidak pun mempunyai perkhidmatan yang lengkap. Misalnya perkhidmatan dan kelengkapan melakukan dialisis. Sedangkan 35% daripada 21 buah Klinik Waqaf di Johor menawarkan perkhidmatan dialisis dan ditawarkan pada harga serendah RM90.00 setiap sesi berbanding kira-kira RM250.00 di klinik swasta yang lain. Malah, Klinik Waqaf Johor yang menawarkan perkhidmatan dialisis ini bukan sahaja terdapat di Johor sebaliknya turut kita buka di Negeri Sembilan, Sarawak dan pastinya di Selangor. Sehingga Ahli Parlimen Subang Jaya dari DAP, Hanna Yeoh sendiri pernah mengiktiraf dan mempromosikan secara besar-besaran Klinik Waqaf dan Pusat Dialisis Johor di laman facebook beliau. Malah beliau turut memberikan sumbangan sehingga RM10,000.00 tetapi kita semua tahu ini permainan biasa DAP, 'lembu punya susu, sapi dapat nama'. (Dewan bertepuk).

Untuk pengetahuan Bentayan, Johor Corporation dan KPJ Healthcare secara bersama telah membelanjakan sebanyak RM60 juta sejak penubuhan Klinik Waqaf pertama pada tahun 1998. Sehingga Oktober 2016, lebih RM1.3 juta siri rawatan dan konsultasi telah diberikan kepada pesakit di seluruh Malaysia, termasuklah kepada 110,000 pesakit bukan Islam.

Pendirian kita sangat jelas, apa sahaja yang kita lakukan di Johor oleh kerajaan dan pelbagai agensi di bawahnya adalah sebagai pelengkap dan sumbangan sosial kita kepada pelbagai perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan oleh kerajaan persekutuan. Jadi, saya ingin benar-benar bertanya apakah motif dan manfaat kepada rakyat yang cuba diperjuangkan apabila disarankan untuk kita mengikut



sahaja secara membuta tuli segala apa yang dilakukan oleh Selangor? Kita berpandangan bahawa peruntukan RM125 juta tersebut adalah lebih baik diguna dan di manfaat bagi menambah baik pelbagai kemudahan kesihatan awam agar ia dapat mendatangkan manfaat umum yang lebih berkekalan dalam jangka masa yang panjang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, seterusnya adalah persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung Surat berhubung definisi dan pemahaman tentang Kuasa Ekonomi Selatan yang menjadi sasaran kita di Johor. *The Southern Power House*, dengan izin, *The Southern Economic Power House*, dengan izin, merujuk kepada aspirasi kerajaan negeri untuk menjadikan Johor kuasa ekonomi baru bukan sahaja kepada Malaysia tetapi rantau ini.

Harapan ini hanya akan tercapai jika kita melakukan perkara-perkara berikut :

1. Melakukan mobilisasi segala sumber yang ada di Johor bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang radikal.
2. Mobilisasi sumber bagi tujuan pertumbuhan ini perlu berlaku di pelbagai daerah di negeri Johor sesuai dengan kebitaraan dan potensi setempat.
3. Pertumbuhan pesat tersebut mesti boleh melonjak ekonomi Johor secara transformatif dan menjadikannya destinasi tumpuan pelaburan. Tarikan bakat terbaik. Kehidupan yang sejahtera dengan gaya hidup dekad 21 serta kepelbagaian kegiatan ekonomi.
4. Kesemua penggembleran ikhtiar strategik ini jika dilakukan secara terancang berdasarkan pendekatan inovatif dan kepimpinan berprestasi akan membolehkan Johor akhirnya menjadi negeri paling berdaya saing di Malaysia.

Hanya dengan kebolehsaingan ini Johor akan menjadi *the new economic and trade capital* dengan izin, untuk Malaysia.

Sekarang biar saya jelaskan pula kenapa aspirasi *The Southern Economic Power House* ini sangat penting untuk Johor. Yang pertama, kerana potensi sebenar ekonomi Johor belum dibongkar dengan seluas-luasnya. Jika kerajaan negeri kekal fokus dalam membangunkan potensi sebenar Johor, ia pasti akan menjadi kawasan pertumbuhan paling dinamik di Malaysia dan rantau ini.

Kedua, semua agregat pertumbuhan semenjak 5 tahun lepas telah menunjukkan bahawa Johor berada dalam kelompok teratas dalam menarik pelaburan asing dan kebolehsaingan. Ini mesti dilonjakkan lagi dengan aspirasi yang lebih besar dan padu.

Ketiga, Malaysia memerlukan kawasan pertumbuhan baru selain Kuala Lumpur. Penumpuan kepada Kuala Lumpur dan kawasan Lembah Klang telah menyebabkan kepesatan pembangunan Malaysia menjadi kurang dinamik. Telah tiba masanya, pelbagai wilayah lain dalam Malaysia dibangunkan secara agresif bagi menyumbang kepada kebolehsaingan Malaysia secara keseluruhannya.

Keempat, dinamik ekonomi Lembah Klang telah beranjak dan dipacu oleh sektor perkhidmatan terutama sekali perkhidmatan kewangan. Johor mempunyai potensi besar untuk menerajui sektor pertumbuhan lain seperti pembuatan, industri berat, pertanian, kesihatan dan ekonomi digital. Semua sektor ini semakin sukar dilaksanakan di Lembah Klang kerana kekangan tanah dan sumber strategik.

Kelima, Johor mempunyai prasarana strategik seperti 3 pelabuhan utama di Malaysia. Kelebihan prasarana ini akan dipertingkatkan lagi dengan pembinaan projek kereta api berkelajuan tinggi dan trek berkembar antara Kuala Lumpur ke Singapura. Ini menjadikan Johor sangat terhubung antara Kuala Lumpur dan Singapura. Bagi mengoptimumkan kesan limpahan prasarana ini, aspirasi menjadikan Johor *The Southern Economic Power House* adalah sangat bertepatan dan strategik.

Dan keenam, Johor bukanlah lagi *The Backyard of Singapore*, dengan izin. (Dewan bertepuk). Johor mesti dibangunkan untuk menyalngi dan setanding dengan Singapura. Johor tidak boleh lagi dengan izin, *geographically near to Singapore but economically distance*. Ini membawa saya ke isu seterusnya yang saya juga ingin ambil kesempatan untuk ulas. Kebelakangan ini wujud usaha sistematik dari negara jiran kita untuk memberikan gambaran negatif terhadap pembangunan pesat di Johor. Pelbagai artikel telah ditulis yang memberikan gambaran bahawa Johor tidak akan berjaya dalam usahanya untuk menjadi kuasa ekonomi penting Malaysia dan rantau ini.

Dan melihatkan kepada tingkah laku sesetengah Ahli-Ahli Yang Berhormat khususnya daripada pembangkang mereka kelihatan menyokong dan mengiyakan sahaja segala kecaman buruk ke atas Johor. Tidak sedikit fimbul perasaan untuk membela Johor. Nasihat saya jangan terus bersikap begitu terutamanya kepada Yang Berhormat pembangkang, takut-takut nanti kalian dilabelkan sebagai jurucakap tidak rasmi negara jiran. Sebagai bangsa Johor, kita sebenarnya mengharapkan pembangkang untuk bersama-sama mempertahankan Johor apabila dikecam secara tidak berasas oleh orang luar. Bukankah di mana bumi di pijak di situ langit dijunjung (Dewan bertepuk). Ingat Ahli-Ahli Yang Berhormat, hujan emas dinegeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri.

Saya berharap tidak ada antara kita yang menyimpan hasrat tersirat untuk melihat Johor gagal dalam usaha pembangunannya. Sebaliknya marilah kita semua menjadi nasionalis dan berbangga dengan model pembangunan kita. Dan saya sangat tidak faham mengapa projek pembangunan besar-besaran di pesisiran pantai Johor dilihat begitu negatif oleh sebahagian Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berada di seberang sana. Semua pembangunan pesat ini adalah masa depan Johor. Inilah rupa dan wajah sebenar Johor di masa hadapan. Ia bukan sekadar projek pembangunan hartanah. Ia bukan hanya membina kondominium mewah. Ia adalah usaha terancang untuk melonjak Johor menjadi metropolis global dengan gaya hidup abad yang ke-21. Johor memerlukan pelaburan berskala mega seperti ini jika ia ingin menjadi daerah ekonomi paling membangun di Malaysia. Kita bukan mahu meniru Singapura, kita langsung tidak mahu menjadikan Shenzhen sebagai model. Kita mahu menjadi lebih baik daripada semua ini. Kerana itu, konsep pembangunan yang diperkenalkan semuanya menekankan pendekatan yang berbeza. Konsep yang lestari dengan pendekatan teknologi hijau dan inovasi pintar. Saya ingin membuat dua penegasan penting.

Pertama, janganlah dibimbangkan sangat tentang andaian akan berfakunya lambakan hartanah kerana semua pemaju pembangunan hartanah ini adalah syarikat gergasi global yang mempunyai keupayaan inovatif memasarkan produk mereka.

Kedua, semua pembangunan ini membuka ruang untuk pemilikan hartanah yang lebih kompetitif harganya jika dibandingkan dengan harga hartanah di pelbagai kotaraya besar di rantau ini terutamanya di Singapura, Jakarta, Seoul, Tokyo malah Australia. Ini menjadikan pelaburan hartanah di Johor adalah pelaburan jangka masa panjang yang strategik terutama kepada pemilik asing. Semua pembangunan ini kita yakin akan menjadikan Johor destinasi kehidupan bercitra global yang utama di rantau ini. Semua pembangunan ini akan menarik pelbagai pihak melabur dan tinggal bermastautin di Johor, bekerja di Johor, bersekolah di Johor, membeli belah di Johor, malah mungkin bersara di Johor.

Maka kerana itu, bersangka baiklah, apa yang kita bangunkan ini adalah satu jalan kita membangunkan masa depan Johor. Seperkara lagi, semua projek ini akan mengambil masa yang lama. Tempoh pembangunannya adalah untuk 30 tahun akan datang. Ia terancang dengan rapi dengan mengambil kira pelbagai keperluan masa depan Johor, dan yang pasti, ia bukan hanya untuk menjadi kediaman warganegara Cina dari negara China. Ia akan menjadi kediaman pilihan untuk puluhan, ribuan rakyat Malaysia, Indonesia, India, Korea, Jepun dan Timur Tengah. Malah Singapura dan juga seluruh dunia. Kerana sangat jelas salah satu trend paling terlihat kesan daripada globalisasi ialah kemunculan kelas menengah atas yang sangat luar biasa jumlahnya di Asia Timur dan Tenggara Asia. Jadi yang bermasalah bukan semua projek tersebut. Yang bermasalah ialah bila kita melihat semua projek ini hanya dari sudut pandangan yang tidak progresif yang hanya mahu Johor, hanya menjadi sedikit lebih baik dari dahulu. Yang tidak mahu Johor ke hadapan dan menjadi metropolis berkepentingan global.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya ingin sekali mengambil kesempatan ini memberi peringatan dan nasihat baik kepada semua khususnya kepada rakan-rakan kita, Ahli-Ahli Yang Berhormat daripada DAP, Barisan Nasional telah memimpin negara ini dengan cara yang sangat sederhana. Model kita telah teruji. Semua kaum mempunyai tempat yang selayaknya dalam Malaysia yang berubah ini. Barisan Nasional telah menjadikan Malaysia ini sebuah negara kesepakatan yang berjaya. Sedangkan DAP selama ini dilihat hanya memperjuangkan kepentingan satu kaum sahaja iaitu kepentingan masyarakat Cina. Sepanjang kewujudan DAP sehinggalah hari ini, DAP tidak pernah sekali pun mengemukakan pencerahan dan cadangan bagaimana mereka akan membantu bangsa Melayu dan India untuk lebih berdaya saing. (Dewan bertepuk)

Lihat sahaja kesenjangan di Pulau Pinang. Jurang antara orang Cina dan orang Melayu dan India bukan sahaja semakin melebar malah membahayakan. Dan jumlah orang Melayu dan orang Cina di Pulau Pinang sebenarnya berada pada kedudukan 45 dan 46 peratus (Dewan bertepuk)

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkilbol) :** Peraturan-peraturan mesyuarat.

**YB Menteri Besar :** Apa pasal peraturan?

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat, duduk. Tiada pelanggaran apa-apa. Duduk, duduk. Yang Berhormat...

**YB Pasir Raja :** Duduk, duduk..

**YB Semarang :** Duduk, duduk..

**YB Tenggara :** Duduk, duduk..

**YB Tenang :** Duduk, duduk..

**YB Tan Sri Speaker :** Yang Berhormat, duduk. Tiada pelanggaran apa-apa. Duduk, duduk. Yang Berhormat...

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkilbol) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sepatutnya mendengar apa peraturan yang digunakan.

**YB Tan Sri Speaker :** Saya arahkan duduk Yang Berhormat.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkilbol) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sepatutnya bagi peluang untuk bagitahu apa peraturan yang dimaksudkan itu.

**YAB Menteri Besar :** Ini peluang saya, jadi saya boleh cakaplah apa saya nak.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Renglit) :** Skudai, Skudai, Skudai

**YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Tak you dah cakap, sebelum ini, tak payah, tak boleh lah nak sampuk.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Renglit) :** Skudai, Skudai, Skudai

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Peraturan Tetap dirujukkan, kalau tak tepat...

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Renglit) :** Skudai, Skudai, Skudai, Peraturan 45 Skudai, tak boleh sampuk.

**YB Speaker :** Tidak ada apa-apa pelanggaran Yang Berhormat Skudai duduk. Tidak ada apa-apa pelanggaran dalam penggulungan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, duduk.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Renglit) :** Skudai duduk Skudai.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Kalau dibabitkan Pulau Pinang, kerana jawapan Menteri Besar, bagaimana beliau atau Barisan Nasional, UMNO membantu orang Melayu di negeri Johor ini sepanjang masa ini.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit):** Peraturan 45, Perkara 2 ia tidak boleh disampuk melainkan jika menyalahi peraturan mesyuarat. Yang Berhormat Tan Sri Speaker kena ambil tindakan tegas.

**YB Speaker :** Duduk, duduk, duduk.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai):** ...orang Melayu jadi miskin lagi di negeri Johor...

**YB Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai):** ..bukan, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Menteri Besar pun kena ikut Peraturan Tetap.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit):** Peraturan Yang Berhormat.

**YB Speaker :** Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak melanggar apa-apa peraturan. Silakan Yang Berhormat.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Peraturan bila Yang Berhormat Tan Sri Speaker bercakap, duduk.

**YB Datuk Haji Maulzan bin Bujang (Tiram) :** Selalu dia cakap pasai Pulau Pinang. Selangor kita pun tak kacau.

**YB Speaker :** Mengkibol, duduk.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Peraturan 45 Tan Sri Speaker, Perkara 2 ia tidak boleh disampuk melainkan jika menyalahi Peraturan Mesyuarat. Apa yang salah. Apa yang salah.

**YB Dato' Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Sokong, sokong.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Apa yang salah.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Mengkibol.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, .. biar saya bacakan dan Yang Berhormat Tan Sri Speaker buat pertimbangan...

**YB Speaker :** Yang Berhormat Mengkibol, jangan nak mengeruhkan suasana dalam suasana yang tenang. Apabila Yang Amat Berhormat menggulung, dia tidak menyentuh apa-apa pun pelanggaran dari segi peraturan. Jadi saya harap Mengkibol sila duduk. Sila Yang Amat Berhormat teruskan.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, belum lagi Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Bagi peluang. Mana tahu..

**YB Speaker :** Duduk.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang)** : Duduklah. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, suruh duduk.

**YB Tan Sri Speaker** : Saya pun ada peraturan juga. Saya pun tahu peraturan.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Adakah kita baca peraturan bertalian.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : You tak baca peraturan. Sekarang Mengkibol yang tak baca peraturan ini. You tak baca peraturan. Duduk.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Adakah kita baca peraturan bertalian. Bagi, boleh benarkan saya baca dahulu.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Bila Yang Berhormat Tan Sri Speaker kata duduk, Mengkibol kena duduk. Itu peraturan.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Bagi, boleh benarkan saya baca dahulu.

**YB Speaker** : Peraturan, saya minta Yang Berhormat Mengkibol duduk.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Izinkan saya bacakan peraturan yang dimaksudkan itu.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang)** : Duduklah, Speaker, duduk apabila Speaker bercakap.

**YAB Menteri Besar** : Saya sambung ucapan saya.

**YB Tan Sri Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat sila bertenang dan duduk semua sekali. Saya harap Yang Amat Berhormat teruskan penggulungan (Dewan bertepuk).

**YAB Menteri Besar** : Seperti yang saya nyatakan, kita lihat saja kesenjangan di Pulau Pinang dan ianya semakin melebar malah merbahayakan. Ia menyumbang kepada polarisasi dan polarisasi adalah ancaman kepada keselamatan. Sehingga sekarang sudah hampir 2 penggal kerajaan Pulau Pinang, pimpinan DAP memerintah namun mereka belum pernah mengemukakan sebarang pelan untuk memajukan orang Melayu dan India di negeri tersebut. (Dewan bertepuk)

**YB Cik Wong Shu Qi (Senai)** : DAP memajukan untuk semua anak Malaysia, bukan untuk satu kaum sahaja.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Senai tak faham peraturan. Senai tak faham peraturan. Ketika Senai berucap tidak ada siapa pun sampuk, tak profesional. Dia makan cili dia rasa pedas. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, inilah bukti dia. Peraturan tidak diikuti, bila dia makan cili dia rasa pedas. Bila kena usik, tiga-tiga bangun.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Jelas MB telah melanggar Peraturan Tetap.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Ini sudah perkauman Dato' Speaker, kita minta Yang Amat Berhormat Menteri Besar, tarik balik. Sebab itu Peraturan Tetap 45 (17)(B).

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang) :** Teruskan Speaker.

**YB Speaker :** Yang Berhormat, sila duduk.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Kita tak nampak orang India dan orang Melayu dekat Pulau Pinang berhijrah ke negeri Johor.

**YAB Menteri Besar :** Oklah.. oklah.

**YB Speaker :** Yang Berhormat, sila duduk. Pada saya tidak ada pelanggaran apa-apa, Yang Amat Berhormat menggulung...

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkilob) :** Kami memohon supaya Yang Berhormat Tan Sri Speaker boleh berlaku adil kepada semua.

**YB Dato' Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Peraturan, peraturan. Skudai, Mengkilob, Senai, jangan buat macam kat Pulau Pinang. Ini bukan Pulau Pinang.

**YB Speaker :** Yang Berhormat apabila saya bercakap, sila duduk. Ini peraturan yang perlu diikuti. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ketua kerajaan Negeri Johor membuat perbandingan bagaimana pemerintahan Johor dijalankan. (Dewan bertepuk). Apa masalahnya. Tidak ada apa-apa masalah. Perbandingan. Sila Yang Berhormat, teruskan.

**YAB Menteri Besar :** Oklah. Saya tak sebut, saya tak sebut pasal Penang. Saya sebut pasal DAP sahaja (Dewan ketawa). Dan kerana itulah saya yakin, DAP tidak akan sekali-sekali dapat menarik sokongan orang Melayu dan India di negeri Johor (Dewan bertepuk). Sifat perkauman yang sangat menebal dalam agenda dan sikap politik DAP adalah sebab paling utama kenapa DAP mesti ditolak di Johor. (Dewan bertepuk). DAP dan agendanya....

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Tan Sri, Peraturan Tetap 45 (17), ini bukan tempat untuk ceramah.

**YB Speaker :** Yang Berhormat jangan kacau. Bagaimana seorang ketua kerajaan. Duduk, duduk, duduk. Yang Berhormat duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat, duduk.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Sebagai ketua UMNO Perhubungan Negeri Johor, saya nak minta dia minta bahagian UMNO Gelang Patah jangan bagi sekatan saya bagi sumbangan untuk masjid.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Skudai bercakap sebedebadanya. Saya nak tanya, Skudai hari itu bercakap tolak siapa?

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tram) :** Itu hari Pekan Nenas kata suruh tolak kerajaan, kita pun tak ada masalah.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Yang Berhormat, Ketua untuk negeri Johor, ceramah dalam Dewan macam ceramah.....

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Saya bagi sumbangan pada masjid.

**YB Speaker** : Duduk, Ahli-Ahli Yang Berhormat, duduk.

**YAB Menteri Besar** : DAP dan agendanya tidak sesuai dengan aspirasi bangsa Johor dan muafakat Johor (Dewan bertepuk). Dan pastinya..

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Tan Sri Speaker,

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Skudai, skudai jangan cari pasallah...

**YB Gan Peck Cheng (Penggaram)** : Saya sebagai Ketua Pembangkang minta Speaker jangan kritik DAP di sini.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : You banyak lagi cakap, Skudai banyak bohong dalam Dewan ini, kita tahu.....

**YB Dato' Adham bin Baba (Pasir Raja)** : Kita cakap tolak DAP tak boleh ke?

**YB Speaker** : Ini yang susah. Yang Berhormat, Yang Berhormat pun tak faham. Apabila penggulungan seorang ketua kerajaan, dia berhujah tentang perkara-perkara yang berkaitan, apa masalahnya. (Dewan bertepuk).

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Untuk dapat publisiti murah, caranya.

**YB Puan Chew Peck Choo (Yong Peng)** : Sekolah Tamil di Yong Peng, Sekolah Agama di negeri Johor, tunggakan Sekolah Agama di negeri Johor..

**YB Cik Wong Shu Qi (Senai)** : Adakah ini gulungan bajet? Atau untuk kritik DAP sahaja?

**YB Speaker** : Ok, duduk, duduk.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

**YB Speaker** : Sila bertenang, sila Yang Berhormat, teruskan.

**YB Speaker** : Ini bukan soal jawab politik, ini apabila penggulungan

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Mengkibol tak hormat Dewan termasuk Senai.

**YB Speaker** : Keputusan daripada Speaker mestilah dipatuhi oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya mengetuai dalam Dewan ini, saya mengatakan Yang Berhormat sila duduk. Yang Amat Berhormat, sila teruskan penggulungan.

**YAB Menteri Besar Johor** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, apakah mereka beranggapan dengan menarik hanya beberapa remaja Melayu yang rupawan dan jelita, maka ia terus menjadikan mereka parti yang 'multiracial' serta mampu mewakili kepentingan Melayu? Kita boleh tanya ahli-ahli Pembangkang dari PAS, mereka pernah tidur sebentar dengan DAP. Jadi saya yakin mereka boleh beri pencerahan



akan sikap sebenar DAP dalam memperjuangkan nasib orang Melayu, nasib orang India dan pastinya Agama Islam. Jadi, dalam Dewan ini saya berikrar saya akan melakukan apa yang dibuat oleh BN Sarawak berjaya lakukan, iaitu menjadikan perwakilan DAP sekadar kenangan sahaja di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebagai penutup berdasarkan apa yang berlaku sepanjang sesi perbahasan kali ini, saya boleh simpulkan bahawa Dewan Undangan Negeri Johor terdiri daripada 3 kelompok wakil rakyat. Pertama, mereka yang memikirkan hari muka, iaitu kumpulan yang sentiasa berusaha keras memastikan masa depan yang lebih baik untuk Johor. Kedua, mereka yang berani bersemuka, iaitu mereka yang secara objektif dan konstruktif akan memberikan pandangan bernas untuk menambah baik apa yang kurang. Dan apabila adanya kedua-dua kelompok ini, maka wujudlah kelompok yang ketiga, iaitu mereka yang bermuka-muka. Mereka ini fokusnya mudah, iaitu mencari segala salah dan silap kerajaan, yang rata-ratanya tidak sah, tidak tepat, dan tersasar jauh dari fakta sebenar. Lalu di himpun dan disebarkan secara meluas dan tidak bertanggungjawab segala tohmahan ini bagi mencipta persepsi negatif dan mewujudkan rasa benci rakyat kepada kerajaan. Kemudian, mereka akan hadir dan mengangkat diri sendiri sebagai wira yang mementingkan kemaslahatan rakyat. Saya ingin sampaikan kepada semua, Kerajaan Negeri di bawah pimpinan saya tidak ada masa untuk semua ini. Bagi kami, cara terbaik untuk menjawab segala kritikan dan keraguan, adalah dengan cara berusaha dan bekerja keras. Demi membangunkan Johor yang lebih baik, bukan sahaja untuk kami, malah untuk mereka yang turut prejudis dan sinis kepada kami. Sekianlah sahaja pengumuman saya sempena perbahasan kali ini. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker :** Terima kasih dan tahniah Yang Amat Berhormat. Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan 2017 Tahun 2016 dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

**Jurutulis :** Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perkhidmatan Tahun 2017 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Perkhidmatan bagi tahun itu.

**YB Speaker :** Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**Jurutulis :** Jadual.

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,079,000.00 bagi Maksud B.01 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar Johor :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.01, peruntukan sebanyak RM1,079,000.00 adalah diperlukan untuk pengurusan pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM865,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen serta elaun-elaun kepada anggota jabatan dan bakinya sebanyak RM214,000.00 ialah untuk perbelanjaan-perbelanjaan pengurusan yang lain.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM192,672,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar Johor :** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan sebanyak RM162,672,000.00 diperlukan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran pejabat-pejabat di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Kerajaan dalam melaksanakan program-program dan aktiviti-aktiviti kerajaan bagi memaju dan meningkatkan taraf hidup rakyat negeri Johor. Peruntukan yang diperlukan bagi tiap-tiap aktiviti adalah seperti berikut :

- (i) Bahagian Pengurusan – RM23,965,000.00
- (ii) Pelbagai Perkhidmatan – RM30,373,000.00
- (iii) Menteri Besar Johor – RM17,456,000.00
- (iv) Unit Perancang Ekonomi Negeri – RM5,444,000.00
- (v) Dewan Negeri Johor – RM16,257,000.00
- (vi) Bahagian Pengurusan Sumber Manusia – RM7,721,000.00
- (vii) Unit Sains, Teknologi Dan ICT Negeri Johor – RM21,717,000.00
- (viii) Audit Dalam – RM1,267,000.00
- (ix) Pusat Pelaburan Negeri Johor – RM1,362,000.00
- (x) Pemberian Kepada Agensi – RM20,000,000.00
- (xi) Kem Timbalan Setia Negeri Johor – RM7,110,000.00

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM19,194,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan, sejumlah RM19,194,000.00 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti-aktiviti seperti berikut :

- (i) Kerajaan Tempatan – RM10,199,000.00
- (ii) Perumahan – RM7,370,000.00
- (iii) Landskap – RM1,625,000.00

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM6,000,000 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan,

sejumlah RM6,000,000.00 disediakan bagi pelaksanaan aktiviti Hal Ehwal Wanita Dan Keluarga.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM18,855,000.00 dan RM11,700,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Jadi Sebahagian Daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, peruntukan berjumlah RM18,855,000.00 disediakan di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan bagi Program Rakan Muda dan kegiatan-kegiatan sukan negeri. Di bawah Maksud bekalannya B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, peruntukan sebanyak RM11,700,000.00 disediakan untuk pelaksanaan kegiatan-kegiatan kebudayaan, seni dan warisan negeri Johor.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM1,729,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, peruntukan berjumlah RM1,729,000.00 disediakan di bawah Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan bagi aktiviti-aktiviti di bawah Badan Kawal Selia Air Johor, BAKAJ.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM2,153,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan, sejumlah RM2,153,000.00 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran bagi Jabatan Pelancongan.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM19,755,000.00 juta bagi Maksud B.04 Perbendaharaan Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar Johor :** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.04 peruntukan sebanyak RM19,755,000.00 diperlukan bagi pengurusan dan pentadbiran

Perbendaharaan Negeri. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM6,343,000.00 diperuntukkan untuk perbelanjaan emolumen, RM4,479,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, RM121,000.00 untuk pemilikan aset, RM4,193,000.00 untuk perbelanjaan pemberian, dan kenaaan bayaran tetap dan baki RM4,619,000.00 untuk perbelanjaan pulang balik hasil dan hapus kira.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM18,821,000.00 bagi Maksud B.07 Jabatan Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Dan Industri Asas Tani :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.07 Jabatan Pertanian peruntukan yang disediakan bagi tahun 2017 berjumlah RM18,821,000.00 ianya adalah bagi menampung segala perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan pejabat-pejabat pertanian di seluruh negeri Johor merangkumi perbelanjaan emolumen anggota jabatan dan perbelanjaan-perbelanjaan lain di bawah aktiviti pentadbiran am.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM77,649,000.00 bagi Maksud B.08 Jabatan Pengairan Dan Saliran jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.08 Jabatan Pengairan dan Saliran peruntukan yang diperlukan adalah berjumlah RM77,649,000.00, sejumlah RM30,611,000.00 disediakan untuk perbelanjaan emolumen. RM46,006,000.00 diperlukan untuk perkhidmatan dan bekalan termasuk pengendalian dan penjagaan sungai-sungai. RM460,000.00 disediakan untuk pembelian aset jabatan dan RM572,000.00 pula disediakan untuk pemberian dan kenaaan bayaran tetap termasuk bayaran gantian cuti rehat kepada anggota-anggota jabatan yang bersara.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM10,607,000.00 bagi Maksud B.10 Veterinar jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.10 Jabatan Perkhidmatan Veterinar peruntukan sebanyak RM10,607,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan Jabatan Perkhidmatan Veterinar termasuk emolumen kakitangan dan bagi melaksanakan tugas-tugas pengurusan yang berkaitan dengan haiwan serta meningkatkan kemajuan industri ternakan di seluruh negeri.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM8,420,000.00 bagi Maksud B.12 Pejabat Kebun Bunga DiRaja Johor dan RM4,412,000.00 bagi Maksud B.13 Jabatan Perancang Bandar dan Desa jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.12 peruntukan berjumlah RM8,420,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pengurusan Pejabat Kebun Bunga DiRaja Johor. Peruntukan sebanyak RM4,412,000.00 di bawah Maksud B.13 pula adalah untuk Jabatan Perancang Bandar dan Desa bagi melaksanakan tugas-tugas pengawalan pembangunan fizikal, penyelarasan perancangan fizikal serta penyediaan rancangan-rancangan tempatan.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM16,048,000.00 bagi Maksud B.19 Jabatan Perhutanan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.19 peruntukan sebanyak RM16,048,000.00 diperlukan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Jabatan Perhutanan. Dari jumlah tersebut sebanyak RM13,097,000.00 adalah perbelanjaan emolumen manakala baki sebanyak RM2,951,000.00 adalah untuk lain-lain perbelanjaan termasuk perkhidmatan dan bekalan jabatan, aset dan kenaaan bayaran tetap.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM233,292,000.00 bagi Maksud B.21 Jabatan Agama Islam jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.21 Jabatan Agama Islam peruntukan sebanyak RM233,292,000.00 diperlukan untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan agama Islam dalam usaha meningkatkan syiar Islam termasuk perbelanjaan pengurusan di bawah pendidikan agama Islam serta bantuan kepada Sekolah-Sekolah Arab dan Sekolah Agama Rakyat dan juga KAFA, peruntukan yang diperlukan bagi tiap-tiap aktiviti adalah seperti berikut; Jabatan Agama Islam pentadbiran am sebanyak RM53,331,000.00, Pendidikan Agama Islam sebanyak RM179,961,000.00.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM25,466,000.00 bagi Maksud B.23 Jabatan Kebajikan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.23 Jabatan Kebajikan Masyarakat peruntukan yang diperlukan bagi tahun 2017 ialah berjumlah RM25,466,000.00. Dari jumlah tersebut sebanyak RM4,952,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan. RM2,499,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan. RM510,000.00 untuk pemilikan aset dan baki sebanyak RM17,505,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap yang merupakan bantuan-bantuan dan sumbangan kebajikan kepada individu dan juga masyarakat. Ini termasuklah bantuan kepada penduduk miskin, bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan kebajikan dan bantuan malapetaka seperti banjir dan bantuan air di musim kemarau.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM78,297,000.00 bagi Maksud B.24 Jabatan Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.24 Jabatan Kerja Raya peruntukan yang diperlukan bagi tahun 2017 ialah berjumlah RM78,297,000.00. Dari jumlah tersebut sebanyak RM54,247,000.00 diperlukan untuk pembayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan. RM22,557,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan. RM645,000.00 untuk pemilikan aset. RM828,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenaan bayaran tetap. Manakala baki sebanyak RM20,000.00 diperlukan bagi menampung perbelanjaan-perbelanjaan lain jabatan.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM3,904,000.00 bagi Maksud B.26 Muzium Diraja Abu Bakar Istana Besar Johor dan RM700,000,000.00 bagi Maksud B.28 sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.26 Muzium Diraja Abu Bakar Istana Besar Johor peruntukan yang diperlukan ialah berjumlah RM3,904,000.00. Dari jumlah tersebut sebanyak RM2,457,000.00 adalah perbelanjaan emolumen manakala baki sebanyak RM1,447,000.00 adalah untuk lain-lain perbelanjaan termasuk perkhidmatan dan bekalan jabatan aset dan kenaan bayaran tetap. Di bawah Maksud Bekalan B.28 pula, peruntukan sebanyak RM700,000,000.00 diperlukan untuk sumbangan kepada Kumpulan Wang Berkanun. Jumlah tersebut diperlukan sebagai caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM9,693,000.00 bagi Maksud B.29 Jabatan Kehakiman Syariah dan RM2,533,000.00 bagi Maksud B.32 Jabatan Mufti jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.29 peruntukan sebanyak RM9,693,000.00 disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran Jabatan Kehakiman Syariah bagi tahun 2017 dan daripada jumlah tersebut sebanyak RM5,811,000.00 disediakan untuk perbelanjaan emolumen, sebanyak RM3,579,000.00 untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan dan sebanyak RM265,000.00 untuk perbelanjaan pemilikan aset dan sebanyak RM38,000.00 untuk perbelanjaan pemberian dan kenaaan bayaran tetap. Di bawah Maksud Bekalan B.32 peruntukan sebanyak RM2,533,000.00 pula disediakan untuk perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran bagi Jabatan Mufti.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM4,660,000.00 bagi Maksud B.41 Pejabat Daerah Johor Baru; RM5,174,000.00 bagi Maksud B.42 Pejabat Daerah Muar; RM4,746,000.00 bagi Maksud B.43 Pejabat Daerah Batu Pahat; RM3,981,000.00 bagi Maksud B.44 Pejabat Daerah Pontian; RM4,779,000.00 bagi Maksud B.45 Pejabat Daerah Segamat; RM4,013,000.00 bagi Maksud B.46 Pejabat Daerah Kluang; RM4,687,000.00 bagi Maksud B.47 Pejabat Daerah Kota Tinggi; RM3,928,000.00 bagi Maksud B.48 Pejabat Daerah Mersing; RM3,692,000.00 bagi Maksud B.49 Pejabat Daerah Kulai; dan RM3,195,000.00 bagi Maksud B.50 Pejabat Daerah Tangkak jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.41 Pejabat Daerah Johor Bahru diperuntukkan sebanyak RM4,660,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.42 Pejabat Daerah Muar diperuntukkan sebanyak RM5,174,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.43 Pejabat Daerah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM4,746,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.44 Pejabat Daerah Pontian diperuntukkan sebanyak RM3,981,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.45 Pejabat Daerah Segamat diperuntukkan sebanyak RM4,779,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.46 Pejabat Daerah Kluang diperuntukkan sebanyak RM4,013,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.47 Pejabat Daerah Kota Tinggi diperuntukkan sebanyak RM4,687,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.48 Pejabat Daerah Mersing diperuntukkan sebanyak RM3,928,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.49 Pejabat Daerah Kulai diperuntukkan sebanyak RM3,692,000.00 dan di bawah Maksud Bekalan B.50 Pejabat Daerah Tangkak diperuntukkan sebanyak RM3,195,000.00. Kesemua peruntukan tersebut disediakan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran pejabat-pejabat daerah di seluruh negeri Johor.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM24,926,000.00 bagi Maksud B.51, Pejabat Tanah dan Galian; RM6,345,000.00 bagi Maksud B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru; RM5,097,000.00 bagi Maksud B.53, Pejabat Tanah Muar; RM6,578,000.00 bagi Maksud B.54, Pejabat Tanah Batu Pahat; RM3,339,000.00 bagi Maksud B.55, Pejabat Tanah Pontian; RM4,835,000.00 bagi Maksud B.56, Pejabat Tanah Segamat; RM4,395,000.00 bagi Maksud B.57, Pejabat Tanah Kluang; RM4,437,000.00 bagi Maksud B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi; RM3,235,000.00 bagi Maksud B.59, Pejabat Tanah Mersing; RM2,937,000.00 bagi Maksud B.60, Pejabat Tanah Kulai; RM3,142,000.00 bagi Maksud B.61, Pejabat Tanah Tangkak; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tuan Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.51, Pejabat Tanah dan Galian, diperuntukkan sebanyak RM24,926,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.52, Pejabat Tanah Johor Bahru, diperuntukkan sebanyak RM6,345,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.53, Pejabat Tanah Muar; diperuntukkan sebanyak RM5,097,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.54 Pejabat Tanah Batu Pahat, diperuntukkan sebanyak RM6,578,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.55, Pejabat Tanah Pontian, diperuntukkan sebanyak RM3,379,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.56, Pejabat Tanah Segamat; diperuntukkan sebanyak RM4,835,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.57, Pejabat Tanah Kluang; diperuntukkan sebanyak RM4,395,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi; diperuntukkan sebanyak RM4,437,000.00. Dan, di bawah Maksud Bekalan B.59, Pejabat Tanah Mersing; diperuntukkan sebanyak RM3,235,000.00. Di bawah Maksud Bekalan B.60, Pejabat Tanah Kulai; diperuntukkan sebanyak RM2,937,000.00. Dan, di bawah Maksud Bekalan B.61, Pejabat Tanah Tangkak; diperuntukkan sebanyak RM3,142,000.00. Kesemua peruntukan tersebut disediakan bagi perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran pejabat-pejabat tanah di seluruh negeri Johor.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

#### **Jurutulis : FASAL 2**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

#### **Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA.**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal yang pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

#### **Dewan Negeri bersidang semula.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu



persatunya, dan dipersetujui tanpa pindaan. Maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga, dan diluluskan sekarang.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan (2017) Tahun 2016, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

**Jurutulis** : Bahawa dengan ini, adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:- Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan (2017) Tahun 2016 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

#### **ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN NEGERI JOHOR TAHUN 2017.**

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini serta merta berpindah menjadi Jawatankuasa bagi keseluruhan Dewan Negeri, untuk menimbangankan anggaran perbelanjaan pembangunan Negeri Johor Tahun 2017 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 21 Tahun 2016, dan memperakukan sama ada peranggaran itu patut diluluskan oleh Dewan ini dengan dipinda atau tidak, atau tiada dipinda.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, peruntukan yang diperlukan untuk peranggaran pembangunan Tahun 2017 adalah berjumlah RM763,265,000.00 di bawah 4 Jawatankuasa seperti berikut:- Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor RM466,554,000.00; Jawatankuasa Agama Islam Negeri Johor RM74,806,000.00; Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Negeri Johor RM188,000,000.00; Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor RM33,935,000.00. Penjelasan lanjut bagi peruntukan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, rundingan itu dipersetujui.

#### **Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.**

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM179,000,000.00 bagi Maksud P.70, Pejabat Menteri Besar Johor dan RM136,860,000.00 bagi Maksud P.71, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Pembangunan, RM150,694,000.00 bagi Maksud P.72, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan) dipersetujui.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Di bawah Maksud Pembangunan 70, Pejabat Menteri Besar Johor, peruntukan sebanyak RM179,000,000.00 disediakan bagi tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM120,000,000.00 diperlukan bagi menjalankan kerja-kerja pembangunan termasuk pembangunan fizikal, pembangunan sosial dan pembangunan kerja-kerja kecil. Sebanyak RM8,000,000.00 pula disediakan untuk perbelanjaan pengambilan balik tanah bagi tujuan projek-projek pembangunan kemudahan awam, manakala selebihnya sebanyak RM51,000,000.00 disediakan bagi projek-projek khas daerah di seluruh negeri Johor.

Di bawah Maksud Pembangunan 71, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan), peruntukan sebanyak RM136,860,000.00 disediakan untuk tahun 2017. Sebanyak RM23,000,000.00 disediakan bagi projek pembangunan ekonomi dan inklusif berjumlah RM33,582,000.00 pula diperuntukkan bagi projek-projek pembangunan Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Selain daripada itu, RM20,133,000.00 disediakan bagi projek-projek di bawah Pertanian dan Industri Asas Tani. Untuk Pembangunan Modal Insan, Keluarga dan Masyarakat, diperuntukkan sejumlah RM9,195,000.00. Bagi pelaksanaan projek-projek berkaitan Perhutanan, Taman Negara dan Pengurusan Sumber Air, disediakan sejumlah RM18,490,000.00. Manakala RM14,160,000.00 disediakan bagi Pembangunan Sains, Teknologi dan Inovasi. RM3,300,000.00 pula disediakan bagi Program Pembangunan Belia dan Sukan.

Akhir sekali bagi penggalakan aktiviti pelancongan negeri Johor, peruntukan sejumlah RM15,000,000.00. Di bawah Maksud Pembangunan 72, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan), peruntukan sebanyak RM150,664,000.00 disediakan untuk tahun 2017. Sebanyak RM54,260,000.00 disediakan bagi kerja-kerja penyelenggaraan baik pulih dan naik taraf kuarters kerajaan dan bangunan negeri, bangunan-bangunan milik kerajaan negeri di luar negeri Johor dan bangunan-bangunan kerajaan di pusat pentadbiran kerajaan negeri, Kota Iskandar serta Masjid Kota Iskandar. Di samping itu juga, sebanyak RM34,750,000.00 disediakan bagi bayaran-bayaran yang berkaitan dengan Kota Iskandar. Sebanyak RM40,984,000.00 pula disediakan bagi pembinaan bangunan-bangunan kerajaan negeri. RM20,000,000.00 disediakan bagi kerja-kerja kecil dan akhir sekali sebanyak RM700,000.00 disediakan bagi kenderaan penguatkuasaan.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker..

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan...

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Yang Berhormat Tan Sri, Yang Berhormat Tan Sri, mohon untuk menyertai perbincangan.

**YB Pengerusi :** Yang Berhormat, ini peruntukan yang dibentangkan, yang nak diperbelanjakan pada tahun depan.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Ya betul.

**YB Pengerusi:** Yang Berhormat nak tanya apa. Butiran lain tak ada.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Nak minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, apakah yang dimaksudkan dalam Maksud Pembangunan 71.005...

**YB Pengerusi :** Yang Berhormat, sila duduk. Ini perbelanjaan yang nak dibelanjakan pada tahun depan. Jadi, ini yang dikemukakan untuk kelulusan Dewan. Apabila dah lulus, barulah wang ini boleh kita belanjakan secara sah dan halal, pada masa depan. Buat apa nak tanya sekarang, nantilah dalam perbahasan Dewan Negeri yang akan datang, Yang Berhormat boleh bangkitkanlah kalau tak puas hati tentang perbelanjaan ini.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Peraturan Mesyuarat 71 dan Peraturan Mesyuarat 112 (4), mengizinkan semasa Peringkat Jawatankuasa, mengizinkan Ahli-Ahli Dewan untuk membuat pertanyaan tambahan dan kalau di...

**YB Pengerusi :** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat nak tanya, tanya tentang perkara itu sahaja yang tidak boleh perkara yang lain. Ha sila.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Mengkibol, apa ni membuat pertanyaan dengan butiran-butiran. Ini harus dibenarkan Tan Sri Speaker. Terima kasih.

**YB Pengerusi :** Mengkibol, apa perkara yang nak dibangkitkan?

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Ok. Bawah Maksud 71.005, di dalamnya diperuntukkan RM18,490,000.00 untuk kegunaan Perhutanan Taman Negara dan Pengurusan Sumber Air. Apakah yang dimaksudkan dengan Pengurusan Sumber Air ni? Adakah ini termasuk pemulhan kawasan tadahan air yang telah mengalami kemusnahan yang besar? Jika ya, manakah kawasan-kawasan yang terlibat? Apakah sumber-sumber air yang dimaksudkan dalam...

**YB Pengerusi :** Yang Berhormat, ini bukan maksud perbahasan begitu Yang Berhormat.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** ... akan disenaraikan untuk projek yang akan ditangani pada tahun hadapan.

**YB Pengerusi :** Yalah. Tapi ini peruntukan yang khusus pada satu-satu perkara. Yang detailnya nanti akan di, kita lihatlah apa wang tu telah dibelanjakan. Sila.

**YB Cik Wong Shu Qi (Senai) :** Yang Berhormat Speaker..

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan...

**YB Cik Wong Shu Qi (Senai) :** Yang Berhormat Speaker..

**YB Pengerusi :** Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan. Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM74,806,000.00 bagi Maksud P.73, Jabatan Agama Islam dipersetujukan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Pembangunan 73, Jabatan Agama Islam, peruntukan sebanyak RM74,806,000.00 disediakan bagi tahun 2017, di mana sejumlah RM1,000,000.00 disediakan untuk Pusat Islam Iskandar Johor dan RM38,696,000.00 pula untuk permohonan sekolah-sekolah agama di seluruh negeri Johor serta Pejabat Pendidikan Islam Negeri Johor. Sebanyak RM500,000.00 pula diperuntukkan bagi pembelian kenderaan dan jentera penguat kuasa Jabatan Agama Islam Negeri Johor, di mana peruntukan sebanyak RM1,360,000.00 disediakan bagi kelengkapan maksud-maksud kerajaan, pelaksanaan, kerja-kerja yang dirancang bagi membina rumah pegawai, guru-guru agama dan kakitangan Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan juga peruntukan sejumlah RM4,010,000.00 lagi adalah untuk kelengkapan dan kemudahan di Makam Diraja dan tanah-tanah perkuburan. Peruntukan sebanyak RM29,240,000.00 pula adalah untuk membina dan memperelok masjid-masjid, bangunan-bangunan Pejabat Agama Islam Negeri Johor, bangunan-bangunan Mahkamah Syariah dan bangunan-bangunan Jabatan Mufti Negeri Johor.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan. Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM188,000,000.00 bagi Maksud P.74, Jabatan Kerja Raya dipersetujukan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi di bawah Maksud Pembangunan 74, peruntukan sebanyak RM188,000,000.00 disediakan untuk tahun 2017. Sebanyak RM79,200,000.00 diperlukan untuk kerja-kerja pembinaan, menaik taraf serta memperelok jalan dan jambatan negeri dan sebanyak RM3,000,000.00 untuk melebar jalan-jalan negeri, membina tembok tepi sungai dan rancangan mengelak banjir. Peruntukan sejumlah RM2,500,000.00 juga disediakan untuk menaik taraf sistem mekanikal dan elektrik di bangunan-bangunan kerajaan. Dan, RM4,000,000.00 diperuntukkan untuk kerja-kerja kecil yang lain. Sejumlah RM3,500,000.00 disediakan untuk kerja-kerja pembinaan menaik taraf dan ubahsuaikan bangunan-bangunan kerajaan di negeri Johor. Bagi menaik taraf bangunan-bangunan utama kerajaan serta kemudahan dan keperluan bangunan, sejumlah RM10,000,000.00 pula disediakan sebagai peruntukan. Sejumlah RM80,000,000.00 diperuntukkan untuk bangunan-bangunan negeri. Manakala, RM5,500,000.00 adalah bangunan Yayasan Warisan Johor. Akhir sekali, RM300,000.00 disediakan untuk pembelian kenderaan dan jentera. Terima kasih.

**YB Encik Tan Hong Ping (Mengkilbol) :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi.

**YB Pengerusi :** Ya, jemput.

**YB Encik Tan Hong Ping (Mengkilbol) :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, Jalan Niyor atau lebih dikenali J191, telah dilaporkan banyak berlaku kemalangan dan melibatkan kemalangan maut terutamanya bagi penunggang-penunggang motosikal. Maka...

**YB Pengerusi :** YB Mengkilbol...

**YB Encik Tan Hong Ping (Mengkilbol) :** Maka, maka saya...

**YB Pengerusi :** YB Mengkibol, kita sedang nak meluluskan peruntukan jangan lari daripada tajuk.

**YB Dr Boo Cheng Hau (Skudal) :** Ini tentang butiran jalan-jalan.

**YB Encik Tan Hong Ping (Mengkibol) :** Ini tentang butiran dan jalan-jalan negeri..

**YB Dr Boo Cheng Hau (Skudal) :** Peraturan 71, tentang butiran ini, Tan Sri Speaker.

**YB Encik Tan Hong Ping (Mengkibol) :** Ini tentang butiran, ok, sama ada persoalan tadi persoalan kata. Yang Berhormat Tan Sri kata, tak boleh tanya persoalan, sebab butiran belum ada, maka sekarang saya minta supaya jalan ini dimasukkan butiran supaya pada tahun hadapan naik taraf dan peningkatan keselamatan jalan ni...

**YB Pengerusi :** Yang Berhormat nak tanya ni, apa?

**YB Encik Tan Hong Ping (Mengkibol) :** Ok. Sekarang ni, ok, adakah jalan ini dimasukkan untuk perancangan tahun hadapan, supaya dinaikkan taraf dia, elemen-elemen keselamatan dia, terutamanya persimpangan-persimpangan di Taman Melodi, Taman Murni, Taman Suria dan Taman Suria Mas yang dilaporkan sering kali bertaku kemalangan.

**YB Pengerusi :** Ok.

**YB Encik Tan Hong Ping (Mengkibol) :** Maka, sama ada ini dimasukkan rancangan ataupun bolehkah jalan ini dimasukkan dalam cadangan untuk tahun hadapan.

Kedua, kita sedia maklum bahawa jalan FT50 walaupun dalam Persekutuan tetapi masih belum ada apa-apa rancangan untuk naik taraf. Dalam perkara ini apakah yang boleh dilakukan oleh kerajaan negeri untuk sekurang-kurangnya meningkatkan elemen keselamatan di jalan tersebut.

**YB Pengerusi :** Ok, YB Pengerusi, ada keperluan untuk menjawab, peruntukan RM188,000,000.00 ni ada kaitan dengan apa yang dikaitkan oleh Mengkibol, ada keperluan nak menjawab atau macam mana?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Ada Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di apa nama; ADUN ah...

**YB Pengerusi :** ADUN Mengkibol.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** ADUN Mengkibol, bangkitkan ADUN Mahkota di kawasan banyak yang kita buat untuk tujuan memperelokkan.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM33,935,000.00 bagi Maksud P.75, Pejabat Pengaliran dan Saliran dipersetujukan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi bagi Maksud Pembangunan 75, Jabatan Pengairan dan Saliran, peruntukan sebanyak RM33,935,000.00 disediakan untuk pelaksanaan projek-projek bagi tahun 2017. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM1,210,000.00 adalah bagi pembelian jentera, kenderaan, loji dan pintu air serta kelengkapan dan sebanyak RM200,000.00 disediakan untuk bangunan-bangunan jabatan. Sebanyak RM480,000.00 disediakan untuk projek pengukuran dan penyiasatan bagi projek-projek saliran dan pengairan. Di samping itu, sebanyak RM29,090,000.00 disediakan bagi rancangan tebatan banjir, rancangan saliran bandar, rancangan kawalan hakisan pantai dan rancangan pengurusan. Dan akhir sekali, sebanyak RM2,955,000.00 disediakan bagi pelaksanaan projek-projek saliran dan pengairan yang lain di seluruh negeri Johor.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan. Dato'.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, oleh sebab maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 21 Tahun 2016 itu telah pun selesai ditimbang, maka saya membawa Rundingan supaya ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu dimaklumkan serta merta kepada Dewan Negeri.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

**Dewan Negeri bersidang semula.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon maklumkan bahawa Jawatankuasa Dewan ini telah pun menimbang dan meluluskan tanpa pindaan maksud-maksud peranggaran yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat Bilangan 21 Tahun 2016. Dari itu, saya membawa Rundingan supaya Dewan ini bersetuju dengan ketetapan-ketetapan Jawatankuasa itu iaitu peruntukan wang berjumlah RM763,295,000.00, yang dicadangkan bagi anggaran perbelanjaan pembangunan tahun 2017 itu diluluskan oleh Dewan negeri ini. Dan dengan itu, mengambil ketetapan bahawa sejumlah wang yang tidak melebihi RM763,295,000.00 hendaklah dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam kewangan 2017, bagi menyempurnakan maksud yang dinyatakan dalam Kertas Mesyuarat yang tersebut.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

**Jurutulis :** **RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN NO. 3 TAHUN 2016.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 3) Tahun 2016, dibacakan kali yang pertama.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

**YB Speaker :** Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang pertama.

**Jurutulis :** Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2016 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon maklumkan bahawa saya akan membawa Rundingan untuk bacaan kali yang kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga. Dan, saya membawa Rundingan supaya Peraturan Tetap 112(2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang ketiga bagi perbelanjaan bekalan tahun 2016. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM2,384,000.00. Bagaimana yang dimaksudkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah 3 Jawatankuasa seperti berikut: Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan Perancangan Negeri Johor, RM1,082,000.00; Jawatankuasa Agama Islam, RM794,000.00; Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, RM508,000.00. Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi di peringkat Jawatankuasa berkenaan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

**Jurutulis :** Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2016 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

**YB Speaker :** Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**Jurutulis :** JADUAL.

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM232,000.00 bagi Maksud B.03, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor; RM147,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia; dan RM15,000.00 bagi Maksud B.03, Audit Dalam; jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM232,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kepada kakitangan kontrak yang baru dilantik. Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia diperuntukkan sebanyak RM147,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kepada kakitangan jabatan berikutan Kenaikan Gaji Tahunan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 tahun 2016 bertarikh 7 April 2016. Di bawah Maksud Bekalan B.03, Audit Dalam diperuntukkan sebanyak RM15,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kepada kakitangan jabatan berikutan Kenaikan Gaji Tahunan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM80,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan, Bahagian Kerajaan Tempatan dan RM60,000.00 bagi Maksud B.03, Jabatan Landskap jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Kerajaan Tempatan diperuntukkan sebanyak RM80,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kepada anggota-anggota jabatan. Di bawah Maksud Bekalan B.03, Jabatan Landskap diperuntukkan sebanyak RM60,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kepada kakitangan jabatan berikutan kenaikan gaji, 1 KGT, Kenaikan Gaji Tahunan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016.

**YB Pengerusi :** Sekejap, bang (Dewan berhenti seketika bagi menghormati laungan azan). Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM222,000.00 bagi Maksud B.12, Pejabat Kebun Bunga DiRaja Johor dan RM146,000.00 bagi Maksud B.13, Jabatan Perancang Bandar dan Desa jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.12, Pejabat Kebun Bunga DiRaja Johor; diperuntukkan sebanyak RM222,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kepada kakitangan Jabatan berikutan lantikan kakitangan baru dan kenaikan gaji 1 KGT iaitu Kenaikan Gaji Tahunan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016.

Di bawah Maksud Bekalan B.13, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa; diperuntukkan sebanyak RM146,000.00 bagi menampung bayaran emolumen



kakitangan Jabatan berikutan kenaikan gaji 1 KGT iaitu Kenaikan Gaji Tahunan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM521,000.00 bagi Maksud B.21, Jabatan Agama Islam; RM215,000.00 bagi maksud B.29, Jabatan Kehakiman Syariah dan RM58,000.00 bagi Maksud B.32, Jabatan Mufti jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.21, Jabatan Agama Islam diperuntukkan sebanyak RM521,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kepada kakitangan Jabatan berikutan kenaikan gaji 1 Kenaikan Gaji Tahunan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1, 2016. Dan, di bawah Maksud Bekalan B.29, Jabatan Kehakiman Syariah diperuntukkan sebanyak RM215,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kepada kakitangan Jabatan berikutan kenaikan gaji 1 Kenaikan Gaji Tahunan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016. Dan, di bawah Maksud Bekalan B.32, Jabatan Mufti hanya juga diperuntukkan sebanyak RM58,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kepada kakitangan Jabatan berikutan kenaikan gaji 1 Kenaikan Gaji Tahunan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM89,000.00 bagi Maksud B.42, Pejabat Daerah Muar; RM29,000.00 bagi Maksud B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat; RM175,000.00 bagi Maksud B.48, Pejabat Daerah Mersing dan RM110,000.00 bagi Maksud B.49, Pejabat Daerah Kulai jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.42, Pejabat Daerah Muar diperuntukkan sebanyak RM89,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kepada kakitangan Jabatan berikutan Kenaikan Gaji Tahunan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016. Di bawah Maksud Bekalan B.43, Pejabat Daerah Batu Pahat diperuntukkan sebanyak RM29,000.00 bagi menampung perbelanjaan perhubungan dan utiliti Jabatan. Di bawah Maksud Bekalan B.48, Pejabat Daerah Mersing, diperuntukkan sebanyak RM175,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kepada kakitangan Jabatan berikutan Kenaikan Gaji Tahunan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016. Di bawah Maksud Bekalan B.49, Pejabat Daerah Kulai, diperuntukkan sebanyak RM110,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kepada kakitangan Jabatan berikutan Kenaikan Gaji Tahunan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016.

**YB Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Perkara itu dipersetujukan.

Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM22,000.00 bagi Maksud B.53, Pejabat Tanah Muar; RM41,000.00 bagi Maksud B.57,

Pejabat Tanah Kluang; RM55,000.00 bagi Maksud B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi dan RM167,000.00 bagi Maksud B.61, Pejabat Tanah Tangkak jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.53, Pejabat Tanah Muar; diperuntukkan sebanyak RM22,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kepada kakitangan Jabatan berikutan kenaikan gaji tahunan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016. Di bawah Maksud Bekalan B.57, Pejabat Tanah Kluang diperuntukkan sebanyak RM41,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kepada kakitangan Jabatan berikutan kenaikan gaji tahunan. Di bawah Maksud Bekalan B.58, Pejabat Tanah Kota Tinggi; diperuntukkan sebanyak RM55,000.00 bagi menampung bayaran emolumen kakitangan Jabatan berikutan Kenaikan Gaji Tahunan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016. Di bawah Maksud Bekalan B.61, Pejabat Tanah Tangkak; diperuntukkan sebanyak RM167,000.00 bagi menampung bayaran perkhidmatan dan bekalan Jabatan.

**YB Pengerusi** : Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang Ini.

#### **Jurutulis : FASAL 2**

**YB Pengerusi** : Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

#### **Jurutulis : FASAL YANG PERTAMA.**

**YB Pengerusi** : Perkara daripada Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan. Yang tidak bersetuju, Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

#### **Dewan Negeri Bersidang Semula.**

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun dipertimbangkan dalam Jawatankuasa satu persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka, saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan No. 3 Tahun 2016 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli bersetuju jempuk angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali ketiga dan diluluskan.

**Jurutulis :** Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut :- Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (No.3) Tahun 2016.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa rundingan supaya Dewan ini ditangguhkan.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Alhamdulillah, selesai sudah Persidangan kali ini. Terima kasih diucapkan kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri dan Ketua-Ketua Jabatan. Sebelum saya tangguhkan Persidangan ini, suka saya melahirkan rasa penghargaan dan terima kasih serta mengucapkan selamat datang kepada pemimpin-pemimpin masyarakat dari daerah Kluang, dari daerah Kulai, pemimpin masyarakat kawasan Tanjung Puteri, MIC Parit Sulong dan Kelab Belia Tamil Yong Peng. (Dewan bertepuk).

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Persidangan ini saya tangguhkan sehingga ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Saya mempersilakan Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Ketua-Ketua Jabatan ke dewan jamuan untuk jamuan tengah hari.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 1.30 petang.**

**PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:**

**Jurutulis**

Cik Shubannah binti Yusuf

**Penolong Jurutulis**

Tuan Haji Mohd. Nazid bin Jasiman  
Puan Farrah Diana binti Mohammad

**Koordinator**

Puan Asiah binti Moklis

**Ketua Unit Dewan**

Puan Norliza binti Md. Aris

**Pembantu Penerbitan**

Puan Malina binti Mohd Nasir  
Puan Noraisah binti Mohd Yusof  
Encik Ariff bin Abu Bakar

**Pembantu Operasi (Bentara)**

Encik Razine bin Sulaiman  
Encik Hamdan bin Markom  
Encik Mohd Hassan bin Jamian  
Encik Norhayadi bin Hussien  
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi  
Encik Mohd Norazri bin Kasim  
Encik Mohd Sapri bin Manan

**Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)**

Puan Hajah Zalinah binti Ali  
Puan Hairun Nurulain binti Zainal Abidin  
Puan Hajah Saniah binti Kassim  
Puan Hajah Azlin bin Bahrin  
Puan Junaidah binti Paing  
Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak  
Puan Suriati binti Ab. Hajar  
Puan Hajah Haironisha binti Zainal Abidin  
Puan Noor Dalilah binti Dahalan  
Puan Rumiah binti Sumirono  
Puan Norazilawati binti Masri  
Puan Norlydialina binti Ithnin  
Puan Norhafizah binti Osman  
Puan Aida binti Idris  
Puan Hajah Rahimah binti Akbar  
Puan Aida binti Idris

**Rakaman**  
Encik Nor Risam bin Esa  
Encik Abdul Rahman bin Elias

**Juruaudio Video**  
Encik Noorazhan bin Mohd Salleh

**Juruteknik**  
Encik Md. Fitri bin Md. Jalil

DIKET DUNYAS  
PEJABAT JURUMULIS  
DEWAN NEGERI JOHOR  
27 NOVEMBER 2016